JUZU' KE-9

SURAH AL-ANFAL

سُورَةُ الأَنفَالِ

SURAH KE **8**

SURAH AL-ANFAL

Surah Rampasan Perang

(Madaniyah)

JUMLAH AYAT **75**

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Muqaddimah surah)

Sekarang kita kembali kepada Al-Qur'an Madani selepas mentafsirkan dua Suruh Makkiyah iaitu al-An'am dan al-A'raf. Surah ini didahului oleh surah-surah Madaniyah yang lain, iaitu Surah al-Baqarah, Surah Aali 'Imran, Surah an-Nisa' dan Surah al-Ma'idah di dalam tafsir Fi Zilal ini yang kami ikuti menurut tertib mushaf bukannya menurut tertib nuzul. Ini ialah kerana tertib masa nuzul surah-surah ini tidak dapat dipastikan sekarang dengan yakin kecuali sekadar mengatakan secara umum, ini Qur'an Makki dan ini pula Qur'an Madani, dan dalam aspek ini pun terdapat perselisihan-perselisihan yang kecil. Adapun tertib masa turun yang dapat dipastikan dari segi masa turun setiap ayat atau sekumpulan ayat-ayat atau setiap surah, maka ia merupakan satu perkara yang hampir-hampir tidak dapat dilakukan, dan manusia sekarang hampir-hampir tidak mendapat sesuatu yang boleh dipegang dengan yakin kecuali mengenai sekumpulan ayat-ayat tertentu sahaja yang diriwayatkan dengan riwayat-riwayat yang mutawatir atau disahkan dengan pasti oleh setengah-setengah riwayat. Walaupun segala usaha menyelidiki ayat-ayat Al-Qur'an dan surah-surahnya mengikut tertib masa nuzul itu merupakan usaha yang penting dan boleh menolong untuk memahami cara harakah Islamiyah, peringkat-peringkat perkembangannya dan langkah-langkah pergerakannya, tetapi kekurangan keyakinan terhadap tertib masa nuzul itu telah membuat perkara ini amat sukar, juga membuat natijah-natijah yang dicapaikan itu sebagai natijah-natijah lebih kurang dan hanya bersifat andaian sahaja bukannya natijah-natijah muktamad yang dipastikan dengan yakin. Mungkin pula natijah yang lebih kurang dan bersifat andaian itu melahirkan natijah-natijah lain yang serius. Oleh sebab itu saya memilih dalam tafsir Fi Zilal ini cara membentangkan Al-Qur'an mengikut tertib mushaf 'Uthmani, di samping berusaha mengumpul latar belakang sejarah bagi setiap surah secara umum dan secara mengambil pendapat yang lebih dan menggunakannya untuk menjelaskan suasana dan keadaan-keadaan yang menyelubungi nas itu secara umum dan secara mengambil pendapat yang lebih rajih sama seperti yang saya lakukan ketika memperkenalkan surah-surah yang lepas di dalam cetakan baru tafsir Fi Zilal ini dan dengan cara inilah insya Allah dan dengan pertolongan Allah saya akan lakukan dalam surah ini.[1]

Surah al-Anfal yang kami sedang memperkatakannya sekarang ini adalah diturunkan selepas Surah al-Baqarah. Ia diturunkan semasa berlakunya Peperangan Badar al-Kubra di dalam bulan Ramadhan tahun kedua Hijrah selepas sembilan belas bulan berhijrah ke Madinah mengikut pendapat yang lebih rajih, tetapi pendapat yang mengatakan bahawa surah ini diturunkan selepas Surah al-Baqarah adalah pendapat yang tidak menggambarkan hakikat yang muktamad, kerana Surah al-Baqarah tidak diturunkan sekaligus, malah setengah-setengah ayatnya diturunkan di masa-masa awal berada di Madinah, dan di sana ada pula ayat-ayat yang diturunkan di masa-masa akhir berada di Madinah, dan di antara masa-masa awal dan masa-masa akhir ini diselangi kira-kira sembilan tahun lamanya. Yang cepat dipastikan ialah Surah al-Anfal ini adalah diturunkan di antara dua masa itu, di mana Surah al-Baqarah yang diturunkan sebahagian ayat-ayatnya sebelum surah ini dan selepasnya masih tetap terbuka, iaitu sekumpulan ayat-ayatnya diturunkan di antara dua masa ini dan digabungkan dengannya mengikut perintah Rasulullah s.a.w., tetapi apa yang dapat dipegang dari pendapat mereka yang mengatakan bahawa Surah al-Anfal ini diturunkan selepas Surah al-Baqarah ialah selepas turunnya ayat-ayat awal surah itu sebagaimana telah kami sebutkan dalam muqaddimah Surah al-Baqarah.

Menurut setengah-setengah riwayat, ayat-ayat Surah al-Anfal mulai ayat 30 hingga ayat 36 adalah diturunkan di Makkah. Ayat-ayat ini ialah:

وَإِذْ يَمْكُرُ بِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِيُثْبِتُوكَ أَوْ يَقْتُلُوكَ أَوْ يُخْرِجُوكَ ۚ وَيَمْكُرُونَ وَيَمْكُرُ اللَّهُ ۖ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَاكِرِينَ ﴿٣٠﴾

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا قَالُوا قَدْ سَمِعْنَا لَوْ نَشَاءُ لَقُلْنَا مِثْلَ هَٰذَا ۙ إِنْ هَٰذَا إِلَّا أَسَاطِيرُ الْأَوَّلِينَ ﴿٣١﴾

---

[1] *Dalam buku karangan saya* "مشاهد القيامة في القرآن" *saya cuba membentangkan pemandangan-pemandangan Qiamat ini mengikut tertib nuzul surah-surab Al-Qur'an tetapi dalam tafsir Fi Zilalil-Qur'an ini saya memilih methodologi yang lain.*

وَإِذْ قَالُوا اللَّهُمَّ إِن كَانَ هَٰذَا هُوَ الْحَقَّ مِنْ عِندِكَ فَأَمْطِرْ عَلَيْنَا حِجَارَةً مِّنَ السَّمَاءِ أَوِ ائْتِنَا بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٢﴾ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُعَذِّبَهُمْ وَأَنتَ فِيهِمْ ۚ وَمَا كَانَ اللَّهُ مُعَذِّبَهُمْ وَهُمْ يَسْتَغْفِرُونَ ﴿٣٣﴾ وَمَا لَهُمْ أَلَّا يُعَذِّبَهُمُ اللَّهُ وَهُمْ يَصُدُّونَ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَمَا كَانُوا أَوْلِيَاءَهُ ۚ إِنْ أَوْلِيَاؤُهُ إِلَّا الْمُتَّقُونَ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٤﴾ وَمَا كَانَ صَلَاتُهُمْ عِندَ الْبَيْتِ إِلَّا مُكَاءً وَتَصْدِيَةً ۚ فَذُوقُوا الْعَذَابَ بِمَا كُنتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿٣٥﴾ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ لِيَصُدُّوا عَن سَبِيلِ اللَّهِ ۚ فَسَيُنفِقُونَهَا ثُمَّ تَكُونُ عَلَيْهِمْ حَسْرَةً ثُمَّ يُغْلَبُونَ ۗ وَالَّذِينَ كَفَرُوا إِلَىٰ جَهَنَّمَ يُحْشَرُونَ ﴿٣٦﴾

"Dan (kenangilah) ketika orang-orang kafir (Quraisy) merancangkan tipu daya terhadap engkau untuk membekukan pergerakan engkau atau membunuh engkau atau mengusir engkau. Mereka merancangkan berbagai-bagai tipu daya dan Allah mengatur tindakan balas yang menggagalkannya dan Allah adalah sebaik-baik Pengatur tindakan balas (30). Apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami, mereka lantas berkata: Kami telah pun mendengar ayat-ayat seperti itu, jika kami mahu, kami juga boleh bermadah seperti ini, dan sebenarnya Al-Qur'an ini tidak lain melainkan dongeng-dongeng orang-orang di zaman purbakala (31). (Kenangilah) ketika mereka (orang-orang kafir Quraisy) berkata: Ya Allah! Jika Al-Qur'an itu benar diturunkan dari sisi Engkau, maka hujanilah kami dengan batu-batu dari langit atau timpakan ke atas kami 'azab yang amat pedih (32). Dan Allah tidak sekali-kali akan menimpakan 'azab ke atas mereka sedangkan engkau berada di kalangan mereka, dan Allah tidak akan meng'azabkan mereka sedangkan mereka memohon keampunan (33). Dan apakah yang menghalangkan mereka dari di'azabkan Allah sedangkan mereka menyekat orang ramai beribadat di Masjidil-Haram. Mereka bukannya orang-orang yang menyintai masjid, kerana tiada orang-orang yang menyintai masjid kecuali orang-orang yang bertaqwa, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (34). Dan tiadalah cara solat mereka di Masjidil-Haram itu melain ialah bersiul-siul dan bertepuk-tepuk tangan. Oleh itu rasakanlah 'azab dengan sebab perbuatan-perbuatan kamu yang kafir (35). Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu membelanjakan harta mereka untuk menghalangkan orang ramai dari jalan Allah. Mereka akan terus membelanjakan harta mereka begitu kemudian mereka akan ditimpa kesesalan, kemudian mereka akan dikalahkan dan seluruh orang-orang kafir itu akan dikumpulkan di dalam Neraka."(36)

Mungkin yang menjadi sebab yang mendorong orang-orang yang membuat riwayat-riwayat yang mengata ayat-ayat tersebut diturunkan di Makkah ialah kerana ayat-ayat itu memperkatakan perkara-perkara yang telah berlaku di Makkah sebelum Hijrah, tetapi ini bukanlah sebabnya yang sebenar, kerana di sana terdapat berbagai-bagai ayat yang diturunkan di Madinah, yang memperkatakan perkara yang telah berlaku di Makkah sebelum Hijrah, malah di dalam surah ini sendiri terdapat satu ayat (iaitu ayat 26) sebelum ayat-ayat tersebut yang memperkatakan perkara yang seperti ini:

وَاذْكُرُوا إِذْ أَنتُمْ قَلِيلٌ مُّسْتَضْعَفُونَ فِي الْأَرْضِ تَخَافُونَ أَن يَتَخَطَّفَكُمُ النَّاسُ فَآوَاكُمْ وَأَيَّدَكُم بِنَصْرِهِ وَرَزَقَكُم مِّنَ الطَّيِّبَاتِ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan kenangilah (wahai para Muhajirin) ketika jumlah kamu masih sedikit dan tertindas di negeri itu (Makkah), di mana kamu berada di dalam ketakutan diserang dan diculik orang-orang Musyrikin, lalu Allah memberi tempat perlindungan kepada kamu (Madinah) dan menguatkan kedudukan kamu dengan pertolongan-Nya dan mengurniakan kamu rezeki-rezeki yang baik supaya kamu bersyukur."(26)

Begitu juga ayat 36, iaitu ayat terakhir dari ayat-ayat tadi, memperkatakan tentang perkara yang telah berlaku selepas Peperangan Badar, iaitu mengenai tindakan kaum Musyrikin yang mengorbankan harta mereka untuk mengadakan persiapan untuk melancarkan Peperangan Uhud:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ لِيَصُدُّوا عَن سَبِيلِ اللَّهِ ۚ فَسَيُنفِقُونَهَا ثُمَّ تَكُونُ عَلَيْهِمْ حَسْرَةً ثُمَّ يُغْلَبُونَ ۗ وَالَّذِينَ كَفَرُوا إِلَىٰ جَهَنَّمَ يُحْشَرُونَ ﴿٣٦﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu membelanjakan harta mereka untuk menghalangkan orang ramai dari jalan Allah. Mereka akan terus membelanjakan harta mereka begitu kemudian mereka akan di timpa kesesalan, kemudian mereka akan dikalahkan dan seluruh orang-orang kafir itu akan dikumpulkan di dalam Neraka."(36)

Riwayat-riwayat yang mengatakan bahawa ayat-ayat tadi adalah ayat-ayat Makkiyah telah menyebut satu peristiwa yang dijadikan sebab nuzul, tetapi pendapat itu telah di bantah. Di dalam riwayat-riwayat itu diceritakan bahawa Abu Talib telah berkata kepada Rasulullah s.a.w.: Apakah yang dirancangkan oleh kaum anakanda? Jawab beliau: "Mereka mahu mengenakan sihir ke atas anakanda, membunuh anakanda dan mengusir anakanda". Abu Talib bertanya: Siapakah yang memberitahu perkara ini kepada anakanda? Jawab beliau: "Tuhan anakanda". Lalu Abu Talib berkata: "Sebaik-baik Tuhan ialah Tuhan anakanda. Oleh itu pohonlah kepada-Nya supaya Dia menjaga anakanda dengan sebaik-baiknya". Jawab Rasulullah s.a.w.: "Anakanda tidak wajar memohon jagaan-Nya kerana Dia sentiasa menjaga anakanda dengan sebaik-baiknya". Lalu turun ayat:

وَإِذْ يَمْكُرُ بِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِيُثْبِتُوكَ أَوْ يَقْتُلُوكَ أَوْ يُخْرِجُوكَ ۚ وَيَمْكُرُونَ وَيَمْكُرُ ٱللَّهُ ۖ وَٱللَّهُ خَيْرُ ٱلْمَٰكِرِينَ ﴿٣٠﴾

"Dan (kenangilah) ketika orang-orang kafir (Quraisy) merancangkan tipu daya terhadap engkau untuk membekukan pergerakan engkau atau membunuh engkau atau mengusir engkau. Mereka merancangkan berbagai-bagai tipu daya dan Allah mengatur tindakan balas yang menggagalkannya dan Allah adalah sebaik-baik Pengatur tindakan balas."(30)

Ibn Kathir telah menyebut riwayat ini dan menyangkalkan dengan katanya: "Membabitkan Abu Talib dalam peristiwa ini merupakan satu perkara yang amat aneh, malah tidak dapat diterima kerana ayat ini diturunkan di Madinah, di samping itu cerita ini dan cerita pemimpin-pemimpin Quraisy bersidang untuk merancangkan tindakan-tindakan jahat iaitu tindakan membekukan pergerakan Rasulullah s.a.w., tindakan mengusir atau membunuh beliau adalah berlaku pada malam Hijrah, iaitu kira-kira tiga tahun selepas kematian Abu Talib, iaitu ketika kaum Musyrikin mendapat kesempatan bertindak kasar dan nekad terhadap beliau dengan sebab kematian bapa saudaranya Abu Talib yang selama ini melindungi dan menolong beliau serta memikul beban tanggungjawab terhadap beliau."

Ibn Ishaq telah menyebut satu hadith yang panjang tentang rancangan-rancangan jahat yang diatur oleh kaum Quraisy terhadap Rasulullah s.a.w. dengan sanadnya dari Abdullah ibn Abu Najih, daripada Mujahid, daripada Ibn Abbas, juga satu hadith dari saluran yang lain dari ibn Abbas juga dan pada akhir hadith itu Ibn Abbas berkata: "Ketika itulah Allah mengizinkan beliau keluar dari negeri Makkah, dan selepas tiba di Madinah Allah turunkan kepadanya Surah al-Anfal, di mana Allah mengingatkan beliau tentang ni'mat-ni'mat yang dikurniakan kepadanya dan ujian-ujian dari-Nya:

وَإِذْ يَمْكُرُ بِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِيُثْبِتُوكَ أَوْ يَقْتُلُوكَ أَوْ يُخْرِجُوكَ ۚ وَيَمْكُرُونَ وَيَمْكُرُ ٱللَّهُ ۖ وَٱللَّهُ خَيْرُ ٱلْمَٰكِرِينَ ﴿٣٠﴾

"Dan (kenangilah) ketika orang-orang kafir (Quraisy) merancangkan tipudaya terhadap engkau untuk membekukan pergerakan engkau atau membunuh engkau atau mengusir engkau. Mereka merancangkan berbagai-bagai tipu daya dan Allah mengatur tindakan balas yang menggagalkannya dan Allah adalah sebaik-baik Pengatur tindakan balas."(30)

Riwayat dari Ibn Abbas inilah yang sesuai dengan keterangan Al-Qur'an sebelum ayat-ayat ini dan selepasnya, di mana Allah Taala mengingatkan Nabi-Nya s.a.w. dan para Mu'minin tentang ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan kepada mereka dengan tujuan memberangsangkan mereka agar berjihad fi Sabilillah, menyahut segala seruan, pantang berundur dari medan pertempuran dan sebagainya dari persoalan-persoalan yang ditangani oleh surah ini yang akan dijelaskan nanti. Menyifatkan ayat-ayat ini sebagai ayat-ayat Madaniyah yang sama dengan surah ini semuanya adalah lebih sesuai dan wajar.

Di samping itu kerana situasi-situasi seperti ini yang terdapat di dalam riwayat-riwayat yang menyangkut sebab-sebab nuzul itulah yang mendorong kami memilih methodologi yang kami ikuti dalam membentangkan Al-Qur'anul-Karim iaitu mengikut tertib surah di dalam mashaf 'Uthman r.a. bukannya mengikut tertib nuzul yang tidak dapat dipastikan pada hari ini dengan penuh keyakinan di samping menggunakan sebabsebab nuzul dan latar belakangnya sekadar yang mungkin.

Wallahul-Musta'an.

* * * * * *

Signifikan Peperangan Badar al-Kubra

Surah ini diturun di dalam Peperangan Badar al-Kubra. Dan, Peperangan Badar dengan segala latar belakangnya dan kesan-kesannya di dalam sejarah pergerakan Islam merupakan mercu tanda yang amat besar di jalan pergerakan itu dan di jalan sejarah perkembangan da'wah ini.

Allah S.W.T. telah menamakan hari Peperangan Badar itu sebagai hari furqan (hari yang memisahkan golongan Mu'minin dari golongan kafir) ((يَوْمَ الْفُرْقَان يَوْمَ الْتَقَى الْجَمْعَان)) (hari furqan iaitu hari bertembungnya dua kelompok yang mukmin dan yang kafir) begitu juga Allah jadikan Peperangan Badar itu bukan sahaja sebagai persimpangan jalan yang memisahkan di antara dua golongan manusia di dunia ini, malah sebagai persimpangan jalan yang memisahkan di antara dua golongan manusia itu di Akhirat juga, bukan hanya sebagai persimpangan yang memisahkan dua golongan manusia itu di dalam sejarah manusia di bumi atau dalam kehidupan dunia

sahaja, malah sebagai persimpangan jalan yang memisahkan dua golongan manusia itu di Akhirat juga. Firman Allah:

هَٰذَانِ خَصْمَانِ ٱخْتَصَمُوا۟ فِى رَبِّهِمْ ۖ فَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ قُطِّعَتْ لَهُمْ ثِيَابٌ مِّن نَّارٍ يُصَبُّ مِن فَوْقِ رُءُوسِهِمُ ٱلْحَمِيمُ ﴿١٩﴾

يُصْهَرُ بِهِۦ مَا فِى بُطُونِهِمْ وَٱلْجُلُودُ ﴿٢٠﴾

وَلَهُم مَّقَٰمِعُ مِنْ حَدِيدٍ ﴿٢١﴾

كُلَّمَآ أَرَادُوٓا۟ أَن يَخْرُجُوا۟ مِنْهَا مِنْ غَمٍّ أُعِيدُوا۟ فِيهَا وَذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلْحَرِيقِ ﴿٢٢﴾

إِنَّ ٱللَّهَ يُدْخِلُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ يُحَلَّوْنَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ مِن ذَهَبٍ وَلُؤْلُؤًا ۖ وَلِبَاسُهُمْ فِيهَا حَرِيرٌ ﴿٢٣﴾

وَهُدُوٓا۟ إِلَى ٱلطَّيِّبِ مِنَ ٱلْقَوْلِ وَهُدُوٓا۟ إِلَىٰ صِرَٰطِ ٱلْحَمِيدِ ﴿٢٤﴾

"Inilah dua golongan yang bermusuh mengenai Tuhan mereka. Golongan yang kafir akan dipotongkan untuk mereka pakaian dari api Neraka. Mereka akan disiramkan di atas kepala mereka dengan air panas yang mendidih (19). Dan dengannya akan dihancurluluhkan segala isi kandungan perut mereka, juga kulit-kulit mereka (20). Dan untuk mereka disediakan cemeti-cemeti dari besi (21). Setiap kali mereka hendak keluar dari Neraka, mereka dikembalikan semula ke dalamnya (seraya dikatakan kepada mereka) rasalah 'azab Neraka yang membakar ini (22). Sesungguhnya Allah akan memasukkan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Dan di dalam Syurga mereka dihiaskan dengan gelang-gelang emas dan mutiara. Dan pakaian-pakaian mereka di dalam Syurga adalah dari sutera (23). Mereka ditunjuk kepada ucapan-ucapan yang baik, juga ditunjuk ke jalan yang terpuji."(24)

(Surah al-Haj)

Mengikut riwayat, ayat-ayat ini diturun mengenai dua golongan yang berperang di dalam Peperangan Badar, iaitu pada hari furqan (pemisah) yang bukan sahaja memisahkan di antara golongan Mu'minin dan golongan kafir di dunia atau di dalam sejarah manusia di bumi, malah ia memisahkan di antara dua golongan itu di Akhirat dan di abad-abad yang panjang.

Keterangan dari Allah Yang Maha Besar ini sudah cukup untuk menggambar dan menilaikan kepentingan hari itu. Kita akan mengetahui sebahagian dari nilai hari itu apabila kita memperkatakan Peperangan Badar kelak dengan segala latar belakang dan kesan-kesan yang lahir darinya.

Walaupun Peperangan Badar begitu besar dan agung, namun dimensi-dimensi nilainya yang haqiqi tidak ketara kecuali apabila kita mengenal tabi'atnya dan melihatnya sebagai salah satu dari rangkaian "jihad di dalam Islam" dan apabila kita memahami motif-motif jihad dan matlamat-matlamatnya. Begitu juga kita tidak dapat, memahami tabi'at "jihad di dalam Islam", motif-motifnya dan matlamatnya sebelum kita mengenal tabi'at agama Islam itu sendiri.

Al-Imam ibn Qayim telah menyaringkan siri jihad di dalam Islam di dalam kitab "زاد المعاد" dalam satu bab yang dijodolkan dengan tajuk "Bab tertib garis panduan Rasulullah mengenai langkah-langkah untuk menghadapi golongan kafir dan golongan Munafi' sejak beliau diangkat menjadi rasul hingga beliau menemui Allah 'Azzawajalla."

"Wahyu pertama yang diturunkan Allah Taala kepada beliau ialah ayat yang menyuruh beliau membaca dengan nama Tuhannya Yang Maha Pencipta. Itulah masa pertama beliau dilantik menjadi Nabi. Dalam perintah yang pertama itu beliau disuruh membaca untuk dirinya sahaja dan belum lagi diperintah menyampaikan kepada manusia. Kemudian diturunkan pula ayat:

"Wahai orang yang berselimut! Bangkitlah dan sampaikan peringatan kepada manusia."

(Surah al-Muddaththir: 1-2)

Beliau dilantik menjadi Nabi dengan firman-Nya:

ٱقْرَأْ

"Bacalah."

(Surah al-'Alaq: 1)

Selepas itu dilantik menjadi rasul dengan firmannya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمُدَّثِّرُ ﴿١﴾

"Wahai orang yang berselimut."

(Surah al-Muddaththir: 1)

Kemudian beliau diperintah menyampaikan peringatan kepada kaum keluarganya yang dekat kemudian kepada kaumnya, kemudian kepada orang-orang Arab yang berada di sekeliling kaumnya, kemudian kepada seluruh orang-orang Arab dan

akhirnya kepada seluruh manusia. Selepas diangkat menjadi Nabi, beliau terus berda'wah dan menyampaikan peringatan selama lebih dari sepuluh tahun tanpa berperang dan mengenakan cukai jizyah. Beliau diperintah supaya jangan melawan, supaya bersabar dan bersikap pemaaf kemudian beliau diizinkan Allah berhijrah ke Madinah dan kemudian diizinkan berperang. Mula-mula beliau diperintah supaya memerangi mereka yang memeranginya dan menahan diri dari memerangi mereka yang tidak memeranginya, kemudian beliau diperintah memerangi kaum Musyrikin sehingga seluruh keta'atan atau agama tertentu kepada Allah sahaja. Selepas dikeluarkan perintah berjihad, maka kedudukan golongan orang-orang kafir terbahagi kepada tiga kategori: (1) Golongan kafir yang berdamai dan mengadakan persetujuan gencatan senjata. (2) Golongan kafir harbi. (3) Golongan kafir zimmi. Beliau diperintah menghormati dan menyempurna perjanjian yang dimeteraikan dengan orang-orang kafir yang mengadakan perjanjian dengan beliau selama mereka bersikap jujur dan menghormati perjanjian itu. Jika beliau bimbang dan mengesyaki pengkhianatan dari mereka, beliau diperintah supaya memulangkan perjanjian ini kepada mereka tanpa memerangi mereka sehingga beliau mengetahui bahawa mereka telah mengkhianati perjanjian itu. Beliau telah diperintah supaya memerangi golongan kafir yang mencabul perjanjian. Dan apabila turun Surah Bara'ah, di mana diterangkan peraturan-peraturan atau hukum-hukum mengenai semua golongan kafir itu, iaitu beliau diperintah memerangi musuhnya dari kaum Ahlil-Kitab sehingga mereka sanggup membayar jizyah atau menganut agama Islam. Dalam surah ini juga beliau diperintah memerangi orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin dan bersikap keras terhadap mereka. Lalu beliau memerangi orang-orang kafir dengan menggunakan pedang dan lembing dan menentang orang-orang Munafiqin dengan menggunakan kekuatan hujah dan lidah. Di dalam surah ini juga beliau diperintah melucutkan diri dari semua perjanjian dengan orang-orang kafir dan memulangkan perjanjian-perjanjian itu kepada mereka. Di sini golongan kafir yang mengikat perjanjian dengan beliau dibahagikan kepada tiga golongan. Pertama: Golongan yang mencabul perjanjian dan tidak menghormatinya dengan jujur. Golongan ini wajib diperangi dan beliau telah memerangi dan mengalahkan mereka. Kedua: Golongan yang mengadakan perjanjian damai selama masa yang tertentu dan mereka tidak mencabulinya atau menyerang beliau. Di sini beliau diperintah menghormati perjanjian itu selama masa yang ditentukan mereka. Ketiga: Golongan kafir yang tidak memeterai apa-apa perjanjian dan tidak pernah memerangi beliau atau memeterai satu perjanjian yang tidak terbatas, maka untuk menghadapi golongan ini, beliau telah diperintah supaya memberi tempoh selama empat bulan kepada mereka dan apabila tempoh itu berakhir, beliau diperintah memerangi mereka. Rasulullah s.a.w. telah memerangi golongan kafir yang mencabul perjanjian dan memberi tempoh selama empat bulan kepada golongan kafir yang tidak mengikat perjanjian atau golongan kafir yang mengikat perjanjian yang tidak terbatas dengan beliau. Dan beliau diperintah supaya menghormati dan menyempurnakan perjanjian itu hingga sampai tempohnya, tetapi seluruh mereka telah memeluk Islam dan tidak ada yang tinggal kafir sehingga habis tempoh perjanjian itu. Rasulullah s.a.w. telah mengenakan cukai jizyah ke atas golongan kafir zimmi. Pendeknya kedudukan orang-orang kafir selepas diturunkan Surah Bara'ah (at-taubah) adalah terbahagi kepada tiga golongan, iaitu golongan yang memerangi beliau, golongan yang memeterai perjanjian dengan beliau dan golongan zimmi, kemudian golongan kafir yang mengikat perjanjian damai itu memeluk agama Islam dan sejak itu mereka menjadi dua golongan sahaja, iaitu golongan kafir harbi yang memerangi beliau dan golongan kafir zimmi, tetapi golongan kafir harbi takut kepada beliau. Jadi penghuni bumi di masa itu terbahagi kepada tiga golongan iaitu golongan Muslimin yang beriman kepadanya, golongan kafir zimmi yang ramai dan diberi keamanan, dan golongan kafir harbi yang takut kepada beliau. Sikap Rasulullah s.a.w. terhadap golongan Munafiqin ialah beliau diperintah menerima tindak-tanduk mereka yang lahir dan menyerahkan hakikat hati mereka kepada Allah di samping mendebati mereka dengan ilmu dan hujah. Beliau juga diperintah supaya jangan menghiraukan mereka, di samping bersikap kasar terhadap mereka dan berusaha mempengaruhi hati mereka dengan kata-kata yang menarik. Beliau dilarang menyembahyangkan jenazah mereka dan berdiri di atas kubur mereka. Rasulullah s.a.w. telah diberitahu sekiranya beliau memohon keampunan untuk mereka nescaya Allah tidak akan mengampunkan mereka. Inilah cara-cara layanan Rasulullah s.a.w. terhadap musuh-musuhnya dari orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin.

Ciri-ciri Dalam Tatacara Pergerakan Islam

Dari saringan yang baik tentang peringkat-peringkat jihad di dalam Islam ini dapatlah di lihat dengan jelas ciri-ciri yang kuat dan mendalam dalam tatacara pergerakan agama Islam yang wajar bagi kita berdiri lama di hadapannya untuk memikir dan merenunginya, tetapi dalam tafsir Fi Zilal ini kita tidak mempunyai ruangan kecuali sekadar membuat komentar-komentar secara umum sahaja:

• <u>Ciri pertama</u> dari tatacara pergerakan agama ini ialah ciri realisme yang serius. Ia adalah suatu pergerakan menghadapi realiti manusia dan ia menghadapinya dengan sarana-sarana yang sesuai dengan kewujudan manusia di alam realiti. Ia menghadapi jahiliyah dari segi i'tiqad dan kefahaman yang menjadi landasan peraturan-peraturan jahiliyah yang realistik dan praktikal yang disokong oleh kuasa-kuasa yang mempunyai kekuatan material. Oleh sebab itulah pergerakan Islam menghadapi seluruh realiti ini dengan sarana yang sesuai dengannya, iaitu

ia menghadapinya dengan da'wah dan penerangan yang jelas untuk membetulkan kepercayaan-kepercayaan dan kefahaman-kefahaman manusia, ia menghadapinya dengan kekuatan dan jihad untuk menghapuskan peraturan-peraturan dan kuasa-kuasa yang menjadi tapak asas kepercayaan dan kefahaman itu. Itulah peraturan-peraturan dan kuasa-kuasa yang menjadi batu penghalang di antara orang ramai dengan usaha-usaha pembetulan kepercayaan-kepercayaan dan kefahaman mereka melalui pandangan-pandangan yang jelas. Itulah peraturan-peraturan dan kuasa-kuasa yang menundukkan orang ramai dengan menggunakan paksaan dan tipu helah yang menyesatkan mereka dan membawa mereka ke arah mengabdikan diri kepada yang lain dari Tuhan mereka Yang Maha Besar. Islam merupakan suatu pergerakan yang tidak berpada dengan mengemukakan penjelasan dan pandangan sahaja di hadapan kuasa material, dan tidak pula menggunakan paksaan material untuk mempengaruhi hati manusia. Islam bertindak untuk mengeluarkan manusia dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia kepada Allah Yang Maha Esa sahaja sebagaimana akan dijelaskan nanti.

• Ciri yang kedua di dalam tatacara pergerakan agama ini ialah realisme dalam pergerakan itu. Pergerakan Islam adalah pergerakan yang berperingkat-peringkat. Setiap peringkat mempunyai sarana-sarana yang sesuai dengan kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan yang sebenar. Setiap peringkat menyerahkan (peranan baru) kepada peringkat yang mengiringinya. Ia tidak menghadapi realiti dengan teori-teori semata-mata dan tidak pula menghadapi realiti ini dengan sarana-sarana yang beku. Orang-orang yang membawa nas-nas Al-Qur'an untuk dijadikan dalil tatacara agama ini dalam persoalan jihad tanpa mengambil kira ciri realisme ini dan tanpa memahami tabi'at peringkat-peringkat yang dilalui oleh tatacara ini dan tanpa memahami hubungan berbagai-bagai nas itu dengan setiap peringkat itu, bererti mereka telah melakukan campur aduk yang serius dan menimbulkan kekeliruan yang menyesatkan terhadap tatacara agama ini, dan seterusnya membebankan nas-nas itu dengan prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah yang tidak dapat ditanggung oleh nas itu. Ini disebabkan kerana mereka mengirakan setiap nas itu seolah-olah nas yang final yang mencerminkan kaedah-kaedah yang final di dalam agama ini, lalu mereka berkata dengan semangat seorang yang berjiwa tewas dan berminda kalah kerana ditekan oleh realiti umat Muslimin yang malang, di mana Islam yang ada pada mereka ialah Islam nama sahaja....... Mereka berkata, Islam tidak melancarkan jihad melainkan kerana mempertahankan diri. Dengan perkataan-perkataan ini, mereka fikir mereka telah memberi satu sumbangan yang baik kepada Islam kerana mereka menolak jihad dari tatacara pergerakan Islam, sedangkan tujuan jihad ialah untuk menghapuskan seluruh Taghut di muka bumi ini dan membawa manusia mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, atau untuk mengeluarkan manusia dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia kepada 'Ubudiyah kepada Allah Tuhan manusia. Untuk melaksanakan tujuan ini Islam tidak memaksa mereka memeluk agama Islam, tetapi Islam berjuang untuk mewujudkan suasana bebas di antara mereka dengan agama ini setelah dihancurkan sistem-sistem politik yang memerintah atau mengenakan paksaan ke atas mereka hingga mereka sanggup membayar jizyah dan mengaku kalah serta memberi kebebasan yang penuh kepada orang ramai sama ada mereka hendak memeluk Islam atau tidak.

• Ciri yang ketiga ialah pergerakan Islam yang berterusan ini dan sarana-sarana yang berubah-ubah itu tidak mengeluarkan Islam dari dasar-dasar dan matlamat-matlamatnya yang tertentu, malah Islam sejak hari pertama lagi sama ada ia berda'wah kepada kaum keluarga yang dekat atau berda'wah kepada kaum Quraisy atau berda'wah kepada seluruh umat Arab atau berda'wah kepada seluruh umat manusia, ia tetap berda'wah dengan prinsip yang sama dan menyeru mereka kepada matlamat yang sama, iaitu menumpukan 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan keluar dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia. Tiada tawar menawar dan tiada tolak ansur dalam konteks prinsip dan matlamat ini, kemudian Islam terus berjuang untuk merealisasikan prinsip yang tunggal ini menerusi satu program yang teratur dan berperingkat-peringkat, di mana setiap peringkat mempunyai sarana-sarana yang berlainan sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini.

• Ciri yang keempat ialah wujudnya kawalan undang-undang yang mengendalikan hubungan-hubungan di antara masyarakat Islam dengan masyarakat-masyarakat yang lain mengikut peraturan-peraturan yang kami nukilkan dari saringan Ibn Qayim yang baik, yang termuat di dalam kitab "زاد المعاد". Kawalan undang-undang itu ditegakkan di atas prinsip penyerahan diri yang total kepada Allah ini merupakan prinsip sejagat yang harus dipegang oleh seluruh umat manusia atau mereka harus memilih sikap berdamai dengan Islam, iaitu tidak menghalangkan perkembangannya dengan halangan-halangan politik atau dengan kekuatan kebendaan dan memberi kebebasan yang penuh kepada orang ramai sama ada hendak memilih Islam atau tidak mengikut kemahuan mereka sendiri tanpa menentang dan memeranginya. Jika ada pihak yang menentangnya, maka Islam berhak memerangi mereka hingga tewas atau mengaku kalah.

* * * * * *

Kecelaruan Pemahaman Tentang Jihad

Penulis-penulis Islam yang berjiwa tewas dan berminda kalah yang menulis tentang "jihad di dalam Islam" dengan tujuan untuk menangkis tuduhan-tuduhan "menggunakan paksaan" dari Islam telah

mencampuradukkan di antara tatacara agama ini yang menolak penggunaan paksaan di dalam memeluk agama dan tatacaranya yang berjuang untuk menghancurkan kuasa-kuasa politik kebendaan yang menghalangkan manusia memeluk agama Allah dan memaksa manusia mengabdikan diri kepada sesama manusia dan menyekat mereka dari 'Ubudiyah kepada Allah. Ini merupakan dua tatacara yang tidak ada apa-apa hubungan di antara keduanya dan tidak ada ruang untuk dikelirukan. Oleh kerana kekalahan jiwa dan minda, dan oleh kerana campuraduk dan kekeliruan ini, mereka cuba membataskan jihad di dalam Islam di tahap peperangan yang mereka istilahkan pada hari ini sebagai "peperangan mempertahankan diri", sedangkan jihad di dalam Islam adalah satu peperangan yang lain, yang tidak ada hubungan dengan peperangan-peperangan manusia sekarang baik dari segi motifnya mahupun dari segi bentuknya. Motif jihad dalam Islam harus dicari dalam tabi'at agama Islam itu sendiri dan peranannya di bumi ini, juga dalam matlamat-matlamatnya yang tinggi yang telah ditetapkan Allah, dan sehubungan dengan ini Allah telah menyebut bahawa untuk merealisasikan matlamat-matlamat ini, Dia telah mengutuskan Rasulullah s.a.w. membawa agama ini dan menjadikan beliau sebagai Khatamun-Nabiyin dan agama Islam sebagai agama yang terakhir.

Islam dan Pengisytiharan Jihad Membebaskan Manusia

Agama Islam merupakan satu perisytiharan umum untuk membebaskan "insan" di bumi ini dari 'Ubudiyah kepada sesama makhluk dan 'Ubudiyah kepada hawa nafsu yang juga merupakan 'Ubudiyah kepada sesama makhluk. Pembebasan itu dilakukan dengan mengisytiharkan konsep Uluhiyah Allah Yang Maha Esa sahaja dan konsep Rububiyah Allah ke atas semesta alam. Perisytiharan Rububiyah Allah Yang Maha Esa sahaja ke atas semesta alam mengertikan suatu pemberontakan yang syumul terhadap kuasa Hakimiyah manusia dalam segala bentuk dan rupanya termasuk segala undang-undang dan peraturannya, ia merupakan pemberontakan yang total terhadap segala bentuk pemerintahan manusia di merata pelosok alam atau dengan ungkapan yang lain pemberontakan terhadap segala bentuk Uluhiyah manusia, kerana pemerintahan yang merujukkan urusannya kepada manusia dan menjadikan manusia sebagai sumber kuasa itulah pemerintahan yang mendewa-dewakan manusia atau mempertuhankannya. Itulah makna manusia mempertuhankan sesama manusia selain Allah. Perisytiharan ini bermakna mencabut kuasa Allah yang di rampaskan itu dan mengembalikannya semula kepada Allah serta mengusir para perampas yang memerintah manusia dengan undang-undang ciptaan mereka dan berlagak sebagai tuhan-tuhan, sedangkan orang ramai yang menjadi pengikut-pengikut mereka berlagak sebagai hamba-hamba. Perisytiharan itu bererti menumbangkan kerajaan manusia dan menegakkan kerajaan Allah di muka bumi ini atau dengan ungkapan Al-Qur'anul-Karim:

وَهُوَ ٱلَّذِى فِى ٱلسَّمَآءِ إِلَٰهٌ وَفِى ٱلْأَرْضِ إِلَٰهٌ

"Dan Dialah Tuhan yang memerintah di langit dan Tuhan yang memerintah di bumi."

(Surah az-Zukhruf : 84)

إِنِ ٱلْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ ۚ أَمَرَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ ۚ ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلْقَيِّمُ

"Tiada urusan pemerintahan melainkan hanya kepunyaan Allah. Dialah yang memerintah supaya kamu jangan menyembah kecuali Dia. Itulah agama yang lurus".

(Surah Yusuf : 40)

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ كَلِمَةٍ سَوَآءٍۭ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا ٱللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِۦ شَيْـًٔا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّن دُونِ ٱللَّهِ ۚ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُولُوا۟ ٱشْهَدُوا۟ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٦٤﴾

"Katakanlah: Wahai kaum Ahlil-Kitab, marilah kita berpegang dengan satu keputusan yang sama di antara kamu dan kamu, iaitu kita tidak menyembah melainkan Dia dan kita tidak mempersekutukan-Nya dengan sesuatu yang lain dan kita tidak mengambil satu sama lain di antara kita sebagai tuhan-tuhan selain Allah dan jika mereka enggan berbuat begitu, maka katakanlah kepada mereka: Saksikanlah bahawa kami sekalian adalah orang-orang yang menyerahkan diri kepada Allah."

(Surah Aali 'Imran: 64)

Kerajaan Allah di bumi bukanlah kerajaan yang diperintah oleh tokoh-tokoh tertentu, iaitu tokoh-tokoh ahli agama seperti yang terdapat dalam pentadbiran kuasa gereja dan tidak pula diperintah oleh tokoh-tokoh yang bercakap di atas nama Allah seperti terdapat dalam sistem pemerintahan teokrasi atau pemerintahan Ilahi yang suci!! Malah kerajaan Allah itu ialah kerajaan yang menjadikan syari'at Allah sebagai kuasa yang memerintah dan seluruh urusan pemerintahan dirujukkan kepada Allah mengikut undang-undang yang jelas yang telah ditetapkan Allah.

Usaha menegakkan kerajaan Allah dan menghapuskan segala kerajaan manusia, usaha mencabut kuasa dari tangan-tangan manusia yang telah merampaskannya dan memulangkannya semula kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, usaha menegakkan kedaulatan syari'at Allah sahaja dan menghapuskan undang-undang manusia..... semuanya itu tidak dapat direalisasikan dengan tabligh dan penerangan semata-mata kerana pihak-pihak yang berwenang yang menguasai orang ramai

dan merampas kuasa Allah di bumi tidak akan menyerah kuasa mereka dengan tabligh dan penerangan semata-mata. Jika tidak begitu, alangkah mudahnya kerja seorang rasul untuk menegakkan agama Allah di bumi. Ini adalah bertentangan dengan apa yang diketahui oleh sejarah para rasul Salawatullahi wasalamuhu 'alaihim dan sejarah agama Islam di sepanjang zaman.

Perisytiharan umum untuk membebaskan manusia di bumi dari segala kuasa yang lain dari kuasa Allah dengan mengumumkan konsep Uluhiyah dan Rububiyah Allah ke atas seluruh alam, bukannya suatu perisytiharan yang bercorak teori dan falsafah yang negatif, malah ia merupakan perisytiharan yang bercorak pergerakan dan tindakan positif di alam kenyataan, satu perisytiharan yang bertujuan merealisasikan satu program amali untuk menegakkan satu sistem pemerintahan yang memerintah manusia dengan syari'at Allah yang mengeluarkan mereka secara amali dari 'Ubudiyah kepada sesama makhluk kepada 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa sebarang sekutu. Oleh sebab itu perlu dilancarkan tindakan amali di samping usaha yang bercorak tabligh dan penerangan untuk menghadapi realiti manusia dari semua aspeknya dengan menggunakan sarana-sarana yang sesuai dengan setiap aspeknya.

Realiti manusia yang wujud semalam, hari ini dan besok adalah menentang agama Islam, kerana ia merupakan agama yang telah membuat perisytiharan untuk membebaskan manusia di bumi dari segala kuasa yang lain dari kuasa Allah..... ia menentang Islam dengan tindakan mewujudkan halangan-halangan dalam bentuk ideologi dan kefahaman, halangan-halangan dalam bentuk kebendaan, politik, sosial, ekonomi, perkauman dan kelas sosial, di samping halangan-halangan dalam bentuk kepercayaan-kepercayaan dan kefahaman-kefahaman yang batil. Halangan-halangan itu bercampuraduk dan berinteraksi di antara satu sama lain dalam bentuk yang amat canggih.

Jika tabligh dan penerangan bertugas untuk menghadapi ideologi-ideologi dan kefahaman-kefahaman, maka "pergerakan" bertugas untuk menghadapi halangan-halangan kebendaan yang lain terutama halangan kuasa politik yang ditegakkan di atas faktor-faktor ideologi dan kefahaman-kefahaman, faktor perkauman dan kelas, faktor sosioekonomi yang canggih dan rumit. Kedua-dua program ini - program penerangan dan program pergerakan - harus bertindak seiring sejalan untuk menghadapi "realiti manusia" secara keseluruhannya dengan menggunakan sarana-sarana yang sesuai dengan kehendak-kehendaknya. Kedua-duanya pasti diwujudkan untuk melancarkan gerakan membebaskan seluruh manusia di seluruh dunia itu. Inilah satu hakikat yang amat penting yang harus dijelaskan sekali lagi.

Agama ini bukannya suatu perisytiharan untuk membebaskan manusia Arab dan bukannya agama khusus untuk bangsa Arab. Sasaran agama ini ialah seluruh manusia dan bidang kegiatannya ialah seluruh negara di dunia, kerana Allah S.W.T. bukannya Tuhan untuk bangsa Arab sahaja dan bukannya Tuhan kepada mereka yang memeluk agama Islam sahaja, malah Allah adalah Tuhan bagi seluruh manusia, dan agama Islam adalah bertujuan untuk mengembalikan seluruh manusia kepada Tuhan mereka, juga untuk menyelamatkan seluruh mereka dari 'Ubudiyah kepada yang lain dari Allah. 'Ubudiyah yang paling besar mengikut pandangan Islam ialah kepatuhan manusia kepada undang-undang yang diciptakan oleh manusia. Kepatuhan ini merupakan "ibadat", sedangkan ibadat - sebagaimana telah dijelaskan Allah - adalah untuk Allah sahaja dan sesiapa yang beribadat kepada yang lain dari Allah akan terkeluar dari agama Allah walaupun dia mendakwa memeluk agama ini. Rasulullah s.a.w. telah menetapkan bahawa mengikut dan mematuhi undang-undang dan hukum itu adalah termasuk dalam istilah ibadat. Oleh kerana itulah kaum Yahudi dan Nasara dianggap sebagai kaum Musyrikin kerana mereka menyalahi konsep ibadat yang telah diperintah kepada mereka supaya mengkhususkannya kepada Allah S.W.T. sahaja.

At-Tirmizi telah mengeluarkan sebuah hadith dengan isnadnya daripada 'Adi ibn Hatim r.a. katanya: Apabila da'wah Rasulullah s.a.w. sampai kepadanya, ia pun lari ke negeri Syam. Dia telah memeluk agama Kristian dalam masa jahiliyah lagi. Kemudian saudara perempuannya bersama dengan sekumpulan kaumnya telah tertawan, lalu Rasulullah s.a.w. membebaskan saudara perempuannya dan memberi hadiah kepadanya, lalu ia pun pulang mendapatkan saudaranya ('Adi) dan menggalakkannya supaya memeluk agama Islam dan pergi bertemu Rasulullah s.a.w. Kisah kedatangannya telah menjadi bahan perbualan orang ramai. Dia masuk menemui Rasulullah s.a.w. dengan memakai salib yang diperbuat dari perak tergantung dilehernya dan Nabi s.a.w. membaca ayat:

ٱتَّخَذُوٓا۟ أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَٰنَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ ٱللَّهِ

"Mereka mengambil ulama' dan paderi-paderi mereka selaku tuhan-tuhan selain Allah."

(Surah at-Taubah: 31)

Kata 'Adi: Lantas aku pun berkata: "Tetapi mereka tidak menyembah ulama'-ulama' dan paderi-paderi itu". Jawab Nabi: "Itu betul, tetapi mereka (ulama'-ulama') telah mengharamkan apa yang dihalalkan kepada mereka (orang ramai) dan menghalalkan apa yang diharamkan kepada mereka, lalu mereka ikut dan patuh kepada mereka. Itulah ertinya mereka menyembah mereka".

Pentafsiran Rasulullah kepada firman Allah Taala itu merupakan nas qat'i bahawa perbuatan mengikut

undang-undang dan hukum ciptaan manusia itu merupakan ibadat yang mengeluarkan seorang dari agama Allah, dan itulah makna manusia mengambil sesama manusia sebagai tuhan-tuhan, malah itulah amalan yang hendak dihapuskan oleh agama ini dengan mengisytiharkan pembebasan manusia di bumi dari 'Ubudiyah kepada yang lain dari Allah.

Oleh sebab itulah Islam pasti bertindak di bumi ini untuk menghapuskan realiti yang bertentangan dengan perisytiharan itu melalui program penerangan dan program bertindak kedua-dua sekali. Ia harus menentang kuasa-kuasa politik yang memperhambakan manusia kepada yang lain dari Allah dan memerintah mereka dengan undang-undang yang bukan dari syari'at Allah, kuasa-kuasa politik yang menghalang kebebasan manusia untuk mendengar penerangan agama Allah dan memeluk agama Alah dengan bebas tanpa diganggu gugat oleh pemerintah. Seterusnya Islam harus bertindak untuk menegakkan satu sistem sosio-ekonomi dan politik yang memungkinkan gerakan pembebasannya berjalan lancar setelah dihapuskan kuasa yang mengongkong sama ada berupa kuasa politik semata-mata atau pendokong dasar perkauman atau dasar kelas-kelas dalam satu kaum.

Islam sama sekali tidak bertujuan untuk memaksa manusia memeluk agamanya, tetapi Islam bukannya "kepercayaan" semata-mata, malah Islam - sebagaimana telah kami tegaskan sebelum ini - merupakan suatu perisytiharan umum untuk membebaskan manusia dari 'Ubudiyah kepada sesama makhluk. Islam dari awal-awal berjuang untuk menghapuskan sistem-sistem dan kerajaan-kerajaan yang ditegakkan di atas landasan Hakimiyah manusia memerintah manusia dan 'Ubudiyah manusia kepada sesama manusia, kemudian selepas itu setiap individu menjadi insan-insan yang bebas untuk memilih 'aqidah yang disukai mereka setelah dihapuskan tekanan politik ke atas mereka dan setelah diberi penerangan yang mencerahkan jiwa dan akal mereka, tetapi kebebasan ini bukanlah bermakna mereka bebas bertuhankan hawa nafsu mereka atau bebas memilih untuk menjadi hamba kepada sesama manusia atau bertuhankan kepada sesama manusia. Sistem pemerintahan yang memerintah manusia di bumi ini pastilah dilandaskan di atas prinsip 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, iaitu menjunjung syari'at Allah sahaja. Kemudian sedap individu yang berada di bawah sistem pemerintahan ini pastilah menganut 'aqidah yang dianuti oleh sistem pemerintahan ini agar dengan ini agama seluruhnya tertentu bagi Allah, iaitu seluruh keta'atan, kepatuhan, ikutan dan 'Ubudiyah adalah khusus untuk Allah sahaja. Pengertian "agama" lebih syumul dari pengertian "'aqidah", kerana agama ialah tatacara atau sistem yang mengendalikan kehidupan manusia dan agama di dalam Islam ditegakkan di atas landasan 'aqidah, tetapi pengertian umum "agama" lebih syumul dari 'aqidah. Di dalam Islam berbagai-bagai kelompok manusia boleh hidup di bawah sistemnya yang umum yang ditegakkan di atas prinsip 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa walaupun setengah-setengah kelompok ini tidak menganut 'aqidah Islam.

Hakikat Jihad

Orang yang memahami tabi'at agama ini, seperti penjelasan yang telah dikemukakan tadi, sudah tentu akan memahami bahawa Islam memerlukan kepada tindakan berjihad dengan mata pedang di samping berjihad dengan penerangan lisan, dan seterusnya memahami bahawa jihad itu bukanlah peperangan untuk mempertahankan diri mengikut pengertian sempit yang difahamkan pada hari ini dari istilah "peperangan kerana mempertahankan diri". Dengan fahaman yang sempit inilah penulis-penulis Islam yang berjiwa kalah yang tertekan di hadapan realiti-realiti masa kini dan di hadapan serangan-serangan kaum orientalis yang licin yang cuba menggambarkan bentuk jihad di dalam Islam, sedangkan sebenarnya jihad di dalam Islam merupakan tindakan ofensif untuk membebaskan manusia di muka bumi ini dengan menggunakan sarana-sarana yang sesuai dengan setiap aspek realiti manusia dan melalui peringkat-peringkat tertentu dan setiap peringkat mempunyai sarana-sarananya masing-masing.

Jika tindakan berjihad di dalam Islam itu mahu dinamakan juga dengan nama "peperangan mempertahankan diri", maka perlulah kita mengubahkan pengertian "mempertahankan diri" itu sendiri, iaitu mengubahkannya kepada pengertian mempertahankan diri manusia dari segala faktor yang mengikat kebebasannya dan menghalangkan kemerdekaannya dalam bentuk ideologi-ideologi dan aliran-aliran kefahaman, juga dalam bentuk sistem-sistem politik yang ditegakkan di atas sekatan-sekatan ekonomi, kelas dan perkauman yang dominan di dunia di masa kedatangan Islam, dan setengah-setengah bentuknya masih dominan di dalam jahiliyah masa kini di zaman sekarang.

Dengan meluaskan pengertian "mempertahankan diri" ini dapatlah kita berdepan dengan hakikat motif tindakan Islam melancarkan jihad di muka bumi ini, juga berdepan dengan tabi'at Islam itu sendiri, iaitu ia merupakan satu perisytiharan umum untuk membebaskan manusia dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia dan menegakkan Uluhiyah Allah Yang Maha Esa dan kuasa Rububiyah-Nya ke atas sekalian manusia, di samping menghancurkan kerajaan hawa nafsu manusia di muka bumi dan membangunkan kerajaan syari'at Allah di alam manusia.

Percubaan mengadakan alasan-alasan mempertahankan diri di dalam jihad Islam dengan pengertian yang sempit mengikut konsep moden dalam istilah "peperangan mempertahankan diri" dan percubaan mencari sandaran-sandaran untuk membuktikan bahawa peristiwa-peristiwa berjihad di dalam Islam itu adalah semata-mata bertujuan menghalangkan pencerobohan dari kuasa negara-negara yang berjiran dengan negara Islam iaitu

Semenanjung Tanah Arab mengikut tanggapan setengah-setengah orang... percubaan ini hanya mencerminkan kekurangan matangnya kefahaman mereka terhadap tabi'at agama ini dan terhadap peranannya yang harus dimainkan di muka bumi ini, di samping mencerminkan kekalahan minda di hadapan tekanan realiti masa kini dan di hadapan serangan kaum orientalis yang licin terhadap jihad di dalam Islam.

Apa pendapat anda jika Abu Bakr, 'Umar dan 'Uthman r.a. merasa aman dari pencerobohan Rom dan Parsi ke atas Semenanjung Tanah Arab? Apakah mereka akan duduk begitu sahaja tanpa berusaha meluaskan perkembangan Islam hingga ke hujung negeri-negeri yang lain? Bagaimana mereka dapat meluaskan daerah perkembangan Islam, jika da'wah Islam itu dihalang oleh berbagai-bagai halangan kebendaan iaitu dalam bentuk berbagai-bagai sistem politik negara, berbagai-bagai sistem masyarakat yang bercorak perkauman dan kelas, berbagai-bagai sistem ekonomi yang berlandaskan perkauman dan kelas yang dilindungi oleh kekuatan kebendaan kerajaan?

Tentulah suatu kebodohan jika ada orang berfikir bahawa da'wah yang mengisytiharkan matlamat perjuangannya untuk membebaskan seluruh manusia di seluruh dunia ini boleh berjuang menghadapi halangan-halangan tadi dengan hanya menggunakan kekuatan lisan dan penerangan sahaja! Yang sebenarnya da'wah itu boleh berjuang dengan hanya menggunakan kekuatan lisan dan penerangan sahaja jika orang ramai itu telah diberi kebebasan memilih dan da'wah ini dapat dibicara dengan mereka dalam suasana bebas dari segala pengaruh. Hanya dalam suasana begini sahaja prinsip "tiada paksaan dalam agama" dapat diamalkan, tetapi jika di sana terdapat halangan-halangan dan pengaruh-pengaruh kebendaan, maka langkah pertama da'wah ini ialah bertindak menghapuskan halangan-halangan itu dengan kekuatan jihad supaya ia dapat berbicara dengan hati manusia dan akalnya dalam suasana bebas dari segala belenggu.

Jihad Suatu Keperluan Da'wah

Jihad merupakan keperluan da'wah jika matlamat perjuangannya ialah mengumumkan pembebasan manusia dengan perisytiharan yang serius dan sanggup menghadapi realiti dengan sarana-sarana yang sesuai dengannya dalam segala aspeknya, dan tidak hanya berpada dengan penerangan yang bercorak falsafah dan teori yang negatif sama ada tanah air Islam atau negara Islam - mengikut istilah yang betul - itu aman atau terancam. Apabila Islam berusaha ke arah perdamaian, maka perdamaian yang dikehendakinya bukanlah perdamaian murahan iaitu sekadar menjamin keamanan kawasan kediaman pemeluk-pemeluk Islam sahaja, malah perdamaian yang dikehendakinya ialah perdamaian yang menjamin seluruh agama di kawasan itu ialah tertentu untuk Allah, seluruh 'Ubudiyah manusia di kawasan itu adalah kepada Allah dan di sana manusia tidak mempertuhankan di antara sesama mereka. Yang diambil kira di sini ialah peringkat akhir yang dapat dicapai oleh gerakan jihad Islam bukannya dikira dengan masa-masa awal atau masa-masa tengah jihad ini. Peringkat-peringkat yang telah dilalui oleh jihad Islam berakhir dengan kedudukan seperti yang dinyatakan oleh Ibn Qayim: "Pendeknya kedudukan orang-orang kafir selepas diturunkan Surah Bara'ah adalah terbahagi kepada tiga golongan, iaitu golongan yang memerangi beliau, golongan yang memeterai perjanjian dengan beliau dan golongan zimmi, kemudian golongan kafir yang mengikat perjanjian damai itu memeluk agama Islam dan sejak itu mereka menjadi dua golongan sahaja iaitu golongan kafir harbi yang memerangi beliau dan golongan zimmi, tetapi golongan kafir harbi takut kepada beliau. Jadi penghuni bumi di masa itu terbahagi kepada tiga golongan iaitu golongan Muslimin yang beriman kepadanya, golongan kafir zimmi yang damai dan diberi keamanan dan golongan harbi yang takut kepada beliau". Inilah kedudukan-kedudukan yang logikal dengan tabi'at agama ini dan matlamat-matlamatnya, bukannya seperti yang difahamkan oleh penulis-penulis Islam yang kalah di hadapan realiti masa kini dan di hadapan serangan kaum orientalis yang licin!

Allah S.W.T. telah menahan kaum Muslimin dari berperang semasa berada di negeri Makkah dan di masa awal berhijrah ke Madinah. Allah berfirman kepada mereka:

كُفُّوٓاْ أَيۡدِيَكُمۡ وَأَقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُواْ ٱلزَّكَوٰةَ

"Tahanlah tangan kamu (dari berperang) dan dirikan solat dan tunaikan zakat."

(Surah an-Nisa': 77)

Kemudian mereka dibenarkan berperang. Allah berfirman kepada mereka:

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَٰتَلُونَ بِأَنَّهُمۡ ظُلِمُواْۚ وَإِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ نَصۡرِهِمۡ لَقَدِيرٌ ٣٩
ٱلَّذِينَ أُخۡرِجُواْ مِن دِيَٰرِهِم بِغَيۡرِ حَقٍّ إِلَّآ أَن يَقُولُواْ رَبُّنَا ٱللَّهُۗ وَلَوۡلَا دَفۡعُ ٱللَّهِ ٱلنَّاسَ بَعۡضَهُم بِبَعۡضٖ لَّهُدِّمَتۡ صَوَٰمِعُ وَبِيَعٞ وَصَلَوَٰتٞ وَمَسَٰجِدُ يُذۡكَرُ فِيهَا ٱسۡمُ ٱللَّهِ كَثِيرٗاۗ وَلَيَنصُرَنَّ ٱللَّهُ مَن يَنصُرُهُۥٓۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ٤٠

ٱلَّذِينَ إِن مَّكَّنَّٰهُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ أَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُاْ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَمَرُواْ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَنَهَوۡاْ عَنِ ٱلۡمُنكَرِۗ وَلِلَّهِ عَٰقِبَةُ ٱلۡأُمُورِ ﴿٤١﴾

"Telah diizinkan berperang kepada orang-orang Islam yang diperangi dengan sebab mereka telah dianiayai dan sesungguhnya Allah Maha Berkuasa menolong mereka (39). Iaitu orang-orang yang diusir dari kampung halaman mereka tanpa suatu kesalahan yang benar kecuali kerana mereka berkata: 'Tuhan kami ialah Allah'. Sekiranya Allah tidak menolak pencerobohan dari setengah manusia dengan penentangan dari setengah manusia yang lain, sudah tentu robohlah biara-biara (kaum paderi Nasara), gereja-gereja, sinaguk-sinaguk (rumah ibadat kaum Yahudi) dan masjid-masjid di mana banyak disebutkan nama Allah. Dan sesungguhnya Allah tetap menolong orang yang menolong agama-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Kuat dan Maha Perkasa (40). Iaitu orang-orang yang apabila Kami kurniakan mereka kedudukan yang kukuh di bumi nescaya mereka tetap mendirikan solat, menunaikan zakat, menyuruh orang melakukan perkara-perkara yang ma'ruf dan melarang melakukan perkara-perkara yang mungkar. Dan Allah jua yang menguasai akibat segala perkara."(41)

(Surah al-Haj)

Selepas itu mereka diwajibkan berperang menentang orang-orang yang memerangi mereka, tetapi mereka tidak boleh memerangi orang-orang yang tidak memerangi mereka. Allah berfirman kepada mereka:

وَقَٰتِلُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ يُقَٰتِلُونَكُمۡ وَلَا تَعۡتَدُوٓاْۚ

"Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, tetapi janganlah kamu menceroboh."

(Surah al-Baqarah: 190)

Kemudian Allah mewajibkan ke atas mereka memerangi kaum Musyrikin seluruhnya dengan firman-Nya kepada mereka:

وَقَٰتِلُواْ ٱلۡمُشۡرِكِينَ كَآفَّةٗ كَمَا يُقَٰتِلُونَكُمۡ كَآفَّةٗۚ

"Dan perangilah seluruh orang-orang Musyrikin sebagaimana mereka memerangi seluruh kamu."

(Surah at-Taubah: 36)

Dan firman-Nya lagi:

قَٰتِلُواْ ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَلَا بِٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ ٱلۡحَقِّ مِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ حَتَّىٰ يُعۡطُواْ ٱلۡجِزۡيَةَ عَن يَدٖ وَهُمۡ صَٰغِرُونَ ﴿٢٩﴾

"Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari Qiamat dan tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan Allah dan rasul-Nya dan tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu orang-orang Yahudi dan Nasara yang dikurniakan kitab Allah sehingga mereka sanggup membayar jizyah dengan patuh dan berada dalam keadaan tunduk."

(Surah at-Taubah: 29)

Pada mulanya - ujar al-Imam Ibn Qayim - peperangan itu diharamkan kemudian diizinkan kemudian disuruh memerangi mereka yang memulakan peperangan itu kemudian diperintah memerangi seluruh kaum Musyrikin.

Tuntutan Jihad Bukan Suatu Tuntutan Yang Bersifat Sementara

Wujudnya nas-nas Al-Qur'an yang serius mengenai jihad dan wujudnya nas-nas hadith yang serius yang menggalakkan jihad dan berlakunya peristiwa-peristiwa jihad di permulaan perkembangan Islam dan di sepanjang sejarahnya yang panjang merupakan bukti-bukti yang menghalangkan sebarang pendapat yang terlintas di dalam hati untuk mentafsirkan jihad dengan pentafsiran yang dikemukakan oleh penulis-penulis Islam yang kalah di hadapan tekanan realiti masa kini dan serangan kaum orientalis yang licin terhadap jihad di dalam Islam.

Apakah wajar seseorang yang mendengar firman Allah Taala dan sabda rasul-Nya s.a.w. tentang jihad dan mengikuti peristiwa-peristiwa jihad di dalam Islam kemudian ia membuat tanggapan bahawa jihad itu suatu perkara sementara (bukan perkara tetap) yang terikat dengan keadaan-keadaan tertentu yang timbul dan menghilang dan terbatas pada tahap tindakan mempertahankan diri untuk menjamin keamanan perbatasan negara?

Allah S.W.T. telah menjelaskan kepada kaum Mu'minin dalam kumpulan ayat pertama yang mengizinkan mereka berperang bahawa gejala yang tetap dan semulajadi dalam kehidupan manusia ialah wujudnya undang-undang Allah yang menolak pencerobohan yang dilakukan oleh setengah-setengah manusia dengan membangkitkan penentangan dari setengah-setengah manusia yang lain untuk menyelamatkan bumi dari kerosakan:

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَٰتَلُونَ بِأَنَّهُمۡ ظُلِمُواْۚ وَإِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ نَصۡرِهِمۡ لَقَدِيرٌ ﴿٣٩﴾

ٱلَّذِينَ أُخۡرِجُواْ مِن دِيَٰرِهِم بِغَيۡرِ حَقٍّ إِلَّآ أَن يَقُولُواْ رَبُّنَا ٱللَّهُۗ وَلَوۡلَا دَفۡعُ ٱللَّهِ ٱلنَّاسَ بَعۡضَهُم بِبَعۡضٖ لَّهُدِّمَتۡ صَوَٰمِعُ وَبِيَعٞ وَصَلَوَٰتٞ وَمَسَٰجِدُ

يُذْكَرُ فِيهَا ٱسْمُ ٱللَّهِ كَثِيرًا ۗ وَلَيَنصُرَنَّ ٱللَّهُ
مَن يَنصُرُهُۥٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَقَوِىٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾

"Telah diizinkan berperang kepada orang-orang Islam yang diperangi dengan sebab mereka telah dianiayai dan sesungguhnya Allah Maha Berkuasa menolong mereka, iaitu orang-orang yang diusir dari kampung halaman mereka tanpa suatu kesalahan yang benar kecuali kerana mereka berkata: 'Tuhan kami ialah Allah'. Sekiranya Allah tidak menolak pencerobohan dari setengah manusia dengan penentangan dari setengah manusia yang lain sudah tentu robohlah biara-biara (kaum paderi Nasara), gereja-gereja, sinaguk-sinaguk (rumah ibadat kaum Yahudi) dan masjid-masjid di mana , banyak disebutkan nama Allah."

(Surah al-Haj: 39-40)

Di sini jelaslah bahawa jihad itu adalah suatu gejala yang tetap bukannya suatu gejala sementara. Adalah suatu gejala yang tetap bahawa kebenaran tidak dapat hidup bersama kebatilan di bumi ini, dan apabila Islam tampil membuat perisytiharan untuk menegakkan Rububiyah Allah ke atas sekalian manusia dan membebaskan manusia dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia, maka ia terus ditentang oleh para perampas kuasa Allah di bumi dan mereka sama sekali tidak akan berdamai dengannya, sementara Islam pula terus bertindak menyerang mereka untuk menyelamatkan manusia dari kuasa mereka dan mengenyahkan kuasa mereka dari manusia. Keadaan pertarungan ini terus berlaku dan perjuangan pembebasan tidak akan berhenti sehingga agama seluruhnya ditumpukan kepada Allah.

Hikmat Menahan Diri Dari Berperang Semasa Fasa Da'wah Rasul Di Makkah

Menahan diri dari berperang semasa berada di Makkah hanya merupakan satu peringkat dalam suatu perjuangan yang panjang. Demikianlah juga keadaannya di awal masa berhijrah di Madinah. Sebab yang mendorong kelompok Muslimin di Madinah bangkit berjihad selepas masa pertama hijrah bukannya bertujuan semata-mata untuk menjamin keamanan Madinah, malah ia hanya merupakan matlamat pertama yang pasti dicapai, tetapi ia bukannya matlamat yang terakhir. Ia hanya merupakan matlamat yang menjamin sarana untuk bertolak di samping menjamin keamanan pangkalan bertolak, iaitu bertolak dan bertindak untuk membebaskan manusia dan menghapuskan rintangan-rintangan yang menghalang mereka dari bertindak bebas.

Perintah yang melarang orang-orang Islam dari berperang sewaktu berada di kota Makkah memanglah suatu perkara yang boleh dimengerti, kerana kebebasan berda'wah di Makkah adalah terjamin, kerana Rasulullah s.a.w. dapat mengembangkan da'wahnya dengan perlindungan pedang-pedang Bani Hasyim. Dengan perlindungan ini beliau dapat berbicara secara langsung dengan telinga, akal dan hati penduduk Makkah dan dapat menghadapi individu-individu, kerana di sana tidak ada kuasa politik yang teratur yang dapat menghalangkan beliau dari berda'wah atau menghalangkan individu-individu dari mendengar da'wahnya. Oleh sebab itu di peringkat ini tidak perlu digunakan kekuatan di samping sebab-sebab yang lain yang mungkin wujud di peringkat ini. Kami telah pun menyaringkan sebab-sebab itu ketika mentafsirkan ayat:

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ قِيلَ لَهُمْ كُفُّوٓا۟ أَيْدِيَكُمْ وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ
وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ

"Apakah tidak engkau melihat orang-orang yang diperintahkan kepada mereka: Tahanlah tangan kamu dari berperang, dirikan solat dan tunaikan zakat."

(Surah an-Nisa': 77)

Kami melihat tiada apa halangan untuk menukilkan saringan itu di sini sekali lagi:

"Mungkin hikmatnya kerana masa 'da'wah di Makkah' merupakan masa pendidikan dan penyediaan dalam satu persekitaran tertentu untuk satu kaum tertentu, di tengah suasana tertentu. Dan di antara matlamat pendidikan dan penyediaan di dalam persekitaran yang seperti ini ialah mendidik jiwa individu Arab (yang memeluk Islam) supaya sabar dan tabah menghadapi kezaliman dan penindasan - yang biasanya tidak dapat ditanggung olehnya - apabila kezaliman itu menimpa dirinya atau orang yang dilindunginya agar ia dapat belajar menepi dan melupakan diri supaya dirinya dan orang yang dilindunginya itu tidak lagi menjadi fokus kehidupan dalam pandangannya atau menjadi daya penggerak dalam kehidupannya. Ia juga dididik supaya mengawal saraf dan ledakan perasaannya agar tidak bertindak terburu-buru atau cepat melenting bila sahaja dicabar dan agar tidak terus marah dan memberang bila sahaja diacah. Tujuan didikan ini ialah untuk membentuk sifat kesederhanaan dalam tingkahlaku dan tindak-tanduknya. Seterusnya ia dididik supaya mengikut satu masyarakat yang teratur dan berdisiplin yang mempunyai pucuk pimpinan selaku tempat ia merujukkan segala urusan hidupnya dan tidak bertindak melainkan mengikut sebagaimana yang diperintah oleh pucuk pimpinan walaupun bertentangan dengan adat kebiasaannya. Inilah batu asas menyediakan syakhsiah orang-orang Arab (selaku angkatan pertama Muslimin) untuk mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang tunduk kepada satu pimpinan yang berdisiplin, berdaya maju dan bertamadun bukannya masyarakat liar atau berjiwa kesukuan.

"Mungkin hikmatnya kerana da'wah secara damai itu lebih berkesan dan berpengaruh dalam sebuah masyarakat seperti masyarakat Quraisy yang sangat

mementingkan kemegahan dan kehormatan diri. Sebarang tindakan yang boleh mencetuskan peperangan dengan masyarakat ini dalam masa yang seperti ini boleh menyebabkan mereka bertambah degil dan boleh menimbulkan kejadian-kejadian membalas dendam berdarah yang baru seperti kejadian-kejadian balas dendam Arab yang terkenal mencetuskan Peperangan Dahis dan al-Ghabra' dan Peperangan al-Basus yang mengambil masa bertahun-tahun lamanya, di mana seluruh suku-suku Arab telah berjuang mati-matian, dan kejadian-kejadian balas dendam yang baru ini akan terikat dalam fikiran dan ingatan mereka dengan Islam dan ini akan membuat gerakan balas dendam itu tidak akan padam buat selama-lamanya dan perjuangan Islam akan berubah dari perjuangan da'wah kepada perjuangan balas dendam dan permusuhan yang boleh melupakan arah tujuannya yang asasi, sedangkan Islam masih berada di peringkat pertama perjuangan, dan akibatnya arah tujuan asasinya itu tidak akan diingati lagi buat selama-lamanya.

"Mungkin hikmatnya untuk mengelak dari berlakunya pertempuran dan pembunuhan di setiap rumah, kerana di waktu itu tidak ada pihak berkuasa yang tersusun, yang bertindak menyeksa dan menindas orang-orang yang beriman, malah tindakan-tindakan itu diserahkan kepada para wali atau penguasa-penguasa individu itu masing-masing. Merekalah yang menyeksa, menindas dan menghukumkan individu-individu yang beriman yang ada di bawah jagaan dan kuasa mereka. Oleh itu jika keizinan berperang diberikan kepada mereka dalam masyarakat yang seperti ini, maka peperangan dan pembunuhan akan berlaku di setiap buah rumah, kemudian tentulah orang akan menuduh: Inilah angkara Islam. Malah tuduhan yang seperti ini telah pun dilemparkan kepada Islam walaupun Islam melarang penganut-penganutnya dari berperang. Kaum Quraisy telah melancarkan kempen dan propaganda di musim haji di dalam kalangan orang-orang Arab yang datang untuk mengunjungi Ka'bah dan berniaga bahawa Muhammad telah memecahbelahkan di antara bapa dan anak selain dari memecahbelahkan kaum keluarganya. Oleh itu apa akan berlaku andainya beliau menyuruh anak memerangi bapa dan maula memerangi walinya di tiap-tiap rumah dan tempat?

"Mungkin hikmatnya kerana Allah mengetahui bahawa sebilangan besar dari penentang-penentang Islam yang degil yang bertindak menindas, mengganggu dan menyeksa angkatan pertama Muslimin itulah juga yang akan menjadi pejuang-pejuang Islam yang setia, malah menjadi para pemimpinnya. Tidakkah Umar ibn al-Khattab termasuk di dalam golongan mereka?

"Mungkin hikmatnya kerana rasa kehormatan orang-orang Arab dalam masyarakat sukuan biasanya akan bangkit membela orang-orang yang teraniaya dan tertindas dan mereka tidak akan berpatah balik lagi terutama jika penindasan dilakukan ke atas orang-orang yang baik dari kalangan mereka. Berbagai-bagai peristiwa telah berlaku yang membuktikan kesahihan pendapat ini dalam masyarakat yang seperti ini, misalnya Ibn ad-Dughnah tidak rela Abu Bakr r.a. - seorang tokoh yang mulia di sisi mereka - keluar berhijrah meninggal negeri Makkah dan menganggapkan perkara ini sebagai suatu tamparan yang memalukan orang-orang Arab, lalu dia menawarkan perlindungan kepada Abu Bakr. Peristiwa terakhir dari peristiwa-peristiwa yang seperti ini ialah pembatalan surat perjanjian mengepung Bani Hasyim di Syi'b Abu Talib setelah sekian lama keluarga Bani Hasyim menderita kelaparan dan kesengsaraan. Sementara dalam masyarakat lain dari masyarakat-masyarakat tamadun lama yang biasa menerima penghinaan, di sana sikap berdiam diri menerima penghinaan itu kadang-kadang merupakan sebab yang menimbulkan ejekan dan penghinaan dari masyarakat itu dan memandang tinggi kepada penindas-penindas yang zalim itu.

"Mungkin hikmatnya kerana bilangan kaum Muslimin di waktu itu masih kecil dan mereka hanya berada di sekitar negeri Makkah sahaja, sedangkan da'wah Islam belum lagi sampai ke kawasan-kawasan Semenanjung Tanah Arab yang lain, atau berita da'wah itu memang telah sampai di sana sini, tetapi di waktu itu suku-suku Arab masih mengambil sikap berkecuali di dalam konflik dalaman yang berlaku di antara suku Quraisy dengan anak-anak buahnya sehingga suku-suku Arab itu dapat melihat bagaimana kesudahan kedudukan konflik itu. Dalam keadaan yang seperti ini, peperangan yang terbatas itu (jika berlaku) mungkin berakhir dengan terbunuhnya kumpulan Muslimin yang kecil itu, dan akibatnya kepercayaan syirik akan terus kekal bertapak dan kelompok Muslimin akan terhapus dan Islam tidak akan mempunyai sistemnya di bumi ini dan tidak akan mempunyai kewujudannya di alam kenyataan, sedangkan Islam satu agama yang diturunkan Allah untuk menjadi sistem hidup manusia yang realistik dan praktikal.

"Dalam waktu yang sama........ hingga akhir",

Adapun di Madinah, iaitu di masa permulaan hijrah, Rasulullah s.a.w. telah mengadakan perjanjian dengan orang-orang Yahudi yang menjadi penduduk Madinah dan dengan saki-baki kaum Musyrikin Arab yang berada di Madinah dan di kawasan-kawasan sekitarnya, dan perjanjian ini juga mempunyai sebab yang diperlukan oleh tabi'at peringkat perjuangan Islam di masa itu iaitu: Pertama, kerana di Madinah terdapat ruang yang bebas untuk melancarkan aktiviti tabligh dan penerangan tanpa diganggu-gugat oleh pihak yang memegang kuasa politik di sana dan tiada pihak yang mahu menghalangkan orang ramai di sana dari mendengar da'wah, kerana semua pihak mengi'tirafkan kerajaan baru di bawah kepimpinan Rasulullah s.a.w yang mentadbirkan urusan-urusan politik negeri itu. Perjanjian ini dengan tegas menjelaskan tiada siapa yang berkuasa mengadakan sesuatu perdamaian atau mengisytiharkan sesuatu

peperangan atau mengadakan mana-mana hubungan luar melainkan dengan keizinan Rasulullah s.a.w. Oleh itu jelas bahawa kuasa haqiqi di Madinah adalah terletak di tangan kepimpinan Islam. Oleh sebab itu ruang berda'wah terbuka luas dan orang ramai diberi kebebasan memilih agama.

Kedua, Rasulullah s.a.w. di peringkat ini mahu menumpukan sepenuh masanya untuk menghadapi kaum Quraisy, kerana tentangan merekalah yang menjadi batu penghalang yang menyekat penyertaan suku-suku Arab yang lain. Mereka terpaksa mengambil sikap menunggu kesudahan yang akan berlaku dalam konflik di antara suku Quraisy dengan anak-anak buahnya. Oleh sebab itu, Rasulullah s.a.w. melakukan tindakan segera menghantarkan pasukan-pasukan penyerang dan peronda. Pasukan pertama yang dihantar ialah pasukan yang dikepalai oleh Hamzah ibn Abdul Muttalib. Ia dihantar dalam bulan Ramadhan iaitu di awal bulan yang ketujuh Hijrah.

Kemudian pasukan-pasukan penyerang dan peronda itu berturut-turut dihantar iaitu di awal bulan yang kesembilan Hijrah, di awal bulan yang ketiga belas dan di awal bulan yang keenam belas Hijrah. Kemudian dihantar pasukan yang diketuai oleh Abdullah ibn Jahsy dalam bulan Rajjab di awal bulan yang ketujuh belas Hijrah, dan inilah awal-awal peperangan di mana berlaku pertumpahan darah di dalam bulan haram, dan kerana peperangan itu diturunkan ayat-ayat berikut dalam Surah al-Baqarah.

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلشَّهْرِ ٱلْحَرَامِ قِتَالٍ فِيهِ ۖ قُلْ قِتَالٌ فِيهِ كَبِيرٌ ۖ وَصَدٌّ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ وَكُفْرٌۢ بِهِۦ وَٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ وَإِخْرَاجُ أَهْلِهِۦ مِنْهُ أَكْبَرُ عِندَ ٱللَّهِ ۚ وَٱلْفِتْنَةُ أَكْبَرُ مِنَ ٱلْقَتْلِ ۗ وَلَا يَزَالُونَ يُقَٰتِلُونَكُمْ حَتَّىٰ يَرُدُّوكُمْ عَن دِينِكُمْ إِنِ ٱسْتَطَٰعُوا۟ ۚ

"Mereka bertanya kepadamu tentang hukum berperang di dalam bulan haram. Jawablah: 'Berperang dalam bulan itu suatu dosa yang besar, tetapi perbuatan menghalang manusia dari agama Allah, perbuatan kufur terhadap Allah, perbuatan menghalang manusia masuk ke dalam al-Masjidil-Haram dan perbuatan mengusirkan penduduknya dari al-Masjidil-Haram adalah lebih besar dosanya di sisi Allah, dan perbuatan menindas (orang-orang yang beriman) lebih besar (dosanya) dari perbuatan membunuh. Mereka akan terus memerangi kamu sehingga mereka dapat mengembalikan kamu dari agama kamu (kepada kekafiran) jika mereka berupaya..."

(Surah al-Baqarah: 217)

Kemudian berlaku pula Peperangan Badar al-Kubra di dalam bulan Ramadhan dalam tahun yang sama ini juga. Dan di dalam peperangan inilah turunnya Surah al-Anfal yang sedang kita bicarakannya sekarang ini.

Melihat situasi jihad Islam dari celah-celah latar belakang yang wujud di dalam realiti itu, kita dapati ia tidak membeli ruang kepada kita untuk mengatakan bahawa dasar "mempertahankan diri" dengan erti katanya yang sempit itu merupakan dasar pergerakan Islam sebagaimana yang dikatakan oleh penulis-penulis Islam yang kalah kepada realiti masa kini dan kepada serangan kaum orientalis yang licin.

Orang-orang yang terdorong mencari alasan mempertahankan diri semata-mata dalam perjuangan mengembang Islam itu adalah terpengaruh kepada kritikan dan serangan kaum orientalis dalam masa orang-orang Islam tidak mempunyai kekuatan dan tidak mengamalkan Islam yang sebenar, kecuali segolongan mereka yang dipeliharakan Allah yang terus berjuang dengan gigih untuk merealisasikan perisytiharan Islam yang mahu membebaskan manusia di muka bumi ini dari segala kuasa kecuali kuasa Allah supaya agama seluruhnya tertumpu kepada Allah. Oleh sebab itu golongan inilah yang mencari justifikasi moral bagi jihad di dalam Islam.

Justifikasi-justifikasi Jihad

Perkembangan Islam tidak memerlukan kepada justifikasi-justifikasi moral bagi jihad lebih dari justifikasi-justifikasi yang telah dinyatakan di dalam ayat-ayat yang berikut (Surah an-Nisa' 74 - 76).

فَلْيُقَٰتِلْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ يَشْرُونَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا بِٱلْءَاخِرَةِ ۚ وَمَن يُقَٰتِلْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ فَيُقْتَلْ أَوْ يَغْلِبْ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٧٤﴾ وَمَا لَكُمْ لَا تُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ ٱلرِّجَالِ وَٱلنِّسَآءِ وَٱلْوِلْدَٰنِ ٱلَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَآ أَخْرِجْنَا مِنْ هَٰذِهِ ٱلْقَرْيَةِ ٱلظَّالِمِ أَهْلُهَا وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ نَصِيرًا ﴿٧٥﴾ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱلطَّٰغُوتِ فَقَٰتِلُوٓا۟ أَوْلِيَآءَ ٱلشَّيْطَٰنِ ۖ إِنَّ كَيْدَ ٱلشَّيْطَٰنِ كَانَ ضَعِيفًا ﴿٧٦﴾

"Oleh itu hendaklah orang-orang yang menukarkan hidup dunia dengan hidup Akhirat itu berperang kerana Sabilullah dan sesiapa yang berperang kerana Sabilullah lalu ia mati dibunuh atau mendapat kemenangan, maka Kami akan kurniakan kepadanya pahala yang amat besar (74). Dan mengapa kamu tidak mahu berperang kerana Sabilullah dan kerana (membela) orang-orang yang lemah dari kaum lelaki dan perempuan dan kanak-kanak, yang sentiasa berdo'a:

Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri ini (Makkah) yang mana penduduknya sangat zalim dan berilah kepada kami pelindung istimewa dari sisi Engkau dan berilah kepada kami penolong istimewa dari sisi Engkau (75). Orang-orang yang beriman adalah berperang kerana Sabilullah dan orang-orang kafir adalah berperang kerana kepentingan Taghut. Oleh itu perangilah sahabat-sahabat syaitan itu. Sesungguhnya tipu daya syaitan itu lemah."(76)

قُل لِّلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ إِن يَنتَهُواْ يُغۡفَرۡ لَهُم مَّا قَدۡ سَلَفَ وَإِن يَعُودُواْ فَقَدۡ مَضَتۡ سُنَّتُ ٱلۡأَوَّلِينَ ﴿٣٨﴾ وَقَٰتِلُوهُمۡ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتۡنَةٞ وَيَكُونَ ٱلدِّينُ كُلُّهُۥ لِلَّهِۚ فَإِنِ ٱنتَهَوۡاْ فَإِنَّ ٱللَّهَ بِمَا يَعۡمَلُونَ بَصِيرٞ ﴿٣٩﴾ وَإِن تَوَلَّوۡاْ فَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ مَوۡلَىٰكُمۡۚ نِعۡمَ ٱلۡمَوۡلَىٰ وَنِعۡمَ ٱلنَّصِيرُ ﴿٤٠﴾

"Katakanlah kepada orang-orang kafir itu: Jika mereka berhenti (dari kekufuran dan menentang da'wah) nescaya Allah mengampunkan mereka dari segala dosa mereka yang telah silam dan jika mereka kembali (kepada kekufuran dan menentang da'wah), maka undang-undang Kami telah pun berlaku ke atas orang-orang yang terdahulu (38). Dan perangilah mereka sehingga tidak berlaku lagi sebarang penindasan (terhadap orang-orang Mukmin) dan supaya keta'atan seluruhnya tertentu kepada Allah sahaja dan jika mereka berhenti (dari kekufuran dan menentang da'wah), maka sesungguhnya Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan mereka (39). Dan jika mereka berpaling, maka ketahuilah bahawa Allah itulah Pelindungmu. Dia adalah sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Penolong."(40)

(Surah al-Anfal)

قَٰتِلُواْ ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَلَا بِٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ ٱلۡحَقِّ مِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ حَتَّىٰ يُعۡطُواْ ٱلۡجِزۡيَةَ عَن يَدٖ وَهُمۡ صَٰغِرُونَ ﴿٢٩﴾ وَقَالَتِ ٱلۡيَهُودُ عُزَيۡرٌ ٱبۡنُ ٱللَّهِ وَقَالَتِ ٱلنَّصَٰرَى ٱلۡمَسِيحُ ٱبۡنُ ٱللَّهِۖ ذَٰلِكَ قَوۡلُهُم بِأَفۡوَٰهِهِمۡۖ يُضَٰهِـُٔونَ قَوۡلَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِن قَبۡلُۚ قَٰتَلَهُمُ ٱللَّهُۖ أَنَّىٰ يُؤۡفَكُونَ ﴿٣٠﴾ ٱتَّخَذُوٓاْ أَحۡبَارَهُمۡ وَرُهۡبَٰنَهُمۡ أَرۡبَابٗا مِّن دُونِ ٱللَّهِ وَٱلۡمَسِيحَ ٱبۡنَ مَرۡيَمَ وَمَآ أُمِرُوٓاْ إِلَّا لِيَعۡبُدُوٓاْ إِلَٰهٗا وَٰحِدٗاۖ لَّآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۚ سُبۡحَٰنَهُۥ عَمَّا يُشۡرِكُونَ ﴿٣١﴾ يُرِيدُونَ أَن يُطۡفِـُٔواْ نُورَ ٱللَّهِ بِأَفۡوَٰهِهِمۡ وَيَأۡبَى ٱللَّهُ إِلَّآ أَن يُتِمَّ نُورَهُۥ وَلَوۡ كَرِهَ ٱلۡكَٰفِرُونَ ﴿٣٢﴾

"Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari Qiamat dan tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan Allah dan rasul-Nya dan tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu orang-orang Yahudi dan Nasara yang dikurniakan kitab Allah sehingga mereka sanggup membayar jizyah dengan patuh dan berada dalam keadaan tunduk (29). Orang-orang Yahudi berkata: 'Uzair itu putera Allah dan orang-orang Nasara pula berkata: 'Al-Masih itu putera Allah'. Demikianlah perkataan mereka dengan mulut mereka. Mereka meniru perkataan orang-orang yang kafir sebelum ini. Allah laknatkan mereka. Bagaimana mereka dipesong begitu?(30). Mereka mengambil ulama' dan paderi-paderi mereka selaku tuhan-tuhan selain Allah dan mereka mempertuhankan al-Masih putera Maryam, sedangkan mereka tidak diperintah melainkan supaya menyembah Allah Yang Maha Esa, tiada Tuhan selain Dia. Maha Suci dari apa yang dipersekutukan mereka (31). Mereka hendak memadamkan cahaya (agama) Allah dengan mulut mereka, tetapi Allah tidak menghendaki kecuali menyempurnakan cahaya-Nya walaupun tidak disukai oleh orang-orang yang kafir."(32)

(Surah at-Taubah)

Itulah justifikasi-justifikasi untuk menegakkan Uluhiyah Allah di bumi, untuk merealisasikan sistem Rabbani di dalam kehidupan manusia, untuk memburu syaitan dan menjauhi cara methodologi-methodologi syaitan dan untuk menghancurkan kuasa manusia yang memperbudakkan manusia, kerana manusia hanya hamba Allah sahaja dan tiada siapa pun dari para hamba-Nya dibenarkan menguasai manusia dengan kuasa dari mereka dan dengan undang-undang dari ciptaan hawa nafsu dan akal fikiran mereka! Cukuplah sekadar ini di samping menegakkan prinsip "tiada paksaan di dalam agama" iaitu tiada paksaan dalam memeluk agama selepas bebas dari kuasa manusia dan selepas menjunjung prinsip seluruh kuasa adalah milik Allah atau prinsip agama seluruhnya adalah tertumpu kepada Allah sahaja.

Itulah justifikasi-justifikasi jihad untuk membebaskan seluruh manusia di muka bumi ini, iaitu mengeluarkan mereka dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia kepada 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa dan tiada sebarang sekutu bagi-Nya. Justifikasi ini sahaja sudah cukup. Dahulu justifikasi-justifikasi ini sentiasa tersemat di dalam hati para Mujahidin Islam. Oleh sebab itu tiada seorang pun dari mereka yang pernah

ditanya tentang motif mengapa ia keluar berjihad? Lalu ia menjawab: Kami keluar berjihad untuk mempertahankan tanah air kami yang terancam atau kami keluar berjihad untuk menghalangkan pencerobohan Parsi atau Roman terhadap agama kami kaum Muslimin atau kami keluar berjihad untuk meluaskan wilayah kami dan mendapat harta rampasan perang yang banyak.

Malah jawapan yang telah diberi oleh mereka ialah sama dengan jawapan yang diberikan oleh Rab'i ibn 'Amir, Huzayfah ibn Muhsan dan al-Mughirah ibn Syu'bah kepada Rustum panglima perang Parsi di al-Qadisiyah ketika ia bertanya mereka seorang demi seorang selama tiga hari berturut-turut sebelum meletus Peperangan al-Qadisiyah itu:

"Apakah yang mendorong kamu datang ke sini? Jawab mereka: Allah telah mengutus kami untuk menyelamatkan mereka yang dikehendaki-Nya dari menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah Yang Maha Esa dan dari kesempitan dunia kepada keluasannya dan dari kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam...... Allah telah mengirim para rasul-Nya untuk membawa agama-Nya kepada manusia yang diciptakan-Nya. Oleh itu sesiapa yang menerima agama-Nya dari kami, maka kami akan menerimanya dan kami akan pulang tanpa menyerang mereka, kami akan tinggalkan mereka dan negeri mereka, tetapi sesiapa yang enggan, kami akan menyerang mereka sehingga kami mendapat Syurga (gugur syahid) atau mendapat kemenangan".

Di sana terdapat satu justifikasi spontan di dalam tabi'at agama ini sendiri, dalam perisytiharan amnya dan dalam sistem-sistemnya yang realistik untuk menghadapi realiti manusia dengan sarana-sarana yang sesuai dengan setiap aspeknya, dalam peringkat-peringkat perjuangannya yang tertentu yang memerlukan sarana-sarana yang berlainan. Justifikasi spontan ini telah pun wujud dari awal lagi walaupun tidak ada ancaman bahaya ke atas negara Islam atau ke atas kaum Muslimin. Ia merupakan justifikasi yang wujud di dalam tabi'at sistem agama ini sendiri dan realismenya, juga wujud di dalam tabi'at halangan-halangan yang sebenar di dalam masyarakat-masyarakat manusia bukannya semata-mata kerana pertimbangan-pertimbangan yang memerlukan tindakan mempertahankan diri yang terbatas dan bersifat sementara!

Sudah cukup apabila seseorang Muslim itu keluar berjihad dengan jiwa raga dan harta bendanya untuk agama Allah dan untuk mempertahankan nilai-nilai yang murni ini, di mana ia tidak mendapat apa-apa keuntungan peribadi di sebalik perjuangan itu dan di sana tiada sebarang keuntungan peribadi yang mendorongnya keluar ke medan jihad itu.

Sebelum seseorang Muslim itu keluar berjihad di medan perjuangan, ia telah pun mengharungi perjuangan jihad yang agung di dalam dirinya, iaitu perjuangan menentang syaitan, perjuangan menentang hawa nafsunya, perjuangan menentang cita-cita dan keinginannya yang tamak, perjuangan menentang kepentingan-kepentingan diri dan kepentingan keluarga dan kaumnya, perjuangan menentang segala simbol dan lambang yang lain dari simbol dan lambang Islam. Perjuangan menentang segala daya penggerak yang lain dari daya penggerak ke arah 'Ubudiyah kepada Allah, ke arah menegakkan kuasa Allah di bumi dan menolak segala kuasa Taghut yang merampas kuasa Allah.

Orang-orang yang mencari justifikasi-justifikasi jihad Islam dalam tujuan-tujuan yang lain seperti mempertahankan "watan atau negara Islam" bererti memandang rendah kepada kedudukan sistem hidup Islam dan menganggapkannya lebih kecil dari "watan". Pemandangan yang seperti ini bukannya pemandangan Islam, malah ia merupakan satu pemandangan baru yang asing dari tanggapan Islam, kerana satu-satunya asas pertimbangan dalam tanggapan Islam ialah 'aqidah dan sistem hidup Islam dan masyarakat yang mengamalkan sistem hidup Islam, sedangkan watan atau negara itu sendiri tidak mempunyai apa-apa nilai, malah nilai negara mengikut tanggapan Islam hanya diambil dari kedaulatan sistem hidup Islam dan kekuasaannya yang diamalkan di negara itu. Dengan wujudnya kedaulatan sistem hidup Islam, maka negara dipandang sebagai tempat semaian 'aqidah, sebagai tapak pertumbuhan sistem hidup Islam, sebagai negara Islam dan sebagai titik tolak untuk melancarkan gerakan membebaskan manusia.

Mempertahankan Negara Islam Bukan Matlamat Terakhir Jihad

Memang benar bahawa usaha mempertahankan "negara Islam" bererti mempertahankan 'aqidah, mempertahankan sistem hidup Islam dan mempertahankan masyarakat di mana daulatnya sistem hidup Islam, tetapi pertahanan itu bukannya merupakan matlamat yang terakhir bagi pergerakan jihad Islam, malah pertahanan itu hanya merupakan sarana untuk menegakkan kerajaan Allah di negara itu, juga merupakan sarana untuk menjadikan negara itu bagai tapak titik tolak da'wah ke negeri-negeri yang lain di seluruh dunia dan kepada seluruh umat manusia. Kini jelaslah bahawa yang menjadi pokok sasaran agama Islam ialah seluruh bangsa manusia, dan bumi seluruhnya merupakan bidang kegiatannya yang luas.

Sebagaimana telah kami huraikan sebelum ini bahawa perjuangan menegakkan sistem hidup Ilahi akan menghadapi berbagai-bagai rintangan kebendaan dari pihak berkuasa kerajaan, dari sistem hidup, undang-undang dan peraturan masyarakat. Seluruh rintangan ini merupakan sasaran-sasaran perjuangan Islam yang datang untuk menghancurkannya dengan kekuatan supaya seluruh individu manusia dapat berdepan dengan Islam di

dalam suasana yang bebas, di mana Islam dapat berbicara secara langsung dengan hati dan minda mereka setelah mereka dibebaskan dari segala belenggu kebendaan dan diberikan kebebasan memilih.

Kita seharusnya jangan terpengaruh dan merasa bimbang dengan kritikan-kritikan dan saranan-saranan kaum orientalis terhadap prinsip "jihad", malah kita tidak seharusnya merasa berat untuk menghadapi tekanan realiti masa kini dan kepentingannya di dalam pertimbangan kuasa-kuasa dunia hingga menyebabkan kita berusaha mencari alasan-alasan jihad itu dengan justifikasi-justifikasi moral yang terkeluar dari tabi'at agama Islam, iaitu dalam bentuk alasan bahawa jihad hanya dilakukan di dalam keadaan-keadaan tertentu untuk mempertahankan diri sebagai langkah yang bersifat sementara sahaja, sedangkan jihad akan terus berjalan mengikut proses sama ada keadaan-keadaan tertentu itu wujud atau tidak wujud.

Semasa mengkaji peristiwa-peristiwa jihad yang berlaku di dalam sejarah perjuangan Islam, kita seharusnya jangan lupa kepada pertimbangan-pertimbangan spontan dalam tabi'at agama ini, dalam perisytiharan amnya dan dalam sistemnya yang bersifat realistik itu, dan kita tidak seharusnya mencampuraduk di antara pertimbangan-pertimbangan ini dengan kehendak-kehendak mempertahankan diri yang bersifat sementara itu.

Memang benar agama ini pasti sanggup mempertahankan diri dari serangan musuh-musuhnya, kerana kewujudan agama Islam dalam bentuk satu perisytiharan am untuk menegakkan Rububiyah terhadap seluruh manusia dan membebaskan mereka dari 'Ubudiyah kepada yang lain dari Allah, juga dalam bentuk kewujudannya selaku satu masyarakat yang berdisiplin yang bertindak di bawah satu kepimpinan baru yang bukan dari kepimpinan-kepimpinan jahiliyah, juga dalam bentuk kelahirannya selaku satu masyarakat yang bebas dan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri, yang tidak mengi'tirafkan kuasa Hakimiyah mana-mana manusia sekali pun kerana kuasa Hakimiyah di dalam masyarakat ini hanya tertentu kepada Allah Yang Maha Esa sahaja.... kewujudan Islam dalam bentuk-bentuk yang sedemikian rupa sudah tentu akan mendorong masyarakat-masyarakat jahiliyah yang wujud di sekelilingnya yang ditegakkan di atas prinsip 'Ubudiyah kepada sesama makhluk itu bangkit menentangnya dan berjuang untuk menghancurkannya demi mempertahankan kewujudan dan keselamatan dirinya. Begitu juga masyarakat Islam yang baru itu akan bertindak dan berjuang mempertahankan diri (apabila diserang jahiliyah itu).

Ini adalah suatu keadaan yang tidak dapat dihindari. Ia lahir serentak dengan kelahiran Islam itu sendiri. Ini adalah satu pertarungan yang telah dipastikan ke atas Islam dan ia tidak mempunyai pilihan selain dari mengharunginya. Ini adalah satu pertarungan yang tabi'i di antara dua kewujudan yang tidak dapat hidup bersama dalam waktu yang lama.

Semuanya ini benar, dan mengikut pandangan ini, Islam terpaksa mempertahankan kewujudannya dan terpaksa mengharungi perjuangan mempertahankan diri yang dikenakan ke atasnya.

Tabiat Agama Islam dan Gerakan Jihad

Namun begitu, di sana ada satu hakikat yang lebih kuat dari hakikat ini iaitu hakikat tabi'at kewujudan Islam itu sendiri dari awal lagi mendorong Islam bergerak dan tampil ke depan untuk menyelamatkan manusia di muka bumi ini dari 'Ubudiyah kepada yang lain dari Allah. Islam tidak mungkin berhenti di garis-garis sempadan geografi dan tidak mungkin pula menyorokkan diri dalam perbatasan perkauman dan meninggalkan manusia yang lain di seluruh negeri di dunia ini menjadi mangsa kejahatan, kerosakan dan 'Ubudiyah kepada yang lain dari Allah.

Kem-kem yang berseteru dengan Islam mungkin melalui satu zaman, di mana mereka memilih untuk tidak menyerang Islam seandainya ia tidak mengganggu mereka mempraktikkan prinsip 'Ubudiyah kepada sesama manusia di dalam wilayah kekuasaan mereka dan tidak berusaha mengembangkan da'wah Islamiyah ke sana atau tidak mengumumkan perisytiharan pembebasan seluruh manusia...... tetapi Islam tidak akan berdamai dengan mereka kecuali mereka mengisytiharkan mengaku kalah dan tunduk kepada kekuasaan Islam dalam bentuk membayar jizyah sebagai jaminan untuk membuka pintunya kepada da'wah Islamiyah tanpa mengadakan rintangan-rintangan kebendaan dari pihak yang berwenang di sana.

Inilah tabi'at agama Islam dan inilah fungsinya selaras dengan matlamat perisytiharannya yang mahu menegakkan Rububiyah Allah ke atas seluruh manusia dan membebaskan mereka dari segala bentuk 'Ubudiyah kepada yang lain dari Allah.

Di sana terdapat perbezaan antara pandangan yang melihat Islam dengan tabi'at yang sedemikian rupa dengan pandangan yang melihat Islam sebagai agama yang terkurung di dalam perbatasan negeri atau bangsa yang tidak bangkit bertindak kecuali dirangsangkan oleh ketakutan dan kebimbangan diserang. Islam dalam gambaran yang akhir ini telah kehilangan justifikasi-justifikasi spontan untuk bertindak.

Justifikasi-justifikasi tindakan Islam terserlah dengan terang dan mendalam apabila dikenangkan bahawa Islam merupakan suatu sistem hidup yang diciptakan Allah untuk mengendalikan kehidupan manusia bukannya sistem hidup dari ciptaan manusia dan bukannya aliran pemikiran segolongan manusia dan bukannya sistem hidup ciptaan satu bangsa. Kita tidak mencari justifikasi luaran kecuali hakikat yang agung ini pudar di dalam hati kita, kecuali kita lupa bahawa isu ini adalah isu Uluhiyah Allah dan 'Ubudiyah

manusia. Seseorang yang mengingati hakikat yang agung ini tidak mungkin mencari justifikasi yang lain bagi jihad Islam.

Jarak perbezaan di persimpangan jalan mungkin tidak kelihatan begitu besar di antara pandangan yang melihat Islam terpaksa menceburkan diri dalam pertarungan yang tidak memberi ruang pilihan kepadanya selaras dengan kewujudannya yang spontan dengan kewujudan masyarakat jahiliyah yang lain yang pasti menyerang, dengan pandangan yang melihat Islam itu sendiri dari awal-awal lagi terpaksa bertindak dan menceburkan diri di dalam pertarungan ini.

Jarak di persimpangan jalan mungkin tidak kelihatan begitu besar kerana kedudukan Islam dalam dua situasi ini terpaksa menceburkan diri di dalam pertarungan, tetapi jarak perbezaan itu kelihatan begitu jauh di penghujung jalan di mana ia mengubahkan perasaan, perasaan dan konsep-konsep Islamiyah dengan perubahan yang besar dan serius.

Di sana terbentang jarak perbezaan yang jauh di antara pandangan yang melihat Islam sebagai sistem hidup ciptaan Allah yang diturun untuk menegakkan konsep Uluhiyah Allah di bumi dan 'Ubudiyah seluruh manusia kepada Allah Yang Maha Esa, kemudian konsep ini dituang dalam satu acuan di alam kenyataan iaitu di dalam masyarakat manusia, di mana mereka bebas dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia dengan menumpukan 'Ubudiyah mereka kepada Allah Pemelihara manusia. Hanya syari'at Allah sahaja yang memerintah mereka, iaitu syari'at yang melambangkan kuasa Allah atau dengan ungkapan yang lain melambangkan Uluhiyah Allah. Oleh sebab itu Islam mempunyai hak untuk menghapuskan segala rintangan yang wujud di jalan yang dilaluinya untuk memungkinkan Islam berbicara secara langsung dengan jiwa dan individu-individu manusia tanpa halangan-halangan dan sekatan-sekatan yang diada-adakan oleh kuasa-kuasa politik atau kedudukan-kedudukan sosial manusia. Di sana terbentang jarak perbezaan yang luas di antara pandangan yang melihat Islam seperti ini dengan pandangan yang melihat Islam sebagai satu sistem hidup setempat yang terbatas dalam sebuah negeri yang tertentu, dan berdasarkan pandangan ini Islam hanya berhak menolak serangan dari luar di perbatasan wilayahnya sahaja.

Kedua-dua pandangan itu berbeza walaupun Islam dalam dua situasi itu tetap akan berjihad juga, tetapi tanggapan menyeluruh terhadap motif-motif jihad, matlamat-matlamatnya dan natijah-natijahnya mempunyai perbezaan yang jauh, yang melibatkan asas i'tiqad Islam di samping melibatkan asas tatacara pergerakannya dan arah tujuannya.

Islam berhak mengambil inisiatif bergerak dan bertindak, kerana Islam bukan agama satu kaum, bukan sistem satu negeri, tetapi Islam adalah sistem hidup ciptaan Allah dan sistem sejagat. Oleh sebab itu ia berhak bergerak dan bertindak untuk merobohkan sekatan-sekatan yang diadakan oleh sistem-sistem, undang-undang dan peraturan ciptaan manusia, yang mengikat kebebasan individu-individu untuk membuat pilihan sendiri dalam menganut agama. Cukuplah Islam itu tidak menyerang individu-individu untuk memaksa mereka memeluk 'aqidahnya. Islam hanya menyerang sistem-sistem, undang-undang dan peraturan ciptaan manusia untuk membebaskan individu-individu dari pengaruh-pengaruh yang tidak baik, yang merosakkan fitrah manusia dan mengikat kebebasan memilih.

Islam berhak menyelamatkan manusia dari menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah Yang Maha Esa demi merealisasikan perisytiharan amnya yang berjuang untuk menegakkan kuasa Rububiyah Allah ke atas sekalian manusia dan membebaskan seluruh mereka. Konsep menyembah Allah Yang Maha Esa tidak dapat direalisasikan dalam tanggapan Islam dan di alam realiti yang praktikal melainkan di bawah naungan sistem hidup Islam sebagai satu-satunya sistem yang disyari'atkan Allah untuk seluruh manusia sama ada golongan memerintah atau golongan yang diperintah, sama ada yang berkulit hitam atau yang berkulit putih, sama ada yang jauh atau yang dekat dan sama ada yang kaya atau yang miskin. Seluruh mereka diperintah dengan satu undang-undang dan peraturan dan seluruh mereka patuh dan ta'at kepada undang-undang yang sama. Di dalam semua sistem hidup yang lain, kita dapati manusia menyembah sesama manusia kerana mereka menerima undang-undang dan peraturan hidup mereka dari manusia, sedangkan urusan mengatur undang-undang dan peraturan itu adalah dari bidang kuasa Uluhiyah. Oleh itu sesiapa yang mendakwa mempunyai kuasa mengadakan undang-undang dan peraturan untuk manusia bermakna ia mendakwa mempunyai bidang kuasa dan bidang kerja Uluhiyah, sama ada ia mengungkapkan dakwaannya dengan perkataan atau tidak, dan sesiapa yang mengii'tirafkan orang lain mempunyai kuasa-kuasa tersebut bermakna ia mengi'tirafkan orang itu sebagai mempunyai kuasa Uluhiyah, sama ada ia menyebut namanya atau tidak.

Islam bukannya semata-mata kepercayaan atau 'aqidah hingga ia berpada dengan. Hanya menyampaikan 'aqidah itu kepada manusia melalui penerangan sahaja, malah Islam adalah satu sistem yang mewujudkan satu kelompok yang berdisiplin dan mempunyai tatacara bertindak dan bergerak untuk membebaskan seluruh manusia, sedangkan kelompok-kelompok yang lain tidak membenarkan Islam mengaturkan kehidupan rakyatnya mengikut sistem hidup Islam. Oleh sebab itu Islam terpaksa bertindak menghapuskan sistem-sistem hidup yang lain yang menjadi batu penghalang kepada rencana Islam yang mahu membebaskan seluruh manusia,

inilah - sebagaimana telah kami tegaskan sebelum ini - makna seluruh agama atau keta'atan harus ditumpukan kepada Allah sahaja, di mana tidak ada kepatuhan dan keta'atan yang diberikan kepada mana-mana makhluk Allah sebagaimana yang terdapat di dalam sistem-sistem hidup yang lain yang ditegakkan di atas konsep 'Ubudiyah kepada sesama manusia.

Serangan Orientalis Dan Justifikasi Jihad Oleh Para Pengkaji Muslimin Yang Berminda Tewas

Para pengkaji Muslimin di masa kini, yang kalah di bawah tekanan realiti masa kini dan kepada kritikan dan serangan orientalis yang licin merasa keberatan untuk mengakui hakikat ini, kerana para orientalis telah menggambarkan Islam sebagai gerakan, yang menggunakan kekuatan mata pedang untuk memaksa manusia menganut agama Islam, sedangkan para orientalis yang jahat itu memang mengetahui bahawa apa yang dikatakan mereka itu adalah tidak benar, tetapi mereka sengaja mahu memburuk-burukkan motif jihad Islam dengan cara ini. Oleh sebab itu para pengkaji Muslimin yang berminda tewas itu tampil membela nama baik Islam kononnya dengan menolak tuduhan itu dan berusaha mengemukakan justifikasi-justifikasi mempertahankan diri, sedangkan mereka lupa kepada tabi'at agama Islam, kepada fungsinya dan kepada tanggungjawabnya untuk membebaskan manusia sejak awal lagi.

Minda para pengkaji Muslimin masa kini yang bersemangat kalah itu telah dipengaruhi oleh kefahaman orang Barat tentang tabi'at agama Islam. Mereka menganggap Islam sebagai semata-mata 'aqidah yang tersemat di dalam hati nurani, yang tidak ada hubungan dengan peraturan-peraturan dan tatacara hidup yang wujud di alam realiti. Oleh sebab itulah jihad Islam itu dipandang sebagai jihad untuk memaksa 'aqidah Islamiyah kepada hati manusia.

Tetapi hakikat yang benar tidak begitu di dalam Islam, kerana Islam merupakan satu sistem hidup yang diciptakan Allah untuk mengatur kehidupan manusia, iaitu satu sistem yang ditegakkan di atas konsep bahawa Uluhiyah itu hanya tertentu bagi Allah Yang Maha Esa sahaja. Dialah sahaja yang mempunyai kuasa Hakimiyah. Di samping itu Islam mengatur kehidupan harian manusia di alam realiti dengan segala perinciannya yang halus. Oleh kerana itu jihad di dalam Islam ialah jihad untuk menegakkan sistem hidup itu. Adapun persoalan 'aqidah, maka persoalan ini adalah terserah kepada kebebasan keyakinan seseorang di bawah peraturan am setelah dihapuskan segala rintangan yang berpengaruh. Oleh sebab itulah persoalan ini berbeza dari asasnya lagi dan ia mempunyai satu gambaran baru yang total.

Di mana sahaja terdapat kelompok Muslimin yang mengamalkan sistem hidup Ilahi, maka Allah mengurniakan kepada mereka hak bergerak dan bertindak untuk menerima kuasa dan menegakkan sistem hidup dan meninggalkan persoalan 'aqidah kepada kebebasan hati. Apabila Allah menahan kelompok Muslimin dari berjihad di suatu masa yang tertentu, maka ia merupakan masalah program bertindak bukannya masalah dasar, atau merupakan masalah cara-cara bertindak bukannya masalah ketetapan-ketetapan 'aqidah. Berlandaskan asas yang jelas ini dapatlah kita memahami nas-nas Al-Qur'an (mengenai jihad) yang diturunkan dalam peringkat-peringkat sejarah yang berlainan tanpa mencampuradukkan di antara ayat-ayat yang mempunyai pengertian yang dihubungkan dengan peringkat-peringkat sejarah dengan ayat-ayat yang mempunyai pengertian am yang dihubungkan dengan tatacara pergerakan Islamiyah yang tetap dan panjang masanya.

* * * * * *

Penyelewengan Dan Propaganda Orientalis Tentang Jihad Dalam Islam

Walau bagaimanapun, namun di sana masih ada penjelasan lanjut mengenai hakikat "jihad di dalam Islam" dan "tabi'at agama ini" yang disumbangkan oleh sebuah kajian ringkas yang amat bernilai dari hasil karya tokoh Islam yang besar as-Sayid Abul-A'la al-Maududi yang dipertua Jamaah Islamiyah Pakistan yang berjudul "Al-Jihad Fi Sabilillah". Kami merasa perlu menukilkan darinya beberapa perenggan yang panjang dan penting untuk pembaca yang ingin mendapat penerangan yang jelas dan halus mengenai maudhu' jihad yang amat penting dan amat mendalam dalam struktur pergerakan Islamiyah:

"Sudah menjadi kebiasaan bagi penulis Eropah mengungkapkan kata-kata jihad dengan istilah 'Peperangan Suci atau Holy War' apabila mereka mahu menterjemahkan kata-kata itu kepada bahasa mereka, kemudian mereka mentafsirkannya dengan tafsiran yang buruk dan jahat. Mereka menghuraikannya dengan berbagai-bagai cara yang lihai dan mereka salutkannya dengan berbagai-bagai pengertian-pengertian yang palsu dan bohong sehingga kata-kata itu di sisi mereka merupakan satu kata-kata yang mengungkapkan tabi'at yang rakus, perilaku yang liar dan suka menumpahkan darah. Mereka begitu pintar bermain dengan ungkapan-ungkapan yang menarik dan begitu licin memutarbelitkan hakikat-hakikat yang jelas, sebaik sahaja orang ramai mendengar kata-kata jihad mereka terus ternampak di hadapan mereka gambaran angkatan tentera Muslimin yang liar dan ganas, yang berasak-asak menyerbu dengan pedang mereka yang terhunus, dengan dada mereka yang bersemarak dengan api fanatik dan dendam kesumat, dengan mata mereka yang mengeluarkan percikan bunga-bunga api yang membayangkan keinginan membunuh dan merompak dan dengan suara mereka yang tinggi melaungkan cogan kata 'Allahu-Akbar' sambil menyerbu ke depan, dan sebaik sahaja mereka melihat seorang kafir, mereka terus menangkapnya dan memegang lehernya sambil memberi kata dua sama ada ia mengucapkan syahadat 'La Ilaha Illallah' yang akan menyelamatkan dirinya atau ia dipancung

yang akan memancutkan darah dari pembuluh-pembuluh lehernya.

"Gambaran ini telah dilukiskan oleh pelukis-pelukis Eropah itu dengan cara yang amat licin dan pintar. Mereka menggunakan berus seniman yang kreatif. Di antara ciri-ciri kepintaran mereka dalam seni memutar-belitkan hakikat yang sebenar ialah mereka warnakan lukisan itu dengan warna merah dan menulis di bawahnya perkataan yang berikut:

"Gambaran ini mencerminkan watak umat Islam di zaman lampau yang lahap dan rakus kepada pertumpahan darah dan membunuh orang-orang yang tidak berdosa".

"Yang amat menakjubkan kita ialah orang-orang yang melukis gambar ini dengan menggunakan segala bakat kebolehan mereka untuk menonjol gambaran yang buruk ini kepada pandangan umum adalah orang-orang yang sama yang telah berperang sesama sendiri di abad-abad yang silam. Mereka berbunuh-bunuhan di antara satu sama lain untuk memenuhi kehendak hawa nafsu mereka yang hina dan menghilangkan dahaga sentimen tamak haloba perkauman mereka. Dan itulah juga corak peperangan mereka yang terkutuk atau peperangan mereka yang tidak suci 'Unholy War' yang telah dilancarkan mereka ke atas umat-umat yang lemah di Timur dan di Barat, di mana mereka menjelajah di negeri-negeri itu untuk mencari pasaran-pasaran bagi barangan-barangan mereka di samping mencari tanah-tanah jajahan untuk dijajahi mereka dan seterusnya untuk menguasai sumber-sumber kekayaannya dan menghalangkannya dari dini'mati oleh kaum bumiputeranya. Mereka membongkar lombong-lombong galian di negeri-negeri itu dan menggeledah hasil-hasil bumi Allah yang kaya untuk menyumbat perut kilang-kilang dan makmal-makmal mereka. Mereka mencari segala-galanya itu dengan hati yang penuh dengan kerakusan dan kelahapan untuk mendapat harta kekayaan, kemegahan dan darjah kebesaran. Mereka melepaskan kereta-kereta kebal di hadapan mereka dan kapal-kapal terbang di atas kepala mereka yang berlegaran di angkasa dan di belakang mereka diikuti oleh ratusan ribu tentera yang terlatih yang dapat menyekat jalan-jalan rezeki negeri-negeri itu di samping menghalang penduduknya yang ramai diri meneruskan perjalanan mereka ke arah hidup yang maju dan mulia. Mereka bertindak begitu dengan tujuan menyediakan bekalan bahan-bahan bakar untuk api tamak haloba mereka yang keji, yang semakin hari semakin bertambah marak dan menjulang tinggi. Peperangan-peperangan yang dilancarkan mereka sama sekali bukannya peperangan untuk Sabilullah, malah peperangan untuk mengisikan kehendak-kehendak hawa nafsu mereka yang jahat dan hina.

"Inilah keadaan dan watak (orang Barat) yang memburukkan imej kita kaum Muslimin kerana menyerang dan bertempur yang telah berlaku dalam penaklukan-penaklukan dan peperangan-peperangan yang telah berlaku pada abad-abad yang lama, sedangkan aktiviti-aktiviti peperangan mereka yang hina itu sehingga kini masih terus dilakukan mereka siang dan malam di hadapan mata dan telinga dunia yang bertamadun. Di manakah bumi Allah yang selamat dari pencerobohan mereka dan di manakah bumi Allah yang tidak berlumuran dengan darah penghuni-penghuninya yang tidak berdosa? Manakah benua-benua besar Asia, Afrika dan Amerika yang tidak merasa bahang peperangan-peperangan mereka yang terkutuk itu? Tetapi penulis-penulis Barat yang lihai itu telah melukiskan imej kita dengan kepintaran mereka yang jahat dan mengulangi tayangannya dalam bentuk yang amat buruk hingga imej mereka yang buruk dilupai dan hampir-hampir tiada seorang pun yang teringat kepadanya, di samping imej kita yang buruk yang mereka gambarkan sejarah kita dan datuk nenek kita. Alangkah lihainya mereka dan alangkah pintarnya mereka dalam kerja-kerja pemalsuan dan penipuan.

"Adapun tentang kelurusan dan kebodohan cerdik pandai kita, maka bolehlah kita akui dengan bebas, kerana manakah kebodohan yang lebih besar dari kebodohan kita yang tertipu dengan imej buruk yang mereka gambarkan sejarah kita hingga kita hampir-hampir percaya bahawa gambaran mereka adalah betul dan tepat dengan hakikat yang sebenar dan hingga tidak terlintas di hati kita untuk melihat tangan-tangan yang berdosa yang melukiskan imej kita yang buruk itu atau untuk mencari pena-pena yang tersembunyi yang begitu pintar memalsukan imej kita. Ketertipuan kita dengan pemalsuan-pemalsuan mereka dan keterpedayaan kita dengan imej buruk yang palsu yang diada-adakan mereka telah sampai ke tahap yang membuat kita merasa malu dan menyesal dan mendorong, kita meminta maaf kepada mereka dan sanggup mengubahkan Kalamullah dari maksud-maksudnya yang sebenar seolah-olah kita berkata kepada mereka: 'Tuan-tuan sekalian Kami tidak ada kena mengena dengan peperangan. Kami hanya penda'wah yang mengembang da'wah Islamiyah, tugas kami ialah menyeru manusia kepada agama Allah, agama keamanan dan kedamaian, agama yang berda'wah dengan menggunakan hikmat kebijaksanaan dan pengajaran yang baik. Kami menyampaikan Kalamullah kepada manusia sama seperti penyampaian yang dilakukan para paderi, para darwisy dan para ahli sufi. Kami berdebat dengan cara yang sebaik-baiknya dengan orang-orang yang menentang kami. Kami menggunakan pidato-pidato, menyebarkan risalah-risalah dan rencana-rencana supaya mereka yang menerima da'wah kami itu beriman setelah mendapat penerangan yang jelas. Inilah cara da'wah kami, tidak lebih dan tidak kurang. Adapun persoalan menggunakan mata pedang dan berperang, maka kami berlindung pada Allah, kerana kami tidak mempunyai apa-apa kaitan dengannya kecuali sekadar di katakan bahawa kami mungkin

telah berperang untuk mempertahankan diri apabila kami telah diserang, dan peristiwa ini juga telah berlaku di zaman-zaman yang silam. Adapun pada hari ini kami tetap menyatakan bahawa kami sama sekali tidak kena mengena dengan peperangan itu. Oleh sebab itu kami telah memansukhkan jihad itu secara rasmi, iaitu jihad yang tidak disukai yang menggunakan kekuatan mata pedang supaya tidak menyusahkan hati tuan-tuan atau menyebabkan tuan-tuan tidak dapat tidur dengan nyenyak. Jihad di masa kini ialah menyambungkan perjuangan da'wah dengan kekuatan lisan dan pena. Kami kini hanya bermain dengan pengucapan lidah yang halus dan tulisan mata pena yang tajam. Adapun penggunaan meriam, kereta-kereta kebal, mesingan-mesingan dan sebagainya dari senjata-senjata peperangan, maka tuan-tuan lebih berhak dan lebih mahir menggunakannya.

Istilah "Religion" Dan "Nation" Serta Sumbangannya Dalam Salah Faham Terhadap Jihad

"Inilah angkara-angkara tipu daya politik mereka yang kami telah dedahkan tadi sebahagian darinya. Tetapi apabila kita kaji masalah ini secara mendalam dari aspek ilmiyah dan meneliti sebab-sebab yang menyulitkan orang-orang Islam sendiri, apatah lagi orang-orang bukan Islam, untuk memahami hakikat jihad fi Sabilillah dan menanggapkan rahsia-rahsianya nescaya ternyata kepada kita bahawa kesilapan itu adalah berpunca dari dua istilah yang penting yang belum diselami mereka secara mendalam dan belum lagi difahami mereka pengertiannya yang sebenar.

"Pertama: Mereka menyangka Islam sebagai agama (religion) dengan pengertian yang diungkapkan dengan istilah umum agama (religion).

"Kedua: Mereka fikir orang-orang Islam itu sebagai umat kebangsaan (nation)[2] dengan pengertian-pengertiannya yang lumrah.

"Sebenarnya kesilapan mereka memahami dua istilah yang penting ini dan kegagalan mereka untuk memahami pengertian yang sebenar dari dua istilah yang asasi ini telah memburukkan gambaran hakikat yang bersih dan jelas di dalam persoalan ini dan menghalangkan mereka dari memahami tujuan jihad di dalam Islam, malah yang sebenarnya - dan yang benar itulah yang lebih wajar diikut - kesilapan pokok dalam memahami dua istilah ini telah melindungi hakikat Islam seluruhnya dan menjadikan persoalan itu terbalik dari atas ke bawah, juga menjadikan kedudukan kaum Muslimin serba salah dan sempit dalam menghadapi dunia dan masalah-masalahnya yang berubah-ubah dan beraneka ragam, iaitu satu kedudukan yang tidak dapat diterima oleh Islam dan pengajaran-pengajarannya yang kekal.

"Agama (religion) mengikut pengertian yang lumrah di sisi mereka ialah sejumlah kepercayaan-kepercayaan, ibadat-ibadat dan upacara-upacaranya yang tertentu. Dan agama dengan pengertian ini sudah tentu memberi erti bahawa agama adalah tidak lebih dari persoalan-persoalan peribadi sahaja, di mana anda bebas memilih apa sahaja kepercayaan yang disukai anda, di samping bebas memilih apa sahaja cara beribadat untuk menyembah mana-mana sembahan yang dipilih sebagai tuhan anda. Dan andainya anda ghairah untuk mengembang dan membela agama ini, maka anda bebas mengembara dan menjelajah negeri-negeri di dunia ini untuk menyeru manusia menganut agama ini dan mempertahankan kewujudannya dengan menggunakan kekuatan hujah dan dalil dan mendebati pihak-pihak yang menentang anda dengan menggunakan ketajaman lisan dan mata pena. Adapun pedang dan lain-lain alat senjata peperangan, maka semuanya tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan anda dalam persoalan ini, kerana anda tidak boleh memaksa orang lain beriman kepada agama anda. Jika Islam itu agama yang sama dengan agama-agama yang lain mengikut pengertian istilah agama yang lumrah di kalangan mereka, maka jelaslah Islam tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan pedang dan alat senjata peperangan yang lain, dan jika kedudukan Islam dalam persoalan ini sama dengan apa yang di fikir dan disifatkan mereka sudah tentu Islam tidak mempunyai justifikasi yang membenarkannya berjihad dan tiada suatu pun yang dibimbangkan dari Islam, tetapi hakikatnya yang sebenar tidak begitu sebagaimana yang akan anda ketahui penjelasannya selepas ini nanti. Begitu juga istilah umat (nation) iaitu sekumpulan manusia yang sebangsa yang berkumpul dan berpadu dan mempunyai ciri-ciri yang membezakannya dari kumpulan-kumpulan yang lain, kerana mereka turut menyertai dan berkongsi di dalam setengah-setengah perkara asasi. Kumpulan manusia yang menjadi 'umat' dengan pengertian ini sudah tentu tidak perlu menggunakan mata pedang kecuali dalam dua keadaan iaitu sama ada ia diserang oleh mana-mana pihak yang mahu merampaskan hak-haknya atau ia memerangi kumpulan yang lain dengan tujuan untuk merampas hak-hak mereka. Dalam kes pertama, kumpulan ini boleh bertindak dengan bebas kerana ia mempunyai justifikasi moral untuk menggunakan mata pedang dan kekerasan terhadap pihak yang menyerang mereka walaupun setengah-setengah pihak yang melaung-laungkan keamanan dan kedamaian tidak membenarkan tindakan itu. Dan dalam kes yang kedua, iaitu kes menyerang kumpulan yang lain untuk merampaskan hak-hak mereka atau menyerang bangsa-bangsa dan umat-umat yang lain tanpa sebarang sebab, maka tindakan ini hanya dibenarkan oleh diktator-diktator yang bertindak sewenang-wenang sahaja, malah pemimpin-pemimpin negara-negara besar seperti Britain dan

---

[2] *Yakni umat yang bersifat bangsa atau kaum yang diungkapkan dengan istilah 'nation'. Kaum Muslimin disifatkan sebagai umat mengikut istilah syara' iaitu satu kelompok manusia yang berpegang dengan 'aqidah Islam dan bergabung dalam satu kumpulan yang tegak di atas asas 'aqidah ini dan tunduk kepada kepimpinan yang melaksanakan syari'at Allah.*

Amerika juga tidak, sanggup menghalalkan tindakan itu.

"Jika Islam merupakan satu agama yang sama dengan agama-agama yang lain, dan jika kaum Muslimin merupakan satu umat yang sama dengan umat-umat dunia yang lain, maka sudah tentu jihad Islam kehilangan segala kelebihan dan ciri-ciri yang telah meletakkan ibadat jihad sebagai kepala dan mahkota ibadat. Tetapi sebenarnya Islam bukannya agama yang sama dengan agama-agama lumrah yang lain, dan kaum Muslimin bukannya satu umat yang sama dengan umat-umat dunia yang lain, malah Islam merupakan satu gagasan revolusioner atau satu program yang mahu meruntuhkan seluruh sistem kemasyarakatan dunia dari akar umbinya lagi dan membangun semula sistem kemasyarakatan mengikut gagasan Islam dan tatacara amalinya..... dan dari sini dapatlah diketahui bahawa istilah 'Muslim' merupakan sifat bagi pertubuhan revolusioner antarabangsa yang dibentukkan oleh Islam. Dan seterusnya Islam mengatur barisan pejuang-pejuangnya sebagai sarana untuk melancarkan program revolusi yang menjadi matlamat dan cita-cita perjuangannya. Sementara jihad merupakan perjuangan revolusioner bagi pergerakan Islamiyah yang sentiasa bergerak aktif untuk mencapai matlamat dan hasrat itu.

"Islam mengelak dari menggunakan kata-kata biasa yang lumrah di dalam da'wahnya, juga dalam peperangan yang menjelaskan tatacara amalinya, seperti yang dilakukan oleh penerangan ideologi-ideologi dan program-program revolusi yang lain. Oleh kerana itu Islam memilih istilah-istilah khas supaya tidak berlaku kekeliruan di antara da'wahnya, fikiran-fikirannya, kefahaman-kefahamannya dan tanggapan-tanggapannya dengan fikiran-fikiran, tanggapan-tanggapan dan kefahaman-kefahaman biasa dan lumrah yang lain. Istilah 'jihad' umpamanya adalah dari kata-kata istilah Islam yang digunakan untuk mengungkapkan tugas Islam dan butir-butir maksud da'wahnya. Di sini anda dapat melihat Islam mengelak dari menggunakan kata 'peperangan' atau sebagainya dari kata-kata yang mengungkapkan pengertian berperang di dalam bahasa Arab dan menggantikan dengan perkataan 'perjuangan' atau 'struggle' di dalam bahasa Inggeris, tetapi perkataan 'jihad' lebih berkesan dari perkataan perjuangan dan lebih merangkumi pengertian yang dimaksudkan oleh Islam.

Jihad lwn. Peperangan

Oleh itu apakah yang mendorongkan Islam memilih kata-kata 'jihad' yang baru ini dan berpaling dari perkataan 'peperangan' atau sebagainya dari kata-kata lama yang biasa dan lumrah? Sebabnya - mengikut hemat saya - tidak lain melainkan kerana perkataan 'peperangan' (war) dari dahulu hingga sekarang masih dipakai dengan pengertian 'bertarung dan berbunuh-bunuhan' yang meletus dan bernyala di antara individu-individu, parti-parti dan bangsa-bangsa kerana tujuan-tujuan peribadi sahaja, kerana matlamat peperangan-peperangan seperti itu tidak melebihi dari tujuan-tujuan kepentingan peribadi atau kepentingan kemasyarakatan sahaja, di mana tidak ada bau yang membayangkan bahawa peperangan itu bertujuan untuk memperjuangkan suatu ideologi atau mempertahankan suatu dasar. Oleh sebab peperangan yang dihalalkan oleh Islam bukan dari jenis peperangan-peperangan ini, maka Islam terpaksa meninggalkan terus perkataan 'peperangan' itu kerana Islam tidak memperjuangkan kepentingan sesuatu umat dengan mengetepikan kepentingan umat-umat yang lain dan tidak pula berjuang untuk membangunkan sesuatu umat tanpa menghiraukan pembangunan umat-umat yang lain. Begitu juga Islam sama sekali tidak berhasrat sedikit atau banyak untuk memungkinkan kerajaan negara ini atau itu menguasai bumi ini, malah yang menjadi hasrat Islam ialah kebahagiaan dan kejayaan seluruh umat manusia. Islam mempunyai gagasan dan sistem hidup amalinya yang dipilih untuk kebahagiaan masyarakat manusia dan untuk membawa masyarakat manusia mendaki tangga-tangga kemajuan. Oleh sebab itu setiap kerajaan yang ditegakkan di atas idea cita yang lain dari idea cita Islam akan mendapat tentangan Islam. Inilah bentuk kerajaan yang mahu dihapuskan oleh Islam. Sehubungan dengan ini, Islam tidak sedikit pun memandang berat kepada negeri, di mana ditegakkan kerajaan yang tidak disukai itu atau kepada umat yang mentadbirkan urusan kerajaan itu, kerana matlamat Islam ialah meninggikan gagasan atau idea citanya dan mengembangkan sistem hidupnya dan menegakkan kerajaan-kerajaan di atas landasan gagasan dan sistem hidup Islam tanpa melihat siapakah yang memegang panji-panji kebenaran dan keadilan, dan siapakah yang menurunkan panji-panji pencerobohan dan kerosakannya. Islam memerlukan sebuah dunia ini dan tidak merasa cukup dengan menguasai satu zon dunia atau sebahagian darinya sahaja, malah Islam memerlukan bumi ini seluruhnya. Tetapi ia memerlukannya bukan untuk membolehkan sesuatu umat menguasainya atau menguasai sumber-sumber kekayaannya setelah dirampas kembali dari sesuatu umat atau berbagai-bagai umat, malah Islam memerlukan bumi ini seluruhnya untuk memungkinkan seluruh umat manusia meni'mati gagasan kebahagiaan umat manusia dan meni'mati sistem hidupnya yang praktikal. Itulah dua perkara yang dikurniakan Allah untuk memuliakan agama Islam dan melebihkannya di atas seluruh agama dan syari'at yang lain. Untuk merealisasikan matlamat yang luhur ini, Islam menggunakan segala kekuatan dan segala sarana yang boleh mencetuskan revolusi kesedaran yang syumul. Islam mencurahkan segala daya upaya perjuangan yang termampu untuk mencapai matlamat yang agung itu dan Islam namakan perjuangan yang berterusan ini, penggemblengan seluruh tenaga dan penggunaan

seluruh kekuatan dan sarana ini dengan istilah 'jihad'. Oleh sebab itu jihad merupakan satu istilah yang merangkumi segala jenis usaha dan tenaga perjuangan. Dan setelah anda mengerti hakikat ini, maka anda tidak lagi merasa pelik jika saya berkata bahawa perjuangan mengubahkan pandangan manusia, perjuangan menukarkan kecenderungan dan keinginan mereka dan perjuangan untuk mencetuskan revolusi mental dan fikiran mereka dengan perantaraan kekuatan mata pena merupakan salah satu dari perjuangan jihad. Begitu juga perjuangan untuk menghapuskan sistem hidup yang usang dan zalim dengan kekuatan mata pedang dan perjuangan menegakkan satu sistem hidup yang baru yang berlandaskan keadilan dan kesaksamaan merupakan salah satu dari perjuangan jihad. Seterusnya perjuangan yang mengorbankan harta kekayaan dan kesanggupan menanggung kesusahan dan mengalami penderitaan-penderitaan dalam perjuangan itu juga merupakan bab-bab yang penting dari buku 'jihad' yang besar itu.

"Jihad dalam Islam bukanlah suatu perjuangan tanpa tujuan, malah ia merupakan perjuangan untuk Sabilullah. Inilah syarat yang tidak terpisah dari istilah jihad buat selama-lamanya. Dan istilah fi Sabilillah ini juga merupakan istilah yang digunakan Islam untuk menjelaskan gagasan perjuangannya dan menerangkan pengajaran-pengajaran sebagaimana saya telah huraikan sebelum ini. Memang ramai orang-orang yang terkeliru dengan pengertian fi Sabilillah mengikut maknanya yang lahir. Mereka fikir bahawa tindakan menundukkan manusia kepada 'aqidah Islam atau memaksa mereka menganut Islam itulah makna jihad fi Sabilillah. Ini disebabkan kerana kesempitan dada dan ruang fikiran mereka telah menghalangkan mereka dari meningkatkan diri mereka ke tahap kefahaman yang lebih tinggi dari itu. Ia menghalangkan mereka dari berlegar di langit fikiran yang lebih luas dari langit pemikiran mereka. Sebenarnya pengertian "fi Sabilillah" jauh lebih luas dari pengertian yang difahami mereka dan jauh lebih tinggi tujuannya dari apa yang difikirkan mereka.

"Perjuangan yang dikehendaki Islam ialah apabila seseorang atau suatu kelompok Muslimin itu berjuang dan mencurahkan segala usahanya untuk menghapuskan sistem yang usang dan salah dan menegakkan satu sistem baru yang berasaskan idea cita Islamiyah, maka hendaklah perjuangan itu bersih dari segala tujuan yang lain dan bersih dari kehendak-kehendak nafsu dan kepentingan diri, hendaklah di sebalik perjuangan, usaha dan pengorbanan itu tidak ada matlamat yang lain dari cita-cita menegakkan sistem hidup yang adil yang berlandaskan kesaksamaan dan kebenaran di antara manusia. Hendaklah perjuangan itu tidak meminta apa-apa ganjaran dunia yang fana ini, hendaklah seseorang yang berjuang terus menerus untuk meninggikan agama Allah itu bercita-cita untuk mendapatkan pangkat kemuliaan atau nama baik atau kemasyhuran, hendaklah jangan terlintas dihatinya - dalam masa perjuangan dan pengorbanan tenaga yang mahal ini cita-cita untuk meninggikan kedudukan dirinya dan keluarganya atau untuk memegang teraju pemerintahan secara mutlak atau memegang jawatan para penguasa yang jahat setelah ia memecatkan pemerintah-pemerintah diktator yang angkuh itu dari jawatan mereka. Dengarlah seruan Al-Qur'an yang berseru dengan lantang:

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱلطَّٰغُوتِ

"Orang-orang yang beriman adalah berperang kerana Sabilullah, dan orang-orang kafir adalah berperang kerana kepentingan Taghut".

(Surah an-Nisa': 76)

Ayat yang mulia berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱعْبُدُوا۟ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُمْ وَٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾

"Wahai manusia! Sembahlah Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan generasi-generasi sebelum kamu supaya kamu bertaqwa."

(Surah al-Baqarah: 21)

"..... mengandungi intisari dan teras da'wah revolusi Islam, kerana itu dalam ayat ini Allah tidak berbicara dengan penduduk bumi atas nama kaum buruh atau kaum tani atau kaum pemilik tanah atau kaum modal yang memiliki bengkel-bengkel dan kilang-kilang, dan tidak pula atas nama pertubuhan-pertubuhan atau kelas-kelas mereka, malah dia berbicara dengan seluruh manusia. Dia menyeru mereka selaku individu-individu bangsa manusia seluruhnya. Dia memerintah mereka supaya menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja dan melarang mereka mempersekutui Allah dengan sesuatu apa pun, di samping melarang mereka supaya jangan bertuhan kepada yang lain dari Allah. Begitu juga dia menyuruh mereka supaya jangan menderhaka perintah Tuhan mereka dan jangan berlagak angkuh dari mengabdikan diri kepada Allah dan jangan bertindak sombong di bumi Allah tanpa kebenaran, kerana teraju pemerintahan dan urusan pentadbiran alam terletak di tangan Allah. Dialah yang memegang kunci utama langit dan bumi. Oleh sebab itu tidak harus bagi seseorang hamba Allah - biar bagaimanapun kedudukannya - untuk berlagak angkuh dan takbur di mukabumi ini atau bertindak memaksa manusia tunduk dan patuh kepada perintah dan kuatkuasa-Nya, sedangkan Islam menyeru seluruh manusia supaya menumpukan keta'atan mereka kepada Allah Yang Maha Esa sahaja agar seluruh mereka sama dan setaraf dalam 'Ubudiyah yang syumul ini sebagaimana firman Allah:

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ كَلِمَةٍ سَوَآءٍۭ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا ٱللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِۦ

شَيْـًٔا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّن دُونِ ٱللَّهِ

"Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Marilah kita membuat kata sepakat di antara kami dan kamu, iaitu kita tidak sembah melainkan Allah dan kita tidak mempersekutui-Nya dengan suatu apa pun dan tidak pula kita mengambil satu sama lain di antara kita sebagai tuhan-tuhan selain Allah."

(Surah Aali 'Imran: 64)

"Itulah seruan ke arah revolusi sejagat yang syumul, yang cukup jelas, tiada sebarang kekeliruan dan kesamaran. Al-Qur'an berseru dengan lantang:

إِنِ ٱلْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ أَمَرَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلْقَيِّمُ

"Teraju pemerintahan itu adalah milik Allah. Dia telah memerintah supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia. Itulah agama yang lurus."

(Surah Yusuf: 40)

"Oleh sebab itu tiada seorang manusia pun yang berhak melantikkan dirinya sebagai pemerintah yang menguasai manusia, yang berkuasa menyuruh mereka melakukan apa sahaja yang dikehendaki dan melarang mereka dari apa sahaja yang disukainya. Tidak syak lagi bahawa perbuatan seseorang manusia memegang kuasa menyuruh dan melarang yang mutlak dan bebas tanpa mendapat kuasa dari Allah Yang Maha Tinggi merupakan satu perbuatan takbur di bumi Allah terhadap Allah tanpa hak yang wajar, satu keangkuhan terhadap perintah Allah dan satu perbuatan yang membayangkan hasrat untuk menduduki maqam Uluhiyah[3]. Orang-orang yang merelakan Taghut yang seperti itu menjadi pemerintah-pemerintah mereka bererti mereka mempersekutukan Allah. Inilah punca kerosakan di bumi dan di sinilah mengalirnya segala mata air kejahatan dan kezaliman.

* * * * * *

Da'wah Ke Arah Revolusi Sosial

"Da'wah Islam kepada konsep tauhid dan menyembah Allah Yang Maha Esa itu bukanlah merupakan satu isu 'Ilmul-Kalam sahaja atau satu 'aqidah ketuhanan semata-mata sama seperti agama-agama yang lain, malah da'wah itu adalah da'wah ke arah revolusi sosial, yang mana tujuan utamanya ialah menghapuskan orang-orang yang ingin bersemayam di atas kerusi Uluhiyah dan memperbudakkan manusia dengan berbagai-bagai angkara tipudaya. Di antara mereka ada yang menduduki kerusi jawatan-jawatan ketua kuil, sami dan kahin, ada yang melantikkan diri mereka sebagai pemerintah-pemerintah yang menguasai manusia dan ada pula yang memegang kuasa mutlak di atas sumber-sumber kekayaan dan hasil mahsul bumi menyebabkan orang ramai bergantung dan mengemis kepada mereka tanpa mendapat habuan yang dapat menampung keperluan hidup mereka. Islam mahu menghapuskan semua Taghut-taghut yang seperti ini. Mereka kadang-kadang bersemayam di atas kerusi Uluhiyah secara terang-terangan dan berusaha agar seluruh orang ramai tunduk kepada perintah dan kuasa mereka yang zalim dengan bersandarkan kepada hak-hak yang diwarisi dari datuk nenek mereka atau hak-hak itu dibolot oleh satu golongan yang mempunyai hubungan dengannya, lalu mereka berkata (dengan angkuh): 'Setahu aku kamu tidak mempunyai tuhan yang lain dari aku' dan 'akulah tuhan kamu yang tertinggi' dan 'aku berkuasa menghidup dan memati' dan 'siapakah yang lebih kuat dari kami?' dan sebagainya dari cakap-cakap yang angkuh dan sombong dan dakwaan-dakwaan mempunyai sifat-sifat Uluhiyah yang diucapkan mereka dengan penuh nekad dan keterlaluan. Kadang-kadang mereka mengeksploitasikan kebodohan orang ramai, lalu mereka mengadakan patung-patung dan berhala-berhala kemudian mereka menyeru orang ramai supaya melahirkan tanda-tanda 'Ubudiyah mereka di hadapan berhala-berhala dan patung-patung itu, sementara mereka bersembunyi di sebalik berhala-berhala mempermain-mainkan akal orang ramai dan memperbudakkan mereka untuk kepentingan hawa nafsu mereka tanpa disedari orang ramai[4]. Dari sini ternyatalah bahawa da'wah Islam yang mengajak manusia berpegang dengan konsep tauhid dan menumpukan ibadat kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, juga tentangan dan kritikan Islam terhadap konsep kufur dan syirik dan menjauhkan berhala-berhala dan Taghut-taghut itu, semua itu bertentangan dengan kerajaan dan pihak pentadbirannya yang terdiri dari mereka yang berkepentingan yang memandang kerajaan itu sebagai alat yang menguatkan kedudukan mereka dan meluluskan keperluan-keperluan dan kehendak-kehendak mereka. Oleh sebab itu anda dapat melihat setiap kali lahirnya seorang nabi yang berda'wah kepada manusia secara terus terang dan menyeru mereka:

يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ

---

[3] *Dalam konteks ini tidak ada beza sama ada kuasa lembaga atau kuasa rakyat yang mengadakan undang-undang dan peraturan yang tidak mendapat keizinan dari Allah itu kerana yang diambil kira di sini ialah wujudnya syarat keizinan dari Allah sama ada yang membuat undang-undang itu ialah individu atau kumpulan atau rakyat.*

[4] *Dalam jahiliyah-jahiliyah moden, hanya rupa bentuk berhala sahaja yang berubah, di mana mereka mengadakan berhala-berhala jenis baru iaitu berhala-berhala niskala (yang tidak berbentuk fizikal) untuk dipuja oleh orang ramai yang bodoh. Sami-sami dan berhala-berhala ini akan bertindak sebagai jurucakapnya dan berkata bahawa berhala-berhala ini mahukan mereka berbuat begitu dan begini dan apa yang dikatakan mereka diikuti dan dipatuhi oleh orang ramai yang bodoh itu.*

"Wahai kaumku! Sembahlah Allah, tiada Tuhan yang lain bagi kamu kecuali Allah"

(Surah al-A'raf: 59)

maka ia terus ditentang oleh kerajaan yang berkuasa di zamannya dan oleh pihak-pihak yang mengeksploitasikan hasil-hasil kekayaan negeri itu dan melaburkannya secara zalim dan menceroboh. Mereka tampil menentangnya dan meletakkan berbagai-bagai halangan dan sekatan untuk menggagalkan da'wah itu. Ini disebabkan kerana da'wah ini bukanlah untuk menjelaskan 'aqidah dengan penerangan lisan sahaja atau untuk menghuraikan sesuatu masalah dari masalah-masalah metafizikal, malah da'wah ini adalah da'wah untuk mencetuskan revolusi sosial sejagat, yang mana tanda-tanda awalnya tidak tersembunyi dari mata para pembesar yang memegang jawatan-jawatan tinggi yang menguasai sumber-sumber kekayaan negeri itu, dan mereka dapat mencium bau kekacauan politik akibat da'wah itu beberapa tahun sebelum berlakunya kekacauan itu.

* * * * * *

Da'wah dan Hizbullah

"Islam bukannya agama yang memperkenalkan sejumlah masalah-masalah 'aqidah secara 'Ilmul-Kalam semata-mata dan sejumlah masalah-masalah ibadat dan syiar-syiarnya sebagaimana yang difahamkan dari pengertian agama di masa kini, malah yang sebenarnya Islam merupakan satu sistem hidup yang syumul yang bertujuan untuk menghapuskan sistem-sistem hidup yang zalim dan batil yang berlangsung di dunia ini dan menggantikannya dengan satu sistem hidup yang soleh dan sederhana yang dilihatnya lebih baik bagi umat manusia dari sistem-sistem hidup yang lain, iaitu sistem yang dapat menyelamatkan umat manusia dari penyakit-penyakit kejahatan dan kezaliman dan menjamin kebahagiaan dan keberuntungan mereka dunia dan Akhirat.

"Da'wah Islam ke arah reformasi, pembaharuan dan pembangunan itu adalah da'wah yang merangkumi seluruh manusia. Ia tidak terbatas pada satu 'umat tanpa umat yang lain atau terbatas pada satu golongan tanpa golongan yang lain, malah ia menyeru seluruh umat manusia kepada kalimatnya termasuk golongan yang zalim itu sendiri yang telah mencabul undang-undang Allah di bumi-Nya dan membolot harta kekayaan bumi, juga termasuk raja-raja dan pemerintah-pemerintah itu sendiri. Islam menyeru seluruh, mereka: Jangan bertindak keterlaluan di bumi dan masuklah ke dalam naungan undang-undang dan peraturan yang telah diaturkan Allah untuk kamu dan tahanlah diri kamu dari melakukan perkara-perkara yang dilarang dan diperingatkan Allah kepada kamu. Jika kamu patuh kepada perintah Allah dan tunduk kepada peraturan yang benar dan adil yang ditegakkan Allah untuk kebaikan dan keberkatan hidup manusia, maka kamu akan meni'mati keamanan, ketenangan dan kesejahteraan, kerana kebenaran tidak memusuhi sesiapa pun. Sebenarnya yang menjadi musuh kebenaran ialah kezaliman, korapsi, kejahatan dan tindakan seseorang yang melampaui batas fitrah manusia dan mencari sesuatu di sebaliknya yang tidak berhak kepadanya mengikut undang-undang alam atau undang-undang Allah yang difitrahkan manusia di atasnya.

"Setiap orang yang beriman dengan da'wah ini dan menerimanya dengan baik, akan menjadi anggota di dalam 'jamaah Islamiyah' atau 'pertubuhan Islam', di mana orang yang berkulit merah tidak dibezakan dari yang berkulit hitam, yang kaya tidak dibezakan dari yang miskin. Seluruh mereka dipandang sama seperti jajaran gigi-gigi sikat, tiada umat yang dipandang lebih tinggi dari umat yang lain atau dari golongan yang lain. Dengan dasar persamaan ini terbentuklah pertubuhan sejagat atau pertubuhan antarabangsa yang diistilahkan oleh Al-Qur'an sebagai 'Hizbullah'.

"Sebaik sahaja 'Hizbullah' ini terbentuk, maka bermulalah proses jihad untuk mencapai objektifnya. Di antara tabi'at jihad dan objektif kewujudannya ialah berusaha dan berjuang sedaya upaya untuk menghapuskan sistem-sistem pemerintahan yang tidak dilandaskan di atas prinsip-prinsip Islam dan menggantikannya dengan satu sistem tamadun dan sosial yang sederhana, yang ditegakkan di atas undang-undang yang sederhana dan adil yang dinamakan oleh Al-Qur'anul-Karim sebagai 'Kalimatullah'. Jika Hizbullah itu tidak berusaha sedaya upayanya untuk mengubahkan sistem-sistem pemerintahan yang zalim dan menegakkan sistem pemerintahan yang benar, yang berlandaskan prinsip-prinsip Islam dan berjihad dengan bersungguh-sungguh di jalan ini, maka terluputlah matlamat hizbu ini kerana ia gagal mencapai objektifnya, iaitu menegakkan sistem yang benar dan adil. Inilah satu-satunya matlamat Hizbullah yang dijelaskan Allah dalam kitab-Nya yang mulia.

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

"Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk memimpin manusia. Kamu menyuruh melakukan perbuatan-perbuatan yang ma'ruf dan melarang melakukan perbuatan-perbuatan yang mungkar dan kamu beriman kepada Allah."

(Surah Aali 'Imran: 110)

"Janganlah seseorang itu berfikir bahawa 'Hizbullah' yang diistilahkan oleh Al-Qur'an itu ialah sekumpulan penda'wah yang mengajar orang ramai di masjid-masjid dan menyeru mereka supaya mengikut aliran pemikiran dan jalan yang diikuti mereka dengan perantaraan ceramah-ceramah dan makalah-makalah yang ditulis oleh mereka. Yang sebenarnya bukan begitu, malah hizbu yang

diwujudkan Allah ini adalah ditugaskan untuk membawa panji-panji kebenaran dan keadilan di tangannya dan berperanan sebagai saksi terhadap manusia. Sejak hari pertama lagi Hizbullah ditugas untuk menghapuskan punca-punca kejahatan dan pencabulan, membasmikan kezaliman dan korapsi di bumi, membanteraskan eksploitasi yang terkutuk, mengawal dan mencegah tindak-tanduk liar yang dilakukan oleh tuhan-tuhan palsu yang berlagak angkuh di bumi Allah tanpa sebab yang wajar dan meletakkan diri mereka sebagai tuhan-tuhan palsu selain Allah, dan seterusnya Hizbullah ditugas untuk mencabut akar umbi Uluhiyah mereka dan menegakkan satu sistem pemerintahan dan tamadun yang soleh yang dapat memberi naungan kepada yang jauh dan yang dekat, kepada yang kaya dan yang miskin. Allah telah mengisyaratkan kepada matlamat ini di dalam ayat-ayat Al-Qur'anul-Hakim:

وَقَٰتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ ٱلدِّينُ كُلُّهُۥ لِلَّهِ

"Dan perangilah mereka sehingga tidak berlaku lagi penindasan (terhadap orang-orang Mukmin) dan supaya agama seluruhnya tertentu kepada Allah sahaja."

(Surah al-Anfal: 39)

إِلَّا تَفْعَلُوهُ تَكُن فِتْنَةٌ فِى ٱلْأَرْضِ وَفَسَادٌ كَبِيرٌ ٧٣

"Jika kamu tidak melakukan jihad nescaya berlakulah penindasan (ke atas orang-orang yang beriman) dan kerosakan yang besar."

(Surah al-Anfal: 73)

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَرْسَلَ رَسُولَهُۥ بِٱلْهُدَىٰ وَدِينِ ٱلْحَقِّ لِيُظْهِرَهُۥ عَلَى ٱلدِّينِ كُلِّهِۦ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْمُشْرِكُونَ ٣٣

"Dan Dialah Yang telah mengutuskan rasul-Nya yang membawa hidayat dan agama yang benar untuk menonjolkannya mengatasi seluruh agama yang lain walaupun tidak disukai oleh orang-orang Musyrikin."

(Surah at-Taubah: 33)

Dari seluruh penjelasan ini ternyata bahawa Hizbullah pasti memegang teraju segala urusan, ia pasti memegang tampuk pemerintahan, kerana sistem tamadun yang korup itu dibangunkan di atas kuatkuasa kerajaan yang ditegakkan di atas prinsip-prinsip pencabulan dan korupsi di bumi. Begitu juga sistem pemerintahan yang soleh itu tidak mungkin dibangun dan mencapai kejayaan melainkan setelah dirampaskan teraju urusan pemerintahan dari tangan pemerintah-pemerintah yang zalim dan korup, dan setelah mereka dipimpin oleh tokoh-tokoh yang beriman kepada Allah dan hari Qiamat dan tidak gemar berlagak angkuh dan melakukan korapsi di bumi.

Di samping itu, Hizbullah ini - tanpa melihat kepada tujuannya yang berhasrat untuk mengislahkan dunia dan menyebarkan kebaikan dan akhlak yang luhur di seluruh dunia - tidak mampu untuk kekal berdiri di atas pelan perancangan-perancangannya, berpegang teguh dengan sistem hidupnya dan berjuang mengikut kehendak-kehendak keperluannya selama sistem pemerintahan (di negeri itu) ditegakkan di atas prinsip yang lain dan berjalan mengikut sistem yang berlainan dari sistem Islam, kerana pertubuhan yang beriman kepada prinsip-prinsip, sistem hidup dan sistem pemerintahan yang tertentu tidak mungkin hidup dengan prinsip-prinsipnya, tidak mungkin berjalan mengikut sistem hidupnya dan tidak mungkin berjuang mengikut kehendak keperluannya di bawah naungan pemerintahan yang berlandaskan prinsip-prinsip dan tujuan-tujuan yang berlainan dari prinsip-prinsip dan tujuan-tujuan yang diimani oleh pertubuhan itu. Misalnya seseorang yang beriman kepada prinsip-prinsip komunisme tidak akan dapat hidup di Britain atau di Jerman dengan berpegang teguh kepada ideologi komunismenya dan tidak akan dapat menyesuaikan hidupnya dengan program-program yang diaturkan oleh komunismekomunisme kerana undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh sistem pemerintahan kapitalis dan parti[5] di negeri-negeri itu menguasai dan mempengaruhi hidupnya dengan kuatkuasa undang-undangnya, Oleh sebab itu ia tidak dapat sama sekali menghindari pengaruh cengkaman dari sistem itu. Begitu juga jika seorang Muslim ingin hidup di bawah naungan sistem pemerintahan yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam yang kekal[6], kemudian ia berhasrat untuk berpegang teguh dengan prinsip-prinsip Islam dan berjalan mengikut kehendak-kehendak prinsip itu di dalam kegiatan hariannya, maka sudah tentu ia tidak berjaya melaksanakan hasratnya itu buat selama-lamanya kerana undang-undang yang tidak betul di negeri itu, sistem percukaiannya yang zalim dan merampas harta rakyat, isu-isu yang dipertahankannya menyeleweng dari kebenaran dan mencabul keadilan, peraturan-peraturannya yang menjadi punca korapsi dan sistem pendidikannya yang membawa akibat yang buruk dan memusnahkan umat... semua undang-undang dan sistem ini turut mempengaruhi hidupnya, menguasai persekitarannya, kaum keluarga dan anak-anaknya, di mana ia tidak dapat mengelakkan diri dari ikatan-ikatannya dan tidak dapat menyelamatkan diri dan keluarganya dari kesan-kesan dan pengaruh undang-

---

5 *Kajian ini ditulis pada tahun 1938, di mana sistem pemerintahan Nazi sedang berkuasa di negeri Jerman.*

6 *Tiap-tiap sistem pemerintahan yang tidak menumpukan sepenuh 'Ubudiyah kepada Allah dan tidak menjadikan syari'at Allah menguasai seluruh bidang hidup, maka sistem itu adalah bertentangan dengan Islam.*

undang dan sistem-sistem itu, kerana orang yang beriman dengan sesuatu 'aqidah atau sesuatu sistem - baik individu atau kumpulan - sudah tentu akan didorong oleh 'aqidah dan keimanannya itu ke arah berusaha dan berjuang untuk menghapuskan sistem pemerintahan yang ditegakkan di atas idea cita yang bertentangan dengan idea citanya dan menegakkan sistem pemerintahan yang berlandaskan idea cita yang diimaninya, iaitu idea cita yang dianggapkannya dapat menjaminkan kebahagiaan umat manusia. Ia tidak mungkin bertindak mengikut 'aqidahnya dan berjalan mengikut sistem hidupnya melainkan dengan cara ini. Jika anda melihat seseorang itu tidak berusaha ke arah tujuan ini atau mencuaikan tugas jihad ini, maka ketahuilah bahawa orang itu adalah seorang pendakwa yang dusta, sedangkan keimanan belum lagi meresap ke dalam hatinya. Maksud ini telah diterangkan di dalam ayat-ayat yang berikut:

عَفَا ٱللَّهُ عَنكَ لِمَ أَذِنتَ لَهُمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكَ ٱلَّذِينَ صَدَقُوا۟ وَتَعْلَمَ ٱلْكَٰذِبِينَ ﴿٤٣﴾

لَا يَسْتَـْٔذِنُكَ ٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ أَن يُجَٰهِدُوا۟ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِٱلْمُتَّقِينَ ﴿٤٤﴾

إِنَّمَا يَسْتَـْٔذِنُكَ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ وَٱرْتَابَتْ قُلُوبُهُمْ فَهُمْ فِى رَيْبِهِمْ يَتَرَدَّدُونَ ﴿٤٥﴾

"Semoga Allah memaafkan engkau. Mengapa engkau membenarkan mereka (untuk tidak pergi berperang) sebelum ternyata kepadamu orang-orang yang benar-benar (uzur) dan sebelum engkau mengetahui orang-orang yang berdusta (43). Orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat tidak akan meminta izin kepadamu untuk tidak turut berjihad dengan harta benda dan jiwaraga mereka. Dan Allah amat mengetahui orang-orang yang bertaqwa (44). Sesungguhnya orang-orang yang meminta izin kepadamu itu hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari Qiamat dan hati mereka ragu-ragu. Oleh kerana itu mereka terumbang-ambing di dalam keraguan mereka."(45)

(Surah at-Taubah)

"Tidak ada keterangan yang lebih benar dan tidak ada hujah yang lebih jelas dari keterangan dan hujah Al-Qur'an. Di dalam ayat-ayat ini, Al-Qur'an menjelaskan bahawa orang yang tidak menyambut seruan jihad dan tidak berjihad dengan harta benda dan jiwa raganya untuk meninggikan Kalimatullah, menegakkan agama yang diredhai-Nya dan membangun sistem pemerintahan yang berlandaskan prinsip-prinsip agama Allah, maka ia termasuk dalam golongan orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari Akhirat dan berhati ragu-ragu yang sentiasa terumbang-ambing di dalam keraguan.

* * * * * *

Revolusi Islam Yang Bersifat Sejagat dan Antarabangsa

"Semoga dengan huraian yang lepas ternyata kepada anda bahawa objektif jihad di dalam Islam ialah meruntuhkan sistem-sistem pemerintahan yang bertentangan dengan prinsip Islam dan menegakkan kerajaan yang berlandaskan prinsip-prinsip Islam sebagai gantinya. Tugasnya mencetuskan revolusi Islam ini tidak hanya terbatas pada sebuah negeri sahaja, malah Islam mahu dan berhasrat agar revolusi yang syumul ini dicetuskan di merata pelosok dunia. Inilah objektif Islam yang paling tinggi dan luhur yang sentiasa menjadi sasaran di hadapan matanya. Daya usaha yang perlu dilakukan oleh kaum Muslimin atau anggota-anggota pertubuhan Islam ialah melaksanakan tugas mencetuskan revolusi dan mengubahkan sistem pemerintahan di negeri-negeri yang didiami mereka, dan yang harus menjadi objektif mereka yang paling tinggi dan luhur ialah mencetuskan revolusi Islam antarabangsa yang syumul dan merangkumi seluruh pelosok dunia, kerana idea cita revolusi Islam yang tidak beriman dengan prinsip perkauman atau kebangsaan dan menyeru ke arah kebahagiaan dan kejayaan seluruh umat manusia itu tidak mungkin sekali-kali mempersempitkan daerah aktiviti-aktiviti perjuangannya dalam lingkungan satu umat atau satu negeri yang terbatas, malah yang sebenarnya tabi'at idea cita revolusi Islam itu terpaksa menjadikan revolusi antarabangsa itu sebagai objektif perjuangannya yang sentiasa berada di hadapan matanya dan tidak dilupainya walaupun sedetik, kerana kebenaran tidak mengi'tirafkan perbatasan-perbatasan geografi dan tidak rela dikurung di dalam perbatasan-perbatasan sempit yang diistilahkan oleh ahli-ahli geografi. Kebenaran mencabar akal umat manusia yang bersih dan berkata kepada mereka: Mengapa kamu berkata bahawa isu anu itu hanya benar setakat tepi bukit atau tepi sungai itu sahaja, kemudian isu yang sama itu juga akan menjadi tidak benar - mengikut hemat kamu - apabila melewati beberapa ela dari bukit atau sungai itu, sedangkan yang benar itu tetap benar dalam situasi apa sekalipun dan di tempat mana sekalipun. Apakah bukit dan sungai mempunyai kesan yang boleh mengubahkan hakikat, niskala itu? Kebenaran itu mempunyai bayang yang memberi naungan yang luas dan kebaikannya meliputi seluruh tempat, ia tidak terbatas pada suatu masyarakat dan suatu negeri sahaja. Di mana sahaja manusia ditindas, maka kebenaran wajib datang menolongnya, membela dan mempertahankan haknya. Dan di mana sahaja golongan insan lemah yang teraniaya, maka keadilan, prinsip-prinsipnya dan para pejuangnya akan menyahut seruan mereka, membantu mereka hingga ia mencapai kemenangan dari musuh-musuh mereka yang zalim dan mendapat kembali hak-hak mereka yang dirampas dan digunakan dengan sewenang-wenang oleh penguasa-penguasa yang zalim. Tujuan ini telah diungkapkan oleh wahyu yang diturunkan dari Allah:

وَمَا لَكُمْ لَا تُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ ٱلرِّجَالِ وَٱلنِّسَآءِ وَٱلْوِلْدَٰنِ ٱلَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَآ أَخْرِجْنَا مِنْ هَٰذِهِ ٱلْقَرْيَةِ ٱلظَّالِمِ أَهْلُهَا وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ نَصِيرًا ﴿٧٥﴾

"Mengapa kamu tidak mahu berperang di jalan Allah dan (membela) orang-orang yang lemah dari kaum lelaki, kaum wanita dan kanak-kanak yang berdo'a: Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri ini (Makkah) yang zalim penduduknya dan kurnialah kepada kami pelindung dari sisi-Mu dan kurnialah kepada kami penolong dari sisi-Mu."

(Surah an-Nisa': 75)

"Di samping itu pertalian dan hubungan manusia - walaupun dipengaruhi oleh perbezaan-perbezaan bangsa, negeri dan berbagai-bagai kecenderungan dan perselisihan - kadang-kadang ia dapat mendokong perpaduan dan kesatuan yang menyeluruh di antara negeri-negeri di dunia yang menyebabkan sebuah kerajaan mungkin tidak dapat berjalan dalam sebuah negeri yang tertentu mengikut prinsip-prinsip dan rancangan-rancangan perjuangannya yang teratur dan jelas itu jika negeri-negeri lain yang berjiran dengannya tidak bersetuju dengan prinsip-prinsip dan rancangan-rancangan perjuangannya.[7] Oleh sebab itulah wajib di atas hizbul-Islami, demi menjamin kewujudannya dan demi perjuangan reformasi yang di dokong olehnya, supaya ia tidak berpada dengan hanya menegakkan sistem pemerintahan Islam di sebuah negeri sahaja, malah menjadi kewajipan yang tidak dapat dielak olehnya agar ia berjuang meluaskan daerah sistem Islam dan mengembangkan pengaruhnya di berbagai-bagai pelosok negeri di dunia, di samping usaha - dalam satu aspek - menyebarkan idea cita islamiyah dan teori-teorinya yang lengkap di seluruh muka bumi ini. Dan menyeru seluruh penduduk dunia dari berbagaibagai negeri, bangsa dan golongan supaya menerima da'wah ini dan tunduk kepada sistem Islam yang menjamin dua kebahagiaan iaitu kebahagiaan dunia dan kebahagiaan di Akhirat dan dalam satu aspek yang lain - berusaha sedaya upaya menentang sistem-sistem yang zalim, yang bertentangan dengan prinsip-prinsip kebenaran dan keadilan dengan menggunakan kekuatan jika ia mampu bertindak begitu dan telah mengadakan alat-alat kelengkapan yang cukup untuk maksud itu, dan sekaligus itu juga berusaha menegakkan sistem yang adil untuk mengambil tempat sistem yang zalim itu, iaitu sistem yang berlandaskan prinsip-prinsip Islam yang kekal tidak dimakan reput dan tetap baru walaupun dilalui siang dan malam yang silih berganti.

"Inilah garis-garis perjuangan dan jalan yang diikuti oleh Nabi s.a.w. dan tokoh-tokoh Islam yang datang kemudiannya, di mana sirah beliau telah diikuti oleh khalifah-khalifah ar-Rasyidin. Mereka memulakan perjuangan Islam di negeri-negeri Arab, kemudian tidak lama kemudian matahari Islam menerangi merata pelosok negeri-negeri itu. Mula-mula mereka tundukkan negeri-negeri itu kepada pemerintahan Islam dan meletakkan, di bawah naungan kerajaan Islam yang baru. Kemudian Rasulullah s.a.w. menyeru raja-raja dan pemerintah-pemerintah berbagai-bagai negeri kepada agama yang benar dan supaya mereka tunduk kepada perintah Allah. Orang-orang yang menyambut dan beriman kepada seruan ini menggabungkan diri mereka di dalam kerajaan Islam dan menjadi warga negaranya, manakala orang-orang yang tidak menyambut seruan ini dan tidak menerimanya dengan baik, mereka ditugas melancarkan perang dan jihad terhadap mereka. Apabila Abu Bakr r.a. menjadi khalifah selepas Rasulullah s.a.w. wafat atau pulang kepada ar-Rafiqul-A'la, beliau bertindak menyerang dua kerajaan yang berjiran dengan kerajaan Islam, iaitu kerajaan Roman dan kerajaan Parsi yang terkenal di merata negeri di dunia sebagai dua kerajaan yang zalim dan angkuh di bumi Allah. Peperangan-peperangan yang dilancarkan oleh khalifah Abu Bakr r.a. itu telah mencapai kemuncaknya di zaman 'Umar al-Faruq r.a. yang telah berjasa dan berjaya mengukuhkan asas-asas pertama empayar Islam hingga naungannya yang luas meliputi semua negeri-negeri itu" [8] .... (di sinilah berakhirnya petikan-petikan itu).

* * * * * *

Peristiwa Peperangan Badar dan Surah Al-Anfal

Berdasarkan huraian ini yang telah menjelaskan hakikat agama Islam dan tabi'atnya, menjelaskan tabi'at jihad dan nilainya, menjelaskan sistem agama Islam dan garis-garis gerak langkahnya dalam pelancaran jihad dan peringkat-peringkatnya, dapatlah kita menilaikan peperangan besar Badar

---

[7] *Terutama prinsip-prinsip dan rancangan-rancangan perjuangan islam yang mahu mencabut kuasa memerintah dari setiap pemerintah dan memulangkannya semula kepada Allah yang Maha Esa. Oleh sebab itulah Islam ditentang oleh semua sistem, semua kerajaan dan semua kem ditegakkan di atas asas Ubudiyah kepada sesama manusia, yang merupakan dasar yang disyarikati oleh semua sistem pemerintahan ciptaan manusia.*

[8] *Penaklukan-penaklukan yang dimulakan di zaman Rasulullah s.a.w. dan kemudian berterusan hingga ke zaman dua khalifah selepasnya bukanlah penaklukan-penaklukan kerana dijangkiti semangat empayar yang wujud di zaman itu sebagaimana yang disangkakan oleh setengah-setengah orientalis dan orang-orang yang terpengaruh kepada pendapat-pendapat mereka yang melulu, kerana Islam sebagai agama yang diturun untuk menukarkan realiti bumi dan pemikiran-pemikirannya sudah tentu tidak wajar dikatakan menerima jangkitan dari realiti bumi dan pemikiran-pemikirannya, begitu juga Rasulullah s.a.w. tidak wajar boleh dikelirukan dari hakikat agamanya dengan jangkitan ini.*

yang disifatkan Allah hari berlakunya sebagai "Yaumul-Furqan" (hari pemisahan di antara yang hak dan yang batil), juga dapatlah kita mengenal secara ringkas Surah al-Anfal yang telah diturun di dalam peperangan itu.

Peperangan besar Badar bukanlah merupakan gerakan ketenteraan pertama jihad Islam sebagaimana telah kami nyatakan sebelum ini, kerana sebelum peperangan besar ini telah pun digerakkan beberapa pasukan peronda dan peninjau, tetapi di dalam gerakan-gerakan itu hanya satu pasukan sahaja yang terlibat di dalam pertempuran iaitu pasukan Abdullah ibn Jahsy yang berlaku dalam bulan Rajab awal bulan yang ketujuh belas dari Hijrah Rasulullah s.a.w. ke Madinah dan semua gerakan ketenteraan itu sesuai dengan prinsip jihad di dalam Islam sebagaimana kami telah jelaskan sebelum ini..... ya, semua gerakan ketenteraan ditujukan kepada kaum Quraisy yang telah mengusir Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin yang mulia dan tidak pernah memelihara kehormatan Baitullah baik di dalam jahiliyah mahupun di dalam Islam, tetapi ini bukanlah menjadi dasar dalam pelancaran jihad di dalam Islam, kerana yang menjadi dasar ialah perisytiharan am Islam untuk membebaskan manusia dari 'Ubudiyah kepada yang lain dari Allah dan menegakkan konsep Uluhiyah Allah di bumi di samping menghancurkan kuasa Taghut-taghut yang memperbudakkan manusia dan mengeluarkan mereka dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia kepada 'Ubudiyah Allah Yang Maha Esa sahaja. Kaum Quraisy di waktu itu merupakan kuasa Taghut yang secara langsung menghalangkan orang ramai di Semenanjung Tanah Arab dari menumpukan ibadat mereka kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan dari tunduk kepada kuasa Allah Yang Maha Esa sahaja. Oleh sebab itu Islam terpaksa menentang kuasa Taghut ini sesuai dengan garis-garis am gerak langkahnya dan dalam waktu yang sama sesuai untuk mendapat keadilan dari kezaliman dan pencerobohan yang telah menimpa kaum Muslimin yang mulia, juga sesuai untuk menjaga keselamatan Islam di Madinah daripada serangan dan pencerobohan musuh.... walau bagaimanapun, namun yang harus diingat untuk selama-lamanya ketika menjelaskan sebab-sebab setempat yang hampir bagi pelancaran jihad ini ialah kita jangan lupakan bahawa tabi'at agama Islam dan garis-garis gerak langkahnya itu sendiri yang mewajibkan Islam agar jangan membiarkan kuasa Taghut bertindak sewenang-wenang merampas kuasa Allah dan memperbudakkan manusia kepada kuasa yang lain dari 'Ubudiyah kepada Allah dan kepada syari'at-Nya dalam keadaan apa sekalipun.

Urutan Peristiwa Badar Al-Kubra

Di sini kami bentangkan satu huraian ringkas mengenai peristiwa-peristiwa perang besar Badar sebelum mentafsirkan Surah al-Anfal yang diturunkan di dalam peperangan ini. Supaya kita dapat menghayati suasana turunnya surah ini dan dapat memahami tujuan nas-nasnya dan realitinya dalam menghadapi peristiwa-peristiwa itu dalam satu aspek, dan dalam penentuan arah tuju peristiwa-peristiwa itu dalam satu aspek yang lain. Ini memandangkan bahawa nas-nas Al-Qur'an itu tidak dapat difahami dengan pemahaman yang sebenar dengan hanya mempelajari maksud-maksud penjelasan ayat dan pengertian-pengertiannya dari aspek bahasa semata-mata, malah nas-nas itu harus difahami - sebelum segala sesuatu - dalam suasana sejarah pergerakan nas-nas itu dan dalam realitinya yang positif serta dikaji bersama realitinya yang hidup. Walaupun nas-nas itu lebih jauh skopnya dan lebih kuat nasnya dari realiti sejarah yang dihadapinya, tetapi skop yang jauh itu tidak terbuka melainkan dengan bantuan dari realiti sejarah. Kemudian nas-nas itu kekal dengan saranan dan kesannya yang berterusan bagi mereka yang memperjuangkan agama ini dan mengamalkannya seperti yang diamalkan oleh para sahabat yang diturunkan nas-nas ini kepada mereka bagi pertama kalinya serta menghadapi suasana-suasana yang sama dengan suasana-suasana yang dihadapi oleh mereka. Rahsia-rahsia nas-nas Al-Qur'an ini sama sekali tidak terbuka kepada orang-orang yang duduk atau tidak berjuang, iaitu orang-orang yang mengkaji nas-nas Al-Qur'an berdasarkan pengertian-pengertiannya dari segi bahasa dan daya penerangannya sahaja sedangkan mereka duduk sahaja.

Ujar Ibn Ishaq:[9] Kemudian Rasulullah s.a.w. mendengar berita kedatangan Abu, Sufyn ibn Harb dari negeri Syam dalam satu angkatan kafilah Quraisy yang besar, yang membawa harta dan barang-barang perdagangan kaum Quraisy. Di dalam kafilah itu terdapat kira-kira tiga puluh atau empat puluh orang-orang Quraisy....

Ujar Ibn Ishaq: Saya telah diceritakan Muhammad ibn Muslim az-Zuhri, 'Asim ibn 'Umar ibn Qatadah, Abdullah ibn Abu Bakr dan Yazid ibn Roman dari 'Urwah ibn az-Zubayr dan lainnya dari ulama'-ulama' kami daripada ibn Abbas r.a., semuanya masing-masing menceritakan kepada saya setengah-setengah cerita dan cerita mereka selaras dengan cerita Peperangan Badar yang telah saya sebutkan tadi. Mereka mencerita:

Apabila Rasulullah s.a.w. mendengar berita kedatangan kafilah Abu Sufyan dari negeri Syam, beliau menyeru kaum Muslimin supaya (menyekat) angkatan kafilah itu dan bersabda: "Inilah angkatan kafilah Quraisy yang membawa harta benda mereka. Oleh itu keluarlah kamu menyerang kafilah itu

[9] *Ibn Kathir berpegang dengan Ibn Ishaq di dalam riwayat beliau mengenai peperangan Rasulullah di dalam kitabnya "البداية والنهاية". Begitu juga al-Muqrizi dalam kitab " إمتاع الأسماع" banyak menggunakan riwayat ini. Seterusnya riwayat ini juga telah diceritakan secara ringkas oleh Ibnul-Qayyim al-Jauzi dalam kitab "زاد المعاد" dan oleh Al-Imam ibn Hazm dalam kitab " جوامع السيرة" dan kami telah memetik dari semua sumber ini.*

semoga Allah jadikannya suatu pemberian untuk kamu". Lalu kaum Muslimin menyahut seruan beliau. Setengahnya datang cepat dan setengahnya pula datang lambat kerana mereka tidak fikir bahawa Rasulullah s.a.w. sedang menghadapi satu peperangan (sementara di dalam kitab "زاد المعاد" dan "إمتاع الأسماع" pula menyebut bahawa Rasulullah s.a.w. menyuruh mereka yang mempunyai kenderaan yang ada di tempat itu sahaja bangkit menyerang kafilah itu dan beliau tidak menunjukkan minat yang besar kepada serangan itu). Ujar Ibnul-Qayim: "Jumlah kaum Muslimin yang datang ke Badar ialah tiga ratus orang lebih. Di antara mereka ialah lapan puluh orang dari kaum Muhajirin, enam puluh satu orang dari kaum Aus dan seratus tujuh puluh orang dari kaum Khazraj. Sebab bilangan kaum Aus lebih kecil dari kaum Khazraj walaupun mereka lebih kuat dan lebih sabar dalam pertempuran ialah kerana rumah-rumah kediaman mereka terletak di bahagian-bahagian atas negeri Madinah, sedangkan perintah keluar itu datang secara tiba-tiba sementara Rasulullah s.a.w. pula bersabda: 'Jangan ikut kami melainkan orang-orang yang mempunyai kenderaan yang ada bersama mereka. Oleh itu ramai orang yang tidak mempunyai kenderaan kerana di tinggal di kediaman-kediaman mereka di bahagian atas negeri Madinah minta izin dari Rasulullah s.a.w. supaya menunggu mereka sehingga mereka kembali membawa kenderaan-kenderaan mereka, tetapi permintaan itu ditolak oleh Rasulullah s.a.w. Di waktu itu mereka belum lagi memutuskan untuk berperang dan belum lagi membuat persediaan-persediaan untuk bertempur, tetapi Allah telah mempertemukan mereka dengan musuh-musuh mereka di luar perjanjian."

Apabila Abu Sufyan menghampiri di negeri Hijaz, ia mula merisikkan berita-berita mengenai pergerakan kaum Muslimin di sana. Dia bertanya penunggang-penunggang yang ditemuinya di jalanan kerana bimbangkan keselamatan harta kaum Quraisy yang dibawa oleh mereka. Pada akhirnya ia mendapat berita dari penunggang-penunggang yang ditemuinya bahawa Muhammad telah menggemblengkan para sahabatnya untuk menyerangnya dan kafilahnya. Oleh kerana itu ia harus berwaspada. Lalu Abu Sufyan mengupah Dhamdham ibn Amr al-Ghifari pergi ke Makkah untuk menemui kaum Quraisy dan meminta mereka datang segera menyelamatkan harta mereka kerana Muhammad dan para sahabatnya hendak menyerang kafilahnya. Lalu Dhamdham ibn Amr berlepas dengan segera ke Makkah.

Ujar al-Muqtizi di dalam kitab "زاد المعاد", sebaik sahaja penduduk Makkah sedar, Dhamdham terus menyeru mereka: Wahai kaum Quraisy! Wahai keluarga Lu'ay ibn Ghalib! Kafilah kamu (yang memuat bau-bauan, kasturi dan pakaian) sedang diancam oleh Muhammad dan sahabat-sahabatnya. Tolonglah! Tolonglah! Demi Allah aku tidak nampak kamu akan mendapatkan kafilah itu. Ketika itu Dhamdham telah memotong telinga unta-untanya, mengoyak bajunya dan memalingkan pelana untanya. Dan tanpa berlengah lagi kaum Quraisy tampil keluar tanpa mengira susah dan senang. Mereka membuat persiapan perang selama tiga hari, dan mengikut satu cerita selama dua hari, di mana orang-orang yang kuat menolong orang-orang yang lemah. Sementara Suhayl ibn 'Amr, Zam'ah ibn al-Aswad, Tu'aymah ibn 'Adi, Hanzalah ibn Abu Sufyan, 'Amr ibn Abi Sufyan berkempen meminta kaum mereka keluar berperang. Suhayl berseru: Wahai keluarga Ghalib! Apakah kamu hendak membiarkan Muhammad dan orang-orang yang murtad (kaum Muslimin) dari penduduk negeri Yathrib merampas unta-unta dan harta benda kamu? Siapa yang berkehendak harta, maka inilah harta, dan siapa yang berkehendak kekuatan, maka inilah kekuatan. Lalu penyair Umayah ibn Abu as-Salt memuji Suhayl dengan beberapa rangkap sajaknya. Sementara Naufal ibn Mu'awiyah ad-Dili pergi menemui orang-orang kuat Quraisy meminta bantuan perbelanjaan dan bantuan kenderaan dari mereka untuk orang-orang yang keluar berperang, lalu Abdullah ibn Abu Rabiah berkata kepadanya:" Nah ini dia lima ratus dinar! Belanjakannya untuk apa sahaja yang engkau fikir baik". Kemudian Naufal menerima sumbangan dari Huwaytib ibn Abdul-'Uzza sebanyak dua ratus dinar dan tiga ratus dinar lagi sebagai sumbangan untuk membeli senjata dan kenderaan. Sementara Tu'aymah ibn 'Adi menanggung pembiayaan dua puluh ekor unta di samping membantu mereka dan keluarga mereka sepeninggalan mereka. Mana-mana orang Quraisy yang tidak dapat keluar berperang, ia hantarkan orang lain sebagai gantinya. Mereka pergi menemui Abu Lahab, tetapi Abu Lahab enggan keluar berperang atau menghantar orang lain sebagai gantinya. Menurut cerita yang lain Abu Lahab menghantar al-'As ibn Hisham ibn al-Mughirah sebagai gantinya kerana al-'As berhutang kepadanya, lalu ia berkata kepadanya: "Awak keluar berperang, aku jadikan hutangku milik engkau", kerana itu al-'As bersetuju keluar sebagai gantinya. Sementara 'Addas pula (iaitu seorang hamba) yang beragama Kristian yang pernah satu masa dahulu dihantar oleh tuanmasnya 'Utbah dan Syaybah anak kepada Rabi'ah membawa setangkai buah anggur kepada Rasulullah s.a.w. (sewaktu beliau berlindung dalam kebun mereka) ketika beliau keluar ke Taif (untuk mencari sokongan), lalu disambut oleh penduduknya dengan layanan yang amat buruk. Beliau diikuti oleh samseng-samseng dan budak-budak jahat yang membaling anak-anak batu kepadanya menyebabkan kedua kakinya yang mulia luka-luka dan berdarah. Beliau terpaksa berlindung dari mereka dengan memasuki kebun kepunyaan 'Utbah dan Syaybah. Hati 'Addas begitu tertarik kepada tingkahlaku Rasulullah s.a.w. lalu ia mencium kedua tangan dan kaki beliau........ 'Addas mengecewakan harapan tuanmas-tuanmasnya Syaybah dan 'Utbah anak-anak kepada Rabi'ah apabila ia enggan keluar berperang.

Sementara al-'As ibn Munabbih ibn al-Hajjaj juga tidak mahu keluar berperang. Apabila Umayah ibn Khalaf enggan keluar berperang, ia ditemui oleh 'Uqbah ibn Abu Mu'ayt dan Abu Jahl. Dan apabila kedua-duanya mengeluarkan kata-kata yang kesat kepadanya, ia pun berkata: "Baiklah, belikan untuk saya seekor unta yang paling baik". Lalu mereka membeli untuknya seekor unta dengan harta tiga ratus dinar dari kumpulan unta yang dimiliki oleh suku Qusyayr. Unta ini pada akhirnya telah ditawan dan menjadi harta rampasan perang kaum Muslimin. Tiada orang yang paling benci keluar berperang di dalam kalangan kaum Quraisy kecuali al-Harith ibn 'Amir. Sementara Dhamdham ibn 'Amr pula bermimpi darah mengalir di wadi negeri Makkah dari bawah dan dari atasnya, dan 'Atikah binti Abdul Muttalib juga telah bermimpi melihat sesuatu yang boleh ditafsirkan sebagai memberi amaran kepada kaum Quraisy bahawa pembunuhan dan pertumpahan darah akan berlaku di setiap rumah. Oleh itu kalangan cerdik pandai tidak gemar keluar berperang. Mereka mengadakan pertemuan di antara satu sama lain mem-bincangkan perkara ini. Yang paling lambat untuk menyahut seruan keluar berperang ialah al-Harith ibn 'Amir, Umayah ibn Khalaf, 'Utbah dan Syaybah anak-anak Rabi'ah, Hakim ibn Hizam, Abul Bakhtari (atau Ibn Hisham), 'Ali ibn Umayah ibn Khalaf dan al-'As ibn Munabbih. Sehingga mereka dicela dan hujah-hujah mereka dikalahkan oleh Abu Jahl dengan dibantu oleh 'Uqbah ibn Mu'ayt dan an-Nadhr ibn al-Harith ibn Kaladah. Selepas itu barulah mereka mencapai kata sepakat untuk keluar berperang......

Kemudian angkatan perang Quraisy keluar dan kota Makkah dengan biduanita-biduanita dan juru-juru gendang yang bernyanyi di setiap matair dan berpesta dengan menyembelihkan unta-unta. Angkatan ini terdiri dari sembilan ratus lima puluh pejuang dan membawa seratus ekor kuda. Keadaan mereka adalah sama dengan apa yang disifatkan Allah dalam firman-Nya:

وَلَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ خَرَجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِم بَطَرًا وَرِئَآءَ ٱلنَّاسِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ وَٱللَّهُ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿٤٧﴾

"Dan janganlah kamu jadi seperti orang-orang (Musyrikin Quraisy) yang keluar dari kampung halaman mereka (untuk berperang) dengan lagak yang angkuh dan menunjuk-nunjuk kepada manusia dan mereka berusaha menghalangi orang lain dari mengikut jalan Allah. Dan Allah adalah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."

(Surah al-Anfal: 47)

Mereka datang dalam satu angkatan yang besar dan dengan dendam kesumat yang meluap-luap terhadap Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya kerana hendak merampas unta-unta mereka, dan sebelum itu pasukan peronda di bawah pimpinan Abdullah ibn Jahsy pernah menyerang 'Amr ibn al-Hadhrami dan merampas unta yang dibawa bersamanya. Abu Sufyan datang membawa deretan unta-unta bersama-sama dengan tujuh puluh orang lelaki di antaranya ialah Makhramah ibn Naufal dan 'Amru ibn al-'As. Jumlah unta yang dibawa mereka ialah seribu ekor unta yang sarat dengan muatan harta mereka. Perasaan mereka begitu takut apabila perjalanan mereka hampir dengan Madinah. Mereka merasa lambat menunggu ketibaan Dhamdham ibn Amr dan angkatan kaum Quraisy yang dikerahkan olehnya untuk mempertahankan kafilah unta mereka. Kemudian Abu Sufyan tiba di Badar mendahului angkatan unta. Dia begitu takut kepada serangan hendap kaum Muslimin lalu ia mengubahkan hala perjalanan angkatan untanya menyusur jalan pantai yang jauh dari jalan biasa ke Madinah. Dia meninggal Badar di sebelah kirinya dan terus memecut laju. Sementara angkatan Quraisy yang datang dari negeri Makkah itu terus berjalan. Mereka berhenti di setiap tempat yang ada mata air, mereka menjamu siapa sahaja yang datang menemui mereka dan menyembelih unta-unta untuk makanan mereka. Kemudian tiba-tiba Qays ibn Imra'ul-Qays utusan dari Abu Sufyan datang menemui mereka dan menyuruh mereka pulang. Ia menceritakan kepada mereka bahawa angkatan kafilah yang membawa harta mereka itu kini telah selamat dan memberi nasihat agar mereka pulang: "Janganlah kamu dedahkan diri kamu dibunuh oleh penduduk-penduduk Madinah. Kamu tidak perlu berperang dengan mereka kerana tujuan kedatangan kamu ialah untuk mempertahankan kafilah unta-unta kamu dan harta kamu dan kini semuanya telah diselamatkan Allah." Ia terus memujuk kaum Quraisy tetapi mereka enggan kembali dari al-Juhfah. Abu Jahl memberi jawapan yang tegas: "Tidak sekali-kali tidak, kami tidak akan pulang hingga kami sampai di Badar dan tinggal di sana selama tiga hari, di mana kami akan berpesta menyembelih unta-unta menjamu makanan-makanan, minum arak dan mendengar nyanyian-nyanyian dari biduanita-biduanita agar orang-orang Arab selama-lamanya merasa gerun dan takut kepada kita." Oleh kerana itu Qays terpaksa pulang mendapatkan Abu Sufyan dan menceritakan kepadanya bahawa angkatan Quraisy sedang meneruskan perjalanannya ke Badar, lalu Abu Sufyan berkata: "Oh kaumku, ini semuanya adalah gara-gara perbuatan 'Amr ibn Hisham (Abu Jahl). Dia tidak mahu pulang kerana dia memegang pucuk pimpinan angkatan itu dan oleh sebab itu ia bertindak keterlaluan, sedangkan tindakan yang keterlaluan itu suatu perbuatan yang menandakan kekurangan kebijaksanaan dan membawa kepada kecelakaan. Andaikata Muhammad dapat mengalahkan angkatan Quraisy, maka seluruh kita akan jatuh dan terhina."

Ujar ibn Ishaq: Al-Akhnas ibn Syurayq ibn 'Amr ibn Wahb ath-Thaqafi iaitu sekutu setia kepada suku Zuhrah ketika mereka berada di al-Juhfah telah berseru kepada mereka: "Wahai suku Zuhrah! Allah telah menyelamatkan harta kamu dan menyelamatkan untuk kamu sahabat kami Makhramah ibn Naufal. Ingatlah, bahawa tujuan

kamu keluar berperang ialah untuk mempertahankan Makhramah dan hartanya. Oleh itu serahlah unta-unta itu kepadaku dan pulanglah, kerana kamu tidak perlu lagi keluar berperang tanpa suatu faedah. Jangan ikut kata orang ini (Abu Jahl)!" Oleh sebab itu tidak ada seorang pun dari suku Zuhrah yang ikut di dalam peperangan itu, sedangkan setiap suku Quraisy masing-masing mengambil bahagian di dalam peperangan itu kecuali suku 'Adi ibn Ka'b, tiada seorang dari mereka yang ikut keluar untuk berperang. (Tetapi tersebut di dalam kitab إمتاع الأسماع bahawa Tu'aymah ibn 'Adi telah menanggung pembiayaan dua puluh ekor unta di samping membantu mereka dan keluarga mereka sepeninggalan mereka). Satu pertikaian lidah berlaku di antara Talib ibn Abu Talib yang turut serta dalam angkatan kaum Quraisy dengan setengah-setengah suku Quraisy yang lain. Mereka berkata kepada Talib: "Demi Allah kami tahu, wahai Bani Hasyim, walaupun kamu keluar bersama kami, namun hati kamu tetap bersama Muhammad". Lalu Talib pun pulang ke Makkah bersama mereka yang mahu pulang ke sana.

Ujar Ibn Ishaq: Rasulullah, s.a.w. keluar untuk berperang dalam bulan Ramadhan bersama-sama para sahabatnya. Jumlah unta mereka pada hari ini ialah tujuh puluh ekor yang ditunggang secara bergilir-gilir. Rasulullah s.a.w. bergilir-gilir menunggang seekor unta dengan Ali ibn Abu Talib dan Marthad ibn Abu Marthad al-Ghanawi. Sementara Hamzah ibn Abdul Muttalib bergilir-gilir menunggang seekor unta dengan Abu Kabsyah dan Anasah. Kedua-duanya maula kepada Rasulullah s.a.w. Abu Bakr pula bergilir-gilir menunggang seekor unta dengan Abdul Rahman ibn 'Auf

Ujar al-Muqrizi dalam kitab إمتاع الأسماع: Rasulullah s.a.w. meneruskan perjalanannya dan sebelum sampai ke Badar beliau mendapat berita kedatangan angkatan Quraisy lalu beliau mengadakan mesyuarat dengan para sahabatnya. Abu Bakr r.a. berdiri dan mengakurkan peperangan. Kemudian 'Umar r.a. pula berdiri mengakurkan peperangan dan seterusnya berkata: "Wahai Rasulullah, demi Allah itulah Quraisy dan keangkuhannya. Demi Allah, Quraisy tidak pernah tunduk dari keangkuhannya dan tidak pernah beriman sejak mereka kafir. Demi Allah Quraisy tidak akan tunduk dari keangkuhannya, mereka tetap akan memerangi anda. Oleh sebab itu bersedialah untuk berperang dengan mereka". Kemudian tampil pula al-Miqdad ibn 'Amr lalu berkata: "Wahai Rasulullah, teruskanlah perjuangan menjunjung perintah Allah, kami tetap bersama anda, dan demi Allah kami tidak akan berkata kepada anda seperti apa yang dikatakan oleh Bani Israel kepada nabinya (Musa):

"Pergilah anda bersama Tuhan anda dan berperanglah anda berdua, kami hanya akan duduk menunggu di sini"

(Surah al-Ma'idah: 24)

malah kami berkata: 'Pergilah anda bersama Tuhan anda dan berperanglah anda berdua, sedangkan kami tetap berperang bersama anda. Demi Allah yang telah mengutuskan anda membawa agama yang benar, jika anda membawa kami berjalan hingga kepada Barkil-Ghimad sekalipun kami tetap mengikut anda ke sana." (Barkil-Ghimad ialah satu tempat di penghujung negeri Yaman).

Lalu Rasulullah s.a.w. menjawab: "Baiklah!" Dan berdo'a kepada Allah agar mencucuri limpah kebaikan ke atas al-Miqdad. Kemudian beliau bersabda:"Para hadirin! Kemukakanlah penerangan kamu kepada aku". Beliau tujukan perkataan ini kepada kaum Ansar, kerana pada hemat beliau mereka mungkin tidak dapat memberi pertolongan kepada beliau di dalam peperangan ini kecuali peperangan itu berlaku dalam kota Madinah, kerana mereka telah mensyaratkan akan mempertahankan beliau dari serangan yang membabitkan keselamatan diri mereka dan anak-anak mereka (sebagaimana yang dijelaskan di dalam "Perjanjian al-Aqabah yang kedua" dan berdasarkan asas persetujuan inilah Rasulullah s.a.w. mengambil keputusan berhijrah ke Madinah) lalu Sa'd ibn Mu'az tampil berdiri dan berkata: "Saya hendak menjawab bagi pihak kaum Ansar. Wahai Rasulullah s.a.w., saya rasa perkataan anda tadi seolah-olah ditujukan kepada kami!" Jawab Rasulullah s.a.w.: 'Ya," lalu Muaz berkata: "Mungkin anda keluar untuk melaksanakan suatu tujuan kemudian anda diwahyukan supaya melaksanakan suatu tujuan yang lain (maksudnya: tujuan awal ialah untuk menghalangkan angkatan kafilah Quraisy kemudian tiba-tiba timbul masalah ketibaan angkatan perang kaum Quraisy). Sesungguhnya kami (kaum Ansar) telah beriman kepada anda, kami telah menerima da'wah anda dan mengaku bahawa segala apa yang dibawa oleh anda adalah benar belaka. Oleh sebab itulah kami telah memberi perjanjian kami kepada anda dan mengaku ta'at setia kepada anda. Oleh itu, wahai Nabi Allah, teruskanlah peperangan ini jika anda suka. Demi Allah yang telah mengutuskan anda membawa agama yang benar, jika anda membawa kami mengharungi lautan ini sekalipun kami sanggup mengharunginya bersama anda dan tiada seorang pun dari kami yang tertinggal. Adakanlah hubungan dengan siapa sahaja yang anda suka dan putuskanlah hubungan dengan siapa sahaja yang anda suka. Ambillah harta kami apa sahaja yang anda suka dan mana-mana harta kami yang diambil oleh anda adalah lebih disukai kami dari harta kami yang ditinggalkan anda. Demi Allah yang menguasai nyawa saya, saya tidak pernah melalui jalan ini dan tidak pernah mengetahuinya dan kami tidak pernah merasa tidak suka untuk menghadapi musuh kami besok hari, dan kami tetap sabar dan gigih di dalam peperangan dan akan berjuang mati-matian dalam pertempuran. Semoga Allah memperlihatkan kepada anda sifat-sifat kami yang menyenangkan hati anda." Dalam satu riwayat yang lain, Sa'd ibn Muaz telah berkata: "Kami telah tinggalkan di belakang kami

segolongan kaum kami yang amat kasih dan amat ta'at kepada anda. Mereka tidak ikut serta dengan kami kerana mereka menyangka bahawa tindakan ini adalah bertujuan untuk menghalang kafilah unta kaum Quraisy sahaja. Kami akan membuat sebuah bangsal untuk anda berteduh di situ dan kami akan menyediakan unta-unta kenderaan anda, kemudian kamilah yang akan keluar bertempur dengan musuh-musuh kita dan jika Allah memberi kemenangan kepada kami, maka itulah cita-cita kami dan jika kami kalah, anda boleh menunggang unta-unta kenderaan anda untuk turut berjuang di belakang kami". Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepada Mu'az: "Apa yang dirancangkan ini amat baik." Kemudian bersabda lagi, "Atau Allah menetapkan sesuatu yang lebih baik dari ini lagi, wahai Sa'd". Setelah Sa'd selesai bermesyuarat dengan Rasulullah s.a.w., maka beliau terus berseru: "Maralah kamu sekalian ke hadapan kerana Allah telah berjanji untuk mengurniakan kepada aku salah satu dari dua kumpulan. Dan demi Allah aku kini seakan-akan sedang melihat kebinasaan kaum Quraisy itu". Di sini barulah para sahabat yang berada di situ itu yakin bahawa mereka akan menghadapi peperangan kerana kafilah unta Quraisy telah terlepas. Mereka berharap akan mendapat kemenangan berlandaskan sabda Rasulullah s.a.w. sebentar tadi. Sejak hari ini Rasulullah s.a.w. telah mengadakan tiga panji-panji, satu panji-panji yang dibawa Mus'ab ibn 'Umayr dan dua panji-panji berwarna hitam, satu dibawa oleh Ali ibn Abu Talib dan satu lagi dibawa oleh seorang tokoh dari kaum Ansar iaitu Sa'd ibn Mu'az. Kemudian beliau mengeluarkan senjata-senjata perang sedangkan semasa keluar dari Madinah dahulu angkatan Rasulullah tidak membawa panji-panji.

Rasulullah s.a.w. berhenti di kawasan Badar yang terdekat pada malam Jumaat tujuh belas Ramadhan, lalu beliau menghantar Ali, az-Zubayr, Sa'd ibn Abu Waqqas, Basbas ibn 'Amr r.a. untuk mencari tempat-tempat air dan beliau menyuruh mereka pergi ke sebuah bukit yang kecil sambil bersabda: "Aku harap kamu mendapat berita kaum Quraisy di sebuah perigi lama selepas bukit kecil itu". Lalu mereka dapati di perigi itu sekumpulan unta kaum Quraisy yang mengangkut air bersama-sama dengan pasukan pengangkut air mereka dan kebanyakan mereka telah berlepas dari situ termasuk 'Ujayr lalu ia mendapatkan angkatan Quraisy dan berseru: 'Wahai keluarga Ghalib! Itu dia anak Kabsyah (Nabi Muhammad s.a.w.) dan sahabat-sahabatnya telah menawan tempat bekalan air kamu." Lalu angkatan Quraisy menjadi gempar dan marah dan ketika itu hujan turun menimpa mereka. Pada malam itu orang-orang Islam telah menangkap Abu Yasar hamba 'Ubaidah ibn Sa'id ibn al-'As, sementara hamba Munbih ibn al-Hajjaj dan Abu Rafi' hamba Umayah ibn Khalaf telah menyerah diri lalu mereka dibawa kepada Rasulullah s.a.w. yang sedang mendirikan solat. Mereka berkata: "Kami adalah pengangkut-pengangkut air angkatan Quraisy. Kami dihantar ke sini untuk mendapatkan air untuk minuman mereka". Cerita mereka itu menyebabkan orang-orang Islam marah dan terus memukul mereka lalu mereka berkata: "Kami dari angkatan Abu Sufyan dan kami berada dalam kafilah unta mereka." Lalu mereka berhenti memukul mereka. Selepas Rasulullah s.a.w. memberi salam dari solatnya beliau pun bersabda: "Nampaknya jika mereka bercakap benar kamu pukul dia dan jika mereka bercakap bohong kamu lepaskan mereka." Kemudian Rasulullah s.a.w. sendiri datang bertanya kepada mereka, lalu mereka menceritakan kepada beliau bahawa angkatan Quraisy sedang berkhemah di belakang bukit pasir ini. Mereka berpesta menyembelih unta, kadang-kadang sepuluh ekor sehari dan kadang-kadang sembilan ekor sehari. Kemudian orang-orang itu menceritakan kepada beliau nama orang-orang Quraisy yang keluar ke sini dari Makkah. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Jumlah mereka di antara seribu dan sembilan ratus orang". Kemudian bersabda lagi: "Negeri Makkah telah mencampakkan kepada kamu putera-putera kesayangannya."

Kemudian Rasulullah s.a.w. bermesyuarat dengan para sahabatnya untuk memilih tempat bertapak yang sesuai, lalu al-Hubab ibn al-Munzir ibn al-Jamuh berkata: "Bawalah kami ke perigi yang terdekat dengan angkatan Quraisy kerana saya tahu benar tempat itu dan perigi-periginya yang lama. Di sana ada satu perigi yang terkenal dengan airnya yang citarasa, banyak dan tidak pernah kering. Di sana kita boleh membuat kolam dan menyediakan bekas-bekas minum. Di sana kita dapat minum dan berperang dan menimbuskan perigi-perigi yang lain." Jawab Rasulullah s.a.w.: 'Wahai Hubab, engkau telah mengemukakan satu pandangan yang baik (mengikut riwayat Ibn Hisyam daripada Ibn Ishaq, al-Hubab ibn al-Munzir telah berkata: Wahai Rasulullah, adakah tempat perhentian kita ini suatu tempat yang telah dipilih oleh Allah yang kita tidak dapat elakkan darinya, atau ia merupakan satu pendapat atau taktik perang dan langkah tipudaya sahaja?" Jawab Rasulullah s.a.w. "Ya, ia hanya pendapat dan taktik perang dan tipudaya sahaja." Ujar al-Hubab: "Wahai Rasulullah, tempat ini bukannya satu tempat yang strategik." Kemudian ia mencadangkan tempat yang telah disebutkan tadi). Lalu Rasulullah berangkat meninggalkan tempat itu dan berhenti di sebuah perigi di Badar. Pada malam itu Rasulullah s.a.w. mengerjakan solat menghadapi umbi sebatang pokok kayu yang telah ditebang. Malam itu ialah malam jumaat tujuh belas Ramadhan. Beliau melaksanakan segala cadangan yang dikemukakan oleh al-Hubab. Kemudian Allah turunkan hujan yang lebat menyebabkan bumi di kawasan yang diduduki oleh kaum Muslimin itu berlumpur tetapi tidak menghalangkan perjalanan dan pergerakan mereka, sedangkan bumi di kawasan yang diduduki angkatan kaum Quraisy telah berlumpur dengan teruknya hingga menghalangkan mereka berpindah dari situ. Di antara mereka dengan angkatan kaum Muslimin hanya di-pisahkan oleh bukit pasir. Kedatangan hujan memberi rahmat dan kekuatan kepada angkatan

kaum Muslimin dan mendatangkan bala dan kesulitan kepada angkatan Quraisy. Pada malam itu kaum Muslimin dilanda mengantuk yang berat menyebabkan mereka tertidur nyenyak. Ada yang sampai dagunya terkoler di antara dua teteknya kemudian jatuh terbaring di atas dua lambungannya tanpa disedarinya. Rifa'ah ibn Malik telah bermimpi dan terpaksa mandi di akhir malam. Kemudian Rasulullah s.a.w. telah menghantar 'Ammar ibn Yasir dan Abdullah ibn Mas'ud r.a. supaya mengintip di sekeliling perkhemahan angkatan Quraisy. Apabila kedua-dua utusan itu balik mereka menceritakan kepada Rasulullah s.a.w. bahawa angkatan Quraisy berada di dalam ketakutan dan mereka sedang ditimpa hujan yang lebat.

Para sahabat telah membuat sebuah bangsal dari pelepah-pelepah tamar untuk Rasulullah s.a.w. sebaik sahaja angkatan Rasulullah berhenti berhimpun di sebuah perigi lama yang ada di situ, dan Sa'd ibn Mu'az telah bertugas sebagai pengawal yang menjaga pintu bangsal itu dengan menyandang pedang.

Kemudian Rasulullah s.a.w. berjalan meninjau kedudukan tempat yang akan menjadi gelanggang peperangan, dan di sini beliau menunjukkan satu persatu tempat-tempat di mana pemimpin-pemimpin kafir Quraisy akan gugur menemui ajal mereka. Beliau bersabda: "Inilah tempat matinya si polan, dan di situ pula tempat matinya si polan," dan tiap-tiap seorang dari mereka telah gugur mati tepat dengan tempat yang telah ditentukan oleh rasul. Kemudian Rasulullah s.a.w. membetulkan barisan tentera Muslimin dan selepas itu beliau bersama Abu Bakr r.a. kembali masuk ke dalam bangsal.

Ujar Ibn Ishaq: Angkatan perang Quraisy telah meninggalkan tempat perkhemahan mereka pada pagi itu. Mereka mara ke arah perkhemahan angkatan Rasulullah s.a.w. dan apabila beliau melihat mereka menghala dari bukit pasir menuju kepada wadi, beliau pun berdo'a: 'Ya Allah ya Tuhanku! Ini dia angkatan perang Quraisy telah datang dengan lagak mereka yang angkuh dan sombong untuk mencabar Engkau dan mendustakan rasul-Mu. Ya Allah ya Tuhanku! Aku pohon pertolongan dan kemenangan yang telah Engkau janjikan kepadaku. Ya Allah ya Tuhanku! Binasakanlah mereka pada pagi ini". Apabila Rasulullah s.a.w. melihat 'Uqbah ibn Rabi'ah dalam angkatan perang Quraisy menunggang untanya yang berwarna merah itu, beliau pun bersabda, "Jika ada seorang yang baik dari kalangan angkatan Quraisy, maka orang itu ialah orang yang menunggang unta merah itu, jika mereka patuh dan ta'at kepadanya, mereka akan mendapat jalan yang betul."

Sebelum Ibn Khufaf ibn Aima' ibn Rahadha al-Ghifari atau bapanya Aima' ibn Rahadhah al-Ghifari menghantarkan anaknya kepada kaum Quraisy ketika mereka lalu di tempatnya membawa unta-unta sembelihan sebagai hadiah kepada mereka sambil berkata: "Jika kamu suka kami membantu kamu dengan senjata dan orang-orang, kami sedia lakukannya." Lalu kaum Quraisy menghantarkan kembali anak Khufaf membawa perutusan: "Hubungan silaturahim anda dengan kaum Quraisy telah terjalin dan anda telah menunaikan tanggungjawab anda." Ujar Khufaf. "Demi usiaku, jika kami benar berperang melawan manusia, maka kami sekali-kali tidak lemah dari melawan mereka. Tetapi jika kami melawan Allah sebagaimana yang telah didakwa oleh Muhammad, maka tiada siapa pun yang berdaya melawan Allah."

Apabila angkatan Quraisy berhenti, satu kumpulan dari mereka kelihatan datang dan menuju kepada kolam air Rasulullah s.a.w., di antara mereka termasuk Hakim ibn Hizam. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Biarkan mereka!" Setiap orang yang minum pada hari itu dari kolam itu semuanya mati terbunuh kecuali Hakim ibn Hizam sahaja yang selamat dari terbunuh. Selepas itu Hakim telah memeluk Islam dan menjadi seorang Muslim yang baik. Oleh sebab itu apabila ia hendak menguatkan sumpahnya ia berkata: "Tidak, demi Allah yang telah menyelamatkan aku pada hari Peperangan Badar."

Ujar Ibn Ishaq: Saya telah diceritakan oleh bapa saya Ishaq ibn Yasar dan lain-lain ahli ilmu dari orang-orang tua kaum Ansar, kata mereka: Apabila angkatan kaum Quraisy berhenti di situ dengan aman, maka mereka mengutus 'Umayr ibn Wahab al-Jumahi dan berkata kepadanya: "Pergilah engkau mengintip di perkhemahan pengikut-pengikut Muhammad dan anggarkan berapa banyak bilangan mereka". Lalu 'Umayr pun mengelilingi perkhemahan kaum Muslimin dengan kudanya kemudian pulang mendapatkan mereka dan berkata: "Bilangan mereka lebih kurang tiga ratus orang, tetapi berikan saya sedikit masa lagi untuk saya pergi melihat apakah mereka mempunyai pasukan serang hendap yang bersembunyi di mana-mana atau pasukan-pasukan bantuan yang lain". Lalu ia memecut kudanya di sekitar wadi itu hingga ke kawasannya yang jauh dan ia tidak menemui apa-apa. Kemudian ia berpatah balik menemui kaum Quraisy dan berkata: "Saya dapati mereka tidak mempunyai apa-apa pasukan yang lain. Namun demikian, wahai sekalian kaum Quraisy, saya seolah-olah ternampak unta-unta yang ditambat di kubur-kubur orang mati yang membawa maut, juga unta-unta pembawa air yang membawa maut. Pengikut-pengikut Muhammad itu tidak mempunyai sebarang kubu dan tempat perlindungan selain dari pedang-pedang mereka. Demi Allah, pada pandangan saya, jika kamu dapat membunuh seorang dari mereka, bererti mereka juga dapat membunuh seorang dari kamu, dan jika mereka dapat membunuh kamu seramai bilangan mereka, maka apakah gunanya lagi hidup selepas itu? Fikirlah kamu baik-baik!"

Apabila Hakim ibn Hizam mendengar kata-kata 'Umayr, ia pun berjalan di kalangan orang-orang Quraisy. Ia menemui 'Utbah ibn Rabi'ah dan berkata kepadanya: 'Wahai Abu al-Walid, anda seorang tua dan pembesar kaum Quraisy yang disegani. Apakah anda tidak dapat berbuat sesuatu yang baik agar anda di kenang di sepanjang zaman?" Tanya 'Utbah: "Apa yang awak maksudkan itu?"Jawab Hakim: "Anda membawa angkatan Quraisy pulang ke Makkah dan menanggung urusan sekutu anda Amr ibn Hadhrami." 'Utbah lantas berkata: "Itu saya telah buat. Awak percayalah kepada saya tentang perkara itu. Dia memang sekutu saya dan sayalah yang menanggung diyat saudaranya (yang terbunuh di dalam gerakan pasukan peronda yang dipimpin oleh Abdullah ibn Jahsy) dan menanggung kerugian yang menimpa hartanya. Oleh itu lebih baik awak berjumpa dengan Ibn Hanzalah[10] (Abu Jahl 'Amr ibn Hisham), kerana tidak ada orang lain yang saya bimbang boleh menimbulkan pertelingkahan dalam kalangan kaum Quraisy selain dari dia." Kemudian 'Utbah ibn Rabi'ah berdiri menyampaikan ucapannya kepada angkatan Quraisy: "Wahai sekalian orang-orang Quraisy), demi Allah kamu tidak dapat berbuat apa-apa terhadap Muhammad dan para sahabat andainya kamu berperang dengan mereka. Demi Allah jika kamu membunuh Muhammad, maka setiap orang dari kamu akan terus-menerus melihat muka orang (Quraisy) lain yang dibenci olehnya kerana ia telah membunuh sepupunya baik dari sebelah bapa mahupun dari sebelah ibu atau kerana - ia membunuh anak buah keluarga atau sukunya. Oleh itu kembalilah kamu dan biarkanlah Muhammad bersendirian menghadapi seluruh orang-orang Arab yang lain. Jika mereka membunuh dia, maka ini bermakna tercapailah kehendak kamu, dan jika tidak, ia dapati kamu (tidak bermusuh dengannya) dan tidak mendedahkan maksud jahat yang kamu kehendaki terhadapnya."

Hakim terus bercerita: Lalu saya pergi menemui Abu Jahl dan saya dapati dia telah pun mengeluarkan baju besi dari karungnya dan melumurkannya dengan minyak. Saya terus berkata kepadanya: "'Utbah mengutus saya menemui anda untuk menyampaikan cadangannya lalu Hakim menceritakan apa yang telah dikatakan oleh 'Utbah). "Abu Jahl terus berkata: "Demi Allah, dia telah menjadi begitu pengecut setelah ia melihat Muhammad dan para pengikutnya. Tidak sekali tidak, demi Allah kita tidak akan kembali sehingga Allah menentukan kalah menang di antara kita dengan Muhammad. 'Utbah tidak akan berkata begitu, tetapi oleh kerana ia telah melihat Muhammad dan para pengikutnya sedang makan daging seekor unta dan di antara mereka termasuk anaknya (Abu Huzayfah yang telah memeluk Islam), maka kerana itu ia merasa bimbang kamu akan membunuh anaknya itu."

[10] *Al-Hanzalah ialah ibu Abu Jahl.*

Kemudian Abu Jahl menyuruh orang memanggil 'Amir ibn al-Hadhrami, lalu ia berkata kepadanya: "Sekutu anda ('Utbah dari kaum Quraisy) mahu membawa pulang orang-orang (kita), sedangkan anda telah melihat pembunuh (saudara anda) dengan mata kepala anda. Oleh itu berdirilah sekarang dan tuntutlah dari kaum Quraisy supaya menunaikan janji setiap mereka terhadap anda dan membela kematian saudara anda." Lalu 'Amir ibn al-Hadhrami pun berdiri dan menonjolkan dirinya sambil berseru: "Wahai suku 'Amr!" Seruannya telah menghangatkan semangat berperang di kalangan hadirin dan mereka menjadi gempar dan bersatu padu untuk meneruskan tindakan jahat mereka. Peristiwa ini telah merosakkan fikiran mereka dan memusnahkan cadangan baik yang dianjurkan oleh 'Utbah, dan apabila kata-kata ejekan Abu Jahl yang menuduh 'Utbah sebagai pengecut itu sampai kepadanya, ia lantas berkata dengan marah: "Si pondan itu akan mengetahui siapakah yang sebenarnya pengecut, aku atau dia?"

Ujar Ibn Ishaq: Kemudian al-Aswad ibn 'Abdul-Asad al-Makhzumi keluar dari barisan Quraisy - dia seorang lelaki jahat dan berakhlak buruk - lalu berkata: "Aku berjanji dengan Allah bahawa aku akan minum air dari kolam mereka (angkatan Muslimin) atau aku akan meruntuhkan kolam itu atau aku mati di hadapannya." Dan sebaik sahaja al-Aswad keluar menuju ke kolam itu, Hamzah ibn Abdul Muttalib r.a. pun keluar dari barisan Muslimin untuk menghalangnya. Satu perlawanan pedang yang hebat berlaku di antara keduanya, di mana tetakan Hamzah telah memenggal kaki al-Aswad dan melayangkannya dengan separuh betisnya, lalu al-Aswad jatuh terlentang berhampiran dengan kolam itu dan kakinya memancutkan darah ke arah sahabat-sahabatnya, tetapi ia terus merangkak menuju ke kolam dan menjatuhkan dirinya ke dalam kolam untuk memenuhi sumpahnya, sementara Hamzah terus mengikutinya dan menyerangnya hingga ia terbunuh di dalam kolam itu.

Selepas al-Aswad, keluar pula 'Utbah ibn Rabi'ah diapit oleh saudaranya Syaybah ibn Rabi'ah dan anaknya al-Walid ibn 'Utbah. Dan setelah berpisah agak jauh dari barisan ia menyeru kaum Muslimin supaya keluar bertarung satu lawan satu dan seruannya telah disambut oleh tiga orang pemuda dari kaum Ansar. Mereka ialah 'Auf dan Mu'auwiz kedua-keduanya anak al-Harith dengan ibu mereka 'Afra'. Dan seorang lagi dikatakan ialah Abdullah ibn Rawahah. Lalu 'Utbah dan rakannya bertanya: Siapa kamu? Jawab pemuda-pemuda itu." Kami adalah orang-orang Ansar." Lantas puak 'Utbah berkata: "Kami tidak hendak berperang dengan kamu" (ujar Ibn Ishaq: 'Utbah berkata kepada pemuda-pemuda Ansar: Kami mahu bertarung dengan kaum kami yang sama padan dan sama mulia dengan kami). Kemudian seorang dari puak Quraisy ini berseru: 'Wahai Muhammad, keluarkan-lah kepada kami orang-orang dari kaum kami yang sama padan dan sama mulia dengan kami". Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Wahai 'Ubaydah ibn al-Harith, tampillah! Wahai

Hamzah, tampillah! Wahai Ali, tampillah!" Apabila tokoh-tokoh ini tampil keluar menghampiri puak Quraisy, mereka lantas bertanya: "Siapa kamu?" Jawab 'Ubaydah: "Saya 'Ubaydah". Jawab Hamzah: "Saya Hamzah". Dan jawab Ali: "Saya Ali". Lalu mereka berkata: "Ya, baru sama padan dan sama mulia". 'Ubaydah - tokoh tertua dari kaum Muslimin - bertarung melawan 'Utbah ibn Rabi'ah, Hamzah bertarung melawan Syaybah ibn Rabi'ah dan Ali bertarung melawan al-Walid ibn 'Utbah. (Dalam pertarungan itu) Hamzah tidak berlengah-lengah lagi membunuh Syaybah dan Ali juga tidak berlengah-lengah lagi membunuh al-Walid. Sementara 'Ubaydah dan 'Utbah bertarung hebat dan masing-masing berjaya mengenakan lawannya dengan kecederaan yang membuat kedua-duanya tidak dapat bergerak lagi. Kemudian Hamzah dan Ali serentak menyerang 'Utbah dengan pukulan maut kemudian kedua-duanya mengusung 'Ubaydah dan menyerahkannya kepada sahabat-sahabatnya.

Kemuncak Peristiwa Badar Al-Kubra

Ujar Ibn Ishaq: Kemudian kedua-dua angkatan perang itu mara ke depan mendekati satu sama lain, tetapi Rasulullah s.a.w. telah berpesan kepada para sahabatnya supaya mereka jangan menyerang sehingga mendapat perintah. Beliau bersabda: "Jika kamu dikepung musuh, maka usirkan mereka dari kamu dengan lontaran anak-anak panah". Kemudian Rasulullah s.a.w. membetulkan barisan-barisan angkatan Muslimin dan kembali masuk ke dalam bangsal bersama-sama Abu Bakr seorang sahaja. Di sini Rasulullah s.a.w. memohon kepada Allah agar melaksanakan janji kemenangan yang telah dijanjikan-Nya itu dan di antara kata-katanya: "Ya Allah ya Tuhan kami, jika kelompok Muslimin ini binasa pada hari ini, maka tidak ada lagi orang yang menyembah Engkau". Lalu Abu Bakr berkata: "Wahai Rasulullah! Cukuplah anda berdo'a kepada Allah, kerana Allah tetap melaksanakan apa yang telah dijanjikan kepada anda."

Tersebut dalam kitab "إمتاع الأسماع" karangan al-Muqrizi, bahawa Abdullah ibn Rawahah telah berkata kepada Rasulullah s.a.w.: "Wahai Rasulullah, saya tunjukkan kepada anda - sedangkan Rasulullah tidak layak ditunjukkan, kerana beliau lebih tinggi dan lebih mengetahui - sesungguh-Nya Allah itu begitu mulia dan agung untuk dituntut melaksanakan janji-Nya." Lantas Rasulullah s.a.w. menjawab: "Wahai ibn Rawahah! Apakah tidak wajar aku memohon Allah melaksanakan janji-Nya? Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janji-Nya."

Ujar ibn Ishaq: Rasulullah s.a.w. telah tertidur sejenak semasa beliau berada di dalam bangsal itu kemudian beliau sedar dan lantas bersabda: "Bergembiralah wahai Abu Bakr! Pertolongan Allah telah tiba. Itu dia Jibril sedang memacu kudanya di dalam kepulan debu-debu.

Mihja' bekas hamba 'Umar ibn al-Khattab telah dipanah mati di dalam pertempuran itu dan dialah syahid pertama dari angkatan Muslimin. Kemudian Harithah ibn Suraqah pula telah dipanah mati oleh seorang dari suku 'Adi ibn an-Najjar ketika ia sedang minum di kolam air itu.

Kemudian Rasulullah s.a.w. keluar dari bangsal menemui angkatan Muslimin dan memberangsangkan mereka berjuang dengan bersungguh-sungguh sambil bersabda: "Demi Allah yang memegang nyawa Muhammad di tangan-Nya, setiap orang yang berperang pada hari ini dengan sabar dan ikhlas kerana Allah dan mara ke depan pantang berundur, maka Allah akan memasukkannya ke dalam Syurga". Lalu 'Umayr ibn al-Hammam saudara Bani Salamah berkata, sedangkan tangannya menggenggam beberapa biji buah kurma yang sedang dimakannya: "Syabas, syabas, apakah ini bermakna bahawa halangan yang menyekatku dari masuk Syurga hanyalah kematianku di tangan mereka sahaja?" Lalu ia mencampak beberapa biji kurma yang ada di tangannya dan terus mencabut pedangnya dan mara bertempur dengan orang-orang kafir Quraisy hingga ia gugur syahid.

Ujar Ibn Ishaq: 'Asim ibn 'Umayr ibn Qatadah telah menceritakan kepada saya bahawa 'Auf ibn al-Harith iaitu anak 'Afra' telah berkata: "Wahai Rasulullah, apakah sesuatu yang menyukakan Allah dari perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh seorang hamba-Nya?" Jawab Rasulullah s.a.w.: "Bertempur dengan musuh tanpa memakai perisai". Lantas 'Auf pun mencabut dan mencampakkan baju besinya kemudian mengambil pedangnya dan terus mara bertempur dengan musuh hingga ia gugur syahid.

Ujar Ibn Ishaq: Muhammad ibn Muslim ibn Syihab az-Zuhri telah menceritakan kepada saya dari Abdullah ibn Tha'labah ibn Su'ayr al-Uzri sekutu Bani Zuhrah bahawa ia telah menceritakan kepadanya: Ketika pertempuran berlaku dan wira-wira kedua pihak menyerang satu sama lain dalam jarak yang rapat, Abu Jahl ibn Hisham berkata: "Dia (Muhammad) telah memecah-belahkan hubungan kekeluargaan kami dan membawa kepada kami pengajaran-pengajaran yang asing. Oleh itu binasakanlah dia pada pagi ini!" Rupa-rupanya dialah sendiri yang menjadi mangsa do'anya.

Ujar Ibn Ishaq: Kemudian Rasulullah s.a.w. mengambil segenggam anak-anak batu lalu menghadapi angkatan Quraisy dan berkata: "Ya Allah! Jadikan wajah-wajah mereka buruk! Kemudian beliau membalingkan anak-anak batu itu ke arah mereka. Setelah itu beliau memerintah para sahabatnya: "Lancarkan serangan!" Pertempuran itu telah mengalahkan kaum Quraisy. Allah Taala telah membunuh ramai tokoh-tokoh Quraisy dan ditawan pembesar-pembesar mereka.

Apabila kaum Muslimin menawan kaum Quraisy, sedangkan Rasulullah s.a.w. berada di dalam bangsalnya dan Sa'ad ibn Mu'az berdiri dengan pedangnya mengawal pintu bangsal itu bersama sekumpulan kaum Ansar untuk menjaga keselamatan beliau dari serangan musuh, kemudian beliau melihat tanda-tanda tidak setuju dan marah terbayang di wajah Sa'ad terhadap perbuatan kaum Muslimin yang menawan sebilangan besar kaum Quraisy itu, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya: "Wahai Sa'ad, nampaknya anda tidak setuju dengan tindakan yang telah dilakukan oleh orang-orang kita ini!" Jawab Sa'ad: "Demi Allah, memang benar ya Rasulullah, ini adalah satu peperangan pertama, di mana Allah kalahkan kaum Musyrikin. Saya lebih suka mereka dibunuh sebanyak-banyaknya dari ditawan begitu sahaja."

Ujar Ibn Ishaq: Al-Abbas ibn Abdullah ibn Ma'bad menceritakan kepada saya daripada beberapa orang keluarganya, daripada Ibn Abbas r.a. katanya: Nabi s.a.w. telah bersabda kepada para sahabatnya pada hari itu: "Sesungguhnya aku mengetahui ramai lelaki dari Bani Hasyim dan lainnya telah dipaksa keluar ke sini, sedangkan mereka tidak mahu berperang dengan kita. Oleh sebab itu sesiapa dari kamu yang bertemu dengan mana-mana orang dari Bani Hasyim, maka janganlah ia membunuhnya, dan siapa yang bertemu dengan Abu al-Bakhtari ibn Hisham ibn al-Harith ibn 'Asad, maka janganlah ia membunuhnya, dan sesiapa yang bertemu dengan al-Abbas ibn Abdul Muttalib bapa saudara Rasulullah s.a.w., maka janganlah ia membunuhnya kerana dia juga dipaksa keluar bersama mereka". Lalu Abu Huzayfah (ibn 'Utbah ibn Rabi'ah) berkata: "Apakah wajar kita membunuh bapa kita, anak kita dan saudara kita, sedangkan al-Abbas kita tinggalkan? Demi Allah jika aku bersua dengan al-Abbas, nescaya aku tembusi dagingnya dengan pedang!" Kemudian berita ini sampai kepada Rasulullah s.a.w., lalu beliau berkata kepada 'Umar ibn al-Khattab: "Wahai Abu Hafs (Ujar 'Umar: Inilah kali pertama Rasulullah s.a.w. memanggil saya dengan nama Kunyah (nama yang dihubungkan kepada keluarga), apakah wajar muka bapa saudara Rasulullah s.a.w. ditetak dengan mata pedang?" Jawab 'Umar: "Wahai Rasulullah! Biarkan saya penggal lehernya (Abu Huzayfah) dengan pedang! Demi Allah dia telah menunjukkan sikap munafiq". Sehubungan dengan ini Abu Huzayfah sendiri telah berkata menyesali ketelanjurannya: "Sebenarnya saya tidak serius dengan kata-kata yang saya telah ucapkan pada hari itu dan saya hingga kini saya masih merasa takut terhadap akibat kata-kata saya itu kecuali kesilapan itu dihapuskan dengan kematian saya sebagai syahid". Abu Huzayfah telah gugur syahid dalam pertempuran al-Yamamah (peperangan yang dilancar ke atas orang-orang yang murtad).

Ujar Ibn Hisham: Sebab Rasulullah s.a.w. melarang membunuh Abul-Bakhtari ialah kerana dia seorang yang paling damai terhadap beliau semasa berada di negeri Makkah. Dia tidak pernah menyakitinya dan tidak pernah sampai kepada beliau apa-apa perilakunya yang tidak disukai oleh beliau, dan dia juga termasuk dalam golongan tokoh-tokoh yang membatalkan surat Perjanjian Pemulauan yang dipaksa oleh kaum Quraisy ke atas suku Hasyim dan suku Abu Talib (tetapi Abul-Bakhtari telah dibunuh di dalam peperangan itu apabila ia enggan menjadi tawanan).

Ujar Ibn Ishaq: Saya telah diceritakan oleh Yahya ibn 'Abbad ibn Abdullah ibn az-Zubayr daripada bapanya katanya: Umayah ibn Khalaf adalah sahabat saya di Makkah. Nama saya sebelum ini ialah Abdu 'Amr, dan selepas menganut Islam saya memakai nama Abdul Rahman ketika kami berada di Makkah. Apabila ia bertemu dengan saya semasa tinggal di Makkah ia berkata kepada saya: "Wahai Abdu 'Amr: Apakah awak tidak suka memakai nama yang telah diberikan oleh orang tua awak?" Lantas saya menjawab: "Ya, benar!" Lalu dia berkata lagi! "Saya tidak tahu ar-Rahman, oleh itu tetapkanlah satu nama di antara kita berdua supaya aku dapat memanggil awak dengan nama itu. Bagi pihak awak saya minta awak jangan jawab seruan saya jika saya memanggil awak dengan nama awak yang pertama (Abdu 'Amr), dan bagi pihak saya pula saya tidak akan memanggil awak dengan nama yang saya tidak tahu (Abdul Rahman)." Oleh sebab itu apabila dia memanggil saya dengan nama Abdu 'Amr saya tidak menyambut panggilan-panggilannya. Kemudian saya katakan kepadanya: "Wahai Abu Ali, gunalah nama apa sahaja yang awak suka." Lantas beliau berkata: "Bagaimana jika saya panggil awak dengan nama Abdul-Ilah?" Jawab saya: "Itu boleh". Sejak itu apabila saya bertemu dengannya ia memanggil saya, 'Wahai Abdul-Ilah!" Saya menyambut seruannya dan terus berbual-bual dengannya. Pada hari Peperangan Badar saya bertemu dengannya sedang berdiri bersama anaknya Ali ibn Umayah dan memegang tangannya, sedangkan saya di waktu itu sedang membawa baju-baju besi yang saya rampas di dalam peperangan itu. Apabila ia melihat saya, ia terus memanggil saya: "Wahai Abdu 'Amr!" Tetapi saya diam tidak menjawab. Kemudian dia memanggil pula: "Wahai Abdul-Ilah" Saya pun menjawab: "Ya!" Lalu dia berkata: "Mengapa awak tidak mengambil saya? Saya lebih baik dari baju-baju besi yang dibawa awak itu." Lantas saya menjawab: 'Ya tak ya juga, baiklah demi Allah, saya ambil awak!" Lalu saya campakkan baju-baju besi yang ada dalam tangan saya dan terus memegang tangannya dan tangan anaknya (sebagai tawanan). Lantas ia berkata: "Saya tidak pernah melihat seperti hari ini. Apakah awak tidak memerlukan susu? (Maksudnya dengan kata-kata susu itu ialah sesiapa yang menawan saya, saya akan tebus diri saya dengan unta yang banyak mengeluarkan susu)." Kemudian aku keluar dan terus berjalan membawa kedua-duanya.

Ujar Ibn Ishaq: Saya telah diceritakan oleh Abdul Wahid ibn Abu 'Aun dari Sa'id ibn Ibrahim dari bapanya dari Abdul Rahman ibn 'Auf r.a. katanya: Umayah ibn Khalaf telah berkata kepada aku,

sedangkan aku berdiri di antaranya dengan anaknya dan memegang tangan keduanya: "Wahai Abdullah! Siapakah orang kamu yang memakai bulu burung kasawari di dadanya?" Aku menjawab: "Itulah Hamzah ibn Abdul Muttalib." Lalu ia berkata: "Itulah orang yang telah melakukan serangan-serangan yang hebat terhadap kami'. Ujar Abdul Rahman: Demi Allah aku sedang membawa Umayah dan anaknya ketika ia di lihat oleh Bilal berjalan bersamaku. Dialah yang telah menyeksa Bilal di Makkah supaya meninggalkan Islam. Ia membawa Bilal ke padang pasir Makkah yang hangat dan membaringkannya terlentang dan menyuruh orangnya supaya meletakkan setongkol batu yang besar di atas dadanya, kemudian ia berkata kepada Bilal: "Awak akan terus berada dalam keadaan ini sehingga awak meninggalkan agama Muhammad". Lantas Bilal menjawab: "Allah Yang Maha Esa! Allah Yang Maha Esa!". Sebaik sahaja Bilal ternampak Umayah ia terus berkata: "Ini dia kepala kafir Umayah ibn Khalaf Aku tidak selamat jika ia selamat". Lantas aku berkata kepada Bilal: "Apakah awak mahu membunuh tawananku?" Jawab Bilal: "Aku tidak selamat jika dia selamat." Lalu aku berkata kepadanya: "Apakah awak dengar kataku tadi, wahai anak Pak Hitam?" Jawab Bilal: "Aku tidak selamat jika ia selamat". Kemudian Bilal menjerit dengan sekuat-kuat suaranya: "Wahai tentera-tentera Allah! Ini dia Umayah ibn Khalaf, kepala kafir, aku tidak selamat jika ia selamat". Lalu mereka mengepung kami dan menjadikan kami seolah-olah berada dalam lingkaran gelang dan saya terus mempertahankan Umayah. Tiba-tiba seorang lagi mencabut pedangnya dan terus memancung betis Ali anak Umayah dan menyebabkannya rebah, lalu Umayah menjerit sekuat-kuatnya yang tidak pernah saya dengar sebelum ini. Aku terus berkata kepadanya: Selamatkanlah diri awak. Tiada keselamatan untuk awak. Demi Allah aku tidak dapat lagi memberi apa-apa pertolongan kepada awak." Kemudian mereka menyerbu menetak Umayah dan anaknya dengan pedang mereka hingga kedua-duanya mati. Sehubungan peristiwa ini Abdul Rahman telah berkata: "Allah rahmatkan Bilal! Aku kehilangan baju besi dan tawananku juga telah dibunuh."

Ujar Ibn Ishaq: Setelah Rasulullah s.a.w. selesai menewaskan musuhnya, beliau menyuruh Abdullah ibn Mas'ud mencari Abu Jahl ibn Hisyam dalam kumpulan mayat-mayat yang bergelimpangan di sana sini, dan dialah yang mula-mula menemui Abu Jahl sebagaimana Thaur ibn Zayd telah menceritakan kepada saya daripada 'Ikrimah daripada ibn Abbas, juga daripada Abdullah ibn Abu Bakr. Kedua-duanya berkata: Ujar Mu'az ibn 'Amr ibn al-Jumuh saudara Bani Salamah: "Aku dengar mereka (perajurit-perajurit Muslimin) berkata semasa Abu Jahl bersembunyi di dalam semak yang tebal yang tidak boleh ditembusi: 'Kita tidak dapat merempuh ke tempat Abu al-Hakam (Abu Jahl)'. Apabila aku dengar begitu, aku jadikan tugas ini sebagai tugasku dan aku terus menuju ke tempat persembunyian Abu Jahl, dan sebaik sahaja aku mendapat kesempatan aku terus menyerang dan memancung kakinya dan menerbangkan separuh betisnya. Demi Allah betisnya itu terpelanting sama seperti biji tamar yang terpelanting dari dalam lesung ketika ia ditumbuk. Kemudian anaknya Ikrimah menetak bahuku dan memenggal tanganku dan terlekat di kulit di lambungku. Aku terlalu letih dalam pertarungan ini, kerana: aku telah berperang hampir-hampir sepanjang hari aku terpaksa mengheret tanganku yang terpenggal itu di belakangku, dan apabila aku merasa terlalu sakit aku meletakkan kakiku di atasnya dan menekankannya hingga tangan itu terpisah dariku."

Kemudian Mu'auwiz ibn 'Afra' bertembung dengan Abu Jahl yang berada sendirian di situ lalu ia menetakkannya dengan parah dan meninggalkannya dengan keadaan separuh, bernyawa. Mu'auwiz terus berjuang hingga gugur syahid. Kemudian Abdullah ibn Mas'ud lalu di tempat Abu Jahl apabila ia diperintah Rasulullah mencari Abu Jahl. Rasulullah s.a.w. telah berkata kepada mereka: "Jika kamu tidak dapat mengenali mayatnya, maka periksalah parut luka di lututnya, kerana aku pernah berhimpit-himpit dengannya semasa kami dalam usia kanak-kanak di majlis jamuan yang diadakan oleh Abdullah ibn Jad'an dan aku lebih kurus sedikit darinya. Lalu aku menolaknya menyebabkan dia jatuh dan lututnya terhandas dan mendapat luka-luka yang meninggalkan parut yang kekal". Ujar Abdullah ibn Mas'ud r.a.: Aku menemui Abu Jahl dalam keadaan separuh bernyawa dan aku terus mengenalinya, lalu aku meletakkan kakiku di atas lehernya - dahulu dia pernah menangkap aku di Makkah dan menyeksakanku - kemudian aku berkata kepadanya: "Tidakkah Allah telah menjatuhkan awak di dalam kehinaan, wahai musuh Allah!" Dia menjawab: "Dengan apa Allah hinakan aku. Apakah ada orang yang lebih besar dari lelaki yang telah dibunuh oleh kamu? Ceritakan kepada aku, siapakah yang menang pada hari itu?" Aku lantas menjawab: "Allah dan rasul-Nya!"

Ujar Ibn Ishaq: Berapa orang tokoh dari Bani Makhzum mendakwa bahawa ibn Mas'ud telah mencerita: Bahawa Abu Jahl telah berkata kepada aku: "Awak telah mendaki di tempat yang sukar, wahai pengembala kambing!" Lalu ibn Mas'ud berkata: Kemudian aku memenggal kepalanya dan membawanya kepada Rasulullah s.a.w. sambil berkata: "Nah! Ya Rasulullah s.a.w. inilah kepala Abu Jahl musuh Allah". Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda:

اللّٰهُ الذي لا اله غيره

Hanya Allah sahaja Tuhan, tiada Tuhan selain Dia.

Kemudian aku campakkan kepalanya di hadapan Rasulullah s.a.w. lalu beliau bersyukur dan memuji Allah.

Ujar Ibn Hisham: Aku telah diceritakan oleh Abu 'Ubaydah dan lainnya dari pakar-pakar sejarah peperangan-peperangan Rasulullah s.a.w.: Bahawa 'Umar ibn al-Khattab r.a. telah berkata kepada Sa'id ibn al-'As ketika ia bertemu dengannya: "Aku lihat ada sesuatu yang terkilan dalam hati awak, aku fikir awak menyangka akulah yang membunuh bapa awak! Sebenarnya jika akulah yang membunuh bapamu nescaya aku tidak akan meminta maaf kepada awak kerana membunuhnya, tetapi orang yang dibunuh olehku itu ialah bapa saudaraku sendiri, iaitu al-'As ibn Hisham ibn al-Mughirah. Adapun bapa awak al-'As aku hanya melihat dia ketika dia sedang mencari-cari sesuatu seperti lembu mencari tanduknya, lalu aku meninggalkannya kemudian datang Ali sepupunya menyerbu ke arahnya dan membunuhnya."

Ujar Ibn Ishaq: Saya telah diceritakan oleh Yazid ibn Ruman daripada 'Urwah ibn az-Zubayr daripada Aisyah r.a. katanya: Apabila Rasulullah s.a.w. memerintah supaya mayat orang-orang kafir yang terbunuh itu dicampakkan ke dalam sebuah perigi lama, mereka terus mencampakkan mereka ke dalam perigi itu kecuali mayat Umayah ibn Khalaf yang telah bengkak dalam baju besinya. Apabila mereka datang membalik-balikkannya mereka dapati daging badannya telah reput dan luruh, lalu mereka kekalkannya di situ dan menimbuskannya dengan tanah dan batu-batu. Setelah mayat-mayat mereka selesai dicampakkan ke dalam perigi, Rasulullah s.a.w. berdiri di situ dan bersabda: "Wahai orang-orang yang dicampakkan kepada perigi, tidakkah kamu dapati bahawa segala apa yang dijanjikan Allah kepada kamu itu benar? Buat aku, aku dapati segala apa yang dijanjikan Allah kepada aku itu semuanya benar". Lalu para sahabatnya bertanya: 'Wahai Rasulullah, apakah anda bercakap-cakap dengan orang-orang yang telah mati?" Jawab beliau kepada mereka: "Mereka telah mengetahui bahawa segala apa yang dijanjikan Allah adalah benar". Ujar Aisyah: Orang-orang berkata (bahawa Rasulullah bersabda:) kepada mereka "Mereka telah mendengar segala perkataan yang telah aku katakan tadi", sedangkan sebenarnya Rasulullah bersabda kepada mereka: "Mereka telah mengetahui".

Ujar Ibn Ishaq: Apabila Rasulullah s.a.w. memerintah supaya mayat orang-orang kafir itu dicampakkan ke dalam perigi, mereka terus mengheret mayat 'Utbah ibn Rabi'ah, lalu Rasulullah melihat muka anaknya Abu Huzayfah ibn 'Utbah kelihatan sedih dan berubah, lantas Rasulullah s.a.w. berkata kepadanya: "Wahai Huzayfah, mungkin hatimu dimasuki sesuatu perasaan terkilan terhadap ayahmu?" Jawab Huzayfah: "Demi Allah tidak, saya tidak pernah sangsikan sikap ayah saya dan tidak pula pernah sangsikan terhadap kematiannya, tetapi saya hanya terkenang kepada buah fikirannya yang baik, sikapnya yang sabar dan murah hati. Selama ini saya berharap semoga sifat-sifatnya yang baik itu lambat laun akan membimbingkannya kepada agama Islam, tetapi kini saya telah melihat nasib kesudahan yang telah menimpakannya dan terkenang bahawa dia telah mati di atas kekafiran, sedangkan saya mengharapkannya mati di atas keimanan. Inilah yang menyedihkan hati saya". Lalu Rasulullah s.a.w. mendo'a dan memberi kata-kata yang baik kepada Abu Huzayfah.

Pengumpulan Harta Rampasan Perang Dan Suasana Penuruhan Surah Al-Anfal

Kemudian Rasulullah s.a.w. menyuruh mereka mengumpulkan semua harta rampasan perang yang ada di dalam bangsal perkhemahan Rasulullah, dan ketika mereka mengumpul harta-harta rampasan itu berlaku sedikit perselisihan faham di antara mereka. Kata orang-orang yang mengumpul rampasan itu: "Ini habuan kami," dan kata orang-orang yang terlibat di dalam pertempuran melawan musuh: "Demi Allah, jika tidak kerana kami, tentulah kamu tidak akan dapat mengumpul harta-harta itu. Oleh sebab kami sibuk berperang dengan musuh, maka kamu mendapat peluang memperolehi rampasan-rampasan itu," dan kata pula orang-orang yang bertugas mengawal keselamatan Rasulullah s.a.w. dari serangan musuh: "Demi Allah, kamu bukannya orang-orang yang lebih berhak dari kami dalam mendapatkan harta rampasan perang itu. Kami memang melihat barang-barang itu dan tiada apa halangan bagi kami untuk mengambilnya, tetapi kami takut Rasulullah s.a.w. diserang musuh. Oleh sebab itu kami tetap di tempat kami untuk mengawal beliau. Kini jelaslah bahawa kamu bukannya orang-orang yang lebih berhak dan kami terhadap harta rampasan perang itu."

Ujar Ibn Ishaq: Saya telah diceritakan oleh Abdul Rahman ibn al-Harith dan lainnya dari sahabat-sahabat kami yang menceritakan daripada Sulaiman ibn Musa, daripada Makhul, daripada Abu Umamah al-Bahili katanya: "Aku bertanya kepada 'Ubadah ibn as-Samit tentang Surah al-Anfal, lalu ia berkata: 'Surah al-Anfal diturun kerana gara-gara kami yang terlibat di dalam Peperangan Badar. Ia diturunkan ketika kami berselisih pendapat tentang hukum harta rampasan perang dan ketika kami menunjukkan perilaku-perilaku yang buruk, lalu Allah mengambil harta rampasan itu dari tangan kami dan membahagi-bahagikannya di antara semua orang Islam dengan pembahagian yang adil."

Ujar Ibn Ishaq: Saya telah diceritakan oleh Nubayh ibn Wahb saudara Bani Abdud-Dar bahawa Rasulullah s.a.w. datang membawa para tawanan perang kemudian membahagi-bahagikan mereka kepada para sahabatnya seraya berpesan, "Berilah layanan yang sebaik-baiknya kepada para tawanan". Di antara tawanan-tawanan itu ialah Abu Aziz ibn 'Umayr ibn Hashim saudara seibu sebapa dengan Mus'ab ibn 'Umayr. Abu Aziz bercerita: "Saudara saya Mus'ab ibn 'Umayr dan seorang lelaki dari kaum Ansar telah bertembung dengan saya lalu Mus'ab berkata kepada orang Ansar itu: 'Tangkap dia dengan tangan engkau kerana ibunya seorang hartawan, mudah-mudahan ia dapat menebuskannya dari engkau." Abu Aziz

menyambung ceritanya: "Aku berada di dalam kumpulan orang-orang Ansar ketika mereka membawaku dari Badar. Apabila mereka menghidangkan makanan tengah hari dan malam mereka memberi roti khusus untuk saya sahaja, sedangkan mereka makan buah tamar kerana mematuhi perintah Rasulullah s.a.w. supaya memberi layanan yang sebaik-baiknya kepada kami. Sesiapa sahaja di antara mereka yang mendapat secebis roti ia akan memberikannya kepada saya menyebabkan saya merasa malu, lalu saya kembalikan roti itu kepada salah seorang dari mereka, tetapi orang ini mengembalikannya kepada saya tanpa menyentuhnya."

Ujar Ibn Hisyam: Abu Aziz itu adalah pembawa bendera angkatan perang Quraisy di dalam Peperangan Badar selepas an-Nadhr ibn al-Harith sebaik sahaja saudaranya Mus'ab menyuruh Abul-Yasar (dari kaum Ansar) menangkapnya, Abu Aziz terus berkata kepadanya: "Wahai saudaraku, inikah pesanan awak terhadapku?" Lantas Mus'ab berkata kepadanya: "Dia ini saudaraku (di dalam Islam) bukannya awak!" Kemudian ibunya bertanya tentang setinggi-tinggi bayaran untuk menebus seorang Quraisy lalu diberitahu kepadanya bahawa bayaran itu ialah sebanyak empat ribu darham. Ibu Abu Aziz terus mengirim empat ribu darham sebagai bayaran tebusan Abu Aziz.

Ujar Ibn Ishaq: Kemudian kaum Quraisy menghantar bayaran-bayaran untuk menebus anak buah mereka yang tertawan.

* * * * * *

Di dalam Peperangan Badar yang kami bentangkan seringkas termampu inilah diturunkan Surah al-Anfal. Ia diturun untuk membentangkan peristiwa-peristiwa peperangan yang lahir di samping membentangkan di sebaliknya tindakan kuasa Ilahi yang mengatur pentadbiran, juga mendedahkan perencanaan dan pentadbiran Allah di dalam peristiwa-peristiwa peperangan itu dan di dalam garis perjalanan sejarah seluruh umat manusia di sebaliknya. Semuanya ini diperkatakan oleh surah ini dengan bahasa Al-Qur'an yang unik dan dengan gaya pengungkapan Al-Qur'an yang berdaya mu'jizat. Konsep-konsep ini akan diterangkan dengan terperinci semasa mentafsirkan ayat-ayat surah ini. Untuk masa ini, kami hanya berpada sekadar membentangkan garis-garis asasi surah ini.

Di sana terdapat satu peristiwa tertentu dalam peperangan itu yang memberi cahaya untuk memahami garis-garis perjalanannya iaitu berlandaskan cerita yang diriwayatkan oleh Ibn Ishaq dari 'Ubadah ibn as-Samit r.a. katanya: "Surah al-Anfal itu diturunkan kerana gara-gara kami yang terlibat di dalam Peperangan Badar. Ia diturunkan ketika kami berselisih pendapat tentang hukum harta rampasan perang dan ketika kami menunjukkan perilaku-perilaku yang buruk, lalu Allah mengambil harta rampasan itu dari tangan kami dan menyerahkannya kepada Rasulullah s.a.w., lalu beliau membahagikannya di antara semua orang Islam dengan pembahagian yang adil."

Peristiwa ini memberi cahaya untuk memahami maksud ayat-ayat pembukaan surah ini di samping memahami garis perjalanannya. Mereka telah berselisih faham mengenai sedikit harta rampasan di dalam peperangan Badar yang telah dijadikan Allah sebagai titik pemisah dalam perjalanan sejarah umat manusia sehingga ke hari Qiamat. Allah S.W.T. mahu mengajar pejuang-pejuang Peperangan Badar dan seluruh umat manusia selepas mereka perkara-perkara yang amat penting.

Mula-mula Allah mahu mengajar mereka bahawa persoalan peperangan ini adalah jauh lebih besar dari persoalan harta rampasan perang yang menimbulkan perselisihan di antara mereka. Oleh kerana itu hari berlakunya peperangan itu telah dinamakan Allah sebagai *"hari pemisah di antara yang hak dan yang batil"*(يوم الفرقان) dan *"hari pertempuran di antara dua kelompok"*(يوم التقى الجمعان) iaitu kelompok yang beriman dan kelompok yang kafir.

Allah mahu mengajar mereka bahawa peristiwa yang agung ini adalah berlaku dengan pentadbiran dan perencanaan Allah dalam setiap langkah dan gerak untuk menghasilkan tujuan yang dikehendaki-Nya. Oleh sebab itu mereka tidak mempunyai apa-apa saham dan sumbangan pentadbiran dalam kemenangan yang dicapai selepas kemenangan itu sama ada dalam bentuk harta-harta rampasan perang dan kesan-kesannya yang besar, semuanya adalah berlaku dengan tindakan dan pentadbiran Allah dan mereka telah berjaya menempuh ujian Allah dengan limpah kemurahan-Nya.

Allah mahu memperlihatkan kepada mereka sejauh mana perbezaan di antara kehendak hati mereka yang mahu menawan angkatan qafilah perniagaan Quraysy dengan kehendak Allah yang mahu melepaskan angkatan qafilah itu dari kepungan mereka dan mempertembungkan mereka dengan angkatan perang Quraysy agar mereka dapat melihat betapa jauhnya perbezaan di antara kehendak mereka terhadap kepentingan diri mereka dengan kehendak Allah terhadap mereka dan kepentingan mereka.

Surah ini dimulakan dengan merakamkan pertanyaan mereka mengenai hukum harta rampasan perang dan kenyataan Allah yang menjelaskan hukum-hukum Allah mengenai harta itu dan memulangkannya kepada Allah dan Rasul-Nya, serta menyeru mereka supaya bertaqwa kepada Allah dan memperbaiki hubungan di antara mereka setelah mereka menunjukkan akhlak mereka yang buruk dalam masalah pembahagian harta rampasan perang sebagaimana yang dinyatakan oleh 'Ubadah ibn as-Samit, juga menyeru mereka supaya ta'at kepada

Allah dan rasul dan mengingatkan bentuk keimanan yang sewajarnya kepada mereka. Pembukaan surah ini juga melukiskan kepada para Mu'minin satu gambaran yang menarik dan menggegarkan hati:

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْأَنفَالِ ۖ قُلِ ٱلْأَنفَالُ لِلَّهِ وَٱلرَّسُولِ ۖ فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَصْلِحُوا۟ ذَاتَ بَيْنِكُمْ ۖ وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١﴾

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُهُۥ زَادَتْهُمْ إِيمَٰنًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُؤْمِنُونَ حَقًّا ۚ لَّهُمْ دَرَجَٰتٌ عِندَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٤﴾

"Mereka bertanya kepadamu tentang (hukum) harta rampasan perang. Jawablah: Harta rampasan perang itu adalah diperuntukkan kepada Allah dan Rasul-Nya. Oleh kerana itu bertaqwalah kepada Allah dan islahkan hubungan di antara kamu dan ta'atlah kepada Allah dan Rasul-Nya jika kamu benar beriman (1). Sesungguhnya para Mu'minin yang sebenar ialah mereka yang apabila disebutkan nama Allah, gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan ayat-ayat-Nya bertambahlah keimanan mereka dan kepada Allah mereka berserah (2). Iaitu orang-orang yang mendirikan solat dan menginfaqkan sebahagian dari harta rezeki yang telah Kami kurniakan kepada mereka (3). Merekalah Para Mu'minin yang sebenar. Mereka memperolehi darjat-darjat yang tinggi di sisi Allah Tuhan mereka serta mendapat keampunan dan rezeki yang mulia".(4)

Kemudian ayat-ayat selanjutnya mengingatkan mereka tentang keadaan mereka, bagaimana mereka mengaturkan urusan diri mereka, bagaimana pula Allah mengaturkan urusan diri mereka, sejauh mana realiti bumi yang dapat di lihat mereka dan sejauh mana pula perencanaan Allah di sebalik realiti itu dan di sebalik diri mereka:

كَمَآ أَخْرَجَكَ رَبُّكَ مِنۢ بَيْتِكَ بِٱلْحَقِّ وَإِنَّ فَرِيقًا مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ لَكَٰرِهُونَ ﴿٥﴾

يُجَٰدِلُونَكَ فِى ٱلْحَقِّ بَعْدَمَا تَبَيَّنَ كَأَنَّمَا يُسَاقُونَ إِلَى ٱلْمَوْتِ وَهُمْ يَنظُرُونَ ﴿٦﴾

وَإِذْ يَعِدُكُمُ ٱللَّهُ إِحْدَى ٱلطَّآئِفَتَيْنِ أَنَّهَا لَكُمْ وَتَوَدُّونَ أَنَّ غَيْرَ ذَاتِ ٱلشَّوْكَةِ تَكُونُ لَكُمْ وَيُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُحِقَّ ٱلْحَقَّ بِكَلِمَٰتِهِۦ وَيَقْطَعَ دَابِرَ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٧﴾

لِيُحِقَّ ٱلْحَقَّ وَيُبْطِلَ ٱلْبَٰطِلَ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٨﴾

"(Semua peristiwa yang berlaku itu adalah dengan perintah Allah) sama seperti peristiwa Tuhanmu yang telah mengeluarkanmu dari sunnahmu (di Madinah menuju ke Badar) dengan perintah yang benar, sedangkan sebahagian dari Para Mu'minin tidak bersetuju (5). Mereka membantahmu tentang perintah yang benar itu setelah ternyata kebenarannya seolah-olah mereka sedang dibawa kepada maut dan nampak maut (6). Dan (kenangilah) ketika Allah menjanjikan kamu bahawa salah satu dari dua angkatan Quraysy (yang dihadapi kamu itu) akan dimenangi kamu, dan kamu mengingini menawan angkatan qafilah (Quraysy) yang tidak bersenjata, sedangkan Allah berkehendak (supaya kamu berperang dengan angkatan Quraysy yang bersenjata) untuk menegakkan kebenaran dengan kalimat-kalimatnya dan menghapuskan orang-orang kafir hingga ke saki-baki mereka yang akhir (7). Kerana Allah hendak menegakkan yang benar dan menghapuskan yang batil walaupun tidak disukai oleh orang-orang yang melakukan dosa."(8)

Kemudian ayat-ayat selanjutnya mengingatkan mereka terhadap pertolongan dan kemenangan yang telah dikurniakan Allah kepada mereka, juga terhadap ganjaran-ganjaran yang telah ditetapkan Allah kepada mereka dengan limpah kurnia-Nya:

إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَٱسْتَجَابَ لَكُمْ أَنِّى مُمِدُّكُم بِأَلْفٍ مِّنَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ مُرْدِفِينَ ﴿٩﴾

وَمَا جَعَلَهُ ٱللَّهُ إِلَّا بُشْرَىٰ وَلِتَطْمَئِنَّ بِهِۦ قُلُوبُكُمْ ۚ وَمَا ٱلنَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِندِ ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿١٠﴾

إِذْ يُغَشِّيكُمُ ٱلنُّعَاسَ أَمَنَةً مِّنْهُ وَيُنَزِّلُ عَلَيْكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً لِّيُطَهِّرَكُم بِهِۦ وَيُذْهِبَ عَنكُمْ رِجْزَ ٱلشَّيْطَٰنِ وَلِيَرْبِطَ عَلَىٰ قُلُوبِكُمْ وَيُثَبِّتَ بِهِ ٱلْأَقْدَامَ ﴿١١﴾

إِذْ يُوحِى رَبُّكَ إِلَى ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ أَنِّى مَعَكُمْ فَثَبِّتُوا۟

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ۚ سَأُلْقِى فِى قُلُوبِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ٱلرُّعْبَ فَٱضْرِبُوا۟ فَوْقَ ٱلْأَعْنَاقِ وَٱضْرِبُوا۟ مِنْهُمْ كُلَّ بَنَانٍ ﴿١٢﴾

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ شَآقُّوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ ۚ وَمَن يُشَاقِقِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَإِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿١٣﴾

ذَٰلِكُمْ فَذُوقُوهُ وَأَنَّ لِلْكَٰفِرِينَ عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿١٤﴾

"(Kenangilah) ketika kamu memohon pertolongan kepada Allah Tuhan kamu, lalu Dia memperkenankan permohonan kamu (seraya berfirman:) Sesungguhnya Aku akan membekalkan kamu dengan seribu (tentera) malaikat yang datang sepuak demi sepuak (9). Allah tidak jadikan bantuan itu melainkan (dengan tujuan) sebagai satu berita gembira dan supaya hati kamu menjadi tenteram dengannya. Dan tiada kemenangan yang sebenar melainkan dari sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (10). (Kenangilah) ketika Allah menjadikan kamu mengantuk sebagai rahmat dari-Nya yang menenteramkan kamu dan menurunkan air hujan dari langit ke atas kamu untuk membersihkan diri kamu dan menghapuskan dari kamu bisikan-bisikan jahat syaitan, juga untuk menguatkan hati kamu dan meneguhkan tapak kaki kamu (11). (Kenangilah) ketika Tuhanmu mewahyukan kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku bersama kamu. Oleh itu teguhkanlah hati para Mu'minin. Aku akan campakkan perasaan takut ke dalam hati orang-orang kafir. Oleh itu penggallah leher mereka dan potonglah setiap tangan mereka dan jari-jarinya (12). Semuanya itu disebabkan kerana mereka menentang Allah dan Rasul-Nya. Dan siapa yang menentang Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya Allah amat berat penyeksaan-Nya (13). Rasakanlah semua keseksaan itu (di dunia) dan (pada hari Akhirat) pula orang-orang kafir akan mendapat 'azab Neraka."(14)

Demikianlah penjelasan ayat-ayat tadi dalam bidang ini, di mana ia mencatatkan bahawa seluruh peperangan itu adalah dari perencanaan Allah dan pentadbiran-Nya. Ia berlangsung dengan kepimpinan Allah dan arahan-arahan-Nya, dengan pertolongan Allah dan bantuan-Nya, dengan tindakan Allah dan perencanaan-Nya, iaitu peperangan kerana Allah dan untuk jalan Allah. Oleh sebab itu para Mujahidin dari awal-awal lagi harus membersihkan hati mereka dari keinginan untuk mendapatkan harta rampasan perang dan menganggapkannya sebagai hak Allah dan Rasul-Nya dan jika Allah agihkan semula kepada mereka, maka itulah pemberian dan limpah kurnia dari Allah. Begitu juga Al-Qur'an menyarankan supaya mereka membersihkan hati mereka dari segala keinginan dan cita-cita untuk mendapat apa-apa keuntungan dari peperangan itu supaya jihad mereka di jalan Allah bersih semata-mata kerana Allah. Kerana itulah turunnya ayat-ayat yang berikut:

فَلَمْ تَقْتُلُوهُمْ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ قَتَلَهُمْ ۚ وَمَا رَمَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ رَمَىٰ ۚ وَلِيُبْلِىَ ٱلْمُؤْمِنِينَ مِنْهُ بَلَآءً حَسَنًا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٧﴾

ذَٰلِكُمْ وَأَنَّ ٱللَّهَ مُوهِنُ كَيْدِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٨﴾

"Sebenarnya bukan kamu yang membunuh mereka, tetapi Allahlah yang telah membunuh mereka dan sebenarnya bukan engkau yang melontar ketika engkau melontar, tetapi Allahlah yang melontarkannya (dengan tujuan) untuk menguji para Mu'minin supaya mereka mencapai kejayaan yang baik. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (17). Itulah limpah kurnia Allah kepada kamu dan sesungguhnya Allah itulah yang melemahkan tipudaya orang-orang yang kafir."(18)

وَٱذْكُرُوٓا۟ إِذْ أَنتُمْ قَلِيلٌ مُّسْتَضْعَفُونَ فِى ٱلْأَرْضِ تَخَافُونَ أَن يَتَخَطَّفَكُمُ ٱلنَّاسُ فَـَٔاوَىٰكُمْ وَأَيَّدَكُم بِنَصْرِهِۦ وَرَزَقَكُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan kenangilah (wahai para Muhajirin) ketika jumlah kamu masih sedikit dan tertindas di negeri itu (Makkah), di mana kamu berada di dalam ketakutan diserang dan diculik orang-orang Musyrikin, Lalu Allah memberi tempat perlindungan kepada kamu (Madinah) dan menguatkan kedudukan kamu dengan pertolongan-Nya. Dan mengurniakan rezeki-rezeki yang baik supaya kamu bersyukur."(26)

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَا غَنِمْتُم مِّن شَىْءٍ فَأَنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُۥ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ إِن كُنتُمْ ءَامَنتُم بِٱللَّهِ وَمَآ أَنزَلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا يَوْمَ ٱلْفُرْقَانِ يَوْمَ ٱلْتَقَى ٱلْجَمْعَانِ ۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤١﴾

إِذْ أَنتُم بِٱلْعُدْوَةِ ٱلدُّنْيَا وَهُم بِٱلْعُدْوَةِ ٱلْقُصْوَىٰ وَٱلرَّكْبُ أَسْفَلَ مِنكُمْ ۚ وَلَوْ تَوَاعَدتُّمْ لَٱخْتَلَفْتُمْ فِى ٱلْمِيعَٰدِ ۙ وَلَٰكِن لِّيَقْضِىَ ٱللَّهُ أَمْرًا كَانَ مَفْعُولًا لِّيَهْلِكَ مَنْ هَلَكَ عَنۢ بَيِّنَةٍ وَيَحْيَىٰ مَنْ حَىَّ عَنۢ بَيِّنَةٍ ۗ وَإِنَّ ٱللَّهَ

لَسَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٤٢﴾
إِذْ يُرِيكَهُمُ ٱللَّهُ فِى مَنَامِكَ قَلِيلًا ۖ وَلَوْ
أَرَىٰكَهُمْ كَثِيرًا لَّفَشِلْتُمْ وَلَتَنَٰزَعْتُمْ فِى
ٱلْأَمْرِ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ سَلَّمَ ۗ إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ
ٱلصُّدُورِ ﴿٤٣﴾
وَإِذْ يُرِيكُمُوهُمْ إِذِ ٱلْتَقَيْتُمْ فِىٓ أَعْيُنِكُمْ قَلِيلًا
وَيُقَلِّلُكُمْ فِىٓ أَعْيُنِهِمْ لِيَقْضِىَ ٱللَّهُ أَمْرًا كَانَ
مَفْعُولًا ۗ وَإِلَى ٱللَّهِ تُرْجَعُ ٱلْأُمُورُ ﴿٤٤﴾

"Dan ketahuilah bahawa sebarang harta rampasan perang yang telah diperolehi kamu itu, maka seperlima darinya (hendaklah diagihkan) untuk Allah, rasul, kerabat rasul, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan Ibn Sabil jika kamu beriman kepada Allah dan kepada ayat-ayat Al-Qur'an yang telah Kami turunkan kepada hamba Kami (Muhammad) pada hari (Peperangan Badar) yang memisahkan di antara yang hak dan yang batil, iaitu hari pertembungan di antara dua angkatan (angkatan Mu'minin dan angkatan Musyrikin Quraysy) dan Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu (41). (Kenangilah) ketika kamu berada di pinggir lembah (Badar) yang terdekat (dengan Madinah) dan mereka berada di pinggir lembah yang terjauh (dari Madinah), sedangkan angkatan qafilah (perdagangan Quraysy) berada di bawah kamu (di tempat-tempat yang jauh dari kamu). Dan sekiranya kamu hendak mengadakan perjanjian (menentukan masa pertempuran) tentulah kamu berselisih pendapat. Tetapi Allah (mempertemukan dua angkatan itu tanpa perjanjian) kerana Allah hendak melaksanakan satu keputusan yang telah ditetapkan-Nya supaya orang yang mati itu mati dengan bukti yang jelas dan orang yang hidup itu hidup dengan bukti yang jelas. Dan sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (42). (Kenangilah) ketika Allah memperlihatkan mereka kepadamu dalam mimpimu hanya berjumlah sedikit sahaja, dan sekiranya Allah memperlihatkan kepadamu bilangan mereka yang ramai tentulah kamu merasa kecewa dan berselisih faham di dalam urusan peperangan itu, tetapi Allah telah menyelamatkan kamu (dari kekecewaan dan perselisihan faham itu). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada manusia (43). Dan (kenangilah) ketika Allah menampakkan bilangan mereka yang ramai itu kelihatan sedikit sahaja pada pandangan mata kamu ketika kamu bertembung dan menampakkan bilangan kamu yang kecil pada pandangan mata mereka (kerana bilangan kamu sebenarnya kecil) kerana Allah hendak melaksanakan satu keputusan yang telah ditetapkan Allah, dan hanya kepada Allah sahaja dirujukkan segala urusan."(44)

* * * * * *

Oleh kerana seluruh perjuangan yang diceburi oleh para Mu'minin itu dari perencanaan dan pentadbiran Allah dan ia berlangsung dengan pimpinan dan arahan Allah serta dengan pertolongan dan bantuan dari Allah, ia juga dilancarkan untuk Allah dan Sabilullah, maka dalam surah ini terdapat seruan yang berulang-ulang kali supaya para Mu'minin tetap dan gigih dalam perjuangan itu, supaya mereka terus berjuang dan melengkapkan diri untuk perjuangan itu, supaya mereka yakin kepada perlindungan Allah yang akan melindungi mereka di dalam perjuangan itu, supaya mereka berwaspada terhadap halangan-halangan yang menghalangkan mereka dari perjuangan itu seperti halangan-halangan dalam bentuk sayangkan harta benda dan anak-anak, supaya mereka berpegang teguh dengan tata-tata susila peperangan dan supaya mereka tidak keluar berperang dengan lagak yang angkuh dan sombong dan dengan tujuan untuk menunjuk-nunjukkan kepada orang ramai. Di samping itu Rasulullah s.a.w. diperintah supaya memberangsangkan para Mu'minin bangkit berjuang, oleh sebab itulah turunnya ayat-ayat yang berikut yang mengandungi tujuan-tujuan itu:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا لَقِيتُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟
زَحْفًا فَلَا تُوَلُّوهُمُ ٱلْأَدْبَارَ ﴿١٥﴾
وَمَن يُوَلِّهِمْ يَوْمَئِذٍ دُبُرَهُۥٓ إِلَّا مُتَحَرِّفًا لِّقِتَالٍ
أَوْ مُتَحَيِّزًا إِلَىٰ فِئَةٍ فَقَدْ بَآءَ بِغَضَبٍ مِّنَ ٱللَّهِ
وَمَأْوَىٰهُ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٦﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertemu dengan orang-orang kafir yang sedang mara untuk menyerang kamu, maka janganlah kamu mundur membelakangi mereka (15). Sesiapa yang mundur membelakangi mereka pada hari itu - kecuali ia melencong untuk mencari tempat yang lebih sesuai untuk berperang atau untuk menggabungkan diri dengan pasukan yang lain - nescaya ia kembali membawa kemurkaan Allah dan tempat kediamannya (pada hari Akhirat kelak) ialah Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."(16)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱسْتَجِيبُوا۟ لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ
إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْ ۖ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ يَحُولُ
بَيْنَ ٱلْمَرْءِ وَقَلْبِهِۦ وَأَنَّهُۥٓ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Sambutlah seruan Allah dan rasul apabila ia menyeru kamu kepada agama/jihad yang memberi hayat kepada kamu, dan ketahuilah bahawa Allah berkuasa menghalangkan di antara seseorang dengan hatinya dan sesungguhnya kepada Allah kamu akan dikembalikan."(24)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَخُونُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ وَتَخُونُوٓا۟
أَمَٰنَٰتِكُمْ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾
وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَآ أَمْوَٰلُكُمْ وَأَوْلَٰدُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ

ٱللَّهَ عِندَهُۥٓ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿٢٨﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan rasul dan janganlah pula kamu mengkhianati amanah-amanah yang diserahkan kepada kamu, sedangkan kamu mengetahui (27). Dan ketahuilah bahawa-harta kekayaan kamu dan anak-anak kamu merupakan suatu ujian yang amat mempesonakan. Dan sesungguhnya pahala yang amat besar itu tersimpan di sisi Allah."(28)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا لَقِيتُمْ فِئَةً فَٱثْبُتُوا۟ وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٤٥﴾ وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَلَا تَنَٰزَعُوا۟ فَتَفْشَلُوا۟ وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ ۖ وَٱصْبِرُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٤٦﴾ وَلَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ خَرَجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِم بَطَرًا وَرِئَآءَ ٱلنَّاسِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ وَٱللَّهُ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿٤٧﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bertempur dengan pasukan musuh, maka hendaklah kamu berjuang dengan hati yang teguh dan ingatlah kepada Allah sebanyak-banyaknya supaya kamu mendapat kejayaan (45). Dan ta'atilah kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berselisih faham yang menyebabkan kamu gagal dan hilang kekuatan kamu. Dan bersabarlah, sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar (46). Dan janganlah kamu jadi seperti orang-orang (Musyrikin Quraysy) yang keluar dari kampung halaman mereka (untuk berperang) dengan lagak yang angkuh dan menunjuk-nunjukkan kepada manusia dan mereka berusaha menghalangi orang lain dari mengikut jalan Allah. Dan Allah adalah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(47)

وَأَعِدُّوا۟ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ ٱلْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِۦ عَدُوَّ ٱللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخَرِينَ مِن دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ ٱللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۚ وَمَا تُنفِقُوا۟ مِن شَىْءٍ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾

"Dan sediakanlah untuk menghadapi mereka segala apa sahaja kekuatan yang mampu disediakan kamu dan sediakan kuda-kuda tambatan perang untuk menakutkan musuh Allah dan musuh kamu dan orang-orang lain selain mereka yang belum lagi diketahui oleh kamu, sedangkan Allah mengetahui siapa mereka. Dan segala apa sahaja yang dibelanjakan kamu untuk jalan Allah akan dibalas dengan ganjaran yang sempurna kepada kamu dan kamu sama sekali tidak akan dianiayai."(60)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ حَرِّضِ ٱلْمُؤْمِنِينَ عَلَى ٱلْقِتَالِ ۚ إِن يَكُن مِّنكُمْ عِشْرُونَ صَٰبِرُونَ يَغْلِبُوا۟ مِا۟ئَتَيْنِ ۚ وَإِن يَكُن مِّنكُم مِّا۟ئَةٌ يَغْلِبُوٓا۟ أَلْفًا مِّنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَفْقَهُونَ ﴿٦٥﴾

"Wahai nabi! Kobarkanlah semangat para Mu'minin supaya bangkit berperang. Jika ada dua puluh orang yang sabar dari kalangan kamu nescaya mereka dapat mengalahkan dua ratus orang musuh dan jika ada seratus orang yang sabar dari kalangan kamu nescaya mereka dapat mengalahkan seribu orang kafir kerana mereka ini adalah satu kaum yang tidak mengerti."(65)

* * * * * *

Dalam satu masa yang sama, di mana berulangnya perintah-perintah berperang dengan hati yang teguh dan gigih di medan pertempuran, rangkaian ayat-ayat surah ini menjurus ke arah menjelaskan asas-asas 'aqidah secara mendalam dan mengembalikan segala perintah, segala hukum dan segala arahan kepada asas-asas itu supaya perintah-perintah itu tidak tergantung-gantung di ruang kosong, malah ditegakkan di atas asas yang jelas, teguh dan mendalam:

(a) Dalam persoalan harta rampasan perang, kaum Muslimin dikembalikan kepada prinsip bertaqwa kepada Allah dan kepada perasaan takut dan gementar apabila disebutkan nama Allah dan dihubungkan keimanan dengan keta'atan kepada Allah dan Rasul-Nya:

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْأَنفَالِ ۖ قُلِ ٱلْأَنفَالُ لِلَّهِ وَٱلرَّسُولِ ۖ فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَصْلِحُوا۟ ذَاتَ بَيْنِكُمْ ۖ وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١﴾ إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُهُۥ زَادَتْهُمْ إِيمَٰنًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

"Mereka bertanya kepadamu tentang (hukum) harta rampasan perang, jawablah: Harta rampasan perang itu adalah diperuntukkan kepada Allah dan Rasul-Nya, oleh kerana itu bertaqwalah kepada Allah dan islahkan hubungan di antara kamu dan ta'atlah kepada Allah dan Rasul-Nya jika kamu benar beriman (1). Sesungguhnya para Mu'minin yang sebenar ialah mereka yang apabila disebutkan nama Allah gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan ayat-ayat-

Nya bertambahlah keimanan mereka dan kepada Allah mereka berserah."(2)

أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُؤْمِنُونَ حَقًّا ۚ لَّهُمْ دَرَجَٰتٌ عِندَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٤﴾

"Merekalah Para Mu'minin Yang sebenar. Mereka memperolehi darjat-darjat yang tinggi di sisi Tuhan mereka serta keampunan dan rezeki yang mulia."(4)

(b) Mengenai penentuan aturcara peperangan, kaum Muslimin dikembalikan kepada perencanaan, pentadbiran dan penanganan Allah yang mengendalikan peringkat-peringkat perjuangan itu:

إِذْ أَنتُم بِٱلْعُدْوَةِ ٱلدُّنْيَا وَهُم بِٱلْعُدْوَةِ ٱلْقُصْوَىٰ وَٱلرَّكْبُ أَسْفَلَ مِنكُمْ ۚ وَلَوْ تَوَاعَدتُّمْ لَٱخْتَلَفْتُمْ فِى ٱلْمِيعَٰدِ وَلَٰكِن لِّيَقْضِىَ ٱللَّهُ أَمْرًا كَانَ مَفْعُولًا

"(Kenangilah) ketika kamu berada di pinggir lembah (Badar) yang terdekat (dengan Madinah) dan mereka berada di pinggir lembah yang terjauh (dari Madinah), sedangkan angkatan qafilah (perdagangan Quraysy) berada di bawah kamu (di tempat yang jauh dari kamu), dan sekiranya kamu hendak mengadakan perjanjian (menentukan masa pertempuran) tentulah kamu berselisih pendapat, tetapi Allah mempertemukan dua angkatan itu tanpa perjanjian dengan tujuan untuk melaksanakan satu keputusan yang telah ditetapkan-Nya."(42)

(c) Mengenai peristiwa-peristiwa dan hasil-hasil kejayaan peperangan itu kaum Muslimin dirujukkan kepada kepimpinan, bantuan dan pertolongan Allah:

فَلَمْ تَقْتُلُوهُمْ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ قَتَلَهُمْ ۚ وَمَا رَمَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ رَمَىٰ ۚ وَلِيُبْلِىَ ٱلْمُؤْمِنِينَ مِنْهُ بَلَآءً حَسَنًا ۚ

"Sebenarnya bukan kamu yang membunuh mereka, tetapi Allahlah yang telah membunuh mereka dan sebenarnya bukan engkau yang melontar ketika engkau melontar, tetapi Allahlah yang telah melontarkannya, (dengan tujuan) untuk menguji para Mu'minin supaya mereka mencapai kejayaan yang baik."(17)

(d) Mengenai perintah supaya berperang dengan hati yang teguh itu, kaum Muslimin dirujukkan kepada kehendak Allah yang hendak memberikan daya hayat kepada mereka melalui peperangan itu, juga dirujukkan kepada Qudrat Allah yang berkuasa menghalangkan di antara mereka dengan hati mereka, dan seterusnya dirujukkan kepada kesanggupan Allah untuk menolong orang yang bertawakkal kepada-Nya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱسْتَجِيبُوا۟ لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْ ۖ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ يَحُولُ بَيْنَ ٱلْمَرْءِ وَقَلْبِهِۦ وَأَنَّهُۥٓ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Sambutlah seruan Allah dan rasul apabila ia menyeru kamu kepada agama/jihad yang memberi daya hayat kepada kamu, dan ketahuilah bahawa Allah berkuasa menghalangkan di antara seseorang dengan hatinya dan sesungguhnya kepada Allah jua kamu akan dikembalikan."(24)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا لَقِيتُمْ فِئَةً فَٱثْبُتُوا۟ وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٤٥﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bertempur dengan pasukan musuh, maka hendaklah kamu berjuang dengan hati yang teguh dan ingatilah kepada Allah sebanyak-banyaknya supaya kamu mendapat kejayaan."(45)

(e) Mengenai penentuan matlamat di sebalik peperangan ini Al-Qur'an menjelaskan:

وَقَٰتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ ٱلدِّينُ كُلُّهُۥ لِلَّهِ ۚ

"Dan perangilah mereka sehingga tidak berlaku lagi sebarang penindasan. (terhadap orang-orang Mu'min) dan supaya keta'atan seluruhnya tertentu kepada Allah sahaja."(39)

مَا كَانَ لِنَبِىٍّ أَن يَكُونَ لَهُۥٓ أَسْرَىٰ حَتَّىٰ يُثْخِنَ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ

"Tidaklah wajar bagi seorang nabi mempunyai tawanan-tawanan perang sehingga ia melancarkan serangan habis-habisan di bumi itu."(67)

وَإِذْ يَعِدُكُمُ ٱللَّهُ إِحْدَى ٱلطَّآئِفَتَيْنِ أَنَّهَا لَكُمْ وَتَوَدُّونَ أَنَّ غَيْرَ ذَاتِ ٱلشَّوْكَةِ تَكُونُ لَكُمْ وَيُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُحِقَّ ٱلْحَقَّ بِكَلِمَٰتِهِۦ وَيَقْطَعَ دَابِرَ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٧﴾

"Dan kenangilah ketika Allah menjanjikan bahawa salah satu dari dua angkatan Quraysy (yang dihadapi kamu itu) akan dimenangi oleh kamu dan kamu mengingini (untuk menawan) angkatan qafilah (Quraysy) yang tidak bersenjata, sedangkan Allah berkehendak (supaya kamu berperang dengan angkatan Quraysy yang bersenjata) untuk menegakkan kebenaran dengan kalimat-kalimat-Nya dan menghapuskan orang-orang kafir hingga ke saki-baki mereka yang akhir."(7)

لِيُحِقَّ ٱلْحَقَّ وَيُبْطِلَ ٱلْبَٰطِلَ وَلَوْ كَرِهَ

ٱلۡمُجۡرِمُونَ ﴿٨﴾

"Kerana Allah hendak menegakkan yang benar dan menghapuskan yang batil walaupun tidak disukai oleh orang-orang yang melakukan dosa."(8)

(f) Mengenai urusan mengaturkan perhubungan-perhubungan di antara masyarakat Islam dan masyarakat-masyarakat bukan Islam yang lain, maka Al-Qur'an menonjolkan agar 'aqidah dijadikan asas bagi pembentukan dan perbezaan kelompok, di mana nilai-nilai 'aqidah dijadikan asas bagi menempatkan sesuatu kelompok itu di hadapan atau di belakang:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَهَاجَرُواْ وَجَٰهَدُواْ بِأَمۡوَٰلِهِمۡ وَأَنفُسِهِمۡ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلَّذِينَ ءَاوَواْ وَّنَصَرُوٓاْ أُوْلَٰٓئِكَ بَعۡضُهُمۡ أَوۡلِيَآءُ بَعۡضٖۚ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَلَمۡ يُهَاجِرُواْ مَا لَكُم مِّن وَلَٰيَتِهِم مِّن شَيۡءٍ حَتَّىٰ يُهَاجِرُواْۚ وَإِنِ ٱسۡتَنصَرُوكُمۡ فِي ٱلدِّينِ فَعَلَيۡكُمُ ٱلنَّصۡرُ إِلَّا عَلَىٰ قَوۡمِۭ بَيۡنَكُمۡ وَبَيۡنَهُم مِّيثَٰقٞۗ وَٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ بَصِيرٞ ﴿٧٢﴾

وَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بَعۡضُهُمۡ أَوۡلِيَآءُ بَعۡضٍۚ إِلَّا تَفۡعَلُوهُ تَكُن فِتۡنَةٞ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَفَسَادٞ كَبِيرٞ ﴿٧٣﴾

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَهَاجَرُواْ وَجَٰهَدُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلَّذِينَ ءَاوَواْ وَّنَصَرُوٓاْ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ حَقّٗاۚ لَّهُم مَّغۡفِرَةٞ وَرِزۡقٞ كَرِيمٞ ﴿٧٤﴾

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مِنۢ بَعۡدُ وَهَاجَرُواْ وَجَٰهَدُواْ مَعَكُمۡ فَأُوْلَٰٓئِكَ مِنكُمۡۚ وَأُوْلُواْ ٱلۡأَرۡحَامِ بَعۡضُهُمۡ أَوۡلَىٰ بِبَعۡضٖ فِي كِتَٰبِ ٱللَّهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمُۢ ﴿٧٥﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta benda dan jiwa raga mereka di jalan Allah dan orang-orang (kaum Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada kaum Muhajirin), maka mereka adalah sahabat-sahabat setia di antara satu sama lain. Adapun orang-orang yang beriman dan belum berhijrah, maka kamu sedikit pun tidak bertanggungjawab melindungi mereka sehingga mereka turut berhijrah, tetapi jika mereka meminta pertolongan kamu kerana agama, maka kamu berkewajipan memberi pertolongan kepada mereka kecuali terhadap mana-mana kaum yang ada perjanjian di antara kamu dengan mereka. Dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu (72). Dan orang-orang yang kafir mereka adalah sahabat-sahabat setia di antara satu sama lain. Jika kamu tidak melakukan jihad nescaya berlakulah penindasan (ke atas orang-orang yang beriman) dan kerosakan yang besar (73). Dan orang-orang yang beriman serta berhijrah dan berjihad di jalan Allah dan orang-orang (kaum Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan kepada kaum Muhajirin, mereka adalah orang-orang Mu'minin yang benar. Mereka memperolehi keampunan dan rezeki yang mulia (74). Dan adapun orang-orang yang beriman selepas itu dan turut berhijrah dan berjihad bersama kamu, maka mereka adalah termasuk dalam golongan kamu. Orang-orang yang mempunyai hubungan rahim lebih utama membantu satu sama lain (dari orang-orang lain yang tidak mempunyai hubungan rahim) lebih utama membantu satu sama lain (dari orang-orang lain yang tidak mempunyai hubungan rahim) mengikut hukum yang termaktub dalam kitab Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(75)

* * * * * *

Persoalan yang khusus ditekankan di dalam ayat-ayat surah ini selain dari persoalan 'aqidah ialah persoalan jihad, di mana dijelaskan nilai-nilainya dari aspek keimanan dan pergerakan di samping diterangkan bahawa jihad itu harus bersih dari segala kepentingan peribadi dan jihad mempunyai justifikasi-justifikasi sendiri yang tinggi, yang menjadi titik tolak para Mujahidin untuk berjuang dengan penuh keyakinan dan superioriti hingga ke akhir zaman. Saranan ini terkandung dalam keseluruhan surah ini. Di sini cukuplah kami membawa beberapa ayat sahaja dalam kata penghantar ini dan menangguhkan huraiannya yang terperinci di tempatnya yang wajar ketika mentafsirkan ayat-ayat ini:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا لَقِيتُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ زَحۡفٗا فَلَا تُوَلُّوهُمُ ٱلۡأَدۡبَارَ ﴿١٥﴾

وَمَن يُوَلِّهِمۡ يَوۡمَئِذٖ دُبُرَهُۥٓ إِلَّا مُتَحَرِّفٗا لِّقِتَالٍ أَوۡ مُتَحَيِّزًا إِلَىٰ فِئَةٖ فَقَدۡ بَآءَ بِغَضَبٖ مِّنَ ٱللَّهِ وَمَأۡوَىٰهُ جَهَنَّمُۖ وَبِئۡسَ ٱلۡمَصِيرُ ﴿١٦﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertemu dengan orang-orang kafir yang sedang mara untuk menyerang kamu, maka janganlah kamu mundur membelakangi mereka.(15) Sesiapa yang mundur membelakangi mereka pada hari itu - kecuali ia melencong untuk mencari tempat yang lebih sesuai untuk berperang atau untuk menggabungkan diri dengan pasukan yang lain - nescaya ia kembali membawa kemurkaan Allah dan tempat kediamannya (pada hari Akhirat kelak) ialah Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."(16)

إِنَّ شَرَّ ٱلدَّوَآبِّ عِندَ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ فَهُمۡ

لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٥٥﴾

ٱلَّذِينَ عَٰهَدتَّ مِنْهُمْ ثُمَّ يَنقُضُونَ عَهْدَهُمْ فِي كُلِّ مَرَّةٍ وَهُمْ لَا يَتَّقُونَ ﴿٥٦﴾

فَإِمَّا تَثْقَفَنَّهُمْ فِي ٱلْحَرْبِ فَشَرِّدْ بِهِم مَّنْ خَلْفَهُمْ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ ﴿٥٧﴾

"Sesungguhnya binatang yang paling buruk di sisi Allah ialah manusia-manusia yang kafir, oleh kerana itu mereka tidak beriman (55). Iaitu orang-orang yang engkau telah memeterai perjanjian dengan mereka kemudian mereka membatalkan perjanjian mereka setiap kali (dimeterai perjanjian) dan mereka tidak takut (kepada akibatnya) (56). Jika engkau menemui mereka (orang-orang kafir yang membatalkan perjanjian itu) di dalam peperangan, maka hancurkan mereka untuk menakutkan orang-orang di belakang mereka. Supaya mereka mengambil pengajaran."(57)

وَأَعِدُّوا۟ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ ٱلْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِۦ عَدُوَّ ٱللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخَرِينَ مِن دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ ٱللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۚ وَمَا تُنفِقُوا۟ مِن شَيْءٍ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾

"Dan sediakanlah untuk menghadapi mereka segala apa sahaja kekuatan, yang mampu disediakan kamu dan sediakan kuda-kuda tambatan perang untuk menakutkan musuh Allah dan musuh kamu dan orang-orang lain selain mereka yang belum lagi diketahui oleh kamu, sedangkan Allah mengetahui siapa mereka. Dan segala apa sahaja yang dibelanjakan kamu untuk jalan Allah akan dibalas dengan ganjaran yang sempurna kepada kamu dan kamu sama sekali tidak akan dianiayai."(60)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ حَرِّضِ ٱلْمُؤْمِنِينَ عَلَى ٱلْقِتَالِ ۚ إِن يَكُن مِّنكُمْ عِشْرُونَ صَٰبِرُونَ يَغْلِبُوا۟ مِا۟ئَتَيْنِ ۚ وَإِن يَكُن مِّنكُم مِّا۟ئَةٌ يَغْلِبُوٓا۟ أَلْفًا مِّنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَفْقَهُونَ ﴿٦٥﴾

"Wahai nabi! Kobarkanlah semangat para Mu'minin supaya bangkit berperang. Jika ada dua puluh orang yang sabar dari kalangan kamu nescaya mereka dapat mengalahkan dua ratus orang musuh dan jika ada seratus orang yang sabar dari kalangan kamu nescaya mereka dapat mengalahkan seribu orang kafir kerana mereka ini adalah satu kaum yang tidak mengerti."(65)

مَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَن يَكُونَ لَهُۥٓ أَسْرَىٰ حَتَّىٰ يُثْخِنَ فِي ٱلْأَرْضِ ۚ تُرِيدُونَ عَرَضَ ٱلدُّنْيَا وَٱللَّهُ يُرِيدُ ٱلْءَاخِرَةَ ۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٧﴾

"Tidak wajar bagi seorang nabi mempunyai tawanan-tawanan perang sehingga ia melancarkan serangan habis-habisan di bumi itu. Kamu menghendaki harta benda dunia, sedangkan Allah menghendaki kamu mendapat ganjaran di Akhirat dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(67)

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلَّذِينَ ءَاوَوا۟ وَّنَصَرُوٓا۟ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُؤْمِنُونَ حَقًّا ۚ لَّهُم مَّغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٧٤﴾

"Dan orang-orang yang beriman serta berhijrah dan berjihad di jalan Allah dan orang-orang (kaum Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada kaum Muhajirin) mereka adalah orang-orang Mu'minin yang benar. Mereka memperoleh keampunan dan rezeki yang mulia."(74)

****

Akhirnya surah ini mengaturkan hubungan-hubungan kelompok Muslimin dengan berlandaskan 'aqidah sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini di samping menerangkan peraturan-peraturan untuk berinteraksi dengan kelompok-kelompok yang lain dalam masa perang dan damai hingga ke masa turunnya surah ini, juga peraturan pengagihan harta rampasan, peraturan-peraturan mengadakan perjanjian dan seterusnya meletakkan garis-garis panduan yang kukuh dalam mengaturkan hubungan-hubungan dan peraturan-peraturan ini yang diterangkan dengan begitu jelas dalam ayat-ayat yang berikut:

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْأَنفَالِ ۖ قُلِ ٱلْأَنفَالُ لِلَّهِ وَٱلرَّسُولِ ۖ

"Mereka bertanya kepadamu tentang (hukum) harta rampasan perang Jawablah! Harta rampasan perang itu diperuntukkan kepada Allah dan Rasul-Nya."(1)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا لَقِيتُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ زَحْفًا فَلَا تُوَلُّوهُمُ ٱلْأَدْبَارَ ﴿١٥﴾

وَمَن يُوَلِّهِمْ يَوْمَئِذٍ دُبُرَهُۥٓ إِلَّا مُتَحَرِّفًا لِّقِتَالٍ أَوْ مُتَحَيِّزًا إِلَىٰ فِئَةٍ فَقَدْ بَآءَ بِغَضَبٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَمَأْوَىٰهُ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٦﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertemu dengan orang-orang kafir yang sedang mara untuk menyerang kamu, maka janganlah kamu mundur membelakangi mereka (15). Sesiapa yang mundur membelakangi mereka pada hari itu - kecuali ia melencong untuk mencari tempat yang lebih sesuai untuk berperang atau untuk menggabungkan diri dengan pasukan yang lain -

nescaya ia kembali membawa kemurkaan Allah dan tempat kediamannya (pada hari Akhirat kelak) ialah Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."(16)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَلَا
تَوَلَّوْا۟ عَنْهُ وَأَنتُمْ تَسْمَعُونَ ﴿٢٠﴾
وَلَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ قَالُوا۟ سَمِعْنَا وَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ ﴿٢١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Ta'atlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berpaling dari-Nya sedangkan kamu mendengar (perintah-Nya) (20). Dan janganlah kamu berkelakuan seperti para Munafiqinin yang berkata: Kami telah mendengar, sedangkan yang sebenarnya mereka tidak mendengar."(21)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱسْتَجِيبُوا۟ لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ
إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْ ۖ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ يَحُولُ
بَيْنَ ٱلْمَرْءِ وَقَلْبِهِۦ وَأَنَّهُۥٓ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Sambutlah seruan Allah dan rasul apabila ia menyeru kamu kepada agama/jihad yang memberi hayat kepada kamu, dan ketahuilah bahawa Allah berkuasa menghalangkan di antara seseorang dengan hatinya dan sesungguhnya kepada Allah kamu akan dikembalikan"(24)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَخُونُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ وَتَخُونُوٓا۟
أَمَٰنَٰتِكُمْ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan rasul dan janganlah pula kamu mengkhianati amanat-amanat yang diserahkan kepada kamu, sedangkan kamu mengetahui."(27)

قُل لِّلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِن يَنتَهُوا۟ يُغْفَرْ لَهُم
مَّا قَدْ سَلَفَ وَإِن يَعُودُوا۟ فَقَدْ مَضَتْ سُنَّتُ
ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٣٨﴾
وَقَٰتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ
ٱلدِّينُ كُلُّهُۥ لِلَّهِ ۚ فَإِنِ ٱنتَهَوْا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ
بِمَا يَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٣٩﴾

"Katakanlah kepada orang-orang kafir itu: Jika kamu berhenti (dari kekafiran) nescaya Allah mengampunkan dosa-dosa mereka yang lepas dan jika mereka kembali lagi (kepada kekufuran), nescaya mereka akan menerima akibat Sunnatullah yang telah menimpa kaum-kaum yang dahulu (38). Dan perangilah mereka sehingga tidak berlaku lagi sebarang penindasan (terhadap orang-orang Mu'min) dan supaya keta'atan seluruhnya tertentu kepada Allah sahaja dan jika mereka berhenti dari kekufuran dan menentang da'wah), maka sesungguhnya Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan mereka."(39)

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَا غَنِمْتُم مِّن شَىْءٍ فَأَنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُۥ
وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ
وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ

"Dan ketahuilah bahawa apa sahaja harta rampasan perang yang telah diperolehi kamu, maka seperlima darinya adalah diperuntukkan kepada Allah, kepada rasul, kepada kaum kerabat rasul, kepada anak-anak yatim, kepada orang-orang miskin dan kepada Ibn Sabil."(41)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا لَقِيتُمْ فِئَةً فَٱثْبُتُوا۟
وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٤٥﴾
وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَلَا تَنَٰزَعُوا۟ فَتَفْشَلُوا۟
وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ ۖ وَٱصْبِرُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ
ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٤٦﴾
وَلَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ خَرَجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِم بَطَرًا وَرِئَآءَ
ٱلنَّاسِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ وَٱللَّهُ بِمَا
يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿٤٧﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bertempur dengan pasukan musuh, maka hendaklah kamu berjuang dengan hati yang teguh dan ingatlah kepada Allah sebanyak-banyaknya supaya kamu mendapat kejayaan (45). Dan ta'atilah kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berselisih faham yang menyebabkan kamu gagal dan hilang kekuatan kamu. Dan bersabarlah sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar (46). Dan janganlah kamu jadi seperti orang-orang (Musyrikin Quraysy) yang keluar dari kampung halaman mereka (untuk berperang) dengan lagak yang angkuh dan menunjuk-nunjukkan kepada manusia dan mereka berusaha menghalangi orang lain dari mengikut jalan Allah. Dan Allah adalah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(47)

إِنَّ شَرَّ ٱلدَّوَآبِّ عِندَ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فَهُمْ
لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٥٥﴾
ٱلَّذِينَ عَٰهَدتَّ مِنْهُمْ ثُمَّ يَنقُضُونَ عَهْدَهُمْ فِى
كُلِّ مَرَّةٍ وَهُمْ لَا يَتَّقُونَ ﴿٥٦﴾
فَإِمَّا تَثْقَفَنَّهُمْ فِى ٱلْحَرْبِ فَشَرِّدْ بِهِم مَّنْ خَلْفَهُمْ
لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ ﴿٥٧﴾

وَإِمَّا تَخَافَنَّ مِن قَوْمٍ خِيَانَةً فَانبِذْ إِلَيْهِمْ عَلَىٰ سَوَاءٍ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْخَائِنِينَ ﴿٥٨﴾

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَبَقُوا ۚ إِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَ ﴿٥٩﴾

وَأَعِدُّوا لَهُم مَّا اسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَآخَرِينَ مِن دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۚ وَمَا تُنفِقُوا مِن شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾

وَإِن جَنَحُوا لِلسَّلْمِ فَاجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ ۚ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٦١﴾

وَإِن يُرِيدُوا أَن يَخْدَعُوكَ فَإِنَّ حَسْبَكَ اللَّهُ ۚ هُوَ الَّذِي أَيَّدَكَ بِنَصْرِهِ وَبِالْمُؤْمِنِينَ ﴿٦٢﴾

وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ ۚ لَوْ أَنفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَّا أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَٰكِنَّ اللَّهَ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ ۚ إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٣﴾

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ حَسْبُكَ اللَّهُ وَمَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٦٤﴾

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ حَرِّضِ الْمُؤْمِنِينَ عَلَى الْقِتَالِ ۚ إِن يَكُن مِّنكُمْ عِشْرُونَ صَابِرُونَ يَغْلِبُوا مِائَتَيْنِ ۚ وَإِن يَكُن مِّنكُم مِّائَةٌ يَغْلِبُوا أَلْفًا مِّنَ الَّذِينَ كَفَرُوا بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَفْقَهُونَ ﴿٦٥﴾

"Sesungguhnya binatang yang paling jahat di sisi Allah ialah manusia-manusia yang kafir, oleh kerana itu mereka tidak beriman (55). Iaitu orang-orang yang engkau telah memeterai perjanjian dengan mereka kemudian mereka membatalkan perjanjian mereka setiap kali (dimeterai perjanjian) dan mereka tidak takut (kepada akibatnya) (56). Jika engkau menemui mereka (orang-orang kafir yang membatalkan perjanjian itu) di dalam peperangan, maka hancurkan mereka untuk menakutkan, orang-orang di belakang mereka. Supaya mereka mengambil pengajaran (57). Dan jika engkau bimbang apa-apa pengkhianatan dari sesuatu kaum, maka kembalikan perjanjian itu kepada mereka dengan cara yang adil. Sesungguhnya Allah tidak menyukai para pengkhianat (58). Dan janganlah orang-orang kafir itu menyangka bahawa mereka telah mendahului (kami dan selamat) kerana mereka tidak dapat melemahkan Allah (59). Dan sediakanlah untuk menghadapi mereka segala apa sahaja kekuatan yang mampu disediakan kamu dan sediakan kuda-kuda tambatan perang untuk menakutkan musuh Allah dan musuh kamu dan orang-orang lain selain mereka yang belum lagi diketahui oleh kamu, sedangkan Allah mengetahui siapa mereka. Dan segala apa sahaja yang dibelanjakan kamu untuk jalan Allah akan dibalas dengan ganjaran yang sempurna kepada kamu dan kamu sama sekah tidak akan dianiayai (60). Jika mereka cenderung kepada perdamaian, maka hendaklah engkau juga cenderung kepadanya dan bertawakkallah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (61). Dan jika mereka mahu menipu engkau, maka cukuplah Allah menjadi Pelindung kerana Dialah yang menyokong engkau dengan pertolongan-Nya dan dengan para Mu'minin (62). Dan Dialah yang menyatupadukan di antara hati mereka (para Mu'minin) dan jika engkau membelanjakan segala kekayaan di bumi nescaya engkau tidak dapat juga menyatupadukan di antara hati mereka, tetapi Allah telah berjaya menyatupadukan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (63). Wahai Nabi, cukuplah Allah dan para Mu'minin yang mengikut engkau (menjadi penolongku) (64). Wahai Nabi! Kobarkanlah semangat para Mu'minin supaya bangkit berperang. Jika ada dua puluh orang yang sabar dari kalangan kamu nescaya mereka dapat mengalahkan dua ratus orang musuh dan jika ada seratus orang yang sabar dari kalangan kamu nescaya mereka dapat mengalahkan seribu orang kafir kerana mereka ini adalah satu kaum yang tidak mengerti."(65)

الْآنَ خَفَّفَ اللَّهُ عَنكُمْ وَعَلِمَ أَنَّ فِيكُمْ ضَعْفًا ۚ فَإِن يَكُن مِّنكُم مِّائَةٌ صَابِرَةٌ يَغْلِبُوا مِائَتَيْنِ ۚ وَإِن يَكُن مِّنكُمْ أَلْفٌ يَغْلِبُوا أَلْفَيْنِ بِإِذْنِ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٦٦﴾

مَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَن يَكُونَ لَهُ أَسْرَىٰ حَتَّىٰ يُثْخِنَ فِي الْأَرْضِ ۚ تُرِيدُونَ عَرَضَ الدُّنْيَا وَاللَّهُ يُرِيدُ الْآخِرَةَ ۗ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٧﴾

لَّوْلَا كِتَابٌ مِّنَ اللَّهِ سَبَقَ لَمَسَّكُمْ فِيمَا أَخَذْتُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٦٨﴾

فَكُلُوا مِمَّا غَنِمْتُمْ حَلَالًا طَيِّبًا ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ

غَفُورٌ رَّحِيمٌ ٦٩
يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ قُل لِّمَن فِيٓ أَيۡدِيكُم مِّنَ ٱلۡأَسۡرَىٰٓ إِن
يَعۡلَمِ ٱللَّهُ فِي قُلُوبِكُمۡ خَيۡرٗا يُؤۡتِكُمۡ خَيۡرٗا مِّمَّآ أُخِذَ
مِنكُمۡ وَيَغۡفِرۡ لَكُمۡۚ وَٱللَّهُ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ٧٠
وَإِن يُرِيدُواْ خِيَانَتَكَ فَقَدۡ خَانُواْ ٱللَّهَ مِن قَبۡلُ
فَأَمۡكَنَ مِنۡهُمۡۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ٧١
إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَهَاجَرُواْ وَجَٰهَدُواْ بِأَمۡوَٰلِهِمۡ
وَأَنفُسِهِمۡ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلَّذِينَ ءَاوَواْ وَّنَصَرُوٓاْ
أُوْلَٰٓئِكَ بَعۡضُهُمۡ أَوۡلِيَآءُ بَعۡضٖۚ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَلَمۡ
يُهَاجِرُواْ مَا لَكُم مِّن وَلَٰيَتِهِم مِّن شَيۡءٍ حَتَّىٰ يُهَاجِرُواْۚ
وَإِنِ ٱسۡتَنصَرُوكُمۡ فِي ٱلدِّينِ فَعَلَيۡكُمُ ٱلنَّصۡرُ إِلَّا
عَلَىٰ قَوۡمِۭ بَيۡنَكُمۡ وَبَيۡنَهُم مِّيثَٰقٌۗ وَٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ
بَصِيرٞ ٧٢
وَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بَعۡضُهُمۡ أَوۡلِيَآءُ بَعۡضٍۚ إِلَّا تَفۡعَلُوهُ
تَكُن فِتۡنَةٞ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَفَسَادٞ كَبِيرٞ ٧٣
وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَهَاجَرُواْ وَجَٰهَدُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلَّذِينَ
ءَاوَواْ وَّنَصَرُوٓاْ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ حَقّٗاۚ لَّهُم
مَّغۡفِرَةٞ وَرِزۡقٞ كَرِيمٞ ٧٤
وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مِنۢ بَعۡدُ وَهَاجَرُواْ وَجَٰهَدُواْ مَعَكُمۡ
فَأُوْلَٰٓئِكَ مِنكُمۡۚ وَأُوْلُواْ ٱلۡأَرۡحَامِ بَعۡضُهُمۡ أَوۡلَىٰ بِبَعۡضٖ
فِي كِتَٰبِ ٱللَّهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمُۢ ٧٥

"Sekarang Allah telah meringankan kamu dan mengetahui kelemahan yang ada pada kamu. Oleh itu jika ada dari kalangan kamu seratus orang wira, yang sabar nescaya mereka dapat mengalahkan dua ratus orang musuh dan jika ada dari kalangan kamu seribu orang wira nescaya mereka dapat mengalahkan dua ribu orang musuh dengan izin Allah, dan Allah bersama orang-orang yang sabar (66). Tidak wajar bagi seorang Nabi mempunyai tawanan-tawanan perang sehingga ia melancarkan serangan habis-habisan di bumi itu. Kamu menghendaki harta benda dunia, sedangkan Allah menghendaki kamu mendapat ganjaran di Akhirat dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (67). Sekiranya tidak kerana adanya keputusan yang telah lalu dari Allah nescaya kamu telah ditimpa 'azab yang besar kerana kesalahan kamu mengambil bayaran tebusan (tawanan) (68). Oleh sebab itu makanlah sebahagian dari harta tebusan tawanan itu sebagai makanan yang halal dan baik dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (69). Wahai Nabi! Katakanlah kepada para tawanan perang yang ada di dalam tangan kamu: Jika Allah mengetahui ada sesuatu kebaikan (keimanan) di dalam hati kamu nescaya Dia mengurniakan kepada kamu balasan yang lebih baik dari wang tebusan yang telah diambil dari kamu dan memberi keampunan kepada kamu. Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang (70). Dan jika mereka (para tawanan) mahu mengkhianati engkau, (maka itu tidaklah menghairankan) kerana mereka pernah mengkhianati Allah sebelum ini lalu Allah jadikan mereka kalah kepadamu. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (71). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta benda dan jiwa raga mereka di jalan Allah dan orang-orang (kaum Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada kaum Muhajirin), maka mereka adalah sahabat-sahabat setia di antara satu sama lain. Adapun orang-orang yang beriman dan belum berhijrah, maka kamu sedikit pun tidak bertanggungjawab melindungi mereka sehingga mereka turut berhijrah, tetapi jika mereka meminta pertolongan kamu kerana agama, maka kamu berkewajipan memberi pertolongan kepada mereka kecuali terhadap mana-mana kaum yang ada perjanjian di antara kamu dengan mereka. Dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu (72). Dan orang-orang yang kafir mereka adalah sahabat-sahabat setia di antara satu sama lain. Jika kamu tidak melakukan jihad nescaya berlakulah penindasan (ke atas orang-orang yang beriman) dan kerosakan yang besar (73). Dan orang-orang yang beriman serta berhijrah dan berjihad di jalan Allah dan orang-orang (kaum Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada kaum Muhajirin) mereka adalah orang-orang Mu'minin yang benar. Mereka memperolehi keampunan dan rezeki yang mulia (74). Dan adapun orang-orang yang beriman selepas itu dan turut berhijrah dan berjihad bersama kamu, maka mereka adalah termasuk dalam golongan kamu. Orang-orang yang mempunyai hubungan rahim lebih utama membantu satu sama lain (dari orang-orang lain yang tidak mempunyai hubungan rahim) mengikut hukum yang termaktub dalam kitab Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(75)

* * * * * *

Inilah ringkasan garis-garis pembicaraan pokok surah ini. Oleh kerana keseluruhan surah ini diturunkan di dalam Peperangan Badar dan mengulas peristiwa-peristiwanya, maka dari sini kita dapat memahami sebahagian dari methodologi Al-Qur'an dalam mendidik jama'ah Muslimin dan membina mereka untuk memegang teraju kepimpinan umat manusia, di samping memahami satu aspek dari pandangan Islam terhadap hakikat perkara-perkara yang berlaku di bumi dan di dalam kehidupan manusia yang boleh melahirkan satu kefahaman yang betul terhadap hakikat ini.

Peperangan Badar merupakan peperangan pertama, di mana kaum Muslimin memerangi musuh mereka kaum Musyrikin dan berjaya menimpakan kekalahan yang besar ke atas mereka, tetapi kaum Muslimin pada mulanya bukanlah keluar dengan maksud mencetuskan peperangan ini, malah mereka keluar untuk maksud menghalang angkatan qafilah perdagangan Quraysy yang telah mengusir mereka dari kampung halaman dan harta benda mereka, tetapi kehendak Allah terhadap jama'ah Muslimin tidak sama dengan kehendak mereka terhadap diri mereka sendiri yang mahu mendapat harta rampasan. Allah telah menentukan iradat-Nya supaya qafilah perdagangan Quraysy terlepas dari sekatan jama'ah Muslimin dan supaya jama'ah Muslimin bertempur dengan musuh mereka yang terdiri dari pemimpin-pemimpin Quraysy yang zalim, yang telah membekukan pergerakan da'wah di Makkah dan melakukan angkara tipudaya mereka yang jahat untuk membunuh Rasulullah s.a.w. setelah mereka berjaya menyeksa dan menindas sekejam-kejamnya terhadap para sahabat beliau yang mengikuti hidayat beliau.

Iradat Allah telah menentukan bahawa Peperangan Badar merupakan satu peperangan pemisah di antara yang hak dan yang batil dalam garis perjalanan sejarah Islam, dan kerana itu sekaligus ia merupakan peperangan pemisah dalam garis perjalanan sejarah umat manusia. Iradat Allah mahu menonjolkan jurang perbezaan yang amat jauh di antara perencanaan manusia untuk mencapai kebaikan bagi diri mereka mengikut perspektif mereka dengan perencanaan Allah yang hendak memberi kebaikan kepada mereka walaupun pada mulanya tidak disukai mereka, begitu juga iradat Allah menghendaki agar jama'ah Muslimin mempelajari faktor-faktor kalah menang yang diterima secara langsung dari Allah yang melatih dan melindungi keselamatan mereka semasa mereka di medan pertempuran dan berdepan dengan berbagai-bagai pemandangannya.

Surah ini mengandungi arahan-arahan dan bimbingan-bimbingan yang menarik dan menyarankan konsep-konsep dan hakikat-hakikat tersebut yang memang penting dan serius di samping mengandungi perlembagaan perang dan damai, harta rampasan perang dan tawanan-tawanan perang, perjanjian dan perikatan dan faktor-faktor kalah dan menang semuanya dihuraikan dengan gaya cara yang membimbing dan mendidik yang dapat membentuk tanggapan 'aqidah yang berfungsi sebagai daya penggerak utama dan terbesar di dalam aktiviti-aktiviti manusia. Inilah ciri methodologi Al-Qur'an dalam membentang dan mengorientasikan peristiwa-peristiwa.

Kemudian surah ini juga mengandungi pemandangan-pemandangan peperangan itu serta pemandangan-pemandangan pergerakan hati dan jiwa sebelum pertempuran, semasa pertempuran dan selepas pertempuran. Pemandangan-pemandangan ini digambarkan begitu hidup hingga benar-benar dapat dirasakan kesan-kesannya, gambaran-gambarannya dan ciri-cirinya seolah-olah pembaca Al-Qur'an melihat pertempuran itu dengan mata kepalanya dan berinteraksi dengannya secara mendalam.

Kadang-kadang penjelasan ayat-ayat itu diselangi dengan gambaran-gambaran peri hidup Rasulullah s.a.w., juga peri hidup para sahabatnya di Makkah, di mana mereka merupakan kumpulan minoriti yang tertindas di bumi Allah dan sentiasa berada dalam kebimbangan diculik dan diserang oleh kaum Musyrikin. Selingan itu dibuat sedemikian rupa supaya mereka mengingati limpah kurnia Allah kepada mereka di sa'at mereka mencapai kemenangan, dan supaya mereka insaf bahawa kemenangan yang telah dicapai mereka adalah dengan pertolongan dari Allah dan dengan kekuatan agama Islam yang lebih di utama mereka dari harta dan nyawa, seterusnya penjelasan ayat-ayat itu diselangi dengan peri hidup kaum Musyrikin sebelum hijrah Rasulullah s.a.w. dan selepasnya, seterusnya diselangi gambaran-gambaran contoh kebinasaan yang telah menimpa orang-orang kafir di zaman-zaman silam seperti kaum Fir'aun dan kaum-kaum sebelum mereka untuk menjelaskan proses Sunnatullah yang tidak pernah gagal menolong para hamba kesayangan-Nya dan menghancurkan musuh-musuh-Nya.

Inilah pokok-pokok pembicaraan surah ini dan ciri-cirinya yang membentuk satu unit yang padu. Tetapi dalam juzu' ini kami hanya dapat menghuraikan sebahagian darinya sahaja dan yang bakinya akan dihuraikan dalam juzu' yang kesepuluh dengan izin Allah Ta'ala.

Setakat ini cukuplah huraian kata pengantar yang ringkas bagi surah ini dan marilah kita berpindah kepada pentafsiran ayat-ayatnya pula.

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 29)

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْأَنفَالِ ۖ قُلِ ٱلْأَنفَالُ لِلَّهِ وَٱلرَّسُولِ ۖ فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَصْلِحُوا۟ ذَاتَ بَيْنِكُمْ ۖ وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١﴾

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُهُۥ زَادَتْهُمْ إِيمَٰنًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣﴾

أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا ۚ لَهُمْ دَرَجَاتٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٤﴾

كَمَا أَخْرَجَكَ رَبُّكَ مِنْ بَيْتِكَ بِالْحَقِّ وَإِنَّ فَرِيقًا مِنَ الْمُؤْمِنِينَ لَكَارِهُونَ ﴿٥﴾

يُجَادِلُونَكَ فِي الْحَقِّ بَعْدَمَا تَبَيَّنَ كَأَنَّمَا يُسَاقُونَ إِلَى الْمَوْتِ وَهُمْ يَنْظُرُونَ ﴿٦﴾

وَإِذْ يَعِدُكُمُ اللَّهُ إِحْدَى الطَّائِفَتَيْنِ أَنَّهَا لَكُمْ وَتَوَدُّونَ أَنَّ غَيْرَ ذَاتِ الشَّوْكَةِ تَكُونُ لَكُمْ وَيُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُحِقَّ الْحَقَّ بِكَلِمَاتِهِ وَيَقْطَعَ دَابِرَ الْكَافِرِينَ ﴿٧﴾

لِيُحِقَّ الْحَقَّ وَيُبْطِلَ الْبَاطِلَ وَلَوْ كَرِهَ الْمُجْرِمُونَ ﴿٨﴾

إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَاسْتَجَابَ لَكُمْ أَنِّي مُمِدُّكُمْ بِأَلْفٍ مِنَ الْمَلَائِكَةِ مُرْدِفِينَ ﴿٩﴾

وَمَا جَعَلَهُ اللَّهُ إِلَّا بُشْرَىٰ وَلِتَطْمَئِنَّ بِهِ قُلُوبُكُمْ ۚ وَمَا النَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿١٠﴾

"Mereka bertanya kepadamu tentang (hukum) harta rampasan perang, Jawablah: Harta rampasan perang itu adalah diperuntukkan kepada Allah dan Rasul-Nya. Oleh kerana itu bertaqwalah kepada Allah dan islahkan hubungan di antara kamu dan ta'atilah kepada Allah dan Rasul-Nya jika kamu benar beriman (1). Sesungguhnya para Mu'minin itu ialah mereka yang apabila disebutkan nama Allah, gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya bertambahlah keimanan mereka dan kepada Allah mereka berserah (2). Iaitu orang-orang yang mendirikan solat dan menginfaqkan sebahagian dari rezeki yang telah Kami kurniakan kepada mereka (3). Merekalah para Mu'minin yang sebenar. Mereka memperolehi darjat-darjat yang tinggi di sisi Allah Tuhan mereka serta mendapat keampunan dan rezeki yang mulia (4). (Semua peristiwa yang berlaku itu adalah dengan perintah Allah) sama seperti peristiwa Tuhanmu yang telah mengeluarkanmu dari rumahmu (di Madinah menuju ke Badar) dengan perintah Allah yang benar, sedangkan sebahagian dari para Mu'minin tidak bersetuju (5). Mereka membantah mu tentang perintah yang benar itu setelah ternyata kebenarannya seolah-olah mereka dibawa kepada maut dan nampak maut (6). Dan (kenangilah) ketika Allah menjanjikan kamu bahawa salah satu dari dua angkatan (Quraysy yang dihadapi kamu itu) akan dimenangi kamu, dan kamu mengingini agar angkatan qafilah (Quraysy) yang tidak bersenjata itu dimenangi kamu, sedangkan Allah berkehendak (supaya kamu berperang dengan angkatan Quraysy yang bersenjata) untuk menegakkan kebenaran dengan kalimat-kalimat-Nya dan menghapuskan orang-orang kafir hingga saki-baki mereka yang akhir (7). Kerana Allah hendak menegakkan yang benar dan menghapuskan yang bathil walaupun tidak disukai oleh orang-orang yang melakukan dosa (8). (Kenangilah) ketika kamu memohon pertolongan kepada Allah Tuhan kamu, lalu Dia memperkenankan permohonan kamu (sambil berfirman:) Sesungguhnya Aku akan membekalkan kamu dengan seribu (tentera) malaikat yang datang sepuak demi sepuak (9). Allah tidak jadikan bantuan itu melainkan (dengan tujuan) sebagai satu berita gembira dan supaya hati kamu menjadi tenteram dengannya. Dan tiada kemenangan melainkan dari sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana "(10).

إِذْ يُغَشِّيكُمُ النُّعَاسَ أَمَنَةً مِنْهُ وَيُنَزِّلُ عَلَيْكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً لِيُطَهِّرَكُمْ بِهِ وَيُذْهِبَ عَنْكُمْ رِجْزَ الشَّيْطَانِ وَلِيَرْبِطَ عَلَىٰ قُلُوبِكُمْ وَيُثَبِّتَ بِهِ الْأَقْدَامَ ﴿١١﴾

إِذْ يُوحِي رَبُّكَ إِلَى الْمَلَائِكَةِ أَنِّي مَعَكُمْ فَثَبِّتُوا الَّذِينَ آمَنُوا ۚ سَأُلْقِي فِي قُلُوبِ الَّذِينَ كَفَرُوا الرُّعْبَ فَاضْرِبُوا فَوْقَ الْأَعْنَاقِ وَاضْرِبُوا مِنْهُمْ كُلَّ بَنَانٍ ﴿١٢﴾

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ شَاقُّوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۚ وَمَنْ يُشَاقِقِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿١٣﴾

ذَٰلِكُمْ فَذُوقُوهُ وَأَنَّ لِلْكَافِرِينَ عَذَابَ النَّارِ ﴿١٤﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا لَقِيتُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا زَحْفًا فَلَا تُوَلُّوهُمُ الْأَدْبَارَ ﴿١٥﴾

وَمَنْ يُوَلِّهِمْ يَوْمَئِذٍ دُبُرَهُ إِلَّا مُتَحَرِّفًا لِقِتَالٍ أَوْ مُتَحَيِّزًا إِلَىٰ فِئَةٍ فَقَدْ بَاءَ بِغَضَبٍ مِنَ اللَّهِ وَمَأْوَاهُ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿١٦﴾

فَلَمْ تَقْتُلُوهُمْ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ قَتَلَهُمْ ۚ وَمَا رَمَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ رَمَىٰ ۚ وَلِيُبْلِيَ ٱلْمُؤْمِنِينَ مِنْهُ بَلَآءً حَسَنًا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٧﴾ ذَٰلِكُمْ وَأَنَّ ٱللَّهَ مُوهِنُ كَيْدِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٨﴾ إِن تَسْتَفْتِحُوا۟ فَقَدْ جَآءَكُمُ ٱلْفَتْحُ ۖ وَإِن تَنتَهُوا۟ فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ وَإِن تَعُودُوا۟ نَعُدْ وَلَن تُغْنِيَ عَنكُمْ فِئَتُكُمْ شَيْـًٔا وَلَوْ كَثُرَتْ وَأَنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٩﴾

"(Kenangilah) ketika Allah menyelubungi kamu dengan perasaan mengantuk sebagai rahmat dari-Nya yang mententeramkan kamu dan menurunkan ke atas kamu air hujan dari langit untuk membersihkan diri kamu dan menghapuskan dari kamu bisikan-bisikan jahat dari syaitan, juga untuk menguatkan hati kamu dan meneguhkan jejak tapak kaki kamu (11). (Kenangilah) ketika Tuhanmu mewahyukan kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku bersama kamu. Oleh itu teguhkanlah hati para Mu'minin. Aku akan campakkan perasaan takut ke dalam hati orang-orang kafir. Oleh itu penggallah leher mereka dan potonglah setiap tangan mereka dan jari-jarinya (12). Semuanya itu disebabkan kerana mereka menentang Allah dan Rasul-Nya. Dan sesiapa yang menentang Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya Allah amat berat penyeksaan-Nya (13). Rasakanlah semua keseksaan ini (di dunia) dan (pada hari Akhirat) pula orang-orang kafir akan mendapat 'azab Neraka (14). Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertemu dengan orang-orang kafir sedang mara untuk menyerang kamu, maka janganlah kamu mundur membelakangi mereka (15). Sesiapa yang mundur membelakangi mereka pada hari itu – kecuali ia melencong untuk mencari tempat yang lebih sesuai untuk berperang atau untuk menggabungkan diri dengan pasukan yang lain – nescaya ia kembali membawa kemurkaan Allah dan tempat kediamannya (pada hari Akhirat) ialah Neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali (16). Sebenarnya bukan kamu yang membunuh mereka tetapi Allahlah yang telah membunuh mereka, dan sebenarnya bukan engkau yang melontar ketika engkau melontar tetapi Allahlah yang melontar (dengan tujuan), untuk menguji para Mu'minin supaya mereka mencapai kejayaan yang baik. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (17). Itulah limpah kurnia Allah kepada kamu dan sesungguhnya Allah itulah yang melemahkan tipudaya orang-orang yang kafir (18). Jika kamu (wahai para Musyrikin) meminta keputusan dari Allah, maka keputusan itu telah pun datang kepada kamu dan jika kamu berhenti dari (menentang Rasulullah), maka itulah langkah yang lebih baik bagi kamu, dan jika kamu kembali (menentang Rasulullah) nescaya Kami kembali kepada permusuhan, sedangkan kumpulan kamu tidak akan dapat mempertahankan kamu sedikit pun walaupun sebanyak mana bilangan mereka. Dan sesungguhnya Allah tetap bersama para Mu'minin "(19).

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَلَا تَوَلَّوْا۟ عَنْهُ وَأَنتُمْ تَسْمَعُونَ ﴿٢٠﴾ وَلَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ قَالُوا۟ سَمِعْنَا وَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ ﴿٢١﴾ إِنَّ شَرَّ ٱلدَّوَآبِّ عِندَ ٱللَّهِ ٱلصُّمُّ ٱلْبُكْمُ ٱلَّذِينَ لَا يَعْقِلُونَ ﴿٢٢﴾ وَلَوْ عَلِمَ ٱللَّهُ فِيهِمْ خَيْرًا لَّأَسْمَعَهُمْ ۖ وَلَوْ أَسْمَعَهُمْ لَتَوَلَّوا۟ وَّهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٢٣﴾ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱسْتَجِيبُوا۟ لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْ ۖ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ يَحُولُ بَيْنَ ٱلْمَرْءِ وَقَلْبِهِۦ وَأَنَّهُۥٓ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٤﴾ وَٱتَّقُوا۟ فِتْنَةً لَّا تُصِيبَنَّ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ مِنكُمْ خَآصَّةً ۖ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٢٥﴾ وَٱذْكُرُوٓا۟ إِذْ أَنتُمْ قَلِيلٌ مُّسْتَضْعَفُونَ فِي ٱلْأَرْضِ تَخَافُونَ أَن يَتَخَطَّفَكُمُ ٱلنَّاسُ فَـَٔاوَىٰكُمْ وَأَيَّدَكُم بِنَصْرِهِۦ وَرَزَقَكُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٢٦﴾ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَخُونُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ وَتَخُونُوٓا۟ أَمَٰنَٰتِكُمْ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَآ أَمْوَٰلُكُمْ وَأَوْلَٰدُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ ٱللَّهَ عِندَهُۥٓ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿٢٨﴾ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِن تَتَّقُوا۟ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّكُمْ فُرْقَانًا وَيُكَفِّرْ عَنكُمْ سَيِّـَٔاتِكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ ذُو ٱلْفَضْلِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٢٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Ta'atlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berpaling dari-Nya sedangkan kamu mendengar (perintah-Nya) (20). Dan janganlah kamu berkelakuan seperti (para Munafiqin) yang berkata: Kami telah mendengar, sedangkan yang sebenarnya mereka tidak mendengar (21). Sesungguhnya binatang yang

paling jahat di sisi Allah ialah manusia-manusia bisu dan tuli yang tidak menggunakan akal untuk berfikir (22). Jika Allah mengetahui adanya sesuatu kebaikan pada diri mereka (kesedaran untuk beriman) nescaya Allah jadikan mereka dapat mendengar (pengajaran-pengajaran Al-Qur'an) dan jika Allah jadikan mereka dapat mendengar (sedangkan mereka tidak mempunyai persediaan yang baik) nescaya mereka berpaling juga dan mereka (sebelum ini) sama sekali tidak menghiraukan (da'wah) (23). Wahai orang-orang yang beriman! Sambutlah seruan Allah dan rasul apabila ia menyeru kamu kepada agama/jihad yang memberi daya hayat kepada kamu, dan ketahuilah bahawa Allah berkuasa menghalangkan di antara seseorang dengan hatinya dan sesungguhnya kepada Allah jua kamu akan dikumpulkan (24). Peliharalah diri kamu dari fitnah (bala) yang tidak hanya khusus menimpa golongan orang-orang yang melakukan kezaliman dari kalangan kamu sahaja dan ketahuilah bahawa Allah amat keras balasan-Nya (25). Dan kenangilah (wahai para Muhajirin) ketika jumlah kamu masih sedikit, dan tertindas di negeri itu (Makkah), di mana kamu berada di dalam ketakutan diserang dan diculik orang-orang Musyrikin, lalu Allah memberi tempat perlindungan kepada kamu (Madinah) dan menguatkan kedudukan kamu dengan pertolongan-Nya dan mengurniakan kamu rezeki-rezeki yang baik supaya kamu bersyukur (26). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan rasul dan janganlah pula kamu mengkhianati amanah-amanah yang diserahkan kepada kamu, sedangkan kamu mengetahui (27). Dan ketahuilah bahawa harta kekayaan kamu dan anak-anak kamu merupakan suatu ujian yang amat mempesonakan dan sesungguhnya pahala yang amat besar itu tersimpan di sisi Allah (28). Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertaqwa kepada Allah nescaya Allah kurniakan kepada kamu deria pemisah (di antara yang hak dan yang bathil) dan menghapuskan dosa-dosa kamu dan memberi keampunan kepada kamu. Dan Allah adalah pemilik limpah kurnia yang Maha Besar.(29)"

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pokok pembicaraan pelajaran pertama surah ini ialah penjelasan hukum Allah mengenai harta rampasan perang yang diperolehi oleh orang-orang Islam di dalam perjuangan fi Sabilillah setelah berlaku kekecohan dalam cara pengagihan harta itu di antara pejuang-pejuang Badar, lalu Allah mengembalikan mereka kepada peraturan pengagihan .harta rampasan yang telah ditetapkan oleh-Nya di samping mengembalikan mereka kepada semangat taqwa dan prinsip keta'atan kepada Allah dan rasul serta merangsangkan di dalam hati mereka perasaan keimanan dan ketaqwaan.

Kemudian Allah mengingatkan kelompok Muslimin tentang kehendak dan keinginan hati mereka yang mahu menawan angkatan qafilah perdagangan kaum Quraysy dan memperolehi harta rampasan perang, sedangkan iradat Allah hendak memberi kemenangan dan kemuliaan kepada mereka. Kemudian Allah menceritakan bagaimana Peperangan Badar itu berlangsung, sedangkan bilangan mereka kecil dan tidak mempunyai kelengkapan perang, sementara musuh mereka ramai dan lengkap dengan alat senjata peperangan, dan bagaimana Allah membantu mereka dengan bala tentera malaikat dan dengan menurunkan hujan yang lebat untuk bekalan minuman mereka dan membolehkan mereka bermandi-manda dan mengemaskan bumi di bawah tapak kaki mereka supaya tidak terjerlus di dalam pasir, juga membantu dengan menjadikan mereka mengantuk yang membawa ketenangan dan ketenteraman kepada mereka, dan seterusnya mengesahkan bagaimana Allah mencampakkan perasaan takut ke dalam hati musuh mereka dan menimpakan mereka dengan balasan yang amat berat.

Oleh sebab itulah Allah memerintah para Mu'minin supaya berjuang dengan hati yang teguh dalam setiap pertempuran walau bagaimana besar sekalipun mereka melihat kekuatan musuh dalam detik-detik pertama perjuangan itu, kerana yang sebenarnya Allah sendiri yang membunuh, memanah dan melontar musuh mereka dan Dialah yang mentadbir dan mengendalikan peperangan itu sedangkan mereka hanya memainkan peranan selaku tirai bagi perencanaan dan kekuasaan Allah yang mempergunakan mereka mengikut kehendak iradat-Nya.

Kemudian Allah mempersendakan kaum Musyrikin yang telah memohon keputusan dari Allah sebelum berlakunya peperangan itu, iaitu mereka memohon agar Allah mengalahkan pihak yang paling sesat dan paling memecahbelahkan hubungan rahim di antara dua pihak yang bertempur itu, lalu Allah menjawab:

إِن تَسۡتَفۡتِحُواْ فَقَدۡ جَآءَكُمُ ٱلۡفَتۡحُ

"Jika kamu memohon keputusan dari Allah, maka keputusan Allah telah pun datang kepada kamu."(19)

Kemudian Allah memberi amaran kepada para Mu'minin supaya mereka tidak mengikut jejak kaum Musyrikin yang mengaku mendengar perintah Allah, sedangkan sebenarnya mereka tidak mendengar, kerana mereka tidak pernah menyambut seruan Allah.

Pelajaran ini diakhiri dengan seruan-seruan yang berulang kali ditujukan kepada para Mu'minin supaya mereka menyambut seruan Allah dan Rasul-Nya apabila ia menyeru mereka kepada jihad yang akan memberi daya hayat kepada mereka walaupun di dalam imaginasi mereka dipenuhi gambaran maut dan mati terbunuh, juga supaya mereka mengenangkan keadaan mereka di masa dahulu, di mana mereka hanya mempunyai bilangan yang kecil dan hidup dalam keadaan tertindas dan sentiasa bimbang diserang dan diculik oleh kaum Musyrikin, kemudian Allah memberi tempat perlindungan yang aman (Madinah) kepada mereka dan menguatkan kedudukan mereka dengan bantuan-Nya serta menjanjikan bahawa Dia akan menjadikan deria pemisah di antara yang hak dan yang bathil di dalam hati dan tindak-tanduk mereka jika mereka bertaqwa kepada-Nya, di samping mengampuni dan menghapuskan dosa-dosa, serta mendapat limpah

kurnia Allah yang menjadikan nilai harta rampasan perang kelihatan begitu kecil dan remeh dibandingkan dengannya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 4)

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْأَنفَالِ ۖ قُلِ ٱلْأَنفَالُ لِلَّهِ وَٱلرَّسُولِ ۖ فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَصْلِحُوا۟ ذَاتَ بَيْنِكُمْ ۖ وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١﴾

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُهُۥ زَادَتْهُمْ إِيمَٰنًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُؤْمِنُونَ حَقًّا ۚ لَّهُمْ دَرَجَٰتٌ عِندَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٤﴾

"Mereka bertanya kepadamu tentang (hukum) harta rampasan perang, jawablah: Harta rampasan perang itu adalah diperuntukkan kepada Allah dan Rasul-Nya. Oleh kerana itu bertaqwalah kepada Allah dan islahkan hubungan di antara kamu dan ta'atilah kepada Allah dan Rasul-Nya jika kamu benar beriman (1). Sesungguhnya para Mu'minin itu ialah mereka yang apabila disebutkan nama Allah, gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya bertambahlah keimanan mereka dan kepada Allah mereka berserah (2). Iaitu orang-orang yang mendirikan solat dan menginfaqkan sebahagian dari rezeki yang telah Kami kurniakan kepada mereka (3). Merekalah para Mu'minin yang sebenar. Mereka memperolehi darjat-darjat yang tinggi di sisi Allah Tuhan mereka serta mendapat keampunan dan rezeki yang mulia."(4)

Suasana-suasana Turunnya Ayat-ayat Rampasan Perang Badar

Di dalam kata pengantar ringkas surah ini kami telah menyebut sebahagian dari riwayat-riwayat yang memperkatakan suasana-suasana turunnya ayat-ayat ini, dan di sini kami tokokkan beberapa riwayat yang lain untuk lebih menghadirkan lagi suasana-suasana turunnya keseluruhan surah ini dan khususnya suasana turunnya ayat-ayat yang memperkatakan harta rampasan perang, juga menghadirkan ciri-ciri gambaran sebenar keadaan kelompok Muslimin dalam peperangan besar pertama selepas tertubuhnya kerajaan Islam di Madinah.

Ujar Ibn Kathir di dalam tafsirnya: Mengikut riwayat Abu Daud, an-Nasa'i, Ibn Jarir, Ibn Mardawayh – dengan lafaznya – Ibn Hibban dan al-Hakim dari beberapa saluran dari Daud ibn Abu Hind dari Ikrimah dari Ibn 'Abbas katanya: Pada hari berlakunya Peperangan Badar Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Sesiapa yang melakukan ini dan ini ia akan memperolehi ganjaran sekian-sekian, maka pemuda-pemuda Muslimin dengan segera keluar ke medan perang, sedangkan golongan tua menunggu di bawah panji-panji perang. Ketika hendak menentukan pengagihan harta rampasan perang pihak pemuda datang menuntut habuan mereka lalu golongan tua berkata: "Janganlah kamu melebihkan habuan diri kamu dari kami, kerana kamilah pasukan belakang yang mempertahankan kamu, jika barisan kamu pecah sudah tentu kamu akan berlindung pada kami". Lalu kekecohan pun berlaku di antara mereka, kemudian Allah Ta'ala menurunkan ayat yang berikut:

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْأَنفَالِ ۖ قُلِ ٱلْأَنفَالُ لِلَّهِ وَٱلرَّسُولِ ۖ فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَصْلِحُوا۟ ذَاتَ بَيْنِكُمْ ۖ وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١﴾

"Mereka bertanya kepadamu tentang (hukum) harta rampasan perang, jawablah: Harta rampasan perang itu adalah diperuntukkan kepada Allah dan Rasul-Nya. Oleh kerana itu bertaqwalah kepada Allah dan islahkan hubungan di antara kamu dan ta'atilah kepada Allah dan Rasul-Nya jika kamu benar beriman."(1)

Ujar ath-Thauri dari al-Kalbi, dari Abu Soleh dari Ibn 'Abbas; katanya: Pada hari berlakunya Peperangan Badar, Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Sesiapa yang dapat membunuh seorang musuh, maka ganjarannya begini, begini. Dan sesiapa yang menawan seorang musuh, maka ganjarannya begini, begini". Lalu datang Abul-Yasir membawa dua orang tawanan perang sambil berkata kepada Rasulullah s.a.w.: "Wahai Rasulullah, Allah cucurkanlah rahmat ke atas anda, anda telah berjanji memberi harta rampasan perang kepada kami". Lalu Sa'd ibn Ubadah bangun dan berkata: 'Wahai Rasulullah, jika anda memberi harta rampasan perang itu ke ada mereka, nescaya tiada sesuatu apa pun yang tinggal untuk sahabat-sahabat anda. Yang menghalang kami untuk turut bertempur di medan perang bukannya kerana ganjarannya yang sedikit dan bukan pula kerana gentar kepada musuh, malah kami berada di sini ialah untuk mengawal keselamatan anda dari diserang dari belakang". Kekecohan pun berlaku lalu Allah menurunkan ayat:

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْأَنفَالِ ۖ قُلِ ٱلْأَنفَالُ لِلَّهِ وَٱلرَّسُولِ ۖ فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَصْلِحُوا۟ ذَاتَ بَيْنِكُمْ ۖ وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١﴾

Kemudian turun pula ayat yang berikut :

وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّمَا غَنِمۡتُم مِّن شَيۡءٖ فَأَنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُۥ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَٱلۡيَتَٰمَىٰ وَٱلۡمَسَٰكِينِ وَٱبۡنِ ٱلسَّبِيلِ إِن كُنتُمۡ ءَامَنتُم بِٱللَّهِ وَمَآ أَنزَلۡنَا عَلَىٰ عَبۡدِنَا يَوۡمَ ٱلۡفُرۡقَانِ يَوۡمَ ٱلۡتَقَى ٱلۡجَمۡعَانِۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٌ ﴿٤١﴾

"Dan ketahuilah bahawa sebarang harta rampasan perang yang telah diperolehi kamu itu, maka seperlima darinya (hendaklah diagihkan) untuk Allah, rasul, kerabat rasul, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan Ibn Sabil jika kamu beriman kepada Allah dan kepada ayat-ayat Al-Qur'an yang telah Kami turunkan kepada hamba Kami (Muhammad) pada hari (Peperangan Badar) yang memisahkan di antara yang hak dan yang batil, iaitu hari pertembungan di antara dua angkatan (angkatan Mu'minin dan angkatan Musyrikin Quraysy) dan Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(41)

Mengikut riwayat al-Imam Ahmad katanya: Kami telah diceritakan oleh Abu Mu'awiyah, Abu Ishaq asy-Syaybani dari Muhammad Ibn 'Ubayd ath-Thaqafi dari Sa'd Ibn Abu Waqqas katanya: Pada hari Peperangan Badar saudara saya terbunuh dan saya sendiri telah membunuh Sa'id ibn al-'As dan merampas pedangnya yang bernama "Zul-Kathifah"(ذا الكثيفة) , lalu saya membawa pedang itu kepada Nabi s.a.w. dan beliau lantas bersabda: 'Pergi letakkan pedang itu di tempat simpanan harta rampasan yang belum dibahagi'. Kata Sa'd: "Lalu aku pun kembali dengan hati yang begitu terkilan, hanya Allah sahaja yang mengetahuinya, kerana kematian saudara saya dan kerana pedang yang dirampas oleh saya itu telah diambil kembali". Kata Sa'd: "Tidak beberapa langkah saya berjalan tiba-tiba turun Surah al-Anfal, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepada saya: "Pergilah ambil pedang rampasan engkau tadi."'

Imam Ahmad berkata lagi: Kami telah diceritakan oleh Aswad Ibn Amir, kami telah dikhabarkan oleh Abu Bakr dariAsim Ibn Abu an-Nujud dari Musab Ibn Sa'd dari Sa'd IbnMalik katanya: Saya berkata kepada Rasulullah: "WahaiRasulullah, pada hari ini Allah telah memuaskan hati sayamembalas dendam terhadap kaum Musyrikin. Oleh itu berilah pedang ini kepada saya (sebagai cenderamata perjuangan)".Jawab beliau: "Sebenarnya pedang ini bukan milik engkaudan bukan pula milik saya. Oleh kerana itu letakkan dahulu pedang itu". Kata Sa'd Ibn Malik: Lalu aku pun meletakkankembali pedang itu dan terus pulang sambil berkata di dalamhati: Mungkin pedang ini diberi kepada orang yang tidak menunjukkan keberanian dan kepahlawanan seperti saya. Kata Sa'd lagi: Tiba-tiba saya mendengar orang memanggil nama saya dari belakang, lalu saya bertanya beliau: Apakah Allah telah menurunkan sesuatu mengenai permintaan saya? Jawab Rasulullah s.a.w.: "Tadi engkau telah meminta pedang ini, tetapi di waktu itu ia belum lagi menjadi milik saya dan baru sekarang ia telah dikurniakan Allah kepada saya. Oleh itu, sekarang ambillah pedang ini untuk engkau". Kata Sa'd: Allah telah menurunkan ayat ini:

يَسۡـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلۡأَنفَالِۖ قُلِ ٱلۡأَنفَالُ لِلَّهِ وَٱلرَّسُولِۖ فَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَأَصۡلِحُواْ ذَاتَ بَيۡنِكُمۡۖ وَأَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَ ﴿١﴾

"Mereka bertanya kepadamu tentang (hukum) harta rampasan perang, jawablah: Harta rampasan perang itu adalah diperuntukkan kepada Allah dan Rasul-Nya. Oleh kerana itu bertaqwalah kepada Allah dan islahkan hubungan di antara kamu dan ta'atilah ke ada Allah dan Rasul-Nya jika kamu benar beriman."(1)

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Abu Daud, at-Tirmizi dan an-Nasa'i dari beberapa saluran dari Abu Bakr Ibn Iyash dan ujar at-Tirmizi: Hadith ini adalah hadith Hassan Sahih.

Sebab Utama Harta Rampasan Menarik Minat Mujahidin

Semua riwayat ini menggambarkan suasana turunnya ayat-ayat Surah al-Anfal. Tentulah seorang itu merasa hairan apabila melihat pejuang-pejuang Badar begitu berminat berbicara tentang harta rampasan perang sama ada mereka dari golongan Muhajirin yang pertama yang telah meninggalkan segala-galanya di Makkah (untuk berhijrah ke Madinah), mereka telah berhijrah kepada Allah untuk menyelamatkan 'aqidah mereka tanpa menghiraukan harta benda dan kesenangan hidup di dunia, atau mereka dari golongan Ansar yang telah memberi tempat kediaman mereka kepada orang-orang Muhajirin, mereka kongsikan rumahtangga dan harta benda mereka dengan kaum Muhajirin, dan mereka tidak bakhil memberi kepada golongan Muhajirin apa sahaja harta benda dunia yang dimiliki mereka sebagaimana Allah menggambarkan sifat mereka yang luhur dalam firman-Nya:

يُحِبُّونَ مَنۡ هَاجَرَ إِلَيۡهِمۡ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمۡ حَاجَةٗ مِّمَّآ أُوتُواْ وَيُؤۡثِرُونَ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمۡ وَلَوۡ كَانَ بِهِمۡ خَصَاصَةٞۚ

"(Mereka kaum Ansar) begitu kasih kepada (kaum Muhajirin) yang berpindah ke negeri mereka. Dan mereka tidak merasa sebarang perasaan iri hati terhadap pemberian-pemberian yang diberikan kepada kaum Muhajirin dan mereka mengutamakan (kaum Muhajirin) dari diri mereka sendiri walaupun mereka dalam kesempitan."

(Surah al-Hasyr: 9)

Tetapi sebenarnya riwayat-riwayat tersebut itu sendiri telah memberi sebahagian, jawapan terhadap gejala prihatin atau peminatan mereka kepada harta rampasan perang itu, iaitu harta rampasan perang itu sendiri dalam masa yang sama mempunyai pertalian yang erat dengan prestasi kepahlawanan yang ditunjukkan mereka di dalam perjuangan, kerana harta rampasan itu merupakan bukti kepahlawanan dan kejayaan mereka yang cemerlang di dalam peperangan itu. Oleh sebab itu para Mujahidin pada masa itu begitu berminat untuk mendapat ketandaan kepahlawanan mereka dari Allah dan Rasul-Nya di dalam peperangan pertama itu, di mana Allah telah memuaskan hati mereka kerana dapat membalas dendam terhadap kaum Musyrikin. Keinginan dan prihatin mereka kepada harta rampasan perang itu telah menutup atau membuat mereka lupa kepada satu prinsip yang lain sehingga mereka diperingati Allah dan dirujukkan kembali kepada prinsip itu, iaitu prinsip mengamalkan toleransi dalam hubungan di antara mereka dan prinsip kedamaian dan kemesraan terhadap satu sama lain sehingga perasaan itu telah dirasakan mereka sebagaimana telah diceritakan oleh Ubadah Ibn as-Samit r.a. katanya:

"Surah al-Anfal itu diturunkan kerana gara-gara kami yang terlibat di dalam Peperangan Badar. Ia diturunkan ketika kami berselisih pendapat tentang hukum harta rampasan perang dan ketika kami menunjukkan perilaku-perilaku yang buruk, lalu Allah mengambil harta rampasan dari tangan kami dan menyerahkannya kepada Rasulullah s.a.w.".

Allah S.W.T. telah mendidik para pejuang Badar dengan didikan Rabbaniyyah baik yang mengikut perkataan mahupun yang mengikut amalan. Allah telah mengambil segala urusan yang berhubung dengan harta rampasan perang dan memulangkannya kepada Rasulullah s.a.w. sehingga diturunkan hukum atau peraturan pengagihan harta rampasan itu secara keseluruhannya, dan ia tidak lagi merupakan suatu hak mereka yang boleh dijadikan bahan perselisihan di antara mereka, malah harta rampasan perang itu merupakan sesuatu limpah kurnia Allah kepada mereka yang diagihkan oleh Rasulullah di kalangan mereka mengikut peraturan yang telah diajar oleh Allah. Di samping melaksanakan langkah-langkah tarbiyyah yang praktikal, maka surah ini juga memuatkan arahan-arahan dan bimbingan-bimbingan yang berterusan dan memakan waktu yang panjang yang dimulakan dengan ayat-ayat ini dan ayat-ayat selanjutnya:

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْأَنفَالِ ۖ قُلِ ٱلْأَنفَالُ لِلَّهِ وَٱلرَّسُولِ ۖ فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَصْلِحُوا۟ ذَاتَ بَيْنِكُمْ ۖ وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١﴾

"Mereka bertanya kepadamu tentang (hukum) harta rampasan perang, Jawablah: Harta rampasan perang itu adalah diperuntukkan kepada Allah dan Rasul-Nya. Oleh kerana itu bertaqwalah kepada Allah dan islahkan hubungan di antara kamu dan ta'atilah kepada Allah dan Rasul-Nya jika kamu benar beriman."(1)

Seruan yang ditujukan kepada hati para pejuang Badar itu adalah seruan supaya mereka bertaqwa kepada Allah. Maha Suci Allah yang menciptakan hati manusia dan mengetahui segala rahsianya. Hati manusia tidak dapat ditolak dari perasaan yang mengingini harta benda hidup dunia dan berebut-rebut untuk mendapatkannya walaupun perebutan itu dengan ertikata perebutan untuk mendapatkan bukti atau ketandaan kejayaan dan kepahlawanan mereka dalam peperangan itu – melainkan dengan rangsangan perasaan taqwa kepada Allah dan keinginan untuk mendapatkan keredhaan-keredhaan-Nya di dunia dan di Akhirat, kerana hati yang tidak cintakan Allah, tidak takut kepada kemurkaan-Nya dan tidak mencari keredhaan-Nya adalah hati yang tidak mampu melepaskan dirinya dari keinginan kepada harta benda dunia dan tidak mampu terbang tinggi dengan perasaan yang bebas.

Taqwa itulah tali kang yang dapat mengawal dan mengendalikan hati menjadi ta'at dan patuh dengan mudah dan lemah-lembut. Dengan tali kang taqwa inilah Al-Qur'an membimbing hati pejuang-pejuang Badar supaya membetul dan mengislahkan hubungan di antara mereka:

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَصْلِحُوا۟ ذَاتَ بَيْنِكُمْ ۖ وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ

"Oleh kerana itu bertaqwalah kepada Allah dan islahkan hubungan di antara kamu dan ta'atlah kepada Allah dan Rasul-Nya."(1)

Keta'atan yang pertama di sini ialah mematuhi hukum Allah yang telah ditetapkan mengenai harta rampasan perang, iaitu ia telah keluar dari milik para pejuang umumnya dan dipulangkan hak miliknya dari awal kepada Allah dan Rasul dengan ertikata hak pengendalian harta itu adalah dipulangkan kepada Allah dan Rasul. Oleh sebab itu kewajipan orang-orang yang beriman ialah menerima hukum Allah dan pembahagian Rasulullah dengan hati yang baik dan rela serta bertindak mengislahkan hubungan dan menjernihkan perasaan mereka terhadap satu sama lain:

"Jika kamu benar beriman."(1)

Keimanan Harus Dibuktikan Dengan Amalan

Keimanan itu pasti dibuktikan dengan amalan di alam kenyataan untuk mengesahkan kewujudannya atau untuk menterjemahkan hakikatnya sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

ليس الإيمان بالتمني، ولا بالتحلي ولكن هو ما وقر في القلب وصدقة العمل

"Keimanan itu bukannya kata-kata bercita-cita dan bukan pula kata-kata hiasan di bibir, tetapi keimanan itu ialah keyakinan yang tersemat di dalam hati dan dibuktikan dengan amalan."[11]

Kemudian diiringi dengan ayat berikut yang menjelaskan sifat keimanan yang sebenar yang dikehendaki Tuhan semesta alam untuk menerangkan kepada mereka maksud yang sebenar dari ungkapan firman-Nya "Jika kamu benar beriman"(إن كنتم مؤمنين) inilah gambaran keimanan yang sebenar yang dikehendaki Tuhan semesta alam:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُهُۥ زَادَتْهُمْ إِيمَٰنًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

"Sesungguhnya para Mu'minin itu ialah mereka yang apabila disebutkan nama Allah, gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya bertambahlah keimanan mereka dan kepada Allah mereka berserah."(2)

Al-Qur'an menggunakan pengungkapan yang amat halus dari segi struktur lafaz-lafaznya untuk menggambarkan pengertiannya yang halus. Di dalam ungkapan ayat ini terdapat kata-kata "إنما", (sesungguhnya atau yang sebenarnya) yang memberi penekanan atau penegasan yang halus yang tidak memberi ruang untuk dita'wilkan dengan maksud "*keimanan yang sempurna*", kerana jika Allah bermaksud begitu tentulah ia menggunakan ungkapan ini secara langsung, malah ungkapan itu adalah satu ungkapan definitif yang amat halus maksud dan pengertiannya, iaitu hanya mereka yang mempunyai sifat-sifat amalan-amalan dan perasaan-perasaan yang seperti ini sahaja yang dikatakan "para Mu'minin", sedangkan orang-orang yang tidak mempunyai keseluruhan sifat-sifat ini bukannya "para Mu'minin". Kata-kata penegasan "حقا" (yang sebenar) yang digunakan di akhir ayat ini:

أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُؤْمِنُونَ حَقًّا

"Merekalah para Mu'minin yang sebenar"(4)

adalah menjelaskan hakikat ini, iaitu orang-orang yang bukan para Mu'minin yang sebenar bukanlah para Mu'minin. Ayat-ayat Al-Qur'an itu mentafsirkan satu sama lain dan Allah berfirman:

فَمَاذَا بَعْدَ ٱلْحَقِّ إِلَّا ٱلضَّلَٰلُ

"Tidak ada selepas kebenaran itu melainkan kesesatan."

(Surah Yunus: 32)

Oleh sebab itu sesuatu yang tidak benar itu adalah sesat. Dan tandingan kepada "para Mu'minin yang sebenar" bukannya para Mu'minin yang beriman dengan keimanan yang tidak sempurna, kerana ungkapan-ungkapan Al-Qur'an yang halus itu tidak seharusnya didedahkan kepada ta'wilan-ta'wilan seperti ini yang melemahkan setiap kefahaman dan ungkapan.

Oleh sebab itu angkatan salaf memahami dari ayat-ayat ini bahawa sesiapa yang tidak mempunyai sifat-sifat ini di dalam hati dan amalan-amalannya, bererti ia tidak mempunyai iman dan tidak bersifat sebagai Mu'min. Tersebut di dalam tafsir Ibn Khathir: Ujar Ali ibn Talhah daripada Ibn 'Abbas mengenai pengertian ayat:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ

"Sesungguhnya para Mu'minin itu apabila disebutkan nama Allah, gementarlah hati mereka"(2)

Sifat-sifat Munafiqin

katanya: Hati para Munafiqin tidak dimasuki sedikit pun kesan dari zikir Allah ketika mereka menunaikan fardu-fardhunya, mereka tidak sedikit pun beriman kepada ayat-ayat Allah, mereka juga tidak bertawakkal kepada Allah, tidak mengerjakan solat apabila mereka berjauhan dari mata orang ramai dan tidak mengeluarkan zakat mereka. Oleh sebab itu di dalam ayat ini Allah menjelaskan bahawa mereka bukanlah orang-orang yang beriman. Kemudian Allah menerangkan sifat-sifat para Mu'minin dengan firman-Nya: "*Sesungguhnya para Mu'minin itu apabila disebutkan nama Allah, gementarlah hati mereka*", oleh sebab itulah mereka menunaikan fardhu-fardhunya. "*Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya bertambahlah keimanan mereka*" yakni bertambahlah kepercayaan dan keyakinan mereka, "*dan kepada Allah mereka berserah*" yakni mereka tidak meletakkan harapan kepada yang lain dari Allah.

Kita akan melihat dari tabi'at sifat-sifat ini bahawa keimanan tidak mungkin wujud tanpa wujudnya sifat-sifat ini. Persoalan di sini bukannya persoalan keimanan yang sempurna atau keimanan yang kurang, malah persoalan ini ialah persoalan kewujudan atau ketiadaan keimanan.

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ

"Sesungguhnya para Mu'minin itu apabila disebutkan nama Allah, gementarlah hati mereka."(2)

Perasaan Takut Kepada Allah Diselubungi Rasa Gementar

Itulah perasaan gementar dan terharu yang dialami hati Mu'min apabila disebutkan, nama Allah dalam sesuatu perintah atau larangan, di mana ia diselubungi kebesaran Allah dan menggeletar kerana takutkan-Nya, dan di mana ia melihat keagungan dan kehebatan Allah di samping menyedari ketaksiran dan

[11] *Dikeluarkan oleh ad-Daylami dalam Musnad al-Firdaus dari Anas.*

dosa-dosanya. Semuanya menjadi daya motivasi yang mendorong seseorang membuat amalan-amalan yang soleh dan menjunjung perintah Allah atau seperti kata Ummu ad-Darda r.a. mengikut riwayat ath-Thauri daripada Abdullah Ibn Uthman Ibn Khuthaym daripada Syar Ibn Hausyib dari Ummu ad-Darda katanya: "Ketakutan yang tercetus di dalam hati itu sama seperti api kebakaran yang memakan pelepah tamar, tidakkah kita merasa menggigil ketakutan?" Jawab Syar Ibn Hausyib: "Ya, benar!" Lalu Ummu ad-Darda berkata: "Jika engkau mengalami perasaan itu, maka berdo'alah kepada Allah kerana do'a dapat menghilangkan perasaan itu".

Itulah keadaan yang dialami hati yang memerlukan seseorang itu berdo'a kepada Allah supaya kembali tenang dan mantap. Itulah perasaan yang dialami hati Mu'min apabila disebutkan nama Allah dalam sesuatu perintah atau larangan. Oleh sebab itu ia menyambut dan menjunjung perintah dan larangan itu sebagaimana dikehendaki Allah kerana takut dan bertaqwa kepada Allah.

وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُهُۥ زَادَتْهُمْ إِيمَٰنًا

"Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya bertambahlah keimanan mereka."(2)

Hati Para Mu'minin Terharu Mendengar Ayat-ayat Al-Qur'an

Hati yang Mu'min mendapati ayat-ayat Al-Qur'an itu mengandungi penjelasan-penjelasan yang menambahkan keimanan mereka dan membawa mereka kepada keyakinan. Al-Qur'an berdialog dengan hati manusia tanpa wasitah, kerana tiada dinding yang menghalangi di antara seseorang dengan Al-Qur'an kecuali kekufuran. Hanya kekufuran sahaja yang menghalangkan Al-Qur'an dari hati seseorang dan menghalangkan hati seseorang dari Al-Qur'an. Apabila halangan atau hijab itu dihapuskan dengan keimanan, nescaya hati dapat mengecapi kemanisan Al-Qur'an dan dapati bunyi nada-nada Al-Qur'an yang berulang-ulang itu menambahkan keimanan yang menyampaikannya ke tahap keyakinan[12]. Jika nada ayat-ayat Al-Qur'an yang mengetuk hati yang Mu'min itu menambahkan keimanannya, maka hanya hati yang Mu'min sahaja yang dapat memahami nada ayat-ayat yang menambahkan keimanan itu. Oleh sebab itu hakikat ini dijelaskan berulang-ulang kali di dalam Al-Qur'an seperti dalam firman-firman Allah yang berikut:

"Sesungguhnya kejadian-kejadian itu merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah bagi para Mu'minin."

(Surah al-Hijr: 77)

"Sesungguhnya kejadian-kejadian itu merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan yang beriman."

(Surah ar-Rum: 37)

Hakikat inilah juga yang dimaksudkan oleh penjelasan salah seorang sahabat yang mengatakan: "Kami telah dikurniakan iman sebelum kami dikurniakan Al-Qur'an."

Dengan keimanan ini mereka dapat meni'mati suatu rasa istimewa yang terdapat pada ayat-ayat Al-Qur'an dan dibantu pula oleh suasana keimanan yang dialami mereka. Oleh sebab itu mereka benar-benar dapat menghayati Al-Qur'an dengan seluruh jiwa mereka bukan hanya sekadar merasa dan memaham. Dalam riwayat-riwayat yang lepas yang menceritakan sebab-sebab nuzul ayat ini kita dapati perkataan Sa'd Ibn Malik ketika ia meminta Rasulullah s.a.w. memberikan kepadanya sebilah pedang yang telah dirampas di dalam peperangan itu sebelum turunnya ayat Al-Qur'an yang memulangkan hak milik harta rampasan perang itu kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau dapat menangani mengikut budi bicaranya (ketika menjawab permintaan Sa'd). Rasulullah s.a.w. telah berkata kepadanya: "Pedang ini bukannya milik engkau dan bukan pula milik saya. Oleh kerana itu letakkan dulu pedang itu (di tempat simpanan harta rampasan perang)". Dan apabila Sa'd ibn Malik diseru kembali dari belakangnya setelah meletakkan pedang itu dan berundur dari tempat itu dia lantas menduga bahawa Allah telah menurunkan sesuatu ayat Al-Qur'an mengenai permintaannya itu, oleh kerana itu ia terus bertanya: "Apakah Allah telah menurunkan suatu ayat mengenai permintaan saya?"Jawab Rasulullah s.a.w.: "Tadi engkau telah meminta pedang itu, tetapi di waktu itu ia belum lagi menjadi milik saya dan baru sekarang ia telah dikurniakan kepada saya. Oleh itu, sekarang ambillah pedang ini untuk engkau". Demikianlah cara para sahabat hidup bersama Allah dan bersama Al-Qur'an yang diturunkan kepada mereka. Ini adalah satu cara hidup yang amat mengkagumkan, dan zaman hidup mereka merupakan satu zaman yang amat menarik dalam hidup manusia. Oleh sebab itulah mereka dapat menghayati Al-Qur'an dengan penghayatan yang setinggi ini. Di samping itu usaha mereka melaksanakan gerak langkah di alam realiti dengan berpedomankan bimbingan dan arahan-arahan secara langsung dari Al-Qur'an telah melipatgandakan interaksi mereka dengan penghayatan ini. Jika situasi hidup di zaman sahabat itu tidak berulang dalam kehidupan manusia, tetapi situasi penghayatan Al-Qur'an itu boleh berulang jika di dunia ini wujud kelompok Mu'minin yang menyusun pergerakan untuk menegakkan Islam di dalam realiti hidup manusia sebagaimana yang telah dilakukan kelompok

[12] *Di sinilah dibincangkan isu "keimanan boleh bertambah dan berkurangan" iaitu salah satu isu yang menjadi tajuk perbincangan berhagai-bagai puak di samping menjadi salah satu isu Ilmu al-Kalam dalam masa masyarakat Islam melalui zaman kemewahan 'aqliyah atau zaman kekosongan akal dari persoalan-persoalan praktikal yang serius. Oleh sebab itu kami sekarang tidak ingin memasuki ke dalam isu itu.*

Muslimin angkatan pertama, kerana kelompok Mu'minin yang bergerak dan, bertindak dengan Al-Qur'an untuk menegak kembali Islam di dalam realiti hidup manusia inilah yang menghayati Al-Qur'an. Merekalah yang memperolehi dali bacaan Al-Qur'an itu saranan-saranan yang menambahkan keimanan mereka kerana mereka beriman dari awal lagi. Konsep agama di sisi mereka ialah harakat perjuangan untuk menegakkan kembali agama Islam setelah seluruh dunia dikuasai kembali oleh jahiliyah. Keimanan di sisi mereka bukan dengan berangan-angan dan bercita-cita, malah keimanan adalah keyakinan yang tersemat di dalam hati dan dibuktikan dengan amalan dan perjuangan!

"Dan kepada Allah mereka berserah."(2)

Konsep Berserah Kepada Allah

Maksudnya, mereka hanya berserah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja sebagaimana yang difahamkan oleh struktur ungkapan itu. Mereka tidak mempersekutukan Allah dengan sesiapa pun sebagai tempat mereka memohon pertolongan dan menyerahkan nasib mereka atau seperti ulasan yang diberikan oleh Imam Ibn Kathir dalam tafsirnya:

"Maksudnya mereka tidak menaruh harapan melainkan kepada Allah, mereka tidak menuju melainkan kepada Allah, mereka tidak berlindung melainkan di bawah naungan Allah, mereka tidak memohon dan mengangkat hajat-hajat mereka melainkan kepada Allah, mereka tidak menaruh minat melainkan kepada Allah dan mereka yakin bahawa apa yang dikehendaki Allah tetap berlaku dan apa yang tidak dikehendaki-Nya tidak akan berlaku, di samping yakin hanya Allah jua yang memegang teraju pentadbiran kerajaan alam, tiada sekutu bagi-Nya dan tiada sesiapa yang berkuasa mempertikai dan menegurkan keputusan-Nya dan Allah adalah Penghisab Yang Maha Pantas. Oleh sebab itu Said Ibn Jubayr pernah berkata: Tawakkal kepada Allah merupakan penggabung segala aspek keimanan."

Inilah keikhlasan i'tikad terhadap Wahdaniyah Allah dan keikhlasan ibadat kepada Allah Yang Maha Esa sahaja tidak kepada yang lain dari-Nya. Oleh sebab itu tidak mungkin terkumpul dalam sebuah hati tauhid kepada Allah tetapi berserah kepada yang lain dari Allah. Oleh sebab itu orang-orang yang mendapati di dalam hati mereka kecenderungan berserah kepada seseorang yang lain dari Allah atau kepada sesuatu punca yang lain dari Allah, wajiblah dari awal-awal lagi memeriksa di dalam hati mereka apakah mereka beriman kepada Allah?

Hubungan Sebab Dengan Natijah

Bertawakkal kepada Allah Yang Maha Esa sahaja tidak menghalangkan seseorang dari menggunakan sebab-sebab atau sarana-sarana, oleh sebab itu orang yang beriman yang menggunakan sarana-sarana itu adalah termasuk di dalam bab beriman kepada Allah dan menta'ati perintah-Nya yang menyuruh manusia supaya menggunakan sarana-sarana (untuk mendapatkan sesuatu yang dikehendakinya), tetapi orang yang Mu'min tidak menganggapkan sarana-sarana atau sebab-sebab itu sebagai faktor yang melahirkan natijah-natijah hingga menyebabkan ia bergantung bulat kepadanya, kerana faktor yang melahirkan natijah-natijah dan sebab-sebab itu ialah perencanaan Allah. Dalam hati seorang Mu'minin tidak ada hubungan di antara sebab dan natijah. Menggunakan sebab merupakan ibadat, kerana menta'ati perintah dan kerealisasian natijah adalah hasil perencanaan dari Allah yang bebas dari sebab yang tiada sesiapa dapat menguasainya melainkan Allah. Dengan kefahaman ini, perasaan seorang Mu'min bebas dari memuja dan bergantung bulat kepada sebab-sebab, dan sekaligus itu ia menyempurnakan kehendak sebab-sebab itu dengan sedaya upayanya untuk mencapai pahala menta'ati perintah Allah yang menyuruh menggunakan sebab-sebab itu dengan sempurna.

Kaedah Kepastian Undang-undanng Kini Telah Bertukar Kepada Kemungkinan-kemungkinan

Jahiliyah "Ilmiyah" moden terus terpikat di dalam kaedah "kepastian undang-undang alam" untuk menolak "perencanaan-perencanaan Allah" dan "kuasa-kuasa ghaib Allah", sehingga akhirnya kaedah itu berdepan – melalui sarana-sarana dan pengalaman-pengalamannya sendiri dengan kuasa-kuasa ghaib Allah dan perencanaan-perencanaan Allah yang tidak membolehkannya untuk membeli ramalan yang pasti dan terpaksa menggunakan teori "kemungkinan-kemungkinan" di alam benda. Oleh itu segala apa yang dikatakan pasti kini berubah kepada sesuatu kemungkinan sahaja, dan kuasa "ghaib" terus kekal menjadi rahsia yang tersembunyi, begitu juga perencanaan-perencanaan Allah terus kekal menjadi satu-satunya hakikat yang diyakini, dan firman Allah S.W.T. yang berbunyi:

"Engkau tidak mengetahui boleh jadi Allah akan mengadakan selepas itu sesuatu perkara yang baru"

(Surah at-Talaq: 1)

kekal menjadi satu-satunya undang-undang yang pasti yang membayangkan dengan tepat kebebasan kehendak masyi'ah Allah di sebalik undang-undang, alam, yang mana Allah mengendalikan alam buana ini dengannya mengikut perencanaan-Nya yang lulus dan bebas.

Ujar Sir James Hopwood Jeans, profesor ilmu fizik dan matematik dari bangsa Inggeris: [13]

---

[13] *"The Mysterious Universe", (1930).*

"Ilmu sains lama telah menegaskan dengan penuh keyakinan bahawa 'nature' hanya dapat menjalani satu jalan sahaja, iaitu jalan yang telah sedia diaturkan untuknya sebelum ini supaya diikuti olehnya dari permulaan zaman hingga ke akhirnya dalam satu urutan yang berterusan di antara sebab dan musabab (cause and effect) dan ia tidak dapat mengelakkan dari kepastian bahawa kes (A) tetap diikuti oleh kes (B). Tetapi ilmu sains moden hanya mampu mengatakan hingga sekarang bahawa kes (A) mungkin diikuti oleh kes (B) atau (C) atau (D) atau sebagainya dari berbagai-bagai kes yang lain yang tidak dapat dihitungkan dengan betul. Ya, ilmu sains moden hanya dapat mengatakan bahawa kemungkinan berlakunya kes (B) adalah lebih besar dari kemungkinan berlakunya kes (C), dan kemungkinan berlakunya kes (C) adalah lebih besar dari kemungkinan berlakunya kes (D) dan demikian seterusnya. Malah ia dapat menentukan darjat kemungkinan berlakunya, kes (B), (C) dan (D) dengan nisbah-nisbah yang tertentu, tetapi ia tidak berupaya meramalkan dengan penuh keyakinan tentang kes-kes yang akan diikuti oleh kes-kes yang lain, kerana ilmu sains moden hanya bercakap tentang sesuatu yang mungkin berlaku sahaja, sedangkan sesuatu yang pasti berlaku, maka ia adalah terserah kepada perencanaan-perencanaan taqdir biar bagaimana hakikat perencanaan-perencanaan taqdir itu."

Apabila hati seseorang terlepas dari tekanan sebab-sebab yang lahir, maka di sana dari awal-awal lagi tiada ruang untuk bertawakkal kepada yang lain dari Allah. Hanya perencanaan Allah sahaja yang melahirkan segala sesuatu yang berlaku. Perencanaan Allah sahaja satu-satunya hakikat diyakini, sedangkan sebab-sebab yang lahir hanya dapat mewujudkan kemungkinan-kemungkinan yang bersifat andaian sahaja. Ini adalah satu perpindahan atau kemajuan yang amat besar yang dibawa oleh kepercayaan Islam kepada hati dan akal manusia, satu kemajuan di mana jahiliyah moden telah pun meraba-raba selama tiga abad untuk mencapai tingkat pertama kemajuan dalam aspek 'aqliyah dan masih belum lagi mencapai apa-apa kemajuan dalam aspek kesedaran dan ekoran-ekoran yang terbit darinya dalam bentuk natijah-natijah praktikal yang amat penting untuk berinteraksi dengan perencanaan-perencanaan Allah, juga dengan sebab-sebab dan kekuatan-kekuatan alam yang lahir. Itulah suatu kemajuan kebebasan 'aqliyah, kebebasan kesedaran, kebebasan politik, kebebasan sosial, kebebasan akhlak dan sebagainya dari berbagai bentuk kebebasan yang lain. Manusia tidak mungkin sama sekali mendapat kebebasan jika ia terus kekal menjadi abdi kepada sebab-sebab "yang pasti" dan kepada kuasa-kuasa di sebaliknya, iaitu menjadi abdi kepada kehendak manusia atau menjadi abdi kepada kehendak nature! Oleh itu setiap "kepastian" yang lain dari iradat Allah dan perencanaan Allah merupakan landasan 'ubudiyah kepada yang lain dari Allah dan perencanaan-Nya. Oleh sebab itulah ayat ini menekankan prinsip tawakkal kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan menganggapkannya sebagai syarat bagi kewujudan iman seseorang atau ketiadaannya. Kefahaman 'aqidah dalam Islam merupakan suatu kefahaman keseluruhan yang sepadu. Kemudian sekaligus itu juga merupakan satu kefahaman keseluruhan yang sepadu dengan gambaran realiti hidup manusia yang dikehendaki oleh Islam.[14]

"Iaitu orang-orang yang mendirikan solat."(3)

Konsep Mendirikan Solat

Di sini kita dapat melihat gambaran pergerakan iman yang lahir setelah kita melihat gambaran iman dengan ciri-cirinya yang telah, lepas dalam bentuk perasaan-perasaan hati yang,tersembunyi. Ini bertolak dari hakikat kerana keimanan itu merupakan keyakinan di dalam hati yang dibuktikan dengan amalan. Jadi, amalan merupakan petanda dan bukti yang lahir bagi keimanan yang pasti muncul di hadapan mata untuk membuktikan kewujudan iman yang sebenar.

Melaksanakan ibadat solat bukanlah semata-mata menunaikan kefardhuannya sahaja, malah ia merupakan suatu penunaian yang merealisasikan hakikat solat, ia merupakan suatu penunaian yang sempurna yang layak dengan kedudukan seorang hamba yang abid di hadapan Allah yang makbud, bukannya semata-mata melakukan gerak-geri membaca, berdiri, ruku' dan sujud sedangkan hati lalai. Gambaran solat dalam bentuknya yang sempurna itulah gambaran yang membuktikan kewujudan iman yang sebenar.

"Dan menginfaqkan sebahagian dari rezeki yang telah Kami kurniakan kepada mereka."(3)

Harta Kekayaan Manusia Adalah Rezeki Dari Allah

Sama ada dalam bentuk zakat atau bukan zakat, iaitu semuanya adalah dibelanjakan mereka dari sebahagian rezeki yang telah Kami kurniakan kepada mereka. Ayat Al-Qur'an selama-lamanya mempunyai makna-makna bayangan dan saranan-saranan. Dalam ayat ini ia membayangkan bahawa mereka tidak pernah menciptakan harta ini, malah ia adalah harta yang telah dikurniakan Allah kepada mereka, iaitu sebahagian dari rezeki-rezeki yang banyak tidak terhingga yang dikurniakannya kepada mereka. Oleh itu apabila mereka membelanjakan rezeki itu bererti mereka hanya membelanjakan sebahagian darinya sahaja dan menyimpankan bakinya dan semuanya berasal dari rezeki Allah kepada mereka.

Itulah sifat-sifat iman yang digariskan Allah di tempat ini. Ia meliputi kepercayaan kepada Wahdaniyah Allah, reaksi jiwa yang khusyu' apabila

---

[14] *Lihat huraian yang panjang lebar dalam buku* " خصائص التصور الإسلامي ومقوماته ".

disebut nama Allah, perasaan terpengaruh dan tertarik dengan ayat-ayat Al-Qur'an yang dibacakan, kecenderungan bertawakkal dan berserah kepada Allah, mendirikan solat dan menginfaqkan sebahagian dari rezeki yang dikurniakan Allah.

Walau bagaimanapun, ayat ini bukanlah menggambarkan huraian iman yang terperinci sebagaimana yang dihuraikan di dalam ayat-ayat yang lain, malah ayat ini diturunkan untuk menghadapi satu peristiwa yang berlaku, iaitu peristiwa perselisihan pendapat mengenai harta rampasan perang yang merosakkan hubungan mesra di antara sesama mereka. Oleh sebab itu di dalam ayat-ayat ini disebutkan sifat-sifat orang-orang yang beriman, yang dapat menolong mereka menghadapi peristiwa ini dan sekaligus itu juga dijelaskan sifat-sifat tertentu yang membayangkan sesiapa yang tidak mempunyai keseluruhan sifat-sifat ini bererti ia tidak mempunyai hakikat keimanan yang sebenar tanpa melihat sama ada syarat-syarat keimanan itu cukup atau tidak cukup, kerana methodologi tarbiyah Rabbani melalui Al-Qur'an inilah yang menentukan syarat-syarat ini dan arahan-arahannya dalam menghadapi berbagai-bagai peristiwa yang berlaku. Ini bertolak dari hakikat bahawa methodologi tarbiyah Rabbani adalah methodologi yang berasaskan realiti, praktikal berciri pergerakan bukannya methodologi berciri teori dan pengetahuan, yang berfungsi merangkakan teori dan membentangkannya begitu sahaja.

Kemudian di atas asas sifat-sifat inilah Allah memberi komentar yang akhir:

أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ حَقّٗاۚ لَّهُمۡ دَرَجَٰتٌ عِندَ رَبِّهِمۡ وَمَغۡفِرَةٞ وَرِزۡقٞ كَرِيمٞ ٤

"Merekalah para Mu'minin yang sebenar. Mereka memperolehi darjat-darjat yang tinggi di sisi Allah Tuhan mereka serta mendapat keampunan dan rezeki yang mulia."(4)

Hakikat Keimanan

Inilah sifat-sifat yang didapati oleh seorang Mu'min yang sebenar di dalam hatinya dan amalannya, dan siapa yang tidak menemui keseluruhan sifat-sifat ini di dalam dirinya bererti ia tidak mempunyai sifat keimanan. Dalam waktu yang sama sifat-sifat inilah juga yang menghadapi peristiwa yang kerananya diturunkan ayat-ayat ini. Oleh sebab itu ayat-ayat ini menghadapi keinginan yang kuat (para Mujahidin) untuk mendapat petanda atau bukti di atas keberanian dan kejayaan mereka di dalam perjuangan ini dengan menjelaskan bahawa *"mereka memperolehi darjat-darjat yang tinggi di sisi Allah Tuhan mereka"*, di samping menghadapi gejala keburukan akhlak yang menggoreskan hubungan mesra di antara mereka seperti yang dilaporkan oleh Ubadah Ibn as-Samit dengan menjelaskan bahawa mereka yang mempunyai sifat-sifat keimanan yang tersebut akan mendapat *"keampunan"* dari Allah, dan seterusnya menghadapi kerenah perselisihan faham mengenai harta rampasan perang dengan menjelaskan bahawa mereka yang mempunyai sifat-sifat keimanan itu akan mendapat "rezeki yang mulia" dari Allah. (Kini ternyatalah) bahawa ayat-ayat ini menggambarkan segala perasaan dan situasi yang menyelubungi peristiwa itu seluruhnya dan dalam waktu yang sama menjelaskan satu hakikat yang objektif iaitu inilah sifat-sifat para Mu'minin dan sesiapa yang tidak mempunyai keseluruhan sifat-sifat ini bererti ia tidak mempunyai hakikat keimanan.

"Merekalah para Mu'minin yang sebenar."(4)

Di sini angkatan kelompok Muslimin yang pertama diberitahu bahawa keimanan itu mempunyai hakikat yang pasti didapati oleh seorang Muslim di dalam hatinya, kerana keimanan itu bukannya dakwaan kosong dan bukan pula merupakan kalimat-kalimat yang diucapkan (di bibir mulut) dan seterusnya ia bukan merupakan angan-angan. Ujar al-Hafiz al-Tabrani: Kami telah diceritakan oleh Muhammad Ibn Abdullah al-Hadhrami, kami telah diceritakan oleh Abu Kurayb, kami telah diceritakan oleh Zayd ibn al-Hubab, kami telah diceritakan oleh Ibn Lahiah daripada Khalid ibn Yazid as-Saksaki dari Said Ibn Abu Hilal daripada Muhammad Ibn Abu al-Jahm daripada al-Harith Ibn Malik al-Ansari katanya: Ia bertemu dengan Rasulullah s.a.w. lalu beliau bersabda kepadanya: "Wahai Harith, apa khabar di pagi ini?" Lalu ia menjawab: "Pagi ini saya menjadi seorang Muslim yang sebenar". Jawab beliau: "Fikirkan kata-katamu tadi, kerana setiap sesuatu ada hakikatnya. Oleh itu, apakah hakikat keimanan engkau?" Ia berkata: "Saya menjauhi dunia, saya berjaga di waktu malam dan berlapar di waktu siang dan saya seolah-olah ternampak 'Arasy Allah dengan begitu jelas, saya seolah-olah ternampak ahli-ahli Syurga sedang berkunjungan satu sama lain dan saya seolah-olah ternampak penghuni Neraka menjerit-jerit kelaparan". Lalu beliau bersabda tiga kali: "Wahai Harith, engkau telah mengenal hakikat itu dan tetapkanlah dirimu begitu". Sahabat yang telah mendapat pengakuan Rasulullah s.a.w. sebagai seorang yang telah mengenal dirinya itu telah menyebut kepada Rasulullah s.a.w. gambaran perasaannya yang membayangkan di sebaliknya segala amalan dan pergerakannya kerana orang yang dapat melihat 'Arasy Allah dengan jelas dan melihat ahli Syurga sedang berkunjungan satu sama lain dan melihat penghuni Neraka sedang menjerit-jerit kelaparan, tidak hanya berakhir setakat melihat dan nampak sahaja, malah ia sentiasa hidup, bertindak dan bergerak di bawah dorongan perasaan-perasaan yang kuat itu yang mempengaruhi segala harakatnya di samping amalannya yang berjaga malam dan berpuasa di hari siang seolah-olah ia melihat 'Arasy Allah dengan jelas.

Hakikat keimanan itu pasti diteliti dengan serius agar ia tidak menjadi goyah hingga berubah kepada kata-kata yang hanya diucapkan oleh lisan sahaja, sedangkan di sebalik kata-kata itu terdapat bukti yang nyata yang bertentangan dengan kata-kata yang diucapkan itu. Kesedaran terhadap keseriusan hakikat keimanan itu amat dituntut terutama di dalam hati kelompok Muslimin yang berjuang untuk menegakkan kembali agama ini di alam realiti yang telah didominasikan oleh jahiliyah dan dicelupkan dengan warnanya yang buruk dan keji.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 5 - 14)

Setelah itu surah ini mula memperkatakan tentang Peperangan Badar yang meninggalkan harta rampasan perang yang menyebabkan pejuang-pejuangnya berselisih faham dan menunjukkan gejala-gejala akhlak yang buruk sebagaimana yang dilaporkan oleh Ubadah Ibn as-Samit r.a. dengan jujur, terus terang dan jelas, juga menayangkan ringkasan kejadian-kejadian yang berlaku di dalam peperangan itu, latar belakang-latar belakangnya, kedudukan-kedudukan dan perasaan-perasaan mereka terhadapnya. Dari tayangan ini ternyata bahawa kelompok Muslimin yang berjuang dalam peperangan itu tidak lebih dari menjadi tabir bagi perencanaan-perencanaan Allah, kerana seluruh kejadian yang berlaku di dalam peperangan itu dan segala akibat yang lahir darinya termasuk isu harta rampasan perang yang membawa mereka berselisih faham adalah semuanya berlaku dengan perencanaan Allah, dengan arahan dan pentadbiran-Nya, dengan pertolongan dan bantuan-Nya, sedangkan matlamat yang dikehendaki dan dirancangkan sendiri oleh kelompok Muslimin dari peperangan itu adalah satu matlamat yang kecil dan terbatas sahaja dibandingkan dengan matlamat yang dikehendaki Allah untuk kebaikan mereka; iaitu matlamat yang melahirkan peristiwa pemisah yang agung di langit dan di bumi, yang membuat para malaikat sibuk di alam al-Mala'ul-A'la, membuat manusia sibuk di bumi dan membuat sejarah umat manusia sibuk mencatatkannya. Kemudian ayat-ayat itu mengingatkan kelompok Muslimin bagaimana segolongan dari mereka telah menghadapi peperangan itu dengan hati yang terkilan, dan bagaimana segolongan yang lain dari mereka tidak bersetuju dengan cara pengagihan harta rampasan perang lalu berselisih faham sesama mereka. Hal ini diperingatkan kepada mereka dengan tujuan supaya mereka dapat melihat bahawa apa yang difikirkan mereka dan apa yang disukai atau dibencikan mereka dari peperangan itu adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan apa yang dikehendaki dan diputuskan Allah Yang Maha Mengetahui akibat segala urusan:

كَمَآ أَخْرَجَكَ رَبُّكَ مِنۢ بَيْتِكَ بِٱلْحَقِّ وَإِنَّ فَرِيقًا مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ لَكَٰرِهُونَ ﴿٥﴾

يُجَٰدِلُونَكَ فِى ٱلْحَقِّ بَعْدَمَا تَبَيَّنَ كَأَنَّمَا يُسَاقُونَ إِلَى ٱلْمَوْتِ وَهُمْ يَنظُرُونَ ﴿٦﴾

وَإِذْ يَعِدُكُمُ ٱللَّهُ إِحْدَى ٱلطَّآئِفَتَيْنِ أَنَّهَا لَكُمْ وَتَوَدُّونَ أَنَّ غَيْرَ ذَاتِ ٱلشَّوْكَةِ تَكُونُ لَكُمْ وَيُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُحِقَّ ٱلْحَقَّ بِكَلِمَٰتِهِۦ وَيَقْطَعَ دَابِرَ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٧﴾

لِيُحِقَّ ٱلْحَقَّ وَيُبْطِلَ ٱلْبَٰطِلَ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٨﴾

إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَٱسْتَجَابَ لَكُمْ أَنِّى مُمِدُّكُم بِأَلْفٍ مِّنَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ مُرْدِفِينَ ﴿٩﴾

وَمَا جَعَلَهُ ٱللَّهُ إِلَّا بُشْرَىٰ وَلِتَطْمَئِنَّ بِهِۦ قُلُوبُكُمْ ۚ وَمَا ٱلنَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِندِ ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿١٠﴾

إِذْ يُغَشِّيكُمُ ٱلنُّعَاسَ أَمَنَةً مِّنْهُ وَيُنَزِّلُ عَلَيْكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً لِّيُطَهِّرَكُم بِهِۦ وَيُذْهِبَ عَنكُمْ رِجْزَ ٱلشَّيْطَٰنِ وَلِيَرْبِطَ عَلَىٰ قُلُوبِكُمْ وَيُثَبِّتَ بِهِ ٱلْأَقْدَامَ ﴿١١﴾

إِذْ يُوحِى رَبُّكَ إِلَى ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ أَنِّى مَعَكُمْ فَثَبِّتُوا۟ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ۚ سَأُلْقِى فِى قُلُوبِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ٱلرُّعْبَ فَٱضْرِبُوا۟ فَوْقَ ٱلْأَعْنَاقِ وَٱضْرِبُوا۟ مِنْهُمْ كُلَّ بَنَانٍ ﴿١٢﴾

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ شَآقُّوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ ۚ وَمَن يُشَاقِقِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَإِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿١٣﴾

ذَٰلِكُمْ فَذُوقُوهُ وَأَنَّ لِلْكَٰفِرِينَ عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿١٤﴾

"(Semua peristiwa yang berlaku itu adalah dengan perintah Allah) sama seperti peristiwa Tuhanmu yang telah mengeluarkanmu dari rumahmu (di Madinah menuju ke Badar) dengan perintah Allah yang benar, sedangkan sebahagian dari para Mu'min tidak bersetuju (5). Mereka membantahmu tentang perintah yang benar itu setelah ternyata kebenarannya seolah-olah mereka dibawa kepada maut dan ternampak maut (6). Dan (kenangilah) ketika Allah menjanjikan kamu bahawa salah satu dari dua angkatan (Quraysy yang dihadapi kamu itu) akan dimenangi kamu, dan kamu menginginі agar angkatan qafilah (Quraysy) yang tidak bersenjata itu dimenangi kamu, sedangkan Allah berkehendak (supaya kamu berperang dengan angkatan Quraysy yang bersenjata) untuk menegakkan kebenaran dengan kalimat-kalimat-Nya dan menghapuskan orang-orang kafir hingga saki-baki mereka yang akhir (7). Kerana Allah hendak menegakkan yang benar dan menghapuskan yang bathil walaupun tidak disukai oleh orang-orang yang melakukan dosa (8). (Kenangilah) ketika kamu memohon pertolongan kepada Allah Tuhan kamu, lalu Dia memperkenankan permohonan kamu (sambil berfirman:) Sesungguhnya Aku akan membekalkan kamu dengan seribu (tentera) malaikat yang datang sepuak demi sepuak (9). Allah tidak jadikan bantuan itu melainkan (dengan tujuan) sebagai satu berita gembira dan supaya hati kamu menjadi tenteram dengannya. Dan tiada kemenangan melainkan dari sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (10). (Kenangilah) ketika Allah menyelubungi kamu dengan perasaan mengantuk sebagai rahmat dari-Nya yang menenteramkan kamu dan menurunkan ke atas kamu air hujan dari langit untuk membersihkan diri kamu dan menghapuskan dari kamu bisikan-bisikan jahat dari syaitan, juga untuk menguatkan hati kamu dan meneguhkan jejak tapak kaki kamu (11). (Kenangilah) ketika Tuhanmu mewahyukan kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku bersama kamu. Oleh itu teguhkanlah hati para Mu'minin. Aku akan campakkan perasaan takut ke dalam hati orang-orang kafir. Oleh itu penggallah leher mereka dan potonglah setiap tangan mereka dan jari-jarinya (12). Semuanya itu disebabkan kerana mereka menentang Allah dan Rasul-Nya. Dan sesiapa yang menentang Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya Allah amat berat penyeksaan-Nya (13). Rasakanlah semua keseksaan ini (di dunia) dan (pada hari Akhirat) pula orang-orang kafir akan mendapat 'azab Neraka."(14)

Allah telah mengembalikan seluruh harta rampasan perang itu kepada Allah dan rasul supaya Rasulullah s.a.w. dapat mengagihkannya semula kepada mereka dengan adil selepas mengekalkan satu perlima darinya untuk mereka yang berhak menerimanya yang akan dijelaskan selepas itu. Pengagihan yang sedemikian dibuat dengan tujuan untuk membersihkan hati kelompok Muslimin yang berjuang itu dari segala persoalan yang berkaitan dengan harta rampasan perang dan menjadikan mereka tidak lagi berselisih faham mengenai harta itu dan menyerahkan kuasa pentadbiran harta itu kepada Rasulullah s.a.w. mengikut sebagaimana yang diajarkan Allah kepadanya. Dengan ini tidak ada lagi sebarang perasaan terkilan, dan terhapuslah segala keraguan di dalam hati mereka yang mendapat harta rampasan itu yang kemudian dibahagi sama rata dengan orang-orang yang lain sebagaimana telah diterangkan sebelum ini.

Kemudian Allah membandingkan di antara kehendak-kehendak yang dirancangkan oleh mereka dengan kehendak-kehendak Allah yang telah diputuskan untuk mereka supaya mereka yakin bahawa pilihan yang terbaik itu ialah pilihan Allah sama ada di dalam urusan harta rampasan perang atau dalam urusan-urusan yang lain, kerana manusia hanya mengetahui sesuatu yang berada di hadapan mereka sahaja dan tidak dapat melihat perkara-perkara yang ghaib dan terlindung dari mereka. Allah telah membuat perbandingan ini kepada mereka dari realiti yang wujud di hadapan mereka, iaitu dari realiti peperangan itu sendiri, di mana mereka membahagi-bahagikan harta rampasan perang. Bandingkanlah bagaimana kehendak-kehendak yang dirancangkan mereka dalam peperangan itu dan bagaimana kehendak-kehendak Allah yang telah diputuskan-Nya untuk kebaikan mereka? Di mana duduknya kehendak-kehendak mereka dan di mana pula duduknya kehendak-kehendak Allah untuk kebaikan mereka? Ini adalah satu jarak perbezaan yang amat jauh dan satu jarak perpindahan yang amat jauh sepanjang yang dapat dilihat mata dan sejauh yang dapat difikirkan akal.

كَمَآ أَخۡرَجَكَ رَبُّكَ مِنۢ بَيۡتِكَ بِٱلۡحَقِّ وَإِنَّ فَرِيقٗا مِّنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ لَكَٰرِهُونَ ٥

يُجَٰدِلُونَكَ فِي ٱلۡحَقِّ بَعۡدَمَا تَبَيَّنَ كَأَنَّمَا يُسَاقُونَ إِلَى ٱلۡمَوۡتِ وَهُمۡ يَنظُرُونَ ٦

وَإِذۡ يَعِدُكُمُ ٱللَّهُ إِحۡدَى ٱلطَّآئِفَتَيۡنِ أَنَّهَا لَكُمۡ وَتَوَدُّونَ أَنَّ غَيۡرَ ذَاتِ ٱلشَّوۡكَةِ تَكُونُ لَكُمۡ وَيُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُحِقَّ ٱلۡحَقَّ بِكَلِمَٰتِهِۦ وَيَقۡطَعَ دَابِرَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ٧

لِيُحِقَّ ٱلۡحَقَّ وَيُبۡطِلَ ٱلۡبَٰطِلَ وَلَوۡ كَرِهَ ٱلۡمُجۡرِمُونَ ٨

"(Semua peristiwa yang berlaku itu adalah dengan perintah Allah) sama seperti peristiwa Tuhanmu yang telah mengeluarkanmu dari rumahmu (di Madinah menuju ke badar) dengan perintah Allah yang benar, sedangkan sebahagian dari para Mu'minin tidak bersetuju (5). Mereka membantahmu tentang perintah yang benar itu setelah ternyata kebenarannya seolah-olah mereka dibawa kepada maut dan nampak maut (6). Dan (kenangilah) ketika Allah menjanjikan kamu bahawa salah satu dari dua angkatan (Quraysy yang dihadapi kamu itu) akan dimenangi kamu dan kamu menginginі agar angkatan qafilah (Quraysy) yang tidak bersenjata itu dimenangi kamu, sedangkan Allah

berkehendak (supaya kamu berperang dengan angkatan Quraysy yang bersenjata) untuk menegakkan kebenaran dengan kalimat-kalimat-Nya dan menghapuskan orang-orang kafir hingga saki-baki mereka yang akhir (7). Kerana Allah hendak menegakkan yang benar dan menghapuskan yang bathil walaupun tidak disukai oleh orang-orang yang melakukan dosa."(8)

Persoalan mengembalikan urusan harta rampasan perang kepada Allah dan rasul, persoalan pembahagian harta rampasan perang secara sama rata, persoalan wujudnya setengah-setengah orang Mu'min yang tidak bersetuju dengan cara pembahagian sama rata ini dan sebelum ini setengah-setengah mereka tidak bersetuju kerana setengah-setengah pejuang yang muda mendapat habuan harta rampasan yang lebih banyak dari pejuang tua... persoalan-persoalan ini adalah sama dengan persoalan-persoalan di mana Allah telah mengeluarkan engkau dari rumah engkau di Madinah (bersama kaum Muslimin) untuk memerangi angkatan Quraysy yang mempunyai kekuatan senjata, juga sama dengan sikap setengah-setengah orang Mu'min yang tidak suka berperang, sedangkan di hadapan mereka kemenangan yang menghasilkan harta rampasan perang.

Suasana-suasana Gawat Yang Menyelubungi Kaum Muslimin Menjelang Perang Badar

Sebelum ini kami telah membentangkan peristiwa-peristiwa Peperangan Badar yang, dipetikkan dari buku-buku sirah, di mana Abu Bakr dan 'Umar r.a. telah mengemukakan pandangan yang baik ketika Rasulullah s.a.w. mengadakan mesyuarat dengan para sahabatnya untuk mendapat keputusan berperang setelah angkatan qafilah perdagangan Quraysy terlepas dari kepungan mereka dan setelah mendapat berita bahawa angkatan Quraysy (dari Makkah) telah datang dengan segala kekuatan dan kelengkapan berperang. Dalam pertemuan itu al-Miqdad Ibn Amr telah bangun dan berkata: "Wahai Rasulullah, laksanakan apa sahaja perintah Allah, kami tetap bersama anda. Demi Allah, kami tidak berkata kepada anda seperti Bani Israel berkata kepada nabi mereka Musa: 'Pergilah anda berperang bersama Tuhanmu dan kami akan menunggu di sini, malah pergilah anda berperang bersama Tuhanmu dan kami juga akan turut berperang bersama anda...".

Inilah keputusan yang telah diambil oleh kaum Muhajirin. Apabila Rasulullah s.a.w. mengulang-ulang perkataan ini kepada hadirin, maka kaum Ansar pun mengerti bahawa Rasulullah s.a.w. bermaksud meminta pandangan mereka pula, lalu Sa'd Ibn Mu'az pun berucap panjang dan menyokong keputusan itu dengan penuh ketegasan dan keyakinan...

Tetapi pandangan yang dikemukakan oleh Abu Bakr dan 'Umar, juga pandangan yang dikemukakan oleh al-Miqdad dan Sa'd Ibn Mu'az bukanlah merupakan pandangan seluruh mereka yang keluar dari Madinah bersama Rasulullah s.a.w., kerana setengah-setengah dari mereka tidak suka berperang dan membantah keputusan berperang dengan alasan mereka tidak mempunyai persediaan untuk berperang. Mereka keluar bersama Rasulullah semata-mata dengan tujuan untuk menghalangkan kumpulan orang-orang Quraysy yang lemah yang mengawal angkatan qabilah perdagangan Quraysy sahaja, tetapi setelah mereka mengetahui bahawa angkatan Quraysy (dari Makkah) telah datang dengan pasukan-pasukan berkuda dan berjalan kaki membawa sekalian hulubalang dan pahlawan, mereka telah melahirkan ketidaksukaan mereka yang meluap-luap untuk berperang dengan angkatan itu. Inilah kebencian dan perasaan tidak suka berperang yang digambarkan oleh ungkapan Al-Qur'an mengikut caranya yang unik:

كَمَآ أَخۡرَجَكَ رَبُّكَ مِنۢ بَيۡتِكَ بِٱلۡحَقِّ وَإِنَّ فَرِيقٗا مِّنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ لَكَٰرِهُونَ ٥ يُجَٰدِلُونَكَ فِي ٱلۡحَقِّ بَعۡدَمَا تَبَيَّنَ كَأَنَّمَا يُسَاقُونَ إِلَى ٱلۡمَوۡتِ وَهُمۡ يَنظُرُونَ ٦

"(Semua peristiwa yang berlaku itu adalah dengan perintah Allah) sama seperti peristiwa Tuhanmu yang telah mengeluarkanmu dari rumahmu (di Madinah menuju ke Badar) dengan perintah Allah yang benar, sedangkan sebahagian dari para Mu'minin tidak bersetuju (5). Mereka membantahmu tentang perintah yang benar itu setelah ternyata kebenarannya seolah-olah mereka dibawa kepada maut dan nampak maut."(6)

Mengikut riwayat al-Hafiz Abu Bakr Ibn Mardawayh dalam tafsirnya dengan isnadnya daripada Abu Ayub al-Ansari katanya: Rasulullah s.a.w. telah bersabda semasa kami berada di Madinah: "Saya telah mendapat berita bahawa angkatan qafilah perdagangan Quraysy sedang menuju ke sini. Oleh itu apakah kamu bersedia untuk keluar mengepung angkatan qafilah itu semoga Allah jadikannya sebagai harta rampasan untuk kita sekalian?" Lalu kami jawab: "Ya". Kemudian Rasulullah dan kami sekalian keluar dari Madinah. Setelah kami berjalan sehari atau dua hari, beliau bersabda kepada kami: "Apa pendapat kamu jika kita berperang menentang kaum Quraysy kerana mereka telah diberitahu tentang angkatan kamu yang keluar dari Madinah?" Lalu kami berkata: "Tidak, demi Allah, kita tidak berupaya memerangi musuh, kerana tujuan kita hanya untuk mengepung qafilah perdagangan sahaja". Kemudian Rasulullah s.a.w. bertanya lagi: "Apa pendapat kamu jika kita berperang menentang kaum Quraysy?" Lalu kami memberi jawapan yang sama. Lalu al-Miqdad Ibn Amr pun berkata: "Jika begitu, wahai Rasulullah, kami tidak akan berkata kepada anda seperti apa yang dikatakan oleh kaum Musa kepadanya: 'Pergilah anda berperang bersama Tuhan anda, kami akan menunggu di sini...... Lalu kami dari golongan Ansar bercita-cita jika kami berkata seperti apa yang telah dikatakan oleh al-Miqdad Ibn Amr, kerana itulah yang lebih disukai kami dari mendapat harta yang banyak.

Ujar lagi Abu Ayub al-Ansari: Lalu Allah turunkan kepada Rasulullah s.a.w. ayat:

كَمَآ أَخۡرَجَكَ رَبُّكَ مِنۢ بَيۡتِكَ بِٱلۡحَقِّ وَإِنَّ فَرِيقٗا مِّنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ لَكَٰرِهُونَ ﴿٥﴾

"(Semua peristiwa yang berlaku itu adalah dengan perintah Allah) sama seperti peristiwa Tuhanmu yang telah mengeluarkanmu dari rumahmu (di Madinah menuju ke Badar) dengan perintah Allah yang benar, sedangkan sebahagian dari para Mu'minin tidak bersetuju."(5)

Inilah perasaan yang berkecamuk di dalam hati sekumpulan para Mu'minin pada hari itu. Mereka tidak suka berperang sehingga Al-Qur'anul-Karim menggambarkan keadaan mereka seperti berikut:

كَأَنَّمَا يُسَاقُونَ إِلَى ٱلۡمَوۡتِ وَهُمۡ يَنظُرُونَ ﴿٦﴾

"Seolah-olah mereka di bawa kepada maut dan nampak maut."(6)

Iaitu setelah ternyata kebenarannya kepada mereka dan setelah mereka mengetahui bahawa Allah telah menjanjikan bahawa mereka akan bertembung dengan salah satu dari dua angkatan Quraysy dan kini mereka tidak mempunyai pilihan yang lain setelah salah satu dari angkatan Quraysy (yang ditunggu-tunggu mereka) telah terlepas dari kepungan mereka, iaitu angkatan qafilah perdagangan Quraysy. Kini mereka terpaksa menghadapi angkatan Quraysy yang satu lagi. Allah telah menetapkan (dari awal lagi) bahawa mereka akan bertembung dengan angkatan Quraysy dan akan mendapat kemenangan sama ada angkatan itu angkatan qafilah perdagangan atau angkatan perang (dari Makkah) sama ada angkatan itu angkatan yang lemah yang tidak mempunyai kekuatan perang atau angkatan yang kuat yang lengkap dengan senjata dan berdaya tahan.

Itulah situasi gawat, di mana dapat dilihat keadaan hati manusia yang berdepan dengan bahaya yang besar dan dapat dilihat kesan dari pertembungan yang besar dalam hati mereka. Gambaran yang dilukiskan oleh Al-Qur'an di sini sepatutnya membuat kita bertawaduk di dalam menilai tuntutan-tuntutan i'tikad ketika menghadapi kenyataan agar kita tidak mengetepikan kekuatan diri manusia dan denyutannya semasa pertembungan itu. Kita tidak seharusnya merasa kecewa dengan hati kita dan hati manusia seluruhnya apabila kita melihat hati itu goyah dan gementar untuk menghadapi bahaya walaupun ia berpegang kukuh dan penuh yakin kepada 'aqidah yang diimaninya. Oleh itu kebaikan hati itu sudah cukup apabila ia kembali tenang dan teguh selepas menguasai kegentaran yang pertama itu dan terus mara dengan berani menghadapi bahaya itu. Itulah keadaan yang dialami oleh para pejuang Peperangan Badar yang telah disifatkan oleh Rasulullah s.a.w.: "Siapa tahu barangkali Allah telah mengetahui keadaan yang dialami oleh pejuang-pejuang Badar lalu Dia berfirman: Bertindaklah sesuka hati kamu, kerana sesungguhnya Aku telah mengampuni kamu"... Cukuplah dengan pengakuan Ilahi ini!

Angkatan kaum Muslimin lebih suka jika Allah menetapkan bahawa mereka akan bertembung dengan angkatan Quraysy yang tidak mempunyai kekuatan senjata:

وَإِذۡ يَعِدُكُمُ ٱللَّهُ إِحۡدَى ٱلطَّآئِفَتَيۡنِ أَنَّهَا لَكُمۡ وَتَوَدُّونَ أَنَّ غَيۡرَ ذَاتِ ٱلشَّوۡكَةِ تَكُونُ لَكُمۡ

"Dan (Kenangilah) ketika Allah menjanjikan kamu bahawa salah satu dari angkatan (Quraysy yang dihadapi kamu itu) akan dimenangi kamu, dan kamu mengingini agar angkatan qafilah (Quraysy) yang tidak bersenjata itu dimenangi kamu."(7)

Inilah yang dikehendaki oleh angkatan Muslimin pada hari itu, sedangkan kehendak Allah berlainan dari kehendak mereka:

وَيُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُحِقَّ ٱلۡحَقَّ بِكَلِمَٰتِهِۦ وَيَقۡطَعَ دَابِرَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ﴿٧﴾

"Sedangkan Allah berkehendak (supaya kamu berperang dengan angkatan Quraysy yang bersenjata) untuk menegakkan kebenaran dengan kalimat-kalimat-Nya dan menghapuskan orang-orang kafir hingga saki-baki mereka yang akhir."(7)

لِيُحِقَّ ٱلۡحَقَّ وَيُبۡطِلَ ٱلۡبَٰطِلَ وَلَوۡ كَرِهَ ٱلۡمُجۡرِمُونَ ﴿٨﴾

"Kerana Allah hendak menegakkan yang benar dan menghapuskan yang, batil walaupun tidak disukai oleh orang-orang yang melakukan dosa."(8)

Antara Kehendak Allah Dan Kehendak Manusia

Maksudnya, Allah – dengan limpah kurnia-Nya – berkehendak agar mereka menghadapi peperangan bukannya harta rampasan. Allah menghendaki mereka melancarkan peperangan di antara yang haq dan yang bathil untuk menegakkan kebenaran dan menghapuskan kebatilan. Allah hendak membanteraskan orang-orang kafir hingga ke saki-baki mereka yang akhir, dibunuh mana yang boleh dibunuh dan ditawan mana yang boleh ditawan, hingga keangkuhan mereka dapat ditundukkan dan kekuatan mereka dapat dileburkan, hingga bendera Islam dan Kalimatullah dikibar tinggi dan hingga Allah memungkinkan kelompok Muslimin hidup dengan sistem Rabbani dan bergerak maju dengannya untuk menegakkan Uluhiyah Allah di bumi dan menghancurkan kemaharajalelaan para Taghut. Allah hendak mengurniakan kedudukan yang teguh ini kepada mereka berlandaskan pencapaian dan perjuangan mereka yang wajar bukannya dikurniakan kepada mereka secara serampangan sahaja, kerana

Allah Maha Suci dari tindakan-tindakan secara serampangan. Allah mahu kurniakan kedudukan yang teguh itu melalui usaha dan jihad mereka, melalui pengorbanan-pengorbanan dan pengalaman-pengalaman yang pahit di alam realiti dan di medan pertempuran.

Ya, Allah menghendaki agar kelompok Muslimin menjadi satu umat dan sebuah negara yang mempunyai kekuatan dan kedaulatan. Allah mahu kelompok Muslimin membandingkan kekuatan mereka yang sebenar dengan kekuatan musuh mereka dan melebihkan kekuatan mereka yang kecil di atas kekuatan musuh mereka yang besar Allah mahu kelompok Muslimin menginsafi bahawa kemenangan itu bukan dengan kekuatan bilangan dan kekuatan senjata, bukan dengan kekuatan harta dan kuda dan seterusnya bukan dengan kekuatan bekalan dan persediaan yang cukup, malah kemenangan itu dicapai dengan kekuatan hubungan hati yang kukuh dengan kekuatan Allah yang tidak dapat ditentang oleh kekuatan manusia. Dan semuanya ini harus terbit dari pengalaman yang benar di alam kenyataan bukannya terbit dari tanggapan dan kepercayaan hati semata-mata agar kelompok Muslimin memperolehi bekalan dari pengalaman yang haqiqi itu untuk menghadapi, seluruh masa depan mereka, dan agar mereka yakin bahawa mereka di setiap masa dan tempat memiliki kekuatan untuk menumpaskan musuh mereka walaupun sekecil mana bilangan mereka dan sebanyak mana bilangan musuh mereka, walaupun selemah mana kelengkapan material mereka dan sekuat mana persiapan dan peralatan perang musuh mereka. Hakikat ini tidak tersemat di dalam hati seteguh ia tersemat melalui peperangan muktamad di antara kekuatan keimanan dan kekuatan kezaliman.

Di sini pemerhati dapat melihat pada hari ini dan selepas hari ini betapa jauhnya jarak perbezaan di antara kehendak yang dirancangkan oleh kelompok Muslimin untuk diri mereka dengan kehendak yang baik yang dikehendaki Allah untuk mereka, di antara apa yang difikirkan baik oleh mereka dengan apa yang ditetapkan Allah untuk mereka. Di samping melihat jurang perbezaan yang amat jauh, pemerhati itu juga dapat mengetahui betapa banyaknya kesilapan manusia ketika mereka berfikir bahawa mereka mampu memilih untuk diri mereka sesuatu yang lebih baik dari apa yang telah dipilih Allah untuk mereka, dan ketika mereka merasa akan mendapat bahaya dari kehendak keputusan Allah yang mungkin terdedahkan mereka kepada ancaman bencana dan gangguan yang menyakiti mereka, sedangkan di sebalik kehendak keputusan Allah tersembunyi kebaikan-kebaikan yang tidak terlintas di dalam hati dan imaginasi mereka.

Di mana letaknya titik perbandingan di antara kehendak-kehendak yang dirancangkan oleh kelompok Muslimin untuk kebaikan dan kepentingan mereka dengan kehendak-kehendak yang baik yang diaturkan Allah untuk mereka? Seandainya kehendak mereka untuk menawan angkatan qafilah perdagangan Quraysy yang tidak bersenjata itu tercapai, maka yang berlaku ialah kisah harta rampasan, iaitu kisah satu kumpulan manusia yang berjaya menyerang angkatan qafilah perdagangan dan mengambil harta benda yang dibawa olehnya. Tetapi Peperangan Badar (yang dikehendaki Allah itu) telah berlalu di dalam sejarah sebagai sebuah kisah perjuangan 'aqidah, kisah kemenangan muktamad yang memisahkan di antara yang hak dan yang batil, kisah kemenangan agama yang benar yang telah berjaya menumpaskan musuh-musuhnya yang lengkap dengan kekuatan senjata dan bekalan yang diperlukan, sedangkan pihak agama yang benar hanya mempunyai bilangan pejuang yang kecil dan bekalan dan kenderaan yang tidak mencukupi, kisah kemenangan hati manusia yang berhubung dengan Allah dan mengatasi kelemahan diri, malah kisah kemenangan segelintir hati manusia dan di antaranya terdapat segolongan orang yang tidak bersetuju berperang, tetapi dengan saki-baki kumpulan yang tabah yang tidak tunduk kepada realiti material, yang penuh yakin kepada hakikat kekuatan yang sebenar dan kesahihan pertimbangan, mereka telah berjaya menguasai diri mereka dan orang-orang yang berada di situ. Lalu mereka mengharungi peperangan itu walaupun neraca imbangan kekuatan lebih berat di pihak musuh. Tetapi dengan kekuatan keyakinan, mereka telah berjaya mencapai kemenangan yang gemilang.

Sebenarnya Peperangan Badar – dengan segala latar belakangnya ini – akan terus menjadi contoh di dalam sejarah manusia. Ia adalah satu peperangan yang menjelaskan undang-undang kemenangan dan kekalahan. Ia mendedahkan punca-punca kemenangan dan punca-punca kekalahan. Ia menerangkan sebab-sebabnya yang haqiqi bukannya sebab-sebab lahir yang bersifat fizikal. Ia merupakan sebuah kitab terbuka yang dapat dibaca oleh generasi-generasi dari semua zaman dan tempat, di mana gambaran pengertian dan hakikat peperangan itu tetap tidak berubah. Peperangan Badar merupakan salah satu bukti kekuasaan Allah dan salah satu undang-undang Allah yang berlaku pada makhluk-Nya selama wujudnya langit dan bumi. Kelompok Muslimin yang berjuang pada hati itu untuk menegakkan kembali sistem hidup islamiyah di muka bumi setelah dunia didominasikan oleh sistem hidup jahiliyah, adalah amat wajar berhenti lama-lama di hadapan Peperangan Badar untuk merenungi nilai-nilainya yang muktamad yang telah ditunjukkan olehnya dan meneliti dimensi-dimensinya yang agung, di mana ia mendedahkan jarak perbezaan di antara kehendak-kehendak yang difikirkan oleh manusia untuk kepentingan mereka dengan kehendak-kehendak yang baik yang ditetapkan Allah untuk mereka:

وَإِذْ يَعِدُكُمُ ٱللَّهُ إِحْدَى ٱلطَّآئِفَتَيْنِ أَنَّهَا لَكُمْ

وَتَوَدُّونَ أَنَّ غَيْرَ ذَاتِ ٱلشَّوْكَةِ تَكُونُ لَكُمْ وَيُرِيدُ

ٱللَّهُ أَن يُحِقَّ ٱلْحَقَّ بِكَلِمَٰتِهِۦ وَيَقْطَعَ دَابِرَ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٧﴾

لِيُحِقَّ ٱلْحَقَّ وَيُبْطِلَ ٱلْبَٰطِلَ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٨﴾

"Dan (Kenangilah) ketika Allah menjanjikan kamu bahawa salah satu dari dua angkatan (Quraysy yang dihadapi kamu itu) akan dimenangi kamu dan kamu menginginì agar angkatan qafilah (Quraysy) yang tidak bersenjata itu dimenangi kamu, sedangkan Allah berkehendak (supaya kamu berperang dengan angkatan Quraysy yang bersenjata) untuk menegakkan kebenaran dengan kalimat-kalimat-Nya dan menghapuskan orang-orang kafir hingga saki-baki mereka yang akhir (7). Kerana Allah hendak menegakkan yang benar dan menghapuskan yang batil walaupun tidak disukai oleh orang-orang yang melakukan dosa."(8)

Kelompok Muslimin yang berjuang pada hari ini untuk mengembalikan Islam di dalam dunia kehidupan manusia dan di alam realiti, mungkin pada hari ini belum lagi sampai – dari segi harakat – ke tahap harakat kelompok Muslimin angkatan pertama pada hari Peperangan Badar, tetapi ukuran-ukuran, nilai-nilai, garis panduan umum Peperangan Badar dengan latar belakang-latar belakangnya dan natijah-natijahnya serta ulasan-ulasan Al-Qur'an mengenainya masih tetap menjadi pedoman yang dapat memimpin dan menentukan arah pendirian kelompok Muslimin dalam setiap fasa harakat perjuangannya, kerana ukuran-ukuran, nilai-nilai dan garis-garis panduan yang wujud di dalam Peperangan Badar itu merupakan ukuran-ukuran, nilai-nilai dan garis-garis panduan yang umum dan tetap selama wujudnya langit dan bumi dan selama adanya kelompok Muslimin di muka bumi ini yang berjuang menentang jahiliyah untuk mengembalikan kewujudan sistem hidup Islamiyah.

* * * * * *

Suasana Peperangan Badar

Kemudian rangkaian ayat-ayat yang berikut menayangkan suasana Peperangan Badar, keadaan-keadaan latar belakangnya dan situasinya, di mana dapat dilihat bagaimana keadaan dan kedudukan para pejuang kaum Muslimin, bagaimana Allah mengaturkan perencanaan-Nya untuk mereka dan bagaimana seluruh kemenangan yang telah dicapai mereka adalah berpunca dari perencanaan Allah. Pengungkapan Al-Qur'an yang unik telah menggambarkan situasi peperangan itu dengan segala pemandangannya, peristiwa-peristiwanya, perasaan-perasaan dan emosi-emosi yang berkecamuk di dalam hati para pejuangnya supaya mereka dapat menghayati suasana peperangan itu sekali lagi, tetapi dengan berdasarkan garis panduan Al-Qur'an agar mereka dapat melihat dimensi-dimensinya yang haqiqi yang melewati daerah Badar, Semenanjung Tanah Arab, seluruh bumi dan dimensi-dimensinya yang menjulang ke langit dan alam al-Mala'ul-A'la, melewati hari Peperangan Badar, sejarah Semenanjung Tanah Arab, sejarah umat manusia di bumi dan seterusnya dimensi-dimensinya yang memanjang ke sebalik hidup dunia, iaitu ke alam Akhirat, di mana diadakan hisab penghabisan dan pembalasan yang sempurna, di mana kelompok Muslimin dapat merasakan nilai diri mereka di dalam neraca pertimbangan Allah, dapat melihat nilai darjat-darjat mereka, nilai amalan-amalan mereka dan nilai harakat mereka yang memperjuangkan Islam di samping melihat kedudukan mereka yang amat tinggi:

إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَٱسْتَجَابَ لَكُمْ أَنِّى مُمِدُّكُم بِأَلْفٍ مِّنَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ مُرْدِفِينَ ﴿٩﴾

وَمَا جَعَلَهُ ٱللَّهُ إِلَّا بُشْرَىٰ وَلِتَطْمَئِنَّ بِهِۦ قُلُوبُكُمْ ۚ وَمَا ٱلنَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِندِ ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿١٠﴾

إِذْ يُغَشِّيكُمُ ٱلنُّعَاسَ أَمَنَةً مِّنْهُ وَيُنَزِّلُ عَلَيْكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً لِّيُطَهِّرَكُم بِهِۦ وَيُذْهِبَ عَنكُمْ رِجْزَ ٱلشَّيْطَٰنِ وَلِيَرْبِطَ عَلَىٰ قُلُوبِكُمْ وَيُثَبِّتَ بِهِ ٱلْأَقْدَامَ ﴿١١﴾

إِذْ يُوحِى رَبُّكَ إِلَى ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ أَنِّى مَعَكُمْ فَثَبِّتُوا۟ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ۚ سَأُلْقِى فِى قُلُوبِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ٱلرُّعْبَ فَٱضْرِبُوا۟ فَوْقَ ٱلْأَعْنَاقِ وَٱضْرِبُوا۟ مِنْهُمْ كُلَّ بَنَانٍ ﴿١٢﴾

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ شَآقُّوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ ۚ وَمَن يُشَاقِقِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَإِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿١٣﴾

ذَٰلِكُمْ فَذُوقُوهُ وَأَنَّ لِلْكَٰفِرِينَ عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿١٤﴾

"(Kenangilah) ketika kamu memohon pertolongan kepada Allah Tuhan kamu, lalu Dia memperkenankan permohonan kamu (sambil berfirman:) Sesungguhnya Aku akan membekalkan kamu dengan seribu (tentera) malaikat yang datang sepuak demi sepuak (9). Allah tidak jadikan bantuan

itu melainkan (dengan tujuan) sebagai satu berita gembira dan supaya hati kamu menjadi tenteram dengannya. Dan tiada kemenangan melainkan dari sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (10). (Kenangilah) ketika Allah menyelubungi kamu dengan perasaan mengantuk sebagai rahmat dari-Nya yang menenteramkan kamu dan menurunkan ke atas kamu air hujan dari langit untuk membersihkan diri kamu dan menghapuskan dari kamu bisikan-bisikan jahat dari syaitan, juga untuk menguatkan hati kamu dan meneguhkan jejak tapak kaki kamu (11). (Kenangilah) ketika Tuhanmu mewahyukan kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku bersama kamu. Oleh itu teguhkanlah hati para Mu'minin. Aku akan campakkan perasaan takut ke dalam hati orang-orang kafir. Oleh itu penggallah leher mereka dan potonglah setiap tangan mereka dan jari-jarinya (12). Semuanya itu disebabkan kerana mereka menentang Allah dan Rasul-Nya. Dan sesiapa yang menentang Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya Allah amat berat penyeksaan-Nya (13). Rasakanlah semua keseksaan ini (di dunia) dan (pada hari Akhirat) pula orang-orang kafir akan mendapat 'azab Neraka."(14)

Itulah peperangan yang diaturkan seluruhnya dengan perintah dan kehendak Allah, dengan pentadbiran dan perencanaan-Nya, dengan tentera Allah dan arahan-Nya. Peperangan itu dapat dilihat terpampang dengan jelas di hadapan mata dengan segala pergerakan dan kejadiannya. Semuanya dapat dilihat dari celah-celah ungkapan Al-Qur'an yang memberi gambaran yang hidup seolah-olah kejadian yang telah berlaku itu sedang berlaku sekarang.

Kisah angkatan kaum Muslimin memohon pertolongan Allah telah diriwayatkan oleh Imam Ahmad dengan isnadnya daripada 'Umar Ibn al-Khattab r.a. katanya: Pada hari berlakunya Peperangan Badar Nabi s.a.w. telah memandang kepada para sahabatnya yang belumlah kira-kira tiga ratus orang lebih, kemudian beliau memandang pula kepada angkatan kaum Musyrikin yang berjumlah kira-kira seribu orang lebih, lalu Nabi s.a.w. menghadap ke arah kiblat dengan memakai baju dan kainnya kemudian beliau berdo'a: "Ya Allah, ya Tuhanku, laksanakanlah segala janji-Mu kepada aku. Ya Allah, ya Tuhanku, jika kelompok Muslimin ini binasa, maka tiada lagi orang yang menyembah-Mu di bumi ini buat selama-lamanya". Ujar 'Umar Ibn al-Khattab: Beliau terus memohon pertolongan Allah dan berdo'a kepada-Nya sehingga bajunya gugur dari atas bahunya, lalu Abu Bakr datang mengambil bajunya dan menyalutkannya kembali ke badan Rasulullah s.a.w. dan terus menjaga beliau dari belakangnya sambil berkata: 'Wahai Nabi Allah, cukuplah anda memohon pertolongan kepada Allah, kerana. Allah tetap akan melaksanakan janji-Nya kepada anda" . Lalu turunlah ayat:

إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَاسْتَجَابَ لَكُمْ أَنِّي مُمِدُّكُم بِأَلْفٍ مِّنَ الْمَلَائِكَةِ مُرْدِفِينَ ﴿٩﴾

"(Kenangilah) ketika kamu memohon pertolongan kepada Allah Tuhan kamu, lalu Dia memperkenankan permohonan kamu (sambil berfirman:) Sesungguhnya Aku akan membekalkan kamu dengan seribu (tentera) malaikat yang datang sepuak demi sepuak."(9)

Bala Tentera Malaikat

Di sana terdapat berbagai riwayat yang menerangkan secara terperinci tentang tentera malaikat yang turut berperang pada hari Peperangan Badar, iaitu tentang bilangan mereka dan cara mereka mengambil bahagian di dalam peperangan itu dan kata-kata perangsang yang diucapkan mereka kepada pejuang-pejuang Muslimin dan kata-kata pelemah semangat yang diucapkan mereka kepada tentera-tentera Musyrikin, tetapi di dalam perkara-perkara yang berlaku di alam ghaib seperti ini kami – berdasarkan methodologi kami dalam tafsir Fi Zilal ini – hanya berpada sekadar keterangan-keterangan yang diyakini kebenarannya yang disebut oleh Al-Qur'an atau sunnah Rasulullah, dan keterangan nas-nas Al-Qur'an mengenai perkara ini di sini adalah mencukupi:

إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَاسْتَجَابَ لَكُمْ أَنِّي مُمِدُّكُم بِأَلْفٍ مِّنَ الْمَلَائِكَةِ مُرْدِفِينَ ﴿٩﴾

"(Kenangilah) ketika kamu memohon pertolongan kepada Allah Tuhan kamu, lalu Dia memperkenankan permohonan kamu (sambil berfirman:) Sesungguhnya Aku akan membekalkan kamu dengan seribu (tentera) malaikat yang datang sepuak demi sepuak".(9)

Inilah keterangan mengenai bilangan tentera malaikat:

إِذْ يُوحِي رَبُّكَ إِلَى الْمَلَائِكَةِ أَنِّي مَعَكُمْ فَثَبِّتُوا الَّذِينَ آمَنُوا ۚ سَأُلْقِي فِي قُلُوبِ الَّذِينَ كَفَرُوا الرُّعْبَ فَاضْرِبُوا فَوْقَ الْأَعْنَاقِ وَاضْرِبُوا مِنْهُمْ كُلَّ بَنَانٍ ﴿١٢﴾

"(Kenangilah) ketika Tuhanmu mewahyukan kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku bersama kamu. Oleh itu teguhkanlah hati para Mu'minin. Aku akan campakkan perasaan takut ke dalam hati orang-orang kafir. Oleh itu penggallah leher mereka dan potonglah setiap tangan mereka dan jari-jarinya." (12)

Inilah keterangan mengenai tugas dan kegiatan mereka di dalam peperangan itu. Kita tidak perlu kepada keterangan terperinci lebih dari keterangan ini kerana ianya telah mencukupi. Bagi kita cukuplah kita mengetahui bahawa Allah tidak membiarkan pejuang-pejuang Muslimin berjuang sendirian di hari Peperangan Badar itu, sedangkan bilangan mereka kecil dan bilangan musuh mereka ramai, juga mengetahui bahawa para malaikat telah mengambil bahagian yang positif dalam perjuangan kelompok Muslimin dan agama ini mengikut sebagaimana yang diceritakan Allah S.W.T. dalam firman-Nya yang ringkas itu.

Ujar al-Bukhari dalam bab *"Kehadiran Para Malaikat Di Dalam Peperangan Badar"*: Kami telah diceritakan oleh Ishaq bin Ibrahim, kami telah diceritakan oleh Jarir dari Yahya Ibn Said dari Mu'az Ibn Rifaah Ibn Rafik az-Zarqi dari bapanya (salah seorang pejuang di dalam Peperangan Badar) katanya: Jibril telah datang menemui Nabi s.a.w. dan berkata: "Bagaimana pandangan kamu terhadap pejuang-pejuang Badar di dalam kalangan kamu?" Jawab beliau: "Mereka adalah para Mu'minin yang utama" atau kata-kata yang seumpama ini, dan kata beliau lagi "Begitu juga para malaikat yang mengambil bahagian di dalam Peperangan Badar". [15]

إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَاسْتَجَابَ لَكُمْ أَنِّي مُمِدُّكُم بِأَلْفٍ مِّنَ الْمَلَائِكَةِ مُرْدِفِينَ ﴿٩﴾

وَمَا جَعَلَهُ اللَّهُ إِلَّا بُشْرَىٰ وَلِتَطْمَئِنَّ بِهِ قُلُوبُكُمْ ۚ وَمَا النَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِندِ اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿١٠﴾

"(Kenangilah) ketika kamu memohon pertolongan kepada Allah Tuhan kamu, lalu Dia memperkenankan permohonan kamu (sambil berfirman:) Sesungguhnya Aku akan membekalkan kamu dengan seribu (tentera) malaikat yang datang sepuak demi sepuak (9). Allah tidak jadikan bantuan itu melainkan (dengan tujuan) sebagai satu berita gembira dan supaya hati kamu menjadi tenteram dengannya. Dan tiada kemenangan melainkan dari sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(10)

Maksudnya, Allah telah memperkenankan permohonan mereka yang meminta bantuan dan memberitahu kepada mereka bahawa Dia akan menghantarkan bantuan seribu tentera malaikat yang akan datang sepuak demi sepuak. Walaupun bantuan itu amat besar ertinya yang menunjukkan betapa tinggi nilai kelompok pejuang Muslimin dan agama ini di dalam neraca pertimbangan Allah, tetapi Allah S.W.T. tidak membiarkan kaum Muslimin memahami bahawa di sana ada sebab yang melahirkan natijah, malah Allah memulangkan segala perkara kepada-Nya untuk membetulkan 'aqidah dan kefahaman seorang Muslim. Oleh itu persoalan memperkenankan do'a mereka, persoalan pengiriman bantuan tentera malaikat dan persoalan pemberitahuan bantuan kepada mereka adalah semuanya tidak lebih dari merupakan berita gembira untuk menenangkan hati mereka sahaja, sedangkan kemenangan yang telah dicapaikan mereka itu adalah datang dari Allah bukannya dari sebab-sebab yang lain. Inilah hakikat i'tiqad yang mahu dijelaskan oleh ayat ini di sini agar hati seseorang Muslim sama sekali tidak bergantung kepada sesuatu sebab.

Cukuplah bagi pejuang-pejuang Muslimin itu berjuang dengan seluruh tenaga dan kekuatan yang ada pada mereka dan mengatasi perasaan kegentaran yang pertama yang telah melanda setengah-setengah mereka ketika menghadapi bahaya yang sebenar, cukuplah bagi mereka mematuhi perintah Allah dan yakin kepada pertolongan Allah, cukuplah bagi mereka mengakhirkan tindakan mereka setakat itu sahaja kemudian menyerahkan tindakan selanjutnya kepada qudrat Allah yang akan mengendalikan dan mentadbirkan pergerakan mereka. Selain dari itu, maka ia merupakan suatu berita gembira dari Allah untuk menenangkan hati mereka dalam menghadapi bahaya yang benar-benar mengancam mereka. Cukuplah bagi para pejuang Muslimin merasa bahawa tentera Allah bersama mereka agar hati mereka tenteram dan tetap teguh di dalam medan pertempuran. Kemudian kemenangan akan datang dari Allah Yang Maha Esa sahaja, kerana tiada sesiapa yang memiliki kuasa memberi kemenangan selain dari Allah *"Yang Maha Perkasa"* (العزيز) yang berkuasa penuh di atas segala urusan-Nya dan *"Yang Maha Bijaksana"* (الحكيم) yang meletakkan segala sesuatu di tempatnya yang wajar.

إِذْ يُغَشِّيكُمُ النُّعَاسَ أَمَنَةً مِّنْهُ وَيُنَزِّلُ عَلَيْكُم مِّنَ السَّمَاءِ مَاءً لِّيُطَهِّرَكُم بِهِ وَيُذْهِبَ عَنكُمْ رِجْزَ الشَّيْطَانِ وَلِيَرْبِطَ عَلَىٰ قُلُوبِكُمْ وَيُثَبِّتَ بِهِ الْأَقْدَامَ ﴿١١﴾

"(Kenangilah) ketika Allah menyelubungi kamu dengan perasaan mengantuk sebagai rahmat dari-Nya yang mententeramkan kamu dan menurunkan ke atas kamu air hujan dari langit untuk membersihkan diri kamu dan menghapuskan dari kamu bisikan-bisikan jahat dari syaitan, juga untuk menguatkan hati kamu dan meneguhkan jejak tapak kaki kamu."(11)

Apa Ada Di Sebalik Mengantuk?

Kisah mengantuk yang melanda angkatan Muslimin sebelum pertempuran itu merupakan suatu kisah psikologi yang aneh, yang tidak berlaku melainkan dengan perintah, qudrat dan pentadbiran dari Allah. Angkatan Muslimin dilanda kebimbangan apabila mereka melihat bilangan mereka begitu kecil untuk menghadapi satu peperangan yang belum lagi mereka membuat persiapan yang cukup untuknya, tiba-tiba mereka dilanda mengantuk yang berat dan sebaik sahaja mereka sedar, mereka dapati hati mereka diselubungi ketenangan dan ketenteraman (keadaan yang sama berlaku di dalam Peperangan Uhud, mereka merasa bimbang, mereka dilanda mengantuk kemudian mereka merasa tenang dan tenteram), saya telah membaca ayat-ayat ini dan menatap cerita-cerita yang memperkatakan kisah mengantuk ini dan saya memahaminya sebagai satu peristiwa aneh yang telah berlaku dan Allah sahaja

---

[15] *Hadith ini dikeluarkan oleh al-Bukhari sahaja.*

yang mengetahui rahsia-rahsianya, kemudian Allah menceritakannya kepada kita.... Kemudian tiba-tiba saya sendiri ditimpa malapetaka dan menghayati detik-detik perasaan gelabah, resah gelisah, takut dan bimbang di sa'at-sa'at matahari membenam diri, kemudian saya dilanda mengantuk yang keras dan tertidur selama beberapa minit dan sebaik saja saya sedar saya dapati diri saya menjadi seorang insan yang baru yang berlainan dari diri saya sebelum ini, saya merasa hati saya begitu tenang dan tenteram, saya dapati diri saya berada dalam satu keyakinan yang amat mendalam. Bagaimana keadaan ini boleh berlaku? Bagaimana perubahan yang mendadak ini berlaku? Saya tidak tahu! Tetapi selepas itu saya terkenang kepada kisah mengantuk yang berlaku di dalam Peperangan Badar dan Uhud, dan pada kali ini saya dapat memahami peristiwa ini dengan seluruh diri bukannya dengan akal saya sahaja. Saya menghayati peristiwa ini sebagai peristiwa yang hidup dalam perasaan saya bukannya semata-mata wawasan dan imaginasi, dan saya melihat tangan qudrat Allah secara langsung bertindak dengan diam-diam dan membuat hati saya menjadi begitu tenteram.

Perasaan mengantuk dan rasa tenteram merupakan bantuan-bantuan dari Allah kepada angkatan Muslimin di dalam Peperangan Badar:

إِذْ يُغَشِّيكُمُ النُّعَاسَ أَمَنَةً مِّنْهُ

"(Kenangilah) ketika Allah menyelubungi kamu dengan perasaan mengantuk sebagai rahmat dari-Nya yang mententeramkan kamu."(11)

Perkataan "يغشيكم" (menyelubungi kamu), perkataan "النعاس" (perasaan mengantuk) dan perkataan "أمنة" (yang mententeramkan kamu) semuanya turut mengambil bahagian untuk mewujudkan satu suasana yang lembut dan halus membayangi pemandangan ini dan menggambarkan keadaan angkatan Mu'minin pada hari peperangan itu di samping memperlihatkan nilai detik-detik jiwa yang memisahkan di antara dua keadaan yang dialami oleh angkatan Muslimin.

Mengenai kisah air hujan yang diceritakan dalam ayat berikut:

إِذْ يُغَشِّيكُمُ النُّعَاسَ أَمَنَةً مِّنْهُ وَيُنَزِّلُ عَلَيْكُم مِّنَ السَّمَاءِ مَاءً لِّيُطَهِّرَكُم بِهِ وَيُذْهِبَ عَنكُمْ رِجْزَ الشَّيْطَانِ وَلِيَرْبِطَ عَلَىٰ قُلُوبِكُمْ وَيُثَبِّتَ بِهِ الْأَقْدَامَ ﴿١١﴾

"Dan (ketika Allah) menurunkan ke atas kamu air hujan dari langit untuk membersihkan diri kamu dan menghapuskan dari kamu bisikan-bisikan jahat dari syaitan, juga untuk menguatkan hati kamu dan meneguhkan jejak tapak kaki kamu"(11)

maka ia merupakan kisah satu bantuan yang lain dari bantuan-bantuan yang telah dikurniakan Allah kepada angkatan kaum Muslimin sebelum peperangan itu.

Ujar Ali Ibn Talhah daripada Ibn 'Abbas katanya: Nabi s.a.w. (bersama angkatan Muslimin) telah berhenti di suatu kawasan tanah pasir yang menyulitkan perjalanan, sedangkan pengkalan angkatan kaum Musyrikin terletak di antara tempat perhentian mereka dengan tempat matair dan ini menyebabkan mereka mengalami kesulitan dan kelemahan dan di sinilah syaitan mencampakkan ke dalam hati mereka bisikan-bisikan untuk menimbulkan perasaan marah dan tidak puas di kalangan mereka dan menghasut: Apakah kamu fikir kamu hamba-hamba kesayangan Allah dan Rasul-Nya pula ada bersama kamu, sedangkan kaum Musyrikin telah berjaya menguasai tempat air dan kamu terpaksa mengerjakan solat dalam keadaan berhadas? Lalu Allah menurunkan hujan yang lebat di kawasan mereka, di mana mereka memperolehi bekalan air minum dan dapat menyucikan diri mereka dan seterusnya menghapuskan bisikan-bisikan syaitan yang jahat dari mereka. Sementara tanah pasir yang menjerluskan itu telah menjadi kemas dan kuat apabila disirami air hujan dan membolehkan mereka dan binatang-binatang kenderaan dan pengangkutan mereka berjalan dengan selesa. Lalu mereka berangkat untuk berdepan dengan angkatan Musyrikin dan Allah telah membantu Nabi-Nya s.a.w. dengan seribu bala tentera malaikat, di mana satu ketumbukan lima ratus malaikat dipimpin oleh Jibril dan satu ketumbukan lima ratus malaikat lagi dipimpin oleh Mikail.

Peristiwa ini berlaku sebelum Rasulullah s.a.w. melaksanakan cadangan yang dikemukakan oleh al-Hubab Ibn al-Munzir supaya angkatan Muslimin berhenti di kawasan matair Badar dan bertindak menimbuskan telaga-telaga lama yang lain.

"Mengikut cerita yang diketahui umum, apabila angkatan Rasulullah s.a.w. tiba di Badar, beliau berhenti di tempat air yang terdekat di sana, iaitu tempat air pertama yang ditemui beliau, lalu al-Hubab Ibn al-Munzir tampil menemui Rasulullah dan berkata kepadanya: 'Wahai Rasulullah, apakah tempat yang anda berhenti ini suatu tempat yang telah diperintahkan Allah yang tidak dapat kita lampauinya atau ia merupakan satu tempat yang dipilih oleh anda sebagai muslihat dan tipudaya perang? Beliau menjawab: 'Sebenarnya tempat ini dipilih sebagai muslihat dan tipudaya perang sahaja?' Lalu al-Hubab berkata: 'Ini bukannya tempat yang baik, tetapi bawalah kami terus berjalan hingga kita sampai ke tempat air yang terdekat dengan angkatan kaum Quraysy dan menimbuskan semua telaga lama di kawasan itu dan kita dapat mengambil air dari kolam, sedangkan mereka tidak dapat berbuat begitu. Lalu Rasulullah s.a.w. berangkat meninggalkan tempat itu

dan melaksanakan segala apa yang dicadangkan oleh al-Hubab".[16]

Pada malam ini – iaitu sebelum melaksanakan cadangan al-Hubab Ibn al-Munzir berlakunya keadaan yang disebutkan Allah mengenai angkatan kaum Muslimin yang mengharungi Peperangan Badar. Bantuan seperti ini dari Allah merupakan bantuan serampang dua mata, iaitu bantuan dalam bentuk benda dan semangat, kerana bekalan air di padang pasir merupakan bahan untuk hidup selain dari merupakan alat kemenangan... Angkatan tentera yang tidak mendapat bekalan air di padang pasir akan kehilangan semangat juang sebelum menghadapi – pertempuran, di samping itu keadaan jiwa yang serba salah yang dialami mereka dalam situasi ini di mana syaitan mencampakkan bisikan-bisikan jahat di dalam hati mereka, iaitu keadaan merasa keberatan dan segan untuk mengerjakan solat tanpa bersuci kerana tidak ada air, (sedangkan di masa itu tayammum belum lagi disyari'atkan, kerana tayammum disyari'atkan di masa mutakhir, iaitu di dalam Peperangan Bani al-Mustalik pada tahun yang kelima hijrah.)

Di sinilah timbulnya berbagai-bagai perasaan dan fikiran yang tidak menentu dan syaitan menyelinap masuk ke dalam pintu iman menambahkan kecelaruan dan kebimbangan hati. Sudah tentu hati yang akan masuk ke dalam medan pertempuran dalam keadaan serba salah dan cemas yang seperti ini akan memasukinya dengan rasa goyah dan kalah dari dalam, dan di waktu inilah datangnya pertolongan dan bantuan:

وَيُنَزِّلُ عَلَيْكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً لِّيُطَهِّرَكُم بِهِۦ وَيُذْهِبَ عَنكُمْ رِجْزَ ٱلشَّيْطَٰنِ وَلِيَرْبِطَ عَلَىٰ قُلُوبِكُمْ وَيُثَبِّتَ بِهِ ٱلْأَقْدَامَ ﴿١١﴾

"Dan (ketika Allah) menurunkan ke atas kamu air hujan dari langit untuk membersihkan diri kamu dan menghapuskan dari kamu bisikan-bisikan jahat dari syaitan; juga untuk menguatkan hati kamu dan meneguhkan jejak tapak kaki kamu."(11)

Kini bantuan semangat tercapai melalui bantuan material (air), dan hati mereka menjadi tenteram dengan adanya bekalan air dan jiwa mereka menjadi tenang kerana mereka dapat membersih dan menyucikan diri mereka, seterusnya jejak-jejak langkah kaki mereka juga menjadi kukuh dan tetap dengan sebab tanah dan pasir tempat mereka berpijak itu telah menjadi kemas dan padu kerana disirami air hujan.

Di samping bantuan ini, ditokok pula dengan bantuan yang lain, di mana Allah memerintah para malaikat supaya meneguhkan hati orang-orang yang beriman dan berjanji akan mencampakkan perasaan gentar di dalam hati orang-orang kafir dan seterusnya memerintah para malaikat supaya turut sama bertempur di dalam peperangan itu:

إِذْ يُوحِى رَبُّكَ إِلَى ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ أَنِّى مَعَكُمْ فَثَبِّتُوا۟ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ۚ سَأُلْقِى فِى قُلُوبِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ٱلرُّعْبَ فَٱضْرِبُوا۟ فَوْقَ ٱلْأَعْنَاقِ وَٱضْرِبُوا۟ مِنْهُمْ كُلَّ بَنَانٍ ﴿١٢﴾

"(Kenangilah) ketika Tuhanmu mewahyukan kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku bersama kamu. Oleh itu teguhkanlah hati para Mu'minin. Aku akan campakkan perasaan takut ke dalam hati orang-orang kafir. Oleh itu penggallah leher mereka dan potonglah setiap tangan mereka dan jari-jarinya."(12)

Cara Para Malaikat Menyertai Peperangan Badar

Itulah perintah yang agung. Itulah penyertaan Allah S.W.T. bersama para malaikat di dalam peperangan itu. Itulah penyertaan para malaikat berjuang bahu membahu bersama-sama angkatan Muslimin. Inilah hakikat yang tidak seharusnya kita lupakannya kerana sibuk berbicara, bagaimana caranya para malaikat itu ikut berjuang? Berapa ramai korban yang telah dibunuh mereka? Dan bagaimana cara malaikat itu membunuh? Kerana hakikat agung dalam situasi tersebut ialah hakikat yang diterangkan Allah itu. Pergerakan kelompok Muslimin memperjuangkan agama ini di muka bumi adalah suatu pergerakan yang wajar mendapat penyertaan Allah bersama para malaikat di dalam peperangan itu dan penyertaan para malaikat berjuang bahu membahu bersama-sama kelompok pejuang kaum Muslimin.

Kita percaya dan beriman kepada kewujudan satu makhluk Allah yang bernama malaikat, tetapi kita tidak dapat memahami tabi'at mereka melainkan sekadar yang dijelaskan oleh Allah di dalam Al-Qur'an selaku Pencipta mereka. Allah telah mewahyukan kepada mereka bahawa Dia bersama mereka dan memerintah mereka supaya meneguhkan hati orang-orang yang beriman dan perintah itu telah dijunjung mereka, kerana tugas mereka ialah melaksanakan segala perintah Allah, tetapi kita tidak mengetahui bagaimana mereka melaksanakan perintah itu. Allah telah memerintah mereka supaya memancung leher orang-orang Musyrikin dan memenggal segala jari mereka dan perintah ini juga telah dilaksanakan mereka dengan cara yang tidak diketahui oleh kita. Ini adalah sebahagian dari tabi'at pemahaman kita terhadap tabi'at malaikat dan kita tidak dapat memahami tabi'at mereka melainkan sekadar yang dimaklumkan Allah kepada kita. Allah S.W.T. telah

---

[16] *Dari Ibn Kathir dalam tafsirnya.*

berjanji akan mencampakkan perasaan takut di dalam hati orang-orang kafir dan janji ini telah dikotakan kerana janji Allah tetap benar, tetapi kita juga tidak mengetahui bagaimana cara Allah bertindak melaksanakan janji-Nya. Selaku Tuhan Pencipta, maka Allah Maha Mengetahui dengan makhluk malaikat yang telah diciptakannya. Allah berkuasa menjadi penghalang di antara seseorang dengan hatinya dan Dia lebih hampir kepada seseorang dari urat lehernya sendiri.

Usaha membincangkan secara terperinci tentang cara atau kaifiat semua persoalan tadi bukanlah suatu usaha serius yang menjadi ciri 'aqidah Islamiyah dan ciri pergerakan yang realistik dalam memperjuangkan 'aqidah ini, malah perbincangan-perbincangan yang seperti ini telah menjadi bahan-bahan perbincangan puak-puak Islam (الفرق الإسلامية) dan bahan perbincangan ilmu al-Kalam di zaman-zaman mutakhir ketika orang ramai Islam tidak mempunyai minat-minat yang positif di dalam agama ini dan ketika kemewahan 'aqliyah menguasai hati dan akal mereka, sedangkan pendirian berpegang dengan pengertian agung (dari ayat-ayat tadi) yang menyarankan penyertaan Allah dan para malaikat di dalam peperangan itu dan penyertaan para malaikat yang turut berjuang bersama angkatan Muslimin adalah lebih berguna dan berfaedah daripada perbincangan ini.

Pada akhir tayangan ini atau pada akhir pemandangan yang amat menarik yang, memperlihatkan hakikat yang agung itu diiringi pula dengan satu penjelasan yang mendedahkan rahsia-rahsia di sebalik peperangan itu, iaitu mendedahkan prinsip dan undang-undang bagi segala apa yang berlaku ini:

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ شَآقُّوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ ۚ وَمَن يُشَاقِقِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَإِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿١٣﴾

"Semuanya itu disebabkan kerana mereka menentang Allah dan Rasul-Nya. Dan sesiapa yang menentang Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya Allah amat berat penyeksaan-Nya."(13)

Penentang Allah dan Rasul-Nya Akan Menerima Tindakan Sunnatullah

Ini bukannya suatu yang berlaku di luar dugaan dan bukannya suatu yang berlaku secara kebetulan apabila Allah menolong angkatan Muslimin dan membuat musuh mereka merasa gentar dan takut, juga apabila para malaikat turut berjuang bersama angkatan Muslimin. Segala apa yang berlaku kepada angkatan Musyrikin ialah kerana mereka menentang Allah dan Rasul-Nya, kerana mereka menyebelahi pihak yang bukan pihak Allah dan Rasul-Nya dan kerana mereka memilih barisan yang lain dari barisan Allah: Mereka memilih sikap melawan dan menentang dan inilah yang mendorong mereka menghalang orang lain dari jalan Allah dan menyekat mereka dari berpegang dengan sistem hidup yang diciptakan Allah.

وَمَن يُشَاقِقِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَإِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿١٣﴾

"Dan sesiapa yang menentang Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya Allah amat berat penyeksaan-Nya."(13)

Maksudnya, Allah akan mengenakan 'azab yang berat ke atas orang-orang yang menentang Allah dan Rasul-Nya dan Allah berkuasa menyeksakan mereka, sedangkan mereka terlalu lemah untuk menerima penyeksaan Allah.

Itulah prinsip dan undang-undang. Ia bukannya perkara di luar dugaan dan bukan pula perkara kebetulan. Sudah menjadi prinsip dan Sunnatullah apabila kelompok Muslimin berjuang di bumi ini untuk menegakkan Uluhiyah Allah Yang Maha Esa dan membangunkan sistem hidup ciptaan Allah Yang Maha Esa sahaja, tiba-tiba bangkit musuh mereka mengambil sikap menentang Allah dan Rasul-Nya, maka keteguhan hati dan kemenangan tetap menjadi habuan kelompok Muslimin, sementara ketakutan dan kekalahan pula menjadi habuan orang-orang yang menentang Allah dan Rasul-Nya selama kelompok Muslimin berdiri teguh di atas jalan Allah dan yakin kepada Allah serta bertawakkal kepada-Nya ketika mereka menempuh jalan perjuangan.

Di akhir pemandangan ini Allah tujukan firman-Nya kepada orang-orang yang menentang Allah dan Rasul-Nya bahawa ketakutan dan kekalahan yang menimpa, mereka di dunia ini bukanlah titik akhir perjalanan mereka, kerana urusan agama ini dan pergerakan memperjuangkan agama ini dan sikap berdiri teguh di jalan Allah bukanlah urusan bumi ini sahaja dan bukan pula urusan kehidupan dunia ini sahaja, malah ia terus memanjang ke alam di sebalik bumi ini dan bersambung dengan kehidupan di sebalik kehidupan dunia ini. Dimensinya memanjang dan melewati jarak-jarak zaman yang dekat:

ذَٰلِكُمْ فَذُوقُوهُ وَأَنَّ لِلْكَـٰفِرِينَ عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿١٤﴾

"Rasakanlah semua keseksaan ini (di dunia) dan (pada hari Akhirat) pula orang-orang kafir akan mendapat 'azab Neraka."(14)

Inilah titik akhir perjalanan. Inilah keseksaan dan 'azab yang tidak dapat dibanding dengan 'azab ketakutan dan kekalahan yang telah dialami kamu, juga tidak dapat dibanding dengan keseksaan dipancung leher dan dipotong jari.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 18)

Kini Al-Qur'an telah menayang semula pemandangan-pemandangan peperangan dan

suasana-suasana sekitarnya di samping memperlihatkan tangan kekuasaan Allah yang mengendalikan peperangan itu, juga memperlihatkan pertolongan dan bantuan-Nya dan dari pemandangan-pemandangan itu mereka mengetahui bahawa mereka tidak lebih dari tabir perencanaan-perencanaan Allah dan kuatkuasa-Nya. Allah yang telah mengeluarkan angkatan rasul-Nya dari kota Madinah bukanlah mengeluarkan mereka dengan tujuan untuk menunjukkan keangkuhan dan bukan pula untuk maksud menceroboh dan bertindak sewenang-wenangnya, malah Allah telah memilih untuk mereka supaya mengalahkan salah satu dari dua angkatan Quraysy kerana suatu hikmat yang dikehendaki oleh-Nya, iaitu menghapuskan orang-orang kafir, menegakkan kebenaran dan menumbangkan kebathilan walaupun tidak disukai oleh orang-orang kafir yang berdosa itu. Allah telah membantu mereka dengan angkatan seribu malaikat yang datang sepuak demi sepuak. Allah telah menjadikan mereka dilanda mengantuk yang membuat hati mereka tenang dan tenteram dan menurunkan ke atas mereka hujan yang lebat dari langit yang membolehkan mereka membersihkan diri dan menghapuskan bisikan-bisikan syaitan yang jahat, juga untuk meneguhkan hati mereka dan menguatkan jejak langkah kaki mereka. Allah telah mewahyukan kepada para malaikat supaya menggerakkan semangat perjuangan angkatan orang-orang yang beriman dan mencampakkan perasaan gentar dan takut ke dalam hati orang-orang kafir. Allah telah memerintah para malaikat agar turut berjuang di dalam peperangan itu dan menyuruh mereka memenggal leher dan memotong jari orang-orang yang kafir itu. Allah telah mengurniakan kepada mereka harta rampasan perang dan rezeki yang limpah selepas mereka keluar dari Madinah tanpa harta benda dan kelengkapan senjata.

Kini Al-Qur'an menayangkan semua pandangan ini dan mengembalikan semula segala peristiwa yang telah berlaku itu ke dalam hati mereka dan menjadikannya terpampang jelas di hadapan mata mereka. Tayangan itu menggambarkan kemenangan muktamad angkatan Muslimin, iaitu satu kemenangan yang tidak bergantung kepada pentadbiran manusia dan bukan pula bergantung kepada bilangan tentera dan kelengkapan senjata, malah satu kemenangan yang berlandaskan semangat bertawakkal kepada Allah Yang Maha Esa, semangat mencari perlindungan pada Allah dan memohon bantuan dari-Nya dan kemenangan yang berlandaskan pentadbiran dan perencanaan Allah.

Kini ketika pemandangan ini terpampang di dalam hati dan di hadapan mata..... kini di sa'at yang paling sesuai untuk hati menyambut arahan Ilahi, tibalah perintah Allah yang ditujukan kepada orang-orang yang beriman agar mereka berjuang dengan hati yang tabah apabila mereka bertempur dengan orang-orang kafir, dan supaya mereka tidak mundur ke belakang kerana kalah dan melarikan diri selama kemenangan dan kekalahan itu bergantung kepada iradat Allah yang mengatasi iradat manusia dan bergantung kepada sebab-sebab yang lain dari sebab-sebab yang zahir yang dapat dilihat oleh manusia, dan selama Allah sendiri mengendalikan peperangan itu di samping mengendahkan segala urusan yang lain. Allahlah yang telah membunuh orang-orang kafir melalui tangan perajurit angkatan Mu'minin dan Dialah yang memanah ketika mereka memanah. Oleh itu perajurit-perajurit angkatan Mu'minin itu tidak lebih dari merupakan tabir qudrat Allah yang mahu mengurniakan pahala jihad dan pahala kejayaan menghadapi ujian kepada mereka. Allah telah mencampakkan perasaan takut dan gentar dalam hati orang-orang kafir dan Dialah yang melemahkan pentadbiran mereka dan mengenakan 'azab ke atas mereka di dunia dan di Akhirat kerana mereka menentang Allah dan Rasul-Nya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا لَقِيتُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ زَحۡفٗا فَلَا تُوَلُّوهُمُ ٱلۡأَدۡبَارَ ١٥
وَمَن يُوَلِّهِمۡ يَوۡمَئِذٖ دُبُرَهُۥٓ إِلَّا مُتَحَرِّفٗا لِّقِتَالٍ أَوۡ مُتَحَيِّزًا إِلَىٰ فِئَةٖ فَقَدۡ بَآءَ بِغَضَبٖ مِّنَ ٱللَّهِ وَمَأۡوَىٰهُ جَهَنَّمُۖ وَبِئۡسَ ٱلۡمَصِيرُ ١٦
فَلَمۡ تَقۡتُلُوهُمۡ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ قَتَلَهُمۡۚ وَمَا رَمَيۡتَ إِذۡ رَمَيۡتَ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ رَمَىٰ وَلِيُبۡلِيَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ مِنۡهُ بَلَآءً حَسَنًاۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٞ ١٧
ذَٰلِكُمۡ وَأَنَّ ٱللَّهَ مُوهِنُ كَيۡدِ ٱلۡكَٰفِرِينَ ١٨

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertemu dengan orang-orang kafir yang sedang mara untuk menyerang kamu, maka janganlah kamu mundur membelakangi mereka (15). Siapa yang mundur membelakangi mereka pada hari itu – kecuali ia melencong untuk mencari tempat yang lebih sesuai untuk berperang atau untuk menggabungkan diri dengan pasukan yang lain – nescaya ia kembali membawa kemurkaan Allah dan tempat kediamannya (pada hari Akhirat kelak) ialah Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali (16). Sebenarnya bukan kamu yang membunuh mereka, tetapi Allahlah yang telah membunuh mereka dan sebenarnya bukan engkau yang melontar ketika engkau melontar, tetapi Allahlah yang melontar (dengan tujuan) untuk menguji para Mu'minin supaya mereka mencapai kejayaan yang baik. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (17). Itulah limpah kurnia Allah kepada kamu dan sesungguhnya Allah itulah yang melemahkan tipudaya orang-orang yang kafir."(18)

Ayat-ayat ini secara jelas memberi amaran yang keras, mengumumkan hukuman yang berat dan mengancam dengan kemurkaan Allah dan tempat kediaman di dalam Neraka:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا لَقِيتُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ زَحْفًا فَلَا تُوَلُّوهُمُ ٱلْأَدْبَارَ ﴿١٥﴾ وَمَن يُوَلِّهِمْ يَوْمَئِذٍ دُبُرَهُۥٓ إِلَّا مُتَحَرِّفًا لِّقِتَالٍ أَوْ مُتَحَيِّزًا إِلَىٰ فِئَةٍ فَقَدْ بَآءَ بِغَضَبٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَمَأْوَىٰهُ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٦﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertemu dengan orang-orang kafir yang sedang mara untuk menyerang kamu, maka janganlah kamu mundur membelakangi mereka (15). Siapa yang mundur membelakangi mereka pada hari itu – kecuali ia melencong untuk mencari tempat yang lebih sesuai untuk berperang atau untuk menggabungkan diri dengan pasukan yang lain – nescaya ia kembali membawa kemurkaan Allah dan tempat kediamannya (pada hari Akhirat kelak) ialah Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."(16)

Maksudnya, wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu berdepan dengan orang-orang kafir yang mara dengan barisan yang rapat dan dekat untuk menyerang kamu, maka janganlah kamu lari dari mereka kecuali kerana muslihat tipudaya peperangan seperti memilih tempat pertempuran yang lebih baik atau mengaturkan langkah peperangan yang lebih rapi atau dengan tujuan untuk bergabung dengan pasukan Muslimin yang lain atau pulang ke pusat-pusat tentera Muslimin untuk mengatur serangan semula. Siapa yang mengundurkan diri dan memberi belakang kepada musuhnya pada hari pertempuran, maka ia akan menerima balasan iaitu kemurkaan dari Allah dan tempat kediamannya ialah di dalam Neraka Jahannam.

Lari Dari Medan Pertempuran Merupakan Dosa Besar Yang Dibalas Dengan Neraka

Di sana terdapat setengah-setengah pendapat yang menganggap bahawa hukum ini adalah khusus kepada pejuang-pejuang Peperangan Badar sahaja, atau khusus kepada peperangan yang dihadiri oleh Rasulullah s.a.w. sahaja, tetapi menurut pendapat Jumhur Ulama' ayat ini adalah umum. Perbuatan mengundur atau melarikan diri pada hari pertempuran dengan musuh itu merupakan salah satu dari tujuh dosa besar yang membinasakan seseorang sebagaimana dijelaskan oleh hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurayrah r.a katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

اجتنبوا السبع الموبقات، قيل: يا رسول الله وما هن؟ قال: الشرك بالله، والسحر، وقتل النفس التي حرم الله إلا بالحق، وأكل الربا، وأكل مال اليتيم، والتولي يوم الزحف، وقذف المحصنات الغافلات المؤمنات...

"Jauhilah tujuh perbuatan yang membinasakan seseorang". Lalu beliau ditanya: "Wahai Rasulullah, apakah perbuatan-perbuatan itu?" Jawab beliau: "Perbuatan mempersekutukan Allah, perbuatan mengamal ilmu sihir, perbuatan membunuh jiwa yang diharamkan Allah kecuali dengan sebab yang benar, perbuatan makan riba, perbuatan makan harta anak yatim, perbuatan melarikan diri pada hari pertempuran dengan musuh, perbuatan melemparkan tuduhan zina terhadap perempuan-perempuan yang baik, yang kosong hati mereka dari fikiran-fikiran yang jahat dan mereka beriman."

Dalam kitab "أحكام القرآن"(Ahkamul-Qur'an), al-Jassas telah mengemukakan satu huraian yang agak penting diketahui. Katanya:

Firman Allah Ta'ala:

وَمَن يُوَلِّهِمْ يَوْمَئِذٍ دُبُرَهُۥٓ إِلَّا مُتَحَرِّفًا لِّقِتَالٍ أَوْ مُتَحَيِّزًا إِلَىٰ فِئَةٍ فَقَدْ بَآءَ بِغَضَبٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَمَأْوَىٰهُ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٦﴾

"Siapa yang mundur membelakangi mereka pada hari itu – kecuali ia melencong untuk mencari tempat yang lebih sesuai untuk berperang atau untuk menggabungkan diri dengan pasukan yang lain – nescaya ia kembali membawa kemurkaan Allah dan tempat kediamannya (pada hari Akhirat kelak) ialah Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."(16)

Hukum Melarikan Diri Dari Medan Pertempuran

Mengikut riwayat Abu Nadhrah dari Abu Said, ayat ini diturunkan pada hari Peperangan Badar. Ujar Abu Nadhrah: Kerana jika kaum Muslimin melarikan diri pada hati itu sudah tentu mereka melarikan diri kepada kaum Musyrikin kerana pada hari itu tidak ada seorang Muslim pun selain dari mereka. Apa yang dikatakan oleh Abu Nadhrah itu adalah tidak betul, kerana di Madinah masih terdapat kaum Ansar yang ramai dan Rasulullah s.a.w. tidak menyuruh mereka keluar bersama beliau dan mereka juga tidak fikir bahawa Rasulullah s.a.w. keluar untuk berperang, malah yang difikirkan mereka ialah beliau keluar untuk menghalang angkatan qafilah perdagangan Quraysy sahaja. Lalu Rasulullah s.a.w. keluar bersama kumpulan yang mengikutinya sahaja. Oleh sebab itu perkataan Abu Nadhrah yang mengatakan bahawa di sana tidak seorang Muslim pun selain dari mereka dan jika mereka melarikan diri sudah tentu mereka melarikan diri kepada kaum Musyrikin, adalah salah berlandaskan apa yang telah kami jelaskan tadi. Ada pendapat yang mengatakan bahawa kaum Muslimin tidak harus melarikan diri pada hari itu kerana mereka berada bersama Rasulullah s.a.w. dan sudah tentu mereka tidak harus memisahkan diri dari beliau. Firman Allah Ta'ala:

مَا كَانَ لِأَهْلِ ٱلْمَدِينَةِ وَمَنْ حَوْلَهُم مِّنَ ٱلْأَعْرَابِ

أَن يَتَخَلَّفُوا عَن رَّسُولِ اللَّهِ وَلَا يَرْغَبُوا بِأَنفُسِهِمْ عَن نَّفْسِهِ ۚ

"Tidak sepatutnya bagi penduduk-penduduk Madinah dan orang-orang Badwi yang tinggal di sekitar mereka tidak ikut keluar bersama Rasulullah (untuk berperang) dan tidak sepatutnya mereka lebih menyintai diri mereka dari menyintai diri Rasulullah."

(Surah at-Taubah: 120)

Oleh itu tidak seharusnya mereka mengecewakan Rasulullah s.a.w. dengan meninggalkan beliau atau menyerahkan beliau kepada musuh walaupun Allah telah menjamin untuk menolong beliau dan memelihara keselamatannya dari manusia sebagaimana firman Allah:

وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ ۗ

"Dan Allah memelihara keselamatanmu dari manusia."

(Surah al-Ma'idah: 67)

Itulah kewajipan yang wajib dilaksanakan mereka sama ada bilangan musuh mereka sedikit atau banyak, juga kerana Nabi s.a.w. merupakan sekumpulan Muslimin pada hari itu. Sesiapa yang tidak ikut berperang, maka ia boleh berbuat begitu dengan syarat ia berada dalam satu kumpulan Muslimin yang lain dan Nabi s.a.w. merupakan sekumpulan Muslimin pada hari itu dan tidak ada kumpulan yang lain darinya. Ujar Ibn 'Umar: Saya berada dalam satu pasukan tentera kemudian sekumpulan dari kami mengubah haluan dan pulang ke Madinah lalu kami berkata: "Nampaknya kita ini kumpulan melarikan diri". Jawab Nabi s.a.w.: "Tidak, aku ini sekumpulan dari kamu". Oleh sebab itu sesiapa yang berjauhan dari Nabi s.a.w. apabila ia hendak melarikan diri dari orang-orang kafir, maka bolehlah ia melarikan diri kepada kumpulan Nabi s.a.w. dan jika ia berada bersama kumpulan Muslimin di dalam sesuatu peperangan dan tidak ada kumpulan Muslimin yang lain untuk ia melarikan diri kepadanya, maka ia tidak harus melarikan dirinya. Ujar al-Hassan ketika mentafsirkan firman Allah:

وَمَن يُوَلِّهِمْ يَوْمَئِذٍ دُبُرَهُ

"Sesiapa yang mundur membelakangi mereka pada hari itu."(16)

Katanya: Ayat ini mengatakan disiplin yang keras ke atas para pejuang Peperangan Badar. Firman Allah Ta'ala:

إِنَّ الَّذِينَ تَوَلَّوْا مِنكُمْ يَوْمَ الْتَقَى الْجَمْعَانِ إِنَّمَا اسْتَزَلَّهُمُ الشَّيْطَانُ بِبَعْضِ مَا كَسَبُوا ۖ

"Sesungguhnya orang-orang dari kalangan kamu yang berpaling lari pada hari bertembungnya dua angkatan (angkatan Muslimin dan angkatan Musyrikin), maka sebenarnya mereka telah digelincirkan syaitan dengan sebab setengah-setengah dosa yang telah dilakukan mereka."

(Surah Aali Imran: 155)

Ini disebabkan kerana mereka melarikan diri dari Nabi s.a.w. Begitu juga mereka telah melarikan diri dari Nabi s.a.w. pada hati tercetusnya Peperangan Hunayn. Oleh sebab itu Allah telah menimpakan balasan terhadap perbuatan mereka yang salah itu sebagaimana dijelaskan di dalam firman-Nya:

وَيَوْمَ حُنَيْنٍ ۙ إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ فَلَمْ تُغْنِ عَنكُمْ شَيْئًا وَضَاقَتْ عَلَيْكُمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ ثُمَّ وَلَّيْتُم مُّدْبِرِينَ ﴿٢٥﴾

"Dan pada hari Peperangan Hunayn ketika kamu merasa angkuh dengan bilangan kamu yang ramai, sedangkan jumlah yang ramai itu tidak akan memberi faedah sedikit pun kepada kamu dan bumi yang luas dirasakan, kamu sempit kemudian kamu lari bertempiaran ke belakang."

(Surah at-Taubah: 25)

Inilah hukum jika mereka berada bersama Nabi s.a.w. sama ada bilangan musuh itu sedikit atau banyak. Dalam satu ayat yang lain Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ حَرِّضِ الْمُؤْمِنِينَ عَلَى الْقِتَالِ ۚ إِن يَكُن مِّنكُمْ عِشْرُونَ صَابِرُونَ يَغْلِبُوا مِائَتَيْنِ ۚ وَإِن يَكُن مِّنكُم مِّائَةٌ يَغْلِبُوا أَلْفًا مِّنَ الَّذِينَ كَفَرُوا

"Wahai nabi! Kobarkanlah semangat para Mu'minin supaya bangkit berperang. Jika ada dari kalangan kamu dua puluh orang pejuang yang sabar, maka mereka harus mengalahkan dua ratus orang musuh dan jika ada seratus orang yang sabar, mereka harus mengalahkan seribu orang kafir."(65)

Hukum ini – Wallahu a'lam – berlaku dalam situasi perang, di mana Rasulullah s.a.w. tidak ada bersama mereka. Oleh itu dua puluh orang pejuang wajib berperang melawan dua ratus orang musuh dan tidak boleh melarikan diri darinya dan apabila bilangan musuh lebih banyak dari itu, maka Allah membenarkan mereka mengundurkan diri bergabung dengan kumpulan pejuang Muslimin yang lain bagi mendapat bantuan untuk melakukan serangan semula, kemudian hukum ini dimansuhkan dengan firman Allah:

الْآنَ خَفَّفَ اللَّهُ عَنكُمْ وَعَلِمَ أَنَّ فِيكُمْ ضَعْفًا ۚ فَإِن يَكُن مِّنكُم مِّائَةٌ صَابِرَةٌ يَغْلِبُوا مِائَتَيْنِ ۚ

وَإِن يَكُن مِّنكُمْ أَلْفٌ يَغْلِبُوٓا۟ أَلْفَيْنِ بِإِذْنِ ٱللَّهِ

"Sekarang Allah telah memberi keringanan kepada kamu dan mengetahui kelemahan yang ada pada kamu. Oleh itu jika ada seratus orang pejuang yang sabar dari kalangan kamu, mereka harus mengalahkan dua ratus orang musuh dan jika ada dari kalangan kamu seribu orang pejuang, mereka harus mengalahkan dua ribu orang musuh dengan keizinan Allah."(66)

Menurut riwayat Ibn 'Abbas katanya: "Telah diwajibkan ke atas kamu bahawa seorang pejuang Islam tidak boleh melarikan diri dari berperang melawan sepuluh orang musuh. Kemudian bilangan musuh itu diperkecilkan (sebagaimana diterangkan di dalam ayat (66) yang mewajibkan bahawa seratus orang pejuang Islam tidak boleh melarikan diri dari berperang melawan dua ratus orang musuh". Ujar Ibn 'Abbas: "Jika seorang pejuang Islam melarikan diri dari berperang melawan dua orang musuh, maka bererti ia telah melarikan diri, tetapi jika ia melarikan diri dari melawan tiga orang musuh, maka ia bererti ia tidak melarikan diri". Ujar as-Syeikh (al-Jassas): Ibn 'Abbas maksudkan dengan perkataan *"telah melarikan diri"* ialah melarikan diri dari peperangan yang disebut oleh ayat itu, kerana maksud ayat itu ialah mewajibkan seorang pejuang Islam berperang melawan dua orang musuh dari orang-orang kafir, dan jika bilangan orang-orang kafir itu melebihi dua orang, maka seorang pejuang Islam dibolehkan melarikan diri kepada kumpulan Muslimin yang dapat membantunya, tetapi jika ia melarikan diri untuk mendapatkan kumpulan Muslimin yang tidak dapat membantunya, maka ia termasuk dalam kumpulan mereka yang melarikan diri yang diancam di dalam ayat:

وَمَن يُوَلِّهِمْ يَوْمَئِذٍ دُبُرَهُۥٓ إِلَّا مُتَحَرِّفًا لِّقِتَالٍ أَوْ مُتَحَيِّزًا إِلَىٰ فِئَةٍ فَقَدْ بَآءَ بِغَضَبٍ مِّنَ ٱللَّهِ

"Sesiapa yang mundur membelakangi mereka pada hari itu – kecuali ia melencong untuk mendapat tempat yang lebih sesuai untuk berperang atau untuk menggabungkan diri dengan pasukan yang nescaya ia kembali membawa kemurkaan Allah."(16)

Oleh sebab itulah Rasulullah s.a.w. bersabda:

أنا فئة كل مسلم

"Aku merupakan satu kumpulan bagi setiap Muslim."

Ujar 'Umar Ibn al-Khattab apabila ia mendapat berita bahawa Abu 'Ubayd ibn Mas'ud telah berperang mati-matian (melawan musuh yang ramai) pada hari pertempuran itu sehingga ia terbunuh tanpa mengalah: "Allah rahmatkan Abu 'Ubayd jika ia berundur mendapatkan aku tentulah aku merupakan satu kumpulan Muslimin kepadanya" (maksudnya, Abu 'Ubayd memang dibolehkan melarikan diri untuk mendapatkan bantuan dari beliau kerana beliau merupakan satu kumpulan Muslimin kepadanya. Penterjemah). Oleh sebab itu apabila kawan-kawan Abu 'Ubayd melarikan diri kepada 'Umar Ibn al-Khattab untuk mendapatkan bantuannya beliau berkata: "Aku merupakan sekumpulan Muslimin bagi kamu", dan beliau sama sekali tidak mencelakan perbuatan mereka. Hukum ini thabit di sisi kami (aliran Hanafi) selama bilangan tentera Muslimin tidak sampai dua belas ribu orang, iaitu pejuang-pejuang Islam tidak harus menyerah kalah dalam pertempuran melawan askar musuh yang berjumlah sekali ganda lebih ramai dari mereka kecuali mereka berundur dengan tujuan mencari tempat yang lebih strategik untuk berjuang atau berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain sebagai taktik tipu daya untuk melawan musuh atau melakukan gerakan-gerakan yang lain, yang bukan bertujuan untuk melarikan diri dari peperangan atau melencong untuk bergabung dengan kumpulan Muslimin yang lain supaya dapat berjuang bersama-sama mereka, tetapi apabila bilangan pejuang Muslimin sampai dua belas ribu orang, maka Muhammad Ibn al-Hassan telah menyebut begini: "Apabila bilangan pejuang Muslimin sampai sebanyak itu, maka mereka tidak harus melarikan diri dari musuh walaupun sebanyak mana bilangan mereka, dan beliau tidak menyebut sebarang khilaf di antara sahabat-sahabat kami (aliran Hanafi) dalam masalah ini. Beliau melandaskan pendapat ini di atas hadith yang diriwayatkan oleh az-Zuhri dari 'Ubaydullah Ibn Abdullah bahawa Ibn 'Abbas telah berkata: Sabda Rasulullah s.a.w.:

خير الأصحاب أربعة. وخير السرايا أربع مائة. وخير الجيوش أربعة آلاف. ولن يؤتى اثنا عشر ألفا من قلة ولن يغلبوا

"Sebaik-baik bilangan teman itu ialah empat orang, sebaik-baik bilangan pasukan penyerang ialah empat ratus orang dan sebaik-baik bilangan satu angkatan tentera ialah empat ribu orang dan jumlah dua belas ribu orang itu tidak akan dikira kecil dan tidak akan dapat dikalahi."

Dalam setengah-setengah riwayat berbunyi:

ما غلب قوم يبلغون اثني عشر ألفا إذا اجتمعت كلمتهم

"Tidak akan dapat dikalahkan satu angkatan tentera yang sampai bilangan mereka dua belas ribu orang apabila seluruh mereka bersatu kata."

At-Tahawi menyebut bahawa al-Imam Malik telah ditanya orang begini: "Bolehkah kami tidak ikut berperang melawan orang-orang yang menentang hukum-hukum Allah dan memakai hukum-hukum yang lain dari hukum Allah?". Jawab Malik: "Jika anda mempunyai dua belas ribu orang seperti anda, maka anda tidak boleh mengelakkan diri dari berperang dan jika bilangan tidak sebanyak itu, maka anda boleh mengelakkan diri." Orang yang membuat pertanyaan ini ialah Abdullah Ibn 'Umar Ibn Abdul 'Aziz Ibn Abdullah Ibn 'Umar. Pendapat ini selaras dengan pendapat yang disebut oleh Muhammad Ibn al-Hasan. Hadith yang diriwayatkan dari Nabi s.a.w. mengenai bilangan dua belas ribu orang ini adalah

hadith yang menjadi teras di dalam bab ini. Jika bilangan pejuang kaum Musyrikin lebih ramai sekalipun, maka pejuang-pejuang Muslimin tidak harus melarikan diri dari berperang dengan mereka walaupun bilangan kaum Musyrikin itu berlipat kali ganda lebih ramai dari bilangan pejuang Muslimin. Ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w.:

إذا اجتمعت كلمتهم

"Apabila mereka bersatu kata."

Di sini Allah mewajibkan *"mereka bersatu kata"*. ... petikan berakhir.

Begitu juga Ibn al-Arabi dalam kitab " أحكام القرآن"(Ahkamul-Qur'an) telah mengemukakan satu ulasan mengenai khilaf di sekitar maksud hukum ini, katanya:

"Para ulama' berselisih pendapat, apakah hukum melarikan diri dari peperangan itu dikhususkan kepada Peperangan Badar sahaja atau umum kepada semua peperangan hingga sampai kepada hari Qiamat.

"Menurut riwayat dari Abu Sa'id al-Khudri, hukum itu khusus kepada Peperangan Badar sahaja, kerana di dalam peperangan itu mereka tidak mempunyai kumpulan Muslimin yang lain kecuali Rasulullah sahaja. Pendapat ini juga dipegang oleh Nafi', al-Hasan, Qatadah, Yazid Ibn Habib dan ad-Dhahhak.

"Diriwayatkan dari Ibn 'Abbas dan seluruh ulama' bahawa ayat ini kekal sehingga hari Qiamat, orang yang mengemukakan pendapat ganjil yang mengkhususkan hukum itu kepada Peperangan Badar sahaja adalah berlandaskan firman Allah:

وَمَن يُوَلِّهِمْ يَوْمَئِذٍ دُبُرَهُۥٓ

"Siapa yang mundur membelakangi mereka pada hari itu"(16)

kerana ada golongan berfikir bahawa isyarat dalam ungkapan *"pada hari itu"* ialah isyarat kepada hari Peperangan Badar, sedangkan yang sebenarnya tidak begitu, malah isyarat itu ialah isyarat kepada hari peperangan (يوم الزحف).

"Dalilnya ialah kerana ayat ini diturunkan selepas pertempuran dan selepas selesainya peperangan itu dan selepas berlalunya hari itu dengan segala peristiwanya. Di samping itu Nabi s.a.w. telah menjelaskan dalam sebuah hadith yang sahih – sebagaimana telah disebutkan sebelum ini – bahawa dosa-dosa besar itu begini, begini dan di antaranya beliau menyebut "perbuatan melarikan diri pada hari peperangan", inilah nas dalam masalah ini yang mengangkatkan khilaf dan menjelaskan hukum itu. Kami telah menyebut punca yang menimbulkan kemusykilan kepada mereka yang mengkhususkan hukum itu kepada Peperangan Badar sahaja."

Kami memilih pendapat yang disebut Oleh Ibn al-'Arabi dari pendapat "Ibn 'Abbas dan seluruh ulama'", kerana perbuatan melarikan diri dari medan peperangan pada umumnya amat wajar menerima ancaman hukuman yang berat memandang kepada kesan-kesan pergerakannya yang besar dari satu aspek, dan memandang kepada hubungkaitnya dengan prinsip i'tiqad dalam satu aspek yang lain.

Hati seseorang Mu'min itu harus tetap teguh dan kukuh tidak dapat digoncang oleh sebarang kekuatan di bumi kerana ia berhubung dengan kekuatan Allah yang menguasai segala urusan-Nya dan menguasai seluruh hamba-Nya. Dan jika hati ini dibenarkan bergoncang ketika menghadapi ancaman bahaya, maka kegoncangan itu tidak seharusnya sampai ke tahap kalah dan melarikan diri dari medan pertempuran kerana ajal di tangan Allah. Oleh sebab itu pejuang Mu'min tidak seharusnya melarikan diri kerana takut nyawanya terancam, dan ini bukannya merupakan taklif di luar kemampuan seseorang. Pejuang Mu'min adalah seorang insan yang menghadapi musuhnya yang berbangsa insan juga, dan dari aspek ini kedua-duanya berpijak di bumi yang sama, tetapi yang berbeza ialah pejuang Mu'min mempunyai hubungan dengan kekuatan Ilahi Yang Maha Besar, yang tiada siapa yang dapat mengatasinya, di samping itu ia tetap menjuruskan dirinya kepada Allah jika ia hidup dan pulang kepada Allah jika ia ditulis gugur syahid di medan pertempuran. Oleh sebab itu di dalam segala keadaan, seseorang pejuang Mu'min lebih kuat dari musuhnya yang menentang Allah dan Rasul-Nya, dan kerana itulah ia dikenakan hukuman yang tegas:

وَمَن يُوَلِّهِمْ يَوْمَئِذٍ دُبُرَهُۥٓ إِلَّا مُتَحَرِّفًا لِّقِتَالٍ أَوْ مُتَحَيِّزًا إِلَىٰ فِئَةٍ فَقَدْ بَآءَ بِغَضَبٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَمَأْوَىٰهُ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٦﴾

"Siapa yang mundur membelakangi mereka pada hari itu – kecuali ia melencong untuk mencari tempat yang lebih sesuai untuk berperang atau untuk menggabungkan diri dengan pasukan yang lain – nescaya ia kembali membawa kemurkaan Allah dan tempat kediamannya (pada hari Akhirat) ialah Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."(16)

Di sini kita harus berhenti merenungi ungkapan ayat-ayat ini yang mengandungi saranan-saranan yang menarik, iaitu:

فَلَا تُوَلُّوهُمُ ٱلْأَدْبَارَ ﴿١٥﴾

"Maka janganlah kamu mundur membelakangi mereka."(15)

وَمَن يُوَلِّهِمْ يَوْمَئِذٍ دُبُرَهُۥٓ

"Dan sesiapa yang mundur membelakangi mereka pada hari itu"(16)

ungkapan-ungkapan ini menggambarkan kekalahan dalam bentuknya yang lahir di samping dikeji, dicela dan disindir memberi belakang kepada musuh. Kemudian ungkapan:

فَقَدْ بَآءَ بِغَضَبٍ مِّنَ ٱللَّهِ

"Nescaya ia kembali membawa kemurkaan Allah."(16)

Maksudnya, orang yang kalah melarikan diri membawa bersamanya kemurkaan dari Allah menuju ke tempat kediaman iaitu:

وَمَأْوَىٰهُ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٦﴾

"Dan tempat kediamannya (pada hari Akhirat) ialah Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."(16)

Demikianlah bayangan-bayangan dari ungkapan-ungkapan itu bekerjasama dengan pengertiannya untuk menggambarkan suasana umum dan menimbulkan dalam hati perasaan keji dan buruk terhadap perbuatan melarikan diri dari medan pertempuran.

Setelah selesai memberi amaran dan peringatan terhadap perbuatan melarikan dari medan perjuangan, maka ayat-ayat yang berikut meneruskan penjelasannya untuk memperlihatkan kepada mereka bagaimana tangan kekuasaan Allah mengendalikan peperangan itu dari belakang mereka iaitu membunuh, memanah dan menyerang musuh mereka dan mereka mendapat pahala kejayaan, kerana Allah hendak mengurniakan mereka kejayaan yang baik sebagai ganjaran kepada mereka:

فَلَمْ تَقْتُلُوهُمْ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ قَتَلَهُمْ ۚ وَمَا رَمَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ رَمَىٰ ۚ وَلِيُبْلِىَ ٱلْمُؤْمِنِينَ مِنْهُ بَلَآءً حَسَنًا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٧﴾

"Sebenarnya bukan kamu yang membunuh mereka, tetapi Allahlah yang telah membunuh mereka dan sebenarnya bukan engkau yang melontar, ketika engkau melontar tetapi Allahlah yang melontar (dengan tujuan) untuk menguji para Mu'minin supaya mereka mencapai kejayaan yang baik. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(17)

Perencanaan Di Sebalik Gerak Pertempuran Peperangan Badar

Riwayat-riwayat yang masyhur mentafsirkan *"melontar"*(رمي) dalam ayat ini ialah lontaran anak-anak batu yang dihamburkan oleh Rasulullah s.a.w. ke muka orang-orang kafir sambil bersabda: "Buruklah muka kamu, buruklah muka kamu"(شاهت الوجوه. شاهت الوجوه) dan anak-anak batu itu telah mengenakan sasarannya pada muka orang-orang Musyrikin dari mereka yang telah ditetapkan mati terbunuh di dalam ilmu Allah.

Tetapi pengertian ayat ini lebih umum dari lontaran itu lagi. Ia menggambarkan bagaimana Allah mentadbirkan segala urusan di sebalik pergerakan-pergerakan yang zahir yang dilakukan oleh Nabi s.a.w. dan kelompok Muslimin yang ada bersamanya. Oleh sebab itulah ungkapan itu diiringi dengan firman Allah Ta'ala:

وَلِيُبْلِىَ ٱلْمُؤْمِنِينَ مِنْهُ بَلَآءً حَسَنًا

"Untuk menguji para Mu'minin supaya mereka mencapai kejayaan yang baik."(17)

Maksudnya, Allah hendak menguji mereka untuk mengurniakan kepada mereka kejayaan yang baik, yang memungkinkan mereka mendapat pahala setelah dipastikan Allah bahawa mereka akan mendapat kemenangan di dalam peperangan dengan kejayaan itu. Itulah limpah kurnia Allah yang berganda-ganda dari awal hingga akhir.

إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٧﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui." (17)

Maksudnya, Allah mendengar permohonan kamu yang meminta bantuan dan Dia mengetahui keadaan kamu dan seterusnya menjadikan kamu sebagai tabir qudrat-Nya setelah Dia mengetahui keikhlasan kamu terhadap-Nya serta mengurniakan kemenangan dan pahala kepada kamu sebagaimana kurnia-kurnia itu diberikan kepada kamu di dalam Peperangan Badar:

ذَٰلِكُمْ وَأَنَّ ٱللَّهَ مُوهِنُ كَيْدِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٨﴾

"Itulah limpah kurnia Allah kepada kamu dan sesungguhnya Allah itulah yang melemahkan tipudaya orang-orang yang kafir."(18)

Inilah satu lagi pengurniaan selepas pengurniaan yang pertama. Tadbir Ilahi tidak berakhir sekadar membunuh musuh-musuh kamu dengan tangan kamu dan mengenakan mereka dengan lontaran rasul kamu serta mengurniakan kejayaan yang baik untuk memberi pahala kepada kamu, malah ditokokkan pula dengan pengurniaan dalam bentuk melemahkan tipudaya orang-orang kafir di samping melemahkan pentadbiran dan perencanaan mereka. Oleh itu tidak ada sebab untuk merasa takut dan menyerah kalah dan tidak ada sebab bagi para pejuang Mu'minin untuk melarikan diri ketika bertempur dengan orang-orang kafir.

Di sini penjelasan ayat menghubungkaitkan dengan segala situasi latar belakang peperangan itu, iaitu jika Allahlah yang membunuh pejuang-pejuang Musyrikin, jika Dialah yang melontar mereka, jika Dialah yang menguji para pejuang Mu'minin dan memberi kejayaan kepada mereka dan jika Dialah yang melemahkan tipudaya orang-orang kafir, maka tidaklah wajar bagi mereka berbantah dan berselisih faham tentang harta rampasan perang, kerana seluruh pergerakan peperangan itu dikendalikan dengan pentadbiran dan perencanaan Allah, sedangkan mereka tidak mempunyai apa-apa

sumbangan selain dari menjadi tabir kepada pentadbiran dan perencanaan Ilahi ini.

(Pentafsiran ayat 19)

Apabila penjelasan ayat sampai kepada pernyataan bahawa Allahlah yang melemahkan tipudaya perang orang-orang kafir, maka ayat yang berikut ditujukan terus kepada orang-orang kafir yang telah memohon keputusan dari Allah sebelum berlakunya peperangan itu. Mereka telah berdo'a supaya Allah menimpakan kekalahan ke atas kelompok yang lebih sesat di antara dua kelompok (Musyrikin dan Mu'minin) itu, iaitu pihak yang membawa pengajaran baru yang tidak diketahui dan paling banyak memutuskan hubungan kekeluargaan sebagaimana yang terkandung dalam do'a Abu Jahl yang memohon kemenangan dan keputusan dari Allah, dan akhirnya pihak Musyrikin telah ditimpa kekalahan.... Ayat yang berikut ditujukan kepada mereka untuk mencela perbuatan mereka yang mengangkatkan permohonan yang seperti itu kepada Allah, juga untuk menegaskan kepada mereka bahawa segala apa yang telah berlaku di dalam Peperangan Badar itu merupakan suatu contoh dari perjalanan Sunnatullah dan bukannya suatu peristiwa serampangan yang berlaku secara kebetulan, dan kumpulan mereka yang ramai tidak dapat mengubahkan hakikat ini, iaitu Allah tetap bersama para Mu'minin:

إن تستفتحوا فقد جاءكم الفتح وإن تنتهوا فهو خير لكم وإن تعودوا نعد ولن تغني عنكم فئتكم شيئا ولو كثرت وأن الله مع المؤمنين ﴿١٩﴾

"Jika kamu (wahai para Musyrikin) meminta keputusan dari Allah, maka keputusan itu telah pun datang kepada kamu dan jika kamu berhenti dari (menentang Rasulullah), maka itulah langkah yang lebih baik bagi kamu dan jika kamu kembali (menentang Rasulullah) nescaya Kami akan kembali (kepada permusuhan), sedangkan kumpulan kamu tidak akan dapat mempertahankan kamu sedikit pun walaupun sebanyak mana bilangan mereka, dan sesungguhnya Allah tetap bersama para Mu'minin."(19)

Maksudnya, jika kamu meminta keputusan dari Allah agar membuat sesuatu penentuan di antara kamu dengan kelompok para Mu'minin dan agar Allah membataskan kelompok yang sesat di antara dua kelompok (Musyrikin dan Mu'minin) dan banyak memutuskan hubungan kekeluargaan, maka Allah telah pun memperkenankan permintaan kamu dan menimpakan kekalahan ke atas kamu. Kini kekalahan telah pun ditimpakan ke atas kelompok yang amat sesat dan amat banyak memutuskan hubungan kekeluargaan dan kini kamu telah mengetahui – jika kamu ingin mengetahui – manakah kelompok yang sesat di antara dua kelompok itu dan banyak memutuskan hubungan kekeluargaan.

Berdasarkan hakikat ini dan mengikut saranan ini, Allah menggalakkan kaum Musyrikin supaya berhenti dari perbuatan syirik dan kufur, perbuatan memerangi kaum Muslimin dan perbuatan menentang Allah dan Rasul-Nya:

وإن تنتهوا فهو خير لكم

"Jika kamu berhenti dari (menentang Rasulullah) maka itulah langkah yang lebih baik bagi kamu."(19)

Dan di samping menggalak, ia menakutkan pula:

وإن تعودوا نعد

"Dan jika kamu kembali (menentang Rasulullah) nescaya Kami kembali (kepada permusuhan)."(19)

Dan akibatnya tetap seperti yang diketahui umum. Ia tidak dapat diubahkan oleh kuncu dan kumpulan walaupun sebesar mana keramaian mereka:

ولن تغني عنكم فئتكم شيئا ولو كثرت

"Sedangkan kumpulan kamu tidak akan dapat mempertahankan kamu sedikit pun walaupun sebanyak mana bilangan mereka."(19)

Apakah yang dapat dibuat oleh kumpulan yang ramai jika Allah memihak di sebelah kelompok para Mu'minin?

وأن الله مع المؤمنين ﴿١٩﴾

"Dan sesungguhnya Allah tetap bersama para Mu'minin."(19)

Peperangan yang seperti ini adalah satu peperangan yang tidak setanding, kerana pejuang Mu'minin yang disokongi Allah akan berada dalam satu barisan dan pejuang-pejuang kafir yang tidak disokongi oleh sesiapa, selain dari manusia-manusia yang sama seperti mereka, akan berada dalam satu barisan yang lain, dan tentulah peperangan yang seperti ini dapat dipastikan akibatnya.

Hakikat Kepercayaan Syirik Orang-orang Arab

Kaum Musyrikin memang mengetahui hakikat ini, kerana ma'rifat mereka terhadap Allah bukan sedikit, bukan mendadak dan bukan pula dangkal dan kabur sebagaimana yang difahamkan oleh kebanyakan orang pada hari ini akibat terpengaruh kepada pernyataan-pernyataan sejarah yang umum. Kesyirikan orang-orang Arab bukannya dalam bentuk mengingkarkan Allah dan bukan pula dalam bentuk kejahilan mereka terhadap hakikat Allah, malah kesyirikan mereka kebanyakannya dalam bentuk tidak menumpukan 'Ubudiyah mereka kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, iaitu mereka menerima peraturan-peraturan dan undang-undang kehidupan mereka dari sumber yang lain dari Allah. Dan ini adalah satu perbuatan yang tidak selaras dengan pengakuan

mereka terhadap Uluhiyah Allah, di samping tidak selaras dengan ma'rifat mereka terhadap hakikat Allah.

Semasa menayangkan peristiwa-peristiwa Peperangan Badar yang dipetik dari buku-buku sirah, kita telah menemui kisah Khufaf Ibn Ayma Ibn Rahdhah al-Ghifari atau bapanya Ayma Ibn Rahdhah al-Ghifari. Dia telah menghantarkan anaknya kepada kaum Quraysy ketika mereka lalu di tempatnya membawa unta-unta sembelihan sebagai hadiah kepada mereka sambil berkata: "Jika kamu suka kami membantu kamu dengan senjata-senjata dan orang-orang, kami bersedia melakukannya". Lalu kaum Quraysy menghantarkan kembali anak Khufaf membawa perutusan: Hubungan silaturahim anda dengan kaum Quraysy telah terjalin dan anda telah menunaikan tanggungjawab anda. Ujar Khufaf" Demi usiaku, jika kami benar berperang melawan manusia, maka kami sekali-kali tidak lemah dari melawan mereka, tetapi jika kami melawan Allah sebagaimana yang telah didakwa oleh Muhammad, maka tiada siapa pun yang berdaya melawan Allah".

Begitu juga kita telah menemui kisah al-Akhnas Ibn Shurayq yang telah berkata kepada Bani Zuhrah – dia seorang Musyrik dan mereka juga kaum Musyrikin -: Wahai Bani Zuhrah! Allah telah menyelamatkan harta kekayaan kamu dan melepaskan sahabat kamu Makhraqah Ibn Naufal.... hingga akhir cerita.

Juga seperti permohonan Abu Jahl sendiri yang meminta keputusan dari Allah, ia pernah disifatkan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai Fir'aun umat ini. Dalam permohonan itu Abu Jahl berdo'a: "Ya Allah, dialah (Muhammad) paling banyak memutus hubungan kekeluargaan di kalangan kami dan dialah yang membawa kepada kami pengajaran-pengajaran baru yang tidak diketahui oleh kami. Oleh itu binasakannya pada pagi ini."

Juga seperti perkataan Abu Jahl yang ditujukan kepada Hakim Ibn Hizam yang datang menemuinya sebagai utusan dari Utbah Ibn Rabi'ah untuk memujuknya supaya ia pulang sahaja tanpa berperang. Ia berkata: "Tidak, sekali-kali tidak. Demi Allah, kami tidak akan kembali sehingga Allah menentukan keputusan-Nya di antara kami dan Muhammad!"

Demikianlah wawasan mereka terhadap hakikat Uluhiyah dan bagaimana mereka mengingati hakikat ini pada setiap situasi. Mereka bukannya orang-orang yang tidak mengenal Allah atau orang-orang yang tidak tahu bahawa tiada siapa pun yang berdaya melawan Allah atau tidak mengetahui bahawa hanya Allah sahaja yang berkuasa menentukan keputusan di antara dua pihak yang bertelagah, dan tiada siapa yang berkuasa menolak keputusan-Nya, malah kesyirikan mereka yang sebenar adalah dari awal-awal lagi berpunca dari perbuatan mereka menerima peraturan-peraturan dan undang-undang kehidupan mereka dari sumber yang lain dari Allah yang memang dikenali dan diakui mereka sedemikian rupa.

Keadaan mereka sama dengan keadaan setengah-setengah golongan manusia pada hari ini yang mengaku diri mereka sebagai orang-orang Islam atau berpegang dengan agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w., juga sama dengan keadaan kaum Musyrikin yang mendakwa mendapat hidayat mengikut agama moyang mereka Ibrahim a.s. sehingga Abu Jahl sendiri memohon keputusan dari Allah dengan katanya: "Ya Allah, dialah (Muhammad) paling banyak memutuskan hubungan kekeluargaan di kalangan kami dan dialah yang membawa kepada kami pengajaran-pengajaran baru yang tidak diketahui oleh kami". Mengikut riwayat yang lain dia berkata: "Ya Allah, dialah yang paling sesat di antara dua kelompok dan paling banyak memutuskan hubungan kekeluargaan di kalangan kami. Oleh itu binasakannya pada pagi ini."

Adapun persoalan berhala-berhala yang disembah oleh mereka, maka itu sama sekali bukannya kerana mereka mempercayai berhala-berhala itu mempunyai sifat-sifat Uluhiyah yang sama dengan Uluhiyah Allah S.W.T. Al-Qur'anul-Karim telah menjelaskan hakikat tanggapan kepercayaan mereka terhadap berhala-berhala itu juga menjelaskan sebab mengapa mereka mempersembahkan syi'ar-syi'ar ibadat kepadanya dalam firman Allah:

وَٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ مِن دُونِهِۦٓ أَوْلِيَآءَ مَا نَعْبُدُهُمْ
إِلَّا لِيُقَرِّبُونَآ إِلَى ٱللَّهِ زُلْفَىٰٓ

"Dan orang-orang yang mengambil pelindung-pelindung selain dari Allah berkata: Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka dapat memperdekatkan kami kepada Allah dengan sedekat-dekatnya."

(Surah az-Zumar: 3)

Inilah kemuncak tanggapan mereka terhadap berhala-berhala, iaitu mereka menjadikan berhala-berhala semata-mata sebagai pemberi syafa'at di sisi Allah. Kesyirikan mereka yang sebenar bukan dari aspek ini, dan keislaman orang-orang yang memeluk Islam dari kalangan mereka bukanlah dicerminkan oleh perbuatan mereka dengan semata-mata meninggalkan perbuatan meminta syafa'at kepada berhala-berhala itu. Jika tidak, maka kelompok Hunafa (sebelum Islam) yang menjauhkan diri dari menyembah berhala dan melakukan syi'ar ibadat kepada Allah Yang Maha Esa sahaja itu tidak juga dianggap sebagai kaum Muslimin! Malah Islam itu ditegakkan dengan i'tiqad melakukan syi'ar-syi'ar ibadat dan mengkhususkan kuasa Hakimiyah itu kepada Allah Yang Maha Esa sahaja. Orang-orang yang tidak mengkhususkan kuasa Hakimiyah kepada Allah sahaja di mana-mana zaman dan tempat, maka mereka adalah orang-orang yang mempersekutukan Allah dan mereka tidak terkeluar dari kesyirikan ini dengan semata-mata beri'tiqad tiada Tuhan melainkan Allah dan melakukan syi'ar-syi'ar ibadat kepada Allah. Dan setakat ini mereka sama seperti kelompok Hunafa' yang tiada siapa pun yang menganggapkan mereka, sebagai kelompok

Muslimin. Orang-orang yang dianggap sebagai kelompok Muslimin yang sebenar ialah orang-orang yang dapat menyempurnakan ikatan segala mata rantai iaitu di samping mereka berpegang dengan 'aqidah tauhid dan melaksanakan syi'ar-syi'ar ibadat, mereka menambahkan pula dengan amalan mengkhususkan kuasa Hakimiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan menolak mana-mana undang-undang dan peraturan atau mana-mana nilai dan tradisi yang tidak bersumber dari Allah Yang Maha Esa. Inilah bentuk keislaman yang sebenar kerana ia merupakan satu-satunya pengertian syahadat La ilaha Illallah dan Muhammad Rasulullah di dalam i'tiqad Islam dan di dalam realiti Islam. Di samping itu mereka yang membuat pengakuan La ilaha Illallah dengan pengertian yang seperti ini harus pula bersatu padu dalam satu kelompok pergerakan di bawah kepimpinan Islamiyah dan mencabut diri mereka dari kelompok jahiliyah dan kepimpinan jahiliyah.

Inilah hakikat yang harus difahami dengan jelas oleh orang-orang yang mahu menjadi Muslimin yang sebenar agar mereka tidak tertipu dengan hakikat diri mereka yang mengelirukan, di mana mereka merasa telah menjadi Muslimin dari segi i'tiqad dan ibadat, kerana ini sahaja tidak cukup untuk menjadikan diri mereka sebagai Muslimin yang sebenar selama mereka belum membuktikan bahawa mereka mengkhususkan kuasa Hakimiyah itu kepada Allah S.W.T. sahaja dan menolak kuasa Hakimiyah manusia serta mencabut kesetiaan dan wala mereka dari masyarakat jahiliyah dan kepimpinan jahiliyah.

Ramai di antara orang-orang yang lurus dan jujur yang terjerumus di dalam kekeliruan ini. Mereka ingin menjadikan diri mereka Muslimin, tetapi mereka terkeliru. Oleh sebab itu perkara yang lebih utama kepada mereka ialah memastikan gambaran Islam yang haqiqi dan tunggal di samping mengetahui bahawa kaum Musyrikin Arab yang diberikan nama "musyrikin" itu tidak berbeza dari mereka, kerana kaum Musyrikin itu juga mengenal hakikat Allah dan mereka menampilkan berhala-berhala mereka kepada Allah sebagai pemohon-pemohon syafa'at di sisi Allah, dan kesyirikan mereka yang pokok bukan dalam bidang i'tiqad tetapi di dalam bidang kuasa Hakimiyah.

Jika orang-orang yang lurus dan ikhlas yang ingin menjadikan diri mereka Muslimin yang sebenar seharusnya memahami hakikat ini dengan jelas, maka jama'ah Muslimin yang berjuang untuk mengembalikan perkembangan Islam di alam kenyataan di bumi ini juga seharusnya memahami hakikat ini dengan jelas dan mendalam tanpa sedikit pun teragak-agak. Di samping itu mereka berkewajipan menjelaskan hakikat ini kepada orang ramai dengan sejelas-jelas dan setegas-tegasnya, kerana memahami hakikat ini merupakan titik mula atau titik tolak (perjuangan Islamiyah). Mana-mana harakat Islamiyah yang menyimpang dari hakikat ini walau sedikit sekalipun, maka ia akan tersesat jalanannya dan menjadikannya tidak berasas walaupun ia berjuang dengan ikhlas, sabar dan penuh keazaman untuk terus maju di jalan perjuangan.

(Pentafsiran ayat-ayat 20 - 23)

Kemudian ayat-ayat yang berikut kembali membuat seruan-seruan yang berturut-turut dan menarik yang ditujukan kepada orang-orang yang beriman setelah disebut keadaan mereka dan diberi peringatan bahawa Allah tetap bersama mereka. Ayat-ayat yang berikut menyeru mereka supaya menta'ati Allah dan Rasul-Nya dan mengingatkan mereka supaya jangan berpaling dari-Nya, juga supaya jangan menerima perbuatan kaum Munafiqin yang berpura-pura mendengar Al-Qur'an, sedangkan mereka tidak mendengarnya, kerana mereka adalah golongan manusia yang pekak walaupun mereka mempunyai telinga yang dapat mendengar bunyi dan pertuturan-pertuturan yang diucapkan oleh lidah, dan merekalah seburuk-buruk binatang yang bergerak di bumi ini kerana mereka tidak mencari hidayat dari ayat-ayat yang didengar oleh mereka:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَلَا تَوَلَّوْاْ عَنْهُ وَأَنتُمْ تَسْمَعُونَ ﴿٢٠﴾
وَلَا تَكُونُواْ كَٱلَّذِينَ قَالُواْ سَمِعْنَا وَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ ﴿٢١﴾
إِنَّ شَرَّ ٱلدَّوَآبِّ عِندَ ٱللَّهِ ٱلصُّمُّ ٱلْبُكْمُ ٱلَّذِينَ لَا يَعْقِلُونَ ﴿٢٢﴾
وَلَوْ عَلِمَ ٱللَّهُ فِيهِمْ خَيْرًا لَّأَسْمَعَهُمْ ۖ وَلَوْ أَسْمَعَهُمْ لَتَوَلَّواْ وَّهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٢٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Ta'atlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berpaling dari-Nya, sedangkan kamu mendengar (perintah-Nya) (20). Dan janganlah kamu berkelakuan seperti (para Munafiqin) yang berkata: Kami telah mendengar, sedangkan yang sebenarnya mereka tidak mendengar (21). Sesungguhnya binatang yang paling jahat di sisi ialah manusia yang bisu dan tuli yang tidak menggunakan akal untuk berfikir (22). Jika Allah mengetahui adanya sesuatu kebaikan pada diri mereka (kesedaran untuk beriman) nescaya Allah jadikan mereka dapat mendengar (pengajaran-pengajaran Al-Qur'an), dan jika Allah jadikan mereka dapat mendengar (sedangkan mereka tidak mempunyai persediaan yang baik) nescaya mereka berpaling juga dan mereka (sebelum ini) sama sekali tidak menghirau (da'wah)."(23)

Kaum Munafiqin Merupakan Binatang Dalam Bentuk Manusia

Seruan ini ditujukan kepada para Mu'minin supaya mereka menta'ati Allah dan, rasul-Nya dan supaya mereka tidak berpaling dari-Nya apabila mereka mendengar ayat-ayat dan perintah-perintah-Nya.

Seruan ini datang setelah dikemukakan segala muqaddimahnya yang menarik dan setelah ditayangkan peristiwa-peristiwa peperangan itu, juga setelah melihat tangan qudrat Allah yang mengendalikan peperangan itu dan melihat pentadbiran dan perencanaan-Nya, pertolongan dan bantuan-Nya, seterusnya selepas diberi jaminan bahawa Allah tetap bersama orang-orang yang beriman dan Allah akan melemahkan tipu daya orang-orang kafir. Oleh sebab itu tiada apa-apa ruang lagi selepas semuanya ini selain dari menta'ati Allah dan Rasul-Nya. Perbuatan tidak menghiraukan Rasulullah dan perintah-perintahnya selepas itu merupakan perbuatan yang sangat keji dan buruk. Satu perbuatan yang tidak sanggup dilakukan oleh insan yang mempunyai hati dan akal yang dapat berfikir. Oleh sebab itu kata-kata binatang yang disebut di sini memang sesuai dengan tempatnya. Kata-kata "binatang" adalah merangkumi manusia kerana mereka juga makhluk-makhluk yang bergerak di bumi, namun begitu pemakaiannya yang lumrah adalah digunakan pada binatang-binatang ternakan, dan pengertian inilah yang difahami secara langsung apabila disebut perkataan itu. Ungkapan "yang pekak dan tuli dan tiada menggunakan akal untuk berfikir", memberi gambaran kebinatangan kepada perasaan dan imaginasi dan mereka sebenarnya adalah binatang-binatang mengikut pengertian ini, malah mereka merupakan binatang yang paling buruk, kerana binatang walaupun mempunyai telinga, tetapi ia tidak dapat mendengar kecuali kata-kata yang tidak bermakna, juga mempunyai lidah tetapi tidak dapat melafazkan kata-kata yang dapat dimengerti, namun demikian binatang mendapat panduan dan bimbingan dari fitrahnya dalam urusan-urusan yang mengikut keperluan-keperluan hidupnya, sedangkan binatang-binatang dalam bentuk manusia itu telah diserahkan kepada daya pemikiran mereka yang tidak dimanfa'atkan mereka. Oleh sebab itu secara pasti mereka adalah binatang-binatang yang paling buruk:

إِنَّ شَرَّ ٱلدَّوَآبِّ عِندَ ٱللَّهِ ٱلصُّمُّ ٱلۡبُكۡمُ ٱلَّذِينَ لَا يَعۡقِلُونَ ﴿٢٢﴾

"Sesungguhnya binatang yang paling jahat di sisi Allah ialah manusia-manusia bisu dan tuli yang tidak menggunakan akal untuk berfikir."(22)

وَلَوۡ عَلِمَ ٱللَّهُ فِيهِمۡ خَيۡرٗا لَّأَسۡمَعَهُمۡۖ

"Dan jika Allah mengetahui adanya sesuatu kebaikan pada diri mereka(kesedaran untuk beriman) nescaya Allah jadikan mereka dapat mendengar (pengajaran-pengajaran Al-Qur'an)."(23)

Yakni nescaya ia melapangkan hati mereka dan menjadikannya dapat mendengar apa yang didengar oleh telinga mereka, tetapi malangnya Allah telah mengetahui tidak adanya (persediaan) yang baik pada mereka atau tidak adanya keinginan pada mereka untuk mendapat hidayat kerana mereka telah merosakkan kesediaan-kesediaan semulajadi mereka untuk menerima hidayat. Oleh sebab itu Allah tidak membuka hati mereka yang telah ditutup oleh mereka dan fitrah mereka yang telah dirosakkan oleh mereka sendiri. Dan andainya Allah jadikan mereka dapat memahami dengan akal fikiran mereka hakikat yang diajarkan kepada mereka, nescaya mereka tidak juga membuka pintu hati mereka dan menyambut hakikat yang telah difahamkan mereka:

وَلَوۡ أَسۡمَعَهُمۡ لَتَوَلَّواْ وَّهُم مُّعۡرِضُونَ ﴿٢٣﴾

"Dan jika Allah jadikan mereka dapat mendengar (sedangkan mereka tidak mempunyai persediaan yang baik) nescaya mereka berpaling juga dan mereka (sebelum ini) sama sekali tidak menghiraukan (da'wah)."(23)

kerana akal mungkin dapat memahami, tetapi hati yang buta tetap tidak dapat memberi kesan. Walau sekalipun Allah jadikan mereka dapat mendengar dengan penuh pengertian, namun mereka tetap berpaling dan tidak memberi sambutan. Perhatian dan sambutan merupakan hasil dari pendengaran yang betul. Di sana terdapat ramai manusia yang dapat memahami dengan akal mereka, tetapi hati mereka yang buta tidak memberi apa-apa kesan.

(Pentafsiran ayat-ayat 24 - 26)

Sekali lagi seruan diulangkan kepada orang-orang yang beriman. Mereka diseru supaya menyambut seruan Allah dan Rasul-Nya. Mereka digalakkan memberi perhatian dan diancam supaya jangan menolak seruan itu dan seterusnya mereka disuruh mengenangkan ni'mat-ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada mereka apabila mereka menyambut seruan Allah dan Rasul-Nya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱسۡتَجِيبُواْ لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمۡ لِمَا يُحۡيِيكُمۡۖ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ يَحُولُ بَيۡنَ ٱلۡمَرۡءِ وَقَلۡبِهِۦ وَأَنَّهُۥٓ إِلَيۡهِ تُحۡشَرُونَ ﴿٢٤﴾ وَٱتَّقُواْ فِتۡنَةٗ لَّا تُصِيبَنَّ ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ مِنكُمۡ خَآصَّةٗۖ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ ﴿٢٥﴾ وَٱذۡكُرُوٓاْ إِذۡ أَنتُمۡ قَلِيلٞ مُّسۡتَضۡعَفُونَ فِي ٱلۡأَرۡضِ تَخَافُونَ أَن يَتَخَطَّفَكُمُ ٱلنَّاسُ فَـَٔاوَىٰكُمۡ وَأَيَّدَكُم بِنَصۡرِهِۦ وَرَزَقَكُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ لَعَلَّكُمۡ تَشۡكُرُونَ ﴿٢٦﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Sambutlah seruan Allah dan rasul apabila ia menyeru kamu kepada agama/ jihad yang memberi daya hayat kepada kamu dan ketahuilah bahawa Allah berkuasa menghalangkan di antara seseorang dengan hatinya dan sesungguhnya kepada Allah kamu akan

dikumpulkan (24). Dan peliharalah diri kamu dari fitnah (bala) yang tidak hanya khusus menimpa golongan orang-orang yang melakukan kezaliman dari kalangan kamu sahaja dan ketahuilah bahawa Allah amat keras balasan-Nya (25). Dan kenangilah (wahai para Muhajirin) ketika jumlah kamu masih sedikit dan tertindas di negeri itu (Makkah), di mana kamu berada di dalam ketakutan diserang dan diculik orang-orang Musyrikin, lalu Allah memberi tempat perlindungan kepada kamu (Madinah) dan menguatkan kedudukan kamu dengan pertolongan-Nya dan mengurniakan kamu rezeki-rezeki yang baik supaya kamu bersyukur."(26)

Orang-orang Yang Beriman Diseru Kepada Agama/Jihad Yang Memberi Daya Hayat Kepada Mereka

Rasulullah s.a.w. menyeru mereka kepada agama yang memberi hayat kepada mereka. Itulah seruan ke arah hayat dalam segala rupa bentuknya dan segala makna dan konsep hayat.

Beliau menyeru mereka menganut 'aqidah yang menghidupkan hati dan akal, 'aqidah yang membebaskan hati dan akal dari belenggu-belenggu kejahilan dan khurafat, dari tekanan kepercayaan-kepercayaan yang salah dan dongeng-dongeng, dari tunduk dengan hina dina kepada sebab-sebab yang zahir dan kepastian-kepastian yang memaksa dan seterusnya membebaskan hati dan akal dari 'ubudiyah kepada yang lain dari Allah, dari 'ubudiyah kepada sesama manusia atau dari 'ubudiyah kepada hawa nafsu.

Beliau menyeru mereka menjunjung syari'at yang datang dari Allah, syari'at yang memerdekakan insan dan memuliakan mereka kerana ia datang dari Allah Yang Maha Esa, syari'at yang meletakkan seluruh manusia dalam satu barisan yang sama di hadapannya, di mana tiada individu yang bertindak sewenang-wenang terhadap orang ramai dan tiada golongan yang bertindak sewenang-wenang terhadap umat dan tiada bangsa dan kaum yang bertindak sewenang-wenang terhadap bangsa dan kaum yang lain, malah seluruh mereka bebas dan sama rata di bawah naungan syari'at Allah Tuhan seluruh manusia.

Beliau menyeru mereka mengamalkan sistem hidup, sistem pemikiran dan sistem kefahaman Rabbani yang membebaskan mereka dari segala ikatan kecuali kawalan-kawalan dari fitrah semulajadi yang dijelmakan dalam bentuk kawalan-kawalan dan peraturan yang digariskan Allah Tuhan Pencipta insan Yang Maha Mengetahui tabi'at makhluk-makhluk yang diciptakan-Nya, iaitu kawalan-kawalan dan peraturan-peraturan yang memelihara tenaga pembina dan berhamburan dan pembaziran, kawalan-kawalan dan peraturan-peraturan yang menekan dan menghancurkan tenaga itu, kawalan yang tidak menghalangkannya dari melakukan kegiatan-kegiatan yang positif dan membina.

Beliau menyeru mereka ke arah mencapai kekuatan, kemuliaan dan ketinggian dengan perantaraan 'aqidah dan sistem hidup mereka dan dengan kepercayaan dan keyakinan kepada agama mereka dan kepada Allah Tuhan mereka dan seterusnya menyeru mereka supaya melancarkan gerakan di bumi untuk membebaskan umat manusia seluruhnya dan menyelamatkan mereka dari 'ubudiyah kepada sesama manusia kepada 'ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, juga untuk merealisasikan nilai insaniyah mereka yang tinggi, yang dikurniakan Allah kepada mereka kemudian dirampas oleh insan-insan yang zalim.

Beliau menyeru mereka bejihad fi Sabilillah untuk menegakkan Uluhiyah Allah di bumi dan di dalam kehidupan manusia dan menghancurkan Uluhiyah manusia yang palsu dan memburu tuhan-tuhan palsu itu yang telah menceroboh Uluhiyah Allah dan kuasa Hakimiyah-Nya sehingga mereka kembali menjunjung kuasa Hakimiyah Allah Yang Maha Esa sahaja. Di waktu ini seluruh keta'atan atau agama itu tertumpu kepada Allah dan apabila seseorang itu mati di medan jihad maka kesyahidannya merupakan hayat baginya.

Itulah intisari seruan Rasulullah s.a.w., iaitu seruan kepada hayat dengan segala pengertian dan konsep hayat.

Islam merupakan satu sistem hidup yang sempurna. Ia bukannya semata-mata 'aqidah yang tersembunyi. Ia merupakan satu sistem hidup yang realistik, di mana hayat berkembang dan maju di bawah naungan-Nya. Oleh sebab itulah Islam merupakan da'wah kepada hayat dalam segala bentuk dan rupanya dan di dalam segala bidang hayat dan pengertiannya. Semuanya itu diungkapkan di dalam beberapa rangkaian kata yang menarik.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱسْتَجِيبُوا۟ لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْ ۖ

"Wahai orang-orang yang beriman! Sambutlah seruan Allah dan rasul apabila ia menyeru kamu kepada agama jihad yang memberi daya hayat kepada kamu."(24)

Maksudnya, sambutlah seruannya dengan patuh dan penuh kerelaan walaupun Allah berkuasa memaksa kamu menerima hidayat jika ia kehendaki:

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ يَحُولُ بَيْنَ ٱلْمَرْءِ وَقَلْبِهِۦ

"Dan ketahuilah bahawa Allah berkuasa menghalangkan di antara seseorang dengan hatinya."(24)

Allah Menguasai Hati Manusia

Inilah gambaran qudrat Allah yang amat berkuasa dan amat halus dan amat menakutkan, di mana ia dapat menghalangkan di antara seseorang dengan hatinya, iaitu ia memisahkan di antaranya dengan hatinya, ia menguasainya, menyekat dan membalik-balikkan hati dan menanganinya mengikut sebagaimana yang dikehendaki-Nya, sedangkan pemilik hati itu tidak dapat berbuat apa-apa

walaupun hatinya terletak dalam rongga di antara dua lambungnya.

Sebenarnya itulah gambaran hati yang amat menakutkan yang dilukis di dalam ayat Al-Qur'an sedangkan pengungkapan manusia tidak mampu menggambarkan kesan gambaran ini di dalam hati atau memberikan kesan ini dalam saraf dan perasaan.

Itulah gambaran yang memerlukan kesedaran dan kewaspadaan yang berterusan terhadap segala idea yang bergerak dan terlintas di dalam hati, juga terhadap segala keinginan dan kecenderungan yang berlegar di dalam hati kerana takut tergelincir. Pendeknya ia memerlukan kewaspadaan yang berterusan terhadap segala tempat gelincir segala bisikan dan perasaan. Ia memerlukan seseorang itu sentiasa bergantung kepada Allah kerana dikhuatiri hati itu terbalik atau berubah di dalam sa'at-sa'at kelalaian dan kelupaannya atau di dalam mana-mana tindak-tanduknya yang terburu-buru.

Rasulullah s.a.w. walaupun sentiasa ma'sum atau dipelihara Allah, namun beliau banyak membaca do'a yang berikut:

اللهم يا مقلب القلوب ثبت قلبي على دينك

"Ya Allah, Tuhan yang berkuasa mengubah-ngubahkan hati, tetapkan hatiku di atas agama-Mu."

Jika beginilah keadaan seseorang rasul yang ma'sum, bagaimana pula dengan manusia-manusia biasa yang bukan rasul dan bukan pula ma'sum?

Itulah gambaran yang benar-benar menggoncangkan hati dan membuat seseorang Mu'min merasa menggigil apabila ia merenunginya sejenak waktu dan memikirkan hatinya yang terletak di dalam rongga dadanya dalam genggaman kekuasaan Allah Yang Maha Gagah, sedangkan ia tidak memiliki apa-apa kuasa walaupun ia membawa hatinya dan berjalan ke mana sahaja.

Al-Qur'an menayangkan satu gambaran kepada orang-orang yang beriman ketika menyeru mereka:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱسْتَجِيبُوا۟ لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْ

"Wahai orang-orang yang beriman! Sambutlah seruan Allah dan rasul apabila ia menyeru kamu kepada agama/ jihad yang memberi daya hayat kepada kamu."(24)

Untuk menerangkan kepada mereka bahawa Allah memang berkuasa memaksa kamu menerima hidayat jika ia kehendaki atau memaksa kamu menyambut seruan ini, tetapi Allah hendak memuliakan kamu lalu Dia menyeru kamu supaya kamu menyambut seruan ini dengan kerelaan kamu sendiri agar kamu mendapat pahala atau kamu menyambut dengan kehendak hati kamu yang dapat meningkatkan darjat insaniyah kamu hingga ke tahap yang layak untuk mendukung amanah yang telah diserahkan Allah kepada makhluk yang benama insan, iaitu mendukung amanah hidayat yang terpilih, amanah khalifah yang sedar dan amanah iradat yang bertindak dengan tujuan dan ma'rifat.

"Dan sesungguhnya kepada Allah kamu akan dikumpulkan." (24)

Maksudnya, hati kamu berada di hadapan Allah dan selepas itu kamu akan dikembalikan kepada-Nya. Jadi, kamu tidak dapat melarikan diri dari Allah baik di dunia mahupun di Akhirat, namun begitu Allah masih menyeru kamu supaya kamu dapat menyambut seruan-Nya dengan sambutan bebas yang mendapat pahala bukannya dengan sambutan seorang hamba yang terpaksa.

Kemudian Al-Qur'an memperingatkan kamu supaya bangkit berjihad dan menyambut seruan Allah yang menyeru kamu kepada hayat dan supaya kamu tidak berlengah-lengah dari mengubahkan kemungkaran dalam apa bentuknya sekalipun:

وَٱتَّقُوا۟ فِتْنَةً لَّا تُصِيبَنَّ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ مِنكُمْ خَآصَّةً ۖ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

"Peliharalah diri kamu dari fitnah (bala) yang tidak hanya khusus menimpa golongan orang-orang yang melakukan kezaliman sahaja dari kalangan kamu dan ketahuilah bahawa Allah amat keras balasan-Nya."(25)

Setiap Mu'min Bertanggungjawab Menghapuskan Kemungkaran

Fitnah bererti ujian atau bala. Kelompok Muslimin yang membenarkan segolongan dari mereka melakukan kezaliman dalam apa juga bentuknya – yang paling zalim ialah perbuatan menolak syari'at Allah dan sistem hidup Rabbani – dan tidak menghalangkan orang-orang yang melakukan kezaliman dan kerosakan itu, maka mereka adalah wajar dipersalahkan dengan kesalahan orang-orang yang melakukan kezaliman dan kerosakan itu, kerana Islam merupakan satu sistem hidup takaful yang positif yang tidak membenarkan pemeluk-pemeluknya membiarkan kezaliman, kerosakan dan kemungkaran itu berkembang apatah lagi melihat agama Allah tidak diikuti atau melihat Uluhiyah Allah diingkar dan digantikan dengan Uluhiyah manusia, sedangkan mereka berdiam diri dengan seribu bahasa. Kemudian selepas itu mereka mengharapkan Allah menyelamatkan mereka dari bala dengan alasan bahawa diri mereka baik dan lurus.

Oleh sebab perjuangan menentang kezaliman itu membebankan manusia dengan pengorbanan jiwa raga dan harta benda, maka Al-Qur'an kembali mengingatkan kelompok Muslimin yang pertama kali ditujukan ayat ini kepada mereka supaya mengenangkan zaman silam mereka yang lemah dan kecil bilangan, di mana mereka ditindas dan dibayangi ketakutan dan bagaimana selepas itu Allah melindungkan keselamatan mereka dengan agama-

Nya dan meneguhkan kedudukan mereka serta memberi rezeki yang baik kepada mereka. Oleh sebab itu mereka tidak seharusnya berdiam diri dari memperjuangkan agama yang menghidupkan mereka yang diserukan oleh Rasulullah dan dari memberi pengorbanan-pengorbanan kepada agama yang menghidup dan meneguhkan kedudukan mereka, iaitu agama yang dikurnia dan dilindungi Allah:

وَٱذْكُرُوٓا۟ إِذْ أَنتُمْ قَلِيلٌ مُّسْتَضْعَفُونَ فِى ٱلْأَرْضِ تَخَافُونَ أَن يَتَخَطَّفَكُمُ ٱلنَّاسُ فَـَٔاوَىٰكُمْ وَأَيَّدَكُم بِنَصْرِهِۦ وَرَزَقَكُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan kenangilah (wahai para Muhajirin) ketika jumlah kamu masih sedikit dan tertindas di negeri itu (Makkah), di mana kamu berada dalam ketakutan diserang dan diculik orang-orang Musyrikin, lalu Allah memberi tempat perlindungan kepada kamu (Madinah) dan menguatkan kedudukan kamu dengan pertolongan-Nya dan mengurniakan kamu rezeki-rezeki yang baik supaya kamu bersyukur."(26)

Kenangilah semuanya ini agar kamu yakin bahawa Rasulullah s.a.w. benar-benar menyeru kamu kepada agama yang menghidupkan kamu. Kenangilah semuanya ini agar kamu tidak berdiam diri dari perjuangan membanteras kezaliman dari segala rupa dan bentuknya. Kenangilah hari-hari kelemahan dan ketakutan yang telah dialami kamu sebelum kamu diarah berperang melawan kaum Musyrikin dan sebelum kamu diseru menghadapi angkatan Quraysy yang lengkap dengan kekuatan senjata, sedangkan kamu tidak bersetuju untuk berperang, kemudian lihatlah bagaimana kamu berubah - setelah kamu diseru melancarkan peperangan yang menghidupkan kamu – menjadi satu umat yang mulia, kuat, mendapat kemenangan, pahala dan rezeki. Allah telah mengurniakan rezeki yang baik kepada kamu, supaya kamu dapat bersyukur kepada Allah dan mendapat pahala kerana kesyukuran itu.

Ayat ini melukiskan satu pemandangan yang hidup yang menggambarkan kekecilan jumlah, kelemahan, kegelisahan dan ketakutan:

تَخَافُونَ أَن يَتَخَطَّفَكُمُ ٱلنَّاسُ

"Kamu berada dalam ketakutan diserang dan diculik orang-orang Musyrikin."(26)

Itulah pemandangan serang hendap yang menakut dan memeranjatkan seolah-olah mata dapat melihat dengan jelas tanda-tanda ketakutan, gerak-geri yang dihantui, kebimbangan, gerak-mata yang membeliak gerun dan tangan-tangan terhulur yang hendak menculik, sedangkan kelompok Muslimin yang sedikit sentiasa berada dalam kebimbangan.

Dan dari pemandangan yang menakutkan itu berpindah pula kepada pemandangan keamanan, kekuatan, kemenangan, rezeki yang baik dan keni'matan yang mulia di bawah naungan Allah yang membawa mereka kepada perlindungan-Nya:

فَـَٔاوَىٰكُمْ وَأَيَّدَكُم بِنَصْرِهِۦ وَرَزَقَكُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ

"Lalu Allah memberi tempat perlindungan kepada kamu (Madinah) dan menguatkan kedudukan kamu dengan pertolongan-Nya dan mengurniakan kamu rezeki yang baik."(26)

Allah memberi bimbingan kepada mereka supaya mereka bersyukur dan mendapat pahala:

لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٢٦﴾

"Supaya kamu bersyukur."(26)

Siapakah yang memerhatikan perubahan yang jauh ini kemudian ia enggan menyambut seruan agama yang memberi hayat, keamanan, kekuatan dan kekayaan, iaitu menyambut seruan Rasulullah yang amanah dan mulia, siapakah yang enggan bersyukur kepada Allah atas limpah kurnia-Nya yang telah memberi tempat perlindungan dan pertolongan kepadanya, sedangkan kedua-dua pemandangan ini ditayangkan kepadanya dan setiap pemandangan itu mempunyai kesan dan saranannya masing-masing?

Tetapi kelompok Muslimin telah pun menghayati kedua-dua pemandangan itu. Mereka tetap mengingati keadaan mereka di zaman silam dan di masa kini dan oleh sebab itulah Al-Qur'an ini mempunyai rasanya yang istimewa di dalam hati mereka.

Kelompok Muslimin yang berjuang pada hari ini untuk menegakkan kembali pertumbuhan Islam di alam realiti dan di dalam kehidupan manusia mungkin tidak pernah menempuh dua fasa perjuangan ini dan tidak merasa dua kecapan ini, tetapi Al-Qur'an menyeru mereka merenungi hakikat ini. Dan seandainya keadaan mereka pada hari ini sama dengan keadaan hidup kelompok Muslimin yang diterangkan di dalam ayat ini:

وَٱذْكُرُوٓا۟ إِذْ أَنتُمْ قَلِيلٌ مُّسْتَضْعَفُونَ فِى ٱلْأَرْضِ تَخَافُونَ أَن يَتَخَطَّفَكُمُ ٱلنَّاسُ

"Dan kenangilah (wahai para Muhajirin) ketika jumlah kamu masih sedikit dan tertindas di negeri itu (Makkah) di mana kamu berada dalam ketakutan diserang dan diculik orang-orang Musyrikin"(26)

maka langkah utama bagi mereka ialah menyambut seruan hayat yang diseru oleh Rasulullah s.a.w. dan memerhati dengan penuh keyakinan terhadap janji-janji Allah kepada kelompok Muslimin yang telah direalisasikannya kepada angkatan pertama kelompok Muslimin dan Allah tetap berjanji untuk merealisasikan janji itu kepada setiap kelompok

Muslimin yang berjuang dengan teguh dan jujur di jalan Allah dan sabar menanggung segala beban dan pengorbanannya, juga menunggu hasil perjuangan yang disebut di dalam firman Allah:

فَـَٔاوَىٰكُمْ وَأَيَّدَكُم بِنَصْرِهِۦ وَرَزَقَكُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ٢٦

"Lalu Allah memberi tempat perlindungan kepada kamu (di Madinah) dan menguatkan kedudukan kamu dengan pertolongan-Nya dan mengurniakan kamu rezeki yang baik supaya kamu bersyukur."(26)

Mereka sebenarnya berinteraksi dengan janji Allah yang benar dan bukannya berurusan dengan realiti zahir yang mengelirukan. Pendeknya janji Allah itulah realiti kelompok Muslimin yang mengatasi segala realiti yang lain.

(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 28)

Jangan Jadikan Harta Dan Anak Batu Penghalang Perjuangan

Kemudian sekali lagi diulangkan seruan kepada orang-orang yang beriman, di mana dijelaskan bahawa harta benda dan anak pinak kadang-kadang mematahkan semangat seseorang untuk menyambut seruan Allah kerana takut dan bakhil, sedangkan hayat yang diserukan oleh Rasulullah s.a.w. itu adalah hayat yang luhur yang pasti dipikul beban-bebannya dan dibayar pengorbanan-pengorbanannya. Oleh sebab itu Allah mengubati perasaan terlalu sayang kepada harta benda dan anak pinak ini dengan menyedarkan mereka terhadap ujian harta benda dan anak pinak itu dan menyatakan bahawa di sinilah tempat diuji manusia, di samping mengingatkan mereka agar tidak lemah menghadapi ujian ini dan tidak ketinggalan dari menyahut panggilan jihad dan memikul beban-beban amanah, perjanjian dan bai'ah, di samping menganggapkan ketinggalan ini sebagai suatu pengkhianatan terhadap Allah dan rasul, juga pengkhianatan kepada amanah-amanah yang dipikul umat Muslimin di bumi ini, iaitu meninggikan Kalimatullah, menegakkan Uluhiyah-Nya sahaja kepada seluruh manusia dan menggalakkan manusia menjunjung kebenaran dan keadilan. Di samping itu mereka diperingatkan pula tentang ganjaran yang amat besar dari Allah, iaitu ganjaran yang mengatasi nilai harta benda dan anak pinak yang membuat manusia tidak sanggup berkorban dan berjihad.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَخُونُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ وَتَخُونُوٓا۟ أَمَٰنَٰتِكُمْ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ٢٧

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَآ أَمْوَٰلُكُمْ وَأَوْلَٰدُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ ٱللَّهَ عِندَهُۥٓ أَجْرٌ عَظِيمٌ ٢٨

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan rasul dan janganlah pula kamu mengkhianati amanah-amanah yang diserahkan kepada kamu, sedangkan kamu mengetahui (27). Dan ketahuilah bahawa harta kekayaan kamu dan anak-anak kamu merupakan suatu ujian yang amat mempesonakan dan sesungguhnya pahala yang amat besar itu tersimpan di sisi Allah."(28)

Isu Pertama Islam

Perbuatan menghindarkan diri dari kewajipan-kewajipan terhadap umat Islam di bumi ini merupakan suatu pengkhianatan terhadap Allah dan rasul. Isu pertama dalam Islam ialah isu " لا إله إلا الله محمد رسول الله", iaitu isu mengkhususkan Uluhiyah kepada Allah sahaja dan mengambil agama ini mengikut sebagaimana yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. sahaja. Umat manusia di sepanjang sejarahnya tidak sekali-kali mengingkarkan Allah, tetapi mereka mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan yang lain kadang-kadang dalam bentuk mempercayai dan menyembah beberapa tuhan yang sedikit dan kadang-kadang dalam bentuk mengi'tirafkan berbagai-bagai kuasa Hakimiyah yang lain dari Allah. Inilah kebanyakan bentuk syirik. Oleh sebab itu isu utama agama Islam bukannya sekadar membawa manusia mempercayai Uluhiyah Allah, malah membawa mereka supaya mengkhususkan Uluhiyah kepada Allah S.W.T. sahaja dan mengakui tiada Tuhan selain Allah, iaitu mengkhususkan kuasa Hakimiyah kepada Allah sahaja yang menguasai kehidupan mereka di dunia ini sebagaimana mereka mengakui kuasa Hakimiyah Allah yang menguasai peraturan alam tepat seperti firman Allah:

وَهُوَ ٱلَّذِى فِى ٱلسَّمَآءِ إِلَٰهٌ وَفِى ٱلْأَرْضِ إِلَٰهٌ

"Dialah Tuhan di langit dan Dia juga Tuhan di bumi."

(Surah az-Zukhruf: 84)

Begitu juga isu utama agama Islam ialah membawa manusia supaya mempercayai bahawa hanya Rasulullah sahaja yang berfungsi sebagai penyampai dari Allah dan kerana itu manusia harus menjunjung segala apa yang disampaikan rasul kepada mereka.

Inilah isu agama Islam dari segi i'tiqad untuk disematkan di dalam hati dan dari segi gerakan perjuangan untuk ditegakkan di dalam kehidupan manusia. Oleh sebab itulah perbuatan menghindarkan diri dari isu ini merupakan pengkhianatan terhadap Allah dan rasul. Kelompok Muslimin yang beriman kepada Allah dan mengumumkan keimanannya diperingatkan supaya jangan melakukan pengkhianatan itu, malah mereka wajib berjuang untuk merealisasikan pengertian Islam di alam realiti dan memikul kewajipan-kewajipan jihad itu dengan mengorbankan jiwa raga, harta benda dan anak pinak.

Begitu juga kelompok Muslimin diperingatkan supaya jangan mengkhianati amanah yang dipikul mereka sejak mereka mengikat perjanjian setia dengan Rasulullah s.a.w. untuk berpegang teguh dengan Islam, kerana Islam bukanlah kata-kata yang

hanya diucapkan dengan lidah dan bukan pula merupakan semata-mata ungkapan-ungkapan dan do'a-do'a, malah Islam adalah sistem hidup yang sempurna dan syumul, yang dihalangi oleh berbagai-bagai halangan dan kesulitan. Islam adalah sistem hidup untuk menegakkan realiti kehidupan di atas prinsip La ilaha Illallah, satu prinsip yang mengembalikan seluruh manusia kepada 'ubudiyah kepada Allah Tuhan mereka yang sebenar dan mengembalikan masyarakat kepada kuasa Hakimiyah Allah dan syari'at-Nya, di samping mengembalikan penguasa-penguasa yang sewenang-wenang yang mencabul Uluhiyah Allah dan kuasa-Nya dari terus bermaharajalela dan mencabul, juga menjamin kebenaran dan keadilan kepada seluruh manusia, iaitu menegakkan keadilan dalam kalangan mereka dengan neraca yang teguh dan seterusnya membangun dan mengimarahkan bumi serta melaksanakan tugas-tugas khilafah Allah dengan sistem hidup ciptaan Allah.

Semuanya itu adalah amanah-amanah yang wajib dan sesiapa yang mengabaikannya bererti ia telah mengkhianati amanah dan melanggar perjanjiannya dengan Allah, juga membatalkan perjanjian setianya yang telah diikatkan dengan rasul-Nya.

Semuanya itu memerlukan pengorbanan, kesabaran, ketabahan dan kesanggupan mengatasi ujian daya pesona kesayangan kepada harta benda dan anak pinak dan berjuang untuk mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah, yang disediakan untuk para hamba-Nya yang memikul amanah-amanah-Nya dengan jujur, sabar, berkorban dan tidak mementingkan diri:

وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّمَآ أَمۡوَٰلُكُمۡ وَأَوۡلَٰدُكُمۡ فِتۡنَةٞ وَأَنَّ ٱللَّهَ عِندَهُۥٓ أَجۡرٌ عَظِيمٞ ﴿٢٨﴾

"Dan ketahuilah bahawa harta kekayaan kamu dan anak-anak kamu merupakan sesuatu ujian yang amat mempesonakan dan sesungguhnya pahala yang amat besar itu tersimpan di sisi Allah."(28)

Harta Dan Anak Merupakan Batu Uji

Al-Qur'an berbicara dengan diri manusia sesuai dengan hakikat struktur tabi'atnya yang tersembunyi yang hanya diketahui oleh Allah Penciptanya dan sesuai dengan hakikat rahsia-rahsia dirinya yang diketahui Allah lahir dan batin serta liku-liku hatinya dan lorong-lorongnya yang sulit.

Allah S.W.T. mengetahui tempat-tempat kelemahan manusia dan Dia mengetahui bahawa kesayangan kepada harta kekayaan dan anak pinak merupakan titik kelemahan, manusia yang paling mendalam. Oleh sebab itulah dalam ayat ini Allah mengingatkan manusia tentang hakikat pengurniaan harta kekayaan dan anak pinak kepada mereka. Sebetulnya Allah mengurniakan harta kekayaan dan anak pinak kepada mereka adalah dengan tujuan untuk menguji kewibawaan mereka, kerana harta kekayaan dan anak pinak itu merupakan perhiasan hidup dunia yang dijadikan tempat ujian dan dugaan agar Allah dapat melihat bagaimana perilaku mereka menghadapi ujian itu. Apakah mereka bersyukur dan menunaikan hak dan kewajipan mereka terhadap limpah kurnia yang dini'matinya itu? Atau mereka terus sibuk dengan ni'mat-ni'mat itu hingga lupa menunaikan hak Allah padanya?

وَنَبۡلُوكُم بِٱلشَّرِّ وَٱلۡخَيۡرِ فِتۡنَةٗ

"Kami uji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan."

(Surah al-Anbia': 35)

Cubaan itu bukan hanya dengan kesusahan dan kesengsaraan sahaja, tetapi juga dengan kesenangan dan pengurniaan dan di antaranya ialah harta kekayaan dan anak pinak.

Inilah peringatan yang pertama:

وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّمَآ أَمۡوَٰلُكُمۡ وَأَوۡلَٰدُكُمۡ فِتۡنَةٞ

"Dan ketahuilah bahawa harta kekayaan kamu dan anak-anak kamu merupakan suatu ujian yang amat mempesonakan."(28)

Apabila hati seseorang menyedari tempat-tempat ujian dan cubaan, maka ini akan membantunya bersikap waspada, siap siaga dan berhati-hati dari terlalai dan lupa yang akan mengakibatkan kegagalan dalam menghadapi ujian dan cubaan itu.

Kemudian Allah tidak meninggalkan seseorang itu terbiar tanpa mendapat bantuan dan pampasan dari-Nya, kerana walaupun ia sedar dan waspada, namun ia mungkin lemah untuk menghadapinya kerana pengorbanan itu sangat berat dan kewajipan itu sangat besar terutama ketika menghadapi titik-titik kelemahan kerana sayangkan harta kekayaan dan anak-anak. Oleh sebab itu Allah menawarkan ganjaran-ganjaran yang lebih baik dan lebih kekal untuk menguatkan hatinya dan membantunya menghadapi cubaan itu:

وَأَنَّ ٱللَّهَ عِندَهُۥٓ أَجۡرٌ عَظِيمٞ ﴿٢٨﴾

"Sesungguhnya pahala yang amat besar itu tersimpan di sisi Allah."(28)

Allah S.W.T. yang mengurniakan harta kekayaan dan anak-anak, dan di sebalik pengurniaan ini Allah menyediakan ganjaran yang besar kepada mereka yang dapat mengatasi cubaan daya pesona sayangkan harta kekayaan dan anak-anak. Oleh sebab itu setiap orang tidak seharusnya duduk berkilas tangan dari memikul tugas-tugas amanah dan memberi pengorbanan-pengorbanan untuk berjihad. Ganjaran yang besar itulah yang merupakan pertolongan dan bantuan kepada manusia yang lemah dan hanya Allah Penciptanya sahaja yang mengetahui tempat-tempat kelemahannya:

"Manusia itu diciptakan lemah."

(Surah an-Nisa: 28)

Islam adalah satu sistem hidup yang sepadu dari segi i'tiqad dan kefahaman-kefahaman, dari segi tarbiyah dan bimbingan dan dari segi kefardhuan dan kewajipan. Ia adalah sistem hidup ciptaan Allah yang mengetahui (tabi'at manusia) kerana Dialah yang mencipta manusia:

أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ ٱللَّطِيفُ ٱلْخَبِيرُ ﴿١٤﴾

"Masakan Allah yang menciptakan itu tidak mengetahui, sedangkan Dialah Yang Maha Halus dan Maha Mendalam Ilmu-Nya?"

(Surah al-Mulk: 14)

(Pentafsiran ayat 29)

Seruan terakhir yang ditujukan kepada para Mu'minin di bahagian ini dalam surah ini ialah seruan ke arah ketaqwaan. Oleh sebab itu sebaik sahaja hati para Mu'minin tampil memikul tugas-tugas yang berat itu, maka mereka akan dapati kedudukan mereka berada dalam situasi yang amat jelas, mereka berada dalam sorotan nur yang mendedahkan segala kekeliruan, menghapuskan kesangsian dan keraguan dan meneguhkan jejak-jejak tapak kaki mereka di jalan perjuangan yang penuh duri dan jauh itu. Daya Furqan atau petunjuk Ilahi yang memisahkan di antara yang benar dan yang bathil itu tidak dapat dicapai oleh hati para Mu'minin kecuali dengan kepekaan taqwa dan nur dari Allah:

Taqwa Merupakan Bekalan Utama Perjuangan

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِن تَتَّقُوا۟ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّكُمْ فُرْقَانًا وَيُكَفِّرْ عَنكُمْ سَيِّـَٔاتِكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ ذُو ٱلْفَضْلِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٢٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertaqwa kepada nescaya Allah kurniakan kepada kamu deria pemisah (di antara yang hak dan yang bathil) dan menghapuskan segala dosa kamu dan mengurniakan keampunan kepada kamu dan Allah itu adalah Tuhan yang mempunyai limpah kurnia Yang Maha Besar."(29)

Inilah bekalan dan persediaan di jalan perjuangan, iaitu bekalan taqwa yang menghidup dan menggerakkan hati dan merangsangkan kewaspadaan dan sikap hati-hati, juga bekalan nur yang menerangi segala liku-liku jalan dan lorong-lorongnya di sepanjang penglihatan mata yang tidak boleh dikaburi oleh kekeliruan-kekeliruan yang menutup pandangan yang sempurna dan betul. Di samping itu ia juga merupakan bekalan keampunan terhadap kesalahan, iaitu bekalan yang melimpahkan ketenangan dan ketenteraman dan seterusnya ia merupakan bekalan cita-cita dan harapan untuk mencapai limpah kurnia Allah Yang Maha Besar pada hari-hari di mana segala bekalan kehabisan dan segala amalan tidak mencukupi.

Itulah satu hakikat yang nyata, iaitu taqwa kepada Allah akan melahirkan dalam hati daya furqan yang mendedahkan selekoh-selekoh jalan, tetapi hakikat ini sama seperti segala hakikat-hakikat 'aqidah, di mana tiada siapa yang mengetahuinya kecuali mereka yang telah mengecapinya. Penjelasan tidak dapat memindahkan kecapan atau rasa hakikat ini kepada mereka yang tidak pernah mengecapinya.

Segala urusan akan terus bercelaru di dalam hati dan akal, jalan-jalan akan terus bersimpang-siur pada penglihatan dan fikiran, yang batil akan terus bercampuraduk dengan yang benar di persimpangan-persimpangan jalan, alasan-alasan akan terus dikemukakan, tetapi tidak meyakinkan dan mematahkan dan tidak disambut hati dan akal, perdebatan menjadi sia-sia dan perbincangan menjadi usaha membuang waktu. Semuanya akan berakhir begitu selama tidak ada taqwa, sebaliknya jika taqwa itu wujud, maka akal akan menjadi terang, kebenaran akan terserlah, jalan kelihatan jelas, hati akan menjadi tenang dan rehat dan jejak-jejak tapak kaki menghentak teguh di jalan perjuangan.

Sebenarnya kebenaran itu sendiri tidak terselindung kepada fitrah. Di sana terdapat hubungan mesra dan seia sekata di antara fitrah dengan kebenaran, kerana fitrah diciptakan di atas kebenaran sebagaimana langit dan bumi diciptakan dengan kebenaran, tetapi hawa nafsulah yang menjadi batu penghalang di antara kebenaran dengan fitrah. Hawa nafsulah yang menyebarkan kegelapan, menutup pemandangan dan melindungi segala jalan dan lorong. Hawa nafsu tidak dapat ditolak dengan hujjah, ia hanya dapat ditolak dengan taqwa, dengan perasaan takut kepada Allah dan dengan muraqabah dengan Allah dalam situasi sulit dan terang. Dengan ini tercapailah daya Furqan yang menerangi matahati, menghapuskan kekeliruan dan menerangi jalan.

Daya Furqan merupakan suatu yang tidak ternilai harganya, tetapi limpah kurnia Allah Yang Maha Besar menokokkan lagi kepadanya anugerah menghapuskan kesalahan dan mengampunkan dosa dan ditambahkan lagi dengan limpah kurnia-Nya yang besar.

Pemberian yang merangkumi segala-galanya itu tidak mungkin diberi melainkan oleh Tuhan Yang Maha Pemurah yang mempunyai limpah kurnia yang amat besar:

(Kumpulan ayat-ayat 30 - 40)

وَإِذْ يَمْكُرُ بِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِيُثْبِتُوكَ أَوْ يَقْتُلُوكَ أَوْ يُخْرِجُوكَ ۚ وَيَمْكُرُونَ وَيَمْكُرُ ٱللَّهُ ۖ وَٱللَّهُ خَيْرُ ٱلْمَٰكِرِينَ ﴿٣٠﴾

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُنَا قَالُوا۟ قَدْ سَمِعْنَا لَوْ نَشَآءُ لَقُلْنَا مِثْلَ هَٰذَآ ۙ إِنْ هَٰذَآ إِلَّآ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٣١﴾ وَإِذْ قَالُوا۟ ٱللَّهُمَّ إِن كَانَ هَٰذَا هُوَ ٱلْحَقَّ مِنْ عِندِكَ فَأَمْطِرْ عَلَيْنَا حِجَارَةً مِّنَ ٱلسَّمَآءِ أَوِ ٱئْتِنَا بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٢﴾ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُعَذِّبَهُمْ وَأَنتَ فِيهِمْ ۚ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ مُعَذِّبَهُمْ وَهُمْ يَسْتَغْفِرُونَ ﴿٣٣﴾ وَمَا لَهُمْ أَلَّا يُعَذِّبَهُمُ ٱللَّهُ وَهُمْ يَصُدُّونَ عَنِ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ وَمَا كَانُوٓا۟ أَوْلِيَآءَهُۥٓ ۚ إِنْ أَوْلِيَآؤُهُۥٓ إِلَّا ٱلْمُتَّقُونَ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٤﴾ وَمَا كَانَ صَلَاتُهُمْ عِندَ ٱلْبَيْتِ إِلَّا مُكَآءً وَتَصْدِيَةً ۚ فَذُوقُوا۟ ٱلْعَذَابَ بِمَا كُنتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿٣٥﴾ إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ يُنفِقُونَ أَمْوَٰلَهُمْ لِيَصُدُّوا۟ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ فَسَيُنفِقُونَهَا ثُمَّ تَكُونُ عَلَيْهِمْ حَسْرَةً ثُمَّ يُغْلَبُونَ ۗ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِلَىٰ جَهَنَّمَ يُحْشَرُونَ ﴿٣٦﴾ لِيَمِيزَ ٱللَّهُ ٱلْخَبِيثَ مِنَ ٱلطَّيِّبِ وَيَجْعَلَ ٱلْخَبِيثَ بَعْضَهُۥ عَلَىٰ بَعْضٍ فَيَرْكُمَهُۥ جَمِيعًا فَيَجْعَلَهُۥ فِى جَهَنَّمَ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿٣٧﴾ قُل لِّلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِن يَنتَهُوا۟ يُغْفَرْ لَهُم مَّا قَدْ سَلَفَ وَإِن يَعُودُوا۟ فَقَدْ مَضَتْ سُنَّتُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٣٨﴾

وَقَٰتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ ٱلدِّينُ كُلُّهُۥ لِلَّهِ ۚ فَإِنِ ٱنتَهَوْا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٣٩﴾ وَإِن تَوَلَّوْا۟ فَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ مَوْلَىٰكُمْ ۚ نِعْمَ ٱلْمَوْلَىٰ وَنِعْمَ ٱلنَّصِيرُ ﴿٤٠﴾

"Dan (kenangilah) ketika orang-orang kafir (Quraysy) merancangkan tipu daya terhadap engkau untuk membekukan pergerakan engkau atau membunuh engkau atau mengusir engkau. Mereka merancangkan berbagai tipudaya dan Allah mengatur tindakan balas (yang menggagalkannya) dan Allah adalah sebaik-baik Pengatur tindakan balas (30). Apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami, mereka lantas berkata: Kami telah pun mendengar ayat-ayat yang seperti itu, jika kami mahu, kami juga boleh bermadah seperti ini dan sebenarnya Al-Qur'an ini tidak lain melainkan dongeng-dongeng orang-orang di zaman purbakala (31). (Kenangilah) ketika mereka (orang-orang kafir Quraysy) berkata: Ya Allah! Jika Al-Qur'an benar diturunkan dari sisi Engkau, maka hujanilah kami dengan batu-batu dari langit atau timpakan ke atas kami 'azab yang amat pedih (32). Dan Allah tidak sekali-kali akan menimpakan 'azab ke atas mereka, sedangkan engkau berada di kalangan mereka dan Allah tidak akan meng'azabkan mereka, sedangkan mereka memohon keampunan (33). Dan apakah yang menghalangkan mereka dari di'azabkan Allah, sedangkan mereka menyekat orang ramai beribadat di Masjidil-Haram. Mereka bukannya orang-orang yang menyintai masjid, kerana tiada orang -orang yang menyintai masjid kecuali orang-orang yang bertaqwa, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (34). Dan tiadalah cara solat mereka di Masjidil-Haram itu melainkan ialah bersiul-siul dan bertepuk-tepuk tangan. Oleh itu rasakanlah 'azab dengan sebab perbuatan-perbuatan kamu yang kafir (35). Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu membelanjakan harta mereka untuk menghalangkan orang ramai dari jalan Allah. Mereka akan terus membelanjakan harta mereka begitu kemudian mereka akan ditimpa kesesalan, kemudian mereka akan dan seluruh orang yang kafir itu akan dikumpulkan di dalam Neraka (36). Supaya (dengan kekalahan mereka) Allah memisahkan yang buruk dari yang baik dan menjadikan yang buruk itu bertindih-tindih satu sama lain lalu ia melonggokkan seluruhnya dan menghumbankannya ke dalam Neraka Jahannam. Merekalah orang-orang yang rugi (37). Katakanlah kepada orang-orang yang kafir itu: Jika mereka berhenti (menentang engkau), nescaya Allah memberi keampunan kepada mereka terhadap kesalahan-kesalahan mereka yang telah silam. Dan jika mereka kembali lagi (menentang engkau), maka Sunnatullah telah pun berlaku ke atas umat-umat yang terdahulu (38). Dan perangilah mereka sehingga tidak berlaku lagi sebarang penindasan (terhadap orang-orang Mu'min) dan sehingga agama (keta'atan) seluruhnya tertentu kepada Allah sahaja. Dan jika mereka berhenti (dari kekufuran dan menentang da'wah), maka sesungguhnya Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan mereka (39). Dan jika mereka berpaling, maka ketahuilah bahawa Allah itulah Pelindung kamu. Dia adalah sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Penolong."(40)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Penerangan ayat-ayat tersebut di dalam surah ini terus menayangkan sejarah zaman silam untuk menghadapi situasi masa kini. Ia menggambarkan kepada kaum Muslimin yang telah mengharungi peperangan itu dan mencapai kemenangan yang gemilang dengan bantuan Allah betapa jauhnya perpindahan mereka di antara keadaan mereka di zaman silam dengan keadaan mereka di zaman kini, serta memperlihatkan kepada mereka betapa besarnya limpah kurnia - Allah kepada mereka dalam mengaturkan pentadbiran dan perencanaan-perencanaan-Nya untuk kebaikan mereka. Perpindahan dan pengurniaan itu adalah begitu besar hingga persoalan harta rampasan perang kelihatan begitu kecil di samping-Nya dan persoalan pengorbanan-pengorbanan dan kesulitan kelihatan begitu gampang di samping-Nya.

Di dalam pelajaran yang lepas telah digambarkan kedudukan kaum Muslimin di Makkah dan kedudukan mereka sebelum berlakunya Peperangan Badar, di mana bilangan mereka masih sedikit, kedudukan mereka masih lemah dan kekuatan mereka masih kecil sehingga mereka berada dalam ketakutan dan kebimbangan diculik dan diserang oleh orang-orang Musyrikin. Dan kemudian digambarkan pula keadaan mereka selepas mereka mendapat tempat perlindungan, mendapat kedudukan yang kuat dan ni'mat kesenangan dengan pentadbiran, pemeliharaan dan limpah kurnia Allah.

Kemudian di sini digambarkan pula kedudukan kaum Musyrikin ketika mereka mengatur rancangan jahat yang sulit dan menyusun komplot-komplot terhadap Rasulullah, s.a.w. tidak lama sebelum hijrah, di mana mereka menolak ayat-ayat Al-Qur'an yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. sambil mendakwa bahawa mereka juga mampu mengadakan ayat-ayat yang sama dengan ayat-ayat Al-Qur'an jika mereka kehendaki. Mereka memperlihatkan sikap mereka begitu degil hingga ke tahap mencabar agar mereka segera ditimpakan 'azab keseksaan jika Al-Qur'an itu benar dari Allah, sedangkan yang sepatutnya mereka kembali kepada Al-Qur'an dan berpedoman dengannya.

Kemudian Al-Qur'an menceritakan pula bagaimana kaum Musyrikin itu membelanjakan harta kekayaan mereka untuk menghalangkan manusia dari jalan Allah dan mengadakan pakatan untuk memerangi Rasulullah, kemudian mereka dijanjikan Allah bahawa perjuangan mereka akan berakhir dengan kegagalan dan penyesalan di dunia, dan di Akhirat pula mereka akan dikumpulkan di dalam Neraka Jahannam dan mereka akan terus ditimpa kerugian di sana sini di sebalik tipu daya, pakatan dan rancangan jahat mereka.

Pada akhirnya Allah memerintah nabi-Nya supaya menghadapi orang-orang kafir dan menawar kepada mereka salah satu dari dua pilihan, iaitu sama ada mereka memilih berhenti dari kekufuran, kedegilan, memerangi Allah dan rasul-Nya dengan balasan bahawa mereka akan mendapat keampunan dari Allah terhadap kemungkaran-kemungkaran yang telah dilakukan di dalam jahiliyah mereka, atau memilih kembali kepada sikap kufur, amalan dan usaha-usaha jahat mereka yang silam dengan ancaman bahawa mereka akan ditimpa malapetaka yang telah menimpa kaum-kaum yang terdahulu yang sama seperti mereka, di mana Sunnatullah telah mengenakan ke atas mereka 'azab kesengsaraan mengikut apa yang dikehendaki dan direncanakan Allah.

Kemudian Allah memerintah kaum Muslimin supaya memerangi kaum Kafirin habis-habisan supaya mereka tidak lagi mempunyai kekuatan untuk menindaskan kaum Muslimin dan supaya ciri Uluhiyah itu hanya tertentu kepada Allah sahaja di bumi ini dan seluruh keta'atan dan agama itu terpulang kepada Allah sahaja. Dan jika mereka mengumumkan penyerahan diri, maka penyerahan itu akan diterima oleh Nabi s.a.w. dan niat mereka yang sebenar terserah kepada Allah yang akan menghisabkan mereka dan Allah mengetahui segala apa yang dilakukan mereka. Sebaliknya jika mereka enggan berbuat begitu dan terus memerangi Allah dan rasul-Nya dan terus berdegil dan tidak mengi'tirafkan Uluhiyah Allah Yang Maha Esa sahaja dan enggan menyerah diri kepada kekuasaan Allah di bumi, maka kaum Muslimin akan meneruskan perjuangan melawan mereka dengan penuh keyakinan bahawa Allah akan memberi perlindungan kepada mereka dan Dialah sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Penolong.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 30)

وَإِذْ يَمْكُرُ بِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِيُثْبِتُوكَ أَوْ يَقْتُلُوكَ أَوْ يُخْرِجُوكَ ۚ وَيَمْكُرُونَ وَيَمْكُرُ اللَّهُ ۖ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَاكِرِينَ ﴿٣٠﴾

"Dan (kenangilah) ketika orang-orang kafir (Quraysy) merancangkan tipudaya terhadap engkau untuk membekukan pergerakan engkau atau membunuh engkau atau mengusir engkau. Mereka merancangkan berbagai tipu daya dan Allah mengatur tindakan balas (yang menggagalkannya) dan Allah adalah sebaik-baik pengatur tindakan balas."(30)

Ayat ini mengingatkan keadaan yang wujud di negeri Makkah sebelum berlaku perubahan kepada kaum Muslimin. Ayat ini memberi mereka keyakinan dan kepercayaan terhadap masa depan mereka di samping menyedarkan mereka terhadap perencanaan Allah dan kebijaksanaan-Nya dalam setiap keputusan dan perintah-Nya. Kaum Muslimin yang julung-julung kali dihadapkan Al-Qur'an ini kepada mereka memang mengetahui dua keadaan hidup yang berbeza ini, kerana mereka telah menghayati, melihat

dan mengecapinya sendiri. Kepada mereka cukuplah diperingatkan dengan masa silam mereka yang baru sahaja berlalu di mana mereka hidup dalam ketakutan dan kebimbangan dibandingkan dengan masa kini yang penuh aman dan tenteram, dan zaman kaum Musyrikin mengaturkan berbagai-bagai rancangan jahat dan tipu daya terhadap Rasulullah s.a.w. dibandingkan dengan masa kini di mana kaum Muslimin bukan sahaja terselamat dari kejahatan mereka, malah dapat menewaskan mereka.

Pakatan Jahat Terhadap Rasulullah

Mereka telah mengatur rancangan jahat untuk menangkap Rasulullah s.a.w. dan mempenjarakannya hingga mati atau untuk membunuh beliau agar mereka bebas darinya atau untuk mengusir beliau dari Makkah sebagai orang buangan. Mereka telah mengadakan pakatan-pakatan sulit untuk melaksanakan rancangan-rancangan jahat ini dan pada akhirnya mereka memilih rancangan membunuh beliau dengan syarat pembunuhan itu dilakukan oleh pemuda-pemuda dari semua qabilah supaya tuntutan terhadap darah beliau terkena ke atas semua qabilah, dan sudah tentu Bani Hasyim (keluarga Rasulullah) tidak mampu untuk memerangi semua qabilah Arab dan terpaksa menerima bayaran diyat sahaja dan dengan itu segala-galanya selesai.

Ujar al-Imam Ahmad: Kami diceritakan oleh Abdul Razak, kami dikhabarkan oleh Ma'mar, saya dikhabarkan oleh 'Uthman al-Jarir dari Muqassam maula Ibn 'Abbas, ia dikhabarkan oleh Ibn 'Abbas mengenai maksud firman Allah:

وَإِذْ يَمْكُرُ بِكَ

"Dan (kenangilah) ketika orang-orang kafir Quraysy merancangkan tipudaya terhadap engkau."(30)

Ujar Ibn 'Abbas: Pada suatu malam orang-orang Quraysy bermesyuarat di Makkah. Setengah mereka mencadangkan agar Nabi Muhammad ditangkap dan diberkas pada pagi esok, setengahnya pula mencadangkan agar beliau dibunuh sahaja dan setengah yang lain mencadangkan agar beliau diusir dari Makkah. Lalu Allah memberitahu rancangan itu kepada Nabi-Nya s.a.w. dan Ali pun tidur di hamparan Rasulullah s.a.w., sementara beliau keluar dan berlindung di dalam gua. Pada malam itu kaum Musyrikin (yang mengepung rumah Nabi) terus mengawal Ali yang disangkakannya Nabi s.a.w. Apabila tiba waktu pagi mereka menyerbu tempat tidur Ali dan apabila mereka melihat orang yang tidur itu Ali bukannya Nabi s.a.w., maka ternyatalah bahawa Allah telah melakukan tindak balas yang mengagalkan tipudaya mereka, lalu mereka bertanya kepada Ali: "Di mana sahabat awak?" Jawab Ali: "Saya tidak tahu". Kemudian mereka mengikuti jejak Rasulullah s.a.w. dan apabila mereka tiba di bukit tempat persembunyian beliau, mereka menjadi keliru, mereka naik di atas bukit itu dan lalu di pintu guanya, di sana mereka melihat pintu gua itu ditutupi sarang labah-labah, lalu mereka berkata: Jika dia (Muhammad) masuk ke dalam gua ini tentulah sarang labah-labah ini tidak ada di pintu gua ini. Beliau bersembunyi di dalam gua ini selama tiga malam.

وَيَمْكُرُونَ وَيَمْكُرُ ٱللَّهُ ۖ وَٱللَّهُ خَيْرُ ٱلْمَٰكِرِينَ ﴿٣٠﴾

"Mereka merancangkan berbagai-bagai tipu daya dan Allah mengaturkan tindakan balas (yang menggagalkannya) dan Allah adalah sebaik Pengatur tindakan balas."(30)

Gambaran yang dilukiskan oleh firman Allah:

وَيَمْكُرُونَ وَيَمْكُرُ ٱللَّهُ

"Mereka merancangkan berbagai-bagai tipu daya dan Allah mengaturkan tindakan balas (yang menggagalkannya)"(30)

adalah suatu gambaran yang memberi kesan yang mendalam, di mana terbayang dalam imaginasi kita rumah perhimpunan Quraysy, di mana mereka mengaturkan komplot-komplot jahat, mengadakan perbincangan dan merancangkan tipudaya, sedangkan Allah berada di belakang mereka mengaturkan tindak balas yang menggagalkan rancangan mereka tanpa disedari mereka.

Ia merupakan satu gambaran sinis dan dalam waktu yang sama ia merupakan satu gambaran yang menakutkan. Masakan manusia-manusia yang lemah itu dapat melawan qudrat Allah Yang Gagah Perkasa, yang menguasai seluruh manusia dan teraju urusannya serta mengetahui segala sesuatu!

Pengungkapan Al-Qur'an melukiskan gambaran itu dengan caranya yang tersendiri dan unik untuk menggoncangkan hati dan merangsangkan perasaan yang mendalam.

(Pentafsiran ayat 31)

Kemudian ayat yang berikut memerikan keadaan dan perilaku orang-orang kafir dan dakwaan-dakwaan mereka yang dusta hingga sampai ke tahap sanggup mendakwa bahawa mereka mampu mengadakan ayat-ayat yang sama dengan ayat-ayat Al-Qur'an jika mereka mahu dan sanggup menyifatkan Al-Qur'an ini sebagai dongeng-dongeng orang-orang di zaman purba:

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُنَا قَالُوا۟ قَدْ سَمِعْنَا لَوْ نَشَآءُ لَقُلْنَا مِثْلَ هَٰذَآ ۙ إِنْ هَٰذَآ إِلَّآ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٣١﴾

"Apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami, mereka lantas berkata: Kami telah pun mendengar ayat-ayat yang seperti itu, jika kami mahu, kami juga boleh bermadah seperti ini dan sebenarnya Al-Qur'an ini tidak lain melainkan dongeng-dongeng orang-orang di zaman purbakala."(31)

Kisah An-Nadhir Ibn Al-Harith Menghinakan Al-Qur'an

Ibn Kathir telah menyebut dalam tafsirnya - yang dinukilkan dari Sa'id Ibn Jubayr, as-Suddi, Ibn Jurayj dan lainnya - bahawa orang yang mengeluarkan

perkataan ini ialah an-Nadhr Ibn al-Harith katanya: An-Nadhr - Allah laknatkannya - telah pergi ke negeri Parsi dan di sana dia mempelajari cerita-cerita Seri Maharaja Parsi, iaitu Rustam dan Asfandiar, dan apabila dia pulang dia dapati Rasulullah s.a.w. telah diangkatkan Allah sebagai rasul-Nya yang membawa ayat-ayat Al-Qur'an kepada orang ramai. Biasanya apabila Rasulullah s.a.w. bangun dan meninggalkan majlisnya, maka an-Nadhr terus datang mengambil tempatnya lalu menceritakan kepada mereka kisah-kisah raja Parsi, kemudian ia berkata: Demi Allah, cerita siapakah yang lebih baik di antara kami? Saya atau Muhammad? Oleh sebab itu apabila Allah Ta'ala membolehkannya ditawan pada hari Peperangan Badar, maka Rasulullah s.a.w. telah memerintah supaya ia dibunuh di hadapan beliau semasa dalam tawanan dan perintah itu, Alhamdulillah, telah dilaksanakan. Orang yang berjaya menawannya ialah al-Miqdad Ibn al-Aswad r.a. Cerita ini sama dengan cerita Ibn Jarir katanya: Kami diceritakan oleh Muhammad Ibn Basysyar, kami diceritakan oleh Muhammad Ibn Jaafar, kami diceritakan oleh Syu'bah daripada Abu Bisyr, daripada Said Ibn Jubayr katanya: Pada hari peperangan Badar, Nabi s.a.w. telah mengenakan hukuman bunuh ke atas beberapa orang tawanan iaitu Uqbah Ibn Abu Mu'ayt, Ta'imah Ibn Adi dan al-Nadhr Ibn al-Harith. Oleh sebab itu apabila Rasulullah s.a.w. memerintah supaya al-Nadhr dibunuh, al-Miqdad yang menawan an-Nadhr ibn al-Harith tampil berkata: "Wahai Rasulullah, dia ini tawanan saya". Jawab Rasulullah s.a.w.: "Dia telah menghina kitab Allah." Lalu Rasulullah s.a.w. memerintah supaya an-Nadbr dibunuh. Tetapi Al-Miqdad merayu sekali lagi : 'Wahai Rasulullah, dia itu tawanan saya." Lalu Rasulullah s.a.w. berdo'a: 'Ya Allah, kurniakanlah kepada al-Miqdad dari limpah kurnia-Mu sesuatu yang mencukupinya." Ujar al-Miqdad: 'Inilah yang saya kehendaki." Ujar Said Ibn Jubayr: "Kerana inilah diturunkan ayat:

Tipu Muslihat Di Sebalik Tuduhan Al-Qur'an Sebagai Dogeng-dogeng Purba

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُنَا قَالُوا۟ قَدْ سَمِعْنَا لَوْ نَشَآءُ لَقُلْنَا مِثْلَ هَٰذَآ إِنْ هَٰذَآ إِلَّآ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٣١﴾

"Apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami, mereka lantas berkata: Kami telah pun mendengar ayat-ayat yang seperti itu, jika kami mahu, kami juga boleh bermadah seperti ini dan sebenarnya Al-Qur'an ini tidak lain melainkan dongeng-dongeng orang-orang di zaman purbakala."(31)

Di dalam Al-Qur'an telah disebutkan berulang-ulang kali perkataan orang-orang kafir yang menyifatkan Al-Qur'an sebagai *"dongeng orang-orang di zaman purba"* di antaranya:

وَقَالُوٓا۟ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ٱكْتَتَبَهَا فَهِىَ تُمْلَىٰ عَلَيْهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٥﴾

"Mereka berkata: Al-Qur'an itu ialah cerita-cerita dongeng orang-orang di zaman purba yang dipinta oleh Muhammad supaya dituliskan kemudian dibacakan kepadanya pagi dan petang."

(Surah al-Furqan: 5)

Perkataan ini merupakan salah satu dari siri-siri tipu muslihat yang digunakan mereka untuk menentang Al-Qur'an, sedangkan Al-Qur'an berbicara dengan fitrah manusia untuk menyampaikan kebenaran yang dikenalinya dari lubuk hatinya dan menjadikannya menggeletar dan bersedia menyambut kebenaran itu. Al-Qur'an menghadapi hati manusia dengan pengaruhnya yang kuat dan membuat hati mereka tidak tertahan dari menggeletar mendengar nadanya. Kerana inilah pembesar-pembesar Quraysy menggunakan tipu muslihat yang seperti ini, sedangkan mereka sedar bahawa apa yang dikatakan mereka hanya tipu muslihat sahaja. Mereka mencari di dalam Al-Qur'an sesuatu yang menyerupai cerita-cerita dongeng terkenal di dalam cerita-cerita dongeng berbagai-bagai umat di sekeliling mereka untuk mengaburi mata orang-orang Arab. Mereka menggunakan tipu muslihat ini dengan tujuan untuk mengekalkan mereka di dalam kandung Ubudiyah kepada sesama manusia.

Pengakuan Dua Kalimat Syahadat Mencetuskan Revolusi

Para pembesar Quraysy memang mengetahui tabi'at da'wah Islamiyah ini sejak mereka memahami pengertian-pengertian bahasa mereka yang betul. Mereka mengerti bahawa syahadat atau pengakuan La ilaha Illallah dan Muhammad Rasulullah merupakan pengumuman memberontak terhadap kuasa manusia seluruhnya, juga pengumuman keluar dari kuasa Hakimiyah manusia seluruhnya dan lari kepada Uluhiyah dan kuasa Hakimiyah Allah yang Maha Esa sahaja. Dalam menjalani Ubudiyah kepada Allah, maka yang menjadi sumber penerimaan perintah ialah Muhammad Rasulullah s.a.w. sahaja bukannya orang-orang yang bercakap atas nama tuhan-tuhan atau dengan nama Allah. Para pembesar Quraysy itu melihat orang-orang yang berikrar dengan syahadat ini terus keluar dari kuasa Quraysy, kepimpinan dan kuasa Hakimiyahnya dan bergabung dalam satu kumpulan yang bergerak di bawah kepimpinan Muhammad s.a.w. dan tunduk kepada bimbingan dan kuasanya. Mereka mencabut kesetiaan mereka kepada keluarga, suku, ketua suku dan kepada kepimpinan jahiliyah. Mereka menumpukan seluruh kesetiaan mereka kepada kepimpinan yang baru dan kepada kelompok Muslimin yang menjadi tapak kepimpinan yang baru.

Semuanya ini merupakan pengertian dari syahadat La ilaha Illallah dan Muhammad Rasulullah, dan ini adalah realiti yang dilihat oleh para pembesar Quraysy yang dianggap mereka sebagai bahaya yang mengancam kedudukan mereka di samping mengancam peraturan sosial, politik, ekonomi dan kepercayaan yang menjadi asas kedudukan mereka.

Pengertian sebenar syahadat La ilaha Illallah dan Muhammad Rasulullah ini bukanlah suatu pengertiannya yang kabur, kosong dan lemah seperti yang dimaksudkan oleh orang-orang yang mengaku diri mereka sebagai Muslimin pada hari ini dengan semata-mata mengikrarkan syahadat ini dengan lidah mereka dan dengan hanya menunaikan setengah-setengah syi'ar ibadat sahaja, sedangkan Uluhiyah Allah di bumi dan dalam kehidupan manusia tidak wujud dan tidak ada bayangnya, sementara kepimpinan jahiliyah dan undang-undang jahiliyah pula terus menguasai masyarakat dan mengendalikan urusan pentadbirannya.

Memang benar semasa berada di negeri Makkah, Islam tidak mempunyai undang-undang dan kerajaan, tetapi mereka yang melafazkan dua syahadat ini terus menyerahkan diri mereka kepada kepimpinan Muhammad dan terus memberi kesetiaan mereka kepada kelompok Muslimin. Mereka mencabut diri mereka dari kepimpinan jahiliyah dan tampil menentangnya. Seterusnya mereka mencabut kesetiaan mereka kepada keluarga, kepada suku dan kepada kepimpinan jahiliyah sebaik sahaja mereka melafazkan dua kalimat syahadat. Pengakuan syahadat ini bukannya cakap-cakap kosong, kabur dan lemah, malah pengertiannya yang sebenar dan praktikal itulah yang menterjemahkannya kepada hakikat yang menjadi asas tegaknya Islam.

Gejala-gejala inilah yang membuat para pembesar Quraysy takut kepada kemaraan Islam dan Al-Qur'an. Sebelum ini mereka tidak pernah memperlihatkan kebimbangan mereka kepada puak "Hunafa" yang menjauhkan diri dari kepercayaan-kepercayaan kaum Musyrikin dan ibadat-ibadat mereka dan beriman kepada Uluhiyah Allah sahaja serta menunaikan syi'ar ibadat kepada Allah dan menjauhi semua amalan menyembah berhala. Setakat apa yang telah ditunjukkan oleh puak "Hunafa" ini tidaklah menimbulkan apa-apa kebimbangan kepada Taghut jahiliyah (pembesar Quraysy), kerana kepercayaan yang negatif dan amalan-amalan ibadat itu tidak menimbulkan apa-apa bahaya kepada mereka. Sebenarnya kepercayaan yang negatif itu bukannya konsep Islam sebagaimana yang difikirkan oleh setengah-setengah orang-orang yang baik dan jujur pada hari ini yang ingin disifatkan sebagai golongan Muslimin yang sebenar, sedangkan mereka tidak mengenali Islam dengan pengenalan yang penuh yakin. Islam yang sebenar ialah pergerakan yang menyertai pengakuan lisan yang melafazkan dua kalimat syahadat, iaitu pergerakan mencabutkan diri dari masyarakat jahiliyah dengan segala kefahamannya, nilai-nilainya, kepimpinan, kekuasaan, undang-undang dan peraturannya di samping menunjukkan kesetiaan kepada kepimpinan da'wah Islamiyah dan kepada barisan kelompok Muslimin yang berhasrat untuk menegakkan Islam di alam realiti. Pergerakan inilah yang membuat para pembesar Quraysy tidak dapat melelapkan mata mereka dan bangkit menentang Islam dengan segala cara dan sarana dan di antaranya ialah cara membuat dakwaan-dakwaan yang dusta terhadap Al-Qur'an dengan mengatakan bahawa Al-Qur'an itu adalah cerita-cerita dongeng orang-orang di zaman dahulu, dan mereka juga mendakwa boleh mengadakan ayat-ayat yang sama dengan ayat-ayat Al-Qur'an jika mereka mahu. Mereka membuat cabaran ini berulang-ulang kali, tetapi mereka menunjukkan kelemahan mereka setiap kali mereka membuat cabaran itu.

Dongeng-dongeng ialah cerita-cerita yang biasanya bercampuraduk dengan kefahaman-kefahaman tahyul mengenai tuhan-tuhan atau dewa-dewa, juga mengenai cerita pahlawan-pahlawan di zaman purba dan peristiwa-peristiwa aneh yang sebahagian besarnya dari ciptaan imaginasi dan khurafat.

Pembesar-pembesar Quraysy sengaja mencari di dalam Al-Qur'an kisah kaum-kaum di zaman dahulu, cerita-cerita luar biasa, kisah-kisah mu'jizat, di mana Allah bertindak membinasakan golongan yang menolak da'wah dan menyelamatkan para Mu'minin dan sebagainya dari kisah-kisah Al-Qur'an yang mengolahkan maudhu'-maudhu' ini kemudian mereka berkata kepada orang ramai yang telah dieksploitasi mereka: Inilah dongeng-dongeng orang-orang di zaman purba yang telah dipinta oleh Muhammad kepada pengumpul-pengumpul cerita-cerita itu supaya menulis untuknya dan selepas itu ia datang membacakan cerita-cerita itu kepada kamu sambil mendakwa bahawa cerita-cerita itu adalah dari wahyu Allah kepadanya. Cara yang sama telah dilakukan oleh an-Nadhr ibn al-Harith apabila ia mengambil tempat Rasulullah s.a.w. di majlisnya selepas beliau selesai memberi kuliahnya atau duduk di suatu majlis yang lain yang berdekatan dengan majlis beliau, di mana dia menceritakan dongeng-dongeng bangsa Parsi yang dipelajarinya dalam kunjungan-kunjungannya ke negeri Parsi untuk mengatakan kepada orang ramai bahawa cerita-cerita yang dikemukakannya itu adalah "sama sahaja dengan kisah-kisah yang diceritakan oleh Muhammad kepada kamu, namun begitu aku tidak pernah mendakwa menjadi nabi atau menerima wahyu dari Allah sebagaimana yang didakwa olehnya". Pendeknya Al-Qur'an itu tidak lain melainkan hanya cerita-cerita dongeng yang sama dengan cerita-cerita dongeng Parsi itu.

Kita harus menilaikan bahawa kempen mengelirukan fikiran yang dilakukan oleh an-Nadhr Ibn al-Harith ini telah berjaya mempengaruhi orang ramai dalam masyarakat jahiliyah itu terutama di peringkat permulaan da'wah sebelum ternyata kepada mereka perbezaan-perbezaan di antara cerita-cerita dongeng dengan Al-Qur'anul-Karim. Inilah sebabnya mengapa juruhebah Rasulullah s.a.w. telah mengisytiharkan kepada pejuang-pejuang Muslimin sebelum meletusnya Peperangan Badar supaya membunuh an-Nadhr Ibn al-Harith. Kemudian apabila

beliau dapati an-Nadhr telah ditawan oleh pejuang Muslimin, beliau lantas memerintah supaya ia dibunuh bersama beberapa orang tawanan yang lain tanpa menerima bayaran tebusan seperti tawanan-tawanan yang lain.

Kempen yang seperti ini telah berakhir di Makkah, di mana terbukti bahawa cara ini tidak dapat hidup lama dan tipu muslihat seperti ini telah terbuka tembelangnya dalam waktu yang pendek sahaja, dan seterusnya terbukti bahawa Al-Qur'an dengan pengaruhnya yang kuat yang dibawa dari Allah dan dengan pengajarannya yang benar yang begitu cepat mendapat sambutan fitrah, telah berjaya menghapuskan cara kempen dan tipu muslihat seperti ini hingga tiada suatu pun yang dapat menghalangkannya dan menyebabkan pembesar-pembesar Quraysy berkata dengan penuh kebimbangan:

"Janganlah kamu dengar Al-Qur'an ini dan ganggukannya dengan percakapan-percakapan yang karut supaya kamu dapat mengalahkan mereka."

(Surah Fussilat: 26)

Tokoh-tokoh pembesar Quraysy seperti Abu Sufyan, Abu Jahl dan al-Akhnas Ibn Syurayq dapati diri mereka masing-masing menyembunyi diri di antara satu sama lain untuk mencuri peluang menghabiskan waktu malamnya mendengar secara diam-diam Rasulullah s.a.w. membaca Al-Qur'an. Mereka masing-masing tidak dapat menahan dirinya dari dibawa kakinya berulang-ulang kali, malam demi malam pergi ke tempat Rasulullah s.a.w. secara menyembunyikan diri dari satu sama lain untuk mendengar beliau membaca Al-Qur'an. Sehingga mereka terpaksa mengadakan perjanjian di antara mereka agar tidak mengulangi perbuatan ini kerana bimbang dilihat oleh anak-anak muda Quraysy, yang mana akibatnya boleh membawa mereka terpengaruh kepada Al-Qur'an dan agama Islam.

Al-Qur'an Telah Dipesongkan Kepada Semata-mata Lagu-lagu Yang Merdu

Namun demikian, percubaan an-Nadhr Ibn al-Hatith untuk mengalihkan pandangan umum dari Al-Qur'an dengan mengemukakan cerita-cerita dongeng yang mengelirukan mereka bukanlah merupakan suatu percubaan yang terakhir, malah berbagai-bagai percubaan telah diulangi dan akan terus diulangi. Sebenarnya musuh-musuh Islam sentiasa berusaha untuk mengalihkan pandangan kaum Muslimin dari Al-Qur'an, dan apabila usaha-usaha itu gagal, mereka pusingkan Al-Qur'an kepada bacaan-bacaan yang dilagu-lagukan oleh para qari dengan suara yang merdu, yang mengasyikkan para pendengarnya dan seterusnya mereka ubahkan Al-Qur'an kepada tangkal-tangkal azimat pelindung diri yang diletakkan oleh orang-orang Islam dalam saku-saku baju mereka atau dipakai di dada atau ditempatkan di bawah bantal-bantal tidur mereka. Dengan berbuat begitu, orang-orang Islam memahami bahawa mereka adalah orang-orang Islam yang telah menunaikan kewajipan mereka terhadap Al-Qur'an dan agama Islam.

Al-Qur'an tidak lagi berfungsi sebagai sumber bimbingan dan pimpinan kepada kaum Muslimin, kerana musuh-musuh Islam telah mengadakan pengganti-penggantinya yang menjadi sumber bimbingan dalam segala urusan hidup mereka, malah, dari sumber inilah juga mereka membentuk wawasan-wawasan dan kefahaman-kefahaman mereka di samping mengambil undang-undang dan peraturan-peraturan hidup mereka, nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan mereka. Kemudian musuh-musuh Islam itu berkata kepada mereka: Agama Islam telah menjadi agama yang dihormati dan Al-Qur'an telah menjadi kitab suci yang terpelihara, ia dibaca kepada kamu pagi dan petang, malah di setiap waktu, di mana para qari mendendangkannya dengan lagu-lagu yang merdu. Apakah lagi yang kamu mahu selepas bacaan-bacaan yang merdu ini? Mengenai kefahaman-kefahaman dan wawasan-wawasan kamu, undang-undang dan peraturan-peraturan hidup kamu, nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan kamu, maka semuanya itu boleh dirujukkan kepada Qur'an yang lain!

Itulah tipu muslihat yang dilakukan oleh an-Nadhr Ibn al-Harith, tetapi dalam satu bentuk yang baru yang lebih canggih sesuai dengan perubahan zaman dan kecanggihan urusan kehidupan, walau bagaimanapun ia tetap merupakan tipu muslihat yang sama dalam salah satu bentuknya yang besar, yang terkenal dalam sejarah tipudaya terhadap Islam di sepanjang abad.

Tetapi Al-Qur'an ini memang aneh, walaupun selama ini ia terus digugatkan dengan berbagai-bagai tipudaya yang semakin hari semakin canggih dan maju, namun ia tetap menang dan mengatasi gugatan-gugatan itu. Kitab suci Al-Qur'an mempunyai ciri-ciri yang menakjubkan dan mempunyai pengaruh yang kuat, yang menguasai fitrah dan menewaskan tipudaya jahiliyah di bumi ini di samping menewaskan tipudaya syaitan-syaitan kaum Yahudi dan kaum Salib (Kristian), juga menewaskan tipudaya alat-alat media massa antarabangsa yang dikendalikan oleh kaum Yahudi dan kaum Kristian di setiap negeri dan masa.

Al-Qur'an masih mampu memaksa musuh-musuhnya di seluruh dunia supaya mereka jadikannya bahan siaran mereka di semua stesen penyiaran di dunia ini, di mana Al-Qur'an disiarkan oleh orang-orang Yahudi, orang-orang Kristian dan agen-agen mereka yang berselindung di sebalik nama-nama orang-orang Islam.

Sebenarnya mereka sanggup menyiarkan Al-Qur'an setelah mereka berjaya memusingkan Al-Qur'an di dalam hati kaum Muslimin kepada semata-mata lagu, dan bacaan-bacaan yang merdu atau kepada tangkal-tangkal dan azimat-azimat, juga setelah mereka

berjaya menjauhkan Al-Qur'an dari hati kaum Muslimin sebagai sumber bimbingan dan pimpinan dalam urusan kehidupan dan menggantikannya dengan sumber-sumber yang lain untuk memimpin mereka di dalam segala urusan kehidupan. Tetapi walau bagaimanapun, Al-Qur'an masih terus berfungsi di sebalik segala tipu daya ini dan akan terus berfungsi. Di samping itu, di seluruh dunia ini masih terdapat kelompok Muslimin yang bersatu memperjuangkan Al-Qur'an yang serius ini dan menjadikannya sebagai satu-satunya sumber bimbingan dan kepimpinan kepada mereka. Mereka tetap menunggu janji Allah yang telah berjanji untuk memberi pertolongan dan kedudukan yang kuat kepada mereka di sebalik tipu daya, penindasan, pembunuhan dan pengusiran itu. Jika janji itu pernah dikotakan sekali, maka ia akan tetap dikotakan lagi.

(Pentafsiran ayat-ayat 32 - 35)

Kemudian ayat yang berikut menyatakan kehairanan terhadap kedegilan kaum Musyrikin yang menentang kebenaran yang menewaskan mereka. Perasaan angkuh dan sombong telah menghalang mereka dari menyerah diri dan mengaku kalah kepada kebenaran dan menyebabkan mereka bercita-cita - jika Al-Qur'an itu benar dari Allah - agar Allah timpakan ke atas mereka hujan batu dari langit atau mengenakan mereka 'azab yang pedih, bukannya memohon kepada Allah agar mengurniakan mereka ni'mat menjunjung kebenaran dan berdiri di barisan kebenaran:

وَإِذۡ قَالُواْ ٱللَّهُمَّ إِن كَانَ هَٰذَا هُوَ ٱلۡحَقَّ مِنۡ عِندِكَ فَأَمۡطِرۡ عَلَيۡنَا حِجَارَةٗ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ أَوِ ٱئۡتِنَا بِعَذَابٍ أَلِيمٖ ﴿٣٢﴾

"(Kenangilah) ketika mereka (orang-orang kafir Quraysy) berkata: Ya Allah! Jika Al-Qur'an benar diturunkan dari sisi Engkau, maka hujanilah kami dengan batu-batu dari langit atau timpakan ke atas kami 'azab yang amat pedih."(32)

Sikap Angkuh Kaum Musyrikin Terhadap Al-Qur'an

Ini adalah satu do'a yang aneh yang membayangkan kedegilan yang liar yang memilih lebih baik binasa dari mengaku kepada kebenaran walaupun kebinasaan itu pasti menimpa mereka. Biasanya apabila fitrah yang waras dilanda keraguan, ia berdo'a kepada Allah agar membuka dan menunjukkan kepadanya jalan kebenaran tanpa merasa apa-apa keberatan, tetapi apabila fitrah telah dirosakkan oleh perasaan angkuh dan takbur yang liar, maka ia berbangga melakukan dosa dan memilih lebih baik dibinasa dan di'azab dari mengaku kalah kepada kebenaran yang terserlah jelas kepadanya tanpa sebarang keraguan. Dengan kedegilan yang seperti inilah kaum Musyrikin Makkah menghadapi da'wah Rasulullah s.a.w., tetapi pada akhirnya da'wah inilah yang mendapat kemenangan menentang kedegilan yang liar itu.

Kemudian ayat yang berikut mengulas kedegilan dan do'a ini dengan menyatakan bahawa walaupun mereka wajar dihujani batu-batu dari langit dan wajar dikenakan 'azab yang dipinta oleh mereka - Jika Al-Qur'an itu benar dari Allah - namun Allah menahan dari membinasakan mereka dengan 'azab penghapusan secara total yang pernah dikenakan ke atas pendusta-pendusta sebelum mereka, kerana Rasulullah s.a.w. berada di dalam kalangan mereka, begitu juga Allah tidak mengenakan 'azab yang total itu ke atas golongan yang berdosa dari kalangan mereka jika mereka memohon keampunan dari-Nya. Penundaan 'azab ke atas mereka bukanlah semata-mata disebabkan kerana mereka ahli Baitullah, kerana mereka bukannya pencinta Baitullah, malah pencinta Baitullah itu ialah para Muttaqin:

وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُعَذِّبَهُمۡ وَأَنتَ فِيهِمۡۚ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ مُعَذِّبَهُمۡ وَهُمۡ يَسۡتَغۡفِرُونَ ﴿٣٣﴾ وَمَا لَهُمۡ أَلَّا يُعَذِّبَهُمُ ٱللَّهُ وَهُمۡ يَصُدُّونَ عَنِ ٱلۡمَسۡجِدِ ٱلۡحَرَامِ وَمَا كَانُوٓاْ أَوۡلِيَآءَهُۥٓۚ إِنۡ أَوۡلِيَآؤُهُۥٓ إِلَّا ٱلۡمُتَّقُونَ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَهُمۡ لَا يَعۡلَمُونَ ﴿٣٤﴾ وَمَا كَانَ صَلَاتُهُمۡ عِندَ ٱلۡبَيۡتِ إِلَّا مُكَآءٗ وَتَصۡدِيَةٗۚ فَذُوقُواْ ٱلۡعَذَابَ بِمَا كُنتُمۡ تَكۡفُرُونَ ﴿٣٥﴾

"Dan Allah tidak sekali-kali akan menimpakan 'azab ke atas mereka, sedangkan engkau berada di kalangan mereka dan Allah tidak akan meng'azabkan mereka, sedangkan mereka memohon keampunan (33). Dan apakah yang menghalangkan mereka dari di'azabkan Allah, sedangkan mereka menyekat orang ramai beribadat di Masjidil-Haram. Mereka bukannya orang-orang yang menyintai masjid, kerana tiada orang-orang yang menyintai masjid kecuali orang-orang yang bertaqwa, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (34). Dan tiadalah cara solat mereka di Masjidil-Haram itu melainkan ialah bersiul-siul dan bertepuk-tepuk tangan. Oleh itu rasakanlah 'azab dengan sebab perbuatan-perbuatan kamu yang kafir."(35)

Itulah rahmat Allah yang menangguhkan 'azab ke atas mereka kerana kedegilan mereka. Allah tidak mengenakan hukuman ke atas mereka kerana perbuatan mereka menghalangkan orang lain dari mengunjungi Masjidil-Haram, iaitu dahulu mereka menyekat kaum Muslimin dari mengunjunginya,

sedangkan mereka tidak menyekat seseorang yang lain darinya.

Rahsia Di Sebalik Penangguhan 'azab Semasa Kehadiran Rasulullah Di Kalangan Mereka

Itulah rahmat Allah yang menangguhkan 'azab ke atas mereka semoga mereka menyambut hidayat. Di antara mereka ada yang beriman walaupun selepas dilalui sekian waktu. Selama Rasulullah berada dalam kalangan mereka mengembangkan da'wah, maka di sana masih ada harapan bahawa setengah-setengah mereka akan menyambut da'wah. Jadi, mereka ditangguhkan dari dikenakan 'azab ke atas mereka kerana memulia dan menghormati kewujudan Rasulullah s.a.w. di kalangan mereka. Jalan untuk menghindari 'azab penghapus secara total itu adalah sentiasa terbuka di hadapan mereka apabila mereka menyambut da'wah dan memohon keampunan atas ketelanjuran mereka serta bertaubat:

وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُعَذِّبَهُمْ وَأَنتَ فِيهِمْ ۚ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ مُعَذِّبَهُمْ وَهُمْ يَسْتَغْفِرُونَ ﴿٣٣﴾

"Dan Allah tidak sekali-kali akan menimpakan 'azab ke atas mereka, sedangkan engkau berada di kalangan mereka dan Allah tidak akan meng'azabkan mereka, sedangkan mereka memohon keampunan."(33)

Jika Allah melayani mereka dengan dosa-dosa yang dilakukan mereka tentulah mereka wajar ditimpakan 'azab ini:

وَمَا لَهُمْ أَلَّا يُعَذِّبَهُمُ ٱللَّهُ وَهُمْ يَصُدُّونَ عَنِ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ وَمَا كَانُوٓا۟ أَوْلِيَآءَهُۥٓ ۚ إِنْ أَوْلِيَآؤُهُۥٓ إِلَّا ٱلْمُتَّقُونَ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٤﴾

"Dan apakah yang menghalangkan mereka dari di 'azabkan Allah, sedangkan mereka menyekat orang ramai beribadat di Masjidil-Haram. Mereka bukannya orang-orang yang menyintai masjid, kerana tiada orang-orang yang menyintai masjid kecuali orang-orang yang bertaqwa, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(34)

Kaum Musyrikin Arab Bukannya Pewaris Nabi Ibrahim a.s.

Yang menghalangkan 'azab dari mereka bukannya kerana dakwaan mereka sebagai para pewaris Nabi Ibrahim a.s. dan sebagai para penjaga Baitullahil-Haram, kerana dakwaan ini tidak berlandaskan realiti. Mereka bukannya pencinta-pencinta Baitullah dan bukan pula pemilik-pemiliknya, malah mereka adalah musuh-musuh Baitullah dan perampas-perampasnya. Baitullahil-Haram bukannya harta pusaka yang diwarisi oleh anak-anak dari ibubapa, malah ia adalah rumah Allah yang diwarisi oleh hamba-hamba kesayangan Allah yang bertaqwa kepada-Nya. Begitu juga dakwaan mereka sebagai para pewaris Nabi Ibrahim a.s. kerana warisan Ibrahim bukannya warisan keturunan atau warisan darah, malah ia adalah warisan agama dan 'aqidah. Para Muttaqin itulah pewaris-pewaris sebenar bagi Ibrahim dan Baitullah yang telah dibina olehnya, tetapi apa yang telah berlaku ialah, mereka telah menghalangkan pencinta-pencinta Baitullah yang sebenar yang beriman dengan agama Ibrahim a.s.

Mereka bukannya pencinta-pencinta Baitullah walaupun mereka bersembahyang di Baitullah, kerana sembahyang mereka bukannya solat Islamiyah, malah mereka hanya bersiul-siul dan bertepuk-tepuk tangan, gerakan sembahyang mereka tidak keruan dan tidak bersopan santun dan tidak membayangkan perasaan hormat terhadap Baitullah dan tidak pula membayangkan rasa khusyu' dan rendah diri kepada kebesaran Allah.

Menurut riwayat dari Ibn 'Umar r.a. katanya: "Mereka (kaum Musyrikin yang bersembahyang di Baitullah) meletakkan pipi mereka di atas tanah sambil bertepuk tangan dan bersiul".

Pemandangan ini menghadirkan di dalam hati kita pemandangan orang-orang yang memainkan alat-alat bunyian sambil bertepuk-tepuk dengan riuh rendah dan menggosok-gosokkan pipi-pipi mereka di anak-anak tangga dan di ambang-ambang pintu kubur-kubur (wali-wali) pada hari ini di kebanyakan negeri yang mereka namakannya sebagai negeri-negeri Islam. Itulah amalan jahiliyah yang lahir di dalam berbagai-bagai bentuk rupanya setelah ia lahir dalam bentuknya yang jelas dan besar, iaitu bentuk yang menggambarkan Uluhiyah manusia di bumi dan kuasa Hakimiyahnya di dalam kehidupan manusia. Apabila bentuk ini berlaku, maka segala bentuk jahiliyah yang lain hanya merupakan ikutan dan cabang darinya sahaja.

فَذُوقُوا۟ ٱلْعَذَابَ بِمَا كُنتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿٣٥﴾

"Oleh itu rasakanlah 'azab dengan sebab perbuatan-perbuatan kamu yang kafir."(35)

Itulah 'azab yang telah menimpa mereka di dalam Peperangan Badar di tangan kaum Muslimin. Adapun 'azab penghapusan secara total yang dipinta oleh mereka, maka 'azab ini telah ditangguhkan ke atas mereka sebagai kasihan belas dari Allah terhadap mereka dan sebagai penghormatan kepada Nabi-Nya Muhammad s.a.w. yang tinggal di kalangan mereka dengan harapan mereka kembali bertaubat dan memohon keampunan dari kesalahan-kesalahan yang dilakukan mereka.

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 37)

Perjuangan Dan Pengorbanan Orang-orang Kafir Akan Menghadapi Kegagalan Di Sepanjang Zaman

Para Kafirin mengorbankan harta kekayaan mereka untuk bekerjasama dalam usaha menghalangkan manusia dari agama Allah. Inilah yang telah dilakukan mereka pada hari Peperangan Badar sebagaimana yang telah kami jelaskan ketika menceritakan

keperihalan peperangan itu yang dipetik dari kitab-kitab sirah. Dan inilah juga yang terus dilakukan mereka selepas Peperangan Badar dalam rangka usaha mereka bersedia menghadapi, peperangan selanjutnya, sedangkan Allah memberi amaran bahawa tujuan mereka akan gagal dan mereka akan menyesal terhadap pengorbanan-pengorbanan yang diberikan mereka dan selanjutnya Allah menjanjikan bahawa mereka akan mendapat kekalahan di dunia dan 'azab Neraka Jahannam di Akhirat:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ يُنفِقُونَ أَمْوَٰلَهُمْ لِيَصُدُّوا۟ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ فَسَيُنفِقُونَهَا ثُمَّ تَكُونُ عَلَيْهِمْ حَسْرَةً ثُمَّ يُغْلَبُونَ ۗ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِلَىٰ جَهَنَّمَ يُحْشَرُونَ ﴿٣٦﴾

لِيَمِيزَ ٱللَّهُ ٱلْخَبِيثَ مِنَ ٱلطَّيِّبِ وَيَجْعَلَ ٱلْخَبِيثَ بَعْضَهُۥ عَلَىٰ بَعْضٍ فَيَرْكُمَهُۥ جَمِيعًا فَيَجْعَلَهُۥ فِى جَهَنَّمَ ۚ أُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَـٰسِرُونَ ﴿٣٧﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu membelanjakan harta mereka untuk menghalangkan orang ramai dari jalan Allah. Mereka akan terus membelanjakan harta mereka begitu kemudian mereka akan ditimpa kesesalan, kemudian mereka akan dikalahkan dan seluruh orang yang kafir itu akan dikumpulkan di dalam Neraka (36). Supaya (dengan kekalahan mereka) Allah memisahkan yang buruk dari yang baik dan menjadikan yang buruk itu bertindih-tindih satu sama lain lalu ia melonggokkan seluruhnya dan menghumbankannya ke dalam Neraka Jahannam. Merekalah orang-orang yang rugi."(37)

Mengikut riwayat Muhammad Ibn Ishaq daripada az-Zuhri dan lainnya, kata mereka: "Apabila kaum Quraysy kalah di dalam Peperangan Badar dan saki baki tentera mereka yang kalah telah kembali ke Makkah dan Abu Sufyan juga pulang membawa angkatan qafilah perdagangannya, maka Abdullah Ibn Rabi'ah, Ikrimah Ibn Abu Jahl, Safuan Ibn Umayah turut berjalan bersama-sama orang-orang Quraysy yang kehilangan bapa, anak dan saudara mereka kerana terkorban di dalam Peperangan Badar. Mereka telah bercakap dengan Abu Sufyan dan orang-orang yang mempunyai hubungan perdagangan dengan angkatan qafilah itu. Mereka berkata kepada mereka: Wahai sekalian suku Quraysy, Muhammad telah mengurangkan bilangan keluarga kamu dan membunuh anggota-anggota keluarga kamu yang terbaik. Oleh itu bantulah kami dengan harta kekayaan itu untuk memeranginya semoga kita dapat menuntut bela terhadap kematian yang menimpa orang-orang kita. Mereka pun bersetuju". Ujar Muhammad Ibn Ishaq: Kerana peristiwa inilah - sebagaimana telah disebut oleh Ibn 'Abbas - turunnya ayat ini:

إن الذين كفروا ينفقون أموالهم .....

Apa yang telah berlaku sebelum Peperangan Badar atau selepasnya hanya merupakan, suatu contoh dari cara tradisional yang diikuti oleh musuh-musuh Islam. Mereka membelanjakan harta kekayaan, mengorbankan tenaga, melancarkan tipu daya habis-habisan untuk menyekat manusia dari agama Allah dan memasang batu-batu penghalang untuk menghalang perkembangan agama ini, juga untuk memerangi kelompok Muslimin di setiap negeri dan masa.

Perjuangan tidak akan berhenti dan musuh-musuh Islam tidak akan membiarkannya beristirehat. Mereka tidak akan membiarkan pencinta-pencinta agama ini hidup dalam aman. Oleh itu satu-satunya jalan keluar bagi agama ini ialah bertindak menyerang jahiliyah, dan satu-satunya jalan keluar bagi pencinta-pencinta Islam ialah bertindak menghancurkan kekuatan jahiliyah supaya ia tidak dapat lagi menyerang, juga berjuang meninggikan panji-panji Islam hingga tiada lagi Taghut yang berani melakukan pencerobohan.

Allah S.W.T. memberi amaran kepada orang-orang kafir yang membelanjakan harta mereka untuk menghalangkan manusia dari jalan Allah dengan menyatakan bahawa pengorbanan mereka akan membawa penyesalan kepada mereka, kerana segala apa yang dibelanjakan mereka pada akhirnya akan hilang percuma sahaja, mereka akan kalah dan kebenaran juga yang akan menang di dunia ini, dan di Akhirat kelak mereka akan dihimpunkan di dalam Neraka Jahannam di mana mereka akan mengalami sebesar-besar penyesalan. Tujuannya ialah:

لِيَمِيزَ ٱللَّهُ ٱلْخَبِيثَ مِنَ ٱلطَّيِّبِ وَيَجْعَلَ ٱلْخَبِيثَ بَعْضَهُۥ عَلَىٰ بَعْضٍ فَيَرْكُمَهُۥ جَمِيعًا فَيَجْعَلَهُۥ فِى جَهَنَّمَ ۚ أُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَـٰسِرُونَ ﴿٣٧﴾

"Supaya (dengan kekalahan mereka) Allah memisahkan yang buruk dari yang baik dan menjadikan yang buruk itu bertindih-tindih satu sama lain lalu ia melonggokkan seluruhnya dan menghumbankannya ke dalam Neraka Jahannam. Merekalah orang-orang yang rugi."(37)

Bagaimana?

Hasil dari harta kekayaan yang dibelanjakan itu akan menggerakkan kebatilan dan mendorongkannya ke arah melakukan pencerobohan yang akan ditentang oleh kebenaran dengan melancarkan perjuangan dan jihad dan di dalam pertempuran yang pahit ini akan terbongkar tembelang kebatilan, akan terserlah perbezaan di antara yang hak dan yang batil, di antara pejuang-pejuang kebenaran dan pejuang-pejuang kebatilan - sehingga di antara barisan-barisan

yang berdiri pada awalnya di bawah panji-panji kebenaran sebelum menghadapi ujian dan cubaan - dan seterusnya akan muncul pejuang-pejuang yang gigih, sabar dan tabah yang wajar mendapat pertolongan Allah kerana mereka layak memikul amanah-amanah Allah dan melaksanakannya tanpa mencuai dan mengabaikannya walaupun di bawah tekanan dugaan dan kesusahan, dengan terserlahnya perbezaan itu, maka Allah longgokkan yang buruk dengan yang buruk kemudian digabungkan semuanya dan dihumbankan ke dalam Neraka. Itulah kemuncak kerugian.

Pengungkapan Al-Qur'an menggambarkan yang buruk itu seolah-olah satu benda yang mempunyai saiz dan seolah-olah satu longgokan sampah sarap yang dilontarkan ke dalam unggun api tanpa peduli dan hormat:

فَيَرْكُمَهُۥ جَمِيعًا فَيَجْعَلَهُۥ فِي جَهَنَّمَ ۚ

"Lalu ia melonggokkan seluruhnya dan menghumbankannya ke dalam Neraka Jahannam."(37)

Gambaran ini menghasilkan makna yang lebih mendalam kesannya di dalam hati. Itulah gaya cara Al-Qur'an mengatur pengungkapan yang berkesan:

(Pentafsiran ayat-ayat 38 - 40)

Kewajipan Angkatan Pejuang Islam Menghadapi Penindasan Orang-orang Kafir

Apabila penjelasan rangkaian ayat sampai kepada pernyataan yang tegas ini mengenai hasil kesudahan kerjasama antara orang-orang kafir dan nasib kesudahan mereka bagai longgokan sampah sarap yang buruk, maka Allah hadapkan firman-Nya kepada Rasulullah s.a.w. agar beliau menyampaikan amaran terakhir kepada orang-orang kafir, begitu juga Allah hadapkan firman-Nya kepada angkatan pejuang Muslimin supaya melancarkan peperangan ke atas orang-orang kafir agar penindasan terhadap kaum Muslimin tidak wujud lagi di bumi ini dan agar seluruh agama atau keta'atan itu tertentu kepada Allah sahaja. Seterusnya firman tersebut meyakinkan pejuang-pejuang Muslimin bahawa Allah tetap menjadi Pelindung dan Penolong mereka. Tiada manusia yang dapat mengalahkan mereka dengan peperangan dan tipu daya kerana Allah sentiasa melindungi dan membantu mereka:

قُل لِّلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِن يَنتَهُوا۟ يُغْفَرْ لَهُم مَّا قَدْ سَلَفَ وَإِن يَعُودُوا۟ فَقَدْ مَضَتْ سُنَّتُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٣٨﴾ وَقَٰتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ ٱلدِّينُ كُلُّهُۥ لِلَّهِ ۚ فَإِنِ ٱنتَهَوْا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٣٩﴾ وَإِن تَوَلَّوْا۟ فَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ مَوْلَىٰكُمْ ۚ نِعْمَ ٱلْمَوْلَىٰ وَنِعْمَ ٱلنَّصِيرُ ﴿٤٠﴾

"Katakanlah kepada orang-orang yang kafir itu: Jika mereka berhenti (menentang engkau), nescaya Allah memberi keampunan kepada mereka terhadap kesalahan-kesalahan mereka yang telah silam. Dan jika mereka kembali lagi (menentang engkau), maka Sunnatullah telah pun berlaku ke atas umat-umat yang terdahulu (38). Dan perangilah mereka sehingga tidak berlaku lagi sebarang penindasan (terhadap orang-orang Mu'min) dan sehingga agama (keta'atan) seluruhnya tertentu kepada Allah sahaja. Dan jika mereka berhenti (dari kekufuran dan menentang da'wah), maka sesungguhnya Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan. mereka (39). Dan jika mereka berpaling, maka ketahuilah bahawa Allah itulah Pelindung kamu. Dia adalah sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Penolong."(40)

Maksudnya, terangkanlah kepada orang-orang kafir tentang keputusan Allah Yang Maha Gagah Perkasa, yang telah menggagalkan perpaduan mereka dan menimbulkan penyesalan di hati mereka terhadap harta kekayaan yang dikorbankan mereka. Dan selepas mengalami kegagalan dan penyesalan, Allah longgokkan mereka seperti sampah sarap lalu dilontarkannya ke dalam Neraka Jahannam.

قُل لِّلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِن يَنتَهُوا۟ يُغْفَرْ لَهُم مَّا قَدْ سَلَفَ وَإِن يَعُودُوا۟ فَقَدْ مَضَتْ سُنَّتُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٣٨﴾

"Katakanlah kepada orang-orang yang kafir itu: Jika mereka berhenti (menentang engkau), nescaya Allah memberi keampunan kepada mereka terhadap kesalahan-kesalahan mereka yang telah silam. Dan jika mereka kembali lagi (menentang engkau), maka Sunnatullah telah pun berlaku ke atas umat-umat yang terdahulu."(38)

Tindakan Sunnatullah

Peluang masih terbuka lebar di hadapan mereka supaya mereka menghentikan perbuatan mereka yang kafir dan mengakhiri perpaduan mereka untuk menentang Islam dan para pengikutnya, juga menghentikan perbuatan membelanjakan harta kekayaan mereka untuk menghalangkan manusia dari agama Allah. Jalan terbuka luas di hadapan mereka agar mereka bertaubat dari segala kesalahan mereka dan kembali kepada Allah yang telah berjanji untuk memaafkan segala dosa-dosa mereka yang silam, kerana Islam menghapuskan segala dosa yang lepas dan menjadikan seseorang bersih dari kesalahan yang lampau seolah-olah seperti seorang bayi yang baru dilahirkan ibunya, tetapi jika mereka kembali semula kepada kekufuran dan pencerobohan selepas penjelasan ini, maka Sunnatullah yang telah menghukum manusia di zaman dahulu tidak akan mungkir bertindak. Sunnatullah telah menimpakan 'azab ke atas para pendusta di zaman lampau selepas mereka diberi penerangan dan penjelasan di samping mengurniakan kemenangan, kekuatan dan

kedudukan yang kuat kepada para hamba kesayangan-Nya. Sunnatullah tetap bertindak tanpa kemungkiran, dan terserahlah kepada orang-orang kafir memilih jalan yang disukainya ketika berada di persimpangan jalan.

Dengan penjelasan itu Allah mengakhiri pembicaraan-Nya dengan orang-orang kafir, kemudian Allah mengalihkan firman-Nya kepada orang-orang yang beriman:

وَقَٰتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ ٱلدِّينُ كُلُّهُۥ لِلَّهِ ۚ فَإِنِ ٱنتَهَوْا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٣٩﴾
وَإِن تَوَلَّوْا۟ فَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ مَوْلَىٰكُمْ ۚ نِعْمَ ٱلْمَوْلَىٰ وَنِعْمَ ٱلنَّصِيرُ ﴿٤٠﴾

"Dan perangilah mereka sehingga tidak berlaku lagi sebarang penindasan (terhadap orang-orang Mu'min) dan sehingga agama (keta'atan) seluruhnya tertentu kepada Allah sahaja. Dan jika mereka berhenti (dari kekufuran dan menentang da'wah), maka sesungguhnya Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan mereka (39). Dan jika mereka berpaling, maka ketahuilah bahawa Allah itulah Pelindung kamu. Dia adalah sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Penolong."(40)

Inilah batas-batas jihad fi Sabilillah bukan sahaja di zaman itu, malah di setiap zaman. Walaupun nas-nas mengenai jihad, undang-undang peperangan dan perdamaian dibutirkan di dalam surah ini, namun ia bukannya nas-nas yang akhir, kerana nas-nas yang terakhir mengenai perkara-perkara ini telah dibutirkan di dalam Surah Bara'ah yang telah diturunkan di dalam tahun yang kesembilan Hijrah.

Walaupun Islam - sebagaimana telah kami terangkan dalam kata pengantar surah ini - merupakan suatu pergerakan positif yang menghadapi manusia dengan sarana-sarana yang seimbang, juga merupakan suatu pergerakan yang berperingkat-peringkat, di mana setiap peringkat mempunyai sarana-sarananya yang sesuai dengan kehendak-kehendak dan keperluan-keperluannya yang sebenar, namun firman Allah:

وَقَٰتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ ٱلدِّينُ كُلُّهُۥ لِلَّهِ ۚ

"Dan perangilah mereka sehingga tidak berlaku lagi sebarang penindasan (terhadap orang-orang Mu'minin) dan sehingga agama (keta'atan) seluruhnya tertentu kepada Allah sahaja"(39)

menjelaskan satu peraturan yang tetap bagi pergerakan Islam dalam menghadapi realiti jahiliyah yang berterusan.

Kedatangan Islam - sebagaimana dijelaskan dalam kata pengantar surah ini merupakan suatu perisytiharan umum untuk membebaskan "manusia" di muka "bumi" ini dari perhambaan kepada sesama manusia dan dari perhambaan kepada hawa nafsu sendiri yang juga merupakan perhambaan kepada sesama makhluk, iaitu dengan mengumumkan Uluhiyah Allah dan Rububiyah-Nya sahaja yang menguasai seluruh alam. Ini bermakna suatu pemberontakan umum terhadap kuasa Hakimiyah manusia, undang-undang dan peraturannya dalam segala rupa dan bentuknya, di samping merupakan suatu pemberontakan umum terhadap segala kedudukan di mana kuasa memerintah berada dalam tangan manusia dalam mana-mana bentuknya.

Untuk merealisasikan matlamat yang agung ini perlu dilakukan dua langkah yang asasi:

Pertama: Menghapuskan gangguan dan penindasan terhadap orang-orang yang menganut agama ini dan mengumumkan kebebasan mereka dari kuasa Hakimiyah manusia serta memulangkan Ubudiyah mereka kepada Allah S.W.T. sahaja, iaitu menolak Ubudiyah kepada sesama manusia dalam segala bentuk dan rupanya.

Matlamat ini tidak direalisasikan kecuali dengan adanya kelompok Muslimin yang mempunyai organisasi yang bergerak di bawah kepimpinan yang beriman kepada perisytiharan umum itu dan berjuang untuk melaksanakannya di alam realiti dan seterusnya berjuang menentang setiap Taghut yang menggugat dan menindas penganut Islam atau mengadakan halangan-halangan menggunakan kekuatan, tekanan, paksaan dan kempen terhadap orang-orang yang ingin menganut Islam.

Kedua: Menghancurkan segala kuasa di muka bumi ini yang ditegakkan di atas Ubudiyah kepada sesama manusia di dalam mana-mana bentuk dan rupa untuk menjamin matlamat yang pertama, dan mengumumkan Uluhiyah Allah di seluruh muka bumi ini agar seluruh agama tertentu - kepada Allah sahaja. Agama yang dimaksudkan di sini ialah keta'atan kepada kuasa Allah dan keta'atan itu bukanlah semata-mata dengan i'tiqad sahaja.

Di sini perlulah dijelaskan kekeliruan yang mungkin timbul di dalam hati berhubung dengan persoalan ini kerana ianya bercanggah dengan firman Allah:

لَآ إِكْرَاهَ فِى ٱلدِّينِ ۖ قَد تَّبَيَّنَ ٱلرُّشْدُ مِنَ ٱلْغَىِّ ۚ

"Tiada paksaan di dalam agama kerana jalan yang benar telah ternyata dari jalan yang salah."

(Surah al-Baqarah: 256)

Walaupun sebelum ini telah dijelaskan tentang tabi'at jihad di dalam Islam terutama penjelasan yang telah kami petikkan dari buku "Al-Jihad Fi Sabilillah" karangan Ustaz Abul-A'la al-Maududi yang cukup jelas itu, namun demikian kami ingin menambah

supaya persoalan ini menjadi lebih jelas lagi memandangkan terlalu banyak pengeliruan-pengeliruan yang telah dilakukan oleh musuh-musuh Islam.

Yang dimaksudkan oleh ayat *"dan sehingga agama (keta'atan) seluruhnya tertentu kepada Allah sahaja"* ialah berusaha menghapuskan halangan-halangan fizikal dalam bentuk kuasa para Taghut dan establisment-establisment yang menguasai individu-individu supaya di sana tidak ada di bumi ini kuasa yang lain dari kuasa Allah dan tidak ada lagi manusia pada masa itu ta'at dan tunduk kepada kuasa yang lain dari kuasa Allah. Apabila halangan-halangan fizikal ini dihapuskan, maka seluruh individu dapat memilih agama mereka dengan bebas tanpa menghadapi sebarang tekanan dan paksaan, tetapi dengan syarat agama yang bertentangan dengan Islam itu tidak dipertahankan dalam satu organisasi yang mempunyai kekuatan fizikal yang dapat menekan pemeluk-pemeluk agama lain dan menghalang orang-orang yang ingin mencari agama yang benar dan seterusnya menindas para Mu'minin yang telah membebaskan diri mereka dari segala kuasa kecuali kuasa Allah. Seluruh manusia diberi kebebasan memilih agama masing-masing dengan syarat mereka memeluk agama itu secara individu tanpa membentuk kuasa yang boleh memaksa manusia yang lain tunduk dan ta'at kepadanya, kerana manusia tidak wajar memberi keta'atan mereka,kecuali kepada kuasa Allah yang menciptakan manusia.

Umat manusia tidak akan mencapai darjat kemuliaan yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dan manusia tidak akan dapat hidup bebas di bumi Ini melainkan apabila keseluruhan keta'atan itu tertentu kepada Allah sahaja, dan di sana tiada lagi keta'atan kepada yang lain dari kuasa Allah sahaja.

Untuk merealisasikan matlamat yang agung inilah jama'ah Muslimin berjuang:

حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ كُلُّهُ لِلَّهِ ۚ

"Sehingga tidak berlaku lagi sebarang penindasan (terhadap orang-orang Mu'minin) dan sehingga agama (keta'atan) seluruhnya tertentu kepada Allah sahaja."(39)

Oleh itu sesiapa yang menerima prinsip ini dan mengumumkan keislamannya, maka keislamannya itu akan diterima oleh para Muslimin tanpa memeriksa niatnya dan tujuan yang tersembunyi di dalam hatinya dan menyerahkan persoalan ini kepada Allah sahaja:

فَإِنِ انتَهَوْا فَإِنَّ اللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٣٩﴾

"Dan jika mereka berhenti (dari kekufuran dan menentang da'wah), maka sesungguhnya Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan mereka."(39)

Maksudnya, sesiapa yang berpaling dan terus berdegil menentang kuasa Allah, maka mereka akan diperangi oleh pejuang-pejuang Muslimin yang berpegang teguh kepada pertolongan Allah:

وَإِن تَوَلَّوْا فَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَوْلَاكُمْ ۚ نِعْمَ الْمَوْلَىٰ وَنِعْمَ النَّصِيرُ ﴿٤٠﴾

"Dan jika mereka berpaling, maka ketahuilah bahawa Allah itulah Pelindung kamu. Dia adalah sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Penolong."(40)

* * * * * *

Inilah tugas-tugas agama Islam dan inilah perjuangannya yang serius, realistik dan positif ia melancarkan pergerakannya untuk menegakkan dirinya di alam realiti di samping menegakkan Uluhiyah Allah yang tunggal di alam kehidupan manusia.

Islam bukannya agama teori yang dipelajari manusia dari suatu kitab untuk mendapat kemewahan mental dan membanyakkan ilmu pengetahuan, dan bukan pula suatu agama yang negatif yang hanya membawa manusia agar hidup dengan harmoni di antara mereka dengan Tuhan, mereka, dan seterusnya Islam bukannya agama ritual, di mana manusia melakukan upacara-upacara ibadat di antara diri mereka dengan Tuhan mereka.

Islam merupakan sebuah perisytiharan umum untuk membebaskan manusia. Islam adalah satu sistem hidup yang bergerak dan berpijak di bumi realiti, di mana ia menghadapi realiti manusia dengan segala cara dan sarana yang sesuai dan seimbang. Ia menghadapi halangan-halangan yang menyekat daya pemikiran dan pandangan manusia dengan penyampaian dan penerangan yang jelas. Ia menghadapi halangan-halangan yang diadakan oleh pihak pertubuhan-pertubuhan dan pihak-pihak yang berkuasa dengan melancarkan jihad fizikal untuk menghancurkan kuasa para Taghut dan menegakkan kembali kuasa Allah.

Pergerakan memperjuangkan Islam adalah suatu pergerakan di alam realiti man usia, dan konflik Islam dengan jahiliyah bukanlah semata-mata konflik teori yang ditentang dengan teori. Oleh kerana jahiliyah menjelma dalam bentuk masyarakat, pertubuhan dan pihak berkuasa, maka untuk membolehkan Islam menentang jahiliyah ini dengan cara-cara dan sarana-sarana yang sama dan seimbang, perlulah Islam dijelmakan dalam bentuk masyarakat, pertubuhan dan pihak berkuasa dan selepas itu Islam perlu melancarkan perjuangannya supaya agama (keta'atan) seluruhnya tertentu kepada Allah dan di sana tidak ada keta'atan kepada yang lain dari Allah.

Inilah sistem hidup Islam yang realistik, haraki dan positif, bukannya seperti yang digambarkan oleh golongan Muslimin yang berjiwa kalah dan tertipu walaupun mereka terdiri dari orang-orang yang ikhlas dan lurus dan mereka berhasrat untuk menjadi

Muslimin yang sebenar, tetapi malangnya gambaran Islam yang sebenar tidak begitu jelas di dalam akal dan hati mereka.

(Tamat Juzu' Yang Kesembilan)

JUZU' KE-10

SURAH AL-ANFAL

JUZU' YANG KESEPULUH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kata Pengantar)

Juzu' ini terdiri dari baki Surah al-Anfal, yang mana bahagian awalnya telah dibicarakan di dalam Juzu' yang kesembilan dan dari sebahagian besar Surah at-Taubah. Pertama kami akan membicarakan bahagian baki Surah al-Anfal kemudian kami akan memperkenalkan Surah at-Taubah apabila sampai di tempatnya nanti di dalam Juzu' ini insya' Allah.

Kami telah menyebut garis-garis pokok Surah al-Anfal di bahagian awalnya pada akhir Juzu' yang kesembilan dan bahagian bakinya ini juga berlangsung mengikut garis-garis pokok itu kecuali gejala yang dapat diperhatikan dengan jelas dalam huraian rangkaian ayat-ayat surah ini ialah bahagian akhirnya hampir-hampir sama dari segi huraian dan susunan maudhu'nya dengan bahagian awalnya, dan walaupun ia tidak berulang dengan sebab adanya pembaharuan di dalam maudhu'-maudhu' pembicaraannya, namun susunan maudhu' dalam huraian rangkaian ayat-ayatnya hampir-hampir menjadikan bahagian yang akhir ini satu pusingan dan bahagian yang awal satu pusingan yang lain, dan di antara keduanya dijalinkan dengan keselarasan yang menarik ini.

Bahagian awal memulakan pembicaraannya tentang harta rampasan perang dan pertelingkahan yang timbul di sekitarnya lalu ia pulangkan persoalan ini kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian ia menyeru mereka kepada taqwa dan menjelaskan hakikat keimanan supaya mereka meningkatkan diri mereka kepadanya, kemudian ia mendedahkan kepada mereka tentang pentadbiran dan perencanaan Allah di dalam Peperangan Badar, di mana harta rampasan peperangan ini menjadi bahan pertelingkahan mereka sambil mengemukakan sebahagian dari situasi-situasi dan pemandangan-pemandangan peperangan itu, di mana terbukti bahawa seluruh pentadbiran perang itu dikendalikan Allah dan seluruh bantuan datang dari Allah dan seluruh peperangan itu dikendalikan untuk merealisasikan kehendak iradat Allah, sedangkan mereka tidak lebih dari tabir dan alat sahaja. Kemudian ia memberangsangkan mereka di sebalik hakikat peperangan yang telah didedahkan kepada mereka supaya mereka berjuang dengan hati teguh di dalam pertempuran itu, dan seterusnya meyakinkan mereka bahawa Allah tetap menolong dan membantu mereka di samping menggagalkan musuh-musuh mereka dan mengazabkan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka. Kemudian ia memperingatkan mereka tentang perbuatan mengkhianati Allah dan Rasul-Nya dan tentang godaan harta kekayaan dan anak-anak, dan seterusnya menyuruh Rasulullah s.a.w. supaya memperingatkan orang-orang kafir terhadap akibat kekufuran dan penentangan mereka dan supaya beliau menerima sambutan mereka apabila mereka menyambut da'wahnya dan menyerahkan rahsia hati mereka kepada Allah, dan memerintah kaum Muslimin memerangi mereka jika mereka berpaling dari da'wah supaya tidak ada lagi penindasan terhadap para Mu'minin dan seluruh agama (keta'atan) terpulang kepada Allah sahaja.

Demikian juga cara huraian bahagian yang kedua ini. Mula-mula ia menjelaskan hukum Allah yang berhubung dengan harta rampasan perang setelah persoalan ini dirujukkan kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian ia menyeru mereka supaya beriman kepada Allah dan kepada apa yang diturunkan-Nya pada Hari Furqan (يوم الفرقان - yang memisahkan yang benar dari yang batil), iaitu hari pertempuran yang berlaku di antara kelompok Muslimin dengan kelompok Kafirin, kemudian ia mendedahkan kepada mereka tentang pentadbiran dan perencanaan Allah di dalam peperangan yang menghasilkan harta rampasan itu sambil menayangkan sebahagian dari situasi-situasi dan pemandangan-pemandangan peperangan itu, di mana dapat dilihat dengan jelas pentadbiran dan perencanaan Allah yang mengendalikan peperangan itu, di samping dapat dilihat dengan jelas bahawa peranan mereka dalam peperangan itu tidak lebih dari alat dan tabir bagi perencanaan Allah, kemudian ia memberangsangkan mereka selepas mendedahkan hakikat peperangan itu kepada mereka supaya berjuang dengan hati yang teguh ketika menghadapi pertempuran dan supaya mengingati Allah, menta'ati-Nya dan menta'ati Rasul-Nya, seterusnya ia memperingati mereka supaya jangan bertelingkah sesama sendiri yang akan membawa kepada kegagalan dan kelemahan di dalam perjuangan. Kemudian ia menyeru mereka supaya bersabar dan menjauhi sifat angkuh dan ria' dalam perjuangan dan mengingatkan mereka terhadap akibat yang telah menimpa orang-orang kafir yang keluar dari kampung halaman mereka (untuk berperang) dengan perasaan angkuh dan takbur dan dengan tujuan untuk menunjuk-nunjuk kepada orang ramai dan menghalangkan mereka dari agama Allah kerana terpesona dengan tipu daya syaitan. Kemudian ia menyeru mereka supaya bertawakkal kepada Allah Yang Maha Kuat, Maha Kuasa memberi pertolongan dan Maha Bijaksana di dalam perencanaan dan pengurusan-Nya. Kemudian ia menunjukkan kepada mereka Sunnatullah yang mengenakan 'azab ke atas para Kafirin yang mendustakan rasul dengan sebab dosa-dosa yang dilakukan mereka. Jika di dalam bahagian awal surah ini ia menyebut para malaikat yang menguatkan semangat perjuangan para Mu'minin dan menetak leher dan tangan para Kafirin, maka di dalam bahagian yang kedua surah ia menyebut para malaikat yang mencabut nyawa orang-orang kafir dan membelasah muka dan punggung mereka. Jika di dalam bahagian yang pertama ia menyifatkan orang-orang kafir sebagai seburuk-buruk binatang, maka di dalam bahagian ini juga ia mengulangi sifat yang sama ketika ia menceritakan perbuatan mereka yang membatalkan

perjanjian setiap kali mereka mengikat perjanjian, juga sebagai muqaddimah bagi perintah Allah kepada Rasulullah s.a.w. mengenai hukum-hukum untuk berinteraksi dengan orang-orang kafir di dalam masa peperangan dan perdamaian, iaitu hukum-hukum yang terperinci yang menyangkut hal-hal perhubungan-perhubungan di antara pihak Islam dengan pihak-pihak yang berseteru dan berdamai dengannya. Sebahagian dari hukum-hukum itu merupakan hukum-hukum yang final dan sebahagian lagi merupakan hukum-hukum yang tidak final yang akan dihuraikan dengan sempurna kemudian di dalam Surah at-Taubah.

Hingga setakat ini pusingan yang kedua dalam surah ini adalah selaras dari aspek tabi'at maudhu'-maudhu' dan dari aspek susunan huraian surah dengan apa yang dihuraikan di dalam pusingan yang pertama, tetapi dengan sedikit lebih terperinci mengenai hukum-hukum yang menyangkut hubungan-hubungan di antara pihak Islam dengan pihak-pihak yang lain seluruhnya.

Kemudian pada akhir surah ditambahkan maudhu'-maudhu' dan hukum-hukum yang lain yang berhubung kait dengannya dan melengkapkannya.

Kemudian Allah S.W.T. mengingatkan Rasulullah s.a.w. dan para Mu'minin yang ada bersama beliau terhadap ni'mat yang telah dikurniakan kepada mereka, iaitu ni'mat perpaduan dan persatuan di antara sesama mereka yang amat sukar dicapai jika tidak didorong oleh iradat, rahmat dan limpah kurnia Allah.

Kemudian Allah meyakinkan mereka bahawa Dia akan memberi pertolongan dan perlindungan-Nya yang cukup kepada mereka dan oleh kerana itulah Allah memerintah Rasul-Nya supaya menggalakkan mereka berperang dan menyatakan kepada mereka bahawa dengan keimanan dan kesabaran, mereka mampu melawan sepuluh kali ganda tentera Kafirin yang tidak faham kerana mereka tidak mempunyai keimanan, dan walaupun mereka berada dalam keadaan yang paling lemah, namun mereka tetap berupaya untuk melawan tentera-tentera Kafirin yang berlipat ganda jika mereka berjuang dengan penuh kesabaran kerana Allah bersama orang-orang yang sabar.

Kemudian Allah S.W.T. menegur mereka kerana menerima bayaran tebusan dari orang-orang kafir untuk membebaskan tawanan-tawanan mereka, sedangkan mereka belum lagi memerangi kaum Kafirin itu habis-habisan dan belum lagi melumpuhkan kekuatan musuh-musuh mereka dan belum lagi menegakkan kekuasaan dan kerajaan mereka yang kuat dan stabil. Dengan teguran ini Allah menjelaskan peraturan pergerakan Islamiyah di dalam berbagai-bagai peringkat dan keadaan dan menunjukkan bahawa peraturan pergerakan Islamiyah adalah satu peraturan yang lunak dan bersifat realistik dalam menghadapi realiti di dalam berbagai-bagai peringkatnya. Begitu juga Allah menjelaskan kepada mereka peraturan menangani tawanan-tawanan perang yang berada di dalam tangan mereka dan bagaimana hendak menggalakkan mereka supaya beriman dan menyampaikan gambaran iman yang indah di dalam hati mereka. Kemudian Allah menggagalkan percubaan khianat yang telah dilakukan sekali lagi oleh para tawanan itu dan menjadikannya tidak memberi apa-apa faedah kepada mereka, kerana Allah yang berkuasa menangkap mereka pada kali pertama ketika mereka mengkhianatinya dengan kekufuran, maka Allah tetap berkuasa menangkap mereka sekali lagi jika mereka mengkhianati Rasulullah s.a.w.

Pada akhirnya dibentangkan hukum-hukum untuk mengatur perhubungan-perhubungan di antara sesama kelompok Muslimin dan perhubungan mereka dengan kumpulan-kumpulan yang menganut Islam tetapi belum lagi berhijrah ke negara Islam, kemudian menjelaskan perhubungan kaum Muslimin dengan orang-orang kafir dalam keadaan-keadaan tertentu, juga dari segi dasar umum, di mana hukum-hukum ini memperlihatkan dengan jelas tabi'at perkumpulan Islamiyah dan tabi'at sistem hidup Islamiyah seluruhnya, juga memperlihatkan dengan jelas bahawa perkumpulan secara haraki atau pergerakan itulah yang menjadi dasar kewujudan masyarakat Islam yang melahirkan hukum Islam di dalam perhubungan-perhubungan dalaman dan luaran, juga memperlihatkan bahawa 'aqidah dan syari'at di dalam agama Islam tidak boleh dipisahkan dari pergerakan dan kewujudan haqiqi masyarakat Islam.

Setakat ini cukuplah huraian kami dalam kata pengantar yang ringkas ini untuk menghadapi nas-nas Al-Qur'an dengan huraian yang terperinci:

(Kumpulan ayat-ayat 41 - 54)

وَاعْلَمُوا أَنَّمَا غَنِمْتُم مِّن شَيْءٍ فَأَنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ إِن كُنتُمْ آمَنتُم بِاللَّهِ وَمَا أَنزَلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا يَوْمَ الْفُرْقَانِ يَوْمَ الْتَقَى الْجَمْعَانِ ۗ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (٤١)

إِذْ أَنتُم بِالْعُدْوَةِ الدُّنْيَا وَهُم بِالْعُدْوَةِ الْقُصْوَىٰ وَالرَّكْبُ أَسْفَلَ مِنكُمْ ۚ وَلَوْ تَوَاعَدتُّمْ لَاخْتَلَفْتُمْ فِي الْمِيعَادِ وَلَٰكِن لِّيَقْضِيَ اللَّهُ

أَمْرًا كَانَ مَفْعُولًا لِّيَهْلِكَ مَنْ هَلَكَ عَنۢ بَيِّنَةٍ وَيَحْيَىٰ مَنْ حَيَّ عَنۢ بَيِّنَةٍ ۗ وَإِنَّ ٱللَّهَ لَسَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٤٢﴾

إِذْ يُرِيكَهُمُ ٱللَّهُ فِى مَنَامِكَ قَلِيلًا ۖ وَلَوْ أَرَىٰكَهُمْ كَثِيرًا لَّفَشِلْتُمْ وَلَتَنَٰزَعْتُمْ فِى ٱلْأَمْرِ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ سَلَّمَ ۗ إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٤٣﴾

وَإِذْ يُرِيكُمُوهُمْ إِذِ ٱلْتَقَيْتُمْ فِىٓ أَعْيُنِكُمْ قَلِيلًا وَيُقَلِّلُكُمْ فِىٓ أَعْيُنِهِمْ لِيَقْضِىَ ٱللَّهُ أَمْرًا كَانَ مَفْعُولًا ۗ وَإِلَى ٱللَّهِ تُرْجَعُ ٱلْأُمُورُ ﴿٤٤﴾

"Ketahuilah bahawa sesungguhnya apa sahaja harta rampasan perang yang telah diperolehi kamu, maka seperlimanya hendaklah diperuntukkan kepada Allah, kepada rasul, kepada kaum kerabatnya, kepada anak-anak yatim, kepada orang-orang miskin dan kepada Ibn Sabil jika kamu benar beriman kepada Allah dan kepada wahyu yang Kami turunkan kepada hamba Kami (Muhammad) pada hari Peperangan Furqan (yang memisahkan yang benar dari yang batil) iaitu pada hari bertembungnya dua angkatan perang. Dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu(41). (Kenangilah) ketika kamu berada di pinggir lembah (Badar) yang terdekat (dengan Madinah) dan mereka berada di pinggir lembah yang terjauh (dari Madinah), sedangkan angkatan qafilah (perdagangan Quraysy) berada di bawah kamu (di tempat yang jauh dari kamu) dan sekiranya kamu hendak mengadakan perjanjian (menentukan masa pertempuran) tentulah kamu berselisih mengenai masa itu, tetapi Allah (mempertemukan dua angkatan itu tanpa perjanjian) kerana Allah hendak melaksanakan satu keputusan yang telah ditetapkan-Nya supaya orang yang mati itu mati dengan pegangannya yang jelas dan orang yang hidup itu hidup dengan pegangannya yang jelas dan sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(42).(Kenangilah) ketika Allah memper-lihatkan mereka kepadamu dalam mimpimu hanya berjumlah sedikit sahaja dan sekiranya Allah memperlihatkan kepada kamu bilangan mereka yang ramai tentulah kamu merasa kecewa dan berselisih faham dalam urusan peperangan itu, tetapi Allah telah menyelamatkan kamu (dari kekecewaan dan perselisihan faham itu) sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada manusia(43). Dan (kenangilah) ketika Allah menampakkan bilangan mereka yang ramai itu kelihatan sedikit sahaja pada pandangan mata kamu ketika kamu bertembung dan menampakkan bilangan kamu yang kecil pada pandangan mata mereka (kerana bilangan kamu sebenarnya kecil) kerana Allah hendak melaksanakan satu keputusan yang telah ditetapkan-Nya dan hanya kepada Allah sahaja dirujukkan segala urusan."(44).

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا لَقِيتُمْ فِئَةً فَٱثْبُتُوا۟ وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٤٥﴾

وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَلَا تَنَٰزَعُوا۟ فَتَفْشَلُوا۟ وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ ۖ وَٱصْبِرُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٤٦﴾

وَلَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ خَرَجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِم بَطَرًا وَرِئَآءَ ٱلنَّاسِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ وَٱللَّهُ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿٤٧﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bertempur dengan pasukan musuh, maka hendaklah kamu berjuang dengan hati yang teguh dan ingatilah kepada Allah sebanyak-banyaknya supaya kamu mendapat kejayaan(45). Dan ta'atilah kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berselisih faham yang menyebabkan kamu gagal dan hilang kekuatan kamu dan bersabarlah sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar(46). Dan janganlah kamu jadi seperti orang-orang (Musyrikin Quraysy) yang keluar dari kampung halaman mereka (untuk berperang) dengan lagak yang angkuh dan menunjuk-nunjukkan kepada manusia dan mereka berusaha menghalangi orang lain dari mengikut jalan Allah. Dan Allah adalah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(47).

وَإِذْ زَيَّنَ لَهُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ أَعْمَٰلَهُمْ وَقَالَ لَا غَالِبَ لَكُمُ ٱلْيَوْمَ مِنَ ٱلنَّاسِ وَإِنِّى جَارٌ لَّكُمْ ۖ فَلَمَّا تَرَآءَتِ ٱلْفِئَتَانِ نَكَصَ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ وَقَالَ إِنِّى بَرِىٓءٌ مِّنكُمْ إِنِّىٓ أَرَىٰ مَا لَا تَرَوْنَ إِنِّىٓ أَخَافُ ٱللَّهَ ۚ وَٱللَّهُ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٤٨﴾

إِذْ يَقُولُ ٱلْمُنَٰفِقُونَ وَٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ غَرَّ هَٰٓؤُلَآءِ دِينُهُمْ ۗ وَمَن يَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ فَإِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٤٩﴾

وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذْ يَتَوَفَّى ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ۙ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ يَضْرِبُونَ وُجُوهَهُمْ وَأَدْبَٰرَهُمْ وَذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلْحَرِيقِ ﴿٥٠﴾

"Dan (kenangilah) ketika syaitan mempesonakan mereka dengan tindak tanduk mereka dan berkata (kepada mereka): Tiada seorang manusia pun yang dapat mengalahkan kamu pada hari ini dan aku sendiri akan menjadi pelindung kamu. Tetapi apabila dua angkatan itu bertemu mata, maka syaitan

terus mengundur dirinya sambil berkata: Aku berlepas diri dari kamu. Aku melihat apa yang tidak dapat dilihat oleh kamu. Aku takut kepada Allah. Dan Allah sangat keras balasan seksa-Nya(48). Dan (kenangilah) ketika para Munafiqin dan orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka berkata: Mereka (para Mu'minin) itu telah ditipu oleh agama mereka. Barang siapa yang bertawakkal kepada Allah, maka Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(49). Dan jika engkau melihat ketika para malaikat mencabut nyawa orang-orang kafir sambil memukul muka dan belakang mereka (sambil berkata): Rasakanlah 'azab api Neraka yang membakar (tentulah engkau melihat satu pemandangan yang amat menghinakan)."(50).

ذَٰلِكَ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيكُمْ وَأَنَّ ٱللَّهَ لَيْسَ بِظَلَّٰمٍ لِّلْعَبِيدِ ٥١

كَدَأْبِ ءَالِ فِرْعَوْنَ وَٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۚ كَفَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ فَأَخَذَهُمُ ٱللَّهُ بِذُنُوبِهِمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ قَوِىٌّ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ٥٢

ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ لَمْ يَكُ مُغَيِّرًا نِّعْمَةً أَنْعَمَهَا عَلَىٰ قَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ وَأَنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ٥٣

كَدَأْبِ ءَالِ فِرْعَوْنَ وَٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۚ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمْ فَأَهْلَكْنَٰهُم بِذُنُوبِهِمْ وَأَغْرَقْنَآ ءَالَ فِرْعَوْنَ ۚ وَكُلٌّ كَانُوا۟ ظَٰلِمِينَ ٥٤

"(Balasan itu) dengan sebab perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan oleh tangan kamu sendiri dan sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiayai para hamba-Nya(51). (Keadaan mereka) sama dengan keadaan Fir'aun dan kuncu-kuncunya, juga orang-orang yang sebelum mereka. Mereka telah mengingkari ayat-ayat Allah, lalu Allah menyeksakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka. Sesungguhnya Allah Maha Gagah dan amat berat penyeksaanNya(52). (Keseksaan itu) ialah kerana Allah tidak akan mengubahkan sesuatu ni'mat yang telah dikurniakan-Nya kepada sesuatu kaum sehingga kaum itu mengubahkan apa yang ada pada diri mereka dan sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(53). (Keadaan mereka) sama dengan keadaan Fir'aun dan kuncu-kuncunya. Mereka telah mendustakan ayat-ayat Tuhan mereka lalu Kami binasakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka dan Kami tenggelamkan Fir'aun dan kuncu-kuncunya dan seluruh mereka adalah orang-orang yang zalim."(54).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Huraian ini menghubungkaitkan di antara huraian bahagian awal pelajaran ini dengan huraian bahagian akhir pelajaran ini yang dibentangkan pada akhir juzu' yang kesembilan. Oleh itu ia merupakan lanjutan penjelasan hukum-hukum peperangan yang mula dibicarakan di sana pada firman-firman Allah yang berikut:

قُل لِّلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِن يَنتَهُوا۟ يُغْفَرْ لَهُم مَّا قَدْ سَلَفَ وَإِن يَعُودُوا۟ فَقَدْ مَضَتْ سُنَّتُ ٱلْأَوَّلِينَ ٣٨

وَقَٰتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ ٱلدِّينُ كُلُّهُۥ لِلَّهِ ۚ فَإِنِ ٱنتَهَوْا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ٣٩

وَإِن تَوَلَّوْا۟ فَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ مَوْلَىٰكُمْ ۚ نِعْمَ ٱلْمَوْلَىٰ وَنِعْمَ ٱلنَّصِيرُ ٤٠

"Katakanlah kepada orang-orang yang kafir itu: Jika mereka berhenti (menentang engkau), nescaya Allah memberi keampunan kepada mereka terhadap kesalahan-kesalahan mereka yang telah silam. Dan jika mereka kembali lagi (menentang engkau), maka Sunnatullah telah pun berlaku ke atas umat-umat yang terdahulu(38). Dan perangilah mereka sehingga tidak berlaku lagi sebarang penindasan (terhadap orang-orang Mu'min) dan sehingga agama (keta'atan) seluruhnya tertentu kepada Allah sahaja. Dan jika mereka berhenti (dari kekufuran dan menentang da'wah), maka sesungguhnya Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan mereka (39). Dan jika mereka berpaling, maka ketahuilah bahawa Allah itulah Pelindung kamu. Dia adalah sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Penolong."(40)

Kemudian pembicaraan itu disambung di dalam pelajaran ini mengenai hukum-hukum harta rampasan perang sebagai hasil kemenangan di dalam peperangan itu, di mana dinyatakan tujuan dan matlamatnya ialah:

حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ ٱلدِّينُ كُلُّهُۥ لِلَّهِ ۚ

"Sehingga tidak berlaku lagi sebarang penindasan (terhadap orang-orang Mu'minin) dan sehingga agama (keta'atan) seluruhnya tertentu kepada Allah sahaja."(39)

Walaupun matlamat jihad telah ditentukan dengan nas yang jelas ini, dan dari matlamat jihad ini juga dapat difahamkan dengan jelas gambaran jihad kerana Allah dan jihad kerana matlamat-matlamat da'wah kepada Allah, jihad kerana agama Allah dan jihad kerana sistem hidup ciptaan Allah dan walaupun persoalan hak milik ke atas harta rampasan perang sebagai hasil dari jihad itu telah pun diputuskan sebelum ini, di mana hak milik harta rampasan perang

itu telah dikembalikan kepada Allah dan rasul dan dilucutkannya dari hak milik para Mujahidin agar niat dan perjuangan mereka bulat semata-mata kerana Allah, namun begitu, methodologi Al-Qur'an yang bersifat Rabbaniyah itu menghadapi realiti yang berlaku dengan hukum-hukum yang teratur. Persoalannya di sana ada harta rampasan dan di sana juga ada para Mujahidin yang berjuang kerana Sabilullah dengan harta benda dan jiwa raga mereka, mereka berjuang secara sukarela dan melengkapkan diri mereka dengan perbelanjaan mereka sendiri dan kadang-kadang mengeluarkan perbelanjaan untuk melengkapkan Mujahidin-mujahidin yang lain yang tidak mempunyai perbelanjaan, kemudian di dalam peperangan itu mereka memperolehi harta rampasan perang. Mereka mendapat harta rampasan itu dengan kesabaran, keberanian dan kecekapan mereka di dalam peperangan itu. Seluruh jiwa dan hati mereka di dalam perjuangan itu ditumpukan semata-mata kerana Allah tanpa suatu ingatan untuk mendapatkan harta rampasan perang kerana hak miliknya dari awal-awal lagi telah dipulangkan kepada Allah dan Rasul-Nya. Oleh sebab itu tiada suatu halangan untuk mengagih-agihkan habuan dari harta rampasan perang ini kepada mereka, di mana mereka merasa bahawa habuan itu adalah dari pemberian Allah dan Rasul-Nya, apatah lagi pemberian ini dapat memenuhi keperluan dan perasaan hati mereka sebagai manusia dan terhindar dari perbuatan rebut merebut dan bertelingkah di antara satu sama lain yang dilarang Allah sebagaimana yang ditegaskan di permulaan surah.

Itulah methodologi Allah yang mengetahui tabi'at manusia. Ia melayani mereka dengan methodologi yang seimbang dan sepadu yang dapat memenuhi keperluan-keperluan yang besar di samping memenuhi kehendak-kehendak perasaan manusia, dan sekaligus terhindar dari kerosakan hati dan masyarakat gara-gara harta rampasan perang itu.

(Pentafsiran ayat 41)

وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّمَا غَنِمۡتُم مِّن شَيۡءٖ فَأَنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُۥ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَٱلۡيَتَٰمَىٰ وَٱلۡمَسَٰكِينِ وَٱبۡنِ ٱلسَّبِيلِ إِن كُنتُمۡ ءَامَنتُم بِٱللَّهِ وَمَآ أَنزَلۡنَا عَلَىٰ عَبۡدِنَا يَوۡمَ ٱلۡفُرۡقَانِ يَوۡمَ ٱلۡتَقَى ٱلۡجَمۡعَانِۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٌ ٤١

"Ketahuilah bahawa sesungguhnya apa sahaja harta rampasan perang yang telah diperolehi kamu, maka seperlimanya hendaklah diperuntukkan kepada Allah, kepada rasul, kepada kaum kerabatnya, kepada anak-anak yatim, kepada orang-orang miskin dan kepada Ibn Sabil jika kamu benar beriman kepada Allah dan kepada wahyu yang Kami turunkan kepada hamba Kami (Muhammad) pada hari Peperangan Furqan (yang memisahkan yang benar dari yang batil) iaitu pada hari bertembungnya dua angkatan perang. Dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(41)

Di antara riwayat-riwayat yang ma'thur dan pendapat-pendapat fiqhiyah terdapat perbezaan pendapat yang berlawanan. Pertama, di sekitar pengertian kata-kata "الغنائم" dan "الأنفال", adakah kedua-duanya mempunyai pengertian yang sama atau pengertian yang berlainan? Kedua, di sekitar peruntukan seperlima yang baki selepas empat peruntukan seperlima yang lain yang dikurniakan Allah kepada para Mujahidin, dan bagaimana peruntukan ini dibahagikan? Ketiga, di sekitar peruntukan seperlima dari seperlima yang diperuntukkan kepada Allah, adakah peruntukan ini peruntukan seperlima yang diperuntukkan kepada Rasulullah atau ia suatu peruntukan seperlima yang berasingan? Keempat, di sekitar peruntukan seperlima dari seperlima yang diperuntukkan kepada Rasulullah s.a.w., adakah peruntukan ini khusus kepada beliau sahaja atau berpindah kepada setiap al-Imam (pemerintah) selepas beliau? Kelima, di sekitar peruntukan seperlima dari seperlima yang diperuntukkan kepada ahli kerabat, adakah peruntukan ini kekal untuk ahli kerabat Rasulullah s.a.w. dari Bani Hasyim dan Bani Abdul Muttalib sebagaimana yang berlaku di zaman Rasulullah s.a.w. atau ia terpulang kepada budi bicara al-Imam (pemerintah) untuk mentadbirkan habuan ini? Keenam, adakah peruntukan seperlima-seperlima ini merupakan peruntukan-peruntukan yang tetap yang dibahagikan kepadanya satu perlima atau peruntukan ini diserahkan seluruhnya kepada pengendalian Rasulullah s.a.w. dan kepada pengendalian para khalifah selepas beliau? Di samping itu ada lagi perbezaan-perbezaan pendapat kecil yang lain.

Realiti Yang Dihadapi Islam Di Zaman Ini

Kami - mengikut cara kami sebagai dasar umum di dalam tafsir Fi Zilal ini - tidak ingin memasuki dalam perbincangan fiqhiyah yang sekunder ini yang elok dirujukkan kepada kitab-kitab yang khusus membicarakannya terutama memandang bahawa pembicaraan mengenai harta rampasan perang ini pada keseluruhannya bukanlah suatu realiti Islamiyah yang dihadapi oleh kita di zaman kini. Kita pada hari ini bukannya berdepan dengan satu isu yang wujud di alam realiti. Kita bukannya berada hadapan sebuah kerajaan Islam atau di hadapan satu kepimpinan Islam atau di hadapan umat Islam, yang berjihad fi Sabilillah kemudian mendapat harta rampasan perang yang memerlukan kaedah pengendaliannya. Zaman telah berputar kembali kepada keadaan awalnya, di mana Islam datang bagi pertama kalinya kepada manusia dan manusia kembali semula kepada jahiliyah yang dihayatinya di zaman dahulu. Mereka telah mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan yang lain yang mengendalikan kehidupan mereka dengan undang-undang ciptaan manusia. Islam telah berpatah balik untuk menyeru manusia kembali semula kepadanya, kembali semula kepada syahadat لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله, kembali semula kepada

prinsip mengkhususkan Uluhiyah, Hakimiyah dan kuasa kepada Allah S.W.T. sahaja, kembali semula kepada prinsip menerima arahan dan panduan dalam segala urusan agama ini dari Rasulullah s.a.w. sahaja, kembali bersatu padu di bawah kepimpinan Islam untuk berjuang menegakkan kembali agama ini di dalam kehidupan manusia dan memberi seluruh wala' (الولاء) dan kesetiaan kepada kepimpinan Islamiyah kelompok ini di samping mencabut wala' dan kesetiaan kepada masyarakat-masyarakat jahiliyah dan kepimpinannya.

Inilah isu yang hidup di dalam realiti yang dihadapi Islam pada hari ini. Di sana tiada isu yang lain darinya, di sana tidak ada isu harta rampasan perang, kerana di sana tidak ada isu jihad, malah di sana tidak ada isu pengurusan yang tunggal sama ada dalam perhubungan-perhubungan dalaman dan tidak pula dalam perhubungan-perhubungan luar. Semuanya berpunca dari satu sebab yang ringkas, iaitu di sana belum ada satu masyarakat Islam yang mempunyai identiti yang teguh dan bebas yang memerlukan kepada peraturan-peraturan untuk mengawal perhubungan-perhubungan di dalam masyarakat itu, juga mengawal perhubungan-perhubungan di antaranya dengan masyarakat-masyarakat yang lain.

Sistem hidup Islam adalah satu sistem yang berpijak di bumi realiti, ia tidak sibuk menangani isu-isu yang belum wujud di alam realiti. Oleh sebab itulah sistem hidup Islam sama sekali tidak menyibukkan dirinya dengan peraturan-peraturan yang berhubung dengan isu-isu yang belum wujud di alam realiti. Ia adalah lebih serius dan realistik dari bergiat menghuraikan peraturan-peraturan yang seperti itu, kerana kerja-kerja ini bukannya kerja-kerja sistem hidup agama Islam, malah merupakan program kegiatan mereka yang bekerja kosong yang menghabiskan masa lapang mereka dalam kajian-kajian teori dan kajian hukum-hukum fiqhiyah yang sama sekali tidak berpijak di alam realiti, sedangkan yang sepatutnya mereka mengorbankan daya usaha mereka untuk tujuan menegakkan kembali masyarakat Islam mengikut sistem pergerakan Islam, iaitu berda'wah kepada prinsip La ilaha Illallah dan Muhammad Rasulullah. Hasil dari da'wah ini akan muncul kelompok manusia yang masuk semula ke dalam agama ini sebagaimana masuknya kelompok manusia di zaman dahulu bagi pertama kalinya, dan dari kemasukan ini akan terbentuk satu perkumpulan yang bergerak di bawah kepimpinan Islam, yang setia kepada Islam dan mempunyai identiti yang bebas dari masyarakat-masyarakat jahiliyah. Kemudian Allah akan menetapkan suatu keputusan yang benar di antara kumpulan ini dengan kaumnya, dan di waktu ini barulah ia memerlukan peraturan-peraturan untuk mengaturkan perhubungan-perhubungan-nya di antara sesama warga masyarakatnya di samping mengaturkan perhubungan-perhubungan di antaranya dengan masyarakat-masyarakat yang lain, dan di waktu ini barulah sampai masa bagi para Mujahidin menginstibatkan hukum-hukum untuk menghadapi isu-isu yang wujud di alam realiti baik di dalam masyarakat mahu pun di luarnya, dan di waktu ini barulah usaha berijtihad itu mempunyai nilainya kerana ia memperlihatkan sifatnya yang serius dan realistik.

Kerana menyedari keseriusan sistem hidup Islam yang dinamis dan berpijak di alam realiti dan bersifat haraki inilah kami tidak ingin masuk ke dalam perbincangan-perbincangan fiqhiyah yang terperinci mengenai hukum-hukum atau peraturan-peraturan harta rampasan perang (yang dikenal dengan istilah الغنائم dan الأنفال) sehingga tiba masanya yang wajar apabila dikehendaki Allah, iaitu apabila munculnya masyarakat Islam yang benar-benar menghadapi peperangan jihad yang sebenar yang menghasilkan harta rampasan perang yang memerlukan kepada peraturan-peraturannya. Bagi kami cukuplah di dalam tafsir Fi Zilal ini sekadar membicarakan pokok keimanan dalam urutan sejarah pergerakan Islam dan dalam methodologi tarbiyah Al-Qur'an, kerana keimanan merupakan satu unsur yang tetap yang tidak terjejas oleh laluan zaman di dalam Al-Qur'anul-Karim dan segala yang lain darinya hanya merupakan ikutannya sahaja atau ditegakkan di atasnya sahaja.

Pengagihan Harta Rampasan Perang

Hukum atau peraturan am yang terkandung dalam ayat berikut:

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَا غَنِمْتُم مِّن شَىْءٍ فَأَنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُۥ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَـٰمَىٰ وَٱلْمَسَـٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ

"Ketahuilah bahawa sesungguhnya apa sahaja harta rampasan perang yang telah diperolehi kamu, maka seperlimanya hendaklah diperuntukkan kepada Allah, kepada Rasul-Nya, kepada kaum kerabatnya, kepada anak-anak yatim, kepada orang-orang miskin dan kepada Ibn Sabil"(41)

dapat disimpulkan bahawa empat bahagian seperlima dari mana-mana harta rampasan perang hendaklah diberikan kepada Mujahidin dan menyerahkan satu bahagian seperlima kepada Rasulullah s.a.w. atau kepada imam-imam (pemerintah-pemerintah) umat Muslimin, yang berpegang dengan syari'at Allah dan berjihad fi Sabilillah selepas beliau, untuk menguruskan pembahagiannya yang diperuntukkan kepada Allah, Rasul, kaum kerabat Rasul, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan ibn Sabil mengikut keperluan-keperluan yang sebenar ketika wujudnya harta rampasan perang itu.

Sekadar ini cukuplah.

Tetapi selepas mengemukakan peraturan pembahagian, maka bahagian akhir ayat ini mengandungi satu pedoman tetap yang berikut:

إِن كُنتُمْ ءَامَنتُم بِٱللَّهِ وَمَآ أَنزَلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا يَوْمَ ٱلْفُرْقَانِ يَوْمَ ٱلْتَقَى ٱلْجَمْعَانِ ۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤١﴾

"Jika kamu benar beriman kepada Allah dan kepada wahyu yang Kami turunkan kepada hamba Kami (Muhammad) pada hari Peperangan Furqan (yang memisahkan yang benar dari yang batil), iaitu pada hari bertembungnya dua angkatan perang dan Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(41)

Keimanan Yang Diiktirafkan Allah

Keimanan mempunyai tanda-tandanya yang membuktikan kewujudannya. Allah S.W.T. menggantungkan pengiktirafan-Nya terhadap keimanan pejuang-pejuang Peperangan Badar yang mengaku beriman kepada Allah dan kepada wahyu yang diturunkan kepada hamba-Nya (Muhammad) "pada hari Peperangan Furqan (yang memisahkan yang benar dari yang batil)" iaitu "pada hari bertembungnya dua angkatan perang"... Allah menggantungkan pengiktirafan-Nya terhadap keimanan para pejuang Badar itu di atas kesanggupan mereka menerima peraturan pembahagian harta rampasan perang yang disyari'atkan Allah pada permulaan ayat ini. Penerimaan peraturan ini dijadikan sebagai syarat untuk mendapat pengiktirafan Allah bahawa mereka benar-benar beriman kepada Allah dan kepada ayat Al-Qur'an yang diturunkan kepada hamba-Nya Muhammad s.a.w., atau Allah jadikan penerimaan peraturan itu sebagai syarat yang perlu direalisasikan untuk membuktikan bahawa keimanan yang diumumkan mereka itu adalah benar.

Demikianlah kita dapati pengertian iman di dalam Al-Qur'an begitu jelas dan tegas, teguh tidak bergoncang, tidak ada kopek-mengopek dan tidak ada ta'wil-mena'wil seperti yang terdapat dalam perbincangan-perbincangan fiqhiyah yang panjang lebar yang wujud di masa-masa mutakhir ketika munculnya berbagai-bagai puak, mazhab dan ta'wilan-ta'wilan, di mana mereka terjerumus ke dalam perdebatan-perdebatan dan menggunakan berbagai-bagai andaian-andaian logikal dan mental sebagaimana mereka terjerumus - dengan sebab wujudnya blok-blok mazhab dan politik - ke dalam kancah tuduh menuduh di antara satu sama lain hingga lemparan tuduhan kafir dan canggahan terhadap tuduhan itu tidak berlandaskan prinsip-prinsip Islam yang amat jelas dan mudah, malah dilandaskan di atas kepentingan-kepentingan dan kehendak-kehendak hawa nafsu, juga menggunakan tipu muslihat yang digunakan oleh mereka yang terbabit dalam perlawanan dan pertentangan, di mana terdapat orang-orang yang sanggup menuduh lawannya sebagai kafir kerana sebab-sebab yang kecil, dan sementara pihak yang tertuduh menjawab dengan jawapan yang angkuh dan kasar, sedangkan apa yang dilakukan oleh kedua-dua pihak adalah keterlaluan belaka yang berpunca dari latar belakang-latar belakang sejarah. Adapun agama Allah, ia tetap jelas, tegas tidak bergoncang, tidak ada kopek-mengopek dan tidak ada keterlaluan. *"Keimanan bukannya dengan berangan-angan, tetapi keimanan ialah keyakinan yang tersemat di dalam hati dan kewujudannya dibuktikan dengan amalan."* Keimanan pasti dibuktikan dengan kesanggupan menerima undang-undang dan peraturan yang disyari'atkan Allah dan merealisasikannya di dalam realiti kehidupan, sementara kekafiran pula ialah menolak undang-undang dan peraturan yang disyari'atkan Allah dan menghukum dengan peraturan dan undang-undang yang tidak diturunkan Allah atau berhakimkan kepada peraturan dan undang-undang yang tidak disyari'atkan Allah baik dalam perkara yang kecil mahu pun dalam perkara yang besar. Undang-undang dan peraturan-peraturan Allah adalah undang-undang dan peraturan-peraturan yang terang, tegas, simple dan jelas dan segala peraturan dan undang-undang di sebalik undang-undang dan peraturan Allah adalah undang-undang dan peraturan dari ciptaan perselisihan-perselisihan pendapat dan ta'wilan-ta'wilan manusia belaka.

Inilah satu contoh dari penjelasan-penjelasan Allah yang terang, jelas dan tegas:

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَا غَنِمْتُم مِّن شَىْءٍ فَأَنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُۥ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ إِن كُنتُمْ ءَامَنتُم بِٱللَّهِ وَمَآ أَنزَلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا يَوْمَ ٱلْفُرْقَانِ يَوْمَ ٱلْتَقَى ٱلْجَمْعَانِ ۗ

"Ketahuilah bahawa sesungguhnya apa sahaja harta rampasan perang yang telah diperolehi kamu, maka seperlimanya hendaklah diperuntukkan kepada Allah, kepada rasul, kepada kaum kerabatnya, kepada anak-anak yatim, kepada orang-orang miskin dan kepada Ibn Sabil jika kamu benar beriman kepada Allah dan kepada wahyu yang Kami turunkan kepada hamba Kami (Muhammad) pada hari Peperangan Furqan (yang memisahkan yang benar dari yang batil) iaitu pada hari bertembungnya dua angkatan perang."(41)

Penjelasan hukum ini sama dengan seluruh penjelasan hukum Allah yang lain iaitu semuanya terang, tegas dan jelas yang menggambarkan hakikat keimanan dan batas-batasnya di dalam kitab Allah.

Semua Harta Rampasan Dipulangkan Kepada Allah Dan Rasul-Nya

Allah telah mencabut hak milik harta rampasan perang itu dari tangan Mujahidin yang mengumpulkannya di dalam medan pertempuran dan memulangkan hak milik itu kepada Allah dan Rasul-Nya di permulaan surah supaya segala urusan perang itu dirujukkan kepada Allah dan Rasul, dan supaya

para Mujahidin membersihkan diri mereka dari segala hubungan dengan mana-mana kepentingan dunia dan menyerahkan seluruh perjuangan mereka dari awal hingga akhir semata-mata untuk Allah selaku Tuhan mereka dan untuk Rasul selaku pemimpin tertinggi mereka, dan supaya mereka mengharungi medan pertempuran semata-mata kerana Allah, kerana Sabilullah, di bawah bendera Allah dan semata-mata kerana ta'at kepada Allah. Mereka meletakkan Allah sebagai Pemerintah, yang menguasai jiwa raga mereka, harta benda mereka dan segala urusan mereka tanpa, sebarang komentar dan tanpa sebarang bantahan. Inilah keimanan sejati sebagaimana telah dijelaskan Allah kepada mereka di permulaan surah ketika mencabut hak milik harta rampasan perang dari mereka dan memulangkannya kepada Allah dan Rasul-Nya:

يَسۡـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلۡأَنفَالِۖ قُلِ ٱلۡأَنفَالُ لِلَّهِ وَٱلرَّسُولِۖ فَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَأَصۡلِحُواْ ذَاتَ بَيۡنِكُمۡۖ وَأَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَ ١

"Mereka bertanya kepadamu tentang (hukum) harta rampasan perang, jawablah: Harta rampasan perang itu adalah diperuntukkan kepada Allah dan Rasul-Nya. Oleh kerana itu bertaqwalah kepada Allah dan islahkan hubungan di antara kamu dan ta'atilah kepada Allah dan Rasul-Nya jika kamu benar beriman."(1)

Setelah mereka menjunjung perintah Allah dan menerima peraturan Allah dengan penuh kerelaan dan setelah pengertian iman tersemat di dalam hati mereka, maka Allah S.W.T. kembali semula memberi penjelasan untuk memulangkan kembali empat bahagian seperlima harta rampasan perang kepada mereka dan mengekalkan seperlima yang baki sebagai milik Allah dan Rasul, di mana Rasulullah s.a.w. akan mengendalikan urusan pengagihannya kepada pihak-pihak yang memerlukan bantuan di kalangan kelompok Muslimin yang terdiri dari kaum kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan Ibn Sabil: Allah kembali semula memberi penjelasan untuk memulangkan kembali empat bahagian seperlima harta rampasan itu kepada mereka setelah hati mereka benar-benar faham bahawa mereka dari awal lagi tidak memiliki harta itu sebagai hak seorang pejuang yang mendapat kemenangan, kerana mereka berperang kerana Allah dan mendapat kemenangan kerana agama Allah. Mereka hanya berhak memiliki harta itu semata-mata sebagai anugerah dari Allah kepada mereka kerana Allahlah yang telah menganugerahkan kemenangan kepada mereka dan mengendalikan urusan peperangan dan seluruh urusan mereka. Seterusnya Allah kembali semula memberi penjelasan untuk mengingatkan mereka bahawa kesanggupan menjunjung perintah Allah yang baru ini itulah keimanan sejati. Itulah syarat keimanan dan itulah kehendak keimanan:

وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّمَا غَنِمۡتُم مِّن شَيۡءٖ فَأَنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُۥ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَٱلۡيَتَٰمَىٰ وَٱلۡمَسَٰكِينِ وَٱبۡنِ ٱلسَّبِيلِ إِن كُنتُمۡ ءَامَنتُم بِٱللَّهِ وَمَآ أَنزَلۡنَا عَلَىٰ عَبۡدِنَا يَوۡمَ ٱلۡفُرۡقَانِ يَوۡمَ ٱلۡتَقَى ٱلۡجَمۡعَانِۗ

"Ketahuilah bahawa sesungguhnya apa sahaja harta rampasan perang yang telah diperolehi kamu, maka seperlimanya hendaklah diperuntukkan kepada Allah, kepada Rasul-Nya, kepada kaum kerabatnya, kepada anak-anak yatim, kepada orang-orang miskin dan kepada Ibn Sabil jika kamu benar beriman kepada Allah dan kepada wahyu yang Kami telah turunkan kepada hamba Kami (Muhammad) pada hari Peperangan Furqan (yang memisahkan yang benar dari yang batil), iaitu pada hari bertembungnya dua angkatan perang."(41)

Saranan Dari Kata-kata "Hamba Kami"

Demikianlah nas-nas itu diturunkan berturut-turut untuk menjelaskan salah satu prinsip agama yang jelas dan tegas yang mengesahkan pengertian iman, hakikat iman, syarat iman dan kehendak iman.

Kemudian marilah kita berhenti di hadapan sifat yang diberikan Allah kepada Rasul-Nya dengan kata-kata "عبدنا" (hamba Kami) dalam ayat ini yang memulangkan seluruh hak milik harta rampasan perang kepada Allah pada awalnya dan mengekalkan seperlima sahaja pada akhirnya untuk Rasul-Nya:

إِن كُنتُمۡ ءَامَنتُم بِٱللَّهِ وَمَآ أَنزَلۡنَا عَلَىٰ عَبۡدِنَا يَوۡمَ ٱلۡفُرۡقَانِ يَوۡمَ ٱلۡتَقَى ٱلۡجَمۡعَانِۗ

"Jika kamu benar beriman kepada Allah dan kepada wahyu yang Kami telah turunkan kepada hamba Kami (Muhammad) pada hari Peperangan Furqan (yang memisahkan yang benar dari yang batil), iaitu pada hari bertembungnya dua angkatan perang."(41)

Sifat "hamba Kami" merupakan sifat yang penuh saranan, kerana 'Ubudiyah kepada Allah itulah hakikat keimanan sejati dan dalam waktu yang sama ia merupakan darjat yang paling tinggi bagi seorang insan yang dicapai dengan anugerah Allah kepadanya. Oleh sebab itu sifat ini di tonjol dan disebut ketika Allah menyerahkan tugas menyampaikan perintah-Nya kepada Rasulullah s.a.w., juga ketika Allah menyerahkan tugas mengendalikan pengagihan harta rampasan perang yang dikurniakan Allah kepadanya.

Sebenarnya sifat 'Ubudiyah kepada Allah itu merupakan satu sifat yang amat tinggi di dalam realiti hidup manusia dan satu darjat yang amat mulia dan tinggi yang dicapai oleh seseorang insan.

'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja itulah satu-satunya 'Ubudiyah yang dapat

menyelamatkan manusia dari 'Ubudiyah kepada hawa nafsu dan dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia, dan seseorang insan tidak dapat meningkat ke darjat yang paling tinggi yang diperuntukkan kepadanya kecuali ia dapat memeliharakan dirinya dari 'Ubudiyah kepada hawa nafsunya dan dari 'Ubudiyah kepada yang lain dari Allah.

Orang-orang yang enggan dan merasa angkuh untuk mengabdikan diri mereka, kepada Allah akan terus jatuh menjadi mangsa kepada 'Ubudiyah-'Ubudiyah yang lain yang sangat rendah, iaitu menjadi mangsa 'Ubudiyah kepada keinginan hawa nafsu mereka mana mereka hilang kekuatan iradat untuk mengawal dan mencegahkannya, iaitu daya kawal yang khusus menjadi ciri makhluk insan sahaja di antara makhluk-makhluk yang lain, mereka jatuh ke darjat haiwan, malah merekalah seburuk-buruk haiwan. Mereka sama seperti binatang ternakan, malah mereka lebih sesat lagi. Mereka jatuh ke darjat yang paling rendah setelah mereka dijadikan Allah sebagai sebaik-baik kejadian.

Begitu juga orang-orang yang enggan dan merasa angkuh untuk mengabdikan diri kepada Allah akan terus jatuh menjadi mangsa kepada 'Ubudiyah-'Ubudiyah yang amat buruk dan rendah, iaitu mereka jatuh menjadi mangsa 'Ubudiyah kepada sesama manusia yang mencorakkan hidup mereka mengikut hawa nafsu mereka atau mengikut teori-teori dan trend-trend pemikiran yang berjangka pendek, yang bercampuraduk dengan keinginan merebut kedudukan yang unggul, di samping bercampuraduk dengan kejahilan, kekurangan dan keinginan hawa nafsu.

Mereka jatuh menjadi mangsa kepada 'Ubudiyah teori kepastian-kepastiannya yang dikatakan tidak dapat ditolak dan dihindari mereka. Mereka pasti tunduk tanpa terdaya membantah kepada undang-undang "kepastian sejarah", undang-undang "kepastian ekonomi" dan undang-undang "kepastian evolusi-evolusi" dan seluruh undang-undang kepastian yang lain, yang memaksa manusia menyembamkan dahi mereka ke tanah dan tidak terdaya untuk mengangkatkannya kembali darinya, dan dalam 'Ubudiyahnya yang malang dan hina itu ia tidak berdaya untuk mempertikaikan undang-undang kepastian-kepastian yang gagah perkasa dan ngeri ini.[1]

Kemudian marilah pula kita berhenti di hadapan sifat yang diberikan Allah kepada hari Peperangan Badar dengan kata-kata "Hari Furqan":

إِن كُنتُمْ ءَامَنتُم بِٱللَّهِ وَمَآ أَنزَلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا يَوْمَ ٱلْفُرْقَانِ يَوْمَ ٱلْتَقَى ٱلْجَمْعَانِ

"Jika kamu benar beriman kepada Allah dan kepada wahyu yang Kami telah turunkan kepada hamba Kami (Muhammad) pada hari Peperangan Furqan (yang memisahkan yang benar dari yang batil) iaitu pada hari bertembungnya dua angkatan perang."(41)

Peperangan Badar Disifatkan Sebagai Peperangan Furqan

Peperangan Badar yang telah bermula dan berakhir dengan pentadbiran, arahan, kepimpinan dan bantuan Allah itu merupakan satu Peperangan Furqan, yang memisahkan yang benar dari yang batil mengikut pendapat umum para ahli tafsir, dan satu Peperangan Furqan dalam erti katanya yang lebih syumul, luas, halus dan mendalam.

Ia merupakan Peperangan Furqan yang memisahkan di antara yang benar dan yang batil, dan kebenaran yang dimaksudkan itu ialah kebenaran semulajadi yang menjadi asas tegaknya langit dan bumi dan tegaknya fitrah segala sesuatu dan segala makhluk yang hidup, iaitu kebenaran yang wujud dalam konsep tauhid yang menegaskan bahawa Uluhiyah, kuasa, pentadbiran dan perencanaan hanya tertentu kepada Allah sahaja dan bahawa 'Ubudiyah seluruh alam buana ini, iaitu langit, bumi, benda-benda dan makhluk-makhluk yang hidup adalah tertentu kepada Uluhiyah, kuasa, pentadbiran dan perencanaan Allah yang tunggal ini sahaja dan tiada siapa yang boleh mempertikaikannya atau berkongsi dengan-Nya. Sementara yang dimaksudkan dengan kebatilan ialah sesuatu yang palsu dan asing yang memenuhi muka bumi ketika itu dan menutup kebenaran yang semulajadi itu. Kebatilan inilah yang menegakkan para Taghut di bumi ini, iaitu para Taghut yang mencorakkan kehidupan hamba-hamba Allah dengan tanggapan-tanggapan yang dikehendaki oleh mereka, kebatilan inilah juga yang menggerakkan keinginan hawa nafsu manusia dan mempengaruhi kehidupan mereka. Inilah pemisahan agung yang berlaku pada hari Peperangan Badar, di mana kebenaran yang agung telah dipisahkan dari kebatilan yang melampaui batas dan kedua-duanya tidak lagi bercampuraduk.

Ia merupakan Peperangan Furqan yang memisahkan di antara yang benar dan yang batil dengan pengertian yang syumul, luas, halus dan mendalam di mana-mana tempat dan zaman. Ia merupakan Peperangan Furqan yang memisahkan di antara kebenaran dan kebatilan di lubuk hati nurani manusia, yang memisahkan di antara konsep Wahdaniyah yang bersih dengan segala cabangnya di dalam hati dan perasaan, di dalam akhlak dan perilaku, di dalam ibadat dan 'Ubudiyah dengan konsep syirik dengan segala rupa dan bentuknya termasuk 'Ubudiyah hati kepada yang lain dari Allah sama ada berupa tokoh-tokoh manusia atau berupa keinginan-keinginan hawa nafsu, nilai-nilai, establishment-establishment, tradisi-tradisi dan adat resam.

Ia merupakan Peperangan Furqan yang memisahkan di antara kebenaran ini dan kebatilan ini di alam realiti

---

[1] *Lihat huraian yang panjang lebar dalam buku* " التطور والثبات في حياة البشرية " *dan buku* " جاهلية القرن العشرين " *oleh Muhammad Qutb.*

yang lahir ini, iaitu memisahkan di antara 'Ubudiyah kepada tokoh-tokoh manusia, keinginan-keinginan hawa nafsu, nilai-nilai, establishment-establishment, undang-undang, peraturan-peraturan, tradisi-tradisi dan adat-adat resam dengan 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa di dalam segala urusan tersebut, iaitu tiada Tuhan selain Allah, tiada yang berkuasa selain Allah, tiada yang memerintah selain Allah dan tiada yang berhak menggubal undang-undang dan peraturan selain Allah. Ia membuat seluruh kepala manusia terangkat tegak dan tidak tunduk kecuali kepada Allah. Ia membuat seluruh kepala mereka sama rata dan tidak tunduk kecuali kepada kuasa Hakimiyah Allah dan syari'at-Nya. Ketika ini bebaslah kelompok-kelompok manusia yang diperhambakan oleh para Taghut yang zalim.

Islam Merupakan Zaman Bertindak

Ia merupakan Peperangan Furqan yang memisahkan di antara dua zaman di dalam sejarah pergerakan Islam, iaitu di antara zaman bersabar, zaman menahan diri, zaman berkumpul dan menunggu dengan zaman kekuatan, zaman bergerak, zaman mengambil inisiatif dan zaman bertindak. Islam sebagai wawasan hidup yang baru, sebagai sistem hidup yang baru bagi kewujudan manusia, sebagai peraturan baru bagi masyarakat manusia, sebagai bentuk baru kerajaan, sebagai sebuah perisytiharan umum untuk membebaskan manusia di muka bumi ini melalui usaha menegakkan Uluhiyah dan Hakimiyah Allah Yang Maha Esa sahaja dan mengusir para Taghut yang merampas Uluhiyah dan Hakimiyah Allah. Islam dengan ciri-cirinya yang tersebut pastilah mempunyai kekuatan, daya bergerak, berinisiatif dan bertindak, kerana ia tidak mungkin berdiam diri, bersembunyi dan menunggu sepanjang masa, ia tidak mungkin tinggal di dalam hati penganut-penganutnya sebagai sesuatu 'aqidah semata-mata dan hanya menjelma dalam kegiatan-kegiatan ibadat, akhlak dan tingkahlaku di antara sesama mereka sahaja, malah Islam harus bergerak dan bertindak untuk merealisasikan wawasan yang baru, sistem hidup yang baru, kerajaan yang baru dan masyarakat yang baru di alam realiti kehidupan manusia di samping bertindak menghapuskan halangan-halangan fizikal yang merintangi jalan perjuangan dan menghalangkan usahanya untuk merealisasikan wawasannya di dalam kehidupan umat Muslimin dalam langkah pertamanya dan di dalam kehidupan umat manusia seluruhnya dalam langkah akhirnya 'aqidah Islam diturunkan dari sisi Allah untuk direalisasikan di alam kenyataan.[2]

Islam Merupakan Milik Umat Manusia

Ia merupakan Peperangan Furqan yang memisahkan di antara dua zaman di dalam sejarah manusia, kerana keadaan umat manusia pada keseluruhannya sebelum ditegakkan sistem hidup Islam adalah berlainan dari keadaan umat manusia pada keseluruhannya selepas ditegakkan sistem hidup Islam. Wawasan yang baru ini yang melahirkan sistem hidup yang baru, dan sistem hidup yang baru ini yang lahir dari wawasan yang baru ini, dan masyarakat yang baru ini yang merupakan suatu kelahiran yang baru bagi umat manusia, dan nilai-nilai yang baru ini yang menjadi landasan sistem kemasyarakatan dan asas perundangan ini, semua ini tidak lagi menjadi milik umat Muslimin sahaja selepas meletusnya Peperangan Badar dan selepas wujudnya masyarakat Islam yang baru itu, malah secara beransur-ansur ia telah menjadi milik umat manusia seluruhnya. Mereka terpengaruh kepadanya sama ada di dalam negara Islam atau di luarnya, sama ada melalui perhubungan persahabatan dengannya atau melalui hubungan permusuhan. Angkatan tentera Salib atau 'Crusades' (Kristian) yang menyerang dari Barat untuk memerangi dan menghancurkan Islam di negeri Islam sendiri telah terpengaruh dengan tradisi-tradisi masyarakat Islam, sedangkan tujuan kedatangan mereka ialah untuk menghancurkan Islam. Mereka pulang ke negeri mereka untuk menghapuskan sistem feudal yang lumrah di dalam masyarakat mereka setelah mereka melihat saki-baki sistem kemasyarakatan Islam. Angkatan bangsa Tatar juga telah menyerang dari timur untuk memerangi dan menghapuskan Islam dengan hasutan kaum Yahudi dan kaum Kristian yang tinggal di negeri-negeri Islam, tetapi pada akhirnya mereka terpengaruh kepada 'aqidah Islam dan membawa balik 'aqidah itu untuk dikembangkannya di sebuah negeri yang baru, di mana mereka telah membangunkan sistem pemerintahan khalifah dari abad yang kelima hingga ke abad yang kedua puluh di tengah Eropah. Walau bagaimanapun, sejarah umat manusia seluruhnya - sejak meletusnya Peperangan Badar - adalah terpengaruh dengan pemisahan ini sama ada di negeri Islam atau di negeri yang menentang Islam.

Peperangan Badar Merupakan Peperangan Pertama Di Antara Kaum Muslimin Dan Kaum Musyrikin

Ia merupakan peperangan yang memisahkan di antara dua tanggapan terhadap faktor-faktor kemenangan dan faktor-faktor kekalahan. Peperangan itu meletus ketika seluruh faktor kemenangan yang lahir berada di pihak angkatan perang kaum Musyrikin, dan seluruh faktor kekalahan yang lain berada di pihak angkatan perang kaum Muslimin hingga golongan Munafiqin dan orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka pernah berkata: "Mereka (kaum Muslimin) telah ditipu agama mereka". Telah menjadi kehendak Allah agar peperangan itu berlaku sedemikian rupa. Ia merupakan peperangan pertama di antara kaum Musyrikin yang ramai dengan kaum Muslimin yang sedikit agar peperangan itu merupakan Peperangan

2 Lihat huraian dalam Juzu' yang kesembilan mengenai matlamat-matlamat jihad Islam dalam kata pengantar Surah al-Anfal.

Furqan yang memisahkan di antara dua tanggapan dan penilaian terhadap sebab-sebab kemenangan dan sebab-sebab kekalahan supaya 'aqidah yang kuat dapat mengalahkan bilangan kekuatan tentera yang ramai, lengkap dengan peralatan dan bekalan. Kini orang ramai melihat bahawa kemenangan itu boleh dicapai oleh 'aqidah yang baik bukannya dicapai oleh semata-mata kekuatan senjata dan kelengkapan perang, mereka seterusnya melihat bahawa pendokong-pendokong 'aqidah yang benar pasti sanggup berjuang dan menempuh risiko pertempuran menentang kebatilan tanpa menunggu sehingga kekuatan material mereka yang lahir sama dan seimbang dengan kekuatan musuh, kerana mereka mempunyai satu kekuatan yang lain yang memberatkan daun neraca mereka. Ini bukannya omong kosong, malah kini ia telah menjadi kenyataan yang terpampang di hadapan mata.

Pada akhirnya, Peperangan Badar merupakan Peperangan Furqan yang memisahkan di antara kebenaran dan kebatilan dengan satu pengertian yang lain yang disarankan oleh firman Allah di awal surah ini:

وَإِذْ يَعِدُكُمُ ٱللَّهُ إِحْدَى ٱلطَّآئِفَتَيْنِ أَنَّهَا لَكُمْ وَتَوَدُّونَ أَنَّ غَيْرَ ذَاتِ ٱلشَّوْكَةِ تَكُونُ لَكُمْ وَيُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُحِقَّ ٱلْحَقَّ بِكَلِمَٰتِهِۦ وَيَقْطَعَ دَابِرَ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٧﴾

لِيُحِقَّ ٱلْحَقَّ وَيُبْطِلَ ٱلْبَٰطِلَ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٨﴾

"Dan (kenangilah) ketika Allah menjanjikan kamu bahawa salah satu dari angkatan Quraysy (yang dihadapi kamu itu) akan dimenangi kamu dan kamu mengingini (untuk menawan) angkatan qafilah (Quraysy) yang tidak bersenjata, sedangkan Allah berkehendak (supaya kamu berperang dengan angkatan Quraysy yang bersenjata) untuk menegakkan kebenaran dengan kalimat-kalimat-Nya dan menghapuskan orang-orang kafir hingga ke saki-baki mereka yang akhir(7). Kerana Allah hendak menegakkan yang benar dan menghapuskan yang batil walaupun tidak disukai oleh orang-orang yang melakukan dosa."(8)

Kaum Muslimin telah keluar dari Madinah untuk berperang, tetapi matlamat yang dikehendaki mereka ialah untuk menawan dan merampas qafilah perdagangan Quraysy yang dipimpin oleh Abu Sufyan, tetapi kehendak Allah berlainan dari kehendak mereka. Allah menghendaki agar angkatan perdagangan Quraysy yang tidak bersenjata itu terlepas dari kepungan mereka dan agar mereka bertempur dengan angkatan bersenjata Quraysy yang dipimpin oleh Abu Jahl supaya pertembungan itu benar-benar menjadi satu peperangan yang menumpahkan darah dan berakhir dengan tawanan-tawanan, bukannya suatu gerakan menawan qafilah perdagangan dan mendapatkan harta rampasan dan bukannya merupakan satu perjalanan berkelah yang selesa. Kemudian Allah menjelaskan tujuannya ia berbuat begitu:

لِيُحِقَّ ٱلْحَقَّ وَيُبْطِلَ ٱلْبَٰطِلَ

"Kerana Allah hendak menegakkan yang benar dan menghapuskan yang batil."(8)

Islam Suatu Hidup Haraki Bukannya Sistem Hidup Teori

Ayat ini bertujuan menjelaskan satu hakikat yang besar, iaitu kebenaran tidak akan tegak dan kebatilan tidak akan terhapus di dalam masyarakat manusia dengan semata-mata mengemukakan penjelasan secara teori tentang kebenaran dan kebatilan itu, dan tidak pula dengan semata-mata iktikad yang bercorak teori bahawa yang ini benar dan yang itu batil, malah kebenaran tidak akan tegak dan wujud di dalam realiti kehidupan manusia dan kebatilan tidak hapus dan hilang dari dunia manusia kecuali dirobohkan kuasa kebatilan dan dibangunkan kuasa kebenaran, dan semuanya ini tidak akan berlaku kecuali tentera kebenaran menang dan tentera kebatilan kalah dan tumbang. Oleh sebab itu Islam merupakan satu sistem hidup yang haraki dan berpijak di bumi kenyataan bukannya suatu sistem hidup yang bercorak teori untuk maksud ilmu pengetahuan dan perdebatan atau untuk maksud iktikad yang negatif!

Kini kebenaran telah ditegakkan dan kebatilan telah dihapuskan dengan Peperangan Badar, dan kemenangan yang praktikal ini telah mewujudkan furqan atau pemisahan di alam realiti di antara kebenaran dan kebatilan sebagaimana telah disebut di dalam firman Allah ketika menyatakan kehendak iradat-Nya di sebalik peperangan itu dan di sebalik mengeluarkan Rasulullah s.a.w. dari rumahnya dengan hikmat yang benar dan di sebalik terlepasnya angkatan qafilah perdagangan Quraysy yang tidak bersenjata dan bertembung-nya dengan angkatan perang Quraysy yang bersenjata.

Semuanya ini merupakan suatu furqan di dalam sistem hidup Islam ini sendiri, iaitu suatu furqan yang menjelaskan tabi'at dan hakikat sistem ini di dalam hati kaum Muslimin, suatu furqan yang kita sedari betapa perlunya pada hari ini apabila kita melihat kegoyahan yang melanda konsep-konsep agama ini di dalam hati orang-orang yang menamakan diri mereka sebagai orang-orang Islam sehingga kegoyahan ini sampai kepada tanggapan-tanggapan setengah-setengah penda'wah yang menyeru manusia kepada agama ini.

Demikianlah hari Peperangan Badar merupakan hari furqan, di mana bertembungnya dua angkatan perang, yang membawa berbagai-bagai pengertian yang syumul dan mendalam.

"Dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(41)

Pada hari Peperangan Badar dapat dilihat satu contoh kekuasaan Allah yang berkuasa di atas segala sesuatu, satu contoh yang tidak dapat dipertikaikan oleh sesiapa pun, satu contoh dari alam realiti yang dapat disaksikan dengan mata kepala, satu contoh yang tidak dapat ditafsirkan kecuali dengan kekuasaan Allah dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu.

(Pentafsiran ayat-ayat 42 - 44)

Di sini rangkaian ayat-ayat yang berikut kembali semula kepada Hari Furqan, hari bertembungnya dua angkatan perang, kembali ke medan pertempuran dan mengulangi tayangannya dengan uslub yang menarik, di mana ia memperlihatkan pemandangan-pemandangan pertempuran dan suasana-suasananya seolah-olah terbentang nyata. Ia mendedahkan bagaimana pentadbiran Allah mengendalikan peperangan itu sehingga setiap orang seolah-olah dapat melihat tangan kekuasaan Allah berada di sebalik peristiwa-peristiwa dan pergerakan-pergerakan peperangan itu di samping menerangkan tujuan pentadbiran Allah yang telah tercapai mengikut sebagaimana yang dikehendaki-Nya:

إِذْ أَنتُم بِٱلْعُدْوَةِ ٱلدُّنْيَا وَهُم بِٱلْعُدْوَةِ ٱلْقُصْوَىٰ وَٱلرَّكْبُ أَسْفَلَ مِنكُمْ ۚ وَلَوْ تَوَاعَدتُّمْ لَٱخْتَلَفْتُمْ فِى ٱلْمِيعَٰدِ ۙ وَلَٰكِن لِّيَقْضِىَ ٱللَّهُ أَمْرًا كَانَ مَفْعُولًا لِّيَهْلِكَ مَنْ هَلَكَ عَنۢ بَيِّنَةٍ وَيَحْيَىٰ مَنْ حَىَّ عَنۢ بَيِّنَةٍ ۗ وَإِنَّ ٱللَّهَ لَسَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٤٢﴾

إِذْ يُرِيكَهُمُ ٱللَّهُ فِى مَنَامِكَ قَلِيلًا ۖ وَلَوْ أَرَىٰكَهُمْ كَثِيرًا لَّفَشِلْتُمْ وَلَتَنَٰزَعْتُمْ فِى ٱلْأَمْرِ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ سَلَّمَ ۗ إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٤٣﴾

وَإِذْ يُرِيكُمُوهُمْ إِذِ ٱلْتَقَيْتُمْ فِىٓ أَعْيُنِكُمْ قَلِيلًا وَيُقَلِّلُكُمْ فِىٓ أَعْيُنِهِمْ لِيَقْضِىَ ٱللَّهُ أَمْرًا كَانَ مَفْعُولًا ۗ وَإِلَى ٱللَّهِ تُرْجَعُ ٱلْأُمُورُ ﴿٤٤﴾

"(Kenangilah) ketika kamu berada di pinggir lembah (Badar) yang terdekat, (dengan Madinah) dan mereka berada di pinggir lembah yang terjauh (dari Madinah), sedangkan angkatan qafilah (perdagangan Quraysy) berada di bawah kamu (di tempat yang jauh dari kamu) dan sekiranya kami hendak mengadakan perjanjian (menentukan masa pertempuran) tentulah kamu berselisih mengenai masa itu, tetapi Allah (mempertemukan dua angkatan itu tanpa perjanjian) kerana Allah hendak melaksanakan satu keputusan yang telah ditetapkan-Nya supaya pihak yang mati itu mati dengan pegangannya yang jelas dan pihak yang hidup itu hidup dengan pegangannya yang jelas dan sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(42). (Kenangilah) ketika Allah memperlihatkan mereka kepadamu dalam mimpimu hanya berjumlah sedikit sahaja dan sekiranya Allah memperlihatkan kepada kamu bilangan mereka yang ramai tentulah kamu merasa kecewa dan berselisih faham dalam urusan peperangan itu, tetapi Allah telah menyelamatkan kamu (dari kekecewaan dan perselisihan faham itu) sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada manusia(43). Dan (kenangilah) ketika Allah menampakkan bilangan mereka yang ramai itu kelihatan sedikit sahaja pada pandangan mata kamu ketika kamu bertembung dan menampakkan bilangan kamu yang kecil pada pandangan mata mereka (kerana bilangan kamu sebenarnya kecil) kerana Allah hendak melaksanakan satu keputusan yang telah ditetapkan-Nya dan hanya kepada Allah sahaja dirujukkan segala urusan."(44)

Medan pertempuran terbentang nyata, di mana dapat dilihat kedudukan kedua-dua belah pihak dan di sana juga dapat dilihat satu pentadbiran halus di sebalik pertempuran itu. Tangan kekuasaan Allah hampir-hampir dapat dilihat bagaimana ia menempatkan pihak ini di sana dan pihak itu di sini, sedangkan angkatan qafilah perdagangan Quraysy kelihatan berada di tempat yang jauh. Kata-kata ayat itu membayangkan pentadbiran Allah yang memberi mimpi kepada Rasulullah s.a.w., membayangkan pentadbiran Allah yang memperlihatkan jumlah bilangan tentera kedua-dua pihak itu kelihatan kecil pada pandangan mata masing-masing, di samping membayangkan pentadbiran Allah yang menggalakkan kedua-dua pihak itu berperang. Hanya uslub Al-Qur'an yang unik sahaja yang mampu menggambarkan pemandangan-pemandangan itu dan pemandangan-pemandangan di sebaliknya dengan gambaran yang begitu hidup dan gerak-geraknya yang begitu jelas dapat dilihat dengan hanya menggunakan ruang pengungkapan yang pendek sahaja.

Pemandangan-pemandangan yang ditayangkan oleh ayat-ayat ini telah pun dilalui oleh kita sewaktu dibentangkan peristiwa peperangan itu dari buku sejarah yang berkaitan, iaitu angkatan Muslimin yang keluar dari Madinah itu telah berhenti di pinggir wadi yang dekat dengan Madinah, sementara angkatan perang Quraysy yang dikepalai Abu Jahl telah berhenti di pinggir wadi yang sama di sebelah yang lain yang jauh dari Madinah, dan di antara kedudukan dua pihak itu dipisahkan oleh sebuah anak bukit, sedangkan angkatan qafilah Quraysy yang dipimpin

oleh Abu Sufyan sedang mengikut jalan pesisir laut yang jauh dari kedua-dua pihak itu.

Setiap pihak tidak mengetahui tempat kedudukan musuhnya. Allah telah mengumpulkan kedua-dua pihak itu di dua pinggir anak bukit itu kerana sesuatu tujuan yang dikehendaki-Nya, dan seandainya kedua-dua pihak itu telah menetapkan pertemuan mereka sudah tentu mereka tidak bertemu dengan cara yang begitu tepat dan halus dari segi tempat dan masa. Dan inilah yang diperingatkan Allah kepada kaum Muslimin supaya mereka sentiasa mengenangkan pentadbiran dan perencanaan Allah:

إِذْ أَنتُم بِٱلْعُدْوَةِ ٱلدُّنْيَا وَهُم بِٱلْعُدْوَةِ ٱلْقُصْوَىٰ وَٱلرَّكْبُ أَسْفَلَ مِنكُمْ ۚ وَلَوْ تَوَاعَدتُّمْ لَٱخْتَلَفْتُمْ فِى ٱلْمِيعَٰدِ وَلَٰكِن لِّيَقْضِىَ ٱللَّهُ أَمْرًا كَانَ مَفْعُولًا

"(Kenangilah) ketika kamu berada di pinggir lembah (Badar) yang terdekat (dengan Madinah) dan mereka berada di pinggir lembah yang terjauh (dari Madinah), sedangkan angkatan qafilah (perdagangan Quraysy) berada di bawah kamu (di tempat yang jauh dari kamu) dan sekiranya kamu hendak mengadakan perjanjian (menentukan masa pertempuran) tentulah kamu berselisih mengenai masa itu, tetapi Allah (mempertemukan dua angkatan itu tanpa perjanjian) kerana Allah hendak melaksanakan satu keputusan yang telah ditetapkan-Nya."(42)

Di sebalik pertembungan tanpa perjanjian yang berlaku sedemikian halus dan tepat itu menunjukkan adanya sesuatu tujuan yang hendak direalisasikan Allah di alam realiti melalui pentadbiran-Nya yang amat halus ini, di mana Allah menjadikan kamu sebagai alat untuk merealisasikan tujuan itu dan menyediakan segala suasana untuknya yang memudahkan kamu melakukannya.

Tujuan yang hendak direalisasikan Allah melalui tadbir-Nya itu telah diterangkan seperti berikut:

لِّيَهْلِكَ مَنْ هَلَكَ عَنۢ بَيِّنَةٍ وَيَحْيَىٰ مَنْ حَىَّ عَنۢ بَيِّنَةٍ ۗ

"Supaya orang yang mati itu mati dengan pegangannya yang jelas dan orang yang hidup itu hidup dengan pegangannya yang jelas."(42)

Kekafiran Diungkapkan Dengan "Mati" Dan Keimanan Diungkapkan Dengan "Hidup"

Kata-kata "mati" di sini digunakan untuk mengungkapkan pengertiannya secara langsung (pengertian haqiqi) di samping digunakan untuk mengungkapkan pengertian kekafiran (pengertian metafora). Begitu juga kata-kata "hidup" di sini kadang-kadang dipakai dengan pengertiannya secara langsung dan kadang-kadang digunakan untuk mengungkapkan pengertian keimanan, dan pengertian yang kedua ini adalah lebih jelas di sini. Pengertian ini sama dengan pengertian yang terdapat di dalam firman Allah:

أَوَمَن كَانَ مَيْتًا فَأَحْيَيْنَٰهُ وَجَعَلْنَا لَهُۥ نُورًا يَمْشِى بِهِۦ فِى ٱلنَّاسِ كَمَن مَّثَلُهُۥ فِى ٱلظُّلُمَٰتِ لَيْسَ بِخَارِجٍ مِّنْهَا ۚ

"Apakah seseorang yang telah mati lalu Kami hidupkannya dan Kami jadikan nur untuknya dan dengan nur itu ia berjalan di tengah orang ramai sama dengan seseorang yang sepertinya yang berada di dalam gelap gelita yang tidak dapat keluar darinya."

(Surah al-An'am: 122)

Dalam ayat ini kekafiran diungkapkan dengan kata-kata "mati" dan keimanan diungkapkan dengan kata-kata "hidup". Beginilah pandangan Islam terhadap hakikat kekafiran dan hakikat keimanan. Pandangan ini telah kami jelaskan dengan terperinci ketika mentafsirkan ayat ini dalam Surah al-An'am Juzu' yang kelapan.

Kami tarjihkan pengertian yang kedua ini di sini dengan alasan kerana Peperangan Badar - sebagaimana telah disifatkan Allah - merupakan Hari Furqan, di mana Allah memisahkan di antara kebenaran dan kebatilan. Oleh sebab itu sesiapa yang kufur selepas peperangan itu bererti ia kufur tanpa sebarang kekeliruan. Ia kufur dengan pegangan yang jelas dan mati dengan pegangan yang jelas, dan sesiapa yang beriman selepas peperangan itu bererti ia beriman dengan bukti dan pegangan yang jelas yang ditonjolkan oleh peperangan itu.

Peperangan Badar dan situasi-situasi yang menemani-nya membawa bukti yang tidak dapat disangkal dan memberi pengertian yang tidak dapat dinafikan, iaitu bukti dan pengertian yang menunjukkan adanya pentadbiran Ilahi di sebalik tadbir manusia dan adanya kekuatan Ilahi di sebalik kekuatan manusia. Peperangan itu telah membuktikan bahawa agama Islam mempunyai Tuhan yang menaungi keselamatan para penganutnya apabila mereka menunjukkan keikhlasan kepada-Nya dan berjuang kerana agama-Nya dengan sabar dan berani. Jika persoalan peperangan ini dinilai dari segi kekuatan fizikal yang lahir, maka angkatan Musyrikin tidak akan mengalami kekalahan dan angkatan Muslimin tidak akan berjaya mencapai kemenangan yang besar ini.

Orang-orang Musyrikin sendiri pernah berkata kepada sekutu mereka yang mahu membantu mereka dengan orang-orangnya ketika mereka hendak berlepas ke medan peperangan: Demi usiaku, jika lawan yang akan kami perangi itu manusia, maka kami sekali-kali tidak merasa lemah untuk menghadapi mereka, tetapi jika lawan itu Allah sebagaimana yang didakwa oleh Muhammad yang bercakap benar dan amanah itu, maka tiada siapa

pun yang berupaya melawan Allah. Oleh sebab itu apabila mereka mati dalam kekafiran selepas itu, maka mereka mati dengan kesedaran dan bukti yang jelas.

Inilah idea yang mula-mula terlintas di dalam fikiran saya ketika memikirkan makna ulasan Allah "supaya orang yang mati itu mati dengan pegangan yang jelas dan orang yang hidup itu hidup dengan pegangan yang jelas", tetapi di sebalik itu ada lagi satu saranan yang lain iaitu:

Tercetusnya peperangan di antara bala tentera kebenaran dengan bala tentera kebatilan dan kejayaan kuasa kebenaran mendapat kedudukan yang tinggi di alam realiti setelah mendapat kedudukan yang tinggi di alam hati nurani adalah di antara faktor yang membantu menjelaskan lebih terang lagi kedudukan kebenaran pada pandangan mata dan hati manusia, di samping membantu menghapuskan kekeliruan di dalam akal dan jiwa mereka. Dengan kemenangan ini kedudukan kebenaran menjadi begitu ketara dan jelas, di mana orang yang memilih kekafiran tidak lagi merasa keliru terhadap kebenaran yang telah jelas dan nyata itu. Begitu juga orang yang memilih keimanan tidak merasa sebarang keraguan terhadap kebenaran yang telah dibantu oleh Allah dan menghampakan para Taghut itu.

Ini membawa kita kembali semula kepada pembicaraan yang telah kami kemukakan dalam Juzu' yang kesembilan berhubung dengan keperluan jihad dalam usaha untuk menghancurkan kekuatan kejahatan dan kekuasaan Taghut dan untuk mengibarkan bendera kebenaran dan kekuasaan Allah, kerana jihad membantu menjelaskan lebih terang lagi kedudukan kebenaran "supaya orang yang mati itu mati dengan pegangan yang jelas dan orang yang hidup itu hidup dengan pegangan yang jelas". Peringatan ini juga membantu kita untuk memahami dimensi saranan yang terkandung di dalam firman Allah:

وَأَعِدُّوا۟ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ ٱلْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِۦ عَدُوَّ ٱللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ

"Dan sediakanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa sahaja yang kamu dapat sediakannya dari kuda-kuda perang agar kamu dapat menakutkan musuh Allah dan musuh kamu."(60)

Langkah mengadakan persiapan kekuatan untuk menakutkan musuh adalah di antara faktor yang membantu menjelaskan lebih terang lagi kedudukan kebenaran pada pandangan manusia dari golongan orang-orang yang tidak mungkin sedar dan melihat dengan jelas kecuali apabila mereka mendengar bunyi kekuatan yang membawa kebenaran itu dan melancarkan perisytiharan membebaskan manusia di bumi ini sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini.

Kemudian ayat yang berikut membuat ulasan berhubung dengan tadbir Ilahi di dalam peperangan itu dan matlamatnya yang telah berjaya direalisasikan itu:

وَإِنَّ ٱللَّهَ لَسَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٤٢﴾

"Dan sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(42)

Maksudnya, tiada suatu apa pun yang tersembunyi dari pengetahuan Allah. Dia mendengar segala perkataan yang diucapkan oleh kumpulan yang memperjuangkan kebenaran dan kumpulan yang memperjuangkan kebatilan. Dia mengetahui segala sesuatu yang disembunyikan di dalam hati mereka di sebalik perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan mereka. Allah dapat mentadbir dan mengaturkan perencanaan yang rapi di dalam peperangan itu kerana Dia mengetahui segala yang nyata dan segala yang tersembunyi.

Selepas ulasan ini yang dibuat semasa ditayangkan peristiwa-peristiwa yang sedang berlaku di dalam Peperangan Badar, maka rangkaian ayat-ayat berikut meneruskan lagi tayangan peristiwa-peristiwa itu dan mendedahkan bagaimana Allah mengaturkan tadbir-Nya yang sulit dan halus dalam peperangan itu:

إِذْ يُرِيكَهُمُ ٱللَّهُ فِى مَنَامِكَ قَلِيلًا ۖ وَلَوْ أَرَىٰكَهُمْ كَثِيرًا لَّفَشِلْتُمْ وَلَتَنَٰزَعْتُمْ فِى ٱلْأَمْرِ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ سَلَّمَ ۗ إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٤٣﴾

"(Kenangilah) ketika Allah memperlihatkan mereka kepadamu dalam mimpimu hanya berjumlah sedikit sahaja dan sekiranya Allah memperlihatkan kepada kamu bilangan mereka yang ramai tentulah kamu merasa kecewa dan berselisih faham dalam urusan peperangan itu, tetapi Allah telah menyelamatkan kamu (dari kekecewaan dan perselisihan faham itu) sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada manusia."(43)

Hikmat Rasulullah Diberi Mimpi

Di antara tadbir Allah di dalam peperangan itu ialah Ia menjadikan Rasulullah s.a.w. bermimpi melihat bilangan tentera musuh itu cuma kecil sahaja dan tidak mempunyai apa-apa kekuatan, lalu beliau menceritakan mimpinya itu kepada para sahabatnya dan mereka menerimanya dengan hati riang dan gembira, dan ini telah menaikkan semangat mereka untuk bertempur. Kemudian di dalam ayat ini juga Allah menjelaskan sebab mengapa ia memperlihatkan bilangan musuh yang kecil dalam mimpi Rasulullah s.a.w. itu, kerana Allah mengetahui jika ia memperlihatkan kepada beliau bilangan musuh yang ramai tentulah akan menghampakan hati tentera-tenteranya yang kecil, apatah lagi kerana mereka keluar tanpa persiapan yang cukup dan tanpa

menduga akan menghadapi pertempuran, dan tentulah mereka akan lemah semangat untuk melawan musuh mereka, di samping bertelagah sesama sendiri, setengahnya mahu berperang dan setengah yang lain mahu menghindari perang dan sudah tentu pertelagahan yang berlaku dalam sa'at yang gawat itu akan menimpakan kesan yang paling buruk ke atas pasukan tentera yang sedang menghadapi musuh.

وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ سَلَّمَ ۗ إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٤٣﴾

"Tetapi Allah telah menyelamatkan (kamu dari kekecewaan dan perselisihan faham itu) sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada manusia."(43)

Oleh kerana Allah amat mengetahui isi hati manusia, maka ia melakukan tadbir-Nya yang halus terhadap angkatan Muslimin yang diketahuinya lemah untuk menghadapi peperangan, lalu Allah memperlihatkan bilangan kaum Musyrikin yang kecil dalam mimpi Rasulullah s.a.w. dan bukannya memperlihatkan bilangan mereka yang ramai.

Mimpi beliau itu adalah satu mimpi yang benar yang membawa maksudnya yang haqiqi. Beliau bermimpi melihat bilangan tentera Musyrikin itu kecil sedangkan mereka ramai, tetapi sebenarnya walaupun bilangan mereka ramai namun mereka mempunyai kekuatan yang kecil di medan pertempuran, kerana hati mereka kosong dari kefahaman yang luas, keimanan yang berkobar-kobar dan bekalan jiwa yang kuat. Inilah hakikat yang sebenar di sebalik mimpi Rasulullah s.a.w. yang lahir dan mengelirukan itu. Hakikat inilah yang diperlihatkan Allah di dalam mimpi Rasul-Nya untuk mententeramkan hati angkatan perang Muslimin. Allah mengetahui hati mereka, mengetahui bilangan mereka yang kecil dan peralatan perang mereka yang sedikit, mengetahui apa yang akan berlaku kepada mereka andainya mereka mengetahui bilangan musuh mereka yang ramai. Ya, andainya mereka tahu tentu mereka akan patah semangat untuk berjuang dan tentulah mereka akan bertelagah sesama sendiri sama ada hendak berperang atau tidak berperang, dan inilah tadbir Allah Yang Maha Mengetahui hati manusia.

Apabila kedua-dua angkatan itu bertembung, maka pandangan dalam mimpi nabawi yang benar itu berulang dalam bentuk pandangan mata kasar dari kedua-dua belah pihak yang berjuang itu. Ini juga di antara tadbir Allah yang diperingatkan kepada kaum Muslimin supaya dikenangi mereka ketika menayangkan Peperangan Badar dan peristiwa-peristiwa di sebaliknya:

وَإِذْ يُرِيكُمُوهُمْ إِذِ ٱلْتَقَيْتُمْ فِىٓ أَعْيُنِكُمْ قَلِيلًا وَيُقَلِّلُكُمْ فِىٓ أَعْيُنِهِمْ لِيَقْضِىَ ٱللَّهُ أَمْرًا كَانَ مَفْعُولًا ۗ وَإِلَى ٱللَّهِ تُرْجَعُ ٱلْأُمُورُ ﴿٤٤﴾

"Dan (kenangilah) ketika Allah menampakkan bilangan mereka yang ramai itu kelihatan sedikit sahaja pada pandangan mata kamu ketika kamu bertembung dan menampakkan bilangan kamu yang kecil pada pandangan mata mereka (kerana bilangan kamu sebenarnya kecil) kerana Allah hendak melaksanakan satu keputusan yang telah ditetapkan-Nya dan hanya kepada Allah sahaja dirujukkan segala urusan."(44)

Tadbir Ilahi ini telah memberangsangkan kedua-dua belah pihak itu untuk berperang. Angkatan Mu'minin melihat bilangan tentera Musyrikin itu kecil sahaja pada pandangan mata mereka, kerana mereka melihat dengan mata hakikat, sedangkan angkatan Musyrikin juga melihat bilangan tentera Muslimin itu kecil kerana mereka melihat dengan mata kasar dan di sebalik dua hakikat yang dilihat oleh masing-masing puak itulah terlaksananya kehendak tadbir Ilahi dan berlakulah peperangan yang telah dirancang dan diputuskan-Nya itu.

وَإِلَى ٱللَّهِ تُرْجَعُ ٱلْأُمُورُ ﴿٤٤﴾

"Dan hanya kepada Allah sahaja dirujukkan segala urusan."(44)

Inilah simpulan kata yang sesuai dengan tadbir Ilahi yang telah direalisasikan itu dan dengan keputusan Allah yang telah terlaksana itu. Itulah urusan dari urusan-urusan yang dipulangkan kepada Allah Yang Maha Esa untuk ditangani dengan kudrat kuasa-Nya dan diputuskan oleh iradat-Nya, dan tiada suatu pun yang terluput dari kudrat dan keputusan Allah dan tiada suatu pun yang berlaku di alam al-wujud ini kecuali dengan keputusan dan kudrat Allah.

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 49)

Garis Panduan Ilahi Dalam Menghadapi Musuh Di Medan Perang

Andainya tadbir itu tadbir Allah dan kemenangan itu anugerah dari Allah, andainya jumlah tentera yang banyak itu bukan faktor yang menjamin kemenangan dan kelengkapan fizikal bukan faktor yang menentu kesudahan peperangan, maka langkah-langkah yang harus diambil oleh pejuang-pejuang Muslimin ialah berperang dengan hati yang teguh apabila berdepan dengan tentera Kafirin, berbekal dengan kelengkapan perjuangan yang haqiqi, mengguna segala sarana yang membawa kepada hubungan yang rapat dengan Allah selaku Peneraju pentadbiran dan perencanaan dan selaku sumber yang memberi pertolongan dan bantuan, membersihkan diri dari sifat-sifat angkuh, takbur dan perbuatan yang batil, berwaspada dari ditipu syaitan yang telah membinasakan angkatan Kafirin dan bertawakkal kepada Allah Yang Maha Esa, Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا لَقِيتُمْ فِئَةً فَٱثْبُتُوا۟ وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٤٥﴾

وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَلَا تَنَٰزَعُوا۟ فَتَفْشَلُوا۟ وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ ۖ وَٱصْبِرُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٤٦﴾
وَلَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ خَرَجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِم بَطَرًا وَرِئَآءَ ٱلنَّاسِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ وَٱللَّهُ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿٤٧﴾
وَإِذْ زَيَّنَ لَهُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ أَعْمَٰلَهُمْ وَقَالَ لَا غَالِبَ لَكُمُ ٱلْيَوْمَ مِنَ ٱلنَّاسِ وَإِنِّى جَارٌ لَّكُمْ ۖ فَلَمَّا تَرَآءَتِ ٱلْفِئَتَانِ نَكَصَ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ وَقَالَ إِنِّى بَرِىٓءٌ مِّنكُمْ إِنِّىٓ أَرَىٰ مَا لَا تَرَوْنَ إِنِّىٓ أَخَافُ ٱللَّهَ ۚ وَٱللَّهُ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٤٨﴾
إِذْ يَقُولُ ٱلْمُنَٰفِقُونَ وَٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ غَرَّ هَٰٓؤُلَآءِ دِينُهُمْ ۗ وَمَن يَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ فَإِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٤٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bertempur dengan pasukan musuh, maka hendaklah berjuang dengan hati yang teguh dan ingatilah kepada Allah sebanyak-banyaknya supaya kamu mendapat kejayaan(45). Dan ta'atilah kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berselisih faham yang menyebabkan kamu gagal dan hilang kekuatan kamu dan bersabarlah sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar (46). Dan janganlah kamu jadi seperti orang-orang (Musyrikin Quraysy) yang keluar dari kampung halaman mereka (untuk berperang) dengan lagak yang angkuh dan menunjuk-nunjukkan kepada manusia dan mereka berusaha menghalangi orang lain dari mengikut jalan Allah. Dan Allah adalah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka(47). Dan (kenangilah) ketika syaitan mempesonakan mereka dengan tindak-tanduk mereka dan berkata (kepada mereka): Tiada seorang pun yang dapat mengalahkan kamu pada hari ini dan aku sendiri akan menjadi pelindung kamu. Tetapi apabila dua angkatan itu bertemu mata, maka syaitan terus mengundur dirinya sambil berkata: Aku berlepas diri dari kamu. Aku melihat apa yang tidak dapat dilihat oleh kamu. Aku takut kepada Allah. Dan Allah sangat keras balasan seksa-Nya(48). Dan (kenangilah) ketika para Munafiqin dan orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka berkata: Mereka (para Mu'minin) itu telah ditipu oleh agama mereka. Barang siapa yang bertawakkal kepada Allah, maka Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(49)

Huraian ayat-ayat yang pendek ini menggabungkan berbagai-bagai konsep, saranan, prinsip-prinsip, garis-garis panduan, gambaran-gambaran, pemandangan-pemandangan, penonjolan situasi-situasi peperangan yang dibentangkan dengan gaya yang begitu hidup dan realistik, di samping mendedahkan lintasan-lintasan fikiran, perasaan-perasaan dan bisikan hati nurani dan sebagainya yang memerlukan halaman-halaman yang luas berlipat ganda untuk menggambar dan mengungkapkannya, namun demikian tidak juga dapat sampai ke tahap pengungkapan Al-Qur'an yang amat menarik dan unik ini.

Kumpulan ayat ini dimulakan dengan seruan yang termasuk dalam siri-siri seruan yang berulang-ulang kali ditujukan kepada kaum Muslimin dalam surah ini. Seruan itu mengarah kaum Muslimin supaya berjuang dengan hati teguh ketika menghadapi musuh serta bersiap sedia dan membekalkan diri dengan bekalan-bekalan yang membawa kepada kemenangan:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا لَقِيتُمْ فِئَةً فَٱثْبُتُوا۟ وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٤٥﴾
وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَلَا تَنَٰزَعُوا۟ فَتَفْشَلُوا۟ وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ ۖ وَٱصْبِرُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٤٦﴾
وَلَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ خَرَجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِم بَطَرًا وَرِئَآءَ ٱلنَّاسِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ وَٱللَّهُ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿٤٧﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bertempur dengan pasukan musuh, maka hendaklah berjuang dengan hati yang teguh dan ingatilah kepada Allah sebanyak-banyaknya supaya kamu mendapat kejayaan(45). Dan ta'atilah kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berselisih faham yang menyebabkan kamu gagal dan hilang kekuatan kamu dan bersabarlah sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar(46). Dan janganlah kamu jadi seperti orang-orang (Musyrikin Quraysy) yang keluar dari kampung halaman mereka (untuk berperang) dengan lagak yang angkuh dan menunjuk-nunjukkan kepada manusia dan mereka berusaha menghalangi orang lain dari mengikut jalan Allah. Dan Allah adalah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(47)

Inilah faktor-faktor kemenangan yang haqiqi iaitu ketabahan hati ketika berdepan dengan musuh, menjalin hubungan mesra dengan Allah melalui zikir dan keta'atan kepada-Nya dan kepada Rasul-Nya, menjauhi perselisihan faham dan pertelagahan sesama sendiri, sabar memikul kewajipan perjuangan

dan menjaga diri dari sifat-sifat angkuh, ria' dan perbuatan yang zalim.

Ketabahan dalam perjuangan merupakan, permulaan jalan menuju kemenangan. Pihak yang lebih tabah, pihak itulah yang akan mencapai kemenangan. Apakah pejuang-pejuang Mu'minin mengetahui bahawa musuh-musuh mereka mengalami kesulitan yang lebih buruk dari mereka dan mereka juga menderita sama seperti mereka, tetapi musuh-musuh mereka tidak meletakkan harapan pada Allah sebagaimana mereka, oleh kerana itu musuh-musuh mereka tidak akan mendapat bantuan hasil dari harapan mereka pada Allah yang dapat meneguhkan hati dan langkah-langkah mereka di medan pertempuran. Andainya mereka memperlihatkan ketabahan mereka sebentar lagi nescaya musuh mereka akan tumpas dan tewas. Tiada apa lagi yang dapat menggoncangkan kaki dan hati para pejuang Muslimin kerana mereka tetap yakin akan memperolehi salah satu dari dua ganjaran yang amat besar iaitu ganjaran gugur syahid atau ganjaran kemenangan! Sedangkan musuh mereka hanya mengingini hidup di dunia sahaja dan tiada cita-cita yang lain di sebaliknya, dan baginya tiada hidup yang lain selepas hidup dunia dan tiada hidup yang lain dari hidup dunia.

Amalan membanyakkan zikir Allah dalam masa menghadapi pertempuran dengan musuh merupakan suatu arahan yang tetap kepada pejuang-pejuang Muslimin di samping merupakan pengajaran yang berterusan yang tersemat di dalam hati angkatan Muslimin sebagaimana diceritakan oleh Al-Qur'an berhubung kisah-kisah umat Muslimin dalam angkatan keimanan yang bersejarah.

Di antara kisah yang diceritakan oleh Al-Qur'anul-Karim ialah kisah tukang-tukang sihir Fir'aun ketika hati mereka diresapi keimanan secara mendadak dan terus mengaku beriman kepada Allah dan apabila mereka diancam Fir'aun dengan hukuman-hukuman yang kejam dan zalim mereka menjawab:

وَمَا تَنقِمُ مِنَّآ إِلَّآ أَنْ ءَامَنَّا بِـَٔايَٰتِ رَبِّنَا لَمَّا جَآءَتْنَا ۚ رَبَّنَآ أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَتَوَفَّنَا مُسْلِمِينَ ﴿١٢٦﴾

"Engkau tidak membalas dendam terhadap kami melainkan kerana kami telah beriman kepada ayat-ayat Tuhan kami ketika ia datang kepada kami. Wahai Tuhan kami, limpahkan kesabaran ke atas kami dan wafatkan kami dalam keadaan menyerah diri kepada-Mu."

(Surah al-A'raf: 126)

Di antara kisah yang diceritakan oleh Al-Qur'an juga ialah kisah sekelompok Bani Israel yang Mu'minin yang menghadapi Jalut dan bala tenteranya:

وَلَمَّا بَرَزُوا۟ لِجَالُوتَ وَجُنُودِهِۦ قَالُوا۟ رَبَّنَآ أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَٱنصُرْنَا عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢٥٠﴾

"Dan apabila mereka berdepan dengan Jalut dan bala tenteranya mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Limpahkan kesabaran ke atas kami dan teguhkan pendirian kami dan bantulah kami mengalahkan kaum Kafirin."

(Surah al-Baqarah: 250)

Dan di antara kisah yang diceritakan Al-Qur'an mengenai kelompok-kelompok Muslimin di sepanjang zaman yang menghadapi perjuangan ialah:

وَكَأَيِّن مِّن نَّبِىٍّ قَٰتَلَ مَعَهُۥ رِبِّيُّونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُوا۟ لِمَآ أَصَابَهُمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَمَا ضَعُفُوا۟ وَمَا ٱسْتَكَانُوا۟ ۗ وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٤٦﴾ وَمَا كَانَ قَوْلَهُمْ إِلَّآ أَن قَالُوا۟ رَبَّنَا ٱغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَإِسْرَافَنَا فِىٓ أَمْرِنَا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَٱنصُرْنَا عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٤٧﴾

"Berapa banyak nabi yang turut berperang bersamanya ramai dari pengikut-pengikutnya yang bertaqwa. Mereka tidak sekali-kali lemah kerana kesusahan-kesusahan yang telah menimpa mereka di jalan Allah, mereka tidak sekali-kali lumpuh dan menyerah kalah dan Allah menyayangi orang-orang yang sabar(146). Tidak ada kata-kata mereka selain dari berdo'a: Wahai Tuhan kami! Ampunilah dosa-dosa kami dan tindak-tanduk kami yang keterlaluan dalam urusan kami dan teguhkan pendirian kami dan bantulah kami mengalahkan kaum Kafirin."(147)

(Surah Aali 'Imran : 146 - 147)

Pengajaran ini telah tersemat di dalam hati kelompok Muslimin dan inilah pendirian mereka ketika menghadapi musuh. Tidak lama selepas itu Allah menceritakan tentang kelompok Muslimin yang telah mendapat kecederaan di dalam Peperangan "Uhud". Apabila mereka diseru keluar berperang pada hari yang kedua, maka pengajaran ini telah pun terpaku di dalam hati mereka:

ٱلَّذِينَ قَالَ لَهُمُ ٱلنَّاسُ إِنَّ ٱلنَّاسَ قَدْ جَمَعُوا۟ لَكُمْ فَٱخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَٰنًا وَقَالُوا۟ حَسْبُنَا ٱللَّهُ وَنِعْمَ ٱلْوَكِيلُ ﴿١٧٣﴾

"Iaitu mereka yang apabila ada orang memberitahu kepada mereka bahawa pihak musuh sedang mengumpulkan pasukan untuk menyerang kamu, oleh itu hendaklah kamu takut kepada mereka, maka berita itu telah menambahkan keimanan mereka dan mereka lantas berkata: Cukuplah Allah menjadi Pelindung kami dan Dialah sebaik-baik Pengawal."

(Surah Aali 'Imran: 173)

Amalan mengingati Allah ketika berdepan dengan musuh memenuhi berbagai-bagai fungsi, iaitu menjalinkan hubungan dengan sumber kekuatan yang tidak mungkin dikalahkan dan menyatakan kepercayaan penuh kepada Allah yang tetap membantu para hamba-Nya yang ta'at dan dalam waktu yang sama mengingatkan hakikat perjuangan, motif-motifnya dan matlamat-matlamatnya iaitu perjuangan ini ialah perjuangan kerana Allah, perjuangan untuk menegakkan Uluhiyah Allah di bumi dan untuk menghalaukan para Taghut yang telah merampas kuasa Uluhiyah ini. Kini jelaslah bahawa perjuangan ini adalah perjuangan untuk meletakkan Kalimatullah pada tempat yang paling tinggi bukannya perjuangan untuk merebut kuasa dan memperolehi harta rampasan perang, bukannya perjuangan untuk mencapai keunggulan peribadi atau kebanggaan nasional. Di samping itu amalan zikir Allah menekankan kewajipan mengingati Allah di sa'at-sa'at yang paling genting dan dalam situasi-situasi yang paling gawat. Dan semuanya ini merupakan saranan-saranan yang penting di dalam perjuangan yang direalisasikan oleh pengajaran Rabbani ini.

Sikap patuh dan ta'at kepada perintah Allah dan rasul memungkinkan para pejuang Muslimin memasuki medan pertempuran dengan menyerah diri kepada Allah dari awal-awal lagi. Oleh sebab itu keta'atan kepada perintah Allah dan rasul dapat menghapuskan punca-punca yang membawa kepada pertelingkahan dan perselisihan faham yang disebut selepas perintah ta'at itu:

وَلَا تَنَٰزَعُواْ فَتَفۡشَلُواْ وَتَذۡهَبَ رِيحُكُمۡۖ

"Dan janganlah kamu berselisih faham yang menyebabkan kamu gagal dan hilang kekuatan kamu."(46)

Perselisihan tidak akan berlaku di kalangan mereka melainkan apabila di sana wujudnya beberapa pihak yang memegang kepimpinan dan memberi arahan yang tidak sama dan apabila hawa nafsu yang sewenang-wenang mengarah dan menguasai pemikiran orang ramai. Oleh sebab itu apabila orang ramai patuh dan ta'at kepada perintah Allah dan Rasul-Nya, maka hilanglah punca utama yang menelurkan perselisihan dan pertelingkahan di kalangan mereka walaupun terdapat pandangan-pandangan yang tidak sama mengenai sesuatu masalah yang dibentangkan itu, kerana faktor yang mencetuskan perselisihan itu bukannya kerana perbezaan pendapat dan pandangan, malah kerana wujudnya hawa nafsu yang serakah yang membuat setiap pihak yang mengajukan pandangannya berkeras mempertahankannya walaupun pandangan yang lain ternyata benar kepadanya. Perselisihan berpunca dari meletakkan kepentingan "diri" di sebelah daun neraca dan meletakkan kebenaran di sebelah daun neraca yang lain kemudian melebihkan kepentingan diri dari awal-awal lagi. Oleh sebab itulah Al-Qur'an memberi taklimat supaya patuh dan ta'at kepada perintah Allah dan Rasul-Nya ketika menghadapi peperangan, kerana ia termasuk dalam disiplin-disiplin yang amat perlu di dalam perjuangan itulah keta'atan dan kepatuhan kepada pucuk kepimpinan di dalam peperangan yang melahirkan disiplin ta'at kepada ketua yang memimpin perjuangan itu. Keta'atan ini adalah keta'atan yang lahir dari lubuk hati yang ikhlas bukannya keta'atan dalam disiplin tentera yang tidak berjuang kerana Allah, di mana kesetiaan mereka kepada kepimpinan tidak sama dengan kesetiaan mereka kepada Allah. Perbezaan di antara keduanya amat jauh.

Sifat sabar dan tabah merupakan sifat yang amat diperlukan untuk menghadapi perjuangan, iaitu dalam apa sahaja perjuangan sama ada perjuangan di medan jiwa atau perjuangan di medan peperangan.

وَٱصۡبِرُوٓاْۚ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ٤٦

"Dan bersabarlah sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar."(46)

Kebersamaan Allah dengan orang-orang yang sabar itu merupakan jaminan kepada mereka untuk mencapai kemenangan dan kejayaan.

Ada lagi satu pengajaran terakhir:

وَلَا تَكُونُواْ كَٱلَّذِينَ خَرَجُواْ مِن دِيَٰرِهِم بَطَرٗا وَرِئَآءَ ٱلنَّاسِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِۚ وَٱللَّهُ بِمَا يَعۡمَلُونَ مُحِيطٞ ٤٧

"Dan janganlah kamu jadi seperti orang-orang (Musyrikin Quraysy) yang keluar dari kampung halaman mereka (untuk berperang) dengan lagak yang angkuh dan menunjuk-nunjukkan kepada manusia dan mereka berusaha menghalangi orang lain dari mengikut jalan Allah. Dan Allah adalah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(47)

Matlamat Perjuangan Fi Sabilillah

Pengajaran ini bertujuan untuk melindungi angkatan Muslimin dari keluar berperang dengan perasaan yang angkuh dan takbur terhadap kekuatan mereka, iaitu menggunakan ni'mat kekuatan yang dikurniakan Allah bukan pada tempat yang dikehendaki-Nya kerana tujuan angkatan Mu'minin keluar berperang ialah berperang untuk fi Sabilillah, berperang untuk menegakkan Uluhiyah Allah S.W.T. di dalam kehidupan manusia dan menegakkan 'Ubudiyah manusia kepada Allah Yang Maha Esa sahaja. Mereka keluar berperang untuk menghancurkan para Taghut yang merampaskan hak Allah yang memperhambakan manusia kepada-Nya sahaja, dan para Taghut yang berlagak memegang kuasa Uluhiyah di bumi dengan menjalankan kuasa Hakimiyah tanpa keizinan Allah dan tanpa menggunakan syari'at Allah. Mereka keluar berjihad untuk mengisytiharkan pembebasan umat manusia di

muka bumi ini dari segala bentuk 'Ubudiyah kepada yang lain dari Allah, 'Ubudiyah yang menghinakan insaniyah manusia dan kehormatannya. Mereka keluar berperang untuk melindungi kehormatan, maruah dan kebebasan manusia bukan untuk menguasai dan memperhambakan mereka dan bukan pula untuk berlagak angkuh dengan ni'mat kekuatan dan menggunakannya untuk tujuan yang keji ini. Mereka keluar berperang dengan hati yang bersih dari segala muslihat kepentingan diri dalam peperangan itu. Mereka tidak mempunyai apa-apa kepentingan dari kemenangan yang dicapai mereka selain dari membuktikan keta'atan mereka kepada Allah iaitu menjunjung perintah-Nya supaya keluar berjihad. Mereka tidak mempunyai apa-apa kepentingan selain dari tujuan untuk menegakkan sistem hidup Rabbani di dalam kehidupan manusia dan meninggikan Kalimatullah di muka bumi ini, di samping mengharapkan limpah kurnia dan keredhaan-Nya sehingga harta rampasan perang yang ditinggalkan oleh peperangan itu juga dari limpah kurnia Allah semata-mata.

Gambaran keluar berperang dengan lagak yang angkuh dan ria' dan dengan tujuan untuk menghalangkan orang ramai dari agama Allah sentiasa terbentang di hadapan mata angkatan Mu'minin, kerana mereka melihat gambaran ini ketika angkatan Quraysy keluar berperang. Begitu juga gambaran akibat yang telah menimpa angkatan Quraysy yang keluar pada hari Peperangan Badar itu dengan lagak yang megah, angkuh dan mencabar Allah dan Rasul-Nya sentiasa terbentang di hadapan mereka. Mereka telah melihat bagaimana angkatan Quraysy yang keluar dengan angkuh itu kembali di akhir senja hari peperangan itu dengan hina-dina, kecewa, tewas dan kalah. Allah S.W.T. mengingatkan angkatan Muslimin dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku itu kerana ia mempunyai kesan dan saranannya:

وَلَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ خَرَجُوا۟ مِن دِيَـٰرِهِم بَطَرًا وَرِئَآءَ ٱلنَّاسِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ وَٱللَّهُ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿٤٧﴾

"Dan janganlah kamu jadi seperti orang-orang (Musyrikin Quraysy) yang keluar dari kampung halaman mereka (untuk berperang) dengan lagak yang angkuh dan menunjuk-nunjukkan kepada manusia dan mereka berusaha menghalangi orang lain dari mengikut jalan Allah. Dan Allah adalah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(47)

Lagak yang angkuh, ria' dan keinginan menghalangkan manusia dari agama Allah dapat dilihat dengan jelas dalam jawapan Abu Jahl kepada utusan Abu Sufyan yang telah berjaya membawa angkatan qafilah perdagangan Quraysy menyusuri jalan pantai yang menyelamatkan mereka dari kepungan angkatan Muslimin. Abu Sufyan telah menghantar utusannya kepada Abu Jahl memintanya supaya pulang ke Makkah dengan angkatan perangnya, kerana kini mereka tidak lagi perlu berperang dengan Muhammad dan para sahabatnya. Sebagaimana diketahui angkatan Quraysy itu telah keluar dari Makkah lengkap dengan para penyanyi dan pemain-pemain kompang. Mereka menyembelih unta dan berpesta di sepanjang perjalanan mereka. Setelah mendengar perutusan yang disampaikan oleh utusan Abu Sufyan itu, Abu Jahl dengan tegas menjawab: "Tidak, demi Allah, kami tidak akan pulang sehingga kami sampai di Badar dan tinggal di sana selama tiga hari. Di sana kami akan menyembelih unta, berpesta dengan jamuan makan dan minum arak serta mendengar nyanyian-nyanyian dari para penyanyi agar orang-orang Arab selama-lamanya akan takut kepada kita". Apabila utusan Abu Sufyan pulang membawa jawapan Abu Jahl, Abu Sufyan lantas berkata: "Oh kaumku, inilah angkara Amr ibn Hisyam (yakni Abu Jahl). Dia tidak mahu pulang kerana dia menjadi pemimpin angkatan itu dan oleh sebab itulah dia bertindak keterlaluan, sedangkan tindakan yang keterlaluan itu membawa kelemahan dan kecelakaan. Jika Muhammad berjaya mengalahkan angkatan Quraysy, kita semua akan menjadi hina". Apa yang telah diramalkan oleh Abu Sufyan itu telah menjadi kenyataan. Nabi Muhammad s.a.w. telah berjaya menewaskan angkatan perang Quraysy. Mereka menerima kehinaan kerana keangkuhan, keterlaluan, ria' dan keinginan mereka untuk menghalangkan manusia dari agama Allah. Peperangan Badar merupakan peperangan yang mematahkan tulang belakang kaum Musyrikin:

وَٱللَّهُ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿٤٧﴾

"Dan Allah adalah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(47)

Maksudnya, tiada sesuatu pun dari tindak-tanduk mereka yang terluput dari pengetahuan Allah dan tiada sesuatu pun dari kekuatan mereka yang melemahkan Allah. Ilmu Allah meliputi mereka dan segala apa sahaja yang dilakukan mereka.

Ayat yang berikut menggambarkan bisikan syaitan yang memperdayakan kaum Musyrikin supaya keluar berperang yang mengakibatkan mereka ditimpa kehinaan, kekecewaan, kerugian dan kekalahan:

وَإِذْ زَيَّنَ لَهُمُ ٱلشَّيْطَـٰنُ أَعْمَـٰلَهُمْ وَقَالَ لَا غَالِبَ لَكُمُ ٱلْيَوْمَ مِنَ ٱلنَّاسِ وَإِنِّى جَارٌ لَّكُمْ ۖ فَلَمَّا تَرَآءَتِ ٱلْفِئَتَانِ نَكَصَ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ وَقَالَ إِنِّى بَرِىٓءٌ مِّنكُمْ إِنِّىٓ أَرَىٰ مَا لَا تَرَوْنَ إِنِّىٓ أَخَافُ ٱللَّهَ ۚ وَٱللَّهُ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٤٨﴾

"Dan (kenangilah) ketika syaitan mempesonakan mereka dengan tindak-tanduk mereka dan berkata (kepada mereka): Tiada seorang pun yang dapat mengalahkan kamu pada hari

ini dan aku sendiri akan menjadi pelindung kamu. Tetapi apabila dua angkatan itu bertemu mata, maka syaitan terus mengundur dirinya sambil berkata: Aku berlepas diri dari kamu. Aku melihat apa yang tidak dapat dilihat oleh kamu. Aku takut kepada Allah. Dan Allah sangat keras balasan seksa-Nya."(48)

Di sana terdapat beberapa athar mengenai ayat dan peristiwa ini, tetapi di antaranya tidak ada satu hadith dari Rasulullah s.a.w. kecuali apa yang diriwayatkan oleh Malik dalam al-Muwatta': Kami telah diceritakan oleh Ahmad ibn al-Faraj katanya: Kami telah diceritakan oleh Abdul Malik ibn Abdul Aziz ibn al-Majisyun katanya: Kami telah diceritakan oleh Malik dari Ibrahim ibn Abu 'Ablah dari Talhah ibn Ubaydullah ibn Qurayz: Bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Aku tidak pernah diperlihatkan Iblis pada mana-mana hari, di mana ia kelihatan lebih kerdil, lebih hina, lebih sumbang dan lebih jengkil dari hari "Arafah. Ini disebabkan kerana ia melihat betapa banyaknya rahmat Allah yang diturunkan pada hari itu dan betapa banyaknya dosa yang diampunkan Allah kecuali apa yang dilihatnya pada Peperangan Badar". Lalu para sahabatnya bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah yang dilihatnya pada hari Peperangan Badar?" Jawab beliau: "Dia melihat Jibril mengatur barisan malaikat untuk berperang."

Di dalam athar ini terdapat Abdul Malik ibn Abdul Aziz ibn al-Majisyun, yang mana hadith yang diriwayatkan olehnya dikira daif dan hadith ini juga dikira sebagai hadith mursal (urutan para rawinya terputus dan tidak sampai kepada Rasulullah s.a.w.).

Adapun seluruh athar-athar yang lain adalah diriwayatkan dari Ibn 'Abbas r.a. dari saluran Ali ibn Abu Talhah dan saluran Ibn Jurayj, juga dari Urwah ibn az-Zubayr dari saluran Ibn Ishaq, juga dari Qatadah dari saluran Said ibn Jubayr dan seterusnya dari al-Hasan dan Muhammad ibn Ka'b. Berikut ialah contoh-contoh athar dari riwayat Ibn Jarir at-Tabari:

Tipudaya Syaitan Dalam Peperangan Badar

• Saya telah diceritakan oleh al-Muthanna katanya: Kami telah diceritakan oleh Muawiyah dari Ali Ibn Abu Talhah dari Ibn 'Abbas katanya: Pada hari berlakunya Peperangan Badar, Iblis datang bersama pasukan tentera syaitan dan membawa panji-panji. Ia menjelma dengan rupa seorang lelaki dari Bani Mudlij, sedangkan syaitan menjelma dengan rupa Suraqah Ibn Malik Ibn Jasyam, lalu syaitan berkata kepada angkatan Musyrikin: "Tiada sesiapa yang dapat mengalahkan kamu pada hari ini dan akulah pelindung kamu". Apabila para pejuang membuat barisan masing-masing, Rasulullah s.a.w. pun mengambil segenggam tanah dan melontarkannya ke muka pejuang-pejuang Musyrikin lalu mereka lari bertempiaran, kemudian Jibril datang kepada syaitan, dan sebaik sahaja ia melihat Jibril sedangkan di waktu itu syaitan sedang memegang tangan seorang lelaki dari pejuang Musyrikin ia lantas mencabut tangannya dari tangan lelaki itu dan terus cabut lari bersama-sama dengan pasukannya. Lalu lelaki itu berkata: "Wahai Suraqah, di mana dakwaan awak bahawa awak pelindung kami?" Jawab syaitan: "Aku nampak apa yang kamu tidak nampak. Sesungguhnya aku takut kepada Allah dan Allah amat keras balasannya". Ia berkata begitu sewaktu ia melihat para malaikat.

• Kami telah diceritakan oleh Ibn Humayd katanya: Kami telah diceritakan oleh Salamah katanya: Ujar Ibn Ishaq: Saya telah diceritakan oleh Yazid Ibn Ruman dari Urwah ibn az-Zubayr katanya: Tatkala kaum Quraysy mengambil keputusan sebulat suara untuk keluar berperang, aku pun menyebut tentang peperangan di antara kaum Quraysy dan Bani Bakr. Kesan cerita ini hampir-hampir mematahkan semangat perjuangan mereka, lalu syaitan menjelma kepada mereka dengan rupa Suraqah ibn Malik Ibn Jasyam al-Mudliji, salah seorang dari pembesar Kinanah, dan berkata: "Aku akan menjadi pelindung kamu dari angkara Kinanah. Mereka tidak akan datang dari belakang kamu dan melakukan sesuatu yang tidak disukai kamu". Lalu mereka pun keluar dengan segera.

• Kami telah diceritakan oleh Bisyr Ibn Mu'az katanya: Kami telah diceritakan oleh Yazid: Kami telah diceritakan oleh Said dari Qatadah mengenai firman Allah:

وَإِذْ زَيَّنَ لَهُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ أَعْمَٰلَهُمْ وَقَالَ لَا غَالِبَ لَكُمُ ٱلْيَوْمَ مِنَ ٱلنَّاسِ وَإِنِّي جَارٌ لَّكُمْ فَلَمَّا تَرَآءَتِ ٱلْفِئَتَانِ نَكَصَ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ وَقَالَ إِنِّي بَرِيٓءٌ مِّنكُمْ إِنِّيٓ أَرَىٰ مَا لَا تَرَوْنَ إِنِّيٓ أَخَافُ ٱللَّهَ وَٱللَّهُ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٤٨﴾

"Dan (kenangilah) ketika syaitan mempesonakan mereka dengan tindak-tanduk mereka dan berkata (kepada mereka): Tiada seorang pun yang dapat mengalahkan kamu pada hari ini dan aku sendiri akan menjadi pelindung kamu. Tetapi apabila dua angkatan itu bertemu mata, maka syaitan terus mengundur dirinya sambil berkata: Aku berlepas diri dari kamu. Aku melihat apa yang tidak dapat dilihat oleh kamu. Aku takut kepada Allah. Dan Allah sangat keras balasan seksa-Nya"(48)

katanya: Syaitan menyebut kepada kami bahawa dia melihat Jibril turun bersama para malaikat, lalu musuh Allah ini mendakwa bahawa, dia tidak berkuasa melawan malaikat dan berkata: "Aku nampak apa yang kamu tidak nampak. Aku takut kepada Allah". Demi Allah, musuh Allah ini telah berdusta. Sebenarnya dia tidak takut kepada Allah, tetapi dia tahu bahawa dia tidak mempunyai apa-apa kekuatan dan ketahanan. Itulah adat kebiasaan syaitan terhadap pengikut-pengikutnya sehingga apabila kebenaran dan kebatilan bertempur ia akan

menyerahkan mereka kalah teruk, kemudian ketika itulah ia berlepas tangan dari mereka.

Kami - mengikut methodologi kami dalam tafsir Fi Zilal ini - tidak ingin membincangkan persoalan-persoalan ghaib ini dengan terperinci kerana tidak ada nas Al-Qur'an atau hadith nabi yang sahih dan mutawatir yang menjelaskannya. Jadi, persoalan-persoalan ini merupakan perkara-perkara iktikad yang tidak boleh dipegang dengan yakin kecuali dengan nas yang berdarjat seperti ini, tetapi dalam waktu yang sama kami tidak mengingkar dan menolakkannya.

Di dalam peristiwa ini terdapat nas Al-Qur'an yang menyebut bahawa syaitan telah mempesonakan kaum Musyrikin dengan tindakan-tindakan yang dilakukan mereka dan memberangsangkan mereka keluar berperang sambil mengumumkan kepada mereka bahawa dia akan melindungi dan membantu mereka, dan selepas itu apabila kedua-dua angkatan itu berdepan, ia pun cabut lari seraya berkata: "Aku melihat apa yang tidak dapat dilihat oleh kamu. Aku takut kepada Allah dan Allah sangat keras balasan seksanya". Ia mengecewakan mereka dan membiarkan mereka menerima nasib kesudahan mereka dengan bersendirian sahaja tanpa menunaikan perjanjiannya terhadap mereka.

Tetapi kami tidak mengetahui bagaimana cara syaitan mempesonakan mereka dengan tindakan-tindakan mereka dan bagaimana ia berkata kepada mereka: "Tiada seorang manusia pun yang dapat mengalahkan kamu pada hari ini dan aku sendiri akan menjadi pelindung kamu", dan bagaimana cara ia cabut lari dan mengeluarkan perkataan-perkataannya selepas itu.

Hanya cara atau kaifiyatnya sahaja yang kami tidak dapat pastikan, kerana perkara-perkara yang berkaitan dengan syaitan merupakan perkara-perkara ghaib dan tiada jalan bagi kita untuk menjelaskannya secara pasti kecuali sekadar mengikut batas-batas nas yang diterima mengenainya, sedangkan nas yang terdapat di sini tidak menyebut kaifiyat, malah hanya menyebut peristiwa sahaja.

Sampai di sini berakhirlah ijtihad kami, dan dalam konteks ini kami tidak cenderung kepada methodologi yang dipilih oleh aliran pemikiran Syeikh Muhammad Abduh dalam mentafsirkan ayat-ayat Al-Qur'an, iaitu berusaha mena'wilkan segala perkara ghaib yang seperti ini dengan ta'wilan yang tertentu yang menafikan pergerakan fizikal dari alam-alam ghaib ini. Ini dapat dilihat kepada cara Syeikh Muhammad Rasyid Redha mentafsirkan ayat:

وَإِذْ زَيَّنَ لَهُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ أَعْمَٰلَهُمْ وَقَالَ لَا غَالِبَ لَكُمُ ٱلْيَوْمَ مِنَ ٱلنَّاسِ وَإِنِّي جَارٌ لَّكُمْ

Ia berkata: "Maksudnya, wahai Rasul! Ceritakanlah kepada orang-orang yang beriman ketika syaitan mempesonakan kaum Musyrikin dengan tindakan-tindakan yang dilakukan mereka melalui godaan-godaan yang jahat dan ia berkata kepada mereka melalui bisikan-bisikan yang dicampak ke dalam hati mereka: "Tiada seorang manusia pun yang dapat mengalahkan kamu pada hari ini sama ada pengikut-pengikut Muhammad yang lemah atau Qabilah-Qabilah Arab yang lain dari mereka, kerana angkatan kamu lebih kuat, lebih ramai dan lebih berani dan di samping itu kerana aku sendiri menjadi pelindung kamu. Ujar al-Baydhawi dalam,tafsirnya: Dan syaitan telah mengelirukan mereka dengan tanggapan yang salah bahawa keta'atan mereka mengikut bimbingannya dalam perkara yang dianggap mereka sebagai amalan-amalan ibadat adalah menjadi pelindung keselamatan mereka sehingga mereka berdo'a: Ya Allah, tolonglah mana yang lebih mendapat hidayat dari dua puak ini dan mana yang lebih utama dari dua agama ini."

فَلَمَّا تَرَآءَتِ ٱلْفِئَتَانِ نَكَصَ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ

Maksudnya, apabila kedua-dua angkatan perang itu menghampiri satu sama lain, di mana mereka dapat melihat dan mengetahui keadaan masing-masing sebelum mereka bertempur dan merempuh ke dalam api peperangan, tiba-tiba syaitan berpatah balik ke belakang dan mengundurkan diri menuju ke arah dua tumit kaki. Pendapat mana-mana ahli tafsir yang mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan perkataan "تراءت" itu ialah pertembungan atau pertempuran adalah salah. Yang dimaksudkan dengan mengundurkan diri itu ialah syaitan itu berhenti dari mempesona dan mengelirukan mereka. Ungkapan ayat ini diungkap dalam bentuk tamthil atau kiasan, di mana tindakan syaitan yang menyampaikan bisikan itu diserupakan dengan seorang yang melakukan sesuatu, kemudian tindakan meninggalkan bisikan itu diserupakan dengan seorang yang mengundurkan diri dengan memalingkan belakangnya, di samping itu ia menambahkan pula pernyataannya yang menunjukkan bahawa dia berlepas tangan dari mereka dan meninggalkan mereka bebas dengan urusan mereka, iaitu:

وَقَالَ إِنِّي بَرِيٓءٌ مِّنكُمْ إِنِّيٓ أَرَىٰ مَا لَا تَرَوْنَ إِنِّيٓ أَخَافُ ٱللَّهَ

"Sambil berkata: Aku berlepas diri dari kamu. Aku melihat apa yang tidak dapat dilihat oleh kamu. Aku takut kepada Allah."(48)

"Maksudnya, syaitan berlepas diri dari mereka dan melahirkan kebimbangannya terhadap mereka dan merasa putus asa terhadap mereka setelah ia melihat angkatan Muslimin telah mendapat bantuan dari Allah yang telah mengirim tentera malaikat. Ungkapan والله شديد العقاب (dan Allah amat keras balasan seksa-Nya) mungkin termasuk dalam perkataan syaitan dan mungkin pula merupakan satu ungkapan baru."

....."Menurut pendapat saya tujuan ayat ini ialah untuk menyatakan bahawa tentera syaitan yang jahat itu berkeliaran di kalangan angkatan Musyrikin untuk menyampaikan bisikan-bisikan yang jahat kepada mereka dengan menghubungi jiwa mereka yang jahat dan merangsangkan mereka dengan fikiran yang mempesonakan dan mengelirukan mereka. Begitu juga tentera malaikat berkeliaran di kalangan angkatan Muslimin untuk menyampaikan ilham-ilham yang murni dengan menghubungi jiwa mereka yang baik dan merangsangkan mereka dengan fikiran-fikiran yang meneguhkan hati mereka dan menguatkan keyakinan mereka terhadap janji Allah yang akan membantu mereka......"

Inilah kecenderungan yang jelas ke arah mentafsirkan pergerakan-pergerakan dan tindakan-tindakan malaikat sebagai pergerakan mengadakan hubungan dengan jiwa angkatan Mu'minin semata-mata, dan pada suatu tempat yang lain aliran ini secara pasti menyatakan bahawa para malaikat tidak ikut berperang di dalam Peperangan Badar walaupun firman Allah berbunyi:

"Oleh itu penggallah leher mereka dan potonglah setiap tangan mereka dan jari-jarinya."(12)

Pentafsiran tindakan syaitan dengan usaha mengadakan hubungan dengan jiwa angkatan Musyrikin semata-mata itulah methodologi aliran fikiran Syeikh Muhammad Abduh pada keseluruhannya. Ia sama dengan pentafsiran " طيرا أبابيل" dengan "kuman-kuman penyakit cacar" dalam tafsir Syeikh Muhammad Abduh juzu' 'Amma. Semua ini merupakan percubaan yang keterlaluan dalam mentafsirkan nas-nas Al-Qur'an yang berhubung dengan perkara-perkara ghaib, sedangkan ta'wilan yang seperti itu tidak perlu, kerana di sana tidak ada sebab yang menghalangkan nas-nas itu ditafsirkan mengikut pengertian lafaz-lafaznya yang jelas dan inilah methodologi yang kami pilih.[3]

Kemudian, sementara syaitan memperdayakan kaum Musyrikin keluar dari kampung halaman mereka untuk berperang dan mereka keluar dengan lagak yang angkuh, ria' dan dengan tujuan untuk menghalangi manusia dari agama Allah. Syaitan menggalakkan mereka keluar berperang kemudian ia tinggalkan mereka sendirian menghadapi nasib kesudahan mereka yang malang. Sementara syaitan bertindak begitu, maka kaum Munafiqin dan orang-orang yang beriman lemah pula menaruh berbagai-bagai sangkaan yang buruk terhadap angkatan Muslimin. Mereka melihat angkatan Muslimin akan menghadapi angkatan Musyrikin yang ramai, sedangkan bilangan mereka kecil dan peralatan perang mereka lemah. Mereka melihat dengan hati mereka yang berpenyakit dan dengan pandangan mereka yang tertumpu kepada gejala-gejala fizikal yang mengelirukan sahaja, lalu mereka membuat kesimpulan bahawa angkatan Mu'minin sedang mencampakkan diri mereka ke dalam kebinasaan kerana tertipu dengan agama mereka yang kononnya akan menolong dan menyelamatkan mereka:

إِذْ يَقُولُ الْمُنَافِقُونَ وَالَّذِينَ فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ غَرَّ هَٰؤُلَاءِ دِينُهُمْ

"Dan (kenangilah) ketika para Munafiqin dan orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka berkata: "Mereka (para Mu'minin) itu telah ditipu oleh agama mereka."(49)

Keimanan Yang Lemah Tidak Memberi Mata Hati Yang Dapat Melihat Hakikat Yang Sebenar

Yang dimaksudkan dengan para Munafiqin dan orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka ialah kumpulan orang-orang yang cenderung kepada Islam di Makkah, tetapi 'aqidah mereka masih belum sihat dan keimanan mereka belum lagi mantap. Mereka keluar bersama-sama angkatan Muslimin dengan hati yang goyah dan apabila mereka melihat bilangan tentera Muslimin kecil, sedangkan bilangan tentera Musyrikin ramai, lantas mereka mengeluarkan perkataan itu.

Para Munafiqin dan orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka tidak memahami hakikat sebab-sebab kemenangan dan kekalahan yang sebenar. Mereka hanya melihat gejala-gejala luaran yang lahir sahaja, sedangkan mata hati mereka tidak pernah, melihat ke dalam atau di sebaliknya. Mereka tidak merasakan kekuatan yang tersembunyi di dalam 'aqidah, dalam kepercayaan kepada Allah, di dalam tawakkal kepada Allah dan di dalam sikap memandang kecil kepada bilangan yang ramai dan kepada kekuatan-kekuatan yang tidak berlandaskan keimanan kepada Allah yang memberi kekuatan yang sebenar. Oleh sebab itulah mereka menyangka angkatan Muslimin pada hari ini tertipu dengan sikap mereka dan terpedaya dengan agama mereka, mereka menuju ke arah kebinasaan kerana mendedahkan diri mereka kepada angkatan Musyrikin yang ramai mengikut pandangan mata kasar mereka.

Realiti fizikal yang lahir tidak berbeza dari segi keadaan-keadaan yang lahir sama ada di mata hati para Mu'minin atau di mata hati orang-orang yang kosong dari keimanan, tetapi yang berbeza ialah dari segi pandangan dan penilaian terhadap realiti fizikal yang lahir itu. Mata hati yang kosong dari keimanan hanya melihat realiti yang lahir itu sahaja dan tidak nampak sesuatu yang lain di sebaliknya, sedangkan mata hati yang beriman melihat sesuatu di sebalik realiti yang lahir itu, iaitu ia melihat realiti yang haqiqi

[3] *Lihat tafsir "Surah al-Fil" 'dan ulasan kami terhadap pentafsiran Syeikh Muhammad Abduh mengenai surah ini dalam juzu' yang ketiga puluh tafsir Fi Zilal.*

yang merangkumi seluruh kekuatan dan menimbangkan di antara keduanya dengan pertimbangan yang betul:

وَمَن يَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ فَإِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٤٩﴾

"Barang siapa yang bertawakkal kepada Allah, maka Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(49)

Inilah hakikat yang difahami dan diyakini oleh hati yang beriman. Dan hakikat yang terlindung dari hati yang kosong itu tidak dinilai dengan nilaian yang sebenar, sedangkan hakikat inilah yang memberatkan neraca pertimbangan, menentukan natijah dan menyelesaikan isu di akhir perjuangan di setiap zaman dan setiap tempat.

Kata-kata cemuhan dari para Munafiqin dan orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka terhadap angkatan Muslimin pada hari Peperangan Badar sebagai orang-orang yang ditipu oleh agama mereka itulah kata-kata cemuhan para Munafiqin dan orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka setiap kali mereka melihat kelompok Muslimin ditindas oleh tentera Taghut yang ramai dan garang, sedangkan alat-alat persediaan pokok yang dimiliki mereka hanya agama ini, hanya 'aqidah Islam yang berdaya dorong yang kuat ini, hanya keghairahan terhadap Uluhiyah dan kehormatan Allah, hanya semangat tawakkal kepada Allah dan hanya keyakinan terhadap pertolongan Allah kepada hamba kesayangan-Nya.

Para Munafiqin dan orang-orang yang berpenyakit dalam hati mengambil sikap berdiri di atas pagar untuk menonton kelompok Muslimin yang sedang bertarung dengan tentera Taghut yang ramai, dan di dalam hati mereka penuh dengan cemuhan dan ejekan terhadap kelompok Muslimin yang mendedahkan diri mereka kepada bahaya dan memandang kecil kepada bencana itu. Di dalam hati mereka juga penuh dengan kehairanan kerana kesanggupan kelompok Muslimin menghadapi keadaan-keadaan yang tidak diingini dan keberanian mereka menghadapi bahaya-bahaya yang sangat terang. Mereka tidak mengerti mendapatkan suatu alasan terhadap keberanian kelompok Muslimin yang membuta tuli itu sebagaimana disifatkan mereka dan terhadap kesanggupan mereka mencampakkan diri ke dalam kebinasaan, kerana pada hemat mereka seluruh kehidupan ini termasuk agama dan 'aqidah adalah satu urusniaga di pasaran perniagaan, jika ia memberi keuntungan mereka akan berusaha mendapatkannya, tetapi jika ia mendatangkan bahaya, maka lebih baik menjaga keselamatan diri. Mereka tidak memahami segala urusan itu dengan matahati seorang Mu'min dan mereka tidak menimbang natijah-natijah itu dengan neraca keimanan, sedangkan jihad dalam tanggapan dan pertimbangan orang yang beriman adalah suatu urusniaga yang tetap memberi keuntungan, kerana ia membawa ke arah mencapai salah satu dari dua ganjaran yang amat besar, iaitu kemenangan atau gugur syahid dan Syurga. Di samping itu di sana terdapat perbezaan dalam perhitungan kira-kira kekuatan, iaitu dalam perhitungan orang yang beriman, Allah termasuk dalam kira-kira kekuatan, tetapi di dalam perhitungan para Munafiqin dan orang-orang yang berpenyakit di dalam hati, Allah tidak termasuk dalam perhitungan mereka!

Kelompok Muslimin di setiap tempat dan zaman adalah diseru supaya menimbangkan segala sesuatu dengan neraca iman dan 'aqidah dan memahami segala sesuatu dengan matahati yang beriman dan melihat segala sesuatu dengan nur Allah dan hidayat-Nya. Mereka diseru supaya tidak memandang terlalu besar kepada kekuatan-kekuatan Taghut yang lahir dan jangan memandang kecil kepada kekuatan mereka sendiri kerana Allah bersama mereka. Seterusnya mereka diseru agar sentiasa memberi perhatian kepada pengajaran Allah kepada para Mu'minin:

وَمَن يَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ فَإِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٤٩﴾

"Barang siapa yang bertawakkal kepada Allah, maka Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(49)

(Pentafsiran ayat-ayat 50 - 54)

Pada akhirnya rangkaian ayat-ayat berikut menayangkan salah satu dari pemandangan campur tangan Allah di dalam peperangan itu, juga campur tangan para malaikat dengan perintah dan keizinan Allah yang turut mengambil bahagian menyeksa dan mencela orang-orang kafir, di mana para malaikat mencabut nyawa orang-orang kafir dengan cara yang amat buruk dan menyeksa mereka dan dengan cara yang amat hina sebagai balasan yang setimpal terhadap keangkuhan dan kesombongan mereka. Para malaikat mengingatkan mereka terhadap perbuatan mereka yang keji dan nasib kesudahan mereka yang malang di sa'at-sa'at yang paling kritis dan genting sebagai balasan yang setimpal, dan Allah tidak menzalimi mereka sedikit pun. Pada akhir tayangan ini diiringi dengan pernyataan bahawa penyeksaan terhadap orang-orang kafir yang mendustakan ayat-ayat Allah merupakan Sunnatullah yang berterusan:

كَدَأْبِ ءَالِ فِرْعَوْنَ وَٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ

"(Keadaan mereka) sama dengan keadaan Fir'aun dan kuncu-kuncunya, juga orang-orang yang sebelum mereka."(52)

ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ لَمْ يَكُ مُغَيِّرًا نِّعْمَةً أَنْعَمَهَا عَلَىٰ قَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ

"(Keseksaan itu) ialah kerana Allah tidak akan mengubahkan sesuatu ni'mat yang telah dikurniakannya kepada sesuatu kaum sehingga kaum itu mengubahkan apa yang ada pada diri mereka."(53)

Dengan sebab yang sama Allah menyeksakan Fir'aun dan kuncu-kuncunya dan beginilah juga Allah akan mengenakan keseksaan kepada sesiapa sahaja

yang bertindak seperti Fir'aun dan melakukan perbuatan syirik yang sama dengannya:

وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذْ يَتَوَفَّى ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ يَضْرِبُونَ وُجُوهَهُمْ وَأَدْبَٰرَهُمْ وَذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلْحَرِيقِ ﴿٥٠﴾

ذَٰلِكَ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيكُمْ وَأَنَّ ٱللَّهَ لَيْسَ بِظَلَّٰمٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿٥١﴾

كَدَأْبِ ءَالِ فِرْعَوْنَ وَٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۚ كَفَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ فَأَخَذَهُمُ ٱللَّهُ بِذُنُوبِهِمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ قَوِىٌّ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٥٢﴾

ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ لَمْ يَكُ مُغَيِّرًا نِّعْمَةً أَنْعَمَهَا عَلَىٰ قَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ ۙ وَأَنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٥٣﴾

كَدَأْبِ ءَالِ فِرْعَوْنَ ۙ وَٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۚ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمْ فَأَهْلَكْنَٰهُم بِذُنُوبِهِمْ وَأَغْرَقْنَآ ءَالَ فِرْعَوْنَ ۚ وَكُلٌّ كَانُوا۟ ظَٰلِمِينَ ﴿٥٤﴾

"Dan jika engkau melihat ketika para malaikat mencabut nyawa orang-orang kafir sambil memukul mereka dan belakang mereka (sambil berkata): Rasakanlah 'azab api Neraka yang membakar (tentulah engkau melihat satu pemandangan yang amat menghinakan)(50). (Balasan itu) dengan sebab perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan oleh tangan kamu sendiri dan sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiayai para hamba-Nya(51). (Keadaan mereka) sama dengan keadaan Fir'aun dan kuncu-kuncunya, juga orang-orang yang sebelum mereka. Mereka telah mengingkari ayat-ayat Allah, lalu Allah menyeksakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka. Sesungguhnya Allah Maha Gagah dan amat berat penyeksaan-Nya(52). (Keseksaan itu) ialah kerana Allah tidak akan mengubahkan sesuatu ni'mat yang telah dikurniakan-Nya kepada sesuatu kaum sehingga kaum itu mengubahkan apa yang ada pada diri mereka dan sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(53). ("Keadaan mereka) sama dengan keadaan Fir'aun dan kuncu-kuncunya, juga orang-orang yang sebelum mereka. Mereka telah mendustakan ayat-ayat Tuhan mereka lalu Kami binasakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka dan Kami tenggelamkan Fir'aun dan kuncu-kuncunya, dan selurah mereka adalah orang-orang yang zalim."(54)

Dua ayat yang pertama di dalam bahagian ini:

وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذْ يَتَوَفَّى ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ يَضْرِبُونَ وُجُوهَهُمْ وَأَدْبَٰرَهُمْ وَذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلْحَرِيقِ ﴿٥٠﴾

ذَٰلِكَ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيكُمْ وَأَنَّ ٱللَّهَ لَيْسَ بِظَلَّٰمٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿٥١﴾

"Dan jika engkau melihat ketika para malaikat mencabut nyawa orang-orang kafir sambil memukul mereka dan belakang mereka (sambil berkata): Rasakanlah 'azab api Neraka yang membakar (tentulah engkau melihat satu pemandangan yang amat menghinakan)(50). (Balasan itu) dengan sebab perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan oleh tangan kamu sendiri dan sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiayai para hamba-Nya"(51)

mungkin menggambarkan keadaan angkatan Musyrikin pada hari Peperangan Badar, di mana para malaikat turut mengambil bahagian di dalam Peperangan Badar dan Allah S.W.T. telah memerintah mereka:

فَٱضْرِبُوا۟ فَوْقَ ٱلْأَعْنَاقِ وَٱضْرِبُوا۟ مِنْهُمْ كُلَّ بَنَانٍ ﴿١٢﴾

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ شَآقُّوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ ۚ وَمَن يُشَاقِقِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَإِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿١٣﴾

"Oleh itu penggallah leher mereka dan potonglah setiap tangan mereka dan jari-jarinya. Semuanya ini disebabkan kerana mereka menentang Allah dan Rasul-Nya dan sesiapa yang menentang Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya Allah amat berat penyeksaan-Nya."(12-13)

Bagaimana Malaikat Mengambil Bahagian Dalam Peperangan Badar

Walaupun kami – sebagaimana telah kami jelaskan ketika mentafsirkan ayat ini di dalam juzu' yang kesembilan – tidak mengetahui bagaimana cara para malaikat itu memenggal leher dan memotong jari-jari tangan, namun kejahilan kami terhadap cara pemenggalan dan pemotongan yang dilakukan oleh malaikat-malaikat itu tidaklah mendorong kami ke arah menta'wilkan ayat ini dari pengertiannya yang lahir, di mana para malaikat di perintah Allah supaya memenggal leher dan memotong jari-jari orang kafir, sedangkan tabi'at malaikat tidak membantah segala apa yang diperintah Allah dan tetap mengerjakan segala apa yang diperintahkan Allah kepada mereka. Jadi, kedua-dua ayat ini mengingatkan kita terhadap apa yang berlaku pada hari Peperangan Badar dan

melengkapkan cerita tindak-tanduk para malaikat dalam peperangan itu terhadap orang-orang kafir. [4]

Begitu juga kedua-dua ayat ini mungkin menggambarkan keadaan biasa apabila para malaikat mencabut nyawa orang-orang kafir sama ada di dalam Peperangan Badar atau lainnya. Atas pengertian ini, maka ungkapan Allah Ta'ala "ولو ترى" (dan jika engkau melihat) adalah dituju kepada setiap orang yang dapat melihat, dan ungkapan ini banyak digunakan dalam arahan supaya memerhatikan pemandangan-pemandangan yang jelas yang memang menarik perhatian mereka yang dapat melihat.

Sama ada difaham dengan pengertian ini atau dengan pengertian yang pertama, maka ayat ini tetap melukiskan satu gambaran yang jelik terhadap orang-orang kafir apabila para malaikat mencabut nyawa mereka dalam satu pemandangan yang hina, mereka bukan sahaja di'azab dan dicabut nyawa, malah di tambah dengan kehinaan dan kebinasaan:

وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذْ يَتَوَفَّى ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ يَضْرِبُونَ وُجُوهَهُمْ وَأَدْبَٰرَهُمْ

"Jika engkau melihat ketika para malaikat mencabut nyawa orang-orang kafir sambil memukul muka dan belakang mereka:"(50)

Kemudian ayat yang berikut berubah dari bentuk cerita kepada bentuk perintah:

وَذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلْحَرِيقِ ﴿٥٠﴾

"Dan rasakanlah kamu 'azab api Neraka yang membakar"(50)

untuk menjadikan pemandangan itu sebagai suatu pemandangan yang terpampang sekarang di hadapan mata, di mana Neraka Jahannam kelihatan bersemarak dengan apinya yang sedang membakar, sedangkan orang-orang kafir kelihatan ditolak ke dalamnya dengan penuh celaan dan ancaman:

ذَٰلِكَ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيكُمْ

"Balasan itu dengan sebab perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan oleh tangan kamu sendiri."(51)

Ini bererti bahawa kamu menerima balasan yang adil yang wajar diterima oleh kamu dengan sebab perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan oleh tangan kamu sendiri:

وَأَنَّ ٱللَّهَ لَيْسَ بِظَلَّٰمٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿٥١﴾

"Dan sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiayai para hamba-Nya." (51)

Ayat ini yang menayangkan 'azab dibakar dengan api Neraka menimbulkan satu pertanyaan di dalam hati, apakah ini suatu ancaman dari para malaikat kepada orang-orang kafir, iaitu mereka diancam dengan 'azab api Neraka yang telah ditetapkan untuk mereka di masa akan datang selepas mereka dibangkit dari kubur dan dihisab dan mereka diancam sebegitu rupa seolah-olah 'azab itu sedang menimpa mereka? Atau mereka akan menerima 'azab dibakar dengan api Neraka ini sebaik sahaja mereka dimatikan?

Kedua-duanya mungkin belaka, kerana di sana tidak ada apa-apa halangan untuk memahami begitu dari ayat ini dan kami tidak ingin menambah apa-apa terhadap pernyataan Al-Qur'an ini, kerana ia tergolong di dalam perkara-perkara ghaib yang tersimpan di dalam Ilmu Allah. Kewajipan kita dalam perkara yang seumpama ini ialah percaya dengan penuh keyakinan bahawa 'azab itu tetap berlaku dan tiada siapa yang boleh menolakkannya. Adapun mengenai masanya, maka ia terpulang kepada Ilmu Allah yang mengetahui segala urusan ghaib. Selepas berhenti sejenak di sini, maka kita berpindah pula bersama ayat yang berikut untuk menjelaskan satu hakikat umum di sebalik pandangan ini, iaitu tindakan mengenai kematian dan 'azab keseksaan ke atas orang-orang kafir, merupakan Sunnatullah yang tidak pernah mungkir dan berubah. Itulah kesudahan pasti yang terus berlaku sejak zaman dahulu lagi:

كَدَأْبِ ءَالِ فِرْعَوْنَ وَٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۚ كَفَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ فَأَخَذَهُمُ ٱللَّهُ بِذُنُوبِهِمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ قَوِىٌّ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٥٢﴾

"(Keadaan mereka) sama dengan keadaan Fir'aun dan kuncu-kuncunya, juga orang-orang yang sebelum mereka. Mereka telah mengingkari ayat-ayat Allah, lalu Allah menyeksakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka. Sesungguhnya Allah Maha Gagah dan amat berat penyeksaan-Nya.(52)

Allah S.W.T. tidak menyerahkan nasib manusia kepada peristiwa-peristiwa mendadak dan di luar dugaan, dan tidak pula kepada peristiwa-peristiwa serampangan yang tidak terkawal, malah segala apa yang berlaku itu adalah mengikut Sunnatullah yang melaksanakan perencanaan-Nya. Malapetaka yang telah menimpa kaum Musyrikin di dalam Peperangan Badar ialah malapetaka yang menimpa kaum Musyrikin pada setiap waktu. Malapetaka yang sama juga telah menimpa Fir'aun dan kuncu-kuncunya serta kaum Musyrikin lain sebelum mereka:

كَفَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ فَأَخَذَهُمُ ٱللَّهُ بِذُنُوبِهِمْ ۗ

"Mereka telah mengingkari ayat-ayat Allah lalu Allah menyeksakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka."(52)

---

[4] *Bukan seperti apa yang dikatakan oleh al-Marhum Syeikh Muhammad Rasyid Redha bahawa di sana ada dalil yang menunjukkan bahawa para malaikat tidak mengambil bahagian di dalam Peperangan Badar melainkan sekadar mengadakan hubungan dengan jiwa pejuang-pejuang Mu'minin dan meneguhkan bati mereka. Pendapat ini bertentangan dengan pengertian zahir nas ini, sedangkan nas itu lebih utama diikut.*

Mereka tidak dapat melemahkan Allah S.W.T. dan tidak dapat menghindari balasan Allah:

إِنَّ ٱللَّهَ قَوِيٌّ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٥٢﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Gagah dan amat berat penyeksaan-Nya."(52)

Allah telah menganugerahkan ni'mat dan memberi rezeki kepada mereka dari limpah kurnia-Nya, mengurniakan mereka kedudukan yang teguh di bumi ini, di mana, Allah melantik mereka menjadi pemerintah-pemerintah, dan semuanya ini dikurniakan kepada manusia sebagai cubaan dan ujian untuk melihat apakah mereka bersyukur kepada Allah atau mengingkarkan Allah? Tetapi mereka telah mengingkarkan Allah dan tidak bersyukur, mereka berlaku zalim dan bertindak sewenang-wenang dengan ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan kepada mereka. Ni'mat dan kekuasaan yang dikurniakan kepada mereka telah mengubahkan tabi'at mereka menjadi diktator-diktator dan Taghut yang kafir dan jahat. Apabila ayat-ayat Allah datang kepada mereka, mereka lantas mengingkarkannya dan di waktu inilah berlakunya Sunnatullah yang menimpakan 'azab ke atas orang-orang yang kafir yang mendustakan ayat-ayat Allah setelah disampaikan kepada mereka. Di waktu inilah Allah mengubahkan ni'mat-Nya dan menimpakan 'azab yang menghancurleburkan mereka:

ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ لَمْ يَكُ مُغَيِّرًا نِّعْمَةً أَنْعَمَهَا عَلَىٰ قَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ وَأَنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٥٣﴾

كَدَأْبِ ءَالِ فِرْعَوْنَ وَٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمْ فَأَهْلَكْنَٰهُم بِذُنُوبِهِمْ وَأَغْرَقْنَآ ءَالَ فِرْعَوْنَ وَكُلٌّ كَانُوا۟ ظَٰلِمِينَ ﴿٥٤﴾

"(Keseksaan itu) ialah kerana Allah tidak akan mengubahkan sesuatu ni'mat yang telah dikurniakan-Nya kepada sesuatu kaum sehingga kaum itu mengubahkan apa yang ada pada diri mereka dan sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(53). (Keadaan mereka) sama dengan keadaan Fir'aun dan kuncu-kuncunya, juga orang-orang yang sebelum mereka. Mereka telah mendustakan ayat-ayat Tuhan mereka lalu Kami binasakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka dan Kami tenggelamkan Fir'aun dan kuncu-kuncunya, dan seluruh mereka adalah orang-orang yang zalim."(54)

Allah telah membinasakan mereka setelah mereka mendustakan ayat-ayat-Nya tetapi Allah tidak membinasakan mereka sebelum itu walaupun mereka kafir, kerana inilah undang-undang-Nya dan rahmat-Nya:

وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ نَبْعَثَ رَسُولًا ﴿١٥﴾

"Dan Kami tidak pernah mengenakan 'azab sehingga Kami utuskan rasul."

(Surah al-Isra': 15)

Di dalam ayat ini Allah menceritakan tentang Fir'aun dan kuncu-kuncunya, juga kaum-kaum sebelum mereka yang sama seperti mereka telah mendustakan ayat-ayat Allah, lalu Allah membinasakan mereka dengan sebab mereka berlaku zalim. Di dalam ayat ini Allah menggunakan kata-kata "zalim" dengan makna kafir atau syirik, dan inilah penggunaan yang lumrah di dalam Al-Qur'an. Kita harus berhenti sejenak untuk merenungi ayat ini:

ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ لَمْ يَكُ مُغَيِّرًا نِّعْمَةً أَنْعَمَهَا عَلَىٰ قَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ

Perubahan Taqdir Berlaku Mengikut Perubahan Yang Dilakukan Manusia Pada Diri Mereka

Ayat ini dari satu aspek menjelaskan keadilan Allah dalam melayani para hamba-Nya, iaitu Allah tidak merampas suatu ni'mat yang telah dikurniakan kepada mereka kecuali sesudah mereka mengubahkan niat-niat mereka, perilaku dan kedudukan-kedudukan mereka yang mewajarkan Allah bertindak mengubahkan ni'mat yang telah dikurniakan kepada mereka sebagai cubaan dan ujian itu dengan sebab mereka tidak memuliakan ni'mat itu dan tidak bersyukur kepada Allah, dan dari satu aspek yang lain ayat ini memberi penghormatan yang setinggi-tingginya kepada makhluk insan apabila ia menjadikan perencanaan-perencanaan Allah atau qadha' dan qadar-Nya berlaku dan terlaksana melalui pergerakan dan tindakan manusia dan menjadikan perubahan taqdir di dalam kehidupan manusia berlandaskan kepada perubahan yang berlaku di dalam hati dan niat-niat mereka, dalam perilaku, tindak-tanduk dan kedudukan-kedudukan yang dipilih mereka untuk diri mereka, dan dari aspek yang ketiga ia meletakkan tanggungjawab yang besar di atas makhluk insan terhadap penghormatan Allah yang amat besar ini, iaitu manusia boleh mengekalkan ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada mereka dan boleh mendapat tambahan ni'mat yang lebih banyak apabila mereka bersyukur. Begitu juga mereka boleh menghapuskan ni'mat ini dari mereka apabila mereka tidak bersyukur dan berlagak angkuh dan apabila niat-niat mereka telah menyeleweng dan menyebabkan langkah-langkah mereka juga turut menyeleweng.

Hakikat yang agung ini menggambarkan salah satu dari aspek-aspek wawasan atau "kefahaman Islam terhadap manusia", iaitu menjelaskan hubungan perencanaan-perencanaan atau qadha' dan qadar Allah dengan manusia di alam al-Wujud ini dan

hubungan manusia dengan alam buana dan segala apa yang berlaku di dalamnya. Dari aspek ini ternyatalah betapa tingginya nilai makhluk insan di dalam neraca pertimbangan Allah dan betapa tingginya penghormatan Allah terhadap nilai insan, juga ternyata keaktifan manusia menentukan nasib dirinya dan menentukan perjalanan peristiwa di sekelilingnya, di mana manusia ternyata menjadi unsur yang positif dalam mencorakkan nasib dirinya dan perjalanan peristiwa di sekelilingnya dengan izin Allah dan perencanaan-Nya yang berlaku melalui pergerakan, tindakan, niat dan perilaku manusia. Dengan ini tertolaklah dari manusia sifat negatif yang lemah dan hina yang dipaksakan ke atas manusia oleh aliran-aliran pemikiran materialis yang menggambarkan manusia sebagai unsur yang negatif dalam menghadapi kepastian-kepastian dipaksa, iaitu kepastian ekonomi, kepastian sejarah, kepastian evolusi atau perkembangan dan lain-lain kepastian yang tidak dapat ditolak oleh makhluk insan. Ia tidak mempunyai daya upaya dan kekuatan selain dari tunduk secara mutlak kepada kepastian-kepastian yang dipaksakan ke atasnya, di mana ia kelihatan begitu malang dan hina.[5]

Begitu juga hakikat yang agung ini menggambarkan pertalian yang kukuh di antara tindakan dan balasan di dalam kehidupan makhluk insan dan aktivitinya dan menggambarkan keadilan Allah yang mutlak, yang menjadikan pertalian yang kukuh ini sebagai salah satu dari Sunnatullah yang berlaku dengannya perencanaan-perencanaan Allah, di mana tiada seorang manusia pun yang dizalimi:

وَأَنَّ ٱللَّهَ لَيْسَ بِظَلَّٰمٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿٥١﴾

"Dan sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiayai para hamba-Nya."(51)

فَأَهْلَكْنَٰهُم بِذُنُوبِهِمْ وَأَغْرَقْنَآ ءَالَ فِرْعَوْنَ ۚ وَكُلٌّ كَانُوا۟ ظَٰلِمِينَ ﴿٥٤﴾

"Lalu Kami binasakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka dan Kami tenggelamkan Fir'aun dan kuncunya dan seluruh mereka adalah orang-orang yang zalim."(54)

ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ لَمْ يَكُ مُغَيِّرًا نِّعْمَةً أَنْعَمَهَا عَلَىٰ قَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ

"(Keseksaan itu) ialah kerana Allah tidak akan mengubahkan suatu ni'mat yang telah dikurniakan-Nya kepada sesuatu kaum sehingga kaum itu mengubahkan apa yang ada pada diri mereka."(53)

[5] *Lihat bab: "Hakikat Insan" bahagian kedua dari buku "* خصائص التصور الإسلامي ومقوماته *"*

(Kumpulan ayat-ayat 55 - 75)

إِنَّ شَرَّ ٱلدَّوَآبِّ عِندَ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٥٥﴾

ٱلَّذِينَ عَٰهَدتَّ مِنْهُمْ ثُمَّ يَنقُضُونَ عَهْدَهُمْ فِى كُلِّ مَرَّةٍ وَهُمْ لَا يَتَّقُونَ ﴿٥٦﴾

فَإِمَّا تَثْقَفَنَّهُمْ فِى ٱلْحَرْبِ فَشَرِّدْ بِهِم مَّنْ خَلْفَهُمْ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ ﴿٥٧﴾

وَإِمَّا تَخَافَنَّ مِن قَوْمٍ خِيَانَةً فَٱنۢبِذْ إِلَيْهِمْ عَلَىٰ سَوَآءٍ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْخَآئِنِينَ ﴿٥٨﴾

وَلَا يَحْسَبَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ سَبَقُوٓا۟ ۚ إِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَ ﴿٥٩﴾

وَأَعِدُّوا۟ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ ٱلْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِۦ عَدُوَّ ٱللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخَرِينَ مِن دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ ٱللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۚ وَمَا تُنفِقُوا۟ مِن شَىْءٍ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾

وَإِن جَنَحُوا۟ لِلسَّلْمِ فَٱجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٦١﴾

وَإِن يُرِيدُوٓا۟ أَن يَخْدَعُوكَ فَإِنَّ حَسْبَكَ ٱللَّهُ ۚ هُوَ ٱلَّذِىٓ أَيَّدَكَ بِنَصْرِهِۦ وَبِٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٦٢﴾

وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ ۚ لَوْ أَنفَقْتَ مَا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا مَّآ أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٣﴾

"Sesungguhnya binatang yang paling buruk di sisi Allah ialah manusia-manusia yang kafir oleh kerana itu mereka tidak beriman(55). Iaitu orang-orang yang engkau telah memeterai perjanjian dengan mereka kemudian mereka membatalkan perjanjian mereka setiap kali (dimeterai

perjanjian) dan mereka tidak takut (kepada akibatnya) (56). Jika engkau menemui mereka (orang-orang kafir yang membatalkan perjanjian itu) di dalam peperangan, maka hancurkanlah mereka untuk menakutkan orang-orang di belakang mereka supaya mereka mengambil pengajaran(57). Dan jika engkau bimbang apa-apa pengkhianatan dari sesuatu kaum, maka kembali perjanjian itu kepada mereka dengan cara yang adil. Sesungguhnya Allah tidak menyukai para pengkhianat (58). Dan janganlah orang-orang kafir (yang melakukan pengkhianatan) itu menyangka bahawa mereka telah mendapat peluang mendahului (kaum Muslimin) kerana mereka tidak dapat melemahkan Allah(59). Dan sediakanlah untuk menghadapi mereka segala apa sahaja kekuatan yang mampu disediakan kamu dari kuda-kuda tambatan perang untuk menakutkan musuh Allah dan musuh kamu dan orang-orang yang lain dari mereka yang tidak diketahui kamu, sedangkan Allah mengetahui mereka. Dan segala apa sahaja yang dibelanjakan kamu untuk Sabilullah akan dibalas dengan ganjaran yang sempurna kepada kamu dan kamu sama sekali tidak akan dianiayai(60). Dan jika mereka cenderung kepada perdamaian, maka hendaklah engkau juga cenderung kepadanya dan bertawakkalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(61). Dan jika mereka mahu menipu engkau, maka cukuplah Allah menjadi Pelindungmu kerana Dialah yang menyokong engkau dengan pertolongan-Nya dan dengan para Mu'minin(62). Dan Dialah yang menyatupadukan di antara hati mereka (para Mu'minin), dan jika engkau membelanjakan segala kekayaan di bumi nescaya engkau tidak dapat juga menyatupadukan di antara hati mereka, tetapi Allah telah menyatupadukan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(63).

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ حَسْبُكَ ٱللَّهُ وَمَنِ ٱتَّبَعَكَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٦٤﴾

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ حَرِّضِ ٱلْمُؤْمِنِينَ عَلَى ٱلْقِتَالِ ۚ إِن يَكُن مِّنكُمْ عِشْرُونَ صَٰبِرُونَ يَغْلِبُوا۟ مِا۟ئَتَيْنِ ۚ وَإِن يَكُن مِّنكُم مِّا۟ئَةٌ يَغْلِبُوٓا۟ أَلْفًا مِّنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَفْقَهُونَ ﴿٦٥﴾

ٱلْـَٔـٰنَ خَفَّفَ ٱللَّهُ عَنكُمْ وَعَلِمَ أَنَّ فِيكُمْ ضَعْفًا ۚ فَإِن يَكُن مِّنكُم مِّا۟ئَةٌ صَابِرَةٌ يَغْلِبُوا۟ مِا۟ئَتَيْنِ ۚ وَإِن يَكُن مِّنكُمْ أَلْفٌ يَغْلِبُوٓا۟ أَلْفَيْنِ بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٦٦﴾

مَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَن يَكُونَ لَهُۥٓ أَسْرَىٰ حَتَّىٰ يُثْخِنَ فِي ٱلْأَرْضِ ۚ تُرِيدُونَ عَرَضَ ٱلدُّنْيَا وَٱللَّهُ يُرِيدُ ٱلْءَاخِرَةَ ۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٧﴾

لَّوْلَا كِتَٰبٌ مِّنَ ٱللَّهِ سَبَقَ لَمَسَّكُمْ فِيمَآ أَخَذْتُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٦٨﴾

فَكُلُوا۟ مِمَّا غَنِمْتُمْ حَلَٰلًا طَيِّبًا ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٩﴾

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ قُل لِّمَن فِيٓ أَيْدِيكُم مِّنَ ٱلْأَسْرَىٰٓ إِن يَعْلَمِ ٱللَّهُ فِي قُلُوبِكُمْ خَيْرًا يُؤْتِكُمْ خَيْرًا مِّمَّآ أُخِذَ مِنكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٧٠﴾

وَإِن يُرِيدُوا۟ خِيَانَتَكَ فَقَدْ خَانُوا۟ ٱللَّهَ مِن قَبْلُ فَأَمْكَنَ مِنْهُمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلَّذِينَ ءَاوَوا۟ وَّنَصَرُوٓا۟ أُو۟لَٰٓئِكَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَلَمْ يُهَاجِرُوا۟ مَا لَكُم مِّن وَلَٰيَتِهِم مِّن شَيْءٍ حَتَّىٰ يُهَاجِرُوا۟ ۚ وَإِنِ ٱسْتَنصَرُوكُمْ فِي ٱلدِّينِ فَعَلَيْكُمُ ٱلنَّصْرُ إِلَّا عَلَىٰ قَوْمٍۭ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُم مِّيثَٰقٌ ۗ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٧٢﴾

وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ إِلَّا تَفْعَلُوهُ تَكُن فِتْنَةٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَفَسَادٌ كَبِيرٌ ﴿٧٣﴾

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلَّذِينَ ءَاوَوا۟ وَّنَصَرُوٓا۟ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُؤْمِنُونَ حَقًّا ۚ لَّهُم مَّغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٧٤﴾

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مِنۢ بَعْدُ وَهَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ مَعَكُمْ فَأُو۟لَٰٓئِكَ مِنكُمْ ۚ وَأُو۟لُوا۟ ٱلْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ فِي كِتَٰبِ ٱللَّهِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌۢ ﴿٧٥﴾

"Wahai Nabi! Cukuplah Allah dan para Mu'minin yang mengikut engkau (menjadi penolongmu)(64). Wahai Nabi! Kobarkanlah semangat para Mu'minin supaya bangkit berperang. Jika ada dua puluh orang yang sabar dari kalangan kamu nescaya mereka dapat mengalahkan dua ratus orang musuh dan jika ada seratus orang yang sabar dari kalangan kamu, nescaya mereka dapat mengalahkan seribu orang kafir, kerana mereka adalah satu kaum yang tidak mengerti(65). Sekarang Allah telah memberi keringanan kepada kamu dan mengetahui kelemahan yang ada pada kamu. Oleh itu jika ada seratus orang pejuang yang sabar dari kalangan kamu, mereka harus mengalahkan dua ratus orang musuh, dan jika ada dari kalangan kamu seribu orang pejuang, mereka harus mengalahkan dua ribu orang musuh dengan keizinan dan Allah tetap bersama orang-orang yang sabar(66). Tidaklah wajar bagi seorang Nabi mempunyai tawanan-tawanan perang sehingga ia mengganyang musuh habis-habisan di bumi. Kamu mengingini harta kekayaan dunia, sedangkan Allah hendak memberi ganjaran Akhirat (kepada kamu). Dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(67). Sekiranya tidak kerana adanya keputusan yang telah lalu dari Allah nescaya kamu telah ditimpa 'azab yang besar kerana kesalahan kamu mengambil bayaran tebusan (tawanan)(68). Oleh sebab itu makanlah sebahagian dari harta tebusan tawanan itu sebagai makanan yang halal dan baik. Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(69). Wahai Nabi! Katakanlah kepada para tawanan yang ada di dalam tangan kamu: Jika Allah mengetahui ada sesuatu kebaikan (keimanan) di dalam hati kamu nescaya Dia mengurniakan kepada kamu balasan yang lebih baik dari wang tebusan yang telah diambil dari kamu dan memberi keampunan kepada kamu. Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang(70). Dan jika mereka (para tawanan) mahu mengkhianati engkau (maka itu tidaklah menghairankan) kerana mereka pernah mengkhianati Allah sebelum ini, lalu Allah jadikan mereka kalah kepadamu. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(71). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta dan jiwa raga mereka kerana Sabilullah (kaum Muhajirin), dan orang-orang yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kaum Ansar), mereka adalah pelindung-pelindung terhadap satu sama lain. Adapun orang-orang yang beriman, tetapi mereka belum berhijrah, maka kamu tidak sedikit pun bertanggungjawab melindungi mereka sehingga mereka berhijrah. Dan jika mereka meminta pertolongan kamu kerana agama, maka wajiblah di atas kamu memberi pertolongan kepada mereka kecuali pertolongan untuk melawan kaum yang ada perjanjian di antara kamu dengan mereka. Dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu(72). Dan orang-orang yang kafir adalah pelindung-pelindung terhadap satu sama lain dan jika kamu tidak melasanakan dasar tolong menolong di antara sesama kamu nescaya berlakulah huru-hara dan kerosakan yang besar di muka bumi(73). Dan orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad Fi Sabilillah dan orang-orang yang memberi tempat kediaman dan pertolongan, merekalah orang-orang beriman yang sebenar. Mereka memperolehi keampunan dan rezeki yang mulia(74). Dan orang-orang yang beriman selepas itu dan berhijrah serta berjihad bersama kamu, maka mereka termasuk dalam golongan kamu (juga). Dan mereka yang mempunyai hubungan rahim lebih utama saling membantu di antara satu sama lain (mengikut hukum) di dalam kitab Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(75)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pelajaran akhir dari Surah al-Anfal ini mengandungi banyak dasar-dasar perhubungan di antara berbagai-bagai kem dalam masa perdamaian dan peperangan, juga membicarakan tentang peraturan-peraturan dalaman bagi masyarakat Islam dan hubungan dengan organisasi-organisasi luar di samping menyentuh pandangan Islam terhadap perjanjian-perjanjian di dalam berbagai-bagai keadaan dan pandangannya terhadap hubungan darah, bangsa, negeri dan hubungan-hubungan 'aqidah.

Dari pelajaran ini lahirlah beberapa dasar dan peraturan yang mana setengahnya bersifat final dan setengah yang lain bersifat sementara kerana menghadapi keadaan-keadaan realiti yang tertentu kemudian dimasukkan pindaan-pindaan yang final yang diterangkan dalam Surah al-Taubat menjelang akhir zaman Madinah.

Di antara dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang diterangkan di dalam rangkaian ayat-ayat tadi ialah:

• Pihak-pihak yang memeterai perjanjian dengan kem Islam kemudian memungkiri perjanjian itu, maka merekalah sejahat-jahat binatang. Oleh sebab itu kem Islam sayugia melancarkan tindakan disiplin terhadap mereka, iaitu tindakan yang menghancurkan kekuatan mereka dan mengancam pihak-pihak yang lain dari mereka yang berhasrat untuk membatalkan perjanjian atau menyerang kem Islam.

• Pihak-pihak yang memeterai perjanjian yang menimbulkan kebimbangan kepimpinan Islam terhadap kemungkinan mereka membatalkan perjanjian atau melakukan pengkhianatan, maka pihak kepimpinan Islam boleh mengembalikan semula perjanjian itu kepada mereka dan mengisytiharkan pembatalannya, dan selepas ini ia boleh menyerang mereka dan melancarkan tindakan disiplin yang menakutkan mereka dan pihak-pihak lain yang sama dengan mereka.

• Kem Islam wajib pada setiap masa menyediakan alat-alat kelengkapan perang dan membina kekuatan selengkap yang mungkin agar kekuatan kem yang beriman merupakan kem yang paling kuat di bumi ini yang ditakuti oleh semua kekuatan yang sesat, dan agar kekuatan mereka didengari oleh kekuatan-kekuatan yang sesat di seluruh pelosok bumi hingga menyebabkan mereka takut untuk menyerang negara Islam, juga menyebabkan mereka mengaku kalah kepada kuasa Allah dan tidak lagi bertindak menghalangkan penda'wah-penda'wah Islam mengembangkan da'wah Islam di negeri mereka, atau menghalangkan rakyat mereka dari menyambut seruan Islam atau mendakwa mempunyai kuasa Hakimiyah Allah dan memperhambakan manusia, sehingga agama seluruhnya tertentu kepada Allah sahaja.

• Jika mana-mana pihak bukan Islam menyatakan kecenderungannya untuk mengadakan hubungan damai dengan kem Islam dan mengambil sikap tidak

menentangnya, maka kem Islam boleh menerima hasrat perdamaian mereka dan boleh mengadakan perdamaian dengan mereka. Dan jika mereka menyembunyikan niat yang jahat, sedangkan di sana tidak ada tanda-tanda lahir yang membuktikan adanya niat yang jahat itu, maka serahkan sahaja perkara mereka kepada Allah, kerana Dialah yang berkuasa melindungi orang-orang Islam dari kejahatan dan penipuan mereka.

• Jihad merupakan suatu kefardhuan, ke atas orang-orang Islam walaupun bilangan musuh mereka berlipat ganda lebih ramai dari bilangan mereka, kerana mereka dikurniakan pertolongan Allah untuk mengalahkan musuh mereka. Seorang dari mereka layak untuk melawan sepuluh orang dari musuh mereka, dan di dalam keadaan yang paling lemah layak untuk melawan dua orang dari musuh mereka. Di sini jelas bahawa kefardhuan jihad tidak terhenti di atas imbangan atau persamaan kekuatan lahiriah di antara para Mu'minin dengan musuh mereka. Cukuplah bagi kem Mu'min menyediakan kekuatan perang sedapat mungkin, bertaqwa kepada Allah, berjuang dengan hati yang teguh dan sabar dan yang bakinya terserah kepada Allah, kerana mereka mempunyai kekuatan yang lain dari kekuatan material yang lahir.

• Tugas pertama kem Islam rajah menghancurkan kekuatan Taghut, iaitu dengan bertindak meleburkan segala punca kekuatan mereka. Jika tindakan menawan askar-askar musuh dan menerima tebusan dari mereka tidak dapat melaksanakan matlamat ini, maka tindakan ini hendaklah diketepikan, kerana para rasul dan pengikutnya tidak wajar bertindak menawan musuh sehingga mereka berperang berhabis-habisan menghancurkan kekuatan musuh di negeri itu dan sehingga mereka dapat mengalahkan musuh dan mendapat kedudukan yang teguh dengan kekuatan mereka. Di waktu ini tidak ada apa-apa halangan bagi mereka untuk mengambil tawanan-tawanan dan bayaran tebusan mereka. Adapun sebelum ini, maka tindakan melancarkan peperangan habis-habisan di medan pertempuran itu adalah lebih baik dan lebih berguna.

• Rampasan perang dari harta benda orang-orang Musyrikin di medan pertempuran itu adalah halal kepada pejuang-pejuang Muslimin. Begitu juga mereka di halal mengambil bayaran tebusan dari para tawanan perang selepas mereka berjuang berhabis-habisan dan mendapat kedudukan yang teguh dan setelah mereka menghancurkan kekuatan musuh.

• Para tawanan perang di dalam kem Islam hendaklah digalakkan ke arah menganut agama Islam dengan menerangkan kepada mereka bahawa Allah telah berjanji akan mengurniakan mereka rezeki yang lebih baik dari harta benda mereka yang telah diambil sebagai harta rampasan perang atau sebagai bayaran tebusan, di samping mengingatkan mereka supaya tidak melakukan pengkhianatan yang akan mengakibatkan mereka ditimpa 'azab Allah yang telah pun mengalahkan mereka pada kali yang pertama.

• Tali perpaduan di dalam masyarakat Islam ialah 'aqidah, tetapi wala' atau setiakawan di dalam masyarakat ini adalah dilandaskan di atas 'aqidah dan organisasi pergerakan kedua-dua sekali. Oleh sebab itu orang-orang yang beriman dan berhijrah dan orang-orang yang memberi tempat kediaman dan pertolongan kepada mereka adalah berkewajipan saling melindungi di antara satu sama lain. Adapun orang-orang yang beriman dan belum lagi berhijrah ke negara Islam, maka hubungan setiakawan tidak wujud di antara mereka dengan kem Islam di negara Islam, iaitu tidak ada kewajipan saling membantu dan takaful di antara mereka. Mereka tidak dapat dibantu oleh para Muslimin kecuali agama mereka dicabuli dengan syarat pencabulan itu dilakukan oleh kaum yang tidak mempunyai apa-apa perjanjian di antara mereka dengan orang-orang Islam.

• Perpaduan dan setiakawan di dalam masyarakat Islam walaupun ditegakkan di atas hubungan 'aqidah dan organisasi pergerakan, namun ia tidak menghalangkan orang-orang yang mempunyai hubungan rahim mengutamakan hubungan saling membantu di antara mereka terhadap satu sama lain, iaitu menjadikan mereka lebih akrab dalam hubungan setiakawan apabila sempurna syarat hubungan 'aqidah dan syarat hubungan organisasi pergerakan. Adapun hubungan rahim sahaja, maka ia tidak dapat mewujudkan keutamaan hubungan setiakawan apabila putus hubungan 'aqidah dan hubungan organisasi pergerakan.

Inilah intisari dasar-dasar dan asas-asas yang terkandung di dalam, pelajaran ini, yang merupakan sekumpulan dasar-dasar peraturan dalaman dan luaran Islam yang baik. Kami akan menjelaskannya dengan lebih terperinci ketika mentafsirkan ayat-ayat Al-Qur'an yang berikut:

إِنَّ شَرَّ ٱلدَّوَآبِّ عِندَ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٥٥﴾

ٱلَّذِينَ عَٰهَدتَّ مِنْهُمْ ثُمَّ يَنقُضُونَ عَهْدَهُمْ فِى كُلِّ مَرَّةٍ وَهُمْ لَا يَتَّقُونَ ﴿٥٦﴾

فَإِمَّا تَثْقَفَنَّهُمْ فِى ٱلْحَرْبِ فَشَرِّدْ بِهِم مَّنْ خَلْفَهُمْ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ ﴿٥٧﴾

وَإِمَّا تَخَافَنَّ مِن قَوْمٍ خِيَانَةً فَٱنۢبِذْ إِلَيْهِمْ عَلَىٰ سَوَآءٍ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْخَآئِنِينَ ﴿٥٨﴾

وَلَا يَحْسَبَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ سَبَقُوٓا۟ ۚ إِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَ ﴿٥٩﴾

وَأَعِدُّوا۟ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ ٱلْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِۦ عَدُوَّ ٱللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخَرِينَ مِن دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ ٱللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۚ وَمَا تُنفِقُوا۟ مِن شَىْءٍ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾

وَإِن جَنَحُوا۟ لِلسَّلْمِ فَٱجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٦١﴾

وَإِن يُرِيدُوٓا۟ أَن يَخْدَعُوكَ فَإِنَّ حَسْبَكَ ٱللَّهُ ۚ هُوَ ٱلَّذِىٓ أَيَّدَكَ بِنَصْرِهِۦ وَبِٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٦٢﴾

وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ ۚ لَوْ أَنفَقْتَ مَا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا مَّآ أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٣﴾

"Sesungguhnya binatang yang paling buruk di sisi Allah ialah manusia-manusia yang kafir oleh kerana itu mereka tidak beriman(55). Iaitu orang-orang yang engkau telah memeterai perjanjian dengan mereka kemudian mereka membatalkan perjanjian mereka setiap kali (dimeterai perjanjian) dan mereka tidak takut (kepada akibatnya) (56). Jika engkau menemui mereka (orang-orang kafir yang membatalkan perjanjian itu) di dalam peperangan, maka hancurkanlah mereka untuk menakutkan orang-orang di belakang mereka supaya mereka mengambil pengajaran(57). Dan jika engkau bimbang apa-apa pengkhianatan dari sesuatu kaum, maka kembalikan perjanjian itu kepada mereka dengan cara yang adil. Sesungguhnya Allah tidak menyukai para pengkhianat (58). Dan janganlah orang-orang kafir (yang melakukan pengkhianatan) itu menyangka bahawa mereka telah mendapat peluang mendahului (kaum Muslimin) kerana mereka tidak dapat melemahkan Allah(59). Dan sediakanlah untuk menghadapi mereka segala apa sahaja kekuatan yang mampu disediakan kamu dari kuda-kuda tambatan perang untuk menakutkan musuh Allah dan musuh kamu dan orang-orang lain dari mereka yang tidak diketahui kamu, sedangkan Allah mengetahui mereka. Dan segala apa sahaja yang dibelanjakan kamu untuk Sabilullah akan dibalas dengan ganjaran yang sempurna kepada kamu dan kamu sama sekali tidak akan dianiayai(60). Dan jika mereka cenderung kepada perdamaian, maka hendaklah engkau juga cenderung kepadanya dan bertawakkallah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(61). Dan jika mereka mahu menipu engkau, maka cukuplah Allah menjadi pelindungmu kerana Dialah yang menyokong engkau dengan pertolongan-Nya dan dengan para Mu'minin(62). Dan Dialah yang menyatupadukan di antara hati mereka (para Mu'minin) dan jika engkau membelanjakan segala kekayaan di bumi nescaya engkau tidak dapat juga menyatupadukan di antara hati mereka, tetapi Allah telah menyatupadukan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(63)

Ayat-ayat ini menghadapi satu situasi yang benar-benar wujud dalam kehidupan kelompok Muslimin di zaman kemunculan kerajaan Islam di Madinah. Ia bertujuan membekalkan kepimpinan Islam dengan peraturan-peraturan untuk menghadapi situasi ini.

Ayat-ayat ini merupakan salah satu dari prinsip-prinsip hubungan luar di antara kem Islam dengan kem-kem yang lain di sekelilingnya dan kemudian dimasukkan pula beberapa pindaan kecil untuk melengkapkannya, tetapi ia tetap menjadi salah satu dari prinsip-prinsip asasi dalam hubungan antarabangsa kerajaan Islam.

Ayat-ayat ini menjelaskan bahawa kerajaan Islam boleh mengadakan perjanjian-perjanjian hidup bersama di antara berbagai-bagai kem dengan cara yang dapat menjamin perjanjian-perjanjian itu dari dicabuli, di samping menjamin perjanjian-perjanjian itu diberi penghormatan yang sempurna dan kesanggupan yang haqiqi, tetapi jika pihak yang lain menggunakan perjanjian-perjanjian ini sebagai tabir untuk mengaturkan di sebaliknya langkah-langkah pengkhianatan, penipuan dan membuat persediaan-persediaan untuk melakukan tindakan jahat, maka kepimpinan Islam boleh membatalkan perjanjian itu dan mengumumkan pembatalan itu kepada pihak yang lain, dan ketika itu ia bebas memilih waktu yang sesuai untuk bertindak ke atas pihak pengkhianat yang mahu mencabul perjanjian itu dengan syarat tindakan itu dilakukan dalam bentuk kekerasan yang boleh menimbulkan ketakutan-ketakutan kepada semua pihak yang berhasrat untuk mengganggu masyarakat Islam sama ada secara sulit-sulitan atau terang-terangan. Adapun pihak-pihak yang ingin hidup dalam suasana damai dengan kem Islam dan tidak bertindak mengganggu da'wah Islamiyah atau menghalang da'wah Islam sampai kepada setiap telinga, maka kepimpinan Islam boleh mengadakan hubungan damai dengan mereka selama tindak-tanduk lahir mereka menunjukkan bahawa mereka inginkan perdamaian.[6]

Inilah satu langkah praktikal dan realistik untuk menghadapi situasi-situasi praktikal dan realistik di dalam tata hubungan-hubungan dengan kem-kem bukan Islam yang berdekatan yang tidak menolak dasar hidup bersama apabila da'wah Islam mendapat keimanan yang haqiqi dan apabila terhapusnya halangan-halangan fizikal yang menyekat jalan

---

6 *Peraturan-peraturan untuk menghadapi situasi-situasi ini telah disusun secara final selepas ini di dalam Surah at-Taubah.*

dakwah Islam dari sampai ke telinga dan hati manusia, dan dalam waktu yang sama juga disyaratkan agar perjanjian-perjanjian damai itu tidak digunakan oleh musuh sebagai tabir dan perisai untuk menyerang masyarakat Islam secara diam-diam dan mencuri peluang.

Situasi sebenar yang dihadapi oleh ayat-ayat ini dalam masyarakat Islam di Madinah pada masa itu adalah timbul dari suasana-suasana yang dihadapi oleh kepimpinan Islam di permulaan masa hijrah ke Madinah sebagaimana disaringkan oleh Ibn al-Qayyim dalam kitab زاد المعاد dengan katanya:

"Apabila Nabi s.a.w. datang ke Madinah, para Kafirin telah terbahagi kepada tiga kumpulan yang mengambil sikap yang berlainan terhadap beliau: Satu kumpulan mengambil sikap berdamai dengan beliau, iaitu mereka berjanji tidak memerangi beliau dan membantu musuh-musuh beliau yang memeranginya. Kumpulan ini dibebaskan hidup dengan kepercayaan mereka yang kafir dan diberi keamanan terhadap darah dan harta benda mereka. Satu kumpulan mengambil sikap memerangi beliau dan bermusuh dengannya, dan satu kumpulan lagi mengambil sikap berkecuali iaitu tidak berdamai dan tidak pula memerangi beliau, malah mengambil sikap menunggu dan melihat hasil kesudahan yang akan berlaku kepada beliau dan para pengikutnya. Kemudian di antara mereka ada yang bercita-cita di dalam hatinya agar beliau mendapat kemenangan dan ada pula yang bercita-cita agar musuh beliau menang dan beliau tewas. Dan ada pula yang berpura-pura menyebelahi beliau pada lahir tetapi memusuhi beliau pada batin untuk mendapat keamanan dari kedua-dua belah pihak. Inilah golongan Munafiqin yang bermuka dua. Rasulullah s.a.w. melayani dan menangani setiap kumpulan ini mengikut bagaimana yang diperintahkan Allah S.W.T. kepadanya."

Di antara golongan yang mengadakan hubungan damai dengan beliau ialah tiga puak kaum Yahudi yang tinggal di sekeliling Madinah. Mereka terdiri dari suku Qaynuqa', suku an-Nadhir dan suku Qurayzah. Begitu juga di antara mereka termasuk suku-suku kaum Musyrikin Arab yang tinggal berhampiran dengan Madinah.

Di sini jelas bahawa peraturan-peraturan ini hanya merupakan peraturan-peraturan sementara untuk menghadapi situasi-situasi yang berlaku dan bukannya peraturan-peraturan tetap dan final dalam tata hubungan antarabangsa mengikut Islam. Oleh sebab itulah peraturan-peraturan ini dipinda berulang-ulang kali hingga akhirnya melahirkan peraturan-peraturan yang tetap yang diturunkan dalam Surah Bara'ah.

Peringkat-peringkat perkembangan yang telah dilalui oleh tata hubungan-hubungan ini telah pun dijelaskan di dalam juzu' yang kesembilan, di mana kami nukilkan satu saringan yang amat baik yang disaringkan oleh al-Imam Ibn al-Qayyim dalam kitab زاد المعاد dan kami melihat ada baiknya jika saringan itu diulangkan sekali lagi di sini memandangkan saringan itu amat diperlukan:

[7]"Wahyu pertama yang diturunkan Allah Ta'ala kepada beliau ialah ayat yang menyuruh beliau membaca dengan nama Tuhannya Yang Maha Pencipta. Itulah masa pertama beliau dilantik menjadi Nabi. Dalam perintah yang pertama itu beliau disuruh membaca untuk dirinya dan belum lagi diperintah menyampaikan kepada manusia. Kemudian diturunkan pula ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمُدَّثِّرُ ﴿١﴾ قُمْ فَأَنذِرْ ﴿٢﴾

"Wahai orang yang berselimut! Bangkitlah dan sampaikan peringatan kepada manusia."

(Surah al-Muddaththir: 1-2)

"Mula-mula beliau diperintah menyampaikan peringatan kepada kaum keluarganya yang dekat kemudian kepada kaumnya, kemudian kepada orang-orang Arab yang berada di sekeliling kaumnya, kemudian kepada seluruh orang-orang Arab dan akhirnya kepada seluruh manusia. Selepas diangkat menjadi Nabi, beliau terus berda'wah dan menyampaikan peringatan selama lebih dari sepuluh tahun tanpa berperang dan mengenakan cukai jizyah. Beliau diperintah supaya jangan melawan, supaya bersabar dan bersikap pema'af. Kemudian beliau diizinkan Allah berhijrah ke Madinah dan kemudian diizinkan berperang. Mula-mula beliau diperintah supaya memerangi mereka yang memeranginya dan menahan diri dari memerangi mereka yang tidak memeranginya, kemudian beliau diperintah memerangi kaum Musyrikin sehingga seluruh keta'atan atau agama tertentu kepada Allah sahaja. Selepas dikeluarkan perintah berjihad, maka kedudukan golongan orang-orang, kafir terbahagi kepada tiga kategori: (1) Golongan kafir yang berdamai dan mengadakan, persetujuan gencatan senjata[8]. (2) Golongan kafir harbi[9]. (3) Golongan kafir zimmi[10]. Beliau diperintah menghormati dan menyempurnakan perjanjian yang dimeterai dengan orang-orang kafir yang mengadakan perjanjian dengan beliau selama mereka bersikap jujur dan menghormati perjanjian itu. Jika beliau bimbang dan mengesyaki pengkhianatan dari mereka, beliau diperintah supaya memulangkan perjanjian itu kepada

---

[7] *Bab "Tertib Garis Panduan Rasulullah Mengenai Langkah-Langkah Untuk Menghadapi Golongan Kafir Dan Golongan Munafiq Sejak Beliau Diangkat Menjadi Rasul Hingga Beliau Menemui Allah 'Azzawajalla", dalam kitab tersebut.*

[8] أهل صلح وهدنة

[9] أهل حرب

[10] أهل ذمة

mereka tanpa memerangi mereka sehingga beliau mengetahui bahawa mereka telah mengkhianati perjanjian itu. Beliau telah diperintah supaya memerangi golongan kafir yang mencabul perjanjian, dan apabila turun Surah Bara'ah di mana diterangkan hukum-hukum mengenai semua golongan kafir itu, beliau diperintah memerangi musuhnya dari kaum Ahlil-Kitab sehingga mereka sanggup membayar jizyah atau menganut agama Islam. Dalam surah ini juga beliau diperintah memerangi orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin dan bersikap keras terhadap mereka. Lalu beliau memerangi orang-orang kafir dengan mengguna pedang dan lembing dan menentang orang-orang Munafiqin dengan menggunakan kekuatan hujjah dan lidah. Di dalam surah ini, juga beliau diperintah melucutkan diri dari semua perjanjian dengan orang-orang kafir dan memulangkan perjanjian-perjanjian itu kepada mereka. Di sini golongan kafir yang mengikat perjanjian dengan beliau dibahagikan kepada tiga golongan: Pertama, golongan yang mencabul perjanjian dan tidak menghormatinya dengan jujur. Golongan ini wajib diperangi dan beliau telah memerangi dan mengalahkan mereka. Kedua, golongan yang mengadakan perjanjian damai selama masa yang tertentu dan mereka tidak mencabulinya atau menyerang beliau. Di sini beliau diperintah menghormati perjanjian ini selama masa yang ditentukan mereka. Ketiga, golongan kafir yang tidak memeterai apa perjanjian dan tidak pernah memerangi beliau atau memeterai satu perjanjian yang tidak terbatas, maka untuk menghadapi golongan ini, beliau telah diperintah supaya memberi tempoh selama empat bulan kepada mereka dan apabila tempoh itu berakhir, beliau diperintah memerangi mereka. Rasulullah s.a.w. telah memerangi golongan kafir yang mencabul perjanjian dan memberi tempoh selama empat bulan kepada golongan kafir yang tidak mengikat perjanjian atau golongan kafir yang mengikat perjanjian yang tidak terbatas dengan beliau. Dan beliau diperintah supaya menghormati dan menyempurnakan perjanjian itu hingga sampai tempohnya, tetapi seluruh mereka telah memeluk Islam dan tidak ada yang tinggal kafir sehingga habis tempoh perjanjian itu. Rasulullah s.a.w. telah mengenakan cukai jizyah ke atas golongan kafir zimmi.... hingga akhir".

Apabila dikaji saringan sejarah yang baik ini di samping mengkaji peristiwa-peristiwa sirah dan sejarah turunnya surah-surah dan ayat-ayat yang mengandungi hukum-hukum atau peraturan-peraturan ini nescaya ternyata kepada kita bahawa ayat-ayat Surah al-Anfal yang kami sedang olahkannya di sini menggambarkan peringkat pertengahan di antara keadaan yang wujud di masa pertama hijrah dan keadaan akhir selepas turunnya Surah Bara'ah. Oleh sebab itu ayat-ayat ini harus dikaji berdasarkan perhitungan-perhitungan ini. Walaupun ayat-ayat ini menjelaskan setengah-setengah prinsip pokok tetapi ia tidak menggambarkannya dalam bentuknya yang final atau muktamad, kerana gambaran yang final itu dijelaskan oleh ayat-ayat Surah Bara'ah dan penerapan-penerapannya yang praktikal di akhir hayat Rasulullah s.a.w. sebagaimana akan diterangkan nanti...

Berdasarkan kenyataan ini dapatlah kita mentafsirkan ayat-ayat yang berikut:

(Pentafsiran ayat-ayat 55 - 59)

Siapakah Sejahat-jahat Binatang Di Sisi Allah

إِنَّ شَرَّ ٱلدَّوَآبِّ عِندَ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٥٥﴾

ٱلَّذِينَ عَٰهَدتَّ مِنْهُمْ ثُمَّ يَنقُضُونَ عَهْدَهُمْ فِى كُلِّ مَرَّةٍ وَهُمْ لَا يَتَّقُونَ ﴿٥٦﴾

"Sesungguhnya binatang yang paling buruk di sisi Allah ialah manusia-manusia yang kafir oleh kerana itu mereka tidak beriman(55). Iaitu orang-orang yang engkau telah memeterai perjanjian dengan mereka kemudian mereka membatalkan perjanjian mereka setiap kali (dimeterai perjanjian) dan mereka tidak takut (kepada akibatnya)."(56)

Perkataan "الدوآب" (binatang-binatang) walaupun pengertiannya merangkumi setiap makhluk yang bergerak dan merangkak di bumi, namun pengertiannya juga merangkumi makhluk manusia, cuma apabila perkataan ini digunakan kepada manusia, maka ia menyampaikan makna bayangan yang khusus, iaitu makna bayangan kebinatangan. Kemudian manusia yang disifatkan sebagai binatang itu menjadi sejahat-jahat dan seburuk-buruk binatang yang bergerak di permukaan bumi. Itulah gambaran manusia-manusia yang kafir yang telah dibawa oleh kekufuran mereka hingga keadaan mereka tidak mungkin lagi menuju ke arah keimanan. Merekalah orang-orang kafir yang mengoyak perjanjian pada setiap kali dimeterai perjanjian, mereka tidak pernah takut kepada Allah walau sekalipun.

Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat yang menjelaskan tentang orang-orang tertentu yang dimaksudkan oleh ayat ini. Satu pendapat mengatakan bahawa orang-orang itu ialah suku Qurayzah. Satu pendapat lagi mengatakan suku Bani an-Nadhir. Satu pendapat yang lain pula mengatakan suku Bani Qaynuqa", dan ada pula yang mengatakan orang-orang Badwi dari kaum Musyrikin yang tinggal di sekeliling Madinah. Di pandang dari segi ayat dan realiti sejarah, maka kedua-duanya mencakup semua kumpulan yang tersebut tadi, kerana kaum Yahudi pernah membatalkan perjanjian-perjanjian mereka dengan Rasulullah s.a.w. suku demi suku dan kaum Musyrikin juga berulang-ulang kali membatalkan perjanjian mereka. Yang pentingnya ialah kita mengetahui bahawa ayat-ayat ini memperkatakan suatu keadaan yang telah berlaku sebelum Peperangan Badar dan selepasnya hingga kepada masa turunnya ayat-ayat ini, tetapi hukum atau

peraturan, mengenai perlakuan-orang-orang yang membatalkan perjanjian itu menggambarkan satu keadaan yang tetap dan menjelaskan satu sifat yang tetap, iaitu orang-orang yang kafir dan berdegil di dalam kekafiran mereka adalah "orang-orang yang tidak beriman". Fitrah mereka telah dirosakkan oleh kekafiran hingga mereka berubah menjadi sejahat-jahat binatang di sisi Allah. Mereka membatalkan setiap perjanjian yang dimeterai mereka menyebabkan mereka hilang satu sifat kemanusiaan, iaitu sifat mematuhi perjanjian. Mereka bertindak bebas dari segala ikatan sama seperti haiwan, namun begitu haiwan juga terikat dengan kawalan-kawalan fitrahnya, sedangkan mereka langsung tidak mempunyai kawalan. Oleh sebab itulah mereka dianggap sebagai sejahat-jahat haiwan di sisi Allah.

Mereka adalah orang-orang yang tiada siapa pun boleh mempercayai kepada perjanjian-perjanjian mereka dan merasa aman berjiran dengan mereka. Balasan yang setimpal dengan mereka ialah penafian keamanan terhadap mereka sebagaimana mereka menafikan keamanan terhadap orang lain. Balasan yang setimpal dengan mereka ialah mengancamkan mereka dengan ketakutan dan memporak-perandakan mereka dan melancarkan tindakan disiplin yang bukan sahaja menakutkan mereka, malah menakutkan golongan yang sama seperti mereka yang berada di belakang mereka, yang saling mendengar berita satu sama lain... Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin selepas beliau adalah diperintah melakukan tindakan-tindakan itu jika mereka bertembung dengan golongan yang seperti itu di medan pertempuran:

فَإِمَّا تَثۡقَفَنَّهُمۡ فِي ٱلۡحَرۡبِ فَشَرِّدۡ بِهِم مَّنۡ خَلۡفَهُمۡ لَعَلَّهُمۡ يَذَّكَّرُونَ ٥٧

"Jika engkau menemui mereka (orang-orang kafir yang membatalkan perjanjian itu) di dalam peperangan, maka hancurkanlah mereka untuk menakutkan orang-orang di belakang mereka supaya mereka mengambil pengajaran."(57)

Ini adalah satu ungkapan yang menarik yang menggambarkan penyeksaan yang ngeri dan ancaman yang menggerunkan. Dengar beritanya sahaja sudah cukup untuk membuat seorang itu melarikan diri dan menjadi bingung, apatah lagi mereka yang benar-benar mengalami penyeksaan yang ngeri itu. Itulah serangan ngeri yang diperintah Allah kepada Rasulullah s.a.w. terhadap mereka yang membatalkan perjanjian dan bertindak bebas dari kawalan-kawalan yang wajar bagi manusia. Tujuan dari tindakan ini ialah pertama untuk menjamin keamanan kepada kem Islam, dan kedua untuk menghancurkan maruah dan kehormatan orang-orang yang menentang kem Islam, dan seterusnya untuk menghalangkan sesiapa sahaja yang berani berfikir untuk menyekatkan perkembangan Islam sama ada dari dekat atau dari jauh.

Itulah tabi'at sistem hidup Islam yang mana gambarannya harus terpacak dalam hati kelompok Muslimin. Agama Islam pastilah mempunyai kehormatan dan kekuatan. Mestilah mempunyai kekuasaan dan pastilah mempunyai kewibawaan yang menggentarkan para Taghut agar mereka tidak menghalangkan perkembangan Islam dalam perjuangannya untuk membebaskan "manusia" di muka bumi ini dari kekuasaan segala Taghut. Orang-orang yang berfikir bahawa sistem agama Islam ialah semata-mata menyampaikan da'wah di hadapan halangan-halangan fizikal yang didirikan oleh kekuatan Taghut, mereka adalah orang-orang yang tidak mengenal sedikit pun tentang tabi'at agama ini.

Inilah hukum atau peraturan pertama berhubung dengan kes membatalkan perjanjian dengan kem Islam dan tindakan-tindakan keras yang ngeri yang harus diambil terhadap mereka yang membatalkan perjanjian itu untuk menakutkan mereka dan mereka yang berada di belakang mereka.

Hukum atau peraturan yang kedua ialah berhubung dengan kebimbangan kem Islam terhadap kemungkinan berlakunya pembatalan perjanjian dan tindakan khianat berdasarkan wujudnya tindak-tanduk dan tanda-tanda yang membayangkan bahawa kem yang kafir itu benar-benar mahu bertindak membatalkan perjanjian:

Tindak Cara Menghadapi Pihak Yang Dibimbangi Mengkhianati Perjanjian

وَإِمَّا تَخَافَنَّ مِن قَوۡمٍ خِيَانَةٗ فَٱنۢبِذۡ إِلَيۡهِمۡ عَلَىٰ سَوَآءٍۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلۡخَآئِنِينَ ٥٨

"Dan jika engkau bimbang apa-apa pengkhianatan dari sesuatu kaum, maka kembalikan perjanjian itu kepada mereka dengan cara yang adil. Sesungguhnya Allah tidak menyukai para pengkhianat."(58)

Islam berjanji untuk memeliharakan perjanjiannya. Oleh itu apabila ia bimbang pihak lain mungkin bertindak mengkhianati perjanjian itu, maka Islam akan mencampakkan perjanjian yang ada itu secara terus-terang. Islam tidak pernah mengkhianati dan memungkiri perjanjian, Islam tidak pernah menipu, Islam menyatakan dengan terus-terang bahawa ia berlepas tangan dari perjanjian itu, dan dengan pernyataan itu tidak ada lagi keamanan di antaranya dengan mereka. Dengan cara ini Islam mengangkatkan umat manusia ke puncak kehormatan dan kejujuran dan ke puncak keamanan dan ketenteraman. Ia tidak merancang secara diam-diam untuk menyerang pihak lain secara helah dan tipu muslihat yang jahat, mereka dijamin hidup aman dan tenteram dengan berpegang kepada perjanjian-perjanjian yang tidak dibatalkan itu. Ia tidak menimbulkan ketakutan dan kebimbangan kepada pihak-pihak yang tidak berwaspada kecuali ia menaruh kebimbangan berlakunya pengkhianatan

dari pihak mereka. Adapun selepas dibatalkan perjanjian itu, maka peperangan akan dilancar mengikut kepintaran dan tipu helah kerana setiap pihak telah bersedia dan berwaspada, dan mana-mana pihak yang tertipu tidak mempunyai apa-apa alasan lagi kerana ia cuai, dan ketika ini segala sarana tipu helah adalah dihalalkan kerana ia tidak dianggap khianat.

Islam mahu manusia meletakkan dirinya di tempat yang tinggi dan mahu mereka bersikap bersih dan jujur. Oleh sebab itu Islam tidak membenarkan perbuatan-perbuatan khianat untuk mencapai kemenangan. Islam berjuang untuk mencapai matlamat-matlamat yang paling luhur dan mulia, oleh sebab itu ia tidak membenarkan matlamat yang mulia menggunakan sarana yang hina.

Islam bencikan perbuatan khianat dan memandang hina kepada mereka yang mengkhianati perjanjian. Oleh sebab itu Islam tidak redha kaum Muslimin mengkhianati perjanjian untuk mencapai sesuatu matlamat walau bagaimana mulianya sekalipun. Jiwa manusia itu merupakan satu unit yang padu dan tidak berbelah bagi. Oleh itu apabila ia membenarkan dirinya menggunakan sarana yang hina, maka ia tidak mungkin lagi dapat memelihara matlamat yang mulia. Seorang Muslim tidak menggunakan prinsip "matlamat menghalalkan sarana", kerana prinsip ini adalah suatu prinsip yang asing dari tanggapan Islam dan dari kepekaan Islam, kerana di sana tidak ada pemisahan di dalam struktur jiwa manusia dan alamnya di antara sarana-sarana dan matlamat-matlamat. Seorang Muslim yang berada di tebing yang berumput tidak teringin untuk mengharungi tempat yang berlumpur kerana tebing yang berumput itu sudah tentu pada akhirnya akan dicemari oleh kaki-kaki yang bersalut lumpur. Oleh sebab itulah Allah bencikan para pengkhianat dan perilaku khianat.

"Sesungguhnya Allah tidak menyukai para pengkhianat."(58)

Undang-undang Rimba Menguasai Masyarakat Jahiliyah

Kita harus ingat bahawa semasa peraturan-peraturan ini diturunkan Allah, umat manusia pada keseluruhannya belum lagi bercita-cita untuk meningkat ke puncak yang gemilang ini, malah undang-undang rimba telah menjadi undang-undang pihak-pihak yang berperang hingga ke zaman itu. Itulah undang-undang kekuatan yang tidak terikat dengan sebarang ikatan apabila ia merasa berupaya. Begitu juga kita harus ingat bahawa undang-undang rimba masih terus memerintah masyarakat-masyarakat jahiliyah seluruhnya selepas itu hingga ke abad lapan belas Masihi, di mana negeri Eropah belum lagi mengetahui tentang undang-undang perhubungan antarabangsa kecuali peraturan-peraturan yang diambil dan dipetik semasa negeri itu mengadakan hubungan dengan dunia Islam. Kemudian Eropah belum meningkat ke puncak yang gemilang ini di alam kenyataan hingga ke sa'at itu, malah hingga ke zaman Eropah mengenal undang-undang antarabangsa secara teori. Orang-orang yang terpesona dengan "kemajuan teknologi Eropah dalam penggubalan undang-undang" harus memahami hakikat "realiti" di antara "Islam" dan seluruh sistem hidup yang sezaman.

Sebagai ganjaran kepada pendirian yang bersih ini Allah menjanjikan kemenangan kepada kaum Muslimin dan memperkecilkan kedudukan para Kafirin dan kekafiran mereka:

"Dan janganlah orang-orang kafir (yang melakukan pengkhianatan) itu menyangka bahawa mereka telah mendapat peluang mendahului (kaum Musa) kerana mereka tidak dapat melemahkan Allah."(59)

Allah Tidak Akan Membiarkan Kaum Muslimin

Perbuatan mereka merancangkan pengkhianatan secara diam-diam itu tidak dapat memberi peluang kepada mereka mendahului kaum Muslimin dalam perjuangan, kerana Allah tidak akan meninggalkan kaum Muslimin bersendirian dan tidak akan melepaskan para pengkhianat itu dari akibat pengkhianatan mereka. Dan orang-orang yang kafir itu adalah terlalu lemah untuk melemahkan Allah dari menghukum mereka, dan terlalu lemah untuk melemahkan kaum Muslimin kerana Allah adalah Penolong mereka.

Oleh sebab itu pejuang-pejuang yang menggunakan sarana-sarana yang bersih hendaklah yakin dan percaya – Jika mereka benar-benar mengikhlaskan niat kerana Allah dalam perjuangan ini – bahawa musuh mereka yang menggunakan sarana-sarana yang hina itu tidak dapat mendahului mereka, malah mereka akan mendapat pertolongan dari, Allah kerana mereka berjuang untuk menguatkuasakan undang-undang-Nya di bumi ini, dan menegakkan Kalimatullah dalam masyarakat manusia dan kerana mereka bertolak dengan nama Allah dalam perjuangan untuk menyelamatkan manusia dari menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa sebarang sekutu.

(Pentafsiran ayat 60)

Kemenangan Bukan Dengan Kekuatan Cita-cita Tetapi Dengan Kekuatan Senjata

Tetapi demi untuk mendapatkan kemenangan, Islam lebih dahulu mengadakan persediaan kekuatan dan kelengkapan perang yang realistik yang mampu disediakan oleh kaum Muslimin. Islam tidak meletakkan pandangan mereka mengidamkan puncak-puncak kemenangan yang tinggi kecuali setelah ia menjadikan bumi tempat mereka berpijak itu benar-benar teguh dan setelah ia melengkapkan

punca-punca kekuatan yang praktikal yang dikenal pasti oleh fitrah mereka dan disokong oleh pengalaman-pengalaman mereka, dan seterusnya setelah ia benar-benar menyediakan mereka untuk harakat perjuangan yang realistik yang dapat merealisasikan matlamat-matlamat yang tinggi ini:

وَأَعِدُّوا لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ ٱلْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِۦ عَدُوَّ ٱللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخَرِينَ مِن دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ ٱللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۚ وَمَا تُنفِقُوا مِن شَىْءٍ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾

"Dan sediakanlah untuk menghadapi mereka segala apa sahaja kekuatan yang mampu disediakan kamu dari kuda-kuda tambatan perang untuk menakutkan musuh Allah dan musuh kamu dan orang-orang yang dari mereka yang tidak diketahui kamu, sedangkan Allah mengetahui mereka. Dan segala apa sahaja yang dibelanjakan kamu untuk Sabilullah akan dibalas dengan ganjaran yang sempurna kepada kamu dan kamu sama sekali tidak akan dianiayai."(60)

Usaha membuat persediaan sedaya upaya merupakan suatu kewajipan yang berganding dengan kewajipan berjihad. Ayat ini memerintah supaya menyediakan kekuatan yang merangkumi segala jenisnya dan segala macam sumbernya. Di sini ia menyebut secara khusus kekuatan "kuda-kuda perang" kerana ia merupakan kelengkapan perang yang amat penting kepada umat Islam yang ditujukan ayat ini kepada mereka buat pertama kalinya. Jika Allah memerintah mereka menyediakan kekuatan-kekuatan yang tidak diketahui mereka di zaman itu, iaitu kekuatan moden yang akan muncul bersama kemajuan zaman nanti, maka ini bererti Allah memerintah mereka mengadakan alat-alat senjata yang majhul dan membingungkan mereka – Maha Suci Allah dari mengeluarkan arahan yang seperti itu. Yang penting di sini ialah arahan melengkapkan diri dibuat dalam bentuk yang umum:

وَأَعِدُّوا لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ

"Dan sediakanlah untuk menghadapi mereka segala apa sahaja kekuatan yang mampu disediakan kamu."(60)

Islam harus mempunyai kekuatan yang membolehkannya bertindak di bumi untuk membebaskan "manusia". Dan perkara pertama yang dapat dilaksanakan oleh kekuatan ini di bidang da'wah ialah ia dapat menjamin keselamatan dan keamanan mereka yang memilih Islam sebagai agama mereka secara sukarela, di mana tiada halangan yang menyekatkan mereka dari agama ini dan tiada penindasan yang dilakukan ke atas mereka setelah memeluk agama ini. Perkara kedua, ia boleh menakutkan musuh-musuh agama ini, iaitu mereka tidak berani berfikir untuk menyerang "Darul-Islam" yang dilindungi oleh kekuatan ini. Perkara ketiga, ketakutan yang dialami oleh musuh-musuh Islam itu membuat mereka tidak berani berfikir untuk menyekat kemaraan perkembangan Islam yang bergerak untuk membebaskan seluruh manusia di seluruh pelosok muka bumi ini. Perkara yang keempat, kekuatan ini boleh menghancurkan segala kekuatan di bumi ini yang mendakwa memiliki sifat Uluhiyah iaitu dalam bentuk memerintah manusia dengan undang-undang dari ciptaannya dan dengan kuatkuasa yang ada padanya tanpa mengakui bahawa sifat Uluhiyah itu adalah tertentu kepada Allah sahaja dan justeru itulah kuasa Hakimiyah hanya tertentu kepada Allah S.W.T. sahaja.

Islam bukannya satu sistem teologi yang dapat direalisasikan sebaik sahaja ia tersemat di dalam hati sebagai 'aqidah dan sebaik sahaja ia ditegakkan sebagai satu peraturan syi'ar-syi'ar ibadat dan selepas itu berakhirlah tugasnya, malah Islam adalah satu sistem hidup yang praktikal dan realistik yang menghadapi berbagai-bagai sistem hidup yang lain, yang ditegakkan di atasnya berbagai-bagai kuasa yang lain dan di belakangnya disokongi oleh kekuatan-kekuatan material. Oleh sebab itu Islam tidak mempunyai jalan keluar yang lain – untuk menegakkan sistem Rabbaninya – dari bertindak menghancurkan kekuatan-kekuatan material itu di samping menghancurkan kuasa-kuasa yang melaksanakan sistem-sistem hidup itu dan menentang sistem hidup Rabbani.

Setiap Muslim tidak seharusnya teragak-agak ketika mengisytiharkan hakikat yang agung ini. Ia tidak seharusnya merasa malu terhadap tabi'at sistem hidup Rabbaninya. Ia seharusnya ingat apabila Islam bergerak dan bertindak di bumi, maka ia bergerak dan bertindak untuk mengisytiharkan pembebasan insan melalui perjuangan menegakkan Uluhiyah Allah Yang Maha Esa dan menghancurkan Uluhiyah manusia. Islam tidak bergerak dan bertindak untuk memperjuangkan sistem hidup ciptaan manusia, dan bukan pula untuk menegakkan kekuasaan seseorang pemimpin atau kekuasaan sebuah kerajaan atau kekuasaan sesuatu kelas atau kekuasaan sesuatu bangsa. Islam bukannya bertindak untuk menjadikan manusia abdi-abdi tanah untuk mengerjakan ladang-ladang kaum bangsawan seperti yang telah dilakukan oleh orang-orang Roman, dan bukan pula untuk menguasai pasaran-pasaran dan bahan-bahan mentah seperti yang telah dilakukan oleh kapitalis-kapitalis Barat, dan bukan pula untuk memaksakan sesuatu ideologi ciptaan manusia yang jahil dan kurang seperti yang telah dilakukan oleh komunisme dan lain-lainnya dari ideologi-ideologi ciptaan manusia. Malah Islam bergerak dan bertindak untuk memperjuangkan suatu sistem hidup yang diciptakan Allah Yang Maha Mengetahui, Maha Bijaksana, Maha Pakar dan Maha Melihat dan untuk menegakkan

Uluhiyah dan kekuasaan Allah Yang Maha Esa demi membebaskan umat manusia di bumi dari perhambaan kepada sesama makhluk.

Inilah hakikat agung yang harus disedari oleh orang-orang Islam yang berjiwa dan bersikap defensif terhadap agama dan terkumat-kamit melahirkan apologi terhadap perkembangan Islam dan jihad Islam.[11]

Kini eloklah kita mengetahui batas-batas tugas menyediakan kekuatan dan peralatan perang. Nas Al-Qur'an berbunyi:

وَأَعِدُّواْ لَهُم مَّا ٱسۡتَطَعۡتُم مِّن قُوَّةٖ

"Dan sediakanlah untuk menghadapi mereka segala apa sahaja kekuatan yang mampu disediakan kamu."(60)

Itulah batas keupayaan yang maksimum di mana kaum Muslimin tidak boleh cuai dari menyediakan segala punca kekuatan yang mampu diadakan mereka.

Kemudian ayat berikut menunjukkan tujuan pertama dari usaha mengadakan persiapan dan peralatan perang yang kuat itu:

تُرۡهِبُونَ بِهِۦ عَدُوَّ ٱللَّهِ وَعَدُوَّكُمۡ وَءَاخَرِينَ مِن دُونِهِمۡ لَا تَعۡلَمُونَهُمُ ٱللَّهُ يَعۡلَمُهُمۡۚ

"Untuk menakutkan musuh Allah dan musuh kamu dan orang-orang yang lain dari mereka yang tidak diketahui kamu, sedangkan Allah mengetahui mereka."(60)

Tujuannya ialah untuk menimbulkan perasaan takut di dalam hati musuh-musuh Allah yang sekaligus merupakan musuh-musuh kaum Muslimin di dunia ini, iaitu musuh-musuh yang jelas yang diketahui oleh kaum Muslimin dan musuh-musuh yang berada di belakang yang tidak diketahui mereka atau musuh-musuh yang tidak menunjukkan perseteruan secara terang-terangan terhadap mereka, sedangkan Allah mengetahui rahsia-rahsia dan hakikat-hakikat mereka. Kumpulan musuh-musuh ini akan merasa gentar terhadap kekuatan Islam walaupun kekuatan itu belum lagi menghentam mereka. Kaum Muslimin diperintah supaya menjadi kuat dan supaya mereka mengumpulkan segala punca kekuatan yang mampu dikumpulkan mereka agar mereka ditakuti dan digeruni di muka bumi ini, dan agar Kalimatullah terletak di tempat yang paling tinggi, dan agar seluruh keta'atan (agama) tertentu kepada Allah sahaja.

Persiapan Kelengkapan Senjata Memerlukan Pengorbanan Fi Sabilillah

Oleh sebab usaha menyediakan kelengkapan perang itu memerlukan biaya yang besar, dan oleh sebab seluruh sistem hidup Islam itu ditegakkan di atas landasan takaful, maka seruan jihad digandingkan dengan seruan mengorbankan harta kekayaan untuk Sabilullah:

وَمَا تُنفِقُواْ مِن شَيۡءٖ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ يُوَفَّ إِلَيۡكُمۡ وَأَنتُمۡ لَا تُظۡلَمُونَ ٦٠

"Dan segala apa sahaja yang dibelanjakan kamu untuk Sabilullah akan dibalas dengan ganjaran yang sempurna kepada kamu dan kamu sama sekali tidak akan dianiayai."(60)

Demikianlah Islam membersihkan jihad dan pengorbanan fi Sabilillah dari segala tujuan keduniaan, dari segala kepentingan diri dan dari segala perasaan perkauman dan kekelasan supaya jihad dan pengorbanan fi Sabilillah itu benar-benar ikhlas kerana Allah "kerana Sabilullah" untuk menegakkan Kalimatullah dan mencapai keredhaan-Nya.

Oleh sebab itulah dari awal-awal lagi Islam menolak segala peperangan yang bertujuan mengangkatkan tokoh-tokoh dan kerajaan-kerajaan, segala peperangan yang bermatlamatkan eksploitasi dan mendapatkan pasaran-pasaran, segala peperangan yang bertujuan menjajah dan menghina, segala peperangan yang bertujuan mengangkatkan negeri ke atas negeri yang lain atau mengangkatkan sesuatu kaum ke atas kaum yang lain atau mengangkatkan sesuatu bangsa ke atas bangsa yang lain atau mengangkatkan sesuatu kelas ke atas kelas yang lain. Hanya satu sahaja pergerakan ketenteraan yang dihalalkan Islam, iaitu pergerakan jihad fi Sabilillah, kerana di dalam peperangan ini Allah tidak bertujuan mengangkatkan sesuatu bangsa atau sesuatu negara atau sesuatu kaum atau sesuatu kelas atau sesuatu tokoh atau umat, malah Allah mahu mengangkatkan Uluhiyah dan kuasa Hakimiyah, dan Allah terkaya dari semesta alam, tetapi konsep superioriti kekuasaan Allah adalah satu-satunya konsep yang dapat menjamin kebajikan, keberkatan, kemerdekaan dan kehormatan kepada seluruh manusia.

(Pentafsiran ayat-ayat 61 - 63)

Peraturan Menghadapi Pihak-pihak Yang Ingin Berdamai

Peraturan yang ketiga yang terkandung di dalam ayat-ayat yang berikut ialah peraturan yang berhubung dengan pihak-pihak yang berhasrat hendak mengadakan hubungan damai dan saling berbaik-baik dengan kem Islam. Mereka memperlihatkan kecenderungan mereka kepada perdamaian dan hubungan saling berbaik-baik. Gerak-geri dan tindak-tanduk mereka yang lahir

---

[11] *Lihat huraian terperinci dalam buku yang amat bernilai berjudul "الجهاد في سبيل الله" karangan Abul-A'la al-Maudud, Amir Jama'ah Islamiyah, Pakistan, begitu juga lihat huraian kami mengenai jihad dalam kata pengantar Surah al-Anfal dalam juzu' yang kesembilan.*

membuktikan hasrat mereka yang sebenar kepada perdamaian:

وَإِن جَنَحُوا۟ لِلسَّلْمِ فَٱجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٦١﴾

"Dan jika mereka cenderung kepada perdamaian, maka hendaklah engkau juga cenderung kepadanya dan bertawakkallah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(61)

Dalam ayat ini keinginan kepada perdamaian itu diungkapkan dengan kata-kata "جنحوا" (mencondongkan sayap), iaitu satu pengungkapan yang halus yang mem-bayangkan ketenangan yang halus, iaitu gerak sayap yang mencondong dengan tenang dan merendahkan bulunya dengan tenteram. Begitu juga kecenderungan kepada perdamaian digandingkan dengan sikap bertawakkal kepada Allah Yang Maha Mendengar dan Maha Melihat, iaitu Tuhan yang mendengar segala perkataan yang diucap dan mengetahui segala rahsia yang tersembunyi di sebaliknya. Sikap bertawakkal kepada Allah melahirkan perasaan cukup dan ketenteraman.

Apabila kita kembali kepada saringan al-Imam Ibn al-Qayim tentang kumpulan-kumpulan orang-orang kafir dan sikap mereka terhadap Rasulullah s.a.w. dan sikap beliau terhadap mereka di permulaan zaman Islam di Madinah sehingga kepada hari peperangan Badar dan turunnya peraturan ini, nescaya ternyatalah bahawa ayat ini adalah berhubung dengan kumpulan orang kafir yang memencilkan diri dari Rasulullah s.a.w. dan tidak memerangi beliau di samping mereka memperlihatkan keinginan mereka kepada perdamaian dan tidak pernah menunjukkan perseteruan dan tentangan terhadap da'wah Islamiyah dan kerajaan Islam. Allah telah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya membiarkan kumpulan ini dan menerima hasrat perdamaian dan hubungan saling berbaik dengan mereka (sehingga turun Surah al-Bara'ah) di mana kumpulan kafir yang tidak mempunyai perjanjian atau mempunyai perjanjian yang tidak dibataskan dengan masa yang tertentu diberi tempoh selama empat bulan, dan selepas tempoh itu mereka akan dikenakan satu peraturan yang lain mengikut sikap mereka terhadap Rasulullah s.a.w.. Oleh sebab itu peraturan ini bukanlah satu peraturan yang final mengikut keumuman yang difaham dari nas-nasnya yang terlepas dari keadaan-keadaan sekelilingnya, juga terlepas dari nas-nas yang diturunkan kemudian darinya dan terlepas dari tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. selepas itu.

Walau bagaimanapun nas ini mempunyai sejenis keumuman mengenai peraturan ini pada masa itu, di mana Rasulullah s.a.w. telah memakai peraturan ini sehingga turun Surah al-Bara'ah, dan dari pemakaian peraturan inilah diadakan perjanjian perdamaian Hudaybiyah pada tahun yang keenam hijrah.

Setengah-setengah fuqaha' menjurus ke arah menganggapkan peraturan ini sebagai peraturan yang final dan tetap, dan mereka mentafsirkan kecenderungan kepada perdamaian ini dengan kesediaan orang-orang kafir itu menerima untuk membayar cukai jizyah, tetapi pentafsiran ini tidak selaras dengan peristiwa sejarah, kerana peraturan-peraturan pembayaran jizyah telah diturunkan dalam Surah Bara'ah selepas tahun yang kelapan hijrah, sedangkan ayat ini diturunkan dalam tahun yang kedua selepas Peperangan Badar, di mana peraturan-peraturan jizyah belum lagi wujud. Yang lebih dekat kepada pentafsiran yang betul berlandaskan rujukan kepada peristiwa-peristiwa sejarah dan sejarah nuzul ayat-ayat Al-Qur'an, juga, berlandaskan tabi'at pergerakan sistem hidup Islam ialah dengan mengatakan bahawa peraturan ini bukanlah sesuatu peraturan yang final, malah pada akhirnya ia telah dipinda dengan peraturan-peraturan yang final yang telah diturun dalam Surah Bara'ah (at-Taubah), di mana sikap manusia terhadap Islam berakhir seperti berikut, iaitu sama ada mereka menjadi golongan penentang yang memerangi Islam atau menjadi golongan Muslimin yang diperintah oleh syari'at Allah atau menjadi golongan zimmi yang membayar jizyah dan kekal di atas perjanjian mereka selama mereka bersikap jujur. Inilah peraturan-peraturan yang final yang menjadi titik akhir pergerakan jihad Islam. Selain dari peraturan-peraturan ini ia merupakan keadaan-keadaan yang berlaku, di mana Islam berusaha meminda dan mengubahkannya hingga berakhir kepada tiga kedudukan yang menggambarkan hubungan-hubungan yang final yang diterangkan oleh hadith yang dikeluarkan oleh Muslim dan diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad.

Ujar Ahmad: Kami telah diceritakan oleh Waqi': Kami telah diceritakan oleh Sufyan daripada Alqamah ibn Marthad daripada Sulaiman ibn Yazid daripada bapanya Yazid ibn al-Khatib al-Aslami r.a. katanya: Biasanya apabila Rasulullah s.a.w. menghantar seorang ketua askar yang mengepalai suatu pasukan atau angkatan tentera beliau berpesan kepadanya supaya bertaqwa kepada Allah dan menjaga kebajikan para pejuang Muslimin yang berada di bawah pimpinannya sambil bersabda:

اغزوا باسم الله، في سبيل الله. قاتلوا من كفر با لله. إذا لقيت عدوك من المشركين فادعهم إلى إحدى ثلاث خصال، أو خلال، فأيتهن أجابوك إليها فأقبل منهم، وكف عنهم.أدعهم إلى الإسلام. فإن أجابوك فاقبل منهم وكف عنهم ثم ادعهم إلى التحول من دارهم إلى دار المهاجرين، وأعلمهم إن فعلوا ذلك أن لهم ما للمهاجرين وأن عليهم ما على المهاجرين. فإن أبوا واختاروا دارهم فأعلمهم أنهم يكونون كأعراب

المسلمين يجري عليهم حكم الله الذي يجري على المؤمنين، ولا يكون لهم في الفيئ والغنيمة نصيب، إلا أن يجاهدوا مع المسلمين. فإن أبوا فادعهم إلى إعطاء الجزية. فإن أجابوا فأقبل منهم وكف عنهم. فإن أبوا فاستعن با لله وقاتلهم

"Berjuanglah dengan nama Allah, untuk Sabilullah. Perangilah mereka yang ingkarkan Allah. Jika anda menemui musuh anda dari kaum Musyrikin, maka suruhlah mereka memilih salah satu dari tiga perkara, dan apa sahaja perkara yang dipersetujui mereka, maka terimalah dari mereka dan berhentilah menyerang mereka, iaitu seru mereka supaya memeluk agama Islam. Jika mereka menyambut seruan anda, maka terimalah dari mereka dan berhentilah menyerang mereka, kemudian ajak mereka berpindah dari kampung halaman mereka kepada negeri para Muhajirin (Madinah), dan beritahu kepada mereka jika mereka berpindah nescaya mereka memperolehi segala hak yang diperolehi oleh para Muhajirin dan memikul tanggungjawab yang dipikul oleh para Muhajirin. Sebaliknya jika mereka enggan berhijrah dan memilih untuk menetap di kampung halaman mereka, maka beritahu kepada mereka bahawa kedudukan mereka sama dengan kedudukan orang-orang Badwi Muslimin, di mana hukum-hukum Allah berlaku ke atas mereka sama seperti berlakunya ke atas para Mu'minin yang lain, tetapi mereka tidak mendapat sebarang habuan dari harta Fay' dan harta rampasan perang kecuali mereka turut berjuang bersama-sama para pejuang Muslimin, dan jika mereka enggan, maka seru mereka supaya membayar jizyah, jika mereka menyambut seruan anda, maka terimalah dari mereka dan berhentilah menyerang mereka dan jika mereka enggan membayar jizyah, maka pohonlah pertolongan Allah dan lancarkan peperangan terhadap mereka."

Perkara yang dimusykilkan dari hadith ini ialah di dalamnya ada menyebut hijrah dan negeri para Muhajirin, juga menyebut jizyah, sedangkan jizyah tidak pernah dikuatkuasakan kecuali selepas pembukaan negeri Makkah dan hijrah tidak lagi wujud selepas pembukaan negeri Makkah (bagi angkatan kaum Muslimin yang pertama yang berhijrah ke negara Islam (Madinah) dan membuka negeri Makkah serta mendapat kedudukan yang kuat). Pendapat yang diyakinkan benar ialah jizyah tidak dikuatkuasakan melainkan selepas tahun yang kelapan. Oleh sebab itulah jizyah tidak dikenakan ke atas kaum Musyrikin Arab kerana mereka telah menganut Islam sebelum diturunkan peraturan jizyah, dan selepas itu barulah bayaran jizyah diterima dari kaum Musyrikin Majusi yang sama seperti mereka dalam kepercayaan syirik. Sekiranya peraturan-peraturan jizyah itu diturun semasa wujudnya kaum Musyrikin di Semenanjung Tanah Arab tentulah bayaran jizyah diterima dari mereka sebagaimana dijelaskan oleh al-Imam Ibn al-Qayim, dan pendapat yang disebut beliau ialah pendapat Abu Hanifah dan salah satu dari dua pendapat al-Imam Ahmad (adapun al-Qurtubi ia telah meriwayatkan pendapat ini al-Auza'i dan Malik dan yang lain dari beliau meriwayatkannya dari Abu Hanifah).

Walau bagaimanapun dapatlah diambil kesimpulan bahawa firman Allah:

وَإِن جَنَحُوا۟ لِلسَّلْمِ فَٱجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٦١﴾

"Dan jika mereka cenderung kepada perdamaian, maka hendaklah engkau juga cenderung kepadanya dan bertawakkallah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui"(61)

tidaklah mengandungi sesuatu peraturan yang mutlak dan final dalam bab ini, kerana peraturan-peraturan yang final telah diturunkan kemudian di dalam Surah Bara'ah. Ayat ini hanya menerangkan bahawa Allah telah memerintah Rasul-Nya supaya menerima perdamaian dan hubungan saling berbaik-baik dari golongan kafir yang mengasingkan diri mereka dari Rasulullah dan mengambil sikap tidak memerangi dan memusuhi beliau sama ada melalui sesuatu perjanjian yang dimeterai dengan mereka atau mereka tidak memeterai apa-apa perjanjian dengan beliau hingga kepada masa itu, dan Rasulullah s.a.w. terus menerima perdamaian dari golongan-golongan kafir dan golongan Ahlil-Kitab sehingga turun peraturan-peraturan baru di dalam Surah Bara'ah dan sejak itu beliau tidak lagi menerima kecuali mereka menganut Islam atau membayar jizyah. Inilah sahaja keadaan hubungan saling damai yang diterima oleh beliau selama pihak yang terbabit menghormati perjanjian mereka atau melancarkan peperangan selama kaum Muslimin mampu melakukan tindakan ini agar seluruh keta'atan (agama) tertentu kepada Allah sahaja.

Sifat Penulis-penulis Islam Yang Berjiwa Kalah Terhadap Konsep Jihad Fi Sabilillah

Di dalam huraian ini saya agak melencong sedikit dengan tujuan untuk menghapuskan kekeliruan yang lahir dari kekalahan jiwa dan akal yang dialami oleh sebahagian besar penulis-penulis yang menulis tentang konsep "jihad di dalam Islam", di mana jiwa dan akal mereka telah ditekan begitu berat oleh realiti yang wujud. Mereka merasa agama mereka yang belum mereka memahami hakikatnya itu agak keterlaluan apabila ia menetapkan methodologinya dalam menghadapi seluruh manusia dengan salah satu dari tiga cara yang berikut, iaitu menganut Islam atau membayar jizyah atau menghadapi peperangan, kerana mereka melihat bahawa seluruh kekuatan jahiliyah memerangi dan menentang Islam, juga kerana mereka melihat bahawa penganut-penganut Islam yang belum memahami hakikatnya dan belum mempunyai kesedaran yang serius terhadap agamanya berada dalam keadaan yang lemah dalam menghadapi angkatan pengikut-pengikut agama-agama dan ideologi-ideologi yang lain, dan seterusnya kerana mereka melihat bahawa angkatan perintis Islam yang sebenar masih amat kecil bilangan mereka dan masih tidak memiliki apa kekuatan di bumi ini, oleh kerana itulah penulis-penulis tersebut bertindak memutarkan nas-nas itu dengan ta'wilan-ta'wilan

yang sesuai dengan tekanan realiti dan menganggapkan agama mereka agak keterlaluan apabila ia menetapkan methodologi dan rancangan bertindak yang seperti ini.

Mereka menggunakan nas-nas sementara sebagai nas-nas yang final dan menggunakan nas-nas yang dikaitkan dengan keadaan-keadaan yang tertentu sebagai nas-nas yang membawa pengertian yang umum, dan apabila mereka sampai kepada nas-nas yang final dan umum yang sebenar, mereka ta'wilkannya dengan ta'wilan-ta'wilan yang sesuai dengan nas-nas sementara yang dikaitkan dengan keadaan-keadaan tertentu untuk membolehkan mereka membuat kesimpulan bahawa konsep jihad di dalam Islam adalah semata-mata untuk mempertahankan keselamatan orang-orang Islam dan negara Islam apabila diserang dan Islam begitu berminat dan ghairah terhadap sebarang tawaran perdamaian, dan dimaksudkan dengan perdamaian itu ialah menahan diri dari menyerang negara Islam! Islam dalam tanggapan mereka harus bergerak dalam kulit kelongsongnya sahaja atau harus bertindak dan bergerak dalam batas sempadannya sahaja pada setiap waktu dan ia tidak berhak menuntut orang lain supaya menganutinya atau supaya tunduk kepada sistem hidup ciptaan Allah kecuali melalui percakapan, sebaran atau penerangan sahaja. Adapun kekuatan fizikal yang dimiliki oleh kuasa jahiliyah yang memerintah manusia, maka Islam tidak berhak menyerangnya kecuali kuasa jahiliyah itu menyerang mereka dan di waktu inilah sahaja Islam berhak bertindak mempertahankan keselamatannya.

Sekiranya penulis-penulis yang mengalami kekalahan jiwa dan akal ketika menghadapi tekanan realiti masa kini itu mahu mencari peraturan-peraturan dari agama mereka yang memungkinkan mereka menghadapi realiti ini tanpa memerlukan mereka memutarkan nas-nas itu, tentulah mereka akan menemui realisme bertindak di dalam peraturan-peraturan dan tindakan-tindakan sementara yang diaturkan oleh Islam untuk membolehkan mereka menghadapi tekanan realiti yang sama dengan tekanan realiti yang dihadapi oleh kita pada hari ini, dan tentulah mereka dapat berkata: Dalam menghadapi keadaan yang seperti ini, Islam akan bertindak begini, tetapi tindakan-tindakan ini bukanlah merupakan kaedah-kaedah yang tetap, malah ia hanya merupakan peraturan-peraturan dan tindakan-tindakan sementara untuk menghadapi keadaan darurat.

Contoh-contoh Tindakan Sementara Ketika Darurat

Di bawah ini di hidangkan contoh-contoh peraturan dan tindakan sementara di masa-masa darurat:

• Rasulullah s.a.w. telah mengadakan perjanjian di masa awal kedatangannya di Madinah dengan kaum Yahudi yang tinggal di sekeliling di Madinah dan dengan kaum Musyrikin di sana, iaitu satu perjanjian damai dan saling berbaik-baik dan perjanjian pertahanan bersama untuk mempertahankan Madinah dari serangan Quraysy dan perjanjian menahan diri dari membantu sebarang pihak yang menyerang Madinah atau mengadakan sebarang perjanjian dengan kaum Musyrikin yang berseteru tanpa keizinan Rasulullah s.a.w., dan dalam waktu yang sama Allah telah memerintah beliau supaya menerima perdamaian dari mana-mana pihak yang cenderung kepada perdamaian walaupun mereka tidak memeterai sebarang perjanjian dengan beliau dan supaya terus hidup saling berbaik-baik dengan mereka selama mereka hidup berbaik dengan beliau, kemudian semua keadaan ini telah berubah selepas itu sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini.

• Apabila berlaku Peperangan Khandaq, di mana kaum Musyrikin bersatu untuk menyerang Madinah dan kaum Yahudi dari suku Qurayzah telah membatalkan perjanjian dan Rasulullah s.a.w. menaruh bimbang terhadap keselamatan kaum Muslimin, maka beliau telah menawar perdamaian kepada 'Uyaynah Ibn Hisn al-Fazari dan kepada al-Haris Ibn Auf al-Murri ketua suku Ghatfan dengan ganjaran satu pertiga dari hasil buah-buahan Madinah dengan syarat mereka mengundurkan kaum mereka dan meninggalkan kaum Quraysy bersendirian. Perkataan Rasulullah s.a.w. kepada kedua-dua orang itu hanya merupakan taktik tawar menawar sahaja bukannya merupakan perjanjian. Oleh sebab itu apabila Rasulullah s.a.w. melihat kedua-dua orang itu bersetuju, beliau pun berunding dengan Sa'd ibn Mu'az dan Sa'd ibn 'Ubadah, lalu kedua-duanya bertanya: "Apakah ini suatu yang diingini anda dan kami harus bertindak untuk kebaikan anda? Atau apakah ini merupakan sesuatu yang diperintah Allah kepada anda dan kami harus bertindak menta'ati dan mematuhinya? Atau apakah ini sesuatu yang anda lakukan untuk kebaikan kami?" Jawab beliau: "Sebenarnya ini adalah sesuatu yang saya lakukan untuk kebaikan kamu kerana seluruh orang-orang Arab kini telah bersatu untuk menyerang kamu". Lalu Sa'd ibn Mu'az berkata: "Ya Rasulullah, demi Allah, sebenarnya kami dan kaum-kaum itu pernah sama-sama berada dalam kepercayaan syirik dan menyembah berhala-berhala. Kami tidak menyembah Allah dan tidak mengenali-Nya dan mereka tidak pernah berhasrat untuk mendapat hasil buah-buahan dari kami kecuali melalui jual-beli atau jamuan kepada tetamu, tetapi kini selepas Allah memuliakan kami dengan agama Islam dan menguatkan kedudukan kami dengan kehadiran anda tiba-tiba kami dikehendaki memberi harta kami kepada mereka. Demi Allah kami tidak akan memberi kepada mereka selain dari mata pedang sehingga Allah membuat keputusan-Nya di antara kami dengan mereka". Jawapan ini amat menggembirakan Rasulullah s.a.w. dan lantas beliau berkata: "Keputusan kamu diterima". Kemudian Rasulullah s.a.w. berkata kepada 'Uyaynah dan al-Haris: "Anda berdua boleh pulang sekarang dan anda berdua tidak akan mendapat apa

habuan dari kami selain dari mata pedang". Di sini jelaslah bahawa apa yang difikirkan oleh Rasulullah s.a.w. itu hanya merupakan sesuatu tindakan untuk menghadapi keadaan darurat bukannya suatu peraturan yang final.

• Rasulullah s.a.w. telah memeterai perjanjian damai Hudaybiyah dengan kaum Musyrikin Quraysy dengan syarat-syarat yang tidak disenangi oleh kaum Muslimin iaitu perjanjian gencatan senjata selama sepuluh tahun di antara beliau dengan mereka, di mana kedua-dua belah pihak harus bersikap aman damai terhadap satu sama lain. Perjanjian ini mensyaratkan beliau dan pengikutnya pasti pulang dan tidak boleh memasuki negeri Makkah pada tahun itu sehingga tahun hadapan, di mana beliau dan pengikut-pengikutnya akan dibenarkan memasuki negeri Makkah dengan bebas dan dibenarkan tinggal di sana selama tiga hari dengan syarat beliau tidak memasuki negeri Makkah melainkan dengan senjata seorang penunggang sahaja dan semua pedang mesti dimasukkan ke dalam sarungnya. Perjanjian itu mensyaratkan pula mana-mana sahabat Nabi yang menyeberang ke pihak Musyrikin tidak akan dipulangkan kepada beliau dan sebaliknya mana-mana orang Musyrikin yang menyeberang ke pihak Nabi pasti dipulangkan kembali kepada mereka. Semua syarat-syarat ini telah diterima oleh Rasulullah dengan ilham dari Allah, walaupun pada lahirnya syarat-syarat itu berat sebelah. Ia diterima begitu sahaja kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki Allah yang telah mengilhamkannya kepada Rasul-Nya. Walau bagaimanapun, syarat-syarat itu memberi ruang yang baik untuk menghadapi situasi-situasi yang serupa, di mana kepimpinan Islam dapat bertindak dengan sewajarnya.

Methodologi pergerakan Islam selama-lamanya menghadapi realiti dengan cara-cara yang sesuai. Ia merupakan satu methodologi yang dinamis dan lunak, tetapi kukuh dan jelas. Orang-orang yang mencari sesuatu cara di dalam Islam untuk menghadapi realiti dalam segala keadaan tidak akan membuat mereka terpaksa memutarkan nas-nas dan menta'wilkannya dengan ta'wilan-ta'wilan yang, tidak dapat diterima olehnya. Yang dituntut oleh Islam ialah ketaqwaan kepada Allah dan menghindari perbuatan menundukkan agamanya kepada realiti jahiliyah yang buruk dan perbuatan mengaku kalah kepadanya dan memilih sikap defensif terhadapnya, kerana Islam adalah agama dominan yang memerintah, agama yang mengambil tempat yang unggul dan berdaya inisiatif yang sanggup memenuhi segala kehendak dan keperluan realiti. Alhamdulillah.

Apabila Allah Ta'ala memerintah Rasulullah s.a.w. supaya menerima perdamaian dari mana-mana pihak yang inginkan perdamaian dan supaya turut condong, berdamai, dengan mereka apabila mereka memperlihatkan kecenderungan mereka kepada perdamaian, maka Allah mengarahkan beliau supaya bertawakkal kepada-Nya sambil meyakinkan beliau bahawa dia amat mengetahui segala rahsia yang tersembunyi di dalam hati mereka:

وَإِن جَنَحُوا۟ لِلسَّلْمِ فَٱجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٦١﴾

"Dan jika mereka cenderung kepada perdamaian, maka hendaklah engkau juga cenderung kepadanya dan bertawakkallah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(61)

Kemudian (dalam ayat yang berikut) Allah mengamankan beliau dari ditipu mereka jika mereka berhasrat untuk mengkhianati beliau dan merancangkan tipu daya di sebalik kecenderungan mereka untuk berdamai dengan beliau, dan berfirman kepadanya: Sesungguhnya Allah tetap memberi pertolongan dan perlindungan yang sempurna kepada beliau dan memelihara keselamatannya, kerana Dialah yang telah membantu beliau dengan pertolongan-Nya di dalam Peperangan Badar dan menguatkan kedudukan beliau dengan pejuang-pejuang Mu'minin dan seterusnya menyatupadukan hati mereka di atas landasan kasih mesra dan persaudaraan Islam, sedangkan hati mereka amat sukar untuk disatupadukan dan tiada sesiapa yang dapat menyatupadukannya kecuali Allah Yang Maha Kuasa dan Maha Bijaksana:

وَإِن يُرِيدُوٓا۟ أَن يَخْدَعُوكَ فَإِنَّ حَسْبَكَ ٱللَّهُ ۚ هُوَ ٱلَّذِىٓ أَيَّدَكَ بِنَصْرِهِۦ وَبِٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٦٢﴾ وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ ۚ لَوْ أَنفَقْتَ مَا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا مَّآ أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٣﴾

"Dan jika mereka mahu menipu engkau, maka cukuplah Allah menjadi Pelindungmu kerana Dialah yang menyokong engkau dengan pertolongan-Nya dan dengan para Mu'minin(62). Dan Dialah yang menyatupadukan di antara hati mereka (para Mu'minin) dan jika engkau membelanjakan segala kekayaan di bumi nescaya engkau tidak dapat juga menyatupadukan di antara hati mereka, tetapi Allah telah menyatupadukan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(63)

Perpaduan Umat Arab Merupakan Satu Mu'jizat Islam

Maksudnya, cukuplah Allah bertindak sebagai Pembantu dan Pelindung engkau kerana Dialah yang telah membantu engkau pada kali yang pertama dan menguatkan kedudukan engkau dengan barisan pejuang Mu'minin yang telah menepati janji mereka dengan Allah dan Allah telah menjadikan mereka satu kekuatan yang padu, sedangkan dahulunya hati mereka berpecah-belah, dan permusuhan dan pertelingkahan tercetus di kalangan mereka begitu terang-terangan dan sengit. Sama ada golongan yang

dimaksudkan oleh ayat ini ialah kaum Aus dan Khazraj (iaitu kaum Ansar) kerana di zaman jahiliyah mereka hidup dalam kancah peperangan membalas dendam dan menuntut bela dan sentiasa berada di dalam pertelingkahan dan pergaduhan yang tidak mungkin disatukan, apatah lagi untuk meletakkan mereka dalam ikatan persaudaraan yang seperti sekarang yang tiada tolok bandingnya di dunia ini, atau golongan yang dimaksudkan itu ialah kaum Muhajirin kerana keadaan mereka di zaman jahiliyah adalah sama juga dengan keadaan kaum Ansar, atau yang dimaksudkan ialah kedua-dua kaum itu semua sekali, kerana itulah keadaan hidup semua orang-orang Arab di Semenanjung Tanah Arab.

Mu'jizat perpaduan itu telah berlaku dan tiada siapa yang berkuasa melakukannya kecuali Allah. Mu'jizat itu tidak mungkin direalisasikan kecuali oleh 'aqidah Islam yang telah berjaya mengubahkan hati-hati yang liar dan tabi'at-tabi'at yang pendendam menjadi satu blok yang padu yang dijalin oleh semangat persaudaraan, rasa rendah diri dan kasih mesra terhadap satu sama lain. Mereka bersatupadu dengan tahap yang tidak pernah diketahui sejarah, iaitu tahap yang menggambarkan kehidupan di dalam Syurga dan cirinya yang nyata, atau tahap yang merintis ke arah kehidupan di dalam Syurga dan cirinya yang nyata iaitu:

وَنَزَعْنَا مَا فِي صُدُورِهِم مِّنْ غِلٍّ إِخْوَانًا عَلَىٰ سُرُرٍ مُّتَقَابِلِينَ ﴿٤٧﴾

"Dan (di dalam Syurga) Kami telah mencabutkan di dalam hati mereka segala perasaan dendam, di mana mereka hidup bersaudara dan duduk berhadapan satu sama lain di atas kerusi-kerusi yang tinggi."

(Surah al-Hijr: 47)

'Aqidah Islam adalah satu 'aqidah yang benar-benar menakjubkan. Apabila ia bersebati di dalam hati, maka hati akan berubah menjadi adunan kasih mesra. Ia melembutkan hati yang keras dan membasahkan hati yang kering. Ia menambatkan hati manusia dengan ikatan kemesraan yang kukuh, mendalam dan halus. Ia membuat segala pandangan mata, segala sentuhan tangan, segala gerakan anggota dan debaran jantung menjadi lagu-lagu yang mencetuskan perkenalan, kasih mesra, setiakawan, saling membantu, toleransi dan belas kasihan, dan tiada sesiapa yang mengetahui rahsianya kecuali Allah yang telah menyatupadukan hati-hati itu, dan tiada sesiapa yang dapat mengecapi rasanya kecuali hati ini sendiri.

'Aqidah Islam memanggil manusia dengan seruan kasih kerana Allah. Ia memetik tali-tali hati mereka mendendangkan lagu-lagu keikhlasan kerana Allah dan lagu-lagu pertemuan kerana Allah dan apabila seruan itu disambut oleh hati manusia, maka berlakulah mu'jizat perpaduan itu iaitu satu mu'jizat yang tiada sesiapa mengetahui rahsianya kecuali Allah dan tiada sesiapa berkuasa merealisasikannya melainkan Allah.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

إن من عباد الله لأناساً ماهم بأنبياء ولا شهداء يغبطهم الأنبياء والشهداء يوم القيمة بمكا نهم من الله تعالى. قالوا: يا رسول الله تخبرنا من هم. قال: هم قوم تحابوا بروح الله بينهم، غلى غير ارحام بينهم، ولا أموال يتعاطونها، والله إن وجوههم لنور وإنهم لعلى نور. لا يخافون إذا خاف الناس، ولا يحزنون إذا حزن الناس

"Di antara para hamba Allah terdapat sekumpulan manusia yang tidak tergolong sebagai para nabi-nabi dan syuhada', tetapi mereka diirihati oleh para nabi-nabi dan syuhada' kerana kedudukan mereka yang tinggi di sisi Allah Ta'ala pada hari qiamat". Lalu (sahabat-sahabat) bertanya: "Ya Rasulullah, ceritakanlah kepada kami siapakah mereka?" Jawab beliau: "Mereka ialah orang-orang yang berkasih sayang di antara mereka kerana agama Allah walaupun mereka tidak mempunyai hubungan rahim dan tidak mempunyai harta kekayaan yang membolehkan mereka saling memberi di antara satu sama lain. Demi Allah wajah-wajah mereka sentiasa berseri-seri dan mereka sentiasa berada dalam nur hidayat Allah. Mereka tidak merasa takut ketika orang ramai mengalami ketakutan dan mereka tidak bersedih ketika orang ramai dilanda kesedihan."

(Hadith ini dikeluarkan oleh Abu Daud)

Sabda Rasulullah s.a.w.:

إن المسلم إذا لقي أخاه المسلم ، فأخذ بيده تحاتت عنهما ذنوبهما كما تتحات الورق عن الشجرة اليابسة في يوم ريح عاصف وإلا غفر لهما ذنوبهما ولو كانت مثل زبد البحار

"Apabila seorang Muslim bertemu dengan saudaranya yang Muslim lalu ia menjabat tangannya nescaya gugurlah dosa keduanya sebagaimana gugurnya daun-daun dari pokok yang kering pada hari ribut yang kencang dan nescaya diampunkan dosa keduanya walaupun sebanyak buih laut-lautan."

(Diriwayatkan oleh at-Tabrani)

Di sana terdapat berbagai-bagai sabda Rasulullah mengenai persoalan ini dan segala tindak-tanduk beliau membuktikan betapa kuatnya persoalan ini di dalam risalah beliau, begitu juga tindak-tanduk umat Muslimin yang dibina oleh beliau di atas prinsip kasih sayang yang membuktikan bahawa perkara ini bukanlah merupakan kata-kata yang mengawan-awan tinggi dan tidak pula merupakan tindakan-tindakan individu yang misali, malah ia merupakan tindakan-tindakan yang realistik yang berlandaskan prinsip yang kukuh dengan keizinan Allah, yang tiada sesiapa pun berkuasa menyatupadukan hati manusia selain Dia.

(Pentafsiran ayat-ayat 64 - 66)

Kekuatan Mujahidin Fi Sabilillah

Kemudian ayat-ayat yang berikut terus meyakinkan Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin di belakang beliau bahawa Allah tetap memberi perlindungan dan pertolongan yang cukup kepada beliau dan pengikut-pengikutnya. Setelah itu Allah memerintah beliau memberangsangkan para Mu'minin supaya bangkit berperang fi Sabilillah, kerana kekuatan mereka layak untuk melawan sepuluh kali ganda kekuatan orang-orang kafir yang tidak mempunyai kefahaman 'aqidah yang dimiliki mereka, dan sekurang-kurangnya dalam keadaan yang paling lemah mereka layak melawan dua kali ganda kekuatan musuh:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ حَسۡبُكَ ٱللَّهُ وَمَنِ ٱتَّبَعَكَ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ٦٤ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ حَرِّضِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ عَلَى ٱلۡقِتَالِۚ إِن يَكُن مِّنكُمۡ عِشۡرُونَ صَٰبِرُونَ يَغۡلِبُواْ مِاْئَتَيۡنِۚ وَإِن يَكُن مِّنكُم مِّاْئَةٞ يَغۡلِبُوٓاْ أَلۡفٗا مِّنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِأَنَّهُمۡ قَوۡمٞ لَّا يَفۡقَهُونَ ٦٥ ٱلۡـَٰٔنَ خَفَّفَ ٱللَّهُ عَنكُمۡ وَعَلِمَ أَنَّ فِيكُمۡ ضَعۡفٗاۚ فَإِن يَكُن مِّنكُم مِّاْئَةٞ صَابِرَةٞ يَغۡلِبُواْ مِاْئَتَيۡنِۚ وَإِن يَكُن مِّنكُمۡ أَلۡفٞ يَغۡلِبُوٓاْ أَلۡفَيۡنِ بِإِذۡنِ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ٦٦

"Wahai Nabi! Cukuplah Allah dan para Mu'minin yang mengikut engkau (menjadi penolongmu)(64). Wahai Nabi! Kobarkanlah semangat para Mu'minin supaya bangkit berperang. Jika ada dua puluh orang yang sabar dari kalangan kamu nescaya mereka dapat mengalahkan dua ratus orang musuh dan jika ada seratus orang yang sabar dari kalangan kamu, nescaya mereka dapat mengalahkan seribu orang kafir, kerana mereka adalah satu kaum yang tidak mengerti(65). Sekarang Allah telah memberi keringanan kepada kamu dan mengetahui kelemahan yang ada pada kamu. Oleh itu jika ada seratus orang pejuang yang sabar dari kalangan kamu, mereka harus mengalahkan dua ratus orang musuh dan jika ada dari kalangan kamu seribu orang pejuang, mereka harus mengalahkan dua ribu orang musuh dengan keizinan Allah dan Allah tetap bersama orang-orang yang sabar."(66)

Di sini fikiran kita berhenti sejenak untuk melihat kekuatan Allah Yang Maha Kuat dan Maha Perkasa yang tidak mungkin dilawan dan dicabar dan di hadapannya kelihatan satu kekuatan yang lemah dan kerdil yang sedang menentang pasukan-pasukan tentera Allah tiba-tiba ternyata bahawa perbezaan di antara dua kekuatan itu adalah begitu besar dan begitu jauh dan ternyatalah bahawa perjuangan itu adalah satu perjuangan yang terjamin akibatnya, perjuangan yang dapat diketahui dan dipastikan kesudahannya. Semuanya ini terkandung dalam firman Allah yang berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ حَسۡبُكَ ٱللَّهُ وَمَنِ ٱتَّبَعَكَ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ٦٤

"Wahai Nabi! Cukuplah Allah dan para Mu'minin Yang mengikut engkau (menjadi penolongmu)."(64)

Oleh sebab itulah Allah memerintah beliau memberangsangkan para Mu'minin supaya tampil berperang fi Sabilillah setelah setiap jiwa dan hati mereka siap sedia dan setiap saraf dan nadi mereka siap siaga dan setelah keyakinan dan kepercayaan tercurah penuh di dalam hati mereka:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ حَرِّضِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ عَلَى ٱلۡقِتَالِۚ

"Wahai Nabi! Kobarkanlah semangat para Mu'minin supaya bangkit berperang."(65)

Maksudnya, perangsangkan mereka supaya tampil berperang kerana mereka memang layak untuk melawan musuh mereka dan musuh Allah walaupun bilangan mereka kecil dan bilangan musuh mereka dan musuh Allah di sekeliling mereka jauh lebih ramai:

إِن يَكُن مِّنكُمۡ عِشۡرُونَ صَٰبِرُونَ يَغۡلِبُواْ مِاْئَتَيۡنِۚ وَإِن يَكُن مِّنكُم مِّاْئَةٞ يَغۡلِبُوٓاْ أَلۡفٗا مِّنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ

"Jika ada dua puluh orang yang sabar dari kalangan kamu, nescaya mereka dapat mengalahkan dua ratus orang musuh dan jika ada seratus orang yang sabar dari kalangan kamu, nescaya mereka dapat mengalahkan seribu orang kafir."(65)

Pernyataan sebab perbezaan yang diberikan oleh ayat berikut merupakan satu pernyataan yang memeranjatkan dan menakjubkan, tetapi pernyataan itu adalah suatu pernyataan yang benar dan mendalam:

بِأَنَّهُمۡ قَوۡمٞ لَّا يَفۡقَهُونَ ٦٥

"Kerana mereka adalah satu kaum yang tidak mengerti."(65)

Rahsia Kekuatan Mujahidin Fi Sabilillah

Apakah hubungan pengertian dan kefahaman dengan kemenangan pada zahirnya? Sebenarnya hubungan ini adalah suatu hubungan haqiqi yang amat kuat, kerana pokok yang membezakan golongan Mu'minin ialah mereka mengetahui jalan yang dijalani mereka, mereka memahami cara hidup mereka, mereka mengerti hakikat kewujudan dan matlamat hidup mereka, mereka memahami hakikat Uluhiyah dan hakikat 'Ubudiyah. Mereka mengerti

bahawa Uluhiyah pastilah bersifat tunggal dan Maha Tinggi dan 'Ubudiyah itu hanya tertentu kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan tiada sekutu bagi-Nya, mereka memahami diri mereka sebagai umat Muslimin yang mendapat hidayat dari Allah dan bergerak di bumi ini dengan perintah Allah untuk mengeluarkan manusia dari menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja, mereka sedar bahawa mereka adalah khalifah Allah di bumi ini dan mereka dikurniakan kedudukan yang kuat di bumi ini bukan untuk menjajah dan bersuka ria, malah untuk meninggikan kalimat Allah dan berjuang untuk Sabilullah, di samping untuk mengimarahkan bumi mengikut jalan yang benar dan mengadili manusia dengan undang-undang yang adil, dan seterusnya untuk menegakkan kerajaan Allah yang berlandaskan keadilan di antara semua manusia. Semuanya itu merupakan pengertian dan kefahaman yang mencurahkan nur, kepercayaan, kekuatan dan keyakinan di dalam hati kaum Mu'minin. Dan inilah yang mendorong mereka ke arah jihad fi Sabilillah, di mana mereka berjuang dengan semangat yang kuat dan dengan keyakinan mendapat kemenangan yang menambahkan lagi kekuatan mereka. Sementara musuh-musuh mereka merupakan golongan manusia yang tidak mengerti dan tidak memahami. Hati mereka tertutup, mata mereka buta dan kekuatan mereka lemah walaupun pada lahirnya mereka kelihatan maju dan unggul. Mereka merupakan satu kekuatan yang terputus dan terpisah dari pokoknya yang besar.

Nisbah kekuatan satu lawan sepuluh merupakan nisbah asal di dalam neraca kekuatan di antara golongan Mu'minin yang mempunyai kefahaman dengan golongan kafirin yang tidak mempunyai kefahaman hingga apabila golongan Muslimin yang sabar berada dalam keadaan yang paling lemah, maka nisbah kekuatannya ialah satu lawan dua:

ٱلْـَٔـٰنَ خَفَّفَ ٱللَّهُ عَنكُمْ وَعَلِمَ أَنَّ فِيكُمْ ضَعْفًا ۚ
فَإِن يَكُن مِّنكُم مِّا۟ئَةٌ صَابِرَةٌ يَغْلِبُوا۟ مِا۟ئَتَيْنِ ۚ
وَإِن يَكُن مِّنكُمْ أَلْفٌ يَغْلِبُوٓا۟ أَلْفَيْنِ بِإِذْنِ
ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ مَعَ ٱلصَّـٰبِرِينَ ﴿٦٦﴾

"Sekarang Allah telah memberi keringanan kepada kamu dan mengetahui, kelemahan yang ada pada kamu. Oleh itu jika ada seratus orang pejuang, yang sabar dari kalangan kamu, mereka harus mengalahkan dua ratus orang musuh dan jika ada dari kalangan kamu seribu orang pejuang, mereka harus mengalahkan dua ribu orang musuh dengan keizinan Allah dan Allah tetap bersama orang-orang yang sabar."(66)

Setengah-setengah mufasirin dan fuqaha' memahami bahawa ayat ini mengandungi perintah kepada orang-orang Mu'minin bahawa seorang pejuang Muslim tidak boleh lari dari perjuangan melawan sepuluh orang kafir jika ia berada dalam keadaan yang kuat, dan seorang pejuang Muslim tidak boleh lari dari perjuangan melawan dua orang kafir jika ia berada di dalam keadaan yang lemah. Di sana terdapat berbagai-bagai percanggahan pendapat yang kecil yang kami tidak ingin memasukinya. Pendapat yang rajih di sisi kami ialah ayat-ayat ini hanya mengandungi hakikat penilaian kekuatan pejuang-pejuang Muslimin dalam menghadapi musuh mereka mengikut neraca pertimbangan Allah yang benar, dan tujuan ayat-ayat ini ialah untuk memperkenalkan kepada para Mu'minin hakikat kekuatan mereka untuk meyakinkan hati mereka dan meneguhkan pendirian mereka dan ia bukannya bertujuan menerangkan hukum-hukum syara' mengikut tarjih kami. Wallahu A'lam.

(Pentafsiran ayat-ayat 67 - 71)

Peraturan Melayani Tawanan

Selesai mengobarkan semangat perjuangan, maka rangkaian ayat-ayat berikut berpindah pula kepada penjelasan tentang hukum-hukum tawanan perang - sesuai dengan tindakan Rasulullah s.a.w. dan para Mu'minin yang sedang menangani tawanan-tawanan Perang Badar - di samping menyuruh beliau bercakap kepada tawanan-tawanan itu dan menggalakkan mereka supaya beriman dan menerangkan faedah-faedah di sebaliknya, di mana mereka akan memperolehi pampasan yang baik dari kehilangan dan kerugian yang telah dialami mereka di dalam peperangan itu:

مَا كَانَ لِنَبِىٍّ أَن يَكُونَ لَهُۥٓ أَسْرَىٰ حَتَّىٰ يُثْخِنَ
فِى ٱلْأَرْضِ ۚ تُرِيدُونَ عَرَضَ ٱلدُّنْيَا وَٱللَّهُ يُرِيدُ ٱلْـَٔاخِرَةَ ۗ
وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٧﴾
لَّوْلَا كِتَـٰبٌ مِّنَ ٱللَّهِ سَبَقَ لَمَسَّكُمْ فِيمَآ أَخَذْتُمْ عَذَابٌ
عَظِيمٌ ﴿٦٨﴾
فَكُلُوا۟ مِمَّا غَنِمْتُمْ حَلَـٰلًا طَيِّبًا ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ
غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٩﴾
يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ قُل لِّمَن فِىٓ أَيْدِيكُم مِّنَ ٱلْأَسْرَىٰٓ إِن
يَعْلَمِ ٱللَّهُ فِى قُلُوبِكُمْ خَيْرًا يُؤْتِكُمْ خَيْرًا مِّمَّآ أُخِذَ
مِنكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٧٠﴾
وَإِن يُرِيدُوا۟ خِيَانَتَكَ فَقَدْ خَانُوا۟ ٱللَّهَ مِن قَبْلُ
فَأَمْكَنَ مِنْهُمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

"Tidaklah wajar bagi seorang Nabi mempunyai tawanan-tawanan perang sehingga ia mengganyang musuh habis-habisan di bumi. Kamu mengingini harta kekayaan dunia, sedangkan Allah hendak memberi ganjaran Akhirat (kepada kamu). Dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(67). Sekiranya tidak kerana adanya keputusan yang telah lalu dari Allah nescaya kamu telah ditimpa 'azab yang besar kerana kesalahan kamu mengambil bayaran tebusan (tawanan)(68). Oleh sebab itu makanlah sebahagian dari harta tebusan tawanan itu sebagai makanan yang halal dan baik. Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(69). Wahai Nabi! Katakanlah kepada para tawanan yang ada di dalam tangan kamu: Jika Allah mengetahui ada sesuatu kebaikan (keimanan) di dalam hati kamu nescaya Dia mengurniakan kepada kamu balasan yang lebih baik dari wang tebusan yang telah diambil dari kamu dan memberi keampunan kepada kamu. Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang (70). Dan jika mereka (para tawanan) mahu mengkhianati engkau (maka itu tidaklah menghairankan) kerana mereka pernah mengkhianati Allah sebelum ini lalu Allah jadikan mereka kalah kepadamu. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(71)

Ujar Ibn Ishaq ketika menceritakan peristiwa-peristiwa Peperangan Badar: Apabila kaum Muslimin menawan orang-orang kafir, sedangkan Rasulullah s.a.w. pada masa itu berada di markasnya di mana Sa'd ibn Mu'az sedang mengawal pintunya dengan pedang bersama-sama beberapa orang Ansar. Mereka mengawal dan menjaga Rasulullah s.a.w. kerana takut diserang oleh orang-orang Musyrikin. Mengikut cerita yang disebut kepada saya, Rasulullah s.a.w. melihat tanda-tanda tidak setuju terlukis di muka Sa'd terhadap tindakan kaum Muslimin yang menawan kaum Musyrikin itu, lalu beliau berkata kepadanya: "Demi Allah, wahai Sa'd, nampaknya awak ini tidak setuju dengan tindakan mereka!" Jawab Sa'd: "Demi Allah, memang benar, ya Rasulullah, saya tidak setuju, kerana inilah peperangan pertama yang dicetuskan Allah terhadap kaum Musyrikin. Pada hemat saya, lebih baik mereka dibunuh habis-habisan dari ditawan."

Mengikut riwayat al-Imam Ahmad dengan isnadnya dari Ibn 'Abbas dari 'Umar r.a. katanya: "Dalam pertempuran pada hari itu Allah telah menewaskan kaum Musyrikin di mana tujuh puluh orang dari mereka terbunuh dan tujuh puluh yang lain pula di tawan. Rasulullah s.a.w. telah bermesyuarat dengan Abu Bakr, 'Umar dan Ali. Kata Abu Bakr: 'Wahai Rasulullah, mereka semua adalah sepupu-sepupu, anak-anak buah dan saudara-saudara anda belaka. Oleh itu pada hemat saya kita lebih baik ambil bayaran tebusan dari mereka dan dengan wang yang kita ambil dari mereka dapat kita gunakannya sebagai satu kekuatan kepada kita dalam menghadapi orang-orang kafir, dan semoga mereka diberikan Allah hidayat dan kelak mereka menjadi pembantu yang menambahkan kekuatan kita'. Lalu Rasulullah s.a.w. bertanya: 'Wahai 'Umar, apa pendapat anda?... Kata 'Umar: "Saya jawab: 'Demi Allah, saya tidak sependapat dengan Abu Bakr. Tetapi pada hemat saya, saya minta anda serahkan si anu itu (dari kaum kerabat 'Umar) kepada saya supaya saya pancungkan lehernya dan saya minta anda serahkan 'Uqayl ibn Abu Talib kepada Ali supaya ia pancungkan lehernya dan serahkan si anu (saudara Hamzah) kepada Hamzah supaya ia pancungkan lehernya, agar Allah tahu bahawa hati kami tidak mengenal kasihan belas terhadap kaum Musyrikin. Mereka ini adalah pahlawan-pahlawan, pembesar-pembesar dan pemimpin-pemimpin mereka'. Rasulullah s.a.w. bersetuju dengan cadangan Abu Bakr dan tidak bersetuju dengan cadangan saya lalu beliau bersetuju menerima bayaran tebusan dari para tawanan itu". Kata 'Umar: "Pada pagi keesokan hari saya pergi ke tempat Rasulullah s.a.w. dan saya dapati beliau sedang menangis bersama Abu Bakr lalu saya bertanya: 'Mengapa anda berdua menangis? Jika ada sebabnya saya juga mahu menangis dan jika tidak ada sebabnya, maka saya juga ingin memaksa diri saya ikut menangis bersama anda berdua?'Jawab Nabi s.a.w. 'Saya menangis disebabkan cadangan sahabat-sahabat anda supaya mengambil bayaran tebusan dari para tawanan itu, dan sesungguhnya Allah telah menunjukkan kepada aku 'azab kamu yang lebih dekat dari pokok ini (pokok yang terletak berdekatan dengan Rasulullah s.a.w.) dan Allah telah menurunkan ayat:

مَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَن يَكُونَ لَهُۥٓ أَسْرَىٰ حَتَّىٰ يُثْخِنَ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ تُرِيدُونَ عَرَضَ ٱلدُّنْيَا وَٱللَّهُ يُرِيدُ ٱلْءَاخِرَةَ ۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٧﴾

لَّوْلَا كِتَٰبٌ مِّنَ ٱللَّهِ سَبَقَ لَمَسَّكُمْ فِيمَآ أَخَذْتُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٦٨﴾

فَكُلُوا۟ مِمَّا غَنِمْتُمْ حَلَٰلًا طَيِّبًا ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٩﴾

"Tidaklah wajar bagi seorang Nabi mempunyai tawanan-tawanan perang sehingga ia mengganyang musuh habis-habisan di bumi. Kamu mengingini harta kekayaan dunia, sedangkan Allah hendak memberi ganjaran Akhirat (kepada kamu). Dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.(67) Sekiranya tidak kerana adanya keputusan yang telah lalu dari Allah nescaya kamu telah ditimpa 'azab yang besar kerana kesalahan kamu mengambil bayaran tebusan (tawanan)(68). Oleh sebab itu makanlah sebahagian dari harta tebusan tawanan itu sebagai makanan yang halal dan baik. Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(69)

Dengan ayat ini Allah menghalalkan harta rampasan perang. Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim, Abu Daud, at-Tirmizi, Ibn Jarir dan Ibn Mardawayh dari berbagai-bagai saluran dari Ikrimah ibn Amar al-Yamani.

Ujar al-Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh Ali Ibn Hasyim daripada Humayd daripada Anas r.a. katanya: "Nabi telah mengadakan mesyuarat bersama

para sahabatnya mengenai para tawanan Peperangan Badar. Beliau bersabda: 'Allah telah membolehkan kamu menawan mereka'. Lantas 'Umar Ibn al-Khattab berdiri sambil berkata: 'Wahai Rasulullah, benarkan saya memenggal leher mereka.' Lalu nabi berpaling darinya dan bersabda lagi: 'Wahai sidang yang hadir, Allah telah membolehkan kamu menawan mereka dan mereka dahulunya adalah saudara-saudara kamu sendiri.' Lantas 'Umar berdiri sekali lagi sambil berkata: 'Wahai Rasulullah, benarkan saya penggal leher mereka". Lalu Nabi s.a.w. berpaling darinya dan mengulangkan sabda yang sama kepada para sahabatnya, lalu Abu Bakr as-Siddiq r.a. berdiri sambil berkata: Wahai Rasulullah, lebih baik kita ma'afkan mereka dan menerima bayaran tebusan dari mereka"'. Kata Anas: "Lalu hilanglah dari wajah Nabi s.a.w. tanda-tanda dukacita dan lantas beliau mema'afkan para tawanan itu dan menerima bayaran tebusan dari mereka". Ujar Anas: "Kemudian Allah 'Azzawajalla menurunkan ayat:

لَّوۡلَا كِتَٰبٞ مِّنَ ٱللَّهِ سَبَقَ لَمَسَّكُمۡ فِيمَآ أَخَذۡتُمۡ عَذَابٌ عَظِيمٞ ٦٨

"Sekiranya tidak kerana adanya keputusan yang telah lalu dari Allah nescaya kamu telah ditimpa 'azab yang besar kerana kesalahan kamu mengambil bayaran tebusan (tawanan)."(68)

Ujar al-A'masy dari 'Umar Ibn Murrah dari Abu 'Ubaydah dari Abdullah katanya: Pada hari Peperangan Badar Nabi s.a.w. telah bersabda kepada (para sahabatnya): "Apa pendapat anda sekalian tentang orang-orang tawanan itu?" Jawab Abu Bakr: "Wahai Rasulullah, mereka adalah kaum anda dan keluarga anda, biarlah mereka hidup dan bertaubat semoga Allah menerima taubat mereka". Kemudian 'Umar berkata: "Wahai Rasulullah, mereka telah mendusta dan mengusir anda, bawalah mereka ke mari supaya saya penggal leher mereka". Kemudian Abdullah Ibn Rawahah pula berkata: 'Wahai Rasulullah, anda sekarang berada di wadi yang banyak boleh didapati kayu api. Oleh itu bakarkan wadi ini kemudian campakkan tawanan-tawanan itu ke dalam api". Nabi s.a.w. kelihatan diam dan tidak menjawab sepatah pun, kemudian beliau bangkit dan masuk ke dalam markasnya. Lalu sahabat-sahabat yang berada di situ masing-masing mengeluarkan pendapatnya. Ada yang mengatakan beliau akan memilih pendapat Abu Bakr, ada yang mengatakan beliau tentu memilih pendapat 'Umar dan ada pula yang mengatakan beliau akan memilih pendapat Abdullah Ibn Rawahah. Kemudian Rasulullah s.a.w. keluar menemui mereka sambil bersabda: "Sesungguhnya Allah berkuasa melembutkan hati lelaki hingga menjadi lebih lembut dari susu dan Allah juga berkuasa menjadikan hati lelaki-lelaki itu lebih keras dari batu. Wahai Abu Bakr, anda sama dengan Nabi Ibrahim a.s. yang bersabda:

فَمَن تَبِعَنِي فَإِنَّهُۥ مِنِّيۖ وَمَنۡ عَصَانِي فَإِنَّكَ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ٣٦

"Sesiapa yang mengikut aku, maka dia dari golonganku dan sesiapa yang menderhaka kepadaku, maka Engkau ya Allah tetap bersifat Maha Pengampun dan Maha Pengasih"

(Surah Ibrahim: 36)

sesungguhnya engkau, wahai Abu Bakr, adalah sama dengan Nabi 'Isa yang bersabda:

إِن تُعَذِّبۡهُمۡ فَإِنَّهُمۡ عِبَادُكَۖ وَإِن تَغۡفِرۡ لَهُمۡ فَإِنَّكَ أَنتَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ١١٨

"Ya Allah, jika Engkau mengazabkan mereka, maka mereka adalah para hamba-Mu dan jika Engkau memaafkan mereka, maka Engkau tetap bersifat Maha Perkasa dan Maha Bijaksana"

(Surah al-Ma'idah: 118)

dan sesungguhnya engkau, wahai 'Umar, adalah sama seperti Musa a.s. yang berdo'a kepada Allah:

رَبَّنَا ٱطۡمِسۡ عَلَىٰٓ أَمۡوَٰلِهِمۡ وَٱشۡدُدۡ عَلَىٰ قُلُوبِهِمۡ فَلَا يُؤۡمِنُواْ حَتَّىٰ يَرَوُاْ ٱلۡعَذَابَ ٱلۡأَلِيمَ ٨٨

"Wahai Tuhan kami, hapuskanlah segala harta kekayaan mereka dan kunci matikan hati mereka sampai mereka tidak beriman hingga mereka melihat 'azab yang pedih"

(Surah Yunus: 88)

Wahai 'Umar, anda sama dengan Nabi Nuh a.s. yang bersabda:

رَّبِّ لَا تَذَرۡ عَلَى ٱلۡأَرۡضِ مِنَ ٱلۡكَٰفِرِينَ دَيَّارًا ٢٦

"Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau biarkan seorang pun dari orang-orang kafir itu tinggal di bumi."

(Surah Nuh: 26)

Kamu sekalian adalah orang-orang tanggungan (orang-orang miskin) oleh sebab itulah jangan ada seorang pun dari para tawanan itu yang terlepas kecuali ia membayar tebusan atau dipenggalkan lehernya. Ujar Ibn Mas'ud: Aku pun mencelah, "Wahai Rasulullah! Kecuali Suhayl ibn Baydha' kerana ia menyambut baik terhadap Islam! Lalu Rasulullah s.a.w. diam, dan oleh kerana (perkataan ini) aku tidak pernah melihat diriku lebih takut pada hari itu dari ditimpa batu dari langit sehingga Rasulullah s.a.w. menyebut: "Kecuali Suhayl ibn Baydha'. Kemudian Allah 'Azzawajalla menurunkan ayat:

مَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَن يَكُونَ لَهُۥٓ أَسۡرَىٰ حَتَّىٰ يُثۡخِنَ فِي ٱلۡأَرۡضِۚ تُرِيدُونَ عَرَضَ ٱلدُّنۡيَا وَٱللَّهُ يُرِيدُ ٱلۡأٓخِرَةَۗ

"Tidaklah wajar bagi seorang Nabi mempunyai tawanan-tawanan perang sehingga ia mengganyang musuh habis-habisan di bumi. Kamu mengingini harta kekayaan dunia, sedangkan Allah hendak memberi ganjaran Akhirat (kepada kamu). Dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(67)

(Di riwayatkan oleh al-Imam Ahmad dan at-Tirmizi dari hadith Abu Mu'awiyah dari al-A'masy dan oleh al-Hakim dalam kitab Mustadraknya dan katanya: Hadith ini mempunyai isnad yang betul tetapi ia tidak dikeluarkan oleh kedua-duanya).

Maksud "الإثخان" dalam ayat itu ialah mengganyang musuh habis-habisan hingga kekuatan kaum Musyrikin lumpuh dan kekuatan kaum Muslimin kuat. Inilah tindakan yang seharusnya dilakukan oleh angkatan perang kaum Muslimin sebelum Nabi dan pejuang-pejuang Muslimin mengambil keputusan menerima orang-orang tawanan dan membebaskan mereka dengan bayaran tebusan sebagaimana yang telah berlaku di dalam Peperangan Badar, dan langkah yang telah diambil oleh pejuang-pejuang Muslimin telah dikritikkan oleh Allah.

Peperangan Badar merupakan peperangan pertama yang berlaku di antara kaum Muslimin dengan kaum Musyrikin, ketika itu bilangan kaum Muslimin masih sedikit, sedangkan bilangan kaum Musyrikin ramai. Apabila bilangan pejuang-pejuang Musyrikin ini dapat dikurangkan, maka ia merupakan salah satu dari faktor-faktor yang boleh melemahkan kekuatan mereka dan menjatuhkan keangkuhan mereka dan ia akan membuat mereka tidak berupaya untuk mengulangi serangan ke atas kaum Muslimin. Ini adalah suatu matlamat yang amat besar yang tidak dapat disamakan dengan faedah menerima bayaran tebusan dari para tawanan biarpun keadaan mereka miskin.

Di samping itu di sana ada lagi satu tujuan yang lain yang mahu disematkan di dalam hati, iaitu satu tujuan besar yang telah diungkapkan oleh 'Umar Ibn al-Khattab r.a. dengan kata-kata yang tegas dan jelas: "Agar Allah tahu bahawa hati kami tidak mengenal kasihan belas terhadap kaum Musyrikin."

Kerana dua sebab yang jelas inilah kami kira - Wallahu A'lam - Allah S.W.T. tidak menyukai pejuang-pejuang Muslimin menerima tawanan-tawanan pada hari Peperangan Badar dan dikenakan ke atas mereka bayaran tebusan. Oleh kerana suasana yang berlaku, yang dihadapi oleh nas ini dan ia akan terus menghadapinya setiap kali berulangnya, suasana itu Allah Ta'ala berfirman:

مَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَن يَكُونَ لَهُۥٓ أَسْرَىٰ حَتَّىٰ يُثْخِنَ فِى ٱلْأَرْضِ

"Tidaklah wajar bagi seorang Nabi mempunyai tawanan-tawanan perang sehingga ia mengganyang musuh habis-habisan di bumi."(67)

Oleh sebab itulah ayat Al-Qur'an yang berikut menyindir kaum Muslimin yang menerima bayaran tebusan dari tawanan-tawanan peperangan yang pertama itu:

تُرِيدُونَ عَرَضَ ٱلدُّنْيَا

"Kamu mengingini harta kekayaan dunia."(67)

Maksudnya, oleh kerana itulah kamu mengambil mereka sebagai-tawanan-tawanan dan bukannya membunuh mereka habis-habisan dan kamu menerima bayaran tebusan dari mereka dan membebaskan mereka.

وَٱللَّهُ يُرِيدُ ٱلْـَٔاخِرَةَ

"Sedangkan Allah hendak memberi ganjaran Akhirat (kepada kamu)."(67)

Maksudnya, kaum Muslimin seharusnya mengingini sesuatu yang diingini oleh Allah kerana ia lebih baik dan lebih kekal, sedangkan keinginan kepada ganjaran Akhirat itu memerlukan pengosongan hati dari kemahuan mengingini kekayaan dan kesenangan dunia.

"Dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(67)

Maksudnya, Allah berkuasa memberi kemenangan kepada kamu dan membuat kamu mampu mendapatkan kemenangan itu untuk merealisasikan tujuan yang dikehendakinya, iaitu membinasakan seluruh orang-orang kafir.

لِيُحِقَّ ٱلْحَقَّ وَيُبْطِلَ ٱلْبَٰطِلَ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٨﴾

"Kerana Allah hendak menegakkan yang benar dan menghapuskan yang batil walaupun tidak disukai oleh orang-orang yang melakukan dosa."(8)

لَّوْلَا كِتَٰبٌ مِّنَ ٱللَّهِ سَبَقَ لَمَسَّكُمْ فِيمَآ أَخَذْتُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٦٨﴾

"Sekiranya tidak kerana adanya keputusan yang telah lalu dari Allah nescaya kamu telah ditimpa 'azab yang besar."(68)

Maksudnya, Allah telah pun membuat keputusan mengampunkan segala kesalahan yang telah dilakukan oleh para pejuang Badar dan keputusan inilah yang telah menyelamatkan mereka dari 'azab besar yang wajar ditimpakan ke atas mereka kerana tindakan mereka menerima bayaran tebusan dari para tawanan Peperangan Badar.

Kemudian (dalam ayat yang berikut) Allah menambahkan anugerah dan limpah kurnianya kepada mereka dengan menjadikan harta rampasan perang itu sebagai harta yang halal bagi mereka, dan termasuk dalam harta rampasan itu ialah bayaran tebusan tawanan yang menjadi sebab mereka dicela

di dalam ayat ini. Sebelum ini harta rampasan itu diharamkan di dalam agama-agama yang terdahulu kepada pengikut-pengikut para rasul, dan dalam waktu yang sama mereka diperingatkan supaya bertaqwa kepada Allah, juga diperingatkan supaya mereka mengingati limpah rahmat dan keampunan-Nya kepada mereka untuk mengimbangkan perasaan mereka terhadap Allah agar mereka tidak terperdaya dengan keampunan dan rahmat Allah hingga terlupa bertaqwa, menjauhi diri dari dosa dan sentiasa takut kepada-Nya:

فَكُلُوا۟ مِمَّا غَنِمْتُمْ حَلَٰلًا طَيِّبًا ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٩﴾

"Oleh sebab itu makanlah sebahagian dari harta tebusan tawanan itu sebagai makanan yang halal dan baik. Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(69)

Kemudian ayat yang berikut menyentuh hati para tawanan perang itu untuk menghidupkan harapan dan mencetuskan cita-cita di dalam jiwa mereka, atau untuk menimbulkan cahaya harapan dan cita-cita untuk mendapat masa depan yang lebih baik dari masa silam, dan untuk mengecapi kehidupan yang lebih mulia dari kehidupan yang telah lepas serta mendapat keuntungan yang lebih besar dari segala kerugian harta benda dan kampung halaman yang telah dialami mereka, dan selepas itu untuk mendapat pula keampunan dan rahmat dari Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ قُل لِّمَن فِىٓ أَيْدِيكُم مِّنَ ٱلْأَسْرَىٰٓ إِن يَعْلَمِ ٱللَّهُ فِى قُلُوبِكُمْ خَيْرًا يُؤْتِكُمْ خَيْرًا مِّمَّآ أُخِذَ مِنكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٧٠﴾

"Wahai Nabi! Katakanlah kepada para tawanan yang ada di dalam tangan kamu: Jika Allah mengetahui ada sesuatu kebaikan (keimanan) di dalam hati kamu nescaya Dia mengurniakan kepada kamu balasan yang lebih, baik dari wang tebusan yang telah diambil dari kamu dan memberi keampunan kepada kamu. Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."(70)

Seluruh kebajikan ini bergantung kepada kebaikan hati mereka hingga terbuka pintunya kepada pancaran nurul-iman dan ketika itulah Allah mengetahui bahawa di dalam hatinya ada kebaikan. Dan yang dimaksudkan dengan kebaikan ialah keimanan walaupun dalam bentuk keimanan yang memerlukan kepada peringatan dan perangsangan. Kebaikan itu ialah kebaikan yang tulen, iaitu sesuatu itu tidak dinamakan kebaikan kecuali ia diambil dari kebaikan, dan tercetus dari kebaikan serta ditegakkan di atasnya.

Tujuan Islam menahan orang-orang tawanan ialah untuk mencari tempat-tempat persembunyian kebajikan, harapan dan kebaikan di dalam hati mereka dan untuk menggerakkan alat-alat penerima dan menyambut hidayat di dalam fitrah mereka bukannya untuk menghinakan mereka sebagai membalas dendam dan bukan pula untuk mengeksploitasikan sebagaimana yang biasa dilakukan oleh penaklukan tentera-tentera Roman dan penaklukan kaum-kaum dan bangsa-bangsa yang lain.

Menurut riwayat az-Zuhri dari sekumpulan perawi-perawi yang disebut nama-nama mereka katanya: Kaum Quraysy telah menghantar utusan-utusan untuk menebus tawanan-tawanan dari anak buah mereka. Oleh itu setiap kaum menebus tawanan masing-masing dengan bayaran yang dipersetujukan di antara mereka. Al-'Abbas (bapa saudara Nabi s.a.w. yang turut tertawan) telah merayu kepada Rasulullah: "Wahai Rasulullah, sebenarnya pak cik telah pun menganut Islam". Jawab Rasulullah s.a.w.: "Allah lebih mengetahui tentang keislaman pak cik. Jika pak cik benar telah menganut Islam sebagaimana yang didakwa oleh pak cik, maka Allah akan memberi ganjaran kepada pak cik, tetapi tugas kami ialah menghukumkan keadaan zahir pak cik. Oleh sebab itu pak cik pasti menebus diri pak cik dan dua orang anak saudara pak cik, iaitu Naufal Ibn al-Harith ibn Abdul Muttalib dan 'Uqayl ibn Abu Talib ibn Abdul Muttalib. Pak cik juga pasti menebuskan sekutu pak cik 'Utbah ibn 'Amr saudara Bani al-Harith Ibn Fihr". Kata al-'Abbas. Pak cik tidak mempunyai wang sebanyak itu, wahai Rasulullah!, Jawab beliau, "Di mana wang yang pak cik tanam bersama makcik Ummul-Fadhl dan pak cik telah berpesan kepadanya: Jika aku mendapat kemalangan dalam perjalananku ini, maka serahkan wang ini kepada anak-anakku, al-Fadhl, Abdullah dan Qasyim?" Ujar al-'Abbas: "Wahai Rasulullah, demi Allah, pak cik yakin anda adalah Rasulullah kerana perkara ini adalah suatu rahsia yang tiada sesiapa pun mengetahuinya selain dari pak cik dan makcik Ummul-Fadhl. Oleh itu, wahai Rasulullah, masukkanlah dalam kira-kira pak cik dua puluh auns wang emas yang telah kamu ambil dari pak cik dari wang yang ada bersama pak cik". Jawab Rasulullah s.a.w., "Tidak boleh, kerana wang itu adalah wang yang dikurniakan Allah kepada kami dari harta pak cik". Lalu al-'Abbas pun menebuskan dirinya dan dua orang anak saudaranya serta sekutunya. Kemudian Allah menurunkan ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ قُل لِّمَن فِىٓ أَيْدِيكُم مِّنَ ٱلْأَسْرَىٰٓ إِن يَعْلَمِ ٱللَّهُ فِى قُلُوبِكُمْ خَيْرًا يُؤْتِكُمْ خَيْرًا مِّمَّآ أُخِذَ مِنكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٧٠﴾

"Wahai Nabi katakanlah kepada para tawanan yang ada di dalam tangan kamu: Jika Allah mengetahui ada sesuatu kebaikan (keimanan) di dalam hati kamu nescaya Dia mengurniakan kepada kamu balasan yang lebih baik dari wang tebusan yang telah diambil dari kamu dan memberi

keampunan kepada kamu. Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."(70)

Ujar al-'Abbas: "Allah telah mengurniakan kepada aku semasa dalam Islam - sebagai ganti dari dua puluh auns wang emas itu tadi - sebanyak dua puluh orang hamba yang menjalankan perniagaan dengan hartaku di samping harapan menunggu keampunan dari Allah 'Azzawajalla".

Semasa Allah membuka jendela harapan yang gemilang dan penuh kasihan belas di dalam hati para tawanan, maka dalam masa yang sama juga Allah memperingati mereka supaya jangan melakukan sebarang tindakan khianat terhadap Rasulullah s.a.w. sebagaimana yang pernah dilakukan mereka sebelum ini hingga menyebabkan mereka menerima nasib kesudahan yang buruk ini:

وَإِن يُرِيدُوا۟ خِيَانَتَكَ فَقَدْ خَانُوا۟ ٱللَّهَ مِن قَبْلُ فَأَمْكَنَ مِنْهُمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

"Dan jika mereka (para tawanan) mahu mengkhianati engkau, (maka itu tidaklah menghairankan) kerana mereka pernah mengkhianati Allah sebelum ini lalu Allah jadikan mereka kalah kepadamu. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(71)

Maksudnya, mereka telah mengkhianati Allah dengan mempersekutukan-Nya dan tidak mengkhususkan Rububiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, Allah telah mengikat perjanjian dengan fitrah mereka, tetapi mereka telah mengkhianati perjanjian itu. Oleh sebab itu apabila mereka mahu melakukan pengkhianatan terhadap Rasulullah s.a.w. semasa mereka menjadi tawanan-tawanan di bawah kuasa beliau, maka hendaklah mereka ingat kepada akibat pengkhianatan mereka yang pertama yang telah menjatuhkan mereka menjadi orang-orang tawanan di bawah kuasa Rasulullah dan para sahabatnya yang setia, dan hendaklah mereka ingat bahawa Allah "Maha Mengetahui" rahsia-rahsia hati mereka dan "Maha Bijaksana" dalam mengenakan balasan terhadap mereka:

"Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(71)

Ujar al-Qurtubi di dalam tafsirnya: Kata Ibn al-'Arabi: Apabila sebahagian kaum Musyrikin ditawan oleh kaum Muslimin, maka segolongan dari mereka bercakap-cakap mengenai agama Islam tanpa membuat apa-apa keputusan yang tetap dan tanpa mengakuinya dengan pengakuan yang tegas. Nampaknya tujuan mereka berbuat demikian ialah untuk mendekatkan diri mereka kepada orang-orang Islam, tetapi tidak mahu menjauhi diri dari kaum Musyrikin. Mengikut pendapat para ulama' kami, jika seorang kafir memperkatakan tentang iman di dalam hatinya atau memperkatakannya dengan lidahnya sahaja tanpa membuat keputusan yang tegas, maka ia tidak boleh dianggap sebagai seorang yang beriman, dan jika perkataan-perkataan yang seperti ini terbit dari seorang Mu'min, maka ia menjadi kafir kecuali perkataan-perkataan itu termasuk dalam was-was yang tidak dapat ditolak olehnya, kerana Allah memaafkan was-was dan menggugurkannya. Di dalam ayat ini Allah telah menjelaskan hakikat yang sebenar kepada Rasulullah s.a.w. dengan firman:

وَإِن يُرِيدُوا۟ خِيَانَتَكَ

"Dan jika mereka (para tawanan) mahu mengkhianati engkau"(71)

maksudnya, jika perkataan ini terbit dari mereka dengan tujuan khianat dan tipu muslihat dari mereka, (maka ini tidak menghairankan) kerana:

فَقَدْ خَانُوا۟ ٱللَّهَ مِن قَبْلُ

"Kerana mereka pernah mengkhianati Allah sebelum ini"(71)

dengan perbuatan mereka yang kafir, dengan tipu daya mereka yang jahat dan dengan tindakan mereka memerangi engkau. Sebaliknya jika perkataan ini terbit dari mereka dengan niat yang baik hendak beriman yang diketahui Allah, maka ia akan diterima Allah dan akan memberi pampasan yang lebih baik dari apa yang telah terlepas dari mereka dan akan mengampunkan segala perbuatan kufur, segala pengkhianatan dan segala tipu daya mereka yang telah silam.

(Pentafsiran ayat-ayat 72 - 75)

Asas Dan Tabi'at Hubungan Masyarakat Islam

Pada akhirnya pelajaran ini, juga surah ini, ditamatkan dengan huraian mengenai tatacara perhubungan di dalam masyarakat Islam dan tatacara perhubungan di antara masyarakat Islam dengan masyarakat-masyarakat yang lain dan penjelasan mengenai hukum-hukum yang mengaturkan kedua-dua bentuk perhubungan itu. Dan dari huraian ini dapatlah difaham tentang tabi'at masyarakat Islam itu sendiri dan tentang dasar yang menjadi titik tolaknya dan tapak landasannya. Tabi'at hubungan masyarakat Islam bukannya hubungan darah, bukan pula hubungan negeri, bukannya hubungan bangsa dan bukan pula hubungan sejarah, bukannya hubungan bahasa dan bukan pula hubungan ekonomi, bukannya hubungan kerabat dan bukan pula hubungan kewatanan, bukannya hubungan kebangsaan dan bukan pula hubungan kepentingan-kepentingan ekonomi, malah ia adalah hubungan 'aqidah, hubungan kepimpinan, hubungan organisasi pergerakan. Oleh sebab itu orang-orang yang beriman dan berhijrah ke Madinah negara hijrah dan Islam bersih dari segala hubungan yang mengikat mereka dengan negeri, kampung halaman, kaum dan kepentingan-kepentingan mereka. Mereka berjuang dengan jiwa raga dan harta benda mereka untuk Sabilullah. Begitu juga penduduk-penduduk Madinah yang memberi tempat kediaman kepada Muhajirin dan memberi bantuan kepada mereka dan turut mematuhi bersama para Muhajirin kepada 'aqidah dan kepimpinan mereka dalam satu organisasi

pergerakan yang sama, di mana mereka saling membantu satu sama lain. Adapun para Mu'minin yang belum berhijrah, mereka tidak mendapat perlindungan dari masyarakat Islam, kerana mereka belum lagi memberi tumpuan sepenuhnya kepada 'aqidah Islam dan belum lagi tunduk kepada kepimpinan Islam, juga belum lagi menjunjung taklimat-taklimat organisasi pergerakan yang tunggal, sedangkan di dalam organisasi pergerakan yang tunggal ini, hubungan darah dianggap lebih penting dalam urusan warisan dan lainnya. Dan orang-orang yang kafir juga mempunyai hubungan setiakawan dan saling membantu di antara satu sama lain. Inilah garis-garis pokok perhubungan-perhubungan dan pertalian-pertalian yang digambarkan oleh ayat-ayat yang tegas ini:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَهَاجَرُواْ وَجَٰهَدُواْ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلَّذِينَ ءَاوَواْ وَّنَصَرُوٓاْ أُوْلَٰٓئِكَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍۚ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَلَمْ يُهَاجِرُواْ مَا لَكُم مِّن وَلَٰيَتِهِم مِّن شَيْءٍ حَتَّىٰ يُهَاجِرُواْۚ وَإِنِ ٱسْتَنصَرُوكُمْ فِي ٱلدِّينِ فَعَلَيْكُمُ ٱلنَّصْرُ إِلَّا عَلَىٰ قَوْمِۭ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُم مِّيثَٰقٌۗ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٧٢﴾

وَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍۚ إِلَّا تَفْعَلُوهُ تَكُن فِتْنَةٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَفَسَادٌ كَبِيرٌ ﴿٧٣﴾

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَهَاجَرُواْ وَجَٰهَدُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلَّذِينَ ءَاوَواْ وَّنَصَرُوٓاْ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُؤْمِنُونَ حَقًّاۚ لَّهُم مَّغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٧٤﴾

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مِنۢ بَعْدُ وَهَاجَرُواْ وَجَٰهَدُواْ مَعَكُمْ فَأُوْلَٰٓئِكَ مِنكُمْۚ وَأُوْلُواْ ٱلْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ فِي كِتَٰبِ ٱللَّهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٧٥﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta dan jiwaraga mereka kerana Sabilullah (kaum Muhajirin), dan orang-orang yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kaum Ansar), mereka adalah pelindung-pelindung terhadap satu sama lain. Adapun orang-orang yang beriman, tetapi mereka belum berhijrah, maka kamu tidak sedikit pun bertanggungjawab melindungi mereka sehingga mereka berhijrah. Dan jika mereka meminta pertolongan kamu kerana agama, maka wajiblah di atas kamu memberi pertolongan kepada mereka kecuali pertolongan untuk melawan kaum yang ada perjanjian di antara kamu dengan mereka. Dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu(72). Dan orang-orang yang kafir adalah pelindung-pelindung terhadap satu sama lain dan jika kamu tidak melaksanakan dasar tolong-menolong di antara sesama kamu nescaya berlakulah huru-hara dan kerosakan yang besar di muka bumi(73). Dan orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad Fi Sabilillah dan orang-orang yang memberi tempat kediaman dan pertolongan merekalah orang-orang beriman yang sebenar. Mereka memperolehi keampunan dan rezeki yang mulia(74). Dan orang-orang yang beriman selepas itu dan berhijrah serta berjihad bersama kamu, maka mereka termasuk dalam golongan kamu (juga). Dan mereka yang mempunyai hubungan rahim lebih utama saling membantu di antara satu sama lain (mengikut hukum) di dalam kitab Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(75)

Hubungan Setiakawan Di Antara Kaum Muslimin

Hubungan perlindungan dan setiakawan di antara kaum Muslimin dalam masa pertumbuhan masyarakat Islam hingga kepada hari Peperangan Badar ialah hubungan perlindungan dan setiakawan saling mewarisi dan saling bertakaful dalam urusan diat, juga hubungan saling membantu dan setiakawan persaudaraan yang menggantikan perhubungan-perhubungan darah, keturunan dan kekerabatan sehingga apabila wujudnya kerajaan Islam yang mendapat kedudukan yang teguh pada Hari Furqan yang memisahkan di antara yang benar dan yang batil di dalam Peperangan Badar, maka yang kekal ialah hubungan setiakawan dan saling membantu, sedangkan hubungan dalam warisan dan takaful dalam urusan diat telah dipulangkan Allah kepada hubungan kerabat darah di dalam masyarakat Islam. Maksud hijrah yang disebut dalam ayat ini yang dijadikan syarat perlindungan dan setiakawan yang umum dan khusus ialah hijrah dari negara syirik kepada negara Islam bagi mereka yang berkuasa melakukan perpindahan itu. Adapun orang-orang yang mampu berhijrah tetapi tidak berhijrah kerana memelihara kepentingan-kepentingan atau hubungan-hubungan kerabat dengan kaum Musyrikin, maka tiada hubungan perlindungan dan setiakawan di antara mereka dengan masyarakat Islam, iaitu sama dengan keadaan kumpulan-kumpulan Arab Badwi yang masuk Islam, tetapi tidak ikut berhijrah kerana memelihara kepentingan-kepentingan dan hubungan-hubungan tersebut, juga sama dengan keadaan setengah-setengah penduduk Makkah yang mampu berhijrah. Kepada orang-orang yang seperti ini, Islam telah mewajibkan ke atas para Muslimin supaya membantu mereka jika mereka memohon bantuan kerana agama khususnya, dengan syarat pencerobohan yang dilakukan ke atas mereka bukan dari pihak yang telah memeterai perjanjian dengan masyarakat Islam, kerana perjanjian-perjanjian masyarakat Islam dan langkah-langkah pergerakannya lebih penting dijaga dan dipelihara.

Pada hemat kami, nas-nas dan hukum-hukum ini memberi pengertian yang jelas tentang tabi'at masyarakat Islam dan perhitungan-perhitungannya yang asasi dalam struktur organisasi-organisasi dan nilai-nilainya yang pokok, tetapi pengertian ini tidak dapat melahirkan kejelasan yang sempurna kecuali dengan mengemukakan penjelasan sejarah pertumbuhan masyarakat Islam yang bersejarah ini dan prinsip-prinsip asasi yang melahirkan masyarakat ini dan menjadi tapak asasnya, juga penjelasan mengenai methodologi pergerakan masyarakat ini dan komitmen-komitmennya.

Matlamat Da'wah Islamiyah Di Sepanjang Zaman Munculnya Kerasulan

Da'wah Islamiyah yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. merupakan babak terakhir dari siri-siri da'wah Islamiyah yang panjang yang dipimpin oleh angkatan para rasul yang mulia. Da'wah Islamiyah di sepanjang sejarah manusia adalah menjurus ke arah satu matlamat sahaja iaitu memperkenalkan Tuhan yang sebenar kepada manusia dan mengajak manusia menyembah Tuhan mereka Yang Maha Esa sahaja dan menolakkan ketuhanan makhluk. Sebenarnya manusia - kecuali individu-individu yang kecil dalam masa-masa yang pendek - tidak pernah mengingkarkan prinsip Uluhiyah dan menolak kewujudan Allah secara total, malah mereka hanya tersilap dalam memahami hakikat Tuhan mereka yang sebenar atau mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan yang lain sama ada dalam bentuk i'tiqad dan ibadat atau dalam bentuk Hakimiyah dan ikutan, yang mana kedua-duanya merupakan perbuatan syirik yang mengeluarkan manusia dari agama Allah yang dikenali mereka dalam ajaran setiap rasul, kemudian mereka mengingkarkannya setelah dilalui masa yang panjang dan pulang semula kepada jahiliyah setelah mereka diselamatkan darinya dan kembali balik mempersekutui Allah sekali lagi sama ada dari segi i'tiqad dan ibadat atau dari segi ikutan dan Hakimiyah atau dari segala seginya.

Inilah tabi'at da'wah kepada Allah di sepanjang sejarah manusia. Ia bermatlamatkan "Islam" iaitu penyerahan diri manusia kepada Allah yang menciptakannya dan mengeluarkan mereka dari amalan menyembah sesama makhluk kepada menyembah Allah Yang Maha Esa, juga mengeluarkan mereka dari kuasa manusia, dari Hakimiyah mereka dan undang-undang mereka, dari nilai-nilai dan tradisi-tradisi mereka kepada kuasa Allah, kepada Hakimiyah Allah dan undang-undang-Nya sahaja dalam segala urusan kehidupan. Untuk inilah datangnya Islam di tangan Muhammad s.a.w. persis seperti datangnya Islam di tangan para Anbia' yang mulia yang lain. Ia datang untuk mengembalikan manusia kepada Hakimiyah Allah sebagaimana kembalinya seluruh alam buana yang memuatkan umat manusia, oleh sebab itu kuasa yang mentadbirkan kehidupan mereka pastilah kuasa yang sama yang mengaturkan kewujudan mereka. Mereka tidak seharusnya memisahkan diri mereka mengikut sistem hidup, kuasa dan pentadbiran yang lain dari sistem hidup, kuasa dan pentadbiran yang mengendalikan seluruh alam buana, malah mengendalikan kewujudan diri mereka selain dari aspek iradi (kehendak sendiri) dari kehidupan mereka. Manusia diperintah dan dikendalikan dengan undang-undang fitriyah dari ciptaan Allah berhubung dengan kejadian, pertumbuhan dan kesuburan mereka, juga berhubung dengan kesihatan, kesakitan, hidup dan mati mereka. Begitu juga mereka diperintah dan dikendalikan dengan undang-undang yang sama berhubung dengan kehidupan sosial mereka, juga berhubung dengan akibat-akibat yang menimpa mereka sebagai hasil dari pergerakan-pergerakan kehendak sendiri. Mereka tidak berdaya mengubahkan Sunnatullah yang menguasai mereka dalam seluruh perkara ini sebagaimana mereka tidak berkuasa mengubahkan Sunnatullah yang menguasai undang-undang alam buana yang mengendalikan alam buana dan peranannya, oleh sebab itulah mereka seharusnya kembali kepada Islam dalam aspek iradi kehidupan mereka dengan menjadikan syari'at Allah sebagai pemerintah dalam segala urusan kehidupan untuk menyelaraskan di antara aspek iradi dalam kehidupan mereka dengan aspek fitri, juga untuk menyelaraskan di antara seluruh kewujudan mereka yang merangkumi dua aspek ini dengan kewujudan alam buana.[12]

Jahiliyah Dan Asas-asasnya

Tetapi jahiliyah yang berlandaskan kuasa Hakimiyah manusia yang memerintah manusia dan menyebabkannya terpisah dari kewujudan alam buana dan bertentangan di antara aspek iradi kehidupan manusia dengan aspek fitri mereka inilah jahiliyah yang dihadapi oleh setiap rasul dengan da'wah mereka agar manusia menyerahkan diri mereka kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, dan inilah jahiliyah yang dihadapi oleh Rasulullah s.a.w. dengan da'wahnya, dan jahiliyah ini tidak dijelmakan dalam bentuk teori semata-mata, malah kadang-kadang secara umumnya ia tidak mempunyai apa-apa teori, malah ia selama-lamanya dijelmakan di dalam bentuk kelompok yang bergerak atau dijelmakan dalam bentuk sebuah masyarakat yang tunduk kepada kepimpinan masyarakat ini di samping tunduk kepada kefahaman-kefahamannya, nilai-nilai dan konsep-konsepnya, perasaan-perasaan, tradisi-tradisi dan adat-adat resamnya. Ia merupakan sebuah masyarakat organik (yang hidup), di mana antara individu-individunya terdapat hubungan berinteraksi, saling berintegrasi, saling berharmoni, saling bersetiakawan, saling bantu-membantu secara organik yang membolehkan masyarakat ini bergerak -

---

[12] *Lihat huraian yang lebih tuas dalam buku: " مباديء الإسلام" oleh Abul-A'la al-Maududi, AmirJama'ah Islamiyah, Pakistan, juga lihat huraian bab: "شريعة حكومية " dalam buku: "معالم في الطريق".*

dengan iradat yang sedar atau tidak sedar - untuk memelihara kewujudannya dan mempertahankan entitinya di samping menghapuskan segala unsur bahaya yang mengancam kewujudan dan entitinya walau dalam apa bentuk ancaman sekalipun.

Oleh sebab jahiliyah tidak dijelmakan dalam bentuk teori semata-mata, tetapi dijelmakan dalam bentuk kelompok yang bergerak seperti ini, maka usaha untuk menghapuskan jahiliyah dan mengembalikan manusia kepada Allah tidak harus, malah tidak berguna sedikit pun dijelmakan dalam bentuk teori semata-mata, kerana usaha yang sedemikian tidak setanding dengan kekuatan jahiliyah yang ditegak dan dijelmakan dalam bentuk pergerakan yang organik, apatah lagi untuk mengatasinya sebagaimana yang dikehendaki dalam usaha menghapuskan jahiliyah yang wujud dalam realiti dan menggantikannya dengan kelompok yang lain yang pada pokoknya bertentangan dengannya dari segi tabi'at, sistem, kuliyah dan juziyahnya. Malah usaha yang baru ini pastilah dijelmakan dalam bentuk kelompok organik yang bergerak, yang lebih kuat dari segi asas-asas teori dan organisasinya, juga lebih kuat dari segi perhubungan-perhubungan dan pertalian-pertaliannya dari apa yang ada pada kelompok jahiliyah yang wujud itu.

Asas Teori 'Aqidah Islamiyah

Asas teori yang melandasi Islam - di sepanjang sejarah manusia - ialah asas syahadat La ilaha Ilallah, iaitu mengifrad-kan sifat-sifat Uluhiyah, Rububiyah, Qiwamah, kuasa dan Hakimiyah kepada Allah sahaja iaitu mengkhususkan sifat-sifat ini kepada Allah sahaja dalam bentuk i'tiqad di dalam hati, dalam bentuk ibadat dalam syi'ar-syi'ar agama dan dalam bentuk mematuhi syari'at di dalam realiti kehidupan. Oleh sebab itu pengakuan La ilaha Ilallah tidak wujud dengan sebenar dan tidak dianggap wujud dan segi syarak kecuali dalam bentuk yang sepadu ini, yang memberikannya kewujudan yang haqiqi, yang menentukan orang yang melafazkannya sebagai seorang Muslim atau tidak Muslim.

Tujuan ditegakkan asas ini dari segi teori ialah untuk mengembalikan seluruh hidup manusia kepada Allah, iaitu seluruh urusan dan seluruh aspek hidup mereka tidak diputuskan mengikut pertimbangan diri mereka, malah pastilah mereka rujukkannya kepada hukum Allah yang berhubung dengannya untuk diikuti dan dipatuhi mereka. Di samping itu mereka wajib mengetahui hukum-hukum Allah itu dari satu-satunya sumber yang menyampaikannya iaitu dari Rasulullah yang dinyatakan dalam bahagian syahadat yang kedua dari rukun Islam yang pertama, iaitu syahadat "Muhammad itu pesuruh Allah"(أن محمداً رسول الله).

Inilah asas teori yang melandasi dan menjadi tapak tegak Islam. Ia membentuk satu sistem hidup yang sempurna apabila diterapkan dalam seluruh urusan kehidupan. Dan dengan sistem inilah setiap Muslim menghadapi setiap bidang hidupnya baik yang bersifat individu atau yang bersifat kolektif di dalam dan di luar negara Islam, juga dalam hubungan-hubungannya dengan masyarakat Islam dan dalam hubungan-hubungan masyarakat Islam dengan masyarakat-masyarakat yang bukan Islam. [13]

Tetapi Islam - sebagaimana telah kami tegaskan - tidak mungkin dijelmakan dalam bentuk teori semata-mata yang dianuti penganutnya sebagai i'tiqad dan diamalkannya sebagai ibadat kemudian penganut-penganutnya itu dibiarkan hidup dengan keadaan yang seperti itu seperti individu-individu yang wujud dalam kelompok pergerakan jahiliyah yang tegak dalam realiti, kerana kewujudan mereka dalam bentuk yang sedemikian rupa - walaupun sebesar mana jumlah mereka - tidak membawa kepada "kewujudan Islam yang haqiqi", kerana individu-individu Muslimin, secara teori yang berada di dalam struktur organik masyarakat jahiliyah, akan terus terpaksa menyahut kehendak-kehendak masyarakat jahiliyah dan akan terus bergerak baik secara sukarela mahupun secara terpaksa, baik secara sedar mahupun secara tidak sedar untuk memenuhi kehendak-kehendak keperluan asasi bagi kehidupan masyarakat ini, juga untuk menolak faktor-faktor yang mengancam kewujudannya, kerana setiap kejadian organik melakukan tugas-tugas ini dengan semua anggotanya sama ada anggota ini mahu atau tidak mahu. Ini bererti bahawa individu-individu Muslimin ala teori itu akan terus berusaha menguatkan masyarakat jahiliyah, sedangkan mengikut teorinya mereka harus berusaha untuk menghapuskannya, juga mereka akan terus berfungsi sebagai sel-sel yang hidup untuk membekalkan masyarakat jahiliyah dengan unsur-unsur kekekalan dan kesinambungan dan seterusnya mereka akan menyumbangkan kepada masyarakat itu segala kebolehan, pengalaman dan aktiviti mereka supaya ia dapat hidup dan menjadi kuat bukannya menjuruskan pergerakan-pergerakan mereka ke arah menghancurkan masyarakat jahiliyah dan menegakkan masyarakat Islam.

Oleh sebab itu, adalah menjadi suatu kepastian bahawa asas teori Islam atau 'aqidah Islam dijelmakan dari awal-awal lagi dalam bentuk kelompok organik yang bergerak .... atau satu kelompok organik yang bergerak pastilah dibentukkan iaitu satu kelompok yang berlainan dari kelompok jahiliyah, yang berasingan dan bebas dari kelompok pergerakan organik jahiliyah yang mahu dihapuskan oleh Islam. Di samping itu, yang harus menjadi paksi kelompok yang baru ini ialah kepimpinan baru yang diterajui oleh Rasulullah s.a.w. dan tokoh-tokoh selepasnya dalam setiap kepimpinan Islamiyah yang berjuang untuk mengembalikan manusia kepada Uluhiyah,

---

[13] *Lihat bab "*لا إله إلا الله – منهج حياة*" dalam buku "* معالم في الطريق".

Rububiyah, Qiwamah, Hakimiyah, kuasa dan syari'at Allah sahaja, dan setiap individu yang mengakui syahadat La ilaha Ilallah dan Muhammad pesuruh Allah pastilah mencabut kesetiaannya dari kelompok organik pergerakan jahiliyah itu - dari mana ia datang -, juga mencabut kesetiaannya,dari kepimpinan kelompok itu dalam apa bentuk sekalipun,. sama ada dalam bentuk kepimpinan keagamaan seperti kahin-kahin, penjaga-penjaga kuil, tukang-tukang sihir, tukang-tukang tilik dan sebagainya, atau dalam bentuk kepimpinan politik, sosial dan ekonomi seperti yang dipegang oleh suku Quraysy, dan ia harus menumpukan seluruh kesetiaannya kepada kelompok Islam yang baru dan kepada kepimpinannya sahaja.

Perkara ini pastilah direalisasikan di sa'at-sa'at pertama seorang itu menganut Islam dan sebaik sahaja ia melafazkan syahadat La illaha Ilallah dan Muhammad pesuruh Allah, kerana kewujudan masyarakat Islam tidak mungkin direalisasikan melainkan dengan cara ini. Ia tidak mungkin direalisasikan dengan semata-mata menegakkan asas teori atau 'aqidah di dalam hati individu-individu walaupun seramai mana bilangan mereka, kerana mereka tidak berpadu dalam satu kelompok organik, harmoni dan saling bekerjasama serta mempunyai kewujudan yang tersendiri, di mana anggotanya melakukan kerja yang organik - seperti anggota-anggota makhluk yang hidup - untuk menegakkan kewujudannya serta memperdalam dan memperluaskannya, juga untuk mempertahankan kewujudannya dari segala faktor yang mengancam kewujudannya. Untuk maksud ini mereka harus bekerja di bawah satu kepimpinan yang bebas dari kepimpinan masyarakat jahiliyah, yang mengatur dan menyelaraskan pergerakan mereka, serta menjuruskannya ke arah meneguh, memperdalam dan memperluaskan kewujudan Islamiyah mereka, juga ke arah menghapuskan kewujudan jahiliyah.

Demikianlah cara Islam diwujudkan di alam ini. Ia diwujudkan di atas satu asas teori atau 'aqidah yang ringkas tetapi syumul dan dalam waktu yang sama di atas asas inilah ditegakkan satu kelompok organik yang bergerak, berdiri sendiri dan berasingan dari masyarakat jahiliyah serta menentang masyarakat itu. Islam tidak pernah diwujudkan dalam bentuk teori semata-mata tanpa kewujudan di alam realiti. Dan beginilah caranya untuk melahirkan kewujudan Islam sekali lagi. Dan tiada jalan yang lain untuk mengulangi kelahiran Islam di dalam naungan masyarakat jahiliyah di mana-mana zaman dan tempat sekalipun tanpa memahami tabi'at perkembangannya yang organik dan bergerak.

Apabila kita memahami tabi'at perkembangan ini dan rahsia-rahsia semulajadinya di samping memahami tabi'at agama ini dan tabi'at cara pergerakannya - sebagaimana telah kami ulaskan dalam kata pengantar Surah al-Anfal di dalam juzu' yang kesembilan dapatlah kita memahami maksud-maksud dari, ayat-ayat dan hukum-hukum yang kita bicarakan di akhir surah ini mengenai penyusunan masyarakat Islam dan penyusunan perhubungan-perhubungannya dengan kelompok para Mu'minin, Muhajirin dan Mujahidin - dengan segala kelas mereka - dan kelompok para Mu'minin Ansar yang memberi tempat perlindungan dan pertolongan (kepada Muhajirin) dan perhubungan-perhubungan masyarakat Islam dengan para Mu'minin yang tidak berhijrah dan perhubungan-perhubunganya dengan orang-orang kafir. Semuanya dilandaskan di atas kefahaman terhadap tabi'at pertumbuhan masyarakat Islam yang organik dan bergerak.

Kini dapatlah kita hadapi ayat-ayat yang berikut dan hukum-hukum yang dibicarakannya:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَهَاجَرُواْ وَجَٰهَدُواْ بِأَمۡوَٰلِهِمۡ وَأَنفُسِهِمۡ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلَّذِينَ ءَاوَواْ وَّنَصَرُوٓاْ أُوْلَٰٓئِكَ بَعۡضُهُمۡ أَوۡلِيَآءُ بَعۡضٖۚ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَلَمۡ يُهَاجِرُواْ مَا لَكُم مِّن وَلَٰيَتِهِم مِّن شَيۡءٍ حَتَّىٰ يُهَاجِرُواْۚ وَإِنِ ٱسۡتَنصَرُوكُمۡ فِي ٱلدِّينِ فَعَلَيۡكُمُ ٱلنَّصۡرُ إِلَّا عَلَىٰ قَوۡمِۭ بَيۡنَكُمۡ وَبَيۡنَهُم مِّيثَٰقٞۗ وَٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ بَصِيرٞ ٧٢

وَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بَعۡضُهُمۡ أَوۡلِيَآءُ بَعۡضٍۚ إِلَّا تَفۡعَلُوهُ تَكُن فِتۡنَةٞ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَفَسَادٞ كَبِيرٞ ٧٣

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta dan jiwa raga mereka kerana Sabilullah (kaum Muhajirin), dan orang-orang yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kaum Ansar), mereka adalah pelindung-pelindung terhadap satu sama lain. Adapun orang-orang yang beriman, tetapi mereka belum berhijrah, maka kamu tidak sedikit pun bertanggungjawab melindungi mereka sehingga mereka berhijrah. Dan jika mereka meminta pertolongan kamu kerana agama, maka wajiblah di atas kamu memberi pertolongan kepada mereka kecuali pertolongan untuk melawan kaum yang ada perjanjian di antara kamu dengan mereka. Dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu(72). Dan orang-orang yang kafir adalah pelindung-pelindung terhadap satu sama lain dan jika kamu tidak melaksanakan dasar tolong-menolong di antara sesama kamu nescaya berlakulah huru-hara dan kerosakan yang besar di muka bumi."(73)

Setiap orang yang mengucap اشهد أن لا إله إلا الله وأن محمداً رسول الله di Makkah tercabutlah darinya kesetiaan kepada keluarganya dan kepada kaum kerabatnya yang dekat, kesetiaan kepada sukunya dan kepada kepimpinan jahiliyahnya yang diwakili oleh kaum Quraysy, dan dalam detik yang sama memberi kesetiaannya kepada Muhammad Rasulullah s.a.w. dan kepada kelompok Muslimin yang kecil dan baru yang berdiri di bawah kepimpinan beliau dalam masa

masyarakat jahiliyah bangkit mempertahankan kewujudannya dari ancaman bahaya kelompok Muslimin yang baru yang menentangnya, walaupun sebelum berdepan di medan pertempuran, dan terus berjuang untuk menghancurkan masyarakat yang baru lahir itu.

Di waktu itulah Rasulullah s.a.w. telah menjalinkan hubungan persaudaraan di antara anggota-anggota masyarakat yang baru dengan erti beliau telah mengubahkan individu-individu yang datang dari masyarakat jahiliyah kepada individu-individu sebuah masyarakat yang saling bertakaful, di mana hubungan 'aqidah menggantikan hubungan darah dan keturunan, dan kesetiaan kepada kepimpinannya yang baru menggantikan kesetiaan kepada kepimpinan jahiliyah, malah kesetiaan kepada masyarakat yang baru mengambil alih segala kesetiaan yang terdahulu darinya.

Kelahiran Masyarakat Islam Di Madinah

Setelah Allah membuka negara al-Hijrah di Madinah kepada kaum Muslimin selepas munculnya di sana kelompok Muslimin yang telah mengikat perjanjian dengan kepimpinan Islamiyah, iaitu perjanjian setia yang mutlak, patuh dan ta'at dalam segala keadaan suka dan duka dan perjanjian mempertahankan keselamatan Rasulullah s.a.w. dari segala bahaya sebagaimana mereka mempertahankan harta benda, anak pinak dan kaum perempuan mereka. Dan apabila negara Islam ditegakkan di Madinah di bawah kepimpinan Rasulullah s.a.w., beliau bertindak pula menjalinkan ikatan persaudaraan di antara kaum Muhajirin dan kaum Ansar, iaitu ikatan persaudaraan yang mengambil tempat hubungan darah dan keturunan dengan segala kehendak dan keperluannya termasuk pusaka, bayaran diat dan ganti rugi yang menjadi asas hubungan darah di dalam keluarga dan kaum kerabat yang dekat. Ini terkandung di dalam hukum Allah yang berikut:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلَّذِينَ ءَاوَوا۟ وَّنَصَرُوٓا۟ أُو۟لَٰٓئِكَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta dan jiwaraga mereka kerana Sabilullah (kaum Muhajirin), dan orang-orang yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kaum Ansar), mereka adalah pelindung-pelindung terhadap satu sama lain."(72)

Maksudnya, mereka menjadi para pelindung atau para wali dalam harta pusaka, para wali dalam urusan bayaran diat, ganti rugi dan segala komitmen dan hubungan yang lain yang terbit dari hubungan darah dan keturunan.

Komitmen Masyarakat Islam Kepada Muslimin Yang Belum Berhijrah

Kemudian muncul pula individu-individu yang lain yang menganut Islam, tetapi mereka belum lagi bergabung di dalam masyarakat Islam, iaitu mereka belum, lagi berhijrah ke negara Islam yang diperintah oleh syari'at Allah dan urusan pemerintahanNya ditadbirkan oleh kepimpinan Islam. Mereka belum lagi bergabung dalam masyarakat Islam yang telah mempunyai sebuah negara yang melaksanakan syari'at Allah, sebuah negara yang berjaya merealisasikan kewujudannya yang sempurna setelah direalisasikan kewujudannya yang relatif di Makkah. Ia berjaya merealisasikan kewujudannya yang sempurna melalui kesetiaan kepada kepimpinan yang baru dan kepada kelompok organik yang bergerak, bebas dan terasing dari masyarakat jahiliyah, malah ia menentang masyarakat jahiliyah dengan sifat-sifat kewujudannya yang sedemikian rupa.

Individu-individu yang seperti itu muncul di Makkah atau di dalam kalangan orang Badwi yang berada di sekitar negeri Madinah. Mereka memeluk Islam, tetapi mereka belum lagi bergabung di dalam masyarakat Islam yang ditegakkan di atas 'aqidah Islam, dan mereka belum lagi memberi kesetiaan mereka yang sempurna kepada kepimpinan Islam.

Orang-orang yang seperti ini belum dianggap sebagai anggota-anggota di dalam masyarakat Islam dan Allah tidak memberikan hak perlindungan - dengan segala macamnya - kepada mereka selama mereka bersama masyarakat ini, kerana mereka sebenarnya bukan dari masyarakat Islam. Dan mengenai individu-individu yang seperti inilah diturunkan hukum yang berikut:

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَلَمْ يُهَاجِرُوا۟ مَا لَكُم مِّن وَلَٰيَتِهِم مِّن شَىْءٍ حَتَّىٰ يُهَاجِرُوا۟ ۚ وَإِنِ ٱسْتَنصَرُوكُمْ فِى ٱلدِّينِ فَعَلَيْكُمُ ٱلنَّصْرُ إِلَّا عَلَىٰ قَوْمٍۭ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُم مِّيثَٰقٌ ۗ

"Adapun orang-orang yang beriman, tetapi mereka belum berhijrah, maka kamu tidak sedikit pun bertanggung-jawab melindungi mereka sehingga mereka berhijrah. Dan jika mereka meminta pertolongan kamu kerana agama, maka wajiblah di atas kamu memberi pertolongan kepada mereka kecuali pertolongan untuk melawan kaum yang ada perjanjian di antara kamu dengan mereka."(72)

Hukum ini merupakan suatu hukum yang logikal yang sesuai dengan tabi'at agama ini dan dengan methodologi pergerakannya yang realistik sebagaimana kami telah jelaskan sebelum ini, kerana individu-individu ini sebenarnya bukan warga-warga di dalam masyarakat Islam. Oleh sebab itu tidak ada tanggungjawab perlindungan di antara mereka

dengannya, walaupun di sana ada hubungan 'aqidah namun begitu hubungan ini sahaja tidak mengakibatkan tanggungjawab-tanggungjawab ke atas masyarakat Islam terhadap mereka kecuali mereka dicerobohi kerana agama mereka, misalnya mereka ditindas kerana agama mereka dan dalam kes ini apabila mereka meminta pertolongan kaum Muslimin yang berada di dalam negara Islam, maka wajiblah mereka menolong mereka dalam perkara ini sahaja, tetapi dengan syarat pertolongan itu tidak merosakkan mana-mana perjanjian kaum Muslimin dengan pihak yang lain walaupun pihak ini menceroboh individu-individu yang beriman itu kerana agama mereka, kerana yang menjadi dasar yang perlu dipelihara di sini ialah kepentingan masyarakat Islam dan rancangan pergerakannya yang melahirkan hubungan-hubungan dan perjanjian-perjanjian yang harus diutamakan lebih dahulu walaupun 'aqidah individu-individu yang beriman itu dicerobohi kerana mereka belum lagi menggabungkan diri mereka di dalam masyarakat Islam yang merupakan kewujudan Yang haqiqi bagi agama Islam.

Ayat ini menyatakan kepada kita sejauh mana kepentingan yang diletakkan oleh agama ini ke atas tatacara pergerakan yang menggambarkan kewujudannya yang haqiqi.

Kemudian hukum ini disimpulkan dengan kata ulasan yang berikut:

وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٧٢﴾

"Dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu."(72)

Maksudnya, segala tindakan kamu berada di bawah penglihatan Allah yang melihat luar dalamnya, muqaddimah dan natijahnya, motif dan kesannya.

Jika masyarakat Islam merupakan satu masyarakat organik yang bergerak, yang saling berharmoni, saling bertakaful, saling membantu dan berpadu di dalam satu kesetiaan, maka begitulah juga masyarakat jahiliyah:

وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ

"Dan orang-orang yang kafir adalah pelindung-pelindung terhadap satu sama lain."(73)

Seluruh Dunia Kacau Bilau Apabila Jahiliyah Berkuasa

Segala-galanya mengikut tabi'at masing-masing sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini. Masyarakat jahiliyah tidak bergerak seperti individu-individu, malah ia bergerak seperti setiap makhluk organik (yang hidup). Segala anggotanya bergerak dan bertindak mengikut tabi'at kewujudannya dan strukturnya masing-masing untuk mempertahankan diri dan kewujudannya. Mereka bertindak selaku pelindung terhadap satu sama lain. Oleh sebab itu Islam tidak dapat menghadapi mereka kecuali dalam bentuk sebuah masyarakat yang lain yang mempunyai ciri-ciri yang sama, tetapi lebih mendalam, lebih kukuh dan lebih kuat dari ciri-ciri masyarakat jahiliyah. Jika Islam tidak menghadapi mereka dalam bentuk sebuah masyarakat, di mana para anggotanya bertindak selaku pelindung terhadap satu sama lain, maka penindasan akan berlaku kepada anggota-anggotanya dari masyarakat jahiliyah kerana mereka tidak mampu menghadapi masyarakat jahiliyah, di mana para anggotanya saling membantu terhadap satu sama lain. Seluruh bumi ini akan ditimpa huru-hara dan kacau-bilau apabila jahiliyah dapat mengalahkan Islam. Seluruh bumi akan dilanda kerosakan akibat jahiliyah bertindak berleluasa terhadap Islam, akibat keleluasaan Uluhiyah manusia terhadap Uluhiyah Allah dan akibat umat manusia sekali lagi jatuh ke dalam perhambaan kepada sesama manusia, dan inilah kerosakan yang paling teruk:

إِلَّا تَفْعَلُوهُ تَكُن فِتْنَةٌ فِى ٱلْأَرْضِ وَفَسَادٌ كَبِيرٌ ﴿٧٣﴾

"Jika kamu tidak melaksanakan dasar tolong-menolong di antara sesama kamu nescaya berlakulah huru-hara dan kerosakan yang besar di muka bumi."(73)

Tidak ada amaran yang lebih besar dari amaran ini dan tidak ada peringatan yang lebih serius dari peringatan ini. Kaum Muslimin yang tidak menegakkan kewujudan mereka di atas asas kelompok organik yang bergerak, mempunyai satu kesetiaan dan satu kepimpinan nescaya mereka akan memikul di hadapan Allah - selain dari menanggung keseksaan dalam kehidupan mereka - tanggungjawab huru-hara di bumi dan tanggungjawab terhadap kerosakan yang besar ini.

Kemudian ayat yang berikut kembali sekali lagi untuk menjelaskan bahawa keimanan yang sebenar hanya terserlah di dalam gambaran ini:

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلَّذِينَ ءَاوَوا۟ وَّنَصَرُوٓا۟ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُؤْمِنُونَ حَقًّا لَّهُم مَّغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٧٤﴾

"Dan orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad fi Sabilillah dan orang-orang yang memberi tempat kediaman dan pertolongan merekalah orang-orang beriman yang sebenar. Mereka memperolehi keampunan dan rezeki yang mulia."(74)

Kewujudan Islam Yang Haqiqi

Merekalah para Mu'minin yang sebenar dan inilah gambaran keimanan yang haqiqi. Inilah gambaran pertumbuhan dan kewujudan yang haqiqi agama ini. Ia tidak wujud sebagai hakikat dengan semata-mata melafazkan asas teori atau 'aqidah (dua kalimat syahadat) sahaja, dan tidak pula dengan semata-mata memeluk Islam, malah tidak pula dengan semata-mata mendirikan syi'ar-syi'ar ibadat, kerana Islam adalah suatu sistem hidup yang tidak dapat dijelmakan ke dalam kewujudan yang haqiqi melainkan apabila dijelmakan dalam bentuk

kelompok yang bergerak. Adapun kewujudan dalam bentuk 'aqidah sahaja, maka kewujudan itu hanya satu kewujudan hukmi yang belum menjadi hakikat kecuali ia dijelmakan dalam bentuk harakat di alam kenyataan.

Merekalah para Mu'minin yang sebenar yang memperolehi keampunan dan rezeki yang mulia. "*Rezeki*" disebut di sini kerana ada kaitannya dengan jihad, infaq, pemberian tempat kediaman, bantuan dan segala perbelanjaannya yang lain. Dan yang lebih tinggi dari rezeki itu ialah "*keampunan*" dan ia termasuk dalam kumpulan rezeki yang mulia, malah keampunanlah semulia-mulia rezeki yang mulia.

Kemudian dimasukkan ke dalam kategori pertama Muhajirin yang Mujahidin ialah setiap orang yang berhijrah selepas itu dan turut berjihad walaupun Muhajirin dan Mujahidin yang terdahulu itu mempunyai darjat yang lebih tinggi sebagaimana dijelaskan oleh nas-nas Al-Qur'an yang lain. Kemasukan mereka ke dalam kategori ini ialah kerana kemasukan mereka ke dalam kesetiaan (wala') dan keanggotaan di dalam masyarakat Islam:

"Dan orang-orang yang beriman selepas itu dan berhijrah serta berjihad bersama kamu, maka mereka termasuk dalam golongan kamu (juga)."(75)

Islam Berjaya Memerintah Dunia Dan Melaksanakan Syari'at Allah Selama Seribu Dua Ratus Tahun

Syarat hijrah terus terbuka sehingga negeri di Makkah ditakluk Islam, iaitu ketika bumi Arab itu tunduk kepada Islam dan kepimpinannya dan orang ramai bergabung di dalam masyarakatnya. Oleh sebab itu hijrah tidak ada lagi selepas negeri Makkah dibuka oleh Islam dan yang masih kekal ialah jihad dan beramal sebagaimana telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w.. Semuanya itu berlaku dalam pusingan pertama kemunculan Islam, di mana ia dapat memerintah dunia ini selama kira-kira seribu dua ratus tahun dan meneruskan pelaksanaan syari'at Islam dalam masa itu tanpa putus-putus dan menegakkan kepimpinan Islamiyah di atas landasan syari'at Allah dan kekuasaan-Nya, tetapi kini dunia telah kembali semula kepada jahiliyah, dan undang-undang Allah S.W.T. telah terangkat dari kehidupan manusia di bumi dan kuasa Hakimiyah telah kembali kepada Taghut di seluruh dunia, dan manusia mulai tunduk kepada 'Ubudiyah terhadap sesama manusia setelah Islam menyelamatkan mereka darinya. Kini Islam sedang memulakan satu pusingan yang baru yang sama dengan pusingannya yang pertama, di mana ia mula mengaturkan peraturan-peraturan atau hukum-hukumnya yang berperingkat-peringkat itu hingga kepada tahap menegakkan negara Islam dan Hijrah, kemudian naungan Islam akan terus mengembang dan meluas sekali lagi dengan keizinan Allah hingga tidak ada lagi Hijrah kecuali jihad dan beramal sebagaimana yang telah berlaku di dalam pusingan yang pertama.

Dalam menghadapi zaman pembinaan kewujudan Islam yang pertama, ia melaksanakan peraturan-peraturan dan tugas-tugas yang khusus dengan zaman itu, di mana kesetiaan kepada 'aqidah menggantikan kesetiaan kepada darah keturunan dalam segala bentuk dan rupanya dan dalam segala komitmen dan kehendak-kehendaknya termasuk saling mempusakai, saling bertakaful dalam bayaran diat dan denda-denda yang lain. Kemudian apabila kewujudan Islam telah dapat ditegakkan pada Hari Furqan atau hari Peperangan Badar, maka peraturan-peraturan khas yang telah diadakan di zaman luar biasa yang wajar dengan proses pembinaan yang pertama untuk menghadapi tugas-tugas luar biasa itu diubahkan dengan pindaan-pindaan tertentu dan di antaranya ialah peraturan pusaka dan takaful dalam bayaran diat itu dikembalikan semula kepada kaum kerabat tetapi dalam lingkungan masyarakat Islam di negara Islam:

وَأُولُوا الْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ فِي كِتَابِ اللَّهِ

"Dan mereka yang mempunyai hubungan rahim lebih utama saling membantu di antara satu sama lain (mengikut hukum) dalam kitab Allah."(75)

Hubungan Rahim Dipulihkan Sepenuhnya Setelah Terbentuknya Kewujudan Masyarakat Islam Yang Haqiqi

Oleh sebab itu selepas tegaknya kewujudan Islam yang haqiqi, maka tidak ada apa-apa halangan untuk mengutamakan kerabat yang dekat dalam lingkungan peraturan yang pertama itu, kerana ia dapat memenuhi kehendak semulajadi jiwa manusia, dan di sana tiada sebarang kemudharatan akibat dari memenuhi kehendak perasaan semulajadi di dalam jiwa manusia selama di sana tidak ada tugas-tugas untuk menegakkan kewujudan Islam yang bertentangan dengan perasaan ini. Sebenarnya Islam tidak pernah menghancurkan kehendak-kehendak perasaan-perasaan semulajadi manusia, malah Islam hanya mengawalkan perasaan itu untuk menyelaraskan dengan keperluan tertinggi demi menegakkan kewujudan Islam. Dan apabila keperluan itu telah dipenuhi, maka ia kembali pula memenuhi kehendak-kehendak perasaan semulajadi manusia dalam lingkungan peraturannya yang pertama itu. Oleh sebab itu dalam menghadapi masa-masa luar biasa dalam pergerakan Islam diadakan tugas-tugas yang khusus untuk menanganinya, yang tidak terdapat dalam peraturan-peraturan atau hukum-hukum Islam yang final yang menangani masyarakat Islam yang stabil dan aman dalam kehidupannya yang biasa. Begitu juga kita harus memahami tugas-tugas di peringkat pembinaan pertama samping memahami

tabi'at Islam yang umum dan hukum-hukumnya yang lain.

إِنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمُۢ ٧٥

"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(75)

Ini adalah suatu kesimpulan yang sesuai dengan penjelasan mengenai peraturan-peraturan, susunan-susunan program, perasaan-perasaan yang saling merangkumi satu sama lain, juga cara mengatur dan menyelaraskan peraturan dan program, yang mana seluruhnya terangkum di dalam ilmu Allah S.W.T. yang meliputi segala sesuatu.

* * * * * *

Matlamat 'Aqidah Menonjolkan Aspek Insaniyah Manusia

Apabila Islam membina umat Muslimin di atas landasan ini dan mengikut sistem ini, iaitu ia menegakkan kewujudan umat Muslimin di atas landasan kelompok organik yang bergerak dan menjadikan 'aqidah sebagai tali pengikat kelompok ini, maka ia berbuat begitu dengan tujuan untuk menonjolkan aspek "insaniyah manusia"[14] untuk menguat, meneguh dan meningkatkan aspek ini ke atas aspek-aspek insaniyah manusia yang lain. Ia melaksanakan tujuan-tujuan ini melalui sistemnya yang selari dalam semua prinsip-prinsip, semua taklimat dan arahannya, semua undang-undang dan peraturannya.

Memang benar bahawa makhluk insan berkongsi dengan makhluk haiwan, malah dengan makhluk kebendaan di dalam beberapa sifat tertentu. Sifat-sifat inilah yang membuat ahli-ahli sains yang jahil pada suatu kali menyangka bahawa manusia adalah sama dengan haiwan-haiwan yang lain dan pada kali yang lain pula menyangka insan itu sebagai benda yang sama dengan benda-benda yang lain, tetapi walaupun makhluk manusia itu berkongsi dengan makhluk haiwan dan makhluk benda di dalam sifat-sifat tertentu, namun ia mempunyai ciri-ciri khusus yang membezakannya dari makhluk-makhluk yang lain dan menjadikannya makhluk yang unit. Di masa kebelakangan ini ahli-ahli sains yang jahil itu terpaksa mengakui hakikat ini setelah leher mereka dipatahkan oleh fakta-fakta yang benar. Mereka terpaksa membuat pengakuan ini secara tidak ikhlas dan terus terang.[15]

Islam dengan sistem Rabbaninya memandang kepada ciri-ciri ini yang membezakan manusia dari makhluk-makhluk yang lain dan menjadikannya makhluk yang unik di antara seluruh makhluk Allah. Islam menonjolkan ciri-ciri ini, mengembang dan meningkatkannya. Apabila Islam menjadikan tali hubungan 'aqidah sebagai asas kelompok organik yang bergerak, di mana ditegakkan kewujudan umat Islam. Islam mengaturkan langkah-langkahnya begitu, kerana 'aqidah bergantung dengan ciri-ciri manusia yang paling tinggi.

Islam tidak menjadikan darah sebagai tali hubungan, tidak pula bahasa dan negeri, tidak juga bangsa dan warna, tidak juga kepentingan-kepentingan bersama, malah tidak pula nasib yang sama di bumi ini, kerana hubungan-hubungan ini seluruhnya disyarikati bersama oleh haiwan dan manusia. Hubungan-hubungan ini lebih serupa dan lebih dekat dengan hubungan-hubungan kumpulan haiwan, lebih serupa dengan hasrat dan minat haiwan, lebih serupa dengan budaya-budaya kandang, padang ragut dan bunyi suara yang digunakan haiwan sebagai alat komunikasi. Adapun hubungan 'aqidah yang mentafsirkan kepada manusia tentang kewujudannya, tentang kewujudan alam di sekelilingnya dengan pentafsiran yang menyeluruh di samping mentafsirkan punca kewujudannya dan kewujudan alam buana di sekelilingnya, nasib kesudahan dirinya dan kesudahan alam buana di sekelilingnya serta memulangkan kewujudan itu kepada zat yang lebih tinggi, lebih besar, lebih dahulu dan lebih kekal dari benda, maka hubungan ini adalah suatu hubungan yang lain, yang bergantung dengan rohnya dan dengan daya kefahamannya yang membezakannya dari seluruh makhluk yang lain, iaitu roh dan daya kefahaman yang menjadikan manusia satu makhluk yang unik di antara seluruh makhluk yang lain, dan meletakkan insaniyah manusia pada darjat yang paling tinggi dan meninggalkan di belakangnya seluruh makhluk yang lain.

Selain dari itu, tali hubungan 'aqidah, kefahaman, pemikiran dan cara hidup merupakan tali hubungan yang bebas yang dapat dipilih oleh individu manusia dengan kemahuannya yang sedar, sedangkan tali-tali hubungan kumpulan haiwan merupakan tali-tali hubungan yang dipaksakan ke atas haiwan bukan dipilih olehnya. Haiwan tidak mampu memilih keturunannya dan tidak pula mampu mengubahkan bangsanya atau mengubahkan warnanya. Semuanya telah ditentukan di dalam kehidupannya sebelum ia dilahirkan ke dunia. Ia tidak mempunyai apa-apa pilihan dan daya ikhtiar. Begitu juga kelahirannya di negeri tertentu dan pertuturannya dengan bahasa yang tertentu, juga hubungannya dengan kepentingan-kepentingan kebendaan tertentu dan nasib kesudahan yang tertentu di bumi - selama ianya menjadi tali-tali hubungan yang mengikatkannya dengan orang lain - adalah semuanya merupakan persoalan-persoalan yang sukar diubah di mana ruang kemahuannya yang bebas begitu terbatas. Memandang kepada semua sebab-sebab ini, Islam tidak menjadikannya tali ikatan kelompok atau perkumpulan insaniyah. Ada pun 'aqidah, kefahaman, pemikiran dan cara hidup, maka ia selama-lamanya terbuka kepada pilihan manusia, dan setiap individu pada bila-bila masa bebas menyatakan pilihannya dan menentukan dengan penuh kebebasannya

---

[14] إنسانية الإنسان

[15] *Tokoh ulung ahli-ahli sains itu ialah Sir Julian S. Huxley (1887-1975) dari pendokong-pendokong Darwinisme baru.*

perkumpulan manakah yang mahu dimasukinya. Di sini ia tidak terikat dengan warna kulitnya, bahasanya, bangsanya atau keturunannya atau negeri tempat lahirnya atau kepentingan-kepentingan kebendaan yang berubah-ubah mengikut perubahan perkumpulan yang dikehendaki dan dipilih olehnya.

Di sinilah terletaknya kehormatan manusia di dalam kefahaman Islam.

Masyarakat Islam Merupakan Acuan Antarabangsa Yang Paling Berjaya

Di antara hasil-hasil gemilang dan realistik yang dicapai oleh sistem hidup Islam dalam isu ini dan dalam usaha menegakkan kelompok umat Muslimin di atas landasan ikatan 'aqidah sahaja tidak di atas ikatan-ikatan bangsa, negeri, warna kulit, bahasa dan kepentingan-kepentingan hidup di dunia dan perbatasan-perbatasan kawasan negara yang karut, juga dalam usaha menonjolkan "ciri-ciri insan" di dalam perkumpulan ini, mengembang dan meningkatkannya bukannya memilih ciri-ciri lain yang dikongsikan di antara manusia dan haiwan... di antara hasil-hasil yang gemilang yang dicapai oleh sistem hidup Islam ialah masyarakat Islam telah menjadi satu masyarakat yang terbuka kepada semua bangsa dan kaum, kepada semua warna manusia dan kepada semua bahasa tanpa dihalangi oleh halangan-halangan haiwaniyah yang karut itu, dan masyarakat Islam telah menjadi sebuah acuan, di mana dituangkan segala ciri bangsa-bangsa manusia serta kelebihan-kelebihan dan kebolehan-kebolehan mereka yang bercantum dan bersebati di dalam acuan itu hingga berjaya membentuk satu adunan yang paling baik dalam masa yang pendek sahaja. Dan adunan yang sepadu dan selaras itu telah berjaya pula melahirkan satu tamadun yang agung dan gemilang yang merangkumi saripati tenaga umat-umat manusia di seluruh zaman-zamannya walaupun dipisahkan oleh jarak-jarak perjalanan yang jauh dan dihalangi oleh kesulitan jalan-jalan komunikasi di zaman itu.

Di dalam masyarakat Islam yang cemerlang itu terkumpul bangsa Arab, Parsi, Syam, Mesir, Maghribi, Turki, China, India, Roman Greek, Indonesia, Afrika dan sebagainya dari berbagai kaum dan bangsa yang lain, di samping terkumpulnya seluruh ciri dan kebolehan istimewa mereka, di mana mereka bersatupadu bekerjasama dengan penuh harmoni untuk membina masyarakat Islam dan tamadun Islam, dan tamadun yang agung ini tidak pernah satu hari pun dikenali sebagai tamadun "Arab", malah selama-lamanya ia dikenali sebagai tamadun "Islami". Begitu juga tamadun itu tidak pernah pada satu hati pun dikenali sebagai tamadun "kebangsaan", malah ia selama-lamanya dikenali sebagai tamadun "aqidiyah"[16].

Seluruh mereka berpadu di atas landasan sama tinggi sama rendah dan terjalin dengan ikatan kasih mesra, dan seluruh perasaan mereka tertumpu kepada satu hala, di mana mereka menyumbangkan segala kebolehan dan kepandaian mereka, mencungkil ciri-ciri kebolehan kebangsaan mereka yang amat mendalam, dan mencurah saripati pengalaman-pengalaman peribadi dan kebangsaan mereka yang bersejarah untuk membina sebuah masyarakat yang disertai mereka di atas prinsip sama tinggi sama rendah. Mereka terjalin dalam satu ikatan yang menghubungkan mereka dengan Tuhan mereka yang Maha Esa dan di dalam ikatan, di mana hanya ciri insaniyah mereka sahaja yang ditonjolkan tanpa suatu gangguan. Pertalian-pertalian yang seumpama ini tidak pernah terkumpul dalam mana-mana kelompok manusia yang lain di sepanjang sejarah.

Asas Empayar Roman, Empayar-empayar Eropah Dan Komunisme

Kelompok manusia yang paling terkemuka di dalam sejarah ialah kelompok empayar Roman yang telah berjaya mengumpulkan berbagai bangsa dan warna, berbagai-bagai negeri dan bahasa, tetapi kelompok ini tidak ditegakkan di atas landasan ikatan "insaniyah" dan tidak dijelmakan dalam satu nilai tertinggi seperti 'aqidah. Kelompok yang wujud di sana ialah kelompok kelas yang berlandaskan kelas bangsawan dan kelas abdi di seluruh empayar dan kelompok kebangsaan yang berlandaskan ketuanan bangsa Roman dan kehambaan bangsa-bangsa yang lain. Oleh sebab itu kelompok empayar Rom tidak pernah sampai ke puncak kelompok Islam dan tidak pernah menghasilkan natijah-natijah yang dihasilkan oleh kelompok Islam.

Di dalam sejarah moden juga muncul kelompok-kelompok manusia yang lain seperti kelompok empayar British, tetapi kelompok ini sama sahaja dengan kelompok empayar Roman yang diwarisinya, iaitu ia merupakan kelompok perkauman yang eksploitatif yang berlandaskan ketuanan bangsa Inggeris yang mengeksploitasikan tanah-tanah jajahan yang dijajahkan empayar British. Kelompok-kelompok yang sama dengan kelompok empayar British ialah seluruh empayar-empayar Eropah yang lain, iaitu empayar Sepanyol dan empayar Portugis di suatu masa, juga empayar Perancis dan semuanya berada dalam, tahap yang rendah dan buruk.

Kemudian komunisme berjuang menegakkan satu kelompok dari jenis yang baru, iaitu kelompok yang melangkahi pagar-pagar bangsa dan kaum, pagar-pagar negeri, bahasa dan warna kulit, tetapi ia tidak ditegakkan di atas landasan "insaniyah" yang am, malah ia ditegakkan di atas landasan "kelas" seolah-olah kelompok ini merupakan muka sebelah lain dari muka kelompok empayar Roman di zaman lama, iaitu kelompok empayar Roman yang berlandaskan "kelas bangsawan", sementara kelompok komunisme berlandaskan kelas "pekerja" atau proliteria, dan

---

[16] عقيدية

sentimen yang menghantui kelompok ini ialah sentimen hasad dengki terhadap kelas-kelas yang lain.

Sudah tentu kelompok kecil yang dihantui dendam ini tidak mungkin menghasilkan sesuatu selain dari ciri-ciri yang paling buruk yang terdapat pada makhluk insan, kerana dari detik pertama lagi ia ditegakkan di atas asas yang menonjolkan sifat-sifat haiwaniyah dan berusaha menyubur dan menguatkan sifat-sifat ini berdasarkan pertimbangan bahawa "keperluan-keperluan asasi" seorang manusia ialah makanan, tempat kediaman dan seks. Itulah keperluan-keperluan utama haiwan, juga kerana memandangkan sejarah manusia itu ialah sejarah mencari makanan!!

Islam dengan sistem Rabbaninya merupakan satu-satunya sistem hidup yang unik dalam usaha menonjolkan ciri-ciri insaniyah yang teristimewa di samping mengembang dan mempertingkatkannya di dalam membina masyarakat insaniyah, dan ia masih terus unik. Orang-orang yang menyimpang dari sistem hidup Islam kepada mana-mana sistem hidup yang lain yang ditegakkan di atas mana-mana landasan yang lain seperti landasan kaum atau bangsa atau negeri atau kelas dan sebagainya dari landasan-landasan yang busuk dan karut, mereka adalah musuh-musuh insan yang sebenar, kerana mereka tidak mahu manusia menjadi makhluk yang unik dengan ciri-cirinya yang tinggi di alam ini sebagaimana diciptakan Allah dari semulajadinya lagi. Mereka tidak mahu masyarakat manusia mengambil manfa'at yang maksima dari kebolehannya, kepakaran, ciri-ciri istimewanya dan pengalaman-pengalaman dari berbagai-bagai bangsanya dalam bentuk perpaduan dan keselarasan yang sebati, dan dalam waktu yang sama mereka berusaha melawan arus dan menentang garis kenaikan umat manusia untuk mengembalikan mereka kepada kelompok yang berlandaskan ciri-ciri haiwaniyah, seperti budaya kandang dan padang rumput, sedangkan Allah telah mengangkatkan makhluk insan ke darjat yang mulia, di mana mereka dapat membentuk masyarakat yang berlandaskan ciri-ciri insaniyah yang layak dengan kedudukan mereka sebagai "manusia".

Kelompok Muslimin Telah Digelarkan Sebagai Kelompok Fanatik, Jumud Dan Kuno

Yang paling menakjubkan ialah apabila kelompok yang ditegakkan di atas ciri-ciri insaniyah yang paling tinggi itu telah dinamakan sebagai kelompok fanatik, jumud dan kuno, sedangkan kelompok yang ditegakkan di atas ciri-ciri haiwaniyah dinamakan sebagai kelompok progresif, kelompok kemajuan dan kebangkitan. Perubahan nilai-nilai dari petimbangan-pertimbangan yang sedemikian rupa semuanya dilakukan semata-mata untuk tujuan melarikan diri dari membentuk kelompok yang berlandaskan 'aqidah selaku ciri tertinggi insan.

Tetapi Allah tetap menerajui urusannya. Kehidupan manusia yang jatuh terbenam dalam lumpur haiwaniyah dan jahiliyah itu tidak akan tercatat kekal begitu, malah apa yang dikehendaki Allah tetap akan berlaku. Pada suatu hati nanti umat manusia akan berusaha menegakkan kelompok-kelompok mereka di atas landasan 'aqidah yang dengannya Allah telah memuliakan makhluk Islam. Itulah landasan yang menjadi landasan masyarakat Islam yang pertama, yang unik di dalam sejarah yang gemilang, dan gambaran masyarakat ini akan terus kelihatan di ufuk, di mana ia menarik pandangan umat manusia sebagai matlamat yang diidami mereka ketika berjuang sekali lagi untuk meningkat naik ke puncak tinggi yang pernah dinaiki mereka pada suatu hari yang silam itu....

* * * * * *